

DEWAN MAJLIS

**LAPORAN PENUH
(HANSARD)**

**MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KELIMA BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

**HARI KHAMIS, SABTU, SELASA, RABU, KHAMIS,
SABTU, ISNIN, SELASA, RABU, KHAMIS DAN SABTU,
30 JAMADILAKHIR, 2, 5, 6, 7, 9, 11,12,13,14 DAN 16 REJAB 1440
BERSAMAAN 7, 9, 12, 13, 14, 16, 18, 19, 20, 21
DAN 23 MAC 2019**

JILID 2

**BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN,
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Diterbitkan oleh :
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat
Jalan Dewan Majlis, BB3910
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2019

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)**

LAPORAN Penuh (Hansard) Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan
Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2019 Jilid 2. -- Bandar Seri
Begawan : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, 2019.

904 p. 26 cm.

ISBN 978-99917-987-3-8 (Softcover)

1. Legislative--Congresses
2. Legislative--Brunei Darussalam--Congresses
3. Brunei Darussalam--Politics and government

328.595504 LAP (DDC 23)

Dicetak oleh :
Jabatan Percetakan Kerajaan
Lapangan Terbang Lama
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar,
DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,

Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB.
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Awang Mohammad Ede Fadle bin Haji Shamsu
Pegawai Pentadbir Tingkat Khas

Yang Mulia Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,
Penolong Jurutulis

Dayang Siti Ajeerah binti Najib,
Pegawai Perhubungan Awam

PENYEDIAAN LAPORAN PENUH (HANSARD)

Bahagian Laporan

Dayang Sarinah binti Haji Mohd. Hashim, Pemberita Majlis Kanan (Ketua Penyunting)
Awang Haji Omar bin Tunjang, Pemberita Majlis Kanan (Penyunting)
Dayang Zulia'ah binti Haji Mohd. Zanai, Pemberita Majlis (Pemberita Sambilan)
Awang Norhakimin bin Nordin, Pemberita Majlis (Penyusun II)
Dayang Noor Rosmawati binti Haji Ismail (Pencatat)

Penyunting / Penyemak

Awang Haji Rosman bin Abdul Jalil, Penolong Pentadbir
Dayang Hajah Haslinda binti Haji Hidup, Ketua Penterjemah
Awang Haji Maksin bin Haji Durahim (Mantan Pegawai Bahasa Kanan)

Pemberita Sambilan

Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah,
Penolong Pegawai Kerja Tingkat II, (Penyusun III)
Dayang Hajah Rabayah binti Haji Mohamad, Setiausaha Sulit
Dayangku Aminah binti Pengiran Abdul Rahman, Setiausaha Sulit
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Rane, Setiausaha Sulit
Dayang Fatimah binti Bungsu, Setiausaha Sulit
Dayang Hajah Sarimah binti Amit, Setiausaha Sulit
Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat, Setiausaha Sulit
Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan, Kerani Sulit

Awang Azmy bin Untong, Kerani Sulit
Pengiran Syazwan bin Pengiran Haji Bakar, Kerani
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit, Kerani
Dayang Susilawati binti Saie, Kerani
Dayangku Rozainah binti Pengiran Haji Bakar, Kerani
Awang Muhammad Syahafindey bin Husin, Kerani
Dayang Irma Ratna Seri Ayu binti Brahim, Kerani
Dayang Nurulidayah binti Haji Jafri, Kerani

Bahagian Penjilidan

Awang Zaini bin Haji Ismail, Pegawai Rekod
Dayang Raidah binti Haji Abdul Rahman, Penjilid Tingkat II.

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
Hari Isnin, 11 Rejab 1440 / 18 Mac 2019		
32.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	408
33.	Doa Selamat	411
SAMBUNGAN PERKARA V– SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS		412
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	412
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	412
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	414
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	415
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	415
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	416
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	421
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	421
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	424
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	424
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	425
	Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh	426
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	426
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	427
SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2019) PERBEKALAN, 2019/2020		

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN	428
	Sambungan Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	428
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	428
	SAMBUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI	429
	Tajuk SA01A hingga Tajuk SA025A	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	429
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN	433
	Sambungan Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A	
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	433
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	433
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
	Sambungan Tajuk SJ01A	
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	434
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	435
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	436
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	437
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	438
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	440
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	442
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	445
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	449
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	450

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	450
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	451
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	452
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	453
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	454
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	457
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	458
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	460
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	460
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	462
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	463
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	464
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	464
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	465
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	465
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	466
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	467
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Hadii	468
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	468
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	469
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	471
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	475

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	476
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	477
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	478
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	479
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	480
34.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A	481
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	481
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	491
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	492
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	497
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	498
	Hari Selasa, 12 Rejab 1440 / 19 Mac 2019	
35.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	502
36.	Doa Selamat	505
	SAMBUNGAN PERKARA V– SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	506
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	506
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	507
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	510
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	510
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	511
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	517
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	517
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	517

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	520
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	520
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	521
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	523
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	523
	SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2019) PERBEKALAN, 2019/2020	527
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA Sambungan Tajuk SJ01A	527
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	527
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	529
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	530
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	530
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN Sambungan Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A	532
	Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh	532
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	532
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	534
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	535
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	535
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	537
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	540
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	540
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	541
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	542

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	542
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	544
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	545
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	546
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	548
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	549
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	550
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	550
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	550
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	553
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	555
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	556
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	557
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	558
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	559
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	560
37.	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A	561
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	561
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	572
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	573
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	576
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	577
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	580

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	581
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	582
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	584
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	586
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	587
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	590, 592
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	592
38.	Hari Rabu, 13 Rejab 1440 / 20 Mac 2019	
39.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	595
	Doa Selamat	598
40.	USUL YANG TIDAK DIBERI NOTIS	599
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	599
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	600
	SAMBUNGAN PERKARA V– SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	600
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	600
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	601
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	603
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	604
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	606
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	606
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	607
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	608
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	609

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN Sambungan Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A	611
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	611
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	613
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	614
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	617
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	618
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	619
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	620
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	624
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	625
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	626
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	627
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	628
41.	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A	632
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	632
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	639
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	640
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	641
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	642
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	643
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	644
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	645
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	646

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	648
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	650
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	652
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	652
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	654
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	654
42.	KEMENTERIAN KESIHATAN Tajuk SM01A	656
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	656
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	666
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	666
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	668
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	669
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	670
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	671
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	673
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	674
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	676
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	677
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	679
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	680
	Hari Khamis, 14 Rejab 1440 / 21 Mac 2019	
43.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	683
44.	Doa Selamat	686

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN PERKARA V– SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	687
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	687
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	687
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	689
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	689
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	690
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN Sambungan Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A	691
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	691
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI Sambungan Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A	694
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	694
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN KESIHATAN Sambungan Tajuk SM01A	695
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	695
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	696, 698
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	699
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	700
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	700
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	701
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	702
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	703
45.	KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN Tajuk SQ01A hingga Tajuk SQ02A	705

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	705
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	713
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	715
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	718
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	719
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	720
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	720
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	720
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	721
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	722
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	722
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	723, 725
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	726
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	727
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	727
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	727
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	728
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	728
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	729

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	729
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	731
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	731
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	733
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	735
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	736
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	737
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	738
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	739
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	740
46.	KEMAJUAN Tajuk SP01A Tajuk SP01A	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	744
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	753
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	753
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	754
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	755
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	755
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal agama	755
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	756
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	756

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	758
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	759
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	759
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	760
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	760
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	760
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	760
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	761
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	761
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	761
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	762
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	762
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	763
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	764
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	764
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	764
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	765
47.	PERKARA VIII – KETETAPAN SUATU AKTA UNTUK MEMBEKALKAN SEJUMLAH WANG DARI KUMPULANWANG YANG DISATUKAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN KEWANGAN 2019/2020 DAN UNTUK MEMPERUNTUKKAN WANG TERSEBUT ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD TERTENTU (Bacaan Kali Ketiga)	767
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Kewangan II	767

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	767
	Hari Sabtu , 16 Rejab 1440 / 23 Mac 2019	
48.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	769
49.	Doa Selamat	772
	SAMBUNGAN PERKARA V– SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	773
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	773
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	774
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	778
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	780
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	780
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	782
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	782
50.	KETETAPAN DI BAWAH FASAL 83 (7) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959	783
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	783
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	784
51.	KETETAPAN YANG KEDUA DI BAWAH BAB 4 (2) DARI AKTA KUMPULANWANG KEMAJUAN (PENGGAL 136) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	785
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai mewakili Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	785
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	785
	SAMBUNGAN PERKARA VI – USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS	786
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	786, 789
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	790
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	790

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	799
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	801
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	803, 804
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	804
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	805
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	805
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	806
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	806
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	807
52.	PERKARA IX – UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN	808
	Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri	809
	Yang Berhormat Menteri Pertahanan II	812
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	815
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	818
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	821
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	824
	Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh	826
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	829
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	831
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	833
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	836

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	838
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	840
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Momin	842
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	844
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	845
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	849
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	851
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	853
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	854
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	855
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	858
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	860
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	863
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	864
	Yang Berhormat Yang Di-Pertua	868
53.	JAWAPAN-JAWAPAN SECARA BERTULIS DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN) SEBAGAI TAMBAHAN 'A'	
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	871
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	871
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	874
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	874

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Seri Jasa Haji Abdul Rahman	878
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	878
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Awang Ash'ari	882
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	882
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	883
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	883
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	883
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	884
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	884
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	885
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	888
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	888
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	891
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	892
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	900
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	901
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahir	903
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	903

DEWAN MAJLIS

Isnin, 11 Rejab 1440/18 Mac 2019

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimulikan Jurutulis:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama

Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang ketujuh, Isnin, 11 Rejab 1440 bersamaan 18 Mac 2019 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulikan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ segala puji dan syukur kepada اللَّهِ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah dan rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang ketujuh. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita meneruskan untuk membahaskan dan membincangkan Rang Undang-Undang Belanjawan seperti biasa kita akan memberikan kesempatan dulu bagi Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis untuk disoal dan dijawab secara lisan. Sehingga ke hari ini, kita telah menyelesaikan ataupun menyempurnakan sebanyak 18 Soalan Yang Telah Diberi Notis daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga

telah dijawab dengan sepenuhnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sekarang kita beralih kepada soalan-soalan yang seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Soalan Jawab Mulut No. 19 daripada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. Soalan kaola kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai Bahasa Melayu. Bahasa Melayu, adalah Bahasa Rasmi Negara Brunei Darussalam. Ia termaktub dalam Bab 82, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Tahun 1959. Peranan dan usaha bagi membudayakan Bahasa Melayu sewajarnya perlu diperkasa melalui pendekatan acara berterusan yang antara lain:

1. Memupuk kesedaran anak-anak tentang pentingnya penggunaan Bahasa Melayu;
2. Mengadakan kempen secara berterusan;

3. Menguatkuasakan undang-undang bagi menangani isu-isu atau kesalahan mengenainya;
4. Memberi peranan kepada sektor swasta bagi sama-sama memartabatkan Bahasa Melayu; dan
5. Menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memantau perkembangan dan penguasaan Bahasa Melayu.

Soalan kaola, sejauh ini apakah usaha dan peranan pihak-pihak yang berkepentingan bagi memartabatkan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam?

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung atas soalan yang diketengahkan dalam perancangan untuk memartabatkan Bahasa Melayu.

Sepertimana jua moto Dewan Bahasa dan Pustaka "Bahasa Jiwa Bangsa", Bahasa Melayu tidak boleh sama sekali diasingkan daripada identiti seharian kita. Amanah ini adalah tanggungjawab yang perlu kita tunaikan sebagai rakyat dan penduduk di negara ini. Kita sama-sama mempunyai peranan untuk memartabatkan dan mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara.

Walau bagaimanapun, kita mengakui adalah satu cabaran kita hadapi pada ketika ini ialah untuk memartabatkan kedaulatan Bahasa Melayu khususnya dari aspek penggunaan yang betul.

Ke arah ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengukuhkan dan membudayakan lagi penggunaan Bahasa Melayu di negara ini.

1. Pelaksanaan penyelidikan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 2016 dalam 3 fasa. Fasa pertama dan kedua disasarkan kepada masyarakat umum dan ditumpukan kepada 4 perkara, iaitu:

- i. Penggunaan dan pemilihan Bahasa Melayu melalui komunikasi dan media masa;
- ii. Pengetahuan responden dan mengenai dasar Bahasa Melayu;
- iii. Tahap pengetahuan responden mengenai dialek Melayu Brunei; dan
- iv. Prospek Bahasa Melayu.

Purata peratusan responden yang menggunakan dan memilih Bahasa Melayu melalui komunikasi dan media masa pada fasa pertama berjumlah hanya 46.9%. Manakala, fasa kedua pula menunjukkan peningkatan iaitu 62.7%.

Ini menunjukkan penggunaan Bahasa Melayu masih tidak

menyeluruh dalam komunikasi yang perlu dipertingkatkan dalam kalangan masyarakat.

Pada ketika ini, kita sedang melaksanakan fasa Ke-3 yang bersifat lebih komprehensif, iaitu *team* penyelidik akan menggunakan metodologi yang lebih terperinci. Dapatan yang kita hasratkan ialah sejauh mana Bahasa Melayu digunakan dalam ruang lingkup pekerjaan meliputi sektor awam dan swasta iaitu persuratan, permesyuaratan, penganjuran majlis dan seumpamanya.

Tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid dan penuntut melalui pertuturan dan peraihan gred mata pelajaran Bahasa Melayu dan Pengetahuan Ugama Islam dalam peperiksaan utama dan sejauh mana Bahasa Melayu digunakan dan dikuasai melalui media tempatan iaitu di radio dan televisyen.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ laporan dapatan peringkat awal akan dapat dihasilkan pada penghujung tahun ini manakala dapatan-dapatan yang lanjut akan dihasilkan secara berterusan;

2. Meningkatkan pemantauan penggunaan Bahasa Melayu dan tulisan Jawi pada papan tanda bersama agensi-agensi lain yang diterajui oleh Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan ataupun *ABCi*. Hasil dari pemantauan yang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun

2018, sebanyak 11 papan tanda yang memerlukan pembetulan. Dimaklumkan pada tahun 2018, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerima sejumlah lebih daripada 1,500 permohonan bagi penyemakan tulisan Jawi bagi manuskrip buku risalah dan papan tanda yang diluluskan;

3. Meneliti semula keperluan Perintah Bahasa Melayu dan penubuhan satu Lembaga Bahasa. Perkara ini akan saya nyatakan dalam mukadimah;
4. Pencarian bakat-bakat belia untuk berkarya dalam seni tulis. Beberapa tahun kebelakangan ini Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) kita untuk meningkatkan penulis muda kita, terlepas dari pencapaian. Ini menunjukkan bahawa kita hendaklah meningkatkan usaha untuk menggalakkan lebih ramai individu, terutamanya para belia untuk berkarya dalam bidang penulisan melalui bengkel dan peraduan. Pada tahun 2019, kita merancang 3 bengkel khusus untuk penulis muda;
5. Memupuk kesedaran anak-anak sekolah tentang pentingnya penggunaan Bahasa Melayu dengan aktiviti "Dudun Bahasa" dan jerayawara majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang diadakan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara di sepanjang tahun dengan kerjasama Kementerian Pendidikan; dan

6. Mengadakan kempen dan aktiviti secara berterusan untuk memberi kesedaran dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu di semua peringkat masyarakat seperti jerayawara, kempen dan peraduan.

Antara program yang dijalankan adalah seperti Kempen Bulan Bahasa serta Peraduan Menulis Cerpen dan Karangan, di samping Anugerah Duta Bahasa dan Anugerah Lantera Bahasa. Pada tahun lepas, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengendalikan sejumlah 21 aktiviti tersebut. Fokus tahun ini juga akan ditumpukan kepada menjadikan perpustakaan sebagai pusat pelbagai kegiatan untuk menggalakkan lebih ramai pengunjung di perpustakaan.

Pada rumusannya, Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus bekerjasama secara pendekatan senegara dalam kita memartabatkan dan mendaulatkan Bahasa Melayu sepertimana jua amanah ini adalah tanggungjawab yang perlu kita tunaikan sebagai rakyat dan penduduk di negara ini.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Yang

Di-Pertua. Kaola menyokong soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, memartabatkan Bahasa Melayu.

Apa yang kaola ingin nyatakan ialah pemantauan iklan-iklan *in a whole nation*. Terdapat iklan menggunakan selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atau mungkin ada bahasa-bahasa lain yang dibenarkan. Terdapat beberapa bahasa dan tulisan asing yang digunakan sebagai iklan, hendaknya tindakan tegas diambil bagi mengekangkan perkara ini berterusan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga susulan yang telah pun diketengahkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Sepertimana yang kaola ketengahkan bahawa dalam perkara kedua iaitu untuk meningkatkan pemantauan penggunaan Bahasa Melayu dan tulisan Jawi pada papan tanda. Perkara ini, sememangnya diambil perhatian dan sememangnya perkara ini adalah di bawah bidang kuasa juga yang diterajui oleh Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan dan kita bekerjasama seterusnya untuk menentukan pemantauan dilaksanakan dengan membuat lawatan-lawatan. Dan sepertimana yang telah pun kaola ketengahkan, hasil daripada pemantauan tahun lepas pada tahun 2018 banyak

papan tanda yang memerlukan pembetulan.

إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan terus dipergiatkan dalam kita sama-sama memartabatkan Bahasa Melayu tidak ada perkara-perkara ataupun bahasa asing yang tidak betul dalam kita mendaulatkan Bahasa Melayu. إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan terus kita tanai dan perhebatkan dalam aspek pemantauan penggunaan Bahasa Melayu dan tidak bercampur aduk dengan bahasa asing, terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 20 daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat pagi. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan di beri notis ini adalah mengenai dengan Hal Ehwal Pengurusan Bantuan Kebajikan Wanita dan Kanak-Kanak. Menurut statistik yang telah dikongsikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai dengan sektor kemasyarakatan, sebanyak 90 kes-kes sosial yang telah dilaporkan pada Ogos 2018. Termasuk kes keganasan rumahtangga, masalah keluarga, penderaan, pengabaian, penganiayaan seks dan sebagainya.

Rumah-rumah kebajikan yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) adalah sebanyak 4 buah iaitu:

1. 2 buah Rumah Taman Noorhidayah; dan
2. 2 buah Rumah Darussakinah.

Soalan saya:

1. Memandangkan isu sosial dan pengangguran di negara ini semakin meningkat, apakah Pelan Induk Kebangsaan dan Pelan Tindakan Kebangsaan dalam menangani isu-isu sosial di negara ini? Apakah status terkini terhadap Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang telah pun ditubuhkan pada tahun 2008, dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani isu tersebut?;
2. Apakah tindakan susulan (*follow up*) untuk membantu kanak-kanak ini selepas keluar dari Kompleks Rumah Kebajikan dalam membina keyakinan diri dan meneruskan kehidupan, seperti yang dilakukan oleh pihak Jabatan Penjara dalam membantu dan menyokong bekas tahanan penjara yang dibebaskan untuk diintegrasikan dan diterima kembali ke dalam komuniti?; dan
3. Dalam hal penjagaan penghuni rumah kebajikan, kita memerlukan kakitangan perkhidmatan sosial yang berkelayakan kerana kita sedang berurusan dengan pembaikan insan (*human repair*) yang sangat kompleks. Berapakah tenaga pekerja sosial profesional yang benar-benar berkelulusan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan?, Adakah peruntukan perbelanjaan

khususnya untuk program-program profesional bagi kanak-kanak dan keluarga mereka mencukupi?

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman atas soalan-soalan yang diketengahkan.

Bagi menjawab soalan:

1. Mengenai Pelan Induk Kebangsaan dan Pelan Tindakan Kebangsaan dalam menangani isu-isu sosial di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial serta status majlis ini. Dikongsikan bahawa isu sosial dan pengangguran adalah cabaran yang dihadapi oleh negara kita dan memerlukan tindakan bersepadu daripada semua pihak yang ia adalah salah satu fokus Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS).

MKIS berperanan untuk menetapkan dasar, strategi serta hala tuju bagi meningkatkan keberkesanan sistem jaminan sosial negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035. MKIS juga merupakan salah satu mekanisme kebangsaan untuk bersama-sama menangani isu-isu sosial merentasi pelbagai sektor (*cross-sectoral*), bahawa pengangguran adalah salah

satu daripada 12 isu sosial yang dikenal pasti.

Dengan adanya hala tuju dan Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) yang selaras dengan Strategi Jaminan Sosial, semua inisiatif MKIS ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035, dilaksanakan melalui 8 Pelan Tindakan di bawah pengendalian 5 Jawatankuasa Khas iaitu:

- i. Jawatankuasa Khas Kemiskinan;
- ii. Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga Wanita dan Kanak-Kanak;
- iii. Jawatankuasa Khas Isu Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya;
- iv. Jawatankuasa Khas Mentaliti Masyarakat; dan
- v. Jawatankuasa Khas Kegiatan Tidak Bermoral dan Pencegahan Jenayah.

Dengan adanya Pelan Tindakan dan hala tuju yang jelas di bawah 5 Jawatan Khas ini, MKIS berpendapat pada masa ini adalah memadai dan keperluan adanya Pelan Induk akan diteliti dari semasa ke semasa.

Pada penghujung 2016, MKIS telah memutuskan bagi semua jawatankuasa-jawatankuasa khas tersebut untuk mengkaji semula Pelan Tindakan masing-masing khususnya dengan meneliti semula setiap *KPI*, inisiatif dan program dalam Pelan-Pelan

Tindakan Jawatankuasa Khas agar lebih *outcome oriented* dan selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Antara pencapaian Pelan-Pelan Tindakan MKIS ialah:

- i. Ke arah menangani pengangguran dalam kalangan penerima bantuan kebajikan bulanan yang *able bodied* dan *able to work*. Sebuah program pengupayaan bergelar Program TEKAD (Teguhkan Ekonomi Keluarga Asas Berdikari), dirancang untuk dilaksanakan secara rintis bermula pada tahun ini dengan memberikan insentif dan kemahiran kepada 100 orang penerima berkenaan untuk mendapatkan pekerjaan. Pembentukan Program TEKAD ini adalah berdasarkan hasil pelaksanaan dua kohort projek rintis Bantuan Kebajikan Bulanan 100 (BKB 100) yang telah berjaya memberikan pekerjaan kepada 37 orang penerima bantuan kebajikan bulanan dan 92 orang tanggungan kepada penerima BKB;
- ii. Pengemaskinian pelan-pelan tindakan bagi isu Orang Kelainan Upaya, isu warga emas, institusi keluarga, wanita dan kanak-kanak telah dan sedang giat dilaksanakan bagi menguatkan kesejahteraan, perlindungan, kemajuan mahupun perkembangan mereka. Pengemaskinian ini juga memberi keutamaan kepada pemerksaan golongan-golongan sasaran dalam memastikan hak, peluang dan akses secara saksama diberikan bagi

penyertaan mereka secara penuh dalam masyarakat dan pembangunan negara di samping menyediakan golongan ini untuk menjadi produktif dan berdikari. Di peringkat negara, antara inisiatif utama di bawah pelan tindakan berkenaan adalah pengendalian Hari Keluarga Kebangsaan yang bertujuan untuk mempromosi dan mengukuhkan institusi keluarga di seluruh negara;

iii. Pengutamaan usaha-usaha bagi menangani kegiatan tidak bermoral dan pencegahan jenayah berkaitan 5 aktiviti jenayah iaitu:

- a. Penyalahgunaan dadah;
- b. Curi;
- c. Khalwat;
- d. Persetubuhan haram; dan
- e. Minuman yang memabukkan.

Ke arah ini, beberapa program telah dibentuk melalui jawatankuasa-jawatankuasa kerja yang berkenaan dengan melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang mensasarkan kepada:

- a. Pelbagai lapisan masyarakat di kalangan penuntut, mahasiswa, belia, muslimah, jemaah masjid dan seumpamanya dalam meningkatkan kesedaran dan menjayakan program-program ini; dan

- b. Pelaku jenayah atau orang yang di bawah pengawasan supaya tidak mengulangi kesalahan jenayah yang sama;

iv. Pelaksanaan kajian mengenai isu mentaliti masyarakat telah menghasilkan beberapa rekomendasi yang mana telah diterapkan ke dalam Pelan Tindakan Mentaliti Masyarakat untuk pelaksanaan program-program bersesuaian di bawah 3 inisiatif utama, iaitu:

- a. Kurikulum Pendidikan;
- b. Membudayakan sifat positif; dan
- c. Penghijrahan minda masyarakat.

Mengenai soalan:

2. Menjurus kepada kanak-kanak di bawah Kompleks Rumah Kebajikan (KRK). Kaola ingin mengongsikan bahawa kita melihat Program Pemulihan Jabatan Penjara adalah sebagai panduan sahaja kerana residen-residen KRK merupakan pesalah juvana di bawah umur. Matlamat kita adalah selari bagi penghuni pemulihan KRK iaitu untuk menjadikan mereka kanak-kanak yang baik melalui pengukuhan keagamaan, pendidikan dan kemahiran bagi memastikan tiada kemasukan semula (*no relapse cases*). Di samping itu juga, mereka akan didukung dan disokong supaya dapat hidup berdikari.

Sebagai tambahan, sejak tiga tahun kebelakangan, dari 26 residen yang dibebaskan hanya seorang residen sahaja dimasukkan semula ke KRK bagi kes susah dikawal (*beyond parental control*). Dengan jumlah yang sedikit ini, ia sedikit sebanyak menunjukkan adanya keberkesanan terhadap program-program yang dijalankan di KRK.

Dalam menjawab persoalan yang diketengahkan, tindakan susulan bagi residen dan penghuni yang telah bebas daripada KRK, ia dilaksanakan oleh Bahagian Keluarga, Wanita, Kanak-Kanak dan Kaunseling, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Sebagai persediaan sebelum bebas, program-program yang bersesuaian akan diaturkan untuk peringkat umur dan kelulusan.

Di antara program-program yang diselaraskan adalah:

- i. Penyambungan persekolahan;
- ii. Mengikuti kelas kemahiran vokasional termasuk di Pusat Pembangunan Belia;
- iii. Program Penempatan Pekerjaan;
- iv. Menyertai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN); dan
- v. Pendaftaran di *Job Centre Brunei* untuk peluang pekerjaan bagi yang berumur 18 tahun ke atas.

Sepertimana dimaklumkan awal, 26 orang residen pemulihan telah dibebaskan 3 tahun kebelakangan. Dikongsikan bahawa seramai 17 bekas residen telah memperolehi pekerjaan atau melanjutkan pelajaran dan membuka perniagaan. Antara pekerjaan yang diceburi adalah pengawal keselamatan, pembantu kedai, *off-shore painter* dan perniagaan sendiri seperti dalam bidang masakan dan buah-buahan. Kita juga menyalurkan 2 orang bekas residen untuk mengikuti Program Khidmat Bakti Negara. Walau bagaimanapun, terdapat seramai 7 orang bekas residen yang masih mencari pekerjaan. Sasaran KKBS mulai tahun 2019, ialah untuk kesemua bekas residen pemulihan KRK sama ada mendapat pekerjaan atau meneruskan pembelajaran atau latihan kemahiran.

KKBS juga melihat kepentingan bagi pengawasan atau seliaan terhadap bekas residen setelah keluar dari KRK untuk dilaksanakan secara berterusan dalam tempoh yang tertentu. Ke arah ini, kita akan merancang untuk memperluaskan tempoh pengawasan dan seliaan daripada 1 tahun kepada 3 tahun bagi memastikan bekas residen akan terus mendapat bimbingan dan bantuan yang diperlukan dari segi membina jati diri, meningkatkan kemahiran dan mendapatkan pekerjaan melalui program-program tersebut di atas; dan

Dalam menjawab soalan:

3. Mengenai tenaga pekerja sosial, profesional dan peruntukan perbelanjaan khususnya untuk program-program profesional bagi kanak-kanak dan keluarga mereka mencukupi. Kita juga berpandangan bahawa kepentingan pengurusan dan pentadbiran KRK hendaklah dilaksanakan secara profesional kerana ia melibatkan pembaikan insan (*human repair*) yang sangat kompleks. Ke arah ini, pengurusan dan pentadbiran KRK hendaklah dilihat secara holistik bukan sahaja dari segi infrastruktur tapi apa yang lebih penting ialah sumber tenaga manusia di samping program-program yang berkesan. JAPEM telah mengaturkan secara berterusan agar tenaga kerja KRK mengikuti pelbagai latihan dan kursus yang berkaitan termasuklah kursus kaunseling, kepimpinan dan pengurusan serta penempatan di agensi tempatan seperti Jabatan Penjara dan Pusat Al-Islah.

Dalam masa yang sama, sukacita dikongsikan bahawa pada tahun 2018, Jabatan Audit telah pun melaksanakan pengauditan secara menyeluruh termasuk program-program yang dijalankan bagi membantu residen KRK. KKBS menyambut baik beberapa saranan daripada laporan audit tersebut dan sebagai usaha berterusan perancangan telah dibuat untuk mendatangkan khidmat konsultan yang berpengalaman untuk membuat

penilaian KRK yang akan difokuskan terhadap kesesuaian fasiliti, kemahiran dan keupayaan tenaga kerja dan keberkesanan program-program pemulihan dan latihan.

Kementerian juga telah pun mula memperbaiki program-program pemulihan di KRK secara dalaman seperti mekanisme penilaian pencapaian yang lebih komprehensif dengan menggunakan matriks dan *KPI*. Di samping itu, KRK juga mempunyai 3 Jawatankuasa dan Lembaga yang berperanan sebagai pihak neutral untuk melihat kepada pengendalian fasiliti ini iaitu Jawatankuasa Pembebasan, Lembaga Pelawat dan Lembaga Penasihat. Sebarang rekomendasi yang dikemukakan oleh badan-badan ini diambil kira dan diambil tindakan untuk kesesuaian oleh pihak KRK.

Dari segi peruntukan, bagi mengadakan aktiviti dan program harian dan bulanan ia adalah mencukupi. Akan tetapi kita hendaklah memaksimumkan penggunaannya kepada program-program yang terancang dan berkesan bagi memberikan nilai tambah. Dalam pada itu, KRK akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan strategik khususnya dalam pelaksanaan program dan semasa pengintegrasian semula dalam masyarakat termasuk bagi memberikan latihan, kemahiran dan pekerjaan sepertimana yang diketengahkan dalam menjawab Soalan No. 2 tadi.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan No. 21 daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Soalan Program Bantuan Kebangsaan bagi mereka yang kurang berkemampuan kaola tujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Semasa Pembukaan Majlis Mesyuarat Negara Ketiga Belas pada 6 Mac 2017 yang lalu, Program *i-Ready* telah diperkenalkan yang objektif utamanya ialah bagi meningkatkan kebolehan pasaran dan peluang pekerjaan siswa dan siswi yang menganggur melalui penempatan 3 tahun sebagai pelatih di organisasi yang mengambil bahagian.

Peruntukan bagi program ini ialah bagi mereka dari kalangan graduan yang belum bekerja. Perlu juga diketahui, ada juga golongan yang susah yang bukan dari golongan graduan yang belum ada pekerjaan.

Adalah difahamkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada menyediakan Bantuan Kebajikan

Bulanan bagi membantu meringankan bebanan individu atau keluarga yang penghidupan mereka susah dan tidak berpengharapan.

Kaola ingin tahu, adakah sebarang perancangan bagi pihak kementerian untuk mengadakan satu program bagi mereka yang kurang berkeupayaan dengan memberikan mereka kemahiran dalam apa jua bidang pekerjaan untuk meringankan beban kehidupan mereka.

Sekian sahaja terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan setinggi menjunjung kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon atas soalan yang diketengahkan mengenai program bagi mereka yang kurang berkemampuan.

Sebagai perkongsian, KKBS sentiasa dan akan terus memberikan penekanan dan keutamaan terhadap pemerkasaan golongan sasaran, termasuk golongan yang berpendapatan rendah dengan menyediakan kemahiran, peluang pekerjaan dan peluang keusahawanan agar golongan ini serta tanggungan mereka dapat hidup berdikari dan keluar dari kitaran kemiskinan. Sememangnya KKBS, sudah ada dan sedang melaksanakan program-program untuk meningkatkan ekonomi dan kualiti kehidupan mereka yang bermatlamat untuk menggalakkan mereka terus

berusaha tanpa bergantung kepada bantuan sahaja.

Pada tahun ini, usaha ini akan diteruskan lagi dengan menentukan setiap program adalah berkesan. Oleh itu, apa jua program yang mempunyai impak akan dipertingkatkan, manakala program yang sebaliknya akan dikemaskinikan di samping menentukan inisiatif-inisiatif yang baharu untuk memberikan nilai tambah. Misalannya dengan meningkatkan bekerjasama dengan agensi-agensi swasta menerusi *Corporate Social Responsibility (CSR)*. Bagi apa jua program yang dilaksanakan, matlamat kita tetap pada menyediakan kemahiran, peluang pekerjaan dan peluang keusahawanan kepada golongan berkenaan.

Antara program-program yang dimaksudkan adalah:

i. Program Pelan Pekerjaan.

Peluang pekerjaan dicarikan dan ditawarkan kepada penerima-penerima bantuan dan tanggungannya yang berupaya dan boleh bekerja dengan kerjasama *Job Centre Brunei* dan perundingan bersama syarikat-syarikat swasta yang bersesuaian.

Dikongsikan sejak April 2016, sebanyak 101 orang yang telah berjaya mendapat pekerjaan dan masih bekerja. KKBS menyasarkan jumlah ini untuk ditingkatkan kepada 200 orang penerima BKB dan

tanggungannya mereka untuk mendapat pekerjaan pada tahun 2019;

ii. Program Berniaga dari Rumah.

Ini memberikan bimbingan dan bantuan keusahawanan bagi penerima yang berkeinginan untuk memulakan perniagaan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah kerjasama dengan rakan strategik dalam pembangunan kapasiti, bantuan kewangan dan pendedahan kepada pengurusan perniagaan dan pemasaran. Dikongsikan sejak April 2016, daripada 68 orang yang mengikuti program ini, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** 38 orang masih bergiat aktif menjalankan perniagaan mereka;

iii. Program Perkasa Komuniti.

Ia menyalurkan penerima bantuan untuk mengikuti latihan kemahiran dan vokasional di Pusat Pembangunan Belia seperti kursus masakan, katering, kursus terapi kecantikan, kursus *Autocad*, kursus *Basic Refrigeration*, *Air-conditioning* and *Basic Plumbing* antara lainnya. Sejak 2013, seramai 146 orang telah dibantu melalui program ini. Sukacita dikongsikan juga mulai 2017 peserta Program Perkasa Komuniti juga disalurkan ke Pusat Pembangunan Kapasiti di bawah Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, jika berhasrat untuk mengikuti kursus yang ditawarkan di sana;

iv. Program Inovasi Belia Berwawasan.

Program ini memperkasa jati diri dan minda belia dan meningkatkan pengetahuan asas pendidikan yang dikhususkan kepada anak atau tanggungan yang penerima bantuan yang tidak lagi bersekolah dan tidak bekerja dalam lingkungan umur 16 hingga 21 tahun. Ia, melibatkan 3 fasa aktiviti iaitu:

- a. Para peserta akan mengikuti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) selama 3 bulan bagi membangun jati diri dan minda mereka;
- b. Mengikuti Latihan Kemahiran Asas Abad Ke-21 selama 3 bulan di Politeknik Brunei yang dikendalikan secara gandingan ataupun *mentor-mentee* yang setiap peserta akan digandingkan dengan seorang pelajar Politeknik Brunei sebagai pembimbing; dan
- c. Menjalani penempatan kerja selama 3 bulan di beberapa buah syarikat untuk mendedahkan para peserta ke alam pekerjaan yang sebenar dan seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan dan kebolehpasaran peserta. Sejak Disember 2016, seramai 33 orang anak atau tanggungan penerima telah mengikuti Program Inovasi Belia Berwawasan (PIBB). Dikongsikan, 14 orang daripadanya telah bekerja dan

seorang lagi melanjutkan pelajaran, manakala seramai 11 orang peserta telah tamat fasa pertama latihan PKBN baru-baru ini dan kini memulakan fasa kedua di Politeknik Brunei. Memandangkan keberkesanan program PIBB dalam mengubah mentaliti anak-anak penerima bantuan, pihak kementerian berhasrat untuk menggabungkan Program Perkasa Komuniti ke dalam Program PBB;

- v. Selain program-program ini, KKBS juga telah menjalankan projek rintis iaitu projek BKB 100 hasil daripada hala tuju MKIS. Seramai 100 orang penerima Bantuan Kebajikan bulanan telah dipilih untuk mengikuti Program Pengupayaan yang telah saya utarakan tadi.

Tanggungan mereka juga disarankan untuk mengikuti PBB hasil daripada projek rintis BKB 100 yang berakhir pada Disember 2017. Seramai 6 orang penerima BKB telah berjaya mendapat pekerjaan, 23 orang menjalankan perniagaan, 7 orang mengikuti kursus latihan dan 92 orang tanggungan BKB telah mendapat pekerjaan.

Seterusnya kohort kedua BKB, telah dimulakan pada bulan Februari 2018 dan kali ini projek ditumpukan kepada mencarikan pekerjaan. Sejauh ini, seramai 31 peserta telah berjaya mendapat pekerjaan.

Kaola juga ingin mengongsikan bahawa kita mempunyai fasiliti yang

dinamakan Pusat Pembangunan Belia dan hasrat kita ataupun keutamaan juga diberikan kepada tanggungan anak di bawah Bantuan Kebajikan bulanan untuk meneruskan pembelajaran untuk diberikan kemahiran di Pusat Pembangunan Belia.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan seterusnya, Soalan No. 22 daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan kaola ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai persiapan negara menangani krisis ekonomi kewangan.

Dunia telah menyaksikan krisis kewangan global pada tahun 2007 dan 2008 serta diikuti dengan penurunan harga minyak selepas itu. Setentunya keadaan ekonomi *outlook* susah dijangka dan terus akan bergolak.

Kaola bertanya, apa persiapan jangka masa pendek, sederhana dan panjang untuk negara bagi menangani mana-mana krisis yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan supaya kita lebih

bersedia lebih awal lagi dan tidak hanya akan reaktif apabila ia berlaku. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjawab, harus kitani ingat, saya kira tidak mungkin kitani dapat ramalkan apa yang kita hadapi pada waktu yang akan datang. Jadi, macam manapun, kitani membuat persediaan. Persediaan itu mungkin tidak akan relevan dalam satu ketika apabila ada dalam satu keadaan yang memerlukan kita *react*. *Reactive* itu, bukannya satu *retrieve* tapi *reactive* itu dilihat secara positif adalah satu keadaan yang baik. Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih jua Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas *intervention* tadi, memang selari apa yang akan kaola sampaikan. Terima kasih, jua kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad atas soalnya mengenai persiapan negara menangani krisis ekonomi dan kewangan.

Sebagaimana jua di negara-negara lain, ekonomi negara kita terdedah kepada faktor-faktor luar ataupun *external factors* yang di luar kawalan kita.

Sebagai contoh, perang perdagangan merupakan satu faktor keluaran yang boleh memberi kesan kepada ekonomi negara atau mana-mana negara.

Melihat kepada krisis yang pernah terjadi sejak 20 tahun yang lepas seperti *Asian Financial Crisis* pada tahun 1997. *Dotcom bubble* pada tahun 2000-2002 dan *Global financial crisis* pada tahun 2008 yang ekonomi Negara Brunei Darussalam telah terjejas kerana jatuhnya harga minyak dan gas. Semasa krisis-krisis ini **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan harga minyak terus pulih dengan cepat, maka ekonomi negara tidak terjejas secara drastik.

Berbeza dengan situasi pada masa ini, kita sedang menghadapi *low oil price environment* iaitu harga minyak adalah rendah dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu, kekukuhan kestabilan fiskal negara adalah sangat penting dan juga memastikan ekonomi yang mampan.

Semasa pembentangan kaola terhadap kertas cadangan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 tempoh hari, kaola telah menyentuh dengan terperinci beberapa inisiatif kerajaan bagi menjana fiskal yang kukuh dan kepelbagaian ekonomi. Perkara yang sama juga telah kaola terangkan semasa sesi muzakarah bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Negara dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada penghujung bulan Januari 2019.

Inisiatif-inisiatif ini, adalah penting kerana kita tidak mengetahui apa saja krisis ekonomi yang akan kita hadapi pada masa akan datang. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan kekukuhan dan kestabilan fiskal dan kepelbagaian ekonomi, ia akan menjadi tulang belakang untuk menangani apa jua krisis-krisis ekonomi dan kewangan.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan seterusnya iaitu Soalan No. 23, yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan No. 23 ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu berkenaan dengan cadangan penubuhan Dana Pembangunan Hartanah Orang Melayu. Dengan ini, saya mengumumkan untuk

menarik balik soalan tersebut kerana telah saya suarakan semasa menyebarkan ucapan Sembah Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari kedua, tempoh hari yang telah pun mendapat jawapan daripada Yang Berhormat tersebut.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 24 daripada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan kaola mengenai Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP).

Sebelum penggunaan secara digital pada tahun 2016, Tabung Amanah Pekerja (TAP) menguruskan jumlah transaksi yang banyak dan setiap pendaftaran secara manual. Akhir-akhir ini, terdapat aduan daripada orang ramai mengenai sumbangan bulanan TAP dan SCP hilang daripada penyata mereka. Aduan ini dibuktikan dengan pembayaran yang dibuat oleh majikan dengan resit-resit yang dikeluarkan oleh TAP dan SCP.

Sistem e-Amanah hanya membenarkan pemegang akaun untuk memperolehi penyata lima tahun kebelakangan kecuali jika pemegang akaun membuat

permohonan untuk memperolehi keseluruhan penyata secara bertulis. Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan orang ramai sama ada penyata mereka yang terdahulu mempunyai masalah yang sama.

Saya ingin tahu:

1. Siapakah yang patut dirujuk oleh orang ramai untuk mempercepatkan proses pembetulan bagi aduan tunggakan tersebut?; dan
2. Jika aduan tersebut terbukti benar, adakah wang sumbangan akan dikembalikan secara kebelakangan agar pekerja tersebut dapat memperolehi hasil sumbangan mereka serta hasil dari faedah yang terkumpul?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh atas soalan yang dikemukakan.

Untuk penerangan yang lebih lanjut dan mendalam, kaola akan serahkan kepada rakan sejawatan kaola yang juga bertanggungjawab ke atas isu yang dibangkitkan.

Kaola hanya akan mengongsikan untuk makluman bersama bahawa institusi-institusi kewangan pada lazimnya mempamerkan maklumat simpanan untuk beberapa bulan sahaja. Dari itu,

inisiatif TAP untuk mempamerkan maklumat simpanan pencarum untuk jangka masa lima tahun kebelakangan merupakan satu langkah yang lebih baik kepada ahli-ahli TAP.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan, terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh atas soalan yang dikemukakan iaitu mengenai Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP). Kaola menjawabnya selaku Pengerusi Tabung Amanah Pekerja.

Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu objektif TAP adalah untuk mengutip caruman ahli dan memastikan ahli memperoleh semula semua simpanan mereka dengan mudah dan tepat.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat, isu yang dikemukakan ialah sebelum pengenalan sistem *online* e-Amanah, terdapat ketidakselarasan maklumat yang diberikan. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ isu ini telah dapat ditangani dan ini tidak menjejaskan simpanan ahli dan jumlah caruman dan dividen dikreditkan ke dalam akaun ahli.

Sejak kebelakangan ini, isu berkaitan dapat ditangani dengan efektif dan berkesan. Walau bagaimanapun, jika terdapat isu-isu seumpama ini dan isu-isu lain mengenai TAP, ahli-ahli TAP

bolehlah menghubungi terus mana-mana kaunter TAP.

Kaola ingin menambah sedikit, barangkali isu-isu ini ada 'bisainya', ia berbentuk *operational* untuk dibincangkan terus dengan pihak TAP ataupun pihak-pihak yang berkenaan tanpa menunggu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dulu kita membincangkan Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis kerana kita masih lagi mempunyai perkara yang amat mustahak untuk kita selesaikan bagi kita untuk membincangkan dan meluluskan iaitu Rang Undang-Undang Belanjawan yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti dan dibahaskan satu per satu di peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa bagi menimbang dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020. Pada hari Sabtu yang lalu di sebelah petang di peringkat Jawatankuasa ini juga, kita telah pun mendengar kenyataan mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang membentangkan objektif utama dalam penyediaan belanjawan bagi kementeriannya.

Bersama saya di sini, terdapat senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan atau membuat kenyataan terhadap Tajuk ini. Sebelum itu, saya memberikan ruang perbincangan ini untuk menyambung semula Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin untuk membuat kenyataan bagi menjawab beberapa soalan dan pertanyaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat dijawab. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri

Pendidikan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya dari pandangan Kementerian Pendidikan semua soalan yang telah pun diutarakan telah pun dijawab, sebagaimana yang dapat. Mungkin ada satu saja soalan yang belum dijawab mengenai apakah tindakan Kementerian Pendidikan untuk menangani masalah merokok di luar sekolah. Tetapi usulnya perkara-perkara

ini di luar jurisdiksi Kementerian Pendidikan, apa yang selama ini dibuat oleh Kementerian Pendidikan ialah untuk memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar dan penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam mengenai masalah merokok ini dan juga menanganinya di dalam kawasan sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam ini.

Kementerian Pendidikan juga bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk memperluaskan lagi kesedaran kepada seluruh masyarakat mengenai keburukan merokok ini dan masalah-masalah kesihatan yang akan dihadapi jika ia berleluasa dan berterusan. Itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang suka untuk membuat kenyataan tambahan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola sukacita untuk memberikan penjelasan lanjut atau tambahan kepada penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai soalan yang di kemukakan oleh Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai *fire safety* di sekolah-sekolah.

Kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai *fire safety* atau keselamatan, kebakaran di sekolah-sekolah dan ingin menjelaskan mengenai sebab-sebab berlakunya *non-compliance* atau ketidakpatuhan kepada piawaian *Fire Safety Order* berikutan pemeriksaan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat iaitu ialah:

1. *Fire Alarm* ataupun *Fire Alarm and Break Glass* dalam keadaan rosak;
2. Alat-alat pemadam api yang ada dalam keadaan mansuh (*expired*);
3. Sistem *hose reel* dalam keadaan rosak; dan
4. Laluan keluar terhalang.

Dalam masa yang sama, abiskoala sukacita menghargai akan inisiatif pihak Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam melaksanakan tindakan-tindakan tambahan dan sampingan ke arah meningkatkan kesiapsiagaan pihak sekolah dalam menangani sebarang kemungkinan kecemasan melibatkan kebakaran.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah:

1. Program melatih warga petugas Kementerian Pendidikan iaitu *Fire Marshall* dan menjalankan latihan

evakuasi kecemasan sekolah atau pun *fire drill*; dan

2. Jabatan Bomba dan Penyelamat merupakan ahli kepada *Health Safety Security Environment (HSSE)* Kementerian Pendidikan dalam memberikan nasihat keselamatan dari aspek kecemasan kebakaran, pemeliharaan sistem pencegah kebakaran dan isu-isu bermusim.

Seramai 145 orang peserta telah pun mengikuti Kursus *Fire Marshall* pada tahun 2018 dan seramai 161 orang dirancang untuk mengikuti Kursus *Fire Marshall* pada tahun 2019.

Mengenai *Fire Drill*, sebanyak 36 buah sekolah termasuk sekolah kerajaan dan swasta dan melibatkan seramai 11,619 peserta telah mengikuti Kursus *Fire Drill* pada tahun lepas dan ini akan diteruskan lagi pada tahun 2019.

Sekian sahaja maklumat tambahan yang dapat kaola berikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin memberikan jawapan penerangan lanjut kepada beberapa soalan yang telah diajukan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, terutama sekali jawapan mengenai

soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, iaitu mengenai penglibatan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dalam aktiviti perniagaan.

Walaupun, kaola telah menjawabnya pada hari Rabu, 13 Mac yang lalu, kaola ingin memberikan penjelasan lanjut lagi. Dalam hal ini, adalah dimaklumi bahawa terdapat sebahagian daripada kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan yang membuat pekerjaan luar dan usaha-usaha perniagaan kecil serta sambilan bagi menampung perbelanjaan keluarga masing-masing.

Pada asasnya setiap pegawai dan kakitangan kerajaan dikawal oleh Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (*General Order*). Menurut Bab 5, menyatakan bahawa keseluruhan masa seorang pegawai adalah di bawah kawalan kerajaan dan ini memberi kuasa kepada ketua jabatan untuk mengarahkan pegawai dan kakitangannya untuk bekerja pada bila-bila masa.

Walaupun bagaimanapun, pihak kerajaan masih memberikan kelonggaran bagi penjawat awam untuk terlibat dalam membuat pekerjaan luar dan usaha-usaha perniagaan kecil secara sambilan bagi menampung perbelanjaan keluarga masing-masing.

Peraturan dan garis panduan berkenaan telah dilaksanakan sejak tahun 1959 yang antara lainnya memerlukan

penjawat awam berkenaan yang ingin berusaha itu hendaklah dipastikan mematuhi syarat-syarat berkenaan:

1. Lebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Perdana Menteri melalui ketua jabatan masing-masing;
2. Mematuhi semua peraturan dan lesen yang berkaitan dengan pekerjaan ataupun perniagaan yang dilakukan secara sambilan;
3. Tidak membuat perniagaan dalam waktu-waktu bekerja termasuk tidak keluar pejabat kerana urusan pekerjaan ataupun perniagaan tersebut;
4. Mematuhi waktu-waktu bekerja yang telah ditentukan;
5. Tidak menjadikan kepentingan diri mereka bertentangan (*in conflict*) dengan tugas rasmi mereka;
6. Menyelesaikan dan tidak menjejaskan kerja-kerja pejabat;
7. Tidak menggunakan peralatan pejabat sendiri seperti komputer, mesin faks, telefon, alat-alat tulis dan sebagainya bagi tujuan peribadi tersebut termasuklah kenderaan dan mesin-mesin komputer dan sebagainya; dan
8. Tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam sebarang tawaran ataupun *tender* kerajaan.

Peraturan-peraturan yang ini bolehlah dirujuk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (dalam kelakuan dan tata tertib) yang terdapat dan terpakai hingga sekarang ini untuk makluman bersama.

Adalah juga dimaklumkan bahawa kebenaran yang dimaksudkan tadi akan ditarik balik jika prestasi kerja pegawai dan kakitangan berkenaan didapati menurun disebabkan pekerjaan luar ataupun perniagaan kecil sambilan itu. Ketua jabatan perlulah memantau prestasi mereka dari semasa ke semasa dan menghadapkan laporan dan sokongan ke Jabatan Perdana Menteri bagi mereka yang didapati prestasi mereka menurun itu.

Dalam hal ini, perlulah jua diambil perhatian bahawa penjawat awam mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dan berat dalam menyumbangkan ke arah kemajuan dan pembangunan negara serta memeduli kesejahteraan orang awam.

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab berkenaan memerlukan komitmen yang tinggi dalam kesemua peringkat penjawat awam. Lebih-lebih lagi usaha kitani semua ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Oleh itu, perkara ini hendaklah diseimbangkan dengan pihak penjawat awam untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan fokus kepada menjana hasil yang dihasratkan.

Walau bagaimanapun, perkara ini akan dilihat sama ada terdapatnya keperluan untuk dibuat penelitian semula mengenainya.

Perkara kedua ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis yang menanyakan, "adakah terdapat perancangan untuk menaik taraf Institut Perkhidmatan Awam (IPA) menjadi Institut Kepimpinan dan Pembelajaran yang bertaraf antarabangsa?".

Pada menjawabnya, Jabatan Perdana Menteri sememangnya mempunyai perancangan untuk menaikkan taraf Institut Perkhidmatan Awam (IPA) menjadi Pusat Kecemerlangan bagi pembangunan modal insan yang bertaraf antarabangsa yang mana perancangan ini direncanakan untuk dilaksanakan pada tahun 2020.

Perancangan ini telah dimuatkan dalam Pelan Strategik Institut Perkhidmatan Awam 2018-2020 yang penyediaan pelan berkenaan berlandaskan tuntutan untuk peralihan hala tuju strategik setelah beroperasi selama 4 dekad.

IPA komited untuk mengorak langkah mengikut perkembangan terkini dalam memacu bidang pembangunan kapasiti dengan menumpukan keutamaan-keutamaan (*priorities*) kepada potensi masa ini (*current potential*) dan prospek masa depan (*future prospect*).

Selaku Pusat Kecemerlangan, IPA akan menawarkan program yang berimpak tinggi yang dijana melalui intervensi

pembelajaran yang lebih bersistem disasarkan kepada kumpulan tertentu dengan menggunakan pendekatan-pendekatan pembelajaran yang inovatif dan disesuaikan dengan keperluan, kehendak agensi-agensi yang berkenaan dalam mendukung agenda kerajaan dan memacu pembangunan dan pertumbuhan sosioekonomi negara.

Pusat ini dihasratkan untuk menjadi Pusat Kecemerlangan yang berasaskan penyelidikan (*research batch*) dan menjadi *resource repository* kepada amalan-amalan terbaik yang berkaitan dengan *match area* seperti kepimpinan, pembangunan sumber manusia dan organisasi pentadbiran dan pengurusan berlandaskan keislaman di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam melaksanakan strategi dan inisiatif, Pusat Kecemerlangan ini mempunyai kolaborasi dan akan terus berkolaborasi dengan institusi-institusi luar negeri yang difikirkan bersesuaian. Sebagai catatan hingga akhir-akhir ini beberapa usaha dan perundingan antara IPA Brunei Darussalam dengan pihak *National Human Resources Development, Institute Republic of Korea (NHI)* yang bertaraf dunia sedang berjalan walaupun dalam peringkat awal.

Dalam pada itu, hubungan-hubungan biasa dengan institusi-institusi rantau *ASEAN* tetap berjalan terus antaranya dengan Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia, *Civil Service College*, Republik Singapura dan institut lain di negara-negara jiran.

Perkara ketiga yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai usaha *Work Exchange Programme* untuk kerjasama antara sektor atau *inter sectoral*. Ingin kaola mengulang sedikit kenyataan kaola yang lepas iaitu: "usaha-usaha berkaitan penempatan kerja pegawai-pegawai kerajaan ke sektor bukan kerajaan bukanlah suatu perkara yang baharu."

Surat keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 5/2005 mengenai garis panduan Pengurusan Personal untuk Program Peminjaman *Secondment* Pegawai-Pegawai Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan sektor swasta menerangkan mengenai Kaedah Pengurusan Personal dalam proses peminjaman (*secondment*) pegawai-pegawai kerajaan NBD dengan sektor swasta sama ada kepunyaan kerajaan atau sektor swasta sepenuhnya.

Surat keliling JPM tersebut juga mengandungi terma-terma atau syarat-syarat perkhidmatan yang akan dikenakan kepada pegawai-pegawai yang dipinjamkan serta *agencies* sektor swasta yang meminjam pegawai itu nanti dan membantu pihak-pihak berkenaan melaksanakan program peminjaman dengan berkesan dan betul. Sebagai contoh terdapat pegawai-pegawai kerajaan yang ditempatkan di sektor swasta seperti sektor minyak dan gas dan sektor telekomunikasi.

Sebagai tambahan kepada jawapan mengenai adakah *exchange government to NGO and NGO to government*. Adalah tidak menjadi halangan bagi pegawai dan

kakitangan untuk aktif dalam NGO termasuk menjadi Ahli MPK, Takmir Masjid di luar waktu pejabat asalkan tidak melanggar peraturan ataupun undang-undang yang sedia ada.

Pada masa ini pun ramai pegawai dan kakitangan awam yang berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti tersebut di luar waktu bekerja bagi menyahut seruan kerajaan dan mempertingkatkan konsep kesukarelawanan dalam perkhidmatan awam.

Pihak kerajaan tidak ada halangan untuk menerima permohonan penempatan daripada pihak *NGOs*. Pada masa ini, jabatan-jabatan kerajaan memang menerima permohonan penempatan para pelajar daripada institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Jika terdapat permohonan yang sama daripada pihak *NGOs* pertimbangan yang sama adalah tertakluk kepada keperluan kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat Pengerusi. Soalan saya yang saya ajukan tempoh hari mengenai dengan isu akreditasi bagi pelajar-pelajar yang belajar di Australia belum lagi dijawab. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Yang Berhormat

Pengerusi, perkara itu dijawab sudah dan akan diteliti lagi mengenainya sebab ada jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menangani perkara itu. Jadinya, jawapan yang diberikan akan diteliti dan diambil kira dan diharapkan akan diberikan satu solusi yang akan mendapat *win-win situation*.

Untuk makluman bersama jua universiti-universiti di Australia pada masa ini telah pun mengadakan banyak program akademik yang ada *honours programme*. Jadinya, dinasihati kepada pelajar-pelajar yang akan mengambil kursus-kursus ataupun program-program akademik di universiti-universiti Australia untuk mengambil kira akan keadaan ini dan ia haruslah diberikan *due diligence* agar semua peringkat akan tahu sebelum mengambil perkara ini.

Selalu dinasihati jua kepada pelajar-pelajar terutama pelajar-pelajar yang akan membiayainya secara persendirian untuk menghubungi Kementerian Pendidikan sebelum membuat keputusan untuk membuat program-program di mana-mana universiti yang ada di dalam dunia agar tidak ada isu akreditasi akan timbul setelah mereka ini *graduate*.

Jadinya, ini proses yang biasa dilakukan dan diharapkan semua pihak akan bekerjasama agar perkara-perkara ini tidak menjadi satu masalah pada kemudian hari dan akan menghasilkan kerugian kepada pihak-pihak yang tertentu.

Diharapkan kerjasama semua pihak akan terus berkomunikasi dengan pihak Kementerian Pendidikan sebab proses ini, mekanisme ini 'andang' sedia ada sebelum ia menjadi satu masalah pada kemudian hari.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat disediakan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Ia bukan soalan lama tetapi soalan baharu mengenai Kementerian Hal Ehwal Ugama. Silakan.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya ingin mengajukan 3 soalan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu di bawah Tajuk SJ01A Kod Akaun 002/002 - Pentakmiran Masjid serta Kod Akaun 002/003 - Penyebaran Da'wah:

1. Kemahiran mengembangkan keusahawanan dalam kalangan belia masjid. Apakah perancangan Jabatan Hal Ehwal Masjid untuk memberikan kemahiran dan kapasiti belia masjid supaya mempunyai kemahiran-kemahiran keusahawanan yang bersesuaian dengan kemahiran keagamaan dan kemasyarakatan mereka. Saya memberi contoh, jika kemahiran menjadi bilal, imam, pembaca doa atau penggapi dapat dilaksanakan oleh belia masjid secara

entrepreneurial maka dapatlah juga kitani laratkan program perkembangan keusahawanan dari *Darussalam Enterprise (DARE)* dan juga lainnya kepada mereka. Setentunya peluang-peluang ini dapat juga diakses oleh para muslim *entrepreneur* ini seperti program yang sudah sedia ada seperti *i-Ready*, *Bank Usahawan*, *i-Usahawan* dan lain-lain. Sekurang-kurangnya dapatlah ia menjadi potensi untuk menjana pendapatan dan *grooming* awal untuk menjadi usahawan muda;

2. Peluang pekerjaan di masjid. Pembinaan masjid adalah jumlah yang substantif dan setentunya kawasannya yang juga luas dan di tempat strategik seperti di *presidential* dan *commercial area* yang berpotensi besar dapat memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat sekeliling. Apakah atau adakah usaha-usaha untuk menjadikan masjid sebagai pemberi peluang pekerjaan?; dan
3. Musabaqah Kebangsaan. Syarat-syarat Musabaqah Kebangsaan pada masa ini ialah para peserta mestilah berumur 40 tahun ke bawah. Adakah perkara ini selaras dengan amalan-amalan di peringkat dunia seperti musabaqah-musabaqah antarabangsa? Ini memandangkan para qari dan qariah yang mencapai peringkat antarabangsa berumur 40 tahun ke atas.

Jika perkara ini untuk memberi peluang kepada belia, maka saya ingin mencadangkan penambahbaikan supaya Musabaqah Belia Kebangsaan sebagai arena tersebut dengan latihan intensif diberikan. Biarlah Musabaqah Kebangsaan kitani tiada had umur untuk memberikan lebih banyak saingan sihat dan seterusnya para peserta lebih bersemangat untuk meningkatkan taraf serta kualiti yang diharapkan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

1. Satu idea yang sangat baik apabila ada saranan untuk mengembangkan kapasiti belia masjid untuk ikut serta dalam keusahawanan.

Yang Berhormat tadi membuat contoh boleh dibuat kemahiran. Jadi, bila kemahiran menyempurnakan jenazah, memang suatu perkara yang baik apabila ada kemahuan daripada pihak belia-belia sendiri untuk dibimbing ke arah ini iaitu untuk meluaskan lagi kegiatan mereka dan peluang-peluang mereka melalui penyertaan mereka sebagai kumpulan belia masjid melalui keusahawanan. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ Jabatan Hal Ehwal Masjid akan diminta melihat kemungkinan ini;

2. Mengenai peluang pekerjaan di masjid. Apakah ada rancangan untuk membuka peluang pekerjaan dengan membuka apa-apa peluang dari segi perniagaan dan dari segi kegiatan-kegiatan di kawasan masjid yang luas. Itu kalau ada kawasan masjid yang luas misalnya kitani berangan-angan mempunyai ada kedai, ada bazaar dan sebagainya, itu kali maksud Yang Berhormat Awang Iswandy.

Kalau begitu Yang Berhormat Pengerusi, itu tertaklukkan kepada keadaan nanti. Tetapi masjid tidak menutup kemungkinan-kemungkinan untuk membuka peluang dalam bidang pekerjaan dan sebagainya. Malah satu peringkat dahulu, ada pemikiran dengan sebuah masjid yang jawatankuasanya membukakan idea untuk mendapatkan tempat atau kebenaran di kawasan di luar masjid bagi mengadakan *daycare*.

Ada lagi idea yang berhubung untuk meluaskan peluang-peluang supaya masjid dapat menyara dirinya sendiri dengan masjid-masjid dibenarkan berniaga dan sebagainya. Hal seperti ini akan terus dipertimbangkan dan akan dilihat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama *potential* nya dalam erti kata tidak akan mengganggu sekiranya tidak akan menjejaskan hasrat masjid sebagai pusat ibadat dan sebagainya; dan

3. Had umur itu diadakan Yang Berhormat Pengerusi, sebenarnya sebagaimana juga idea daripada

Yang Berhormat sendiri, mahukan supaya dibuka bagi mencungkil bagi mengemukakan pembaca-pembaca qari-qari yang berkemungkinan yang akan lebih baik lagi secara meluas, hasrat kitani jangan melupakan peluang-peluang kalangan muda untuk tampil ke hadapan. Peluang-peluang ini sebenarnya telah dibuka dalam masa 2 tahun Yang Berhormat Pengerusi memang sudah hasilnya qari kitani di peringkat kebangsaan yang masuk ke peringkat *final* kitani melihat bahawa adalah dari kalangan muda-muda.

Yang menggembirakan Yang Berhormat Pengerusi tidak saya sedari latar belakang disiplin agama, pendidikan disiplin agama, adalah juga latar belakang disiplin umum. Ini satu petanda yang baik bahawa masyarakat kitani bahawa penghayatan ataupun kecenderungan kepada perkara-perkara keagamaan dan penghayatannya itu adalah secara meluas.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Kaola, di kesempatan ini ingin membawakan 3 perkara:

1. *e-Kubur*. Difahamkan dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama sudah mengadakan Program *e-Kubur* beberapa tahun yang lalu. Soalan kaola, sejauh manakah perkembangan *e-Kubur* tersebut dilaksanakan? Pada pandangan kaola, penentu kejayaan *e-Kubur* bergantung rapat dengan komitmen dan kerjasama dari pelbagai pihak terutama dalam kalangan ahli waris dalam memberikan maklumat keluarga mereka yang meninggal dan tanpa adanya kerjasama tidak mungkin program ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Kita mengharap dengan langkah mendokumentasi maklumat berkaitan sejarah, bilangan jenazah, kenyataan butir-butir peribadi si mati dan waris, sedikit sebanyak ia akan dapat membantu mereka yang berkenaan lebih-lebih lagi bagi generasi yang akan datang.

Berkaitan dengan itu juga dipohonkan mana-mana tanah-tanah perkuburan Islam yang bersesuaian akan dapat disediakan kemudahan asas seperti stor barang, tandas, paip air, bekalan api elektrik bagi maksud menjaga keselamatan, keselesaan dan kesempurnaannya; dan

2. Program Dana Wakaf Umum. Program Dana Pembinaan Masjid telah mendapat sambutan yang baik

dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Soalan kaola, adakah inisiatif kementerian untuk memperkenalkan satu lagi dana umpamanya Dana Wakaf Umum iaitu satu lagi peluang bagi masyarakat dan orang ramai meraih pahala. Jika Dana Pembinaan Masjid khusus bagi pembinaan masjid dan yang berhubung dengannya, manakala Dana Wakaf Umum pula digunakan untuk membina bangunan atau lain-lain kemaslahatan umum umat Islam dan pada masa yang sama sebagai wadah dan pilihan kepada masyarakat beramal menanam saham di akhirat sekali gus dapat membantu kerajaan dalam sama-sama membangun negara.

Akhir sekali tapak tanah wakaf seperti bekas bangunan masjid dan seumpamanya. Soalnya, adakah inisiatif pihak kementerian untuk memajukan tapak-tapak tanah wakaf berkenaan supaya ia dapat diambil manfaat dan pada masa yang sama memanjangkan hayat amal jariah mereka-mereka yang berwakaf?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Kurang jelas pendengaran kaola baru-baru ini mengenai apa

e-Kubur itu? Ada sesawangkah ataupun apa?

Yang Berhormat Pengerusi: Dibuat secara *online* barangkali.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Tatah yang kan kaola tanyakan Yang Berhormat Pengerusi.

Ertinya apakah memang barangkali, minta maaf kaola Yang Berhormat Pengerusi, kaola kurang maklum sama ada projek ini Yang Berhormat ingin mengetahui sejauh mana perkembangannya. Tapi di hujung soalan Yang Berhormat tadi mengenai kepentingan kubur ini tersusun dengan baik sebagaimana yang dihasratkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sendiri iaitu merancang tanah-tanah perkuburan baharu yang teratur dan tersusun. Memanglah ianya satu saranan yang boleh difikirkan untuk kita sama-sama meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai melalui tanah perkuburan.

Pertama sekali, termasuk soalan yang kedua, di hujung soalnya itu untuk ditambah atau diadakan segala kemudahan-kemudahan seperti tandas dan sebagainya. Itu memanglah cadangan yang baik dan akan difikirkan Yang Berhormat Pengerusi.

Program pembinaan masjid yang sudah mendapat sambutan baik itu dialu-alukan oleh Yang Berhormat dan sebagai lanjutan Yang Berhormat, ingin menyarankan, sebenarnya bukan bertanya Yang Berhormat, kaola ingin menerangkan sama-sama kita beringat. Dalam perbahasan ini bukan kan

bertanya saja tetapi yang baiknya menyarankan apa-apa yang baik sebagai alternatif kepada apa yang dibuat oleh kerajaan, bukan sahaja Kementerian Hal Ehwal Ugama tapi semua kementerian.

Jadi dalam hal ini, pertanyaannya itu merupakan saranan supaya ditimbang kalau baik misalnya untuk mengadakan wakaf umum. Mengenai wakaf ini, kaola akan menjawab soalan bertulis nanti mengenai kedudukan wakaf ini Yang Berhormat Pengerusi dan akan ada maklumat yang berguna untuk kegunaan umum.

Tapi mengenai saranan Yang Berhormat untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama menimbang setelah berjayanya Dana Pembinaan Masjid, penyertaan orang ramai dengan keyakinan akan mendapat pahala akhirat dan sebagainya, maka adakah pada masa hadapan akan diadakan inisiatif mengadakan dana untuk wakaf umum. Nanti akan kita lihatlah apabila ada Akta Wakaf sudah siap.

Apabila Akta Wakaf itu sudah siap, bagaimana ia akan bergerak, bagaimana mekanismenya dan sebagainya. Pada masa ini kita memang sama-sama menyedari di negara-negara Islam yang lain, wakaf ini sudah berkembang untuk membantu perkembangan dan kemajuan kerajaan atau negara dalam bidang ekonomi masing-masing.

Yang ketiga, tanah wakaf kubur. Kalau tanah wakaf ini pada umumnya Majlis Ugama Islam Brunei sudah ada usaha

untuk mengembangkannya, Yang Berhormat Pengerusi. Mana-mana tanah yang boleh dimajukan telah pun dimajukan beberapa tahun ini melalui Badan Tanmiah Majlis Ugama Islam Brunei. Bahagiannya ialah kalau misalnya ada wakaf sudah di bawah riayah Majlis Ugama Islam Brunei.

Jadi, ini bahagian Majlis Ugama Islam Brunei maka memanglah tidak nampak siapa pewakafnya. Kecuali masjid, kalau kebetulan masjid itu dinamakan pewakafnya ataupun nama waris-warisnya.

Jadi, hal seperti ini sebenarnya tidaklah penting dalam perkara ibadat, Yang Berhormat Pengerusi. Yang penting ialah bagaimana menjayakan wakaf itu untuk dilaksanakan kalau niatnya untuk masjid, sekolah, umum dan sebagainya supaya dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, itu yang penting. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama ini, kaola akan bercakap mengenai Kod Akaun 002/003 - Penyebaran Da'wah dengan peruntukan

Anggaran Belanjawan 2019/2020 berjumlah \$1,047,970.00.

Yang Berhormat Pengerusi. Syiar agama Islam di negara ini kian berkembang dengan kehadiran lebih ramai saudara baharu yang memilih agama Islam sebagai pegangan hidup mereka. Berdasarkan statistik lebih kurang 400 orang setahun. Pada tahun 2016, seramai 472 orang saudara baharu sementara Januari hingga Ogos 2017 seramai 292 memeluk agama Islam seluruh negara.

Keramaian saudara baharu yang semakin meningkat ini sudah tentu memerlukan peruntukan yang bertambah juga untuk membiayai tenaga pengajar dan pembimbing bagi mengajar dan memandu saudara baharu ke arah kefahaman agama Islam. Begitu juga dengan majlis-majlis dakwah dan pengislaman yang semakin kerap.

Soalan kaola, adakah peruntukan disediakan khusus untuk majlis-majlis pengislaman secara penuh ataupun peruntukan secara subsidi?

Walau bagaimanapun, tidak semuanya bergantung pada pihak kerajaan. Dalam konteks persaudaraan Islam berkaitan dengan saudara baharu ini, bahawa persaudaraan itu dibina atas saling menolong untuk kebaikan dan melahirkan lagi rasa takwa kepada *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Justeru, umat Islam sekarang harus sedar dalam memberikan sumbangan kepada saudara-saudara baharu dan mengetahui peranan masing-

masing dalam membentuk persaudaraan yang telah digariskan oleh Islam.

Jika kesedaran ini ada, makanya tidak sukar bagi masyarakat Islam untuk berperanan bersama dengan pertubuhan bukan kerajaan atau kerajaan dalam membantu saudara baharu kita yang telah memeluk Islam atau digelar juga sebagai mualaf. Bantuan itu boleh sahaja berbentuk buah fikiran yang berkaitan dengan akidah, akhlak dan syariat.

Bantuan tenaga seperti membaik pulih rumah dan bantuan kewangan seperti barang keperluan harian dan jika cadangan kaola ini, jika tidak keterlaluan, kemungkinan boleh ditubuhkan Tabung Kebangsaan Saudara Baharu bagi menangani pelbagai isu saudara baharu, aktiviti keagamaan dan mengendali majlis-majlis pengislaman.

Yang terakhir ialah Kod Akaun 004/003 - Kutipan dan Agihan Zakat. Baru-baru ini kaola mengikuti lawatan ke Projek Perkebunan PROPAZ. Tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana berjaya mengadakan program ini. Kaola sempat berbual dengan peserta PROPAZ dari Mukim Telisai dan membeli juga hasil sedikit tanaman mereka. Kelihatan mereka bersemangat dan gembira kerana terpilih menyertai PROPAZ. Yang Berhormat Pengerusi, dalam lawatan ini kaola dimaklumkan program ini memakan masa selama 15 bulan. Ertinya memang bersesuaian sehingga tiba musim menuai hasil sayur beberapa kali dan para peserta mungkin sudah banyak menimba ilmu dan mahir dalam

hal-ehwal perkebunan yang mereka praktikkan.

Kaola ingin cadangkan supaya ada kemasukan peserta baharu bagi setiap 5 bulan pertama supaya progam ini ada tiga sesi kemasukan, peserta PROPAZ dalam tempoh 15 bulan tersebut agar ia ada berkesinambungan dan disarankan supaya ada lagi perancangan untuk mengadakan aktiviti lain yang boleh manjana ekonomi para peserta PROPAZ ini selain berladang ataupun berkebun sayur. Misalannya, pertukangan kayu, membaiki enjin, perkhidmatan (*service*) penghawa dingin, membaiki pulih badan dan mengecat kereta, menjahit dan lain-lain.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Pengerusi dan kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Memang kalau kita melihat kepada angka saudara-saudara baharu bertambah dari tahun ke setahun tapi kalau dibandingkan dengan angka yang kita targetkan 500 orang setahun. Yang Berhormat Pengerusi, tahun yang terakhir ini nampaknya tidak sampai 500 orang tetapi tidak kurang daripada 400 orang.

Syukur **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** sedemikian itu. Inti pati soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit ialah sama ada majlis-majlis pengislaman diberi peruntukan ataupun ada subsidi bagi majlis pengislaman itu.

Untuk menjawab soalan daripada soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, kaola dapat menyatakan bahawa pada umumnya ia termasuk dalam Peruntukan Operasi. Iaitu dibelanjai bagi majlis tersebut dalam keadaan-keadaan tertentu. Dalam masa yang sama majlis-majlis tersebut terus dibiayai oleh tuan rumah yang mengadakan majlis itu di rumahnya.

Jadi, perkara ini ada sudah semangat sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit bahawa tidak selamanya bergantung pada peruntukan kerajaan tetapi keluarga yang mengangkat pengislaman itu di rumahnya menyumbang kepada perbelanjaan kerajaan jua.

Adakah sesuai untuk menimbangkan kerana perkara saudara-saudara baharu ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit bukan sahaja majlis pengislamannya tetapi mengenai latihannya, kebajikannya, perumahannya dan sebagainya.

Supaya perkara ini tidak membebankan kerajaan, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mencadangkan ataupun menyarankan supaya ditimbangkan kalau dapat ada macam tabung dana saudara-saudara baharu. Pemikiran ini, yang ke hadapan jua Yang Berhormat Pengerusi, kerana kita melihat perkembangan kewangan kitani ke hadapan, jadi boleh kita lihat nanti pada masa yang sesuai.

Pada masa ini, mengenai hal-ehwal saudara-saudara baharu kebajikan dan kesejahteraan mereka termasuk bukan sahaja pengislaman mereka itu, untuk dididik dan seterusnya adalah di bawah kerajaan dan sebahagian besarnya mengenai kesejahteraan mereka. Mereka termasuk dalam Asnaf Zakat dan ditanggung oleh bahagian zakat 1/6 daripada bahagian zakat dilaksanakan di Brunei ini untuk kegunaan muafak kita.

Sementara itu, mungkin kita dapat berpada-pada dengan apa yang ada ini sementara kita melihat ke hadapan nanti, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pemikiran-pemikiran seperti ini akan kita pertimbangkan.

Mengenai Program PROPAZ. Yang Berhormat itu, dapat kaola fahamkan program baharu yang diperkenalkan oleh Majlis Ugama Islam ini, Yang Berhormat Pengerusi, Program Az-Zira'ah Pertanian.

Yang Berhormat, melihat 15 bulan dan inginkan supaya pengambilan ke dalam Program Az-Zira'ah, pertanian ini diadakan setiap 5 bulan supaya orang yang menyertai lebih ramai dan sebagainya. Ini akan dipertimbangkan Yang Berhormat Pengerusi.

Satu perkara yang penting, Program Az-Zira'ah Pertanian ini adalah dalam program pengupayaan Asnaf Zakat ini, aspek Program Az-Zira'ah Pertanian ini adalah sebagai percubaan Yang Berhormat Pengerusi.

Dalam masa yang sama, terdapat pemikiran-pemikiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya Majlis Ugama

Islam Brunei jua ialah untuk menimbang Program Az-Zira'ah Pertanian secara meluas dalam erti kata bukan melalui perladangan seperti yang ada di Kilanas, tetapi ialah dengan melatih dan kemudian menggalakkan mana-mana peserta dari Asnaf Zakat untuk berusaha dalam Program Az-Zira'ah Pertanian ini. Walaupun sedikit-sedikit di rumah mereka, menanam lada, bawang, limau kasturi dan sebagainya, kalau dari beberapa keluarga dikumpulkan akan mendatangkan hasil yang banyak.

Dengan menolong untuk pendapatan mereka juga. Hal-hal seperti ini, Yang Berhormat Pengerusi, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diperkembangkan jika Program Az-Zira'ah Pertanian yang ada sekarang ini berjaya yang nampaknya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** disokong kerana perbelanjaan untuk mengadakan program ini agak tinggi berbanding dengan program-program lain, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya bercadang untuk menanggung Mesyuarat Jawatankuasa ini selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Ahli-Ahli Yang Berhormat kita bersidang semula dan kita masih lagi meneliti dan

membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dalam senarai saya masih ada lagi terdapat ramai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan dan membuat kenyataan terhadap Tajuk ini.

Maka saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan bercakap mengenai Kod Akaun 005/001 - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dengan peruntukan yang diluluskan sejumlah \$9,001,430.00.

Sebagaimana dimaklumi, sejak tiga tahun kebelakangan ini pengajaran mata pelajaran al-Quran tidak diajar sepenuhnya sebagai satu mata pelajaran yang wajib atau teras bagi setiap penuntut KUPU SB.

Pada masa ini, hanya pengajaran diadakan dalam satu semester sahaja bagi setiap penuntut selama 4 tahun atau 8 semester. Kaola fikirkan secara mendalam, adakah mencukupi ilmu dipelajari itu terutama dalam bidang al-Quran bagi bakal guru agama untuk bekalan mereka yang akan mereka sumbangkan kepada murid-murid di sekolah agama dan masyarakat setelah mereka menamatkan pengajian atau bekerja nanti?

Sebagai contoh atau rekod, sebelum Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan ini dinaikkan taraf sebagai KUPU SB, semua penuntut maktab sebelum ini diwajibkan untuk mempelajari dan mendalami al-Quran selama 3 tahun (setiap semester mata pelajaran al-Quran itu mesti atau wajib dipelajari).

Di samping itu, guru-guru agama yang diaturkan mengajar mata pelajaran Al-Quran, guru tersebut dimestikan mendalami lagi dengan mengikuti Kursus Tahfiz Al-Quran iaitu Kursus Lanjutan Al-Quran selama setahun atau lebih.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin mengetahui, apakah pendekatan pihak berkenaan untuk mendapatkan pelapis guru-guru Al-Quran di sekolah-sekolah agama yang hampir kesemua sekolah agama pada masa ini guru-guru Al-Quran yang mengajar terdiri daripada guru-guru keluaran daripada Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya kaola menyentuh pelajaran amali agama. Perlu diambil perhatian untuk diserapkan sebagai mata pelajaran wajib kerana mata pelajaran ini juga membawa keunikan tersendiri atau kelebihan kewibawaan seorang bakal guru agama di negara ini. Terutama di mata masyarakat.

Kalau dulunya, seorang guru agama keluaran Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, apabila disuruh berhadapan untuk mengetuai tahlil, membaca doa selamat, membaca Al-Quran, berdirir

Brunei, mengganti Imam di masjid, membaca khutbah dan seterusnya menguruskan jenazah dan sebagainya, mereka tidak segan dan malu bahkan mereka ini berkelayakan dan suka semua ini hasil dibekalkan ilmu amali yang dipelajari di maktab itu.

Sebab itu kaola menyarankan supaya kedua-dua mata pelajaran ini iaitu Al-Quran dan amali diberi keutamaan kerana tanpa kedua-dua mata pelajaran ini keunikan seorang guru agama yang tulen tidak berjaya di mata masyarakat dan negara.

Seperti hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Konvokesyen KUPU SB Kali Pertama Tahun 1432 bersamaan Tahun 2011, antara lain baginda bertitah: "Beta berharap KUPU SB akan terus mengikuti landasannya yang dihasratkan. Janganlah ia menyimpang ke mana-mana tetapi biarlah terus konsisten selaku pusat perguruan agama tulen. Jangan sama sekali diabai tujuan perguruan ini kerana di sini ada tersirat matlamat khusus untuk dicapai."

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga ingin menyentuh mengenai Jabatan Hal Ehwal Masjid iaitu Kod Akaun 002/002. Bagi memelihara kesucian dan kemuliaan institusi sesebuah masjid di negara ini, ada baiknya pihak berkenaan dapat memata-matai dalam menangani penggunaan masjid dan kawasannya sentiasa terpelihara kehormatan dan kesuciannya daripada hukum-hakam

Syar'ie. Terutama bagi wanita yang diharamkan memasuki dan berhenti dalam masjid.

Misalannya apa yang terjadi tanpa kita sedari terdapat dalam kalangan wanita yang masih jahil atau sengaja tidak tahu semasa menggunakan dan menghadiri majlis seperti akad nikah dan majlis khatam Al-Quran. Antara mereka tidak menghiraukan hukum-hakam bagi mereka yang dilarang memasuki masjid kerana tidak mahu tertinggal melihat majlis berlangsung walaupun pegawai masjid atau Imam telah memaklumkan kepada yang empunya majlis hukum-hakam dan larangan dalam masjid.

Kaola mencadangkan demi menjaga kehormatan masjid ini:

1. Penggunaan seperti Majlis Akad Nikah contohnya hanya terhad kepada pengantin lelaki dan jemputan lelaki sahaja. Sebagai contoh, kalau kitani lihat semua Majlis Akad Nikah yang dilaksanakan oleh ahli kerabat diraja kita di negara ini, semuanya dihadiri oleh pengantin lelaki dan jemputan lelaki sahaja. Contoh ini, kepada kita sebagai rakyat demi menjaga kehormatan masjid di samping sentiasa mendapat keberkatan yang dihajati; dan
2. Jabatan Hal Ehwal Masjid hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya tentang masalah tersebut. Misalannya membuat batasan-batasan larangan berpandukan fatwa Mufti Kerajaan.

Kaola masih menyentuh jabatan yang sama. Seperti kita maklum setiap masjid terdapat dua pegawai masjid dan cara bertugas secara bergilir-gilir kecuali Jumaat dikehendaki hadir bersama. Apa yang ingin kaola sentuh ialah kehadiran pegawai-pegawai masjid ketika sembahyang 5 waktu di masjid. Tidak dinafikan kehadiran pegawai masjid khususnya di Daerah Tutong didapati dapat menyempurnakan tugas yang diamanahkan.

Walau bagaimanapun, terdapat sungutan dan aduan orang ramai terhadap sebahagian pegawai-pegawai masjid tidak dapat hadir sekali sekala bertugas pada waktu Zuhur dan Asar. Sebabnya bukanlah disenghaja, mungkin yang dapat kaola buat penyelidikan iaitu antara sebabnya ialah pegawai masjid berkenaan bertugas jauh dari tempat kediaman mereka dan terpaksa mengambil anak balik daripada sekolah pukul 12 tengah hari dan menghantar anak ke sekolah agama iaitu bagi mereka yang mempunyai anak kecil.

Pertanyaan kaola, apakah perkara ini diketahui? dan apakah langkah-langkah yang diambil demi menjaga imej pegawai masjid di mata masyarakat dan jemaah dan seterusnya memastikan pegawai masjid tidak ada halangan untuk hadir bertugas di masjid disebabkan jauh tempat tinggalnya.

Kaola masih menyentuh mengenai Jabatan Hal Ehwal Masjid. Kaola ingin membangkitkan berhubung dengan pembinaan jalan masuk dan keluar

di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammad Alam, Kampung Sengkarai Tutong.

Seperti kita maklum, masjid ini dibina berhampiran Lebuhraya Muara-Tutong dan Belait. Pada masa ini jalan masuk ke masjid tersebut ialah menggunakan Jalan Kecil Pengasing. Pembinaan jalan masuk dan keluar melalui jalan lebuhraya berkenaan adalah perlu iaitu melalui jalan susur. Memandangkan masjid ini sahajalah yang dibina berhampiran lebuhraya, maka tidak hairanlah ia jadi tumpuan orang ramai untuk mengerjakan sembahyang 5 waktu.

Yang kedua, masjid ini juga kedudukannya hampir dengan Pekan Tutong, maka ia menjadi tumpuan untuk mengadakan acara keagamaan peringkat daerah dan juga peringkat kementerian kerana ia boleh memuatkan jumlah 800 jemaah dan mempunyai keluasan tempat letak kereta yang mencukupi.

Kaola membangkit juga masalah kaola menyokong tadi sebagaimana yang disuarakan oleh rakan kaola Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, iaitu mengenai had umur 40 tahun.

Jadi, kaola mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, kaola hanya menambah sedikit jika sekiranya pun kitani mengharapkan mengetengahkan belia-belia untuk Pertandingan Akhir Kebangsaan maka apa salahnya Johan dan Naib Johan Peraduan Belia Kebangsaan diserapkan masuk ke Peringkat Akhir Kebangsaan tanpa ikut menjalani Peraduan Peringkat Dewasa.

Yang kedua juga, kalau kitani mengehadikan umur 40 tahun, sebenarnya umur 40 tahun inilah umur matang sebagai qari ataupun pembaca Al-Quran yang bertaraf antarabangsa ataupun sudah matang kerana dalam usia tersebutlah telah menguasai ilmu-ilmu tajwid yang mantap dan begitu juga dengan taranumnya. Maka sayang kalau kita mengehadikan umur 40 tahun sedangkan di peringkat antarabangsa tidak dihadkan umur 40 tahun hanya dihadkan kalau johan 2 tahun berturut-turut maka ia akan tidak dibenarkan ikut lagi.

Seterusnya kaola menyokong apa yang disarankan oleh Yang Berhormat rakan kaola Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, iaitu kalau boleh ditambah lagi satu dana, iaitu dibuka Tabung Khairat di masjid-masjid di seluruh negara kerana kitani melihat pada masa ini orang-orang yang susah dan memerlukan pertolongan.

Jadi, sesuai dengan peranan masjid misalannya ada tabung masjid. Tabung masjid ini tidak boleh digunakan selain dari masalah masjid iaitu untuk membersihkan masjid, membaiki kerosakan masjid dan sebagainya. Kalau Tabung Khairat kitani boleh membantu anak yatim, untuk membantu orang susah dan jika kesusahan dalam kampung itu misalannya kesusahan yang tidak memberatkan maka Jawatankuasa Masjid boleh membantu dengan duit Tabung Khairat masjid ini.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

Kaola pernah beribun-ibun masa rehat beberapa hari yang lalu, kalau giliran kaola menerima soalan beranak-ranak, kaola akan minta Yang Berhormat Pengerusi bertanya *certificate* anak-anak soalan mereka itu. Sama ada *original* di sini atau pun macam mana tapi **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** Yang Berhormat Pengerusi, sesuatu perkara yang menarik, sewaktu kaola membentangkan belanjawan kementerian, kaola menekankan komitmen kerajaan tidak mengesampingkan pendidikan Islam itu pendidikan agama.

Cabarannya kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memastikan ia tetap relevan, direspons setepatnya kepada keperluan negara pada masa ini dan pada masa akan datang, kaola menyerahkan perkara itu kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang perancangan pendidikan.

Inilah kitani kalau dapat menerima cadangan seperti bagaimana dalam hubungan ini KUPU SB ertinya Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang asalnya Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong itu nostalgia, kerana beliau itu orang yang banyak terlibat sebagai pelajar di Maktab Perguruan Ugama dan juga orangnya aktif dalam mengembangkan ilmu-ilmu agama setelah keluar daripada maktab.

Jadi sesuatu *input* yang baik untuk KUPU SB melihat hal-hal seperti ini. Terutama sekali melihat kepada apa yang

dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya KUPU SB tidak terkeluar daripada landasannya bahawa KUPU SB sendiri mempunyai matlamat. Antara matlamat yang penting, ialah mengisi keperluan masyarakat dalam bimbingan dan kepimpinan keagamaan.

Jadi, hal ini tentulah sentiasa difikirkan oleh pihak-pihak berkenaan KUPU SB. Ertinya Jemaah Majlis KUPU SB sendiri bahkan oleh kementerian bahkan semua pihak. Yang setahu kaola yang dapat kaola maklumkan, ialah KUPU SB sudah mengambil langkah perkara ini pada akhir-akhir ini Yang Berhormat Pengerusi, terutama sekali bila terdapat laporan bahawa ada lepasan-lepasan KUPU SB yang memohon tauliah untuk mengajar Al-Quran dan didapati tidak layak diberikan tauliah. Jadi, persoalan di kementerian ialah bagaimana hal ini terjadi?

Selepas itu kaola difahamkan langkah-langkah mengubah kurikulum mengenai al-Quran itu. Kaola tidak pasti pula mengenai kurikulum amali agama. Tapi, yang penting ini ialah ia maknanya masih relevan dalam erti kata bagaimana untuk merelevankan pelajar-pelajar ataupun mahasiswa yang masuk ke KUPU SB itu untuk merespons kepada keperluan negara dalam bidang keagamaan seperti macam ani.

Di samping juga memikirkan kesejahteraan lepasan-lepasan yang mengikuti aliran-aliran agama ini, salah satu *input* yang baik dan kaola berharap

hal ini akan dalam catatan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengerusi.

Masih juga mengenai dengan KUPU SB ini ialah mengenai perkara amalan itu. Benar juga kalau pada masa dahulu lepasan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan itu atutah sebenarnya indung suka duka di kampung-kampung selain daripada pegawai-pegawai masjid.

Pegawai-pegawai masjid itu sebenarnya adalah lepasan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. Pada masa ini hal itu nampaknya tidak seberapa lagi jelas dan perkara ini juga sangatlah menarik dengan memperkukuhkan amali agama dalam kurikulum di KUPU SB.

Jadi, saranan untuk pelajaran Al-Quran ditambah dan amali agama itu dimasukkan sebenar-benarnya di dalam kursus bagi memenuhi keperluan-keperluan seperti ini adalah saranan yang baik.

Walau bagaimanapun, tentulah KUPU SB diketahui mengambil langkah-langkah ke arah itu namun dari semasa ke semasa bolehlah melihat lagi untuk *final tune* sebarang apa juga program-program mereka berhubung dengan pelajaran kurikulum Al-Quran dan juga kurikulum amali agama.

Dalam hal ehwal masjid mengenai kesuciannya, ini ringkas sahaja jangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dari wanita dan yang hadir di sini agak tersingung

dengan cadangan ini saranan untuk mengehendkan kehadiran semasa Majlis Nikah di masjid itu terdiri daripada lelaki sahaja, perkara ini, akan disemak sehalus-halusnya.

Yang penting memang kitani bertujuan memelihara kesucian masjid. Sekalipun barangkali, ada yang beralasan bukan macam ditetapkan dalam fiqah pada masa dahulu ditakuti kekhuatiran tapi pada sekarang ini ada alat-alat yang boleh menahan. Tapi hukum tetap hukum jadi kita akan melihat perkara ini sebaik-baiknya Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai kehadiran Pegawai-Pegawai Masjid dalam pertanyaan bertulis ada Yang Berhormat Pengerusi tapi mengenai kehadiran waktu Subuh, ani waktu Zuhur dan Asar ini, lain *angle* nya dan memanglah ini sangat-sangat diperhatikan Yang Berhormat Pengerusi, sangat mendukacitakan ia terjadi sedemikian tetapi kalaukan menyatakan alasan kerana tinggal jauh dan komitmen dengan "mengantat", mengambil anak sekolah meninggalkan tugas, itu tidak tepat. Tidak boleh dijadikan alasan oleh pegawai masjid. Jadi, perkara itu benar-benar terjadi dan berulang-ulang maka dalam aturan sekarang ini ia boleh diambil tindakan, tindakan yang bersesuaian bermula dengan:

1. Menasihatkannya;
2. Meminta tunjuk sebab dan setelah tunjuk sebab kalau tidak apa-apa; dan
3. Tindakan disiplin pejabat ataupun tindakan disiplin mengikut peraturan-peraturan kerajaan dalam bidang

pekerjaan dan dalam bidang menunaikan tugas.

Memang satu perkara yang sangat-sangat penting, apakah yang kerana faktor tinggal jauh dari masjid dan sebagainya, amalan pada masa ini Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong pun mengetahui, pemilihan ataupun penempatan petugas Pegawai-pegawai Masjid di masjid dengan mengambil kira tempat tinggal mereka yang tidak jauh dari masjid.

Tidak semestinya sekampung dengan masjid tetapi boleh jadi kampung yang berhampiran dengan masjid pun masih jua. Jadi ertinya tidak sampai menghalang mereka dalam berjalan lebih daripada setengah jam membawa ke sejam ataupun bertugas di Tutong, tinggal di Sengkurong kerana ada hal kononnya dan sebagainya tetapi seboleh-bolehnya kan tinggal di Tutong di mana-mana pun "nya urang" di kampung-kampung di Tutong yang kira-kira tidak sama dengan jaraknya dengan di Sengkurong dan akan diusahakan penempatan mereka. Kecuali kalau masjid ataupun balai ibadat di pedalaman-pedalaman sukar untuk menempatkan atau mendapatkan rumah-rumah sewa, jadi didapatkanlah seboleh-bolehnya dalam kalangan orang-orang pedalaman itu sendiri. Atu mengenai masjid dari segi kehadiran waktu Zuhur dan Asar.

Mengenai masjid, jalan masuk keluar saya tadi merasa Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong sedang bercakap persoalan, saya "menoleh"

kepada rakan kaola Menteri Pembangunan “menoleh” ke belakang, kali pikir “bisdurang” ani berpikir kali ini perkara ini.

Soalan Yang Berhormat Pengerusi pekara ini memang sangat diambil berat oleh Kementerian dan sekali-kali diangin-anginkan kepada kementerian Pembangunan untuk mendapatkan peruntukannya. Peruntukannya agak besar kerana itu tidak dapat disiapkan semasa masjid itu siap dan mudah-mudahan ada ikhtiar yang lain ke arah itu . إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Sokongannya kepada cadangan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai had umur الْحَمْدُ لِلَّهِ “camatulah” kitani berbahas. Ertinya, mana-mana pemikiran yang baik dari seorang ahli, sokongan atau pandangan yang lain daripada Ahli-Ahli yang lain.

Jadi kitani dapat melihat beberapa aspek daripada beberapa isu yang ditimbulkan. Jadi, satu *angle* yang baharu ialah walaupun mahukan belia itu masuk terus ke peringkat kebangsaan, disarankan supaya Johan dan Naib Johan Peraduan Al-Quran Peringkat Belia terus diangkat menyertainya. Ini satu perkara yang boleh dipertimbangkan.

Kalau kitani sekat bagaimana kita mahu mengasuh orang baharu ini, macam mana kitani kan melihat sejauh mana mereka ani jua “nya urang” apabila mencapai umur 39 tahun akan termasuk 40 tahun apakah bilangan mereka ini sampai kepada satu masa yang akan datang atu, yang sekarang ini masih kita

asuh masih lagi menunjukkan keupayaannya. Diharapkan satu *standard* untuk pertandingan di peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa akan menimbangkan cadangan-cadangan tidak mengadakan sebarang had umur dalam pertandingan.

Hanya untuk pertandingan ini bagi orang-orang yang sedemikian ini, Yang Berhormat Pengerusi macam-macam jenis pertandingan ini, ada masjid mengadakan di peringkat masjid senegara, terbuka bagi jemaah-jemaah masjid, semuanya peluang-peluang ini masih ada tapi inilah kita mahu ada cap (*label*) qari kebangsaan. Jadi, mudah-mudahanlah hal ini kita lihati mana-mana yang bersesuaian pada masa akan datang.

Tujuan kitani mengetengahkan belia-belia itu ialah untuk mengembangkan pembacaan yang baik yang sampai mencapai taraf antarabangsa yang dijamin kalau misalannya belia sudah tentu akan sampai kepada umur 40 tahun, kalau mereka selepas itu masih lagi menampakkan keupayaan maka إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan memikirkan bagaimana caranya nanti.

Tabung Khairat di masjid-masjid seluruh masjid ini satu saranan yang baik dan patut didengar oleh pegawai-pegawai masjid kerana dari semasa ke semasa, masjid-masjid akan memohon kepada Majlis Ugama Islam Brunei untuk meminta kebenaran membuka Tabung Anak Yatim, tabung selain pihak-pihak berkenaan Jawatankuasa Kebangsaan misalannya kerana sumbangan untuk

bencana alam di luar negeri selain sumbangan anak yatim peringkat kebangsaan dan sebagainya. Dari semasa ke semasa jua contohnya untuk “nya urang” ada kegiatan pada bulan ramadhan dan belia dan sebagainya.

Jadi, tentulah kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid mengalukan pemikiran ini untuk menyeragamkan ertinya seperti ada Tabung Dana Tetap, in da semestinya dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan cara-cara pengurusan kewangannya adalah teratur dan sebagainya perkara ini akan dilihat bersama Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya sekarang memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk membuat kenyataannya bahawa Yang Berhormat ingin untuk memberikan kenyataan tambahan berhubung dengan soalan isu yang dibangkitkan mengenai merokok di sekolah.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin menambah sedikit jawapan daripada rakan sejawatan saya mengenai isu penuntut merokok di luar sekolah. Jadi kalau di luar sekolah ia diistilahkan sebagai kawasan awam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Negara Brunei Darussalam kadar perokok bagi dewasa yang berumur 18 tahun ke atas adalah lebih kurang 19.9% mengikut *survey* yang diadakan pada tahun 2016. Manakala kadar perokok remaja yang berumur 17 tahun dan ke bawah adalah 11.4% iaitu lebih kurang 4,000 pelajar yang kebanyakannya dalam kalangan remaja lelaki dan sebilangannya remaja perempuan. Melalui *Global School Base Student Health Survey* yang diadakan pada tahun 2014, purata umur penuntut merokok ialah 17 tahun akan tetapi lebih 70% perokok remaja telah mula merokok sebelum mencapai 14 tahun dan ada yang merokok seawal 7 tahun.

Unit Penguatkuasaan Tembakau di Kementerian Kesihatan akan membuat rampasan atas produk tembakau atau *vape (e-Cigarette)* yang dalam milik mana-mana kanak-kanak 18 tahun ke bawah yang ditemui melakukan kesalahan di bawah Perintah Tembakau 2005 seperti yang ditetapkan di bawah Bab 10 Perintah Tembakau 2005. Tindakan undang-undang akan diambil. Buat pertama kali, pendaftaran wajib dimestikan ke klinik berhenti merokok bagi pesalah-pesalah. Bagi kesalahan kedua kompaun \$100.00 dan bagi kesalahan ketiga kompaun \$300.00.

Pada tahun 2018 sebanyak 42 rampasan produk tembakau dan *vape e-Cigarette* yang dimiliki oleh penuntut yang berumur di bawah 18 tahun telah pun dibuat.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Kita berbalik kepada Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dan saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ kaola bercakap mengenai panduan senarai produk halal dan restoran halal di Negara Brunei Darussalam bagi memastikan keharmonian dan kesejahteraan hidup beragama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Dalam memastikan produk-produk dan tempat-tempat makan dijamin halal, adalah dicadangkan agar diterbitkan sebuah buku panduan senarai produk dan restoran halal di Negara Brunei Darussalam.

Buku panduan ini hendaklah dirujuk dengan mudah oleh orang ramai melalui pelbagai cara seperti risalah, telefon bimbit, laman sesawang dan sebagainya dan ia hendaklah sentiasa dikemaskinikan dari semasa ke semasa. Soalan saya, apakah Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan-jabatan yang berkepentingan mempunyai perancangan untuk mengeluarkan buku panduan senarai produk dan restoran

yang mendapat kelulusan halal di Negara Brunei Darussalam?

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Untuk menjawabnya secara ringkas, kalau dilihat dari segi kegunaan umum, memanglah orang ramai melihat Sijil Halal, Permit Halal dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Semua sekali mengenai pengetahuan untuk makanan halal haram, permakanan ini diserahkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei ataupun Kementerian Hal Ehwal Ugama termasuklah untuk menyenaraikan produk-produk yang sudah dihalalkan ataupun yang diberi pengiktirafan halal ataupun premis-premis, restoran-restoran yang di berikan permit halal dan sebagainya.

Amalannya kegunaan umum ada hubungan kepentingan perniagaan juga. Di negeri-negeri lain beberapa pihak persendirian mengambil alih peranan sedemikian. Kitani lihatlah supaya ada kemungkinan sedemikian misalnya badan-badan perniagaan hatta kumpulan-kumpulan yang tertentu yang mempunyai rasa tanggungjawab mengadakan sesawang-sesawang khusus mengenai memandu bukan saja di negerinya malah di negeri-negeri lain untuk kegunaan sedemikian dan tinggal lagi merujuklah ke Majlis Ugama Islam Brunei untuk mendapatkan data, fakta yang sebenar-benarnya.

Koala ingin menambah penjelasan mengenai Masjid Sengkarai yang memerlukan jalan, perkembangan yang

terakhir sekarang ini sudah ada Perancangan Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya, untuk mendapatkan design dan sebagainya dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau tidak ada apa-apa jika diizinkan peruntukannya kita akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Mengenai Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dengan kursus Al-Quran dan juga amali agama, ingin diperbetulkan adalah kursus wajib, bagi universiti pada masa ini. Tinggal lagi adakah ia memadai setakat 8 *period* atau bagaimana itulah yang patut dibaiki.

Syarat-syarat kursus wajib apabila penuntut tidak mencapai satu tahap mereka dikehendaki untuk mengikuti lagi sebagai intensif dan sebagainya. Tujuannya ialah untuk menyerap mereka ini kepada orang berkeupayaan yang berkelayakan bagi Al-Quran dan amali agama ini sepertimana apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong tadi.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola hanya ingin membawa perkara-perkara mengenai hal-ehwal pentakmiran masjid khususnya dari segi tahap piawaian pegawai-pegawai masjid termasuklah para Imam dan Bilal di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di negara ini.

Bidang kuasa dan tugas pegawai-pegawai masjid ini adalah seperti yang termaktub dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Bahagian 5 (Bilangan 132).

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid tidak kendur-kendur memberikan perhatian kepada perkembangan, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran pegawai-pegawai masjid di negara ini.

Adalah difahami salah satu program yang telah dan sedang giat dilaksanakan adalah Program Pengajian Kitab Fathul Mu'in iaitu program pembahasan dan perbincangan mengenai hukum-hukum fiqh. Program ini dilihat akan meningkatkan lagi kredibiliti para Imam dan Bilal sebagai pemimpin masyarakat yang berpengetahuan tinggi dalam hukum-hukum fiqh.

Apakah ada terdapat perancangan dari pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya institusi-institusi pendidikan dan pengajian tinggi Islam tempatan untuk mengadakan atau menubuhkan akademi khusus bagi pendidikan para Imam dan Bilal di samping mengangkat program-program, pengajian dan latihan

bagi para Imam dan Bilal yang sedia ada ke peringkat yang lebih tinggi seperti ke peringkat Sarjana Muda, Diploma Lulusan Ijazah ataupun Diploma Tertinggi Kebangsaan.

Program yang lebih meluas ini, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dapat meningkatkan, mencerminkan lagi kewibawaan para Imam dan Bilal sebagai seorang pegawai masjid yang berilmu dan yang berkemahiran tinggi, dengan akhlak yang baik dan disegani serta menjadi contoh atau *role model* kepada masyarakat.

Dalam sama-sama kita mempertingkatkan lagi perekonomian negara selaras dengan sebagai hasrat Brunei maju, Kementerian Hal Ehwal Ugama memainkan peranan yang penting sebagai misalannya dalam merealisasikan potensi negara menjadi sebuah negara hub halal yang unggul di peringkat global. Pihak kerajaan telah menubuhkan Bahagian Kawalan Makanan Halal yang berperanan dalam memastikan kualiti dan sistem yang teratur terutamanya dalam berkaitan dengan perundangan, penguatkuasaan dan pengawasan makanan produk halal.

Apakah perkembangan perancangan penubuhan pusat kecemerlangan penyelidikan halal di bawah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang dilihat dapat membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Haflut Takharruj Ke-6, Universiti Islam

Sultan Sharif Ali pada Tahun 1438 Hijrah 2016 Masihi iaitu baginda menyarankan agar universiti berkenaan meneroka dalam satu bidang yang berkembang pesat sehingga ke peringkat antarabangsa pada masa ini iaitu industri halal yang merupakan tuntutan utama dalam Ugama Islam.

Sekian, **وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ**

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu mengenai kitab Fathul Mu'in dengan kepriawaian kelayakan bagi pegawai-pegawai Masjid. Lalu dengan soalan, apakah ada rancangan menubuhkan akademi khusus bagi Imam dan Bilal?

Setakat ini kaola boleh menjawab tidak ada rancangan untuk menubuhkan akademi khusus tapi pegawai-pegawai masjid secara berfasa-fasa mengikut perkembangan kemajuan pendidikan ugama juga terutama sekali dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan juga dari UNISSA bahkan sebahagian daripada UBD yang lepasan-lepasan mereka ini telah diserapkan ke dalam untuk menjadi pegawai-pegawai masjid.

Mereka itu berilmu ilmu ugama dan untuk menambahkan lagi ilmu mereka dari semasa ke semasa mereka dibimbing untuk mengikuti latihan-latihan atau kursus-kursus yang diadakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid atau oleh mana-mana pihak Kementerian

Hal Ehwal Ugama bagi meningkatkan ilmu mereka kelayakan mereka dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan. Seperti, pada masa ini sudah ada program-program di masjid-masjid tertentu untuk membaca dinamakannya Kitab Turath.

Kitab Turath iaitu kitab-kitab yang lama menjadi asas kepada pegangan dan amalan kitani terutama sekali dalam perkara akidah, perkara syariah dan perkara fiqah yang disebutkan. Kitab Fathul Mu'in salah satu daripada contohnya.

Jadi, hal seperti inilah yang kaola rasakan satu perkembangan yang sangat menggembirakan bahkan kata orang pada perkhidmatan agama kaola ataupun umur perkhidmatan dengan kerajaan kaola sudah sampai ke hujung ini, kaola merasa kagum.

Dengan lahirnya orang yang mempunyai pendidikan agama dalam kalangan muda, dalam kalangan pada perumuran antara 20 dan 30 masuk ke 40. Mereka mempunyai keupayaan tampil memimpin masjid-masjid untuk program-program seperti ini. Jadi **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** yang inilah yang sebenarnya yang kitani tunggu-tunggukan dan kerana itulah 2 perkara:

1. Usaha penyerapan yang berterusan lepasan-lepasan pengajian tinggi Islam dari luar negeri ataupun dari dalam negeri untuk berkhidmat dalam masjid. Tidak menjadikan kitani kata orang kekurangan sehingga kira-kira kata orang akan

mengadakan lagi semacam akademi khusus untuk mereka ini; dan

2. Sudah ada tenaga-tenaga yang boleh diharapkan bagi membimbing sama ada mereka itu dari pegawai-pegawai masjid ataupun dari yang lain yang sudah bergerak dalam bidang dakwah dan bidang pendidikan ugama secara *private* bukan mereka belum berjawatan kerajaan dan seumpamanya dan hal ini sangat menggembirakan dan kaola sangat mengaguminya. Terima kasih.

Mengenai hub halal ini, tadi bisai kali juga kerana disebutkan pihak UNISSA dan UBD untuk diminta/dititahkan pada masa itu untuk mengadakan usaha bagi mendukung cita-cita kerajaan bagi hub halal dan juga bagi industri halal ini.

Kitani ambil peranan sama-sama dalam penubuhan kursus di UNISSA. Jadi, kaola berfikir rakan kaola yang berkenaan kalau ada masa atau maklumat dapat kaola kumpulkan dapat kaola jelaskan kemudian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰی سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰی اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah kementerian yang sangat penting

kerananya ia ibarat roh dalam satu negara umat Islam. Kaola yakin di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama akan sentiasa selari dengan keperluan negara yang berpaksikan Melayu Islam Beraja.

Kaola membawa di bawah Tajuk SJ01A - Majlis Ugama Islam Brunei:

1. Pada masa kini terdapat kelambatan bantuan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) khususnya bantuan pembinaan rumah daif, apakah langkah pihak Majlis Ugama Islam Brunei untuk meningkatkan tempoh masa bantuan pembinaan rumah daif ini?;
2. Kaola ingin mencadangkan jika belum ada, bagi meningkatkan efisiensi fungsi Baitulmal dengan melantik konsultan bagi membantu mengurus penyaluran agihan wang zakat. Melalui Baitulmal ini dikira mampu mengeluarkan Asnaf Fakir Miskin dan mungkin juga Al-Gharimin kepada individu-individu yang berjaya dengan memperkasakan mereka dalam bidang usahawan;
3. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** , diucapkan setinggi-tinggi tahniah atas usaha Majlis Ugama Islam Brunei menjalankan Program PROPAZ yang berjalan dengan baik. Mudahan menjadikan peserta PROPAZ sebagai usahawan yang berjaya. Salah satu usaha PROPAZ dalam bidang pertanian. Dalam usaha kitani ianya memerlukan penyediaan perbelanjaan tunai yang segera seperti pembelian baja dan

sebagainya. Mengikut maklumat penyediaan segera pembelian biasanya terlambat kerana memerlukan kelulusan yang berperingkat-peringkat. Kelambatan pembajaan akibatnya pertumbuhan tanaman terbantut, *stunted growth* ini membawa kepada kurang mendatangkan hasil; dan

4. Bahagian Pusat Da'wah Islamiah, sejauh manakah *follow-up* pendidikan muaf peringkat awal ke peringkat lanjutan seperti bacaan dan amali? Se jauh manakah keaktifan dakwah Syiar Islam kepada muaf bagi sentiasa mendapat bimbingan dan mengamalkan ugama Islam dengan baik? Kerana masih terdapat golongan ini yang belum mencapai penguasaan asas-asas amali beragama. Sekian, terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima Kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Terima kasih atas sanjungan bahawa kementerian ini sangat penting.

Semua kementerian dalam pemerintahan kitani adalah pada tahap yang sangat penting menjayakan kelangsungan sebuah negara. Dalam pembinaan rumah ini, Yang Berhormat sendiri mengetahui bantuan-bantuan perumahan ini kepada muaf daripada Pusat Da'wah Islamiah, diusahakan juga oleh Majlis Ugama Islam Brunei dalam secara langsung melalui Jawatankuasa

Pengagihan Zakat. Diusahakan juga oleh banyak pihak termasuk kalau ia mualaf kalau orang ramai, kalau orang daif ia ada program-programnya. Pada masa ini dipusatkan dengan sebagai program-program *quick win*.

Ada lagi program yang dilakukan oleh contohnya pejabat-pejabat daerah dan pejabat-pejabat ugama daerah. Semua ini menuju kepada tujuan hasrat untuk membantu perumahan bagi orang-orang yang memerlukan di bawah Asnaf Zakat:

1. Dari semasa ke semasa program-program ini dilihat untuk keberkesanannya;
2. Untuk mempercepatkan proses-proses penyiapan segala perancangan-perancangan yang dibuat; dan
3. Perkembangan yang terakhir. Adalah kemungkinan dalam Asnaf Zakat ini akan mendapat tempat di kawasan-kawasan perumahan yang ditentukan oleh Kementerian Pembangunan dan Jabatan Perumahan dan sebagainya. Jadi, Majlis Ugama Islam Brunei akan mengambil kesempatan setelah mendengar taklimat yang diberikan baru-baru ini untuk memikirkan pembinaan secara besar-besaran rumah-rumah di kawasan tanahnya yang sudah infrastrukturnya siap dan sebagainya. Perkara ini akan memakan waktu bagi perancangan selain memikirkan jua pemilihan orang-orang yang bersesuaian untuk ke sana.

Dalam konteks orang Asnaf Zakat Yang Berhormat Pengerusi, dalam konteks perumahan, ada satu sudut yang kitani mesti fikirkan. Asnaf Zakat itu termasuk orang-orang yang bukan rakyat, baru bertaraf penduduk tetap. Jadi, kalau dari segi perumahan di kawasan yang dikhususkan bagi tanah Perancangan Perumahan Negara mereka itu tidak termasuk dalam syarat-syarat orang yang layak untuk diberikan perumahan. Inilah antaranya. Satu dasar akan diputuskan sama ada mereka ini akan dimasukkan juga. Kalau mereka memerlukan perumahan tapi mereka bukan rakyat, apakah mereka ini akan juga dimasukkan ke dalam skim itu, dalam program itu atau tidak, satu dasar akan difikirkan.

Beberapa pemikiran awal sudah ada dan akan dihalusi lagi Yang Berhormat Pengerusi. Tetapi yang mudahnya lagi bagi orang yang mempunyai tanah untuk membina rumah di atas tapak tanahnya. Tetapi, tanah itu kalau dilihat dari segi infrastruktur masih memerlukan macam mana jalan raya dan sebagainya sudahpun dialami seperti ini. Kos pembinaan sedemikian itu juga mahal, dengan ada peluang yang dibukakan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** oleh Kementerian Pembangunan melalui rancangan perumahan, melalui satu skim yang sekarang ini diperkenalkan, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** keperluan perumahan bagi orang-orang Asnaf di bawah Majlis Ugama Islam Brunei akan dapat ditangani dengan lebih teratur, Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai Program PROPAZ yang sudah diterangkan ialah pengupayaan Asnaf Zakat. Beberapa program yang dilaksanakan pada masa ini kemudian ditambah lagi dengan beberapa program yang baharu. Nampaknya, kalau kita mengukur kejayaannya Yang Berhormat Pengerusi, kejayaannya itu, kaola kira bilangan orang yang memasukinya sekitar 100, berapa peratus yang sudah mendapat pekerjaan ertinya terkeluar daripada Asnaf. Beberapa peratus lagi belum.

Kalau kaola dapat nyatakan memang peratusnya itu tinggi kejayaannya orang yang sudah mendapat pekerjaan melalui latihan-latihan dan sebagainya. Ataupun, tidakpun mendapat pekerjaan, orang yang dibantu dengan pengupayaan mereka untuk berusaha sendiri ada sudah yang menunjukkan kejayaan-kejayaan. Tetapi, kalau bilangannya itu dikira daripada jarak waktu ada 10 tahun, kalau dikira jumlah bilangan itu adalah masih sedikit.

Abiskaola sungguh menyedari dan menginsafi perkara ini patut difikirkan dengan sedalam-dalamnya. Seheinggakan mengenai perkara ini, pengurusan zakat, penggunaan zakat dan sebagainya yang dicadangkan ini disarankan menggunakan konsultan. Inilah satu perkara yang barangkali agak sulit kaola akan menyatakan ataupun menerimanya sedemikian.

Apa yang diperlukan bukan konsultan untuk menentukan perkara ini, pemikiran itu ada sudah dan pemikiran di luar daripada Majlis Ugama Islam Brunei atau

di luar daripada pejabat ugama sendiri ada sudah. Pemikiran-pemikiran yang berbentuk bagaimana maju ke hadapan lagi. Dalam perkara mempergunakan bangsa kitani dan dalam mempergunakan, melaksanakan pengagihannya. Ada pemikiran-pemikiran macam-macam.

Yang sangat menggembirakan ada badan sukarelawan yang bergerak ke arah ini ingin bekerjasama dengan pihak Majlis Ugama Islam Brunei dalam pelaksanaan pengagihan-pengagihan zakat untuk penggunaan dan sebagainya. Konsultankah atau sebagainya, baiklah kitani lihat isu kitani boleh bersama dalam masyarakat ini, macam dalam Dewan ini, kitani ingin mendengar bagaimana lagi untuk memperbaiki. Jangan terus-terus menyerahkan perkara ini kepada konsultan.

Konsultan itu mungkin orang luar 'karang' ia inda 'merati' akan kedudukan kitani atau mungkin orang dalam yang 'merati' akan kedudukan kitani. Tapi, apakah mereka itu berjiwa sukarelawan, *social worker*. Itu yang kitani pentingkan sama-sama untuk berfikir menghadapi masalah sedemikian ini.

Pendidikan Mualaf, adakah berterusan. Bagaimana memastikannya dan sebagainya. Program-program yang dibuat oleh PDI sangat bagus sudah, Yang Berhormat Pengerusi. Ia menjamin kelangsungan pendidikan mereka itu setelah mereka mengikuti program-program setelah masuk Islam, ada programnya tertentu dan *follow up*

kepada itu ialah misalannya dengan lawatan-lawatan ke rumah-rumah mereka. Kalau mereka itu di pedalaman dan sebagainya, semua ini usaha untuk memastikan yang kitani ketahuilah. Soalnya sejauh mana pencapaian mereka misalannya bacaan-bacaan sembahyang yang kitani harapkan terus-menerus bacaan Al-Fatihahnya macam kitani menyebut, sebagaimana kitani orang yang sudah bersembahyang. Itu proses biasa atau bacaan macam mana keyakinan mereka, akidah mereka dan sebagainya. Itu satu proses yang berpanjangan.

Bukan saja melalui Pusat Da'wah Islamiah yang bergerak ke arah itu, tetapi apa siaran-siaran yang diperolehi dari televisyen, radio dan sebagainya adalah membantu untuk mereka meningkatkan pengetahuan dan amalan beragama Yang Berhormat Pengerusi.

Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Persoalan yang saya akan kemukakan berkenaan dengan Kod Akaun 004/003 - Kutipan dan Agihan Zakat. Kutipan dan Agihan Zakat setiap tahun dilaksanakan di negara ini dengan wang zakat ini diagihkan-agihkan kepada mereka yang berkelayakan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak

kerajaan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya:

1. Adakah Kementerian sudah mempunyai peta jalan ataupun *road map* untuk memperkasa golongan atau mereka yang menerima zakat dan bantuan Asnaf?. Sejuah manakah keberkesanan pengagihan wang zakat di negara ini ke arah mencapai *zero poverty* atau tiada ada kemiskinan?; dan
2. Sejuah manakah perkembangan dan keberkesanan bantuan yang berupa *non-case payment* kepada mereka yang dihulurkan alat-alat seperti mesin-mesin rumput, pemangggangan ayam dan seumpamanya dapat membantu mereka (penerima) untuk menjalankan bisnes kecil-kecilan.

Seterusnya di bawah Kod Akaun 0050/000 - Pendidikan Islam. Yang Berhormat Pengerusi. Sepertimana yang kitani sama-sama maklum bahawa kebanyakan sekolah agama di negara ini masih lagi menumpang di bangunan sekolah-sekolah rendah, sepertimana yang dijelaskan dalam mukadimah. Sepertimana yang kitani maklum bahawa sebanyak 38 buah sekolah agama dari 143 sekolah agama yang menggunakan bangunan sendiri.

Pertanyaannya, apakah ada perancangan dan strategi Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menggalakkan lebih banyak lagi pendidikan swasta agama di negara ini supaya dapat bersaing dengan pendidikan agama

kerajaan di samping untuk mengurangkan kesesakan dan kepenuhan di sekolah-sekolah agama kerajaan dan dalam hubungan ini juga adalah dipohonkan supaya elaun pelajaran akan dihulurkan sepertimana yang dihulurkan oleh kerajaan kepada mereka yang bersekolah swasta.

Terakhir, sekali lagi dipohonkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya dapat memasukkan peruntukan pembinaan sekolah agama bagi Kampung Subok diperuntukkan pada tahun-tahun yang akan mendatang.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Kutipan dan agihan zakat adakah sudah mempunyai *road map*nya? Akan menayangkan *road map*nya itu, kalau dilihat dari penerangan berhubung dengan zakat ini, bukan sahaja dalam Dewan ini dan luar Dewan ini kita dapat melihat Yang Berhormat Pengerusi. Memang usaha untuk mengangkat taraf mereka itu mengeluarkan mereka daripada kemiskinan kepada orang yang dapat berdiri sendiri, itu usaha kita.

Kita menuju matlamat itu dan berbagai-bagai jalan sudah ada antaranya: PROPAZ, bantuan yang berupa wang tunai, untuk membantu mereka memulakan perniagaan dan sebagainya

dan disebut jua tadi sebagaimana jua bantuan-bantuan seperti mesin rumput, mesin jahit, pembakar panggang dan sebagainya. Semuanya ini berupa ke arah itu Yang Berhormat Pengerusi. Bertanya apakah *road map* itu? Kaola ini bukanlah orang teknikal Yang Berhormat Pengerusi, kaola tidak dapat menjawab sejauh mana besarnya *road map* itu, sejauh mana panjang *road map* itu, berapa kilometer lagi dan akan datang.

Tapi yang pasti, dipastikan bahawa wang kutipan zakat telah digunakan bagi kegunaan asnafnya dan dirancangan untuk mengangkat atau mengeluarkan mereka itu, melepaskan mereka itu daripada kemiskinan, itu yang penting.

Kaola ingin menegaskan, bahawa zakat yang ada dari semasa ke semasa tidak kurang daripada \$17 juta atau \$16 juta setahun dan baki-baki yang sebelumnya lagi ada, semua dirancangan untuk ke arah ini Yang Berhormat Pengerusi. Ke arah mengupayakan, membantu orang yang tidak berupaya untuk dapat diupayakan kerana tidak ada pekerjaan dan sebagainya, memang *target*nya di sana ialah keluarga itu Yang Berhormat Pengerusi. Keluarga itu mempunyai anak dan anaknya itulah yang dibagikan agihan jua dalam agihan bulanan yang memakan jangka masa untuk dua tahun, Yang Berhormat Pengerusi.

Hal-hal seperti inilah yang pada keseluruhannya kita melihat bahawa zakat itu dan bersama juga dengan rancangan kebajikan kerajaan di bawah JAPEM dan bahkan juga di bawah

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan ada lagi di mana-mana menjadikan masyarakat kita ini ada semacam cara mengelakkan orang miskin turun ke jalanan jadi peminta-peminta sedekah. Inilah yang kita syukuri jua, tidak menjadikan masyarakat kita ataupun kita melihat di mana-mana, di lorong-lorong atau di jalan-jalan ada orang yang meminta sedekah.

Salah satu daripadanya ialah kejayaan Skim Kebajikan yang ada termasuk daripada zakat dan daripada sumber-sumber lain, Yang Berhormat Pengerusi. Kita bersyukur mengenai perkara ini. Kaola, secara umumnya menjawablah jika *road map* itu sedemikian maka termasuklah jua apa keberkesanan untuk dapat membantu penerima menjalankan usaha. Setakat ini begitulah.

Ada jua yang gagal, terang-terang gagal, misalannya diberikan bantuan motor tambang untuk berusaha menjadi penambang, akhirnya berhenti jadi penambang, motor tambang dijual. Begitu juga untuk nelayan, akhirnya motor itu tersadai sahaja dan tidak lagi menggunakan motor itu. Ia akan menggunakan cara-cara lain lagi. Semuanya ini tentang kejayaan dan ketidakberkesanan, hanya itu diukur daripada kejayaan dan kegagalannya itu memang ada, Yang Berhormat Pengerusi. Tapi yang nyata, nyata.

Kita mengadakan semacam jaminan social bahawa masyarakat kita tidak sampai jatuh kepada kemiskinan tegar. Kemiskinan tegar itu ertinya kalau ia tidak ada rumah, akan duduk di jalan-

jalan, kalau yang tidak mempunyai pendapatan akan menjadi peminta sedekah dan sebagainya. Jadi, yang sedemikian itu kaola secara langsung mengenai zakat itu. Ini secara sekali jurus menjawab persoalan-persoalan mengenai zakat dan sebagainya daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis sedemikian itu.

Mengenai persekolahan, memanglah diakui tadi sebenarnya masa kaola menyatakan itu sebagai menambah kepada rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan kaola mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang menampung sebahagian besar daripada persekolahan agama di sekolah-sekolah rendah yang lain. Tapi, sebenarnya ada lagi kementerian-kementerian yang berkenaan termasuk Jabatan Perdana Menteri seperti Pasukan Polis Diraja Brunei mengadakan sekolahnya, Kementerian Pertahanan beberapa buah di bandar ini, di Brunei Muara, di Daerah Tutong yang juga mengadakan persekolahannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sendiri dan bahkan sekolah swasta *JIS* ada sekolah agamanya.

Memanglah ada kalau dari segi perancangan kita memerlukan mana bangunan-bangunan untuk dibangunkan sekolah *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kita akan bangunkan dan di Kampung Subok ini, kita akan lihat sejauh mana tadahan di Kampung Subok ini sebenarnya memerlukan sebuah sekolah berasingan daripada sekolah-sekolah yang berdekatan di kawasan berkenaan itu nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu mengenai perkara halal haram.

Di negara-negara lain, pada masa ini telah pun memberikan pensijilan halal bukan sahaja makanan malah telah pun meliputi seperti *pharmaceutical*, kosmetik, pengangkutan barang, barang-barang yang digunakan harian dan sebagainya.

Soalannya, sudahkah kementerian telah membuat pensijilan bagi barang-barang berkenaan? Jika belum, adakah cadangan menuju ke arah tersebut kerana dijangkakan kemungkinan industri tersebut akan wujud di negara ini dan memerlukan Sijil Halal.

Dalam minggu yang lalu, pihak kementerian telah pun mengeluarkan memorandum dan surat makluman mengenai produk makanan roti yang tidak halal oleh pekilang berkenaan dan disahkan oleh pihak kementerian. Sekarang ini, isu-isu kemasukan produk makanan yang diragui kehalalannya sekarang semakin banyak terdapat di *supermarket* dan kedai runcit.

Kita sering dengar masalah penggunaan logo halal di luar negeri, produk-produk yang mempunyai gelatin seperti yang dimaklumkan baru-baru ini. Persoalannya:

1. Adakah pihak halal haram juga dilibatkan ke atas barang-barang yang diimport dari luar negeri?; dan
2. Juga disuarakan oleh orang ramai, dicadangkan supaya semua produk-produk yang diragui kehalalannya untuk dipisahkan ruang penyimpanannya dan juga perlunya *enforcement* haruslah dikuatkan bagi memastikan perkara-perkara seperti ini tidak akan terjadi lagi.

Soalan seterusnya, pihak halal haram juga mengeluarkan sijil-sijil ke atas ayam dan daging yang diimport dari luar negeri, juga produk lain yang bukan dari ayam dan daging tetapi hanya kepada syarikat yang tertentu sahaja. Ingin mengetahui, adakah pada masa ini telah atau akan dibuka pada pengimport-pengimport yang lain?

Adalah dirasakan jalan ini akan membantu memperkenalkan dan mempercepatkan pengenalan Halal Brunei ke arah persada antarabangsa.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Kaola memohon maaf Yang Berhormat Pengerusi, pendengaran kaola tidak berapa jelas berhubung dengan soalan Yang Berhormat tapi kaola dapat mengesannya, persoalan mengenai halal haram produk makanan.

Tetapi persoalannya apa yang sebenar isu yang akan ditimbulkan, kurang jelas kepada kaola. Perkara ini nanti akan kaola susuli lagi kepada Yang Berhormat atau kalau ada nanti catatan dalam *hansard*, akan dapat kaola rujuk, Yang Berhormat Pengerusi dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan ini.

Maka, saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini untuk membolehkan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat sebelah tengah hari.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada petang ini nanti mulai pada pukul 2.30 petang.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi meneliti dan membahaskan Rang Undang-Undang Belanjawan kementerian-kementerian kerajaan. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan dan diteliti satu per satu di peringkat Jawatankuasa, maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa bagi menimbang dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020. Mesyuarat Jawatankuasa yang kita adakan pada masa ini masih lagi membincangkan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kita telah mendengar beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, tetapi walau macam manapun kita masih lagi mempunyai beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka

untuk turut serta dalam perbincangan Tajuk Kementerian ini.

Maka, saya mulakan dengan Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Saya ingin menyambut baik usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memberikan keselesaan pembelajaran dan persekitaran kondusif kepada Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas di sekolah agama seluruh negara.

Saya difahamkan sebanyak 36 buah bilik bantuan pembelajaran pendidikan khas agama dan 75 guru-guru Pendidikan Khas. Saya juga difahamkan kemudahan-kemudahan pendidikan bagi Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas adalah seperti kitab-kitab *braille* Jawi persekolahan agama bagi pelajar-pelajar kurang penglihatan, kaedah "Pertuturan Q" bagi pelajar-pelajar mempunyai masalah pertuturan dan rem-laluan bagi pelajar-pelajar yang berkerusi roda.

Di samping itu, saya juga difahamkan bahawa matlamat kementerian bagi pelajar-pelajar ini bukanlah untuk memiliki sijil peperiksaan akan tetapi supaya pelajar-pelajar berkenaan akan memahami dan menguasai kemahiran membaca Al-Quran dan tuntutan fardhu ain seperti sembahyang lima waktu, kifayah, berwudu, puasa dan lain-lain.

Terdapat jua 9 modul *inclusive school* di bawah Kementerian Pendidikan dan terkini ada 2 *centre of excellent* baharu di Daerah Temburong iaitu Sekolah Rendah Rataie dan Sekolah Rendah Sultan Hassan dan semuanya Kementerian Pendidikan mempunyai 120 guru *SENA* baharu. *SENA* sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Yang Berhormat Pengerusi. Bolehkah digabungkan *centre of excellence* ini, *module inclusive school* antara pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dengan adanya kurikulum khas yang disesuaikan mengikut kemampuan dan keperluan mereka berdasarkan Pelan Pendidikan Individu dan Pelan Pendidikan Remedial serta diintegrasikan dari segi akademik biasa dan agama yang ia akan membantu dalam proses pembelajaran mereka secara menyeluruh.

Kemudahan-kemudahan pendidikan keperluan khas juga akan dapat dikongsi secara berkesan dan mengurangkan kos yang berulang-ulang untuk kemudahan yang sama.

Dalam masa yang sama, perkongsian khidmat guru-guru *SENA* juga akan dapat dilakukan bagi mengatasi hal kekurangan guru-guru Pendidikan Khas. Jika penggabungan ini dilakukan ia juga akan dapat menjimatkan masa pembelajaran Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas dan sekaligus juga menjimatkan masa ibu bapa kerana mereka hanya perlu menghantar mereka untuk belajar sekali dalam sehari.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*,
Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman atas soalnya berhubung dengan Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas dan *أَلْحَمُّ لِلَّهِ* Yang Berhormat telah membuat kajian/penyelidikan sebelum mengemukakan soalnya mengenai kemudahan-kemudahan yang ada di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan kemudahan-kemudahan yang ada jua di Kementerian Pendidikan.

Dalam rangkaian penjelasan Yang Berhormat itu tadi, dapat kaola simpulkan Yang Berhormat Pengerusi ialah dengan adanya *centre of excellence* di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan di Daerah Temburong, jadi adakah boleh digabungkan kegiatan-kegiatan bagi 'mengelinga' Pelajar-Pelajar yang Berkeperluan Khas di Kementerian Hal Ehwal Ugama ini dengan apa yang dilakukan/dibuat oleh Kementerian Pendidikan dengan menemukan di Temburong yang Yang Berhormat telah menyebutkannya ada beberapa kebaikan di dalamnya.

Jadi, kaola setentunya menyambut baik, sambil dengan *reservation* perkara ini akan sama-sama dilihat oleh rakan sejawatan kaola dalam perkara ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola hanya ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai perkara tegahan barangkali perkataannya, tegahan bagi mengadakan acara-acara yang melibatkan hiburan dan seumpamanya. Kalau hiburan itu sudah melampau memanglah sudah jelas, tapi ini hiburan barangkali ringan tapi melibatkan jua permainan muzik di tempat-tempat tertentu pada hari-hari kebesaran Islam.

Sepertimana pada masa ini bulan Rejab, mungkin ada jua perkara itu ada yang terlibat, tetapi tanpa kitani sedari kelmarin ada satu acara di Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Kaola dari dahulu pernah diberitahu bahawa Kawasan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah terlalu hampir bangunannya dengan Masjid Omar 'Ali Saifuddin, yang selama ini tidak dibenarkan.

Kaola, ingin mengetahui untuk makluman orang ramai jua, kaola meminta pencerahan bagaimana dengan acara kelmarin, adakah ia melibatkan seolah-olah macam bengkel

mengenalkan muzik-muzik tradisi biola, akordion, gambus dan tambur. Ada beberapa pihak yang cuba-cuba mengadakan acara-acara yang lebih kurang tetapi tidak dibenarkan atas alasan tersebut tadi. Kaola mohon pencerahan Yang Berhormat Pengerusi mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim mengenai acara ataupun *event* yang disebutkan itu berupa hiburan atau muzik yang disebutkan berhampiran dengan masjid dan sebagainya.

Acara-acara seperti ini dirujuk atau tidak, perkara ini bukan dalam bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menentukan atau membenarkan selain yang dibuat oleh kerajaan. Jika bukan kerajaan, dipohonkan kepada pihak yang berkenaan. Pada masa ini, apakah masih di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ataupun sudah berpindah ke kementerian lain. Kaola, kurang pasti Yang Berhormat Pengerusi.

Kementerian Hal Ehwal Ugama cuma hanya akan dirujuk apabila memerlukan pandangan dari segi agama. Setakat yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim di luar

maklumat kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Jika mendapat keizinan kaola ingin menambah, tadi ada 2 orang teman kaola Ahli Yang Berhormat menimbulkan PROPAZ iaitu supaya menambah satu lagi bidang supaya dapat diceburi oleh para peserta pengupayaan Program Pengagihan Zakat dapat dikongsikan.

Kitani masa ini, mengalami kebanjiran pekerja asing seperti yang ditimbulkan, malah seluruh pelosok negara kitani masa ini ada orang-orang asing bekerja atau berniaga. Jika zaman-zaman dahulu ada perambahan orang tua-tua "di mana ada asap di sana ada satu bangsa" sekarang ini, bertambah lagi satu bangsa lain. Kaola berfikir jika kiranya asnaf-asnaf yang berhak menerima agihan zakat ini seperti halnya diserapkan dalam Program Al-Zira'ah dan banyak yang sudah berjaya juga di Temburong dan tempat lain.

Tetapi kaola, belum terdengar peserta ini disalurkan dalam perniagaan kedai-kedai runcit. Jika boleh peserta-peserta ini terutama di tempat-tempat yang jauh (pedalaman) yang orang-orang asing belum sampai ke sana untuk membuka perniagaan. Bagaimanakah caranya, sama ada mereka itu dikumpulkan dalam kumpulan-kumpulan tertentu membuka kedai-kedai runcit semampu-mampu

mereka dengan modal agihan zakat tersebut sebagai permulaan.

Kaola rasa dengan bimbingan dan pengawasan serta pemantauan yang baik, mereka boleh menjadi ejen perubahan di kampung-kampung berkenaan untuk membekalkan keperluan harian sebelum orang asing masuk ke sana. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi memberi kesempatan kepada kaola.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Saranan untuk meluaskan Program PROPAZ, Pengupayaan Asnaf Zakat ini kaola alu-alukan. Dalam hubungan ini, jika ada permohonan daripada asnaf itu untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan memang diberikan. Pada masa ini pun sudah dilakukan beberapa agihan memohon modal untuk memulakan perniagaan ataupun meneruskan perniagaan mereka secara kecil-kecilan.

Jika ada permohonan untuk memohon di luar bandar, **إِنْ شَاءَ اللهُ** perkara itu akan diteliti dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengagihan Zakat yang bersidang hampir setiap hari tidak kurang 2 jam setiap pagi. Yang penting, kalau ada tenaga penggerak, barangkali yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim tadi yang tenaga penggerak untuk mengumpulkan dan memotivasi mereka untuk bergerak ke arah ini. Perkara ini, di luar keupayaan Kementerian Hal

Ehwal Ugama Yang Berhormat Pengerusi.

Kalau ada sukarelawan-sukarelawan yang boleh bergerak ke arah ini dan membimbing mereka tetapi modal tidak ada, *إِنْ شَاءَ اللهُ* boleh berhubung dengan Majlis Ugama Islam Brunei untuk mendapatkan agihan zakat bagi maksud tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ* Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah meningkatkan usahanya dalam memberi peluang kepada masyarakat untuk bekerjasama beramal jariah dalam pembinaan masjid khususnya mengadakan Tabung Dana Pembinaan Masjid melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sepanjang pengetahuan kaola, sudah ada 2 buah masjid yang didirikan hasil dari kutipan berkenaan. Kaola mengucapkan tahniah dan berdoa semoga wakaf atau sedekah amalan masyarakat diterima oleh *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* jua, *أَمِينَ*.

Berhubung dengan Tabung Dana Pembinaan Masjid, kaola menyokong saranan yang dibawa oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai penubuhan dana ini. Sehubungan itu, sukacita kaola mencadangkan pihak kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menubuhkan Tabung Dana Tarbiyah Pendidikan yang bertujuan menjana kualiti sistem prasarana dan peralatan persekolahan. Begitu juga bagi membantu anak-anak yang memerlukan bantuan bagi kesejahteraan persekolahan mereka.

Tabung Dana Tarbiyah Pendidikan ini, kaola fikir sangat penting bagi meningkatkan kualiti fizikal persekolahan agama, alat bantu mengajar serta prasarana dan kemudahan asas sekolah.

Selain itu, cadangan penubuhan Tabung Dana Tarbiyah ini juga dapat memberikan peluang kepada ahli masyarakat untuk berbuat amal jariah, membangun pendidikan di negara ini di samping meningkatkan jati diri dan semangat bekerjasama berbuat kebajikan dalam kalangan masyarakat. Mudah-mudahan dengan adanya Tabung Dana Tarbiyah ini, sistem persekolahan agama akan lebih berkualiti dan mudah-mudahan sistem pengurusan sekolah semakin mendapat barakah daripada *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Berikut, kaola membawa Kod Akaun 001/000 - Pengelola Makam dan Kubur. Pada tahun 2017, kaola pernah menyuarakan mengenai tebing sungai di kawasan tanah perkuburan

Kampung Terunan, Mukim Labi, susur. Ia diambil perhatian dan tahun 2018, telah dikeluarkan anggaran perbelanjaan iaitu lebih kurang \$40,000.00 untuk memasang *gabion* di sungai tersebut.

Soalan kaola:

Bilakah kerja-kerja tersebut dilaksanakan? Tebing sungai tersebut semakin susur dan ini akan menambahkan lagi kos pembaikannya.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, mengenai penghargaan kepada Tabung Dana Masjid. Diucapkan terima kasih atas penghargaan tersebut dan kerana kejayaannya mengilhamkan pula Yang Berhormat untuk kementerian ataupun kerajaan menimbangkan untuk menubuhkan dana lain lagi dan dalam hal ini tarbiyah. Tarbiyah itu pendidikan, tapi nampaknya dikhususkan bagi pendidikan agama sebagaimana tadi ia ada dana-dana yang lain disarankan.

Persoalannya, pendidikan agama setakat ini dapat ditampung oleh kerajaan dengan memperuntukkan sekian-sekian perbelanjaan. Jadi, kalau maksudnya lagi membantu mengukuhkan *fiscal consolidation* yang sentiasa menjadi dasar kitani, itu suatu perkara yang lain. Buat setakat ini, kalau 'ganya' dana itu maksudnya untuk membantu pelajar-

pelajar dari segi keperluan alat persekolahannya dan sebagainya, bukan merupakan infrastruktur maka perkara itu belumlah difikirkan perlu sangat. Dari segi keperluan-keperluan sedemikian kalau ia daripada kalangan anak Asnaf yang masuk dalam zakat, mereka diberikan bantuan khusus untuk keperluan-keperluan, misalannya masa permulaan sekolah dengan pakaian uniformnya disediakan, dibantu dengan buku-bukunya, bukan sahaja oleh Majlis Ugama Islam Brunei melalui kutipan hasil zakat bahkan juga oleh pihak-pihak lain seperti Yayasan dan pihak-pihak lain. Malah Kementerian Pendidikan mempunyai peruntukan yang khusus dalam perkara ini untuk membantu anak-anak itu. Kalau setakat itulah, kaola rasa sedemikian itu belum sampai masanya.

Berhubung dengan tanah perkuburan itu, nanti kaola akan mengecek dengan pihak yang berkenaan yang melaksanakan projek ini, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira dalam soal untuk mendapatkan tabung ini, kerajaan mempunyai peraturan yang tertentu bagi mengawal kutipan daripada orang ramai supaya perkara-perkara sedemikian tidak disalahgunakan kerana kutipan-kutipan sedemikian mungkin disalurkan untuk perkara-perkara yang lain daripada yang asalnya ditujukan. Jadi, saya kira perkara ini haruslah tunduk kepada beberapa peraturan yang sedia berjalan dan dikawal pada waktu ini.

Saya persilakan, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

1. Kaola merujuk kepada Tajuk SJ01A, Kod Akaun B05600 - Pemakanan di bawah Perbelanjaan Berulang-ulang dan juga kepada mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas perbelanjaan tambahan \$5.5 juta adalah Peruntukan Pemakanan:

i. Kaola merujuk bahawa pada tahun lepas, jumlahnya \$2.1 juta dan untuk tahun 2019/2020 jumlahnya \$7.65 juta. Dengan senarai perbelanjaan yang berhemah, kaola minta keterangan ke atas ratio tanggungan atau murid-murid dengan peningkatan perbelanjaan tersebut; dan

ii. Kaola ingin mengetahui jika cara pembekalan pemakanan itu diambil cara, iaitu peluang dibagi kepada golongan ibu tunggal dan yang berpendapatan rendah, kumpulan OKU dan pengusaha muda.

2. Di bawah Kod Akaun 004/001 - Pemakanan dan Barangan Halal. Kaola memberi cadangan supaya kursus Pensijilan Penyelia Makanan

Halal dimasukkan kepada Kursus Teknikal dan Vokasional yang ada pada masa ini. Seperti contoh, kursus Pemakanan Kulinari yang sudah ada di bawah *IBTE* secara peringkat dan juga dicantumkan dengan *Food Industry Programme* yang masa ini di bawah program pihak Pusat Pembangunan Belia. Ia membagi sokongan kelulusan kepada graduan-graduan program tersebut untuk boleh memiliki kerja terus (*employability*) dan juga menyokong hasrat kerajaan untuk mengambil anak tempatan di *services sector* dan industri pemakanan.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii. Perbelanjaan itu memang meningkat dan sangat ketara. Memang kaola sendiri memancing soalan itu, Yang Berhormat Pengerusi, kerana tidak memberikan *detailsnya*.

Kenaikan itu sebenarnya terbesar ialah bagi Sekolah Arab. Pada tahun lepas, diperuntukkan sekian-sekian dan dilaksanakan dengan secara *fiscal consolidation*, maka pihak Jabatan Pengajian Islam (JPI) telah mengadakan satu *exercise* yang mencukupkan bajet sedemikian itu dengan apa-apa keperluan yang ada.

Pelajaran sehari suntuk yang asalnya di sekolah-sekolah Arab, setelah dikaji dari segi pembahagian waktu belajar dan

kurikulum-kurikulum tertentu dapat dikonsolidasi. Hasil daripada penemuan-penemuan mereka, maka waktu belajar telah dijadikan satu hari sahaja. Jadi, keperluan untuk makan pun dikurangkan dan cuma digantikan dengan elaun sekian, semacam-sembacam.

Makanan untuk sehari suntuk, dengan pemakanannya sekarang ini sudah dikembalikan semula sistem kepada sehari suntuk, balik pukul 3.30 petang, tidak lagi balik pukul 1.00 petang ataupun pukul 12.30 petang, mereka tidak makan, maka itulah yang memakan perbelanjaan yang besar. Bukan suatu perkara yang mengejutkan, ia perkara secara *natural* Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai pemakanan dan barangan halal kursus Pensijilan Halal untuk diserapkan ke dalam *IBTE*, suatu saranan yang baik dan juga suatu saranan yang kaola rasa baik untuk dicantumkan dengan *Food Industry Programme*. Pensijilan Halal itu diadakan kursusnya di *IBTE*, maksudnya demikian yang memang suatu saranan yang baik dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diteliti oleh kementerian bersama dengan rakan Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Silakan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat.

Kaola ingin menyentuh mengenai Penyebaran Dakwah dan Syiar Islam dalam Kod Akaun 1116 - Hal Ehwal Ugama iaitu Kod Akaun 1116/001 - Masjid Baharu RPN Kampung Mengkubau, dengan Anggaran Perbelanjaan diperuntukkan bagi Tahun 2019/2020 iaitu \$2,475,000.00.

Kaola juga ingin menyentuh mengenai Kod Akaun 1116/002 - Masjid Baharu RPN Kampung Meragang dengan peruntukan \$2,075,000.00

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ bagi mendukung perkembangan syiar Islam ke arah menjadi negara kita sebagai Negara Zikir, peruntukan untuk pembinaan masjid-masjid seluruh negara telah pun diperuntukkan dengan harga rancangan sebanyak \$30 juta.

Soalan kaola:

1. Mengenai masjid baharu adakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memindahkan kepada Tabung Dana Masjid supaya masjid-masjid baru ini dapat selesai secepat mungkin, kerana masjid ini diperlukan oleh penduduk-penduduk yang berkenaan, bagi penduduk-penduduk tersebut ataupun memudahkan penduduk-penduduk tersebut menggunakannya dengan mengadakan aktiviti agama yang ada pada masa ini?;

2. Mengenai Masjid Utama Setia Ali Pekan Muara. Pada kebelakangan ini masjid tersebut telah mengalami banjir dengan air hujan yang selalu menimpa kepada para jemaah yang berada di luar masjid apabila menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat. Kaola ingin bertanya perkara ini kerana perkara ini telah bertalu-talu dihadapkan kepada kementerian yang berkenaan. Apakah sejauh ini tindakan atau rancangan pihak kementerian mengenai banjir yang selalu berlaku di masjid tersebut?;
3. Kaola ingin juga memberikan pandangan ataupun perbincangan mengenai kebersihan masjid di seluruh negara. Cantiknya masjid mesti dituruti dengan kebersihan dan pengurusan yang baik. Walau bagaimanapun, adalah mendukacitakan terdapat bangunan-bangunan masjid yang kurang bersih dari segi pemeliharannya. Kita mendapati bangunan-bangunan masjid berada dalam keadaan yang kurang elok dan menyedihkan, sepertimana terdapat bahagian luar bangunannya yang "bergelugut", catnya yang "terkubak", retak dan kotor. Kerap yang menjadi tumpuan adalah keadaan tandas masjid kerap diperkatakan dalam mana-mana perbualan orang ramai tandas masjid perlu dibersihkan setiap hari.

Sudah semacam perkara menjadi biasa tandas masjid menjadi kotor. Kalau yang bersih pun adalah tandas masjid besar yang mempunyai

kakitangan termasuk pekerja mencuci tandas. Bau tandas menjadi imej masjid di negara kita, tidak kurang juga keadaan dalaman masjid yang tidak bersih.

الْحَمْدُ لِلَّهِ pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid juga ada menggaji dan memberikan gaji kepada beberapa orang buruh yang seharusnya ditugaskan untuk membuat kerja-kerja pembersihan, akan tetapi perkara ini kurang berkesan.

Sebagai saranan dan cadangan dan untuk memastikan agar pengurusan masjid ditadbir dengan lebih berkesan, ada baiknya pengurusan masjid di seluruh negara ini diuruskan oleh satu badan yang diberikan autonomi untuk mengurus keseluruhan masjid di seluruh negara. Badan ini bertanggungjawab untuk melantik syarikat-syarikat bagi tujuan pembersihan dan pemeliharaan masjid. Badan ini bertanggungjawab terhadap keseluruhan pemeliharaan dan kebersihan bangunan-bangunan masjid di keempat-empat daerah mengikut zon-zon tertentu;

4. Kaola juga bertanya mengenai penuntut-penuntut agama (penuntut yang teristimewa) iaitu penuntut *autisme* atau autisma, kebanyakan penjaga yang ada pada masa ini menghantar anak-anak *autisme* atau autisma ini ke sekolah agama supaya akan lebih perhatian dan menitikberatkan sistem pembelajaran.

Kaola ingin bertanya adakah sekolah-sekolah agama juga mempunyai guru-guru yang istimewa memandangkan anak-anak istimewa ini seminggu sekali sahaja untuk hadir ke sekolah;

5. Mengenai perkembangan di Pulau Muara Besar, sepertimana kaola difahamkan bahawa Sembahyang Fardu Jumaat telah pun didirikan di Pulau Muara Besar dengan menggunakan surau yang dibina oleh Syarikat *Hengyi*.

Kaola ingin bertanya apakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai dengan surau tersebut. Adakah cadangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membina masjid baharu di Pulau Muara Besar itu?; dan

6. Mengenai permohonan Majlis Ugama Islam iaitu Asnaf Fakir Miskin. Baru-baru ini terjadi pemohon yang telah memohon untuk meneruskan permohonan mereka mengenai dengan Asnaf Fakir Miskin ini dan pemohon tersebut telah pun melakukan perkara-perkara untuk meminjam duit kepada penduduk-penduduk kampung.

Yang menjadi permasalahan kaola mengenai perkara ini, adakah permohonan MUIB ini akan memakan masa yang begitu panjang sepertimana yang telah kaola fahami bahawa untuk menerima keputusan sukacita dan dukacita akan memakan masa selama 6 hingga 8 bulan.

Kaola juga ingin bertanya, berapa ramaikah pemohon yang ada pada masa ini menghadapkan permohonannya kepada MUIB ini?. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman dan Yang Berhormat Pengerusi.

Untuk menjawab soalan-soalan sebanyak beberapa perkara. Kaola mencatat sama ada tepat ataupun kurang tepat adalah berdasarkan jawapan kaola sekadarnya nanti Yang Berhormat Pengerusi:

1. Mengenai masjid baharu di kawasan Mengkubau dan Meragang disebutkan tadi disambut baik. Memang ada peruntukan yang dahulu tahun ini. Soalan-soalannya adakah rancangan untuk menenderkan Tabung Dana untuk mempercepatkan projek di kedua-dua buah masjid tersebut ataupun di kawasan perumahan yang memerlukan masjid akan dipercepatkan supaya ia dimasukkan dalam Tabung Dana Masjid.

Kedudukannya sudah jelas. Peruntukan yang diberikan untuk enam (6) buah masjid itu adalah tetap komitmen kerajaan. Manakala Tabung Dana Masjid adalah bertujuan membawa orang ramai menanam saham akhirat.

Tabung Dana Masjid akan menumpukan kepada masjid-masjid yang patut dibaharui ataupun masjid-

masjid yang memerlukan pembesaran dan sebagainya.

Adapun mengenai rancangan di kawasan-kawasan perumahan adalah termasuk dalam rancangan di bawah perbelanjaan kerajaan, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan peruntukan yang ada sekarang ini, projek yang sudah dimulakan di peringkat pelannya dan akan dimuktamadkan ialah Masjid Baharu Mengkubau dan akan ditenderkan sedikit masa lagi. Mudah-mudahan ia akan disiapkan dalam jangka masa 20 bulan atau 24 bulan.

Begitu juga masjid-masjid yang lain, bukan sahaja Masjid Meragang tetapi juga masjid-masjid yang dalam rancangan kemajuan itu akan dapat diteruskan dengan memulakan *desigmya* kerana tapak-tapak bagi pembinaan masjid tersebut sudah pun ada.;

2. Mengenai Masjid Setia Ali, Pekan Muara yang keadaannya dilanda banjir bertalu-talu, apakah sejauh ini yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam perkara ini. Kementerian mengambil perhatian mengenai kebanjiran tersebut. Kebanjiran terjadi disebabkan oleh perkembangan pembangunan di sekitar kawasan berkenaan.

Ia di luar kuasa Kementerian Hal Ehwal Ugama ataupun masjid sendiri untuk menahan kebanjiran yang berlaku. Walau bagaimanapun, diusahakan bersama dengan pihak-pihak yang berkenaan dan

stakeholders yang lain. Termasuk mengenai Masjid Setia Ali ini iaitu bagaimana untuk membesarkannya kerana didapati tidak dapat menampung jumlah jemaah yang hadir.

Kesimpulannya, Masjid Setia Ali tidak perlu dibesarkan kerana dengan *architecture*nya yang unik. Jika silap membesarkannya akan mengubah seni bina masjid tersebut, jadi biarlah diperbaiki sahaja keadaannya seperti menara dan segala-galanya termasuklah juga mengecat masjid itu dan ini adalah perancangan masa hadapan untuk memperbaiki keadaan masjid.

Soalan ini juga berhubung kait dengan soalan adakah pembinaan masjid di Pulau Muara Besar? Yang Berhormat sebutkan juga tadi. *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* baru-baru ini Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dimaklumkan bahawa memang ada tapak masjid untuk dibina di kawasan Pulau Muara Besar.

Kalau ada rancangan untuk membangun masjid yang kedua bagi Pekan Muara, kalau sekiranya Pulau Muara Besar itu termasuk kawasan Pekan Muara maka di sanalah nanti akan dibangunkan. Ini dengan sendirinya menggantikan surau sementara yang ada dan sudah setentunya akan mengambil kira juga keadaan industri seperti kawalan keselamatan dan sebagainya. Kitani tunggulah nanti perkembangan Masjid Setia Ali yang akan diperbaiki

dan perkembangan untuk membina sebuah masjid baharu di Pekan Muara sama ada ia akan diletakkan di Pulau Muara Besar atau di suatu kawasan lain di daratan; dan

3. Apakah sejauh ini dibuat kebersihan masjid di seluruh negara dan pengurusannya? Didapati pada keseluruhannya Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed, kebersihan masjid adalah kurang memuaskan dan jika pada penilaian markah berkemungkinan di bawah 50% dan ada baiknya dikendalikan secara konsortium bagi seluruh negara atau di daerah-daerah mengikut zon-zon tertentu.

Pemikiran seperti ini belum dapat abiskaola pertimbangkan kerana usaha-usaha untuk kebersihan masjid ini sememangnya untuk kita perbaiki bersama khusus bagi kebersihan dalaman (dalam masjid). Bukanlah kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi ia adalah tanggungjawab bersama dan juga jemaah. Jemaah itu dalam erti kata sekarang diurus oleh Jawatankuasa Takmir Masjid.

Cubalah Jawatankuasa Takmir Masjid mencari ikhtiar apa caranya. Pertama, mendidik orang dalam penggunaan air seperti berwudu atau menggunakan tandas. Di samping itu, pihak-pihak teknikal yang mendesign tempat berwudu dan tandas-tandas masjid supaya mengurangkan kemungkinan 'lajah' ataupun 'bau' dan sebagainya.

Semua itu dalam bidang kuasa teknikal dan janganlah pihak Jemaah Takmir Masjid terburu-buru untuk menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada Jabatan Hal Ehwal Masjid sedangkan Jabatan Hal Ehwal Masjid diketahui, Yang Berhormat sendiri mengakui ada menggaji orang. Orang yang digaji ini pun *performancenya* pun tidak diketahui.

Jadi, itu masih lagi suatu usaha untuk meningkatkan *performance* ini jangan terus-menerus orang yang misalannya kalau boleh dikontrakkan pun misalannya belum tahu juga *performancenya* macam itu. Satu orang yang digaji, yang kedua pengawasan ke atasnya tidaklah pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Masjid akan 24 jam setiap waktu berada di masjid-masjid bagi mengawasi pekerja-pekerja ini. Yang dapat mengawasi adalah jemaahnya dan mendapati keadaan masjid pada hari itu ialah jemaah tadbir, pegawai-pegawai, Imamnya dan sebagainya.

Hal ini baiklah sama-sama kitani fikirkan secara realistik bukan semata-mata terus-terus mengatakan keadaan masjid tidak memuaskan, kalau bukan diserahkan kepada orang lain, tidak lagi percaya kepada kerajaan, tidak lagi percaya kepada keupayaan Jemaah Takmir Masjid. Ia sangat mendukacitakan bagi kaola.

Seterusnya, ialah penuntut agama istimewa yang *autisme* termasuk dalam OKU barangkali. Tidak

termasuk. Mereka ini belajar kalau mengikut pengalaman keluarga, Yang Berhormat Pengerusi, mereka ini belajar diserapkan ke dalam pendidikan umum tidak disisihkan, jadi *performancenya* akan dikira bagaimana setakat mana pencapaiannya. Kalau di sekolah swasta seperti *JIS* dan *ISB*, dikehendaki lagi *parents* membayar elaun bagi orang pendamping. Kalau sekolah kerajaan, tidak ada syarat-syarat sedemikian tetapi *parents* berusaha untuk menyediakan juga pendamping itu. Mereka ini diserapkan dalam sekolah dalam pendidikan persekolahan umum, tidak diasingkan. Itu mengikut berdasarkan kepada pengalaman keluarga dalam hal ini.

Adakah guru-guru agama mencukupi untuk mereka ini? Kalau setakat ini ia berada di sekolah umum yang mengadakannya, seperti kalau di Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah ada sekolah agamanya. Tentulah ada guru agama termasuk mereka ini adalah dikira sebagai murid. Tetapi, kalau di sekolah-sekolah umum yang bukan sekolah agama terpaksa ibu bapa menghantar, memasukkan anak-anak mereka ini ke sekolah agama.

Di bawah Akta Pendidikan Uagama, ibu bapa yang beragama Islam, rakyat dan *permanent resident* atau penduduk tetap hendaklah dikehendaki atau berkewajipan menyekolahkan anaknya yang berumur 7 tahun sehingga 12 tahun

di sekolah agama. Ertinya bersekolah agama bukan mengikut pendidikan agama. Sekolah-sekolah ini bukan kalau mereka *autisme* OKU mereka adalah diserapkan dalam pendidikan biasa.

Mengenai perkembangan di Pulau Muara Besar sudah dijawab sekali arung dengan keadaan Masjid Setia Ali. Apakah ada perancangan masjid baharu? Memang sudah kaola makluman ada perancangan untuk membuat sebuah masjid baharu di Pekan Muara sama ada di Pulau Muara Besar yang sedia ada tapaknya di sana ataupun di daratan.

Mengenai permohonan Asnaf, menyambung sebenarnya ni, kaola bertanya apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat ada menyebut memohon ini, berhutang ke arah orang kampung dan sebagainya. Kaola memikirkan tadi tidak ada kecukupan, jadi nampaknya bukan masalah tidak kecukupan sahaja, tetapi kerana lambat menunggu keputusan. Keputusan 4 hingga 6 bulan itu barangkali jarang jua berlaku Yang Berhormat Pengerusi kalau dalam 2 bulan perkara itu adalah.

Ini bergantung pada bagaimana orang ini mempunyai hubungan menghadapkan permohonannya kepada pihak yang berkenaan zakat. Bagaimana apabila ia menghantar permohonannya, menyambung misalannya ia akan habis pada hujung tahun misalannya. Jadi, diatitkan untuk menyambung 3 bulan sebelum itu. Permohonan itu akan diteliti, disiasat semula kalau misalannya ia layak disambung

sepenuhnya sepertimana yang ada ataupun didapati ada pertambahan lagi kepada keperluan-keperluannya atau didapati berkurang. Semua itu berkehendakkan penyiasatan.

Ini penting diketahui bahawa penyiasatan yang sangat teliti berhubung dengan wang zakat ini kerana ia adalah wang zakat. Ada orang yang berhak yang ditentukan, dikhuatiri orang yang tidak berhak mendapat daripada orang-orang yang berhak. Sangat telitilah. Memang birokrasi kitani ini selalunya menjadikan asbab dalam pelayanan kepada orang ramai Yang Berhormat Pengerusi. Usaha kitani ialah diketahui Ahli-Ahli Yang Berhormat memang mengetahui kerajaan dari semasa ke semasa memperbaiki malah dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa pembukaan Majlis Persidangan ini pun ialah untuk memperbaiki pelayanan kerajaan terhadap orang ramai dalam erti kata termasuk hal seperti ini. Biskaola **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan cuba memperbaiki birokrasi dalam perkara ini Yang Berhormat Pengerusi.

Diucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

1. Kaola ingin merujuk semula kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu tadi iaitu mengenai *e-Kubur*. Kaola sendiri menyokong dan melihat ia sebagai satu cara untuk memudahkan pengurusan jenazah terutama sekali apabila berlakunya insiden-insiden seperti tanah susur di kawasan tanah perkuburan bahawa keluarga jenazah boleh dimaklumkan dengan lebih cepat bukannya mengharapkan mesej tular. Di samping itu, syarikat pengurusan jenazah dan juga legasi kematian juga sudah wujud yang mungkin berperanan dalam membantu dan bekerjasama dengan pihak kementerian untuk menjalankan inisiatif ini;
2. Kaola ingin merujuk kepada Kod Akaun 005/002. Seperti yang kita sedia maklum, Universiti Islam Sultan Sharif Ali memang sudah lama menerima kemasukan pelajar dari luar negeri. Kaola ingin mengetahui, apakah ia dalam strategi Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membuka institusi di bawah kementerian tersebut untuk menerima pelajar-pelajar dari luar.

Sebagai contoh, sekarang Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah sudah menawarkan Diploma Aliyah Qiraat namun ia cuma ditawarkan bagi rakyat dan bagi penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Negara kita sudah banyak menghasilkan qari dan qariah

antarabangsa dan ini mungkin menjadi satu tarikan bagi pelajar di luar negara untuk mempelajari teknik-teknik Brunei. Ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu cara untuk mempromosikan *Islamic Tourism* apabila kursus panjang ataupun pendek dapat ditawarkan bagi menarik orang luar; dan

3. Kod Akaun 1116. Pada zaman sekarang, wanita kebanyakannya bekerja dan tidak semua tempat bekerja menyediakan tempat sembahyang. Kaola cuma ingin mencadangkan agar reka bentuk masjid supaya selaras dari segi kemudahan bagi jemaah wanita, kerana *accessibility* di setiap masjid bagi jemaah wanita adalah berlainan. Ada yang sangat baik di situ tempat jemaah wanita tertutup atau terlindung apabila memasuki tandas dan mengambil air wudhu dan ada juga yang terbuka yang ia berkongsi dengan tempat lintasan laluan jemaah lelaki. Ada juga yang tidak sesuai bagi jemaah wanita yang menggunakan tongkat kerana perlu menaiki tangga dan ada juga yang tangganya gelap dan mungkin tidak selamat. Diharap para arkitek jangan lupa memikirkan jemaah wanita apabila mencadangkan reka bentuk masjid.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang

Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Mengenai *e-Kubur* ini, masa kitani berehat Yang Berhormat Pengerusi kaola merujuk kepada kerabat kerja di Kementerian Hal Ehwal Ugama, hatta Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan tidak dapat mengesan apa sebenarnya, jadi ada andaian-andaian ialah ada projek kementerian pada beberapa tahun dahulu adalah untuk menyusun perkuburan bagi perkuburan-perkuburan baharu.

Dalam penyusunan itu, mungkin barang kali yang disebut *e-Kubur* supaya yang dikubur di sana didaftarkan dan diketahui tempatnya dengan bernombor dan sebagainya. Kalau maksudnya *e-Kubur* ini untuk membuat data, maksudnya tentulah akan difikirkan, Yang Berhormat Pengerusi sejauh mana keupayaan pada masa kini.

Untuk itu, supaya diselaraskan dengan apa yang dihasratkan dalam rancangan awal supaya kubur-kubur baharu akan tersusun dengan ada pendaftaran tertentu dan yang kedua supaya tempatnya diketahui bukan sahaja oleh waris-warisnya pada masa ini tapi pada masa akan datang. Perkara ini akan dilihat oleh kementerian bagaimana, mungkin generasi saya di kementerian, usia saya tidak mengetahui perkara ini dan banyak juga di belakang saya ini tidak mengetahui, mungkin 'mengakas-ngakas' lah siapa yang tahu apa kedudukannya. Tapi kalau ia dihubungkan dengan susunan semula perkuburan yang baharu, itu benar dan

ditambah dengan adanya data-data secara *e-Kubur* dinamakan maka mungkin akan difikirkan selanjutnya.

Yang kedua mengenai UNISSA di bawah Kementerian Pendidikan. Sudah menawarkan, tinggal lagi KUPU SB dan Institut Tahfiz Brunei, apa maksudnya ini. Belum menawarkan atau menerima pelajar-pelajar luar negeri yang ada faedahnya kalau kita menerima mereka itu belajar di sini, sekurang-kurangnya yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari segi *tourism*. Pada masa ini, KUPU SB sedang menimbang hal sedemikian itu, belum ada keputusan tetap, memang sudah ada perancangan KUPU SB untuk menerima pelajar-pelajar dari luar negeri dan memang ada permohonan, permintaan tapi belum ada ketetapan dan keputusan yang tetap.

Mengenai Institut Tahfiz Brunei, memang juga sesuai untuk pelajar-pelajar luar negeri mengikutinya. Pernah ada pelajar luar negeri yang memohon tetapi ia tertaklukkan kepada persyaratan, pertama sekali lulus ujian masuk (*entrance examination*) kerana tarafnya itu. Yang kedua mengenai umur. Jangan lupa kita pernah menawarkan kepada Sabah dan Sarawak untuk masuk ke Institut Tahfiz Brunei, tapi mereka tidak tahu menghantar kanak-kanak 'damit', menghantar orang sudah dewasa jadi kesesuaian itulah yang tidak dapat menjadikannya sedemikian. Pelajar-pelajar luar yang belajar di KUPU SB ataupun di UNISSA, kalau di Institut Tahfiz Brunei ialah kalau ada pelajar-pelajar dari anak-anak, pegawai-pegawai kontrak yang berkhidmat dengan

kerajaan. Sama jua macam di sekolah agama atau di sekolah Arab semuanya itu kitani terima dan tiada yang kita kecualikan dengan apa pun.

Kemudahan masjid untuk wanita, memanglah masjid-masjid baharu diketahui ada kemudahan-kemudahan itu. Ada jua tidak ada, misalannya laluan yang lelaki sama dengan perempuan, cuma akan dilihat dan kaola sangat menghargai seruan bukan ditujukan kepada abiskaola Yang Berhormat Pengerusi, ditujukan kepada arkitek-arkitek yang merancang pembinaan pelan-pelan masjid supaya mengambil kira perkara seumpama ini, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih atas izin yang diberikan kepada kaola.

أهلي-أهلي السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat kaola sukacita juga untuk mengambil bahagian dan memberikan soalan-soalan ringkas sahaja.

1. Kod Akaun Tajuk 004/002 - Khidmat Nasihat Keluarga. Yang Berhormat Pengerusi, sebagaimana yang abiskaola sudah maklum bahawa penyebaran dakwah dan syiar Islam di Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak dapat disangkalkan lagi memang sentiasa aktif dan sebagai buktinya setiap tahun bertambahnya

keluarga-keluarga mualaf di negara kita ini.

Walau macam manapun, keluarga-keluarga mualaf ini harus jua ada satu bimbingan بِالْحَمْدِ لِلَّهِ dan dalam perkara itu kita tidak jua sunyi dengan masalah-masalah telah dihadapi oleh keluarga-keluarga mualaf seperti keluarga-keluarga mualaf suami isteri dan anak yang bermasalah seperti perceraian dan sebagainya. Jadi perkara ini, harus juga diambil perhatian kerana mualaf ini mungkin sahaja anak-anaknya bercerai-berai itu dikhuatiri kurang pendidikan dari segi keagamaan menyebabkan dikhuatiri tergelincir daripada akidah Islam, pengajaran Islam. Jadi, perkara ini tidak hairan bahawa perceraian itu ada dalam kalangan orang-orang mualaf dan apa yang harus dibuat ialah bagaimana untuk menangani supaya tidak ada terjadi tergelincirnya akidah ataupun anutan itu. Apakah ada unit yang boleh mengawal nikah cerai keluarga orang-orang mualaf ini supaya akan dapat kepastian untuk menangani perkara itu?; dan

2. Kaola sukacita ingin bertanya jua mengenai anak-anak yatim. Di negara kitani, pada setiap tahun akan memberikan sumbangan-sumbangan kepada anak-anak yatim terutama sekali apabila tiba bulan Ramadhan dan Aidilfitri. Ada sumbangan yang diberikan kepada anak-anak yatim yang sebenar tetapi ada juga anak yatim yang berbeza dengan anak yatim yang sebenar

tetapi ia dipanggil juga anak yatim. Kalau mengikut dalam Al-Quran, anak-anak yatim itu tidak ada 'indung bapanya'. Jadi apakah anak yatim yang semacam ini boleh dicadangkan suatu nama yang membezakan umpamanya mungkin sahaja 'anak di luar pengesahan' dan sebagainya. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam perkara ini.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengerusi. Kaola melanjutkan jawapan ini Yang Berhormat Pengerusi.

Secara ringkas adakah unit khusus untuk mengenai perceraian dalam kalangan orang mualaf dalam erti kata unit khusus dalam khidmat nasihat. Setakat ini, memang tidak ada Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai khidmat nasihat keluarga dari segi rumahtangga dan sebagainya itu umum, mualaf dan bukan mualaf. Cuma ada hubungannya dengan akidah ini, tergelincir akidah. Ia mungkin bukan secara khusus mengenai perceraian tetapi mengenai pendidikan, pemahaman agama dalam kalangan orang mualaf.

Ini barangkali yang patut diambil kira sama dalam memasukkan isi kursus-kursus kepada mualaf-mualaf itu. Selain

amalinya, akidahnya ialah juga cara berumahtangga dan sebagainya. Mungkin benar sebagaimana Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin timbulkan tadi, kemungkinan antara mereka ini seorang teguh imannya, seorang tidak. Bukannya macam orang kita, iman berlebihan berkurang itu dalam erti kata pagi mungkin kita kurang, tiba-tiba petang bertambah, esok kurang. Itu biasa kita dalam lingkungan yang beriman, seumpamanya itu. Tapi, mereka dalam lingkungan orang yang masih rapuh imannya ini perlu berhati-hati dan kerana itulah kursus pengertian Islam yang dibawa dalam kursus-kursus pemahaman amali Islam. Kursusnya pun juga istilah mengambil kira faktor-faktor ataupun hal-hal yang seumpama ini. Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sumbangan kepada anak yatim. Anak yatim macam mana. Lebih 2 tahun yang lalu, sebelum lantikan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang ini, daripada Ahli Yang Berhormat yang dahulu. Pada masa itu, timbul mengenai hukum mengapa kanak-kanak yang di luar perkahwinan yang didaftarkan secara anak itu tidak ada bapanya, dikira anak yatim. Hukum telah menetapkan dari segi fatwa ia dikira anak yatim.

Tetapi, jika menamakan mereka mengikut belum ada yang sesuai yang kira-kira tidak menimbulkan stigma kepada keluarga Yang Berhormat Pengerusi.

Ini penting juga. Kita menamakan sesuatu apa-apa sehingga kita menjadikan apa dosanya anak-anak itu. Kita selalu melihat diri kitani, tapi lihat nanti macam mana kepada orang yang berkenaan. Hal-hal macam inilah kita kena berhati-hati Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola akan memberikan sedikit jawapan mengenai soalan tentang Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban di UNISSA yang telah disoal oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu. Dikongsikan bahawa Pusat Penyelidikan dan Halalan Tayyiban di UNISSA telah ditubuhkan pada 29 April 2017 yang memfokuskan kepada penyelidikan komprehensif mengenai isu-isu semasa berkaitan halal dan juga penawaran program-program akademik kepada peringkat Ijazah Sarjana Muda hingga Kedoktoran ataupun Doktor Falsafah.

Pada masa ini, pusat ini ada menawarkan beberapa program iaitu seperti *Bachelor of Halal Science, Masters of Halal Management, Masters of Halal Laws. PhD in Halal Management* dan *PhD in Halal Laws*. Pengambilan pertama telah mula diterima pada Ogos 2018 yang lalu.

Menyentuh kepada kajian pula, beberapa kajian telah dilaksanakan seperti *Halal Business Excellence* bersama *University Islam Science Malaysia, Halal Standard in Brunei Darussalam and Malaysia*. Pemakanan halal mengikut Mazhab Syafie dan *Halal Education for Global Reach*.

Dalam pada itu, semenjak penubuhan pusat ini beberapa universiti luar seperti Universiti Putera Malaysia, Universiti Teknologi Mara, dan *Osaka University* telah menghantar pelajar-pelajar mereka untuk membuat latihan berkaitan halal di pusat ini. Di samping itu juga, seorang pelajar *PhD* di pusat ini telah menjalani satu penempatan selama satu bulan di *Osaka University* bagi pendedahan lanjut tentang penyelidikan.

Pihak UNISSA juga ada menawarkan khidmat konsultasi dan kursus pendek profesional untuk orang awam terutama pengusaha tempatan sebagai contoh kesedaran halal dalam penyediaan makanan. Adalah harapan semua ini akan dapat menyumbang kepada hasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah *HUB Halal Global*. Sekian dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Kaola akan menambah jawapan kaola yang meliputi soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman

berhubung berapakah bilangan penerima zakat yang diterima oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Kalau mengikut nota yang ada di tangan kaola ini, permohonan kategori baharu saja bagi tahun 2018 sebanyak 742 pemohon, kategori menyambung, mengulang 1,692 orang. Kemudian yang berkala-kala ada 680 orang, berjumlah 3,116 orang. Dari jumlah ini, permohonan, Yang Berhormat Pengerusi, bilangan orang dalam tanggungan sekian ada dalam datanya, Yang Berhormat Pengerusi.

Jadi semua ini, menunjukkan bahawa borang-borang permohonan yang akan dikaji itu menghendaki diteliti setiap hari bekerja Yang Berhormat Pengerusi. Tempoh menerima borang, menyiasat, kemudian membawanya kepada permesyuaratan, hasil daripada penyiasatan dan keputusan mesyuarat pada hari itu untuk dilaksanakan, diberitahu kepada orang yang empunya. Kalau permohonan baharu, misalannya ialah untuk menentukan kalau ia sudah diberi, diminta untuk memberikan nombor akaunnya kerana akan masuk ke dalam akaunnya. Kalau ia permohonan lama pun akan diminta juga untuk mengesahkan apakah masih akaunnya yang sama atau macam mana.

Semua sekali ini akan diuruskan secara beroperasi. Itulah yang menjadikan sedemikian itu. Tapi, bukanlah tujuan ertinya melambat-lambatkan. Ini tidak ada sebarang tujuan atau cara kerja lambat dan keupayaan dari segi bahagian kewangan di Majlis Ugama Islam Brunei berapa saja misalannya, Bahagian Kewangan untuk menyediakan

dan sebagainya. Bukan perkara ini semata-mata Yang Berhormat Pengerusi, melibatkan jua *accounting* dan sebagainya.

Kalau Yang Berhormat Pengerusi akan mengundi barangkali dapat mengundi dengan pengecualian jawapan soalan pada Yang Berhormat Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad yang kaola diberikan, Yang Berhormat Pengerusi tapi kaola terpaksa juga merujuk kepada pihak yang berkenaan untuk mendapat keyakinan jawapan yang boleh diberikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga beberapa cadangan baik yang telah dikemukakan oleh mereka, maka soalan-soalan tersebut telah pun dijawab dengan jelas oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan juga Yang Berhormat Menteri-Menteri yang terlibat, maka saya kira cukuplah sudah perbincangan kita mengenai Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama ini.

Jadi, sebagaimana lazim kita akan mengundi sama ada Tajuk ini kita luluskan atau sebaliknya. Jadi bagi Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Tajuk Belanjawan ini diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya semua Ahli bersetuju maka Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Pembangunan bagi Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita akan mula membincangkan Kementerian Pembangunan. Sebagaimana lazimnya, sebelum Tajuk ini dibincangkan dengan teliti dan dibahaskan, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk membuat ucapan pendahuluan atau mukadimah mengenai Belanjawan Kementerian Pembangunan ini.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang bagi kaola untuk mengongsikan bersama di Dewan yang mulia ini mengenai hala tuju kementerian dalam membentangkan Belanjawan Kementerian Pembangunan Tahun Kewangan 2019/2020.

Lebih dahulu kaola dengan penuh hormat dan takzim menjunjung kasih

setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan titah baginda pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019.

Fokus Kementerian Pembangunan bagi tahun 2019/2020 mendukung tema belanjawan 'Pelaburan Untuk Masa Depan' adalah selaras dengan Rangka Dasar dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018/2023. Rangka Dasar dan Pelan Strategik ini merupakan perancangan *comprehensive* Kementerian Pembangunan yang menggariskan hala tuju dasar dalam bidang-bidang yang diberi keutamaan dan seterusnya menyediakan susun atur strategi dan pelaksanaan yang rapi dari aspek perancangan guna tanah, penyediaan pembangunan *infrastructure* dan pengurusan alam sekitar supaya ia berganding rapat dengan perkembangan sosioekonomi negara selaras dengan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada Kementerian Pembangunan ini ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Peruntukan Kewangan 2019/2020. الْحَمْدُ لِلَّهِ bagi Tahun Kewangan 2019/2020 cadangan peruntukan bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah disokong adalah berjumlah \$218.38 juta yang pecahannya adalah seperti berikut:

1. Sebanyak \$97.47 juta disediakan untuk Gaji Kakitangan dan \$120.91 juta untuk Perbelanjaan Berulang-ulang manakala sejumlah \$438.2 juta telah diperuntukkan di bawah Perbelanjaan Kemajuan Negara Ke-11 bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek *infrastructure* yang sedang dan akan dilaksanakan seperti yang dirancang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kutipan hasil dan tunggakan. Seterusnya kaola ingin menekankan komitmen Kementerian Pembangunan dalam mendukung usaha memperkukuhkan kedudukan kewangan kerajaan iaitu melalui pengurusan kutipan hasil dan perbelanjaan berhemah (*prudent spending*) dan *value for money*.

Sehingga Februari 2019 sejumlah \$78.2 juta iaitu 66.3% daripada anggaran hasil keseluruhan berjumlah \$111.3 juta telah dikutip. Usaha-usaha untuk meningkatkan kutipan hasil yang cekap akan diusahakan dengan adanya kemudahan-kemudahan teknologi dan sistem pembayaran *online* nanti. Manakala sejumlah \$532.8 juta iaitu 66% daripada keseluruhan peruntukan kewangan 2018/2019 telah dibelanjakan setakat ini.

Sektor guna tanah dan perancangan. Menyentuh mengenai perancangan dan penggunaan tanah. Teras utama kementerian ini ialah untuk memastikan perancangan dan penggunaan tanah adalah optimum

untuk mengimbangi keperluan pembangunan sosioekonomi negara secara jangka panjang dengan pelaksanaan perkara-perkara berikut:

- i. Kajian semula kepadatan tanah (*land density*) bagi perumahan am di seluruh negeri. Kepadatan tanah secara umumnya disukat dari jumlah unit perumahan yang dibenarkan untuk dibina bagi satu plot atau kawasan. Sebagai misalan kepadatan 12 *per acre* tanah yang berkeluasan 1 ekar akan dibenarkan untuk membina unit perumahan sehingga 12 unit sahaja.

Kawasan-kawasan yang berpotensi untuk kemajuan berkepadatan tinggi khususnya di kawasan perbandaran telah dikenal pasti dan kepadatan tanah (*land density*) telah dinaikkan kepada 28 hingga 40 unit *per acre*. Pusat bandar utama akan mempunyai kepadatan tanah yang tertinggi diikuti dengan kawasan-kawasan di sekitar pusat bandar dan kawasan-kawasan di pinggir pusat bandar yang berkepadatan sederhana tinggi. Dengan perubahan kepadatan tanah yang baharu ini penggunaan tanah yang lebih optimum akan dapat dicapai.

Di samping itu ia akan dapat mengelakkan penularan bandar (*urban sprawl*) di kawasan yang tidak perlu (*unnecessary*). Secara tidak langsung perubahan ini akan mencapai pembangunan mampan

memandangkan sumber tanah di negara ini adalah terhad;

- ii. *Strata title*, bertujuan untuk membolehkan pemilikan harta tanah berupa unit-unit dalam bangunan di negara ini termasuk keperluan bagi pengurusan aset bangunan secara lebih teratur melalui *strata cooperation* telah mula dikuatkuasakan pada Julai 2009. Setakat ini 3 bidang tanah telah didaftarkan dengan pemilikan strata yang menghasilkan pengeluaran 138 keping geran hak milik strata.

Sehingga bulan Januari 2019 sebanyak 67 permohonan telah diterima untuk pengeluaran geran hak milik strata yang 32 permohonan daripadanya telah pun dipertimbangkan untuk pengeluaran geran strata;

- iii. Penubuhan dan pelantikan ahli-ahli bagi 2 buah Lembaga iaitu Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah Brunei Darussalam (*Board of Valuers and Estate Agents BOVEA*) dan Lembaga Pemaju Perumahan (*Board of Housing Developers*) telah pun mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ia bertujuan untuk mengawal selia penilai dan ejen-ejen harta tanah dan pemaju-pemaju perumahan di negara ini bagi kepentingan dan perlindungan

orang ramai khususnya kepada pembeli-pembeli harta tanah;

- iv. Menyejahterakan kehidupan rakyat. Teras utama di dalam usaha untuk menyejahterakan kualiti kehidupan rakyat ialah memastikan kemudahan-kemudahan awam adalah pada tahap yang bersesuaian. Ke arah itu Kementerian Pembangunan akan memberikan perhatian berat untuk memastikan infrastruktur alam seperti rangkaian jalan raya, bekalan air bersih, saliran, pementasan dan juga keadaan persekitaran diurus dan dipelihara secara teratur. Sektor-sektor yang tetap menjadi fokus utama kementerian ini ialah perumahan, bekalan air, isu kebersihan dan rangkaian jalan raya;
- v. Perumahan Negara. Kementerian Pembangunan akan terus berusaha untuk menyediakan perumahan yang bersesuaian bagi yang memerlukan bantuan untuk memiliki dan mendiami perumahan melalui Perancangan Perumahan Negara dan mendukung sasaran kadar pemilikan rumah, *home ownership rate* pada kadar 85% menjelang tahun 2035.

Sehingga kini, kadar pemilikan rumah ialah 65%. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** dengan adanya peruntukan sebanyak \$39.24 juta yang disediakan di bawah RKN Ke-11 bagi Tahun Kewangan 2019/2020 dan dengan harga rancangan keseluruhan

sejumlah \$265 juta, 2 buah projek utama bagi penyediaan lebih 2 ribu Unit Perumahan di Perumahan Kampung Lugu dan Perumahan Kampung Tanah Jambu akan dilaksanakan.

Selain itu, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga bekerjasama mengkaji mekanisme kewangan alternatif termasuk kaedah perkongsian alam swasta atau *Private Public Partnership (PPP)* bagi penyediaan lebih banyak perumahan untuk memenuhi keperluan perumahan masa kini dan masa akan datang.

Mekanisme alternatif ini juga berhasrat untuk mengurangkan kos pembiayaan Program Perancangan Perumahan Negara secara jangka panjang. Melalui Jawatankuasa *Housing Focus Group (HFG)*, antara inisiatif utama pembaharuan yang dirancang ialah penelitian bagi pengalihan Jabatan Kemajuan Perumahan menjadi Badan Berkanun (secara *revote*) bertujuan untuk mensiapiagakan jabatan ini dengan pembaharuan-mekanisme penghasilan perumahan-perumahan dengan penglibatan dan pelaburan pihak swasta melalui *PPP* dan perancangan estet perumahan berkonsepkan *township*.

Pensejajaran program-program bantuan perumahan yang

diungkayahkan oleh pelbagai agensi kerajaan untuk menyediakan program bantuan yang inklusif bagi yang memerlukan dan mengelakkan duplikasi yang merugikan kerajaan dan pihak-pihak yang menghulurkan bantuan dan meneliti serta mereviu persyaratan bagi kelayakan untuk mengikuti Rancangan Perumahan Negara (RPN) bagi memastikan ia akan dimanfaatkan kepada golongan kepada orang-orang yang benar-benar memerlukan bantuan perumahan;

- vi. Bekalan air. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati bekalan air bersih melalui infrastruktur dan rangkaian air yang disediakan di seluruh negara.

Sebagaimana penggunaan air bersih di Negara Brunei Darussalam adalah masih yang tertinggi dalam kalangan di negara-negara ASEAN iaitu 380 liter seorang sehari. Kementerian Pembangunan ingin menyarankan kepada semua pihak untuk turut bekerjasama dalam usaha sama mengelakkan pembaziran air yang secara langsung akan mengurangkan penggunaan air dan kos bagi penghasilan air bersih.

Ke arah itu, Kementerian Pembangunan akan melaksanakan beberapa inisiatif yang dijangka akan membantu dalam usaha

untuk mengurangkan pembaziran air seperti pengenalan *Unified Smart Metering Solutions* iaitu sistem pengurusan bil penggunaan air dan elektrik yang menggunakan kaedah prabayar yang dijangka akan mula diperkenalkan pada tahun 2019 ini secara berperingkat-peringkat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa membentangkan Rang Undang-Undang Perbelanjaan Tahun Kewangan 2019/2020 pada hari Sabtu, 9 Mac lalu.

Perubahan tarif air yang akan dilaksanakan pada satu masa yang bersesuaian. Tarif baharu ini mengambil kira ia tidak akan menyebabkan kesulitan dan beban yang tidak munasabah kepada masyarakat umum khususnya kepada penduduk yang berpendapatan rendah. Ianya menumpukan usaha untuk mengurangkan pembaziran air.

Pada Tahun Kewangan 2019/2020 ini, sejumlah \$26 juta diperuntukkan bagi membiayai program-program pengurusan dan pemeliharaan infrastruktur bekalan air di bawah Perbelanjaan Berulang-ulang.

Selain itu, sejumlah \$19.8 juta juga telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek-projek di bawah RKN Ke-11 dengan harga

rancangan keseluruhan sebanyak \$125 juta.

Loji Rawatan Air Agis-Agis di Daerah Belait juga akan dinaikkan taraf melalui peruntukan di bawah RKN Ke-11 telah diluluskan dengan harga rancangan sejumlah \$30 juta bagi penghasilan tambahan 35 juta liter air sehari menjadikan jumlah penghasilan Loji Rawatan Air Agis-Agis kepada 70 juta liter sehari untuk menampung keperluan di kawasan berdekatan yang semakin meningkat.

Program bagi mengganti paip-paip air yang sudah lama *ageing* dan kerja-kerja pembaikan ke atas paip-paip mengalami kebocoran sentiasa diteruskan. Peruntukan sebanyak \$35 juta di bawah RKN Ke-11 dan peruntukan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 sebanyak \$11.7 juta telah diluluskan.

Program bagi meningkatkan bagi kapasiti penyimpanan air bagi memastikan penyimpanan air di tangki-tangki yang berdaya tahan untuk memenuhi keperluan juga disediakan peruntukan sebanyak \$5.25 juta pada Tahun Kewangan 2019/2020 dengan harga rancangan sejumlah \$30 juta di bawah Rancangan Kemajuan Negara RKN Ke-11. Iaitu bagi pembinaan beberapa buah tangki simpanan air termasuk menaikkan taraf pam dan peralatan-peralatan.

Selain daripada menghadapi isu gangguan bekalan air dan aset yang sudah lama (*ageing*), Jabatan Perkhidmatan Air mendapati kes-kes 'pemugut' dan kecurian peralatan sistem bekalan air semakin meningkat. Perkara ini sangat membimbangkan kerana ia bukan sahaja mendatangkan masalah bekalan air yang berterusan kepada orang ramai, bahkan satu kerugian besar kepada kerajaan dan memerlukan perbelanjaan yang banyak untuk membaik pulih.

Bagi memastikan pembekalan air negara yang berdaya tahan (*sustainable*) Kementerian Pembangunan telah mengatur beberapa strategi bagi bekalan air berterusan untuk kegunaan domestik dan juga bagi menampung pertumbuhan industri dan ekonomi termasuklah pemantauan dan penyelarasan sistem secara berterusan. Menjalankan kajian *water supply and demand* sehingga tahun 2035 dan seterusnya serta melaksanakan program-program pengurangan *non water revenue and RW*.

Perancangan jangka panjang untuk memenuhi keperluan kapasiti penghasilan air bersih bagi Daerah Tutong dan Brunei-Muara ialah dengan membina sebuah lagi Loji Rawatan Air Fasa Ke-8 di Bukit Barun yang dijangka akan menghasilkan 120 juta liter air

sehari. Projek ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dirancang akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Kemajuan Negara Ke-11;

- vii. Isu kebersihan dan alam sekitar. Seperti juga dengan negara-negara yang lain di rantau ini. Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada mengharungi cabaran dalam menempuh pembangunan dan alam sekitar yang mampan selaras dengan perkembangan ekonomi global yang tidak menentu pada masa ini.

Usaha melindungi dan memelihara alam persekitaran bukan hanya bergantung pada pihak kerajaan semata-mata. Penglibatan dari pelbagai pihak dan sektor memainkan peranan yang penting bagi sama-sama mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035.

Untuk memastikan perlindungan alam sekitar dari aspek tanah, air dan udara adalah menjadi persyaratan untuk melaksanakan *Environmental Impact Assessment (EIA)* bagi projek-projek yang berpotensi memberikan impak terhadap kualiti alam sekitar seperti yang tersenarai di bawah Jadual 1 *describe activities environmental protection and management order 2016*. Dari bulan Mac 2018 sehingga Februari 2019, sebanyak 65 pemberitahuan bertulis (*written notification*) dari berbagai-bagai aktiviti terjadual yang akan dilaksanakan telah dihadapkan

untuk penilaian dan kelulusan jabatan.

Di samping itu juga, bagi memastikan perlindungan alam sekitar di negara ini terkawal, antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan seperti membuat pemantauan kualiti air sungai di semua daerah (Sungai Brunei termasuk Kampong Ayer, kawasan Gadong dan Kiulap), Sungai Tutong, Sungai Belait dan Sungai Temburong) dan juga membuat pemantauan kualiti udara di setiap daerah secara berterusan dengan memberikan maklumat secara *online* indeks pencemaran udara (*Pollutant Standard Index - PSI Readings*) sebagai sukat-sukat dan panduan orang ramai tentang kualiti udara di negara ini.

Di segi aspek kebersihan pula, Ianya berkait rapat dengan isu sisa buangan atau sampah sarap yang semakin meningkat, yang memerlukan tindakan yang berkesan agar tidak menjejaskan kualiti alam sekitar negara ini. Usaha bersepadu dari Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan yang melibatkan tiga iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan akan diteruskan bagi memberikan kesedaran dan menanamkan sikap prihatin dalam kalangan orang ramai tentang pentingnya menjaga kebersihan alam persekitaran di negara ini.

Melihat kepada isu pembuangan bahan plastik yang bukan sahaja dialami di negara ini, ia juga merupakan isu global yang perlu diberi perhatian yang khusus. Plastik boleh mencemarkan alam sekitar bukan sahaja kualiti tanah yang disebabkan oleh sifatnya sebagai *non-biodegradable*.

Ke arah memastikan alam sekitar bebas daripada masalah sampah bahan plastik terutama sekali beg plastik, berbagai-bagai usaha telah 'diungkayahkan' termasuklah inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik yang telah bermula sejak tahun 2011 yang hanya pada setiap hujung minggu sehinggalah sepanjang minggu bermula awal tahun 2019 ini;

- viii. Rangkaian jalan raya. Dalam sesi Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah banyak membahaskan isu jalan raya, terutama sekali kerja-kerja pemuliharaan jalan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, pada Tahun Kewangan 2019/2020 ini, sebanyak \$11 juta telah diperuntukkan di bawah Perbelanjaan Berulang-ulang bagi Program Pengurusan Jalan Raya, manakala di bawah RKN Ke-11 juga telah memperuntukkan sebanyak \$27 juta dengan Harga Rancangan sebanyak \$127.5 juta bagi Projek-Projek Pembinaan Jalan Raya dan beberapa buah Jejambat, termasuk program-program peningkatan dan

pembaikan infrastruktur jalan raya dan jambatan.

- ix. Projek mitigasi banjir. Pada Tahun 2018/2019, Kementerian Pembangunan telah mendapatkan Peruntukan Khas dengan Harga Rancangan \$30 juta bagi melaksanakan 60 buah projek menangani kesan dari bencana alam seperti tanah susur dan mitigasi banjir yang sedang giat dilaksanakan pada masa ini.

Dalam RKN Ke-11 telah memperuntukkan Harga Rancangan sebanyak \$82.8 juta bagi projek-projek mitigasi banjir di beberapa kawasan yang telah dikenalpasti, di keempat-empat Daerah di seluruh negara. Ini termasuk kawasan dataran banjir Sungai Tutong di Daerah Tutong, di Pekan Kuala Belait dan Mukim Lumut di Daerah Belait, Kampung Senukoh dan Kampung Rataie di Daerah Temburong, dan beberapa mukim dan kampung di Daerah Brunei Muara.

Manakala bagi Projek Kawalan Hakisan Pantai, tumpuan akan diberikan kepada Kampung Danau, Tutong, yang pembinaannya telah bermula pada bulan Februari 2019 dan dijangka siap pada Februari 2020 termasuk kerja-kerja penambahan pasir (*sand renourishment*) akan diteruskan selama 5 tahun, sehingga tahun 2025;

x. Sektor Industri Pembinaan. Mengenai Sektor Industri Pembinaan, satu Rangka Kerja Dasar telah disiapkan dengan menggariskan 3 fokus utama, iaitu:

- a. Meningkatkan urus tadbir (*Improved Governance*) melalui pengawalseliaan aktiviti yang lebih mantap dan menambah baik peraturan dan prosedur yang sedang berjalan;
- b. Mengamalkan amalan terbaik industri pembinaan (*adopting construction industry best practice*) dengan beberapa Pelan Tindakan untuk meningkatkan produktiviti, kualiti kerja dan kos yang lebih efektif; dan
- c. Membangun kapasiti (*Capacity building*) dan keupayaan pihak-pihak yang terlibat dalam industri pembinaan dari sudut kemahiran dan pengetahuan, keupayaan kewangan dan potensi untuk membuka peluang pekerjaan yang bersesuaian dan peluang perniagaan yang lebih bagi anak-anak tempatan.

Ke arah itu beberapa tindakan yang sedang dan akan dijalankan antaranya adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan lagi keberkesanan perundangan-

perundangan yang mengawal industri pembinaan seperti Perintah Kawalan Bangunan (2014) dan Perintah Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (2011) dengan penguatkuasaan beberapa pindaan baharu, termasuk '*process-streamlining*' bagi kebenaran kemajuan yang menyumbang kepada '*ease of doing business*', iaitu '*Dealing with Construction Permits*', yang Negara Brunei Darussalam menduduki tempat Ke-55 di dalam *Laporan World Bank Doing Business 2019*;

- ii. Memperbaiki proses pendaftaran kontraktor dan pembekal dengan memendekkan proses dari 30 hari waktu bekerja ke 3 hari waktu bekerja bagi membolehkan para kontraktor untuk memulakan perniagaan mereka dalam tempoh masa yang pendek dan juga menarik minat kontraktor asing untuk membuat pelaburan di negara ini;
- iii. Pelancaran buku garis panduan '*Different Abilities Design Guidelines*' telah pun dilancarkan pada 7 November 2018 untuk meningkatkan lagi keselamatan, keselesaan dan mengurangkan halangan di persekitaran, bagi

- memastikan Orang-Orang Berlainan Upaya dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan di sesebuah bangunan;
- iv. Untuk meningkatkan lagi prestasi industri pembinaan, terutamanya dalam penghasilan kualiti pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pada masa-masa yang ditetapkan. Semua pelaksanaan projek pembinaan bangunan dan infrastruktur kerajaan akan dipusatkan di bawah pelaksanaan Kementerian Pembangunan, termasuk pelantikan konsultan-konsultan jika diperlukan bagi pelaksanaan projek-projek tersebut;
- v. Kementerian Pembangunan sentiasa mendukung usaha untuk meningkatkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan kepada anak-anak tempatan. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, Projek Jambatan Temburong telah membuka peluang-peluang pekerjaan bagi seramai 146 anak tempatan dalam jurusan kemahiran dan profesional. Kementerian juga sedang meneliti Program Penggantian Pekerja Asing di sektor pembinaan, dan Nisbah Tempatan Asing dalam pendaftaran syarikat dan keperluan pendaftaran dan pengiktirafan pekerja-pekerja mahir dalam bidang-bidang tertentu untuk menceburi sektor pembinaan; dan
- vi. Cabaran. Cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Pembangunan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai memang banyak, terutama sekali kemaslahatan yang dihadapi orang ramai masa kini, seperti kekerapan gangguan bekalan air di beberapa kawasan dan isu-isu semasa. Di samping menghadapi masalah *vandalism* dan kecurian harta benda kerajaan yang perlu ditangani secara holistik, bukan saja dari pihak kerajaan bahkan orang ramai juga diminta untuk memberikan kerjasama demi menjaga kemudahan-kemudahan awam. Ini kerana ia menjadi kos kepada pihak kerajaan untuk membekalkan dan mengganti barang-barang yang hilang dan rosak disebabkan oleh kecurian dan *vandalism*.
- Dalam menangani cabaran semasa dan expektasi orang ramai, Kementerian Pembangunan akan terus berusaha untuk menangani isu-isu yang sering dibangkitkan, dan akan sentiasa bekerjasama secara strategik dan berterusan

dengan orang ramai dan agensi-agensi yang berkenaan dalam mengenal pasti jurang dari segi dasar dan program yang kritikal melalui pendekatan 'Whole of Nation Approach' di semua peringkat bagi sama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sama-samalah kita berdoa semoga negara kita ini sentiasa dijauhkan dari malapetaka, bencana alam dan diberi kemudahan dalam mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang kita hadapi masa kini.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola kongsikan mengenai Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2019/2020 ini untuk pengetahuan bersama.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah pun menggariskan tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat kementeriannya dan juga sasaran-sasaran yang ditujunya berhubung dengan belanjawan disediakan yang telah pun dihuraikan dengan jelas. Sekarang saya membukakan perbincangan mengenai Tajuk ini. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan di atas pembentangan yang dibuat tadi. Saya merujuk mengenai 3 perkara besar.

1. Tajuk SK02A - Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan. Penjamin Skim-Skim Perumahan Negara. Antara syarat permohonan perumahan ialah dikehendaki seorang penjamin yang terdiri daripada pegawai dari kakitangan kerajaan:

i. Jika tidak ada ahli keluarga terdekat atau saudara mara yang mampu menjadi penjamin kerana tidak ada yang bekerja sebagai penjawat kerajaan lebih-lebih lagi usaha negara sekarang menggalakkan lebih ramai untuk bekerja sektor swasta. Apa yang akan terjadi pada permohonan itu?; dan

ii. Jika sesebuah rumah perumahan tidak dapat dibayar oleh si pemohon maka ia jatuh ke si penjamin sehingga kadangkala penjamin membayar sehingga berpuluh ribu ringgit walaupun jika tidak tinggal di sana. Seharusnya penjamin seharusnya tahu ataupun maklum akan risiko ini. Namun begitu masyarakat kitani yang masih kuat sifat tolong-menolong dengan syarat perumahan mesti ada penjamin maka ramai yang ingin membantu baik keluarga mahupun saudara mara.

Soalan kaola mengenai ini:

- i. Berapa buah rumahkah sudah jumlah pembayaran perumahan jatuh kepada si penjamin kerana yang dijamin tidak dapat membayar tidak tahu akan sebabnya?; dan
 - ii. Apakah perlindungan yang diberikan dari segi undang-undang atau dasar jika si penjamin tidak dapat membayar?
2. Merujuk juga kepada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Pengurusan Pusat Kawalan dan Pencemaran, 2 perkara di sini iaitu:
- i. *Marine Debris*. Di beberapa peringkat dasar serantau termasuk peringkat menteri dan Majlis Mesyuarat Negara ada beberapa perbincangan khususnya mengenai *marine litter* lebih dikenali sebagai *marine debris*. Persoalan kaola, ialah sejauh mana isu ini menjejaskan perairan negara serta usaha menanganinya memandangkan negara bergerak pada usaha meningkatkan ekonomi di perairan seperti *aquaculture*. Saya menyebutkan di sini peruntukan disediakan tidak menyebut secara khusus mengenai *marine debris*; dan
 - ii. Penggunaan pembungkusan *single use plastic*. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** tadi disebutkan negara baru saja selesai menjadi sebuah negara

zero plastic bags dan ini disambut baik. Setentunya pengurangan *single use plastic* ini dapat mengurangkan impak kepada alam sekitar menggalakkan menggunakan beg kitar semula serta memberikan kesedaran mengenai penggunaan *single use plastic* yang lain seperti botol air dan straw minuman plastik.

Saya ingin memberi saranan untuk pihak kementerian menilai semula atau melaksanakan dasar untuk pasar-pasar raya tidak menggunakan pembungkusan plastik bagi produk-produk yang tidak perlu dibungkus dengan plastik dan mungkin kita mulakan dengan sayur-sayuran dan buah-buah segar malah sering juga terlihat makanan dalam tin dan minuman tin pun masih dibungkus dengan plastik.

Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad iaitu mengenai isu penjamin bagi Skim Perumahan Negara.

Isu penjamin adalah salah satu persyaratan yang memang sudah dimaklumi awal oleh setiap pemohon yang memohon Skim Perumahan Negara. Ada 2 orang penjamin yang diperlukan sebagai *guarantor* kepada pemilik untuk membolehkan ia diperuntukkan rumah di bawah Skim

Perumahan Negara ini. Ia merupakan *security* bertujuan pembayaran balik kepada pihak kerajaan dibuat ke atas rumah yang telah diperuntukkan.

Penjamin bukanlah hanya terdiri daripada pihak pegawai dan kakitangan kerajaan sahaja malah ia telah pun dibolehkan bagi orang-orang yang bekerja di bawah 18 buah syarikat kepunyaan kerajaan ataupun *GLC* yang telah dibenarkan seperti *AMBD, AITI, BEDB, RBA, RBC, SPSS, TAP* dan sebagainya.

Mengikut rekod dari Jabatan Perumahan sehingga kini tidak ada rumah yang jatuh ke tangan penjamin kerana dasar skim perumahan yang ada pada masa ini hanya boleh dipindah milik kepada ahli waris yang terdekat sahaja yang berpandukan kepada peraturan dan prosedur pindah milik tanah berdasarkan kepada Kanun Tanah Penggalaan 40.

Apa yang lazimnya dibuat oleh Jabatan Perumahan ialah sebelum pemotongan dibuat ke atas penjamin pihak jabatan akan mengeluarkan surat makluman kepada pemilik dan juga penjamin dengan mengatakan jumlah yang tertunggak. Pihak Jabatan Kemajuan Perumahan akan menasihatkan juga pada pemilik dan penjamin untuk mencari jalan penyelesaian dan berunding dengan penjamin untuk menyelesaikan tunggakan.

Jabatan juga memberi tempoh selama 3 bulan bagi kedua-dua pihak untuk berbuat demikian sebelum mengaturkan tindakan pemotongan kepada penjamin.

Sekiranya benar-benar gagal untuk mendapatkan penjamin pemohon tidak akan diundi untuk diperuntukkan rumah kerana tidak mencukupi syarat untuk diperuntukkan rumah dan rumah berkenaan akan diperuntukkan kepada pemohon yang lain yang berkelayakan.

Mengenai dengan perlindungan kepada penjamin. Pada masa ini belum ada perlindungan yang diberikan dari segi undang-undang berdasarkan kepada penjamin jika yang dijamin tidak dapat membayar akan tetapi setiap penjamin sudah diberi penerangan sebelum penjamin menandatangani borang penjamin dan taklimat juga diberikan kepada pemilik dan penjamin dan menerangkan secara jelas kewajipan pemilik rumah untuk membuat pembayaran rumah dan pemotongan gaji penjamin akan dilakukan jika sekiranya pemilik rumah gagal untuk membuat pembayaran balik rumah.

Untuk menjaga hak dan kepentingan penjamin, Jabatan Kemajuan Perumahan masa ini sedang meneliti mekanisme untuk mengambil tindakan yang bersesuaian kepada pemilik yang gagal atau mungkir untuk membayar balik rumah di bawah Skim Perumahan Negara melalui penguatkuasaan undang-undang dengan merujuk kepada pihak Peguam Negara.

Kaola ingin juga mengongsikan mengenai tunggakan yang masih ada di Kementerian Pembangunan iaitu di Jabatan Perumahan. Salah satu cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Kemajuan Perumahan ialah isu tunggakan daripada pemilik-pemilik

rumah dan juga penyewaan bangunan serta aset komersial di bawah Skim Perumahan Negara.

Walaupun pihak Jabatan Kemajuan Perumahan melaksanakan kutipan hasil secara konsisten pada setiap tahun namun ada sebilangan pemilik-pemilik yang sukar dan masih bertanggung-tanggung untuk membuat pembayaran balik sehingga menyebabkan jumlah yang tertunggak adalah banyak dan ia telah menimbulkan kepayahan bagi mereka untuk melunaskan bayaran bulanan dengan ditambah lagi jumlah tunggakan yang ada.

Untuk makluman bersama, sehingga Disember 2018 jumlah tunggakan adalah sebanyak \$31.68 juta. Dalam usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil dan juga mengurangkan tunggakan, Jabatan Kemajuan Perumahan telah memperkenalkan mekanisme peringatan tentang status pembayaran dan tunggakan yang perlu dilunaskan oleh pemilik rumah melalui *push letters* atau surat makluman yang diberikan kepada pemilik rumah dan juga salinannya kepada penjamin secara konsisten dan berterusan setiap 3 bulan sekali.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ perkara ini telah pun menampakkan hasil iaitu sebilangan pemilik telah hadir ke Jabatan Kemajuan Perumahan untuk berunding dan dapat membuat pembayaran.

Untuk membuat pemotongan kepada penjamin atau menghadapkan penjamin baharu dengan kebenaran Jabatan

Kemajuan Perumahan. Sebagai langkah untuk memudahkan dan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan bagi mengendalikan hal ehwal pembayaran ke arah yang lebih sistematik dan teratur. Pihak Jabatan Kemajuan Perumahan sedang bekerjasama dengan pihak Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk memulakan Projek *One Common Billing System (OCBS)*.

Dengan adanya sistem ini nanti, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pengurusan hal ehwal pembayaran akan lebih efisien dan lebih efektif. Ia akan berkeupayaan untuk membekalkan sistem bil dan kutipan hasil yang siap sedia diintegrasikan ke sistem *e-Payment Gateway* dan juga membolehkan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk mengeluarkan bil dan melaporkan kutipan hasil secara automatik, meningkatkan keberkesanan proses kutipan hasil dan seterusnya mengurangkan kutipan-kutipan hasil dan juga mengadakan kemudahan *bill presentation* dan penyatuan bil kerajaan melalui *one stop payment portal*.

Dalam pada itu, Jabatan Kemajuan Perumahan juga sedang meneliti mekanisme untuk mengambil tindakan yang bersesuaian kepada pemilik yang gagal untuk membayar balik rumah di Skim Perumahan Negara melalui penguatkuasaan undang-undang yang akan dirujuk di Jabatan Peguam nanti.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Kemajuan Perumahan berharap supaya pemilik akan bersikap lebih telus dan lebih bertanggungjawab untuk membuat

pembayaran-pembayaran balik pinjaman rumah dan juga tunggakan bagi mengelakkan apa-apa juga permasalahan mengenainya.

Di samping itu, selaras dengan visi Kementerian Pembangunan “ke arah kehidupan yang berkualiti”, pihak kemajuan perumahan juga sedang meneliti penyediaan perumahan yang mampu milik demi kesejahteraan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Mengenai Soalan Ke-2, iaitu isu *marine debris*. *Marine debris* ini memang telah mendapat perhatian di peringkat *ASEAN* baru-baru ini dan dikenali juga sebagai satu isu rentas sempadan (*trans boundary*) yang dibincangkan semasa *Special ASEAN Ministerial Meeting On Marine Debris* di Bangkok, Thailand baru-baru ini.

Mesyuarat tersebut telah membincangkan mengenai deklarasi dan rangka kerja tindakan dalam menangani atau membentaras *marine debris* di rantau Asia Tenggara secara holistik dan terarah. Seperti yang kita maklumi, negara kita tidak terkecuali daripada menghadapi masalah *marine debris* dan yang jelas kita lihat sampah-sampah yang terdampar di sungai-sungai dan pesisiran pantai telah mencemarkan alam persekitaran dan banyak kehidupan laut.

Sampah-sampah *marine debris* terdiri daripada sumber darat dari sisa buangan plastik, botol dan sebagainya. Manakala dari sumber laut ialah sisa buangan dari kapal-kapal atau aktiviti-aktiviti nelayan

seperti serpihan-serpihan pukot yang boleh membahayakan kehidupan laut. Memandangkan isu *marine debris* ini baru diperkenalkan, maka peruntukan khas bagi *marine debris* ini belum disediakan lagi. Walau bagaimanapun, ia tergolong dalam isu sampah maka bagi pembersihan pencemaran dari sampah sarap yang terapung di permukaan air mahupun yang terdampar di tepi pantai atau sungai Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah menggunakan peruntukan pengutipan sampah seperti kerja-kerja pembersihan sampah di Kampong Ayer dan pembersihan sampah terdampar di Pantai Serasa dan juga pemasangan perangkap sampah atau *boom* di kawasan yang strategik.

Selain itu, isu *marine debris* juga merupakan isu *cost-sectorial* dan merupakan penglibatan pelbagai agensi yang relevan seperti juga negara-negara lain. Pihak Kementerian Pembangunan selaku *lead* agensi akan merancang untuk mengadakan perbincangan bersama agensi-agensi yang relevan untuk sama-sama memikirkan perancangan strategik dan holistik khusus dalam menangani isu *marine debris* di negara ini termasuk peruntukan bagi melaksanakan Pelan Tindakan di peringkat kebangsaan dan di peringkat serantau sebelum buat permohonan.

Sementara itu pada tahun 2017, kaola difahamkan beberapa orang para penyelam tempatan secara sukarela telah mengungkapahkan kempen kebersihan dasar laut yang pertama dibuat di Brunei. Mereka telah berjaya

mengutip sebanyak 38 kilogram *ghost nets* di Pulau Pilong-Pilongan, iaitu salah satu kawasan menyelam yang terbaik di negara ini yang dijadikan tempat menyelam untuk memerhatikan terumbu karang dan hidupan laut yang lainnya.

Kementerian Pembangunan menyeru kepada semua pihak swasta dan pihak kerajaan dan juga pihak awam serta pihak *NGO (Non-Government Organisation)* untuk sama-sama mengambil berat dan aktif dalam melaksanakan inisiatif masing-masing dalam membantu menangani isu sampah *marine debris* negara ini.

Mengenai Soalan Ke-3, penggunaan pembungkusan *single used plastic* memang diakui pengurangan *single used plastic* ini dapat mengurangkan impaknya kepada alam sekitar dan terima kasih atas saranan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad untuk pihak kementerian menilai semula dasar pengurangan penggunaan pembungkusan plastik bagi produk-produk yang tidak perlu dibungkus dengan plastik, saranan ini memang baik akan tetapi untuk melaksanakan akan dasar ini banyak aspek-aspek yang perlu kita lihat dari segi kesesuaiannya, penggunaannya dan cara-cara pelaksanaannya. Ada juga sudah kesedaran daripada orang ramai untuk mengurangkan penggunaan bahan-bahan plastik hasil dari kempen-kempen kesedaran yang sentiasa disiarkan di radio dan televisyen dan juga di media masa. Seperti yang didapati ada juga orang ramai yang mula sudah membawa kontainer sendiri, beg atau 'kantung'

sendiri ke pasar ikan dan usaha ini adalah sangat-sangat di sanjung tinggi dan mudah-mudahan akan menjadi contoh kepada orang lain.

Fokus kementerian pada masa ini adalah untuk mengurangkan penggunaan beg-beg plastik yang lazimnya kita lihat masih lagi digunakan di gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai runcit, restoran-restoran dan gerai-gerai makanan. Kita menyedari penggunaan beg-beg plastik bagi kegunaan yang tertentu memang tidak dapat dielakkan seperti tujuan mengumpul sampah untuk dibuang atau membungkus bahan mentah, sayur-sayuran dan makanan barang-barang yang basah.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Pembangunan sentiasa memantau dan akan sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang lainnya seperti Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menilai dan mencari satu alternatif untuk melaksanakan dasar baharu yang mungkin bersesuaian dan memenuhi persyaratan dari aspek kebersihan, kesihatan dan alam sekitar untuk menjaga negara kita.

Sekian, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Kaola, membawa Tajuk SK03A, Kod Akaun 111/007.

Soalan kaola ialah mengenai gangguan bekalan air yang mana telah dijelaskan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi dengan padat dan lengkap. Apa yang kaola sampaikan yang telah dialami oleh penduduk terutamanya, penduduk yang tinggal di kawasan Perumahan Lambak Kanan dan kawasan sekitarnya.

Kaola tidak akan menyentuh dengan panjang mengenai masalah dan impak gangguan bekalan air yang dirasai oleh penduduk ini. Kaola percaya pihak kementerian pun sudah bertungkus-lumus dalam usaha untuk membaik pulih keadaan. Jika melihat kepada perbelanjaan di bawah Tajuk Kemajuan Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya telah merancang untuk menambah kapasiti pengeluaran air di loji rawatan Bukit Barun. Soalan kaola ialah:

1. Adakah sebarang perancangan untuk menambah kapasiti tangki di tangki air Lambak Kanan?

Adakah sebarang perancangan untuk membuat penambahbaikan kepada mekanisme pembekalan air ke rumah-rumah melalui tangki bergerak? dan

2. Kaola Yang Berhormat Pengerusi, *Accredited Checker* (pemeriksa

bertauliah). Soalan kaola mengenai sistem pembinaan bangunan terutama bangunan-bangunan awam seperti hotel, flat, sekolah-sekolah dan sebagainya, pada lazimnya pembinaan bangunan memerlukan khidmat *Qualified Personal (QP)* yang berdaftar di bawah Lembaga *BAPEQS* Kementerian Pembangunan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ setakat ini belum ada perkara yang serius berlaku keruntuhan bangunan yang dibina yang melibatkan kemalangan nyawa seperti di negara lain. Walau bagaimanapun, masalah bangunan runtuh, masalah bangunan tidak selamat didiami atau diisi berlaku di negara ini, sekalipun pembinaan dibuat oleh jurutera-jurutera profesional. Maka sistem pada masa ini keselamatan struktur adalah sepenuhnya bergantung kepada jurutera profesional dan kontraktor yang dilantik.

Atas dasar ini kaola ingin bertanya, adakah sebarang perancangan Kementerian Pembangunan untuk memperkenalkan sistem lebih ketat dengan mengadakan *Accredited Checker* (pemeriksa bertauliah) yang mana fungsi utamanya ialah bagi memeriksa reka bentuk struktur-struktur utama bangunan serta pengiraan secara bebas (*independent*).

Sistem ini adalah selaras dengan amalan yang terbaik yang dipraktikkan di luar negara seperti Singapura berikutan daripada

kejadian hotel *New World* yang runtuh pada tahun 1986 yang punca runtuh adalah disebabkan oleh kecuaiannya jurutera profesional yang dilantik.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Mengenai masalah penggunaan air memang sudah kaola sentuh tadi pada masa mukadimah. Untuk membagi penjelasan yang lebih lanjut lagi, izinkan kaola menerangkan sebab-sebab mengapa terganggunya gangguan air sejak kebelakangan ini. Lebih dahulu Kementerian Pembangunan ingin memohon maaf kepada orang ramai terutama sekali kepada pihak-pihak yang mengalami kesulitan disebabkan oleh gangguan tersebut.

Antara sebab masalah ini terjadi dan cara-cara untuk menanganinya dalam jangka masa yang panjang ataupun masa pendek ataupun sederhana, satu daripada masalah ialah mengenai dengan penghasilan air bersih di loji rawatan air. Keupayaan ataupun efisiensi loji rawatan air Bukit Barun di Fasa 4 dan 5 pada masa ini untuk membekalkan air bersih yang berterusan bagi Daerah Brunei Muara telah pun menurun sejak kebelakangan ini.

Masalah *wear and tear* yang terdapat di sistem peralatan memproses air di loji berkenaan sudah melebihi 20 tahun yang memerlukan pembaikan dan penggantian. Walaupun banyak usaha secara *ad-hoc* telah dilakukan sejak beberapa tahun ini dengan menggunakan peruntukan pemeliharaan yang agak terhad, namun sistem peralatan yang ada tidak dapat bertahan dan sudah tiba masanya untuk diganti dan di*upgrade*.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pada masa ini kerja *upgrading* dan membaiki pulih telah bermula dengan Peruntukan Khas yang telah diberikan sebanyak \$4 juta. Kerja-kerja ini termasuklah mengganti semula semua peralatan lama termasuk sistem elektronik, *control valve*, *filtration* sistem, *sedimentation system* serta peralatan *ultrasonic*, *blow meters* dan *sensors*.

Projek ini اِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan siap pada penghujung bulan tahun ini. Kapasiti pengeluaran air bersih secara berterusan dari loji berkenaan akan meningkat dan seterusnya mengurangkan masalah air yang kita hadapi pada masa ini.

Walaupun bagaimanapun, penutupan bekalan air perlu dibuat pada masa-masa tertentu bagi membolehkan kerja-kerja menaik taraf loji Fasa 4 dan 5 yang sudah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Air pada masa ini.

Kementerian Pembangunan akan memantau secara berterusan untuk memastikan kekerapan penutupan dan tempoh masa penutupan yang minimum supaya tidak akan menjejaskan

penghantaran air bersih ke tangki-tangki simpanan yang ada.

Makluman kepada orang ramai melalui media masa akan sentiasa juga dikeluarkan bagi memastikan persediaan penyimpanan air yang mencukupi semasa gangguan bekalan air berlaku.

Sebab-sebab kedua ialah mengenai kebocoran paip-paip air. Sistem rangkaian paip air induk (*transmission* sistem) seringkali juga mengalami kebocoran disebabkan bencana alam dan juga paip-paip yang sudah berumur (*ageing*) yang mengakibatkan ketidakstabilan bekalan air ke tangki-tangki simpanan, menyebabkan gangguan air di beberapa kawasan.

Sejak kebelakangan ini, secara purata Jabatan Perkhidmatan Air telah menerima 900 kebocoran paip yang dilaporkan setiap bulan. Antara punca menyebabkan gangguan air juga ialah mengenai kes-kes 'pemugut' dan kecurian peralatan sistem bekalan air yang kaola sudah nyatakan tadi kian meningkat.

Perkara-perkara yang selalu menjadi kecurian ialah peralatan *telemetry*, pendawaian peralatan bekalan dan penyambungan elektrik, peralatan pam-pam air, kerosakan pagar keliling. *Fencing* tangki-tangki dan rumah-rumah pam dan juga *flow meter* peralatannya, *display unit*, peralatan solar sistem *back up power battery* dan kabinet dan ini adalah merupakan *main* peralatan yang membekalkan air bersih.

Juga 'pemugut' yang selalu merosakkan peralatan *fire hydrant* (pili bomba) yang mengikut kiraan Jabatan Perkhidmatan Air sebanyak 250 kerosakan *fire hydrant* telah didapati sejak akhir-akhir ini. Ini adalah sangat membimbangkan dan akan memakan belanja dianggarkan sebanyak \$500 ribu.

Adalah diharapkan kepada penduduk-penduduk kampung ataupun pihak-pihak berkenaan supaya akan dapat bekerjasama untuk mengatasi membanteras segala 'pemugut' atau kecurian ataupun isu-isu 'pemugut' ini.

Jabatan Perkhidmatan Air memang sentiasa berusaha untuk mencari penyelesaian alternatif seperti melaksanakan aktiviti mengesan kebocoran, membuat sambungan paip air dari sumber tangki air lain. Membuka injap simpanan ataupun dari *boundary valve* bagi membantu kawasan tiada air dan sebagainya, terutama sekali di Perumahan Lambak Kanan.

Sebagai contoh, Jabatan ini telah pun melaksanakan penyambungan paip air dari sumber alternatif iaitu dari Tangki Melabau dan Tangki Terunjing pada tempat-tempat seperti berikut:

- i. Jalan 10, Simpang 262.;
- ii. Jalan 11, Simpang 63.;
- iii. Jalan 77, Simpang 226.; dan
- iv. Dari sumber Tangki Melabau untuk ke Jalan Madang dan Simpang 46.

Bagi jangka masa sederhana, Kementerian Pembangunan melalui

Jabatan Kerja Raya sedang membuat penyelidikan lokasi yang bersesuaian bagi menempatkan tangki-tangki sementara berserta *pumping stand system* bagi memastikan bekalan air akan dapat disalurkan ke kawasan-kawasan yang tinggi.

Bagi jangka masa yang panjang seperti yang telah kaola terangkan tadi, beberapa projek tangki air akan dibina, akan dirancang untuk dibina pada tahun ini akan dilaksanakan pembinaannya yang akan menambah *capacity supply* dan juga membantu meningkatkan bekalan air di kawasan Rancangan Kemajuan Negara RPN Lambak Kanan dan sekitarnya.

Sebarang perancangan untuk membuat pembaikan kepada mekanisme bekalan air ke rumah-rumah melalui tangki bergerak. Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pembekalan air sementara yang sedia ada.

Antaranya ialah menambah perkhidmatan tangki air bergerak dengan mengadakan penglibatan pihak swasta (*outsourcing*) perkhidmatan tangki air bergerak.

Membekalkan air dengan menggunakan *jerrycan* ataupun *water bags* sekiranya *in case of emergency*. Menempatkan lebih banyak tangki biru di kawasan di simpang-simpang yang terjejas yang telah pun dilaksanakan pada masa ini dan juga mengadakan *stand pipes* di kawasan Ibu Pejabat Perkhidmatan

Air, Jalan Tasek Lama dan kawasan-kawasan bersesuaian di sekitar Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan bagi memudahkan orang ramai untuk mengambil air.

Mengenai soalan kedua, *Accredited Checker*, pemeriksaan bertauliah. Selaras dengan keperluan dan Perintah Kawalan Bangunan 2014 bagi bangunan-bangunan awam seperti hotel, flat, sekolah dan sebagainya adalah memerlukan khidmat *Accredited Checker (AC)* kecuali kerja-kerja bangunan yang disenaraikan dalam Jadual Ke-4 Peraturan Kawalan Bangunan 2014. Keperluan ini adalah untuk memastikan bangunan-bangunan awam selamat untuk didiami dan digunakan oleh orang ramai.

Peranan utama *Accredited Checker* dalam memastikan keselamatan struktur bangunan dengan melaksanakan semakan ke atas *structure plans* dan *design calculation* yang telah disediakan oleh jurutera profesional *QC and structure* menurut keperluan Perintah Kawalan Bangunan peraturan dan garis panduan di bawahnya bagi mengurangkan risiko kesilapan reka bentuk struktur bangunan.

Untuk makluman bersama, pada masa ini terdapat 3 Jurutera Profesional tempatan telah berdaftar di Kementerian Pembangunan sebagai *Accredited Checker* sejak 1 Januari 2017 dan Kementerian Pembangunan juga telah memproses pendaftaran *Accredited Checker* bagi seramai 3 orang lagi profesional yang berdaftar di bawah

Lembaga Arkitek Jurutera Profesional dan Jurutera Bahan.

Kelayakan sebagai *Accredited Checker* adalah jurutera profesional yang mempunyai sijil amalan dengan *BAPEQS* yang mempunyai melebihi 15 tahun menjadi *chartered membership* dan 10 tahun pengalaman praktikal dalam *structure* ataupun jua teknik.

Accredited Checker ini adalah menilai semula reka bentuk pelan struktur kerja-kerja bangunan dan menyemak perkiraan asal dengan tujuan menentukan keselamatan dan integriti struktur bangunan yang akan dibina dan mengesahkan struktur bangunan adalah konsisten dan faktor keselamatan telah diambil kira dan juga melaksanakan proses pemeriksaan selepas *QP* untuk menghadapkan sijil akreditasi bersama laporan penilaian analisis reka bentuk dan perkiraan yang disediakan oleh pihak *QP*.

Keperluan-keperluan ini juga akan dilaratkan kepada bangunan-bangunan yang mungkin lama yang melebihi umur 10 tahun atau lebih yang *requirements* tertentu perlu akan diperiksa oleh *Accredited Checker* yang juga menjadi satu keperluan di bawah Kawalan Bangunan Peraturan dan Garis Panduan *VCO, 2014*.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan dan

membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan ini. Saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini, bagi kita membolehkan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada esok hari, iaitu hari Selasa, 19 Mac 2019 mulai pukul 9.00 pagi.

Sekian, **وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Selasa, 12 Rejab 1440/19 Mac 2019

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi**

Yang Dimulihkan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas bagi Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang kelapan, Selasa, 12 Rejab 1440 bersamaan 19 Mac 2019 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ segala puji dan syukur kepada اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah dan rahmat-Nya jua kita dapat lagi pada pagi ini, hadir untuk meneruskan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan yang kita adakan pada hari ini telah memasuki hari kelapan, seperti kebiasaannya kita akan menyelesaikan dahulu Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis iaitu soalan-soalan Yang Berhormat yang akan dijawab oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Sekarang, kita beralih kepada soalan yang seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Soalan Jawab Mulut No. 25, daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan membawa saranan mengenai dengan lorong atau laluan bagi penunggang basikal di lebuhraya.

Aktiviti berbasikal di lebuhraya, sudah menjadi satu aktiviti tetapi sangat berbahaya dengan tidak ada langkah-langkah keselamatan dan boleh menyebabkan kemalangan pada bila-bila masa disebabkan kelajuan di antara kenderaan bermotor dengan basikal adalah berbeza. Apa lagi, jika mereka berbasikal berkumpul yang boleh menyekat kelancaran di lebuhraya dan menghalang kenderaan bermotor.

Lorong kecemasan (*shoulder*) biasanya terlalu kecil dan sering digunakan oleh motosikal dan kenderaan yang terkandas di lebuhraya. Berbasikal di lorong kecemasan juga terdedah kepada risiko dilanggar oleh kenderaan yang hilang kawalan atau terbabas di lebuhraya. Sungguhpun, aktiviti berbasikal ini baik

untuk kesihatan dan dapat memelihara kualiti udara alam sekitar tetapi ia memudaratkan kepada diri sendiri dan orang lain tanpa mengadakan langkah-langkah keselamatan yang sesuai terutama sekali aktiviti-aktiviti yang diadakan di lebuhraya dan jalan-jalan utama.

Soalan saya:

1. Adakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengadakan laluan khusus berbasikal di lebuhraya?;
2. Sudahkah ada penubuhan Komunikasi Pengurusan Lebuhraya yang dikhususkan bagi pengemar berbasikal agar mereka dapat menghubungi talian bagi membolehkan tindakan segera diambil untuk mengelakkan kejadian tidak diingini sebagai misalnya untuk memohon kebenaran bagi mengiringi perjalanan dan tindakan segera jika berlaku kemalangan?;
3. Adakah dalam perancangan untuk membina dewan khusus untuk perlumbaan basikal litar berpusing bagi tujuan meningkatkan prestasi sukan berbasikal di negara ini, agar minat, keghairahan dan minat berlumba dapat tertunai atau sebagai persiapan jika suatu hari nanti negara menjadi tuan rumah perlumbaan berbasikal kategori ini?; dan

4. Bagi mengukuhkan rangka kerja kawal selia bagi berbasikal di lebuh-
raya, adakah sudah dikemaskinikan
undang-undang dan peraturannya?

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri
Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang
Di-Pertua dan terima kasih juga kepada
Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin
Haji Lahit atas soalan-soalan yang
diajukan.

Mula-mula sekali, izinkan kaola Yang
Berhormat Yang Di-Pertua, untuk
menjawab soalan 1, 2 dan 4 dan mohon
izin daripada Yang Berhormat Yang
Di-Pertua untuk mengajukan soalan itu
kepada kementerian yang bersesuaian
iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan bagi Soalan yang Ke-3, terima
kasih.

Mengenai jawapan kepada soalan:

1. Kaola telah difahamkan bahawa
kementerian dan agensi-agensi yang
berkenaan belum ada sebarang
perancangan jangka masa pendek
untuk mengadakan laluan khusus
berbasikal di sepanjang lebuhraya.
Walau bagaimanapun, memang ada
beberapa usaha yang masa ini telah
dan sedang dijalankan dan sedaya
upaya daripada pihak kerajaan dan
pihak-pihak yang berkenaan bagi
memudah cara penunggang-
penunggang basikal di jalan raya
di negara ini.

Antaranya, melalui kempen serta
inisiatif *Share The Road* yang
diterajui oleh Majlis Kebangsaan
Keselamatan Jalan Raya (MKKJR)
dengan kerjasama rakan-rakan
strategik MKKJR bahawa
penunggang basikal adalah
dibenarkan untuk menggunakan
jalan raya dengan diberikan ruang
(*clearance*) sebanyak 1.5 meter dari
kenderaan.

Dalam mengambil kira inisiatif
Share The Road ini, penunggang
basikal disarankan untuk mengikut
tatacara berbasikal iaitu seperti:

- i. Memakai pakaian yang *visible*
terutama sekali pada waktu
malam;
- ii. Menggunakan lampu iaitu lampu
putih di hadapan dan lampu
merah di belakang;
- iii. Memasang dan menggunakan
loceng (*bell*) ataupun *horn* pada
basikal;
- iv. Sentiasa menunggang di sebelah
kiri jalan raya dengan mengikut
aliran trafik (*traffic flow*); dan
- v. Menunggang secara berhemah
di jalan raya.

Sehubungan dengan perancangan
jangka masa panjang, ia sedang
diungkayahkan penyelarasannya
oleh beberapa kementerian iaitu
Kementerian Pembangunan yang
merancang dari aspek penyediaan
prasarana jalan raya dan

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*) melalui MKKJR dari aspek keselamatan jalan raya dan konektivitinya termasuklah hal ehwal keselamatan semua pengguna jalan raya sama ada pemandu dan penumpang kenderaan malahan pengguna yang lain seperti penunggang motosikal, basikal dan pejalan-pejalan kaki (*pedestrian*).

MKKJR berperanan utama dalam menyediakan dasar-dasar dan strategi secara *Whole of Nation* dengan penglibatan pelbagai agensi dan *multi-stakeholders* dalam menangani isu-isu keselamatan di jalan raya di Negara Brunei Darussalam;

2. Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua, setakat ini kaola difahamkan bahawa kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan belum ada penubuhan Komunikasi Pengurusan Lebuhraya yang khusus bagi penggemar berbasikal. Walau bagaimanapun, talian kecemasan umum yang sedia ada bolehlah digunakan bagi memastikan tindakan segera diambil untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Manakala, jika terdapat sebarang aduan kesalahan lalulintas adalah dinasihatkan untuk menghubungi Talian Darussalam iaitu 123 atau melalui aplikasi *WhatsApp* Darussalam di talian 8333123 dengan memberikan maklumat tarikh, masa dan tempat serta keterangan-keterangan lain yang

dapat dikongsikan untuk tindakan selanjutnya.

Dalam kesempatan ini, izinkan kaola mengongsikan sedikit gambaran melalui statistik kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang basikal yang direkodkan dan yang diperolehi dari Pasukan Polis Diraja Brunei dan *Brunei Insurance Takaful Association (BITA)*.

- i. Pada tahun 2016, ada 9 kemalangan;
- ii. Pada tahun 2017 ada 15 kemalangan yang melibatkan 1 *fatality*; dan
- iii. Pada tahun 2018 menunjukkan 8 kemalangan.

Dari penelitian statistik-statistik tersebut, trend kemalangan yang melibatkan penunggang basikal, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** adalah pada tahap yang rendah dan menurun iaitu penurunan hampir 50% dari tahun sebelumnya.

Dari itu, dalam komitmen MKKJR bagi *Zero Road Fatalities*, beberapa usaha 'pemberigaaan' melalui media massa dan media sosial serta kerjasama dengan rakan-rakan strategik yang lain, iaitu seperti mengadakan beberapa Klinik Basikal dengan Persatuan Basikal Brunei Darussalam, pengusaha-pengusaha basikal dan kelab-kelab basikal dengan menggunakan platform 'Bandarku Ceria', 'KBku Ceria', antara lainnya dan juga turut serta semasa

'Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan'; dan

3. Soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat iaitu dari aspek kawal seliaan basikal di lebuh raya. Ia dikawal oleh Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Basikal), 2006. Jabatan Pengangkutan Darat bersama agensi-agensi yang berkepentingan telah pun sama-sama meneliti semula Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Basikal), 2006, ini untuk dikemaskinikan, khususnya dari aspek keselamatan dan bagi aktiviti berbasikal di jalan raya yang lebih teratur dan terkawal.

Untuk makluman bersama, satu bengkel mengenai peraturan basikal "Stakeholder Engagement Session dan Cadangan Pengemaskinian" telah pun diadakan pada bulan September 2018 yang dihadiri oleh beberapa *stakeholders* yang berkepentingan. Antara lainnya, termasuk wakil-wakil agensi kerajaan, sektor swasta dan Persatuan Basikal Brunei Darussalam serta pengusaha-pengusaha basikal.

Antara hasil dari bengkel tersebut adalah:

- i. Bagi mengadakan keperluan kenderaan pengiring (*safety car*) dalam mengawal penggunaan jalan raya bagi penunggang-penunggang basikal; dan
- ii. Garis panduan berbasikal di jalan raya yang menekankan kepada memakai pakaian cerah terutama

pada waktu malam, penggunaan *helmet* dan penekanan penggunaan lampu putih di hadapan dan lampu merah di belakang, sesuai mengikut piawaian antarabangsa dan peraturan basikal di negara ini.

Cadangan-cadangan bengkel ini telah diambil kira dalam pengemaskinian pindaan Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Basikal), 2006. Dalam pada itu, peraturan yang sedia ada ini akan 'diberigakan' lagi dengan adanya penyediaan garis panduan bagi penunggang basikal dan garis panduan pengiring kenderaan (*safety vehicles*).

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua di antara usaha bagi 'memberigakan' mengenai garis panduan ini adalah melalui sekolah-sekolah memandu. Pada masa ini dalam kurikulum sekolah-sekolah memandu ada diajarkan mengenai peraturan menunggang basikal termasuk isyarat-isyarat tangan yang digunakan oleh penunggang basikal. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* jua, garis panduan ini akan dimuatkan ke dalam *Mobile Apps* Basikal sistem perkhidmatan yang akan dilancarkan dalam masa yang terdekat ini.

Soalan Ke-3 yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Izinkan kaola untuk menjemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi menjawab soalan berkenaan mengenai

dengan perancangan pembinaan dewan khusus untuk perlumbaan basikal litar berpusing ini. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas soalan mengenai dewan khusus untuk perlumbaan basikal litar berpusing. Bagi menjawabnya, KKBS melihat dalam apa jua perancangan, penilaian hendaklah dibuat dari aspek keutamaan dan pulangan pelaburan (*return on investment*).

Ke arah ini, pihak kementerian menilai bahawa belum masanya bagi membina dewan khusus untuk perlumbaan basikal litar berpusing (*velodrome*). Sebenarnya, pasukan basikal negara pernah menyertai acara perlumbaan basikal litar berpusing di sukan *SEA* pada tahun 2017 di Malaysia yang menunjukkan tahap prestasi pelumba basikal kita masih jauh belum dapat bersaing secara kompetitif. Walau bagaimanapun, kita melihat perkembangan sukan berbasikal menampakkan pencapaian yang sangat positif dan menggalakkan khususnya dalam perlumbaan berbasikal di jalan raya dan pertandingan berbasikal *off road* atau *mountain bike* di peringkat negara jiran dan serantau.

Oleh yang demikian, kementerian memberikan keutamaan untuk mempergiatkan kedua-dua jenis sukan berbasikal ini lebih dahulu secara kompetitif berbanding perlumbaan litar

basikal. Dikongsikan pada tahun ini, perlumbaan berbasikal jarak jauh Kuala Beliat ke Bandar Seri Begawan yang dinamakan *Brunei Classic* yang melibatkan penyertaan peserta antarabangsa akan diadakan yang boleh dijadikan arena saingan kepada pelumba basikal negara. Ini, adalah antara persiapan yang akan dibuat bagi pelumba-pelumba basikal kita untuk menyertai sukan-sukan serantau ataupun antarabangsa. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Soalan Jawab Mulut No. 26 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mencadangkan mengenai persediaan bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0.

- i. Revolusi Industri 4.0 (*Fourth Industrial Revolution*) mengenai mesin yang dapat menghantar, menerima dan bertindak mengikut arahan yang disambungkan kepada sistem pengacaraan setempat dan melalui rangkaian komunikasi yang membolehkan ia berinteraksi dengan mesin lain serta manusia untuk mengeluarkan barangan dan menjalankan perkhidmatan yang cekap.

Revolusi Industri 4.0 teknologi digital ini sudah memasuki sistem fizikal seperti perkomputeran dan sistem komunikasi dalam pengurusan *grade*, tenaga, pengangkutan, perkilangan, air, peralatan isi rumah yang diguna pakai setiap hari seperti kereta, tubuh badan manusia untuk memulihkan fungsi, deria, kognitif dan psikomotor kepada golongan kurang upaya, pertanian, perladangan dan lain-lain lagi bagi mengambil alih tenaga manusia ke arah ini.

Kaola bertanya:

- i. Apakah perancangan yang sedang dilaksanakan terhadap pembangunan sumber tenaga manusia berikutan Revolusi Industri 4.0 yang akan mengambil alih tenaga manusia bagi menghadapi kemungkinan kesan apabila semakin kurangnya penggunaan tenaga manusia yang menyebabkan kemahiran secara fizikal manusia semakin berkurangan?
- ii. Setakat ini bagaimanakah perkembangan Revolusi Industri 4.0 di negara ini?; dan
- iii. Tempias Revolusi Industri 4.0 sudah pastinya turut membawa pelbagai bentuk emosi dalam kalangan warga kerja organisasi, terutama dari aspek keperluan khidmat kemahiran masa depan dan cabaran persekitaran organisasi. Semua ini

boleh menyebabkan individu mengalami konflik, stres dan akhirnya menjejaskan tahap kesihatan.

Sehubungan itu, adakah perancangan memberikan penekanan dalam strategi latihan dan pembangunan sumber tenaga manusia mengenai kesejahteraan emosi?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu, bagi pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, peramba, kaola, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang juga berkaitan dengan kenyataan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu, Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanti binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari pada hari Sabtu, 9 Mac 2019.

Soalan-soalan tersebut menyentuh pada satu isu perkembangan semasa global dan merupakan isu yang *cross cutting* dan melibatkan usaha-usaha kerjasama di antara beberapa kementerian, agensi berkepentingan dan juga sektor swasta.

Peramba, kaola, saya memohon untuk menjawab Soalan Ke-2 lebih dahulu mengenai perkembangan Revolusi Industri 4.0 di negara ini untuk memberi gambaran konteks negara sebelum memberikan huraian selanjutnya mengenai pembangunan tenaga manusia dan kesejahteraan emosi yang berhubung kait dengannya. Dalam memberikan konteks perkembangan Revolusi Industri 4.0 negara, izinkan peramba, kaola, saya kemudian menjemput rakan-rakan sejawatan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab ke atas perkembangan ekonomi digital negara dan selepas itu peramba, kaola, saya akan menjemput Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan bagi keterangan tambahan mengenai hal ehwal kesejahteraan emosi yang berkaitan dengan kesihatan mental dalam kalangan tenaga kerja.

Menyentuh kepada Soalan Ke-2 mengenai perkembangan Revolusi Industri 4.0 di Negara Brunei Darussalam, sebuah kajian telah

dijalankan oleh pihak *ASEAN* pada tahun 2018 yang bertajuk *Assessment of ASEAN Readiness for the Fourth Industrial Revolution*. Kajian ini menilai persediaan dan perkembangan dari segi lima aspek yang difikirkan akan menentukan kapasiti sebuah negara untuk beradaptasi kepada perkembangan pada masa akan datang, iaitu:

- i. Inovasi dan teknologi;
- ii. Modal insan;
- iii. Rangka pengawalseliaan;
- iv. Infrastruktur dan *connectivity*, dan
- v. Pembangunan lestari dan inklusif (*sustainable and inclusive development*).

Menurut kajian ini, Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara *high potential* kerana *score* modal insan yang tinggi dengan peningkatan jumlah penuntut di peringkat pengajian tinggi termasuk bidang sains dan kejuruteraan. Akan tetapi, tumpuan perlu diberikan kepada pembentukan aspek-aspek lain yang merupakan asas (*foundation*) kepada perkembangan selanjutnya.

Laporan *Global Innovation Index (GII)* telah menunjukkan juga bahawa kedudukan Negara Brunei Darussalam telah meningkat tangga Ke-67 daripada 126 negara pada tahun 2018 berbanding dengan tangga Ke-71 pada tahun sebelumnya.

Namun begitu, Sistem Inovasi Brunei juga boleh dipertingkatkan lagi dari segi jumlah dan kualiti *knowledge and technology output, creative output, research and development* dalam bidang sains dan teknologi dan penggunaan teknologi dan penyediaan infrastruktur.

Perkembangan Revolusi Industri 4.0 ini juga perlu keseimbangan antara beberapa keutamaan kerajaan termasuk penjana peluang-peluang pekerjaan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi dan perkara seperti kualiti kehidupan dan sumbangan kepada ekonomi.

Di samping itu, tumpuan perlu diberikan kepada pembinaan asas-asas kemajuan dan hal-ehwal kesejahteraan orang ramai lebih dahulu sebelum tergesa-gesa mengejar Revolusi Industri 4.0, kita perlu memikirkan tentang isu-isu ini serta penggunaan teknologi yang bersesuaian untuk keperluan negara agar menggunakan sumber-sumber negara secara strategik, fokus dan berhemah. Ini juga disebabkan penyediaan teknologi baharu bergantung juga pada modal tinggi dan tertakluk kepada jenis teknologi jua. Ia juga memerlukan perbelanjaan dan pelaburan tinggi. Di samping itu juga, kita perlu menerapkan apa yang mendatangkan manfaat kepada keadaan negara sambil meninggalkan apa yang kurang menyumbang kepada perkembangan negara.

Perkara ini akan dipantau dan diteliti oleh beberapa pihak berkepentingan secara holistik termasuk Kementerian Tenaga

(Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta.

Pada masa ini juga, pembentukan dasar kebangsaan dan *road map* bagi sains, teknologi dan inovasi sedang dirancang di bawah perancangan strategik Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian bagi mendukung matlamat-matlamat strategik negara. Usaha ini akan melibatkan pihak-pihak berkepentingan dan bersandarkan kepada *Whole of Nation Approach*. Ini juga berhubungan dengan cadangan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai penyediaan *blueprint* bagi Revolusi Industri 4.0 pada 9 Mac 2019 adalah disambut baik.

Kaola rasa mungkin rakan sejawatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab perkembangan ekonomi *digital* negara akan memberikan keterangan tambahan mengenai perkara ini selepas penyelesaian jawapan-jawapan kaola.

Seterusnya, kaola ingin memberi penjelasan mengenai soalan pertama Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tentang perancangan sumber tenaga manusia bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0. Sepertimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat

Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Revolusi Industri 4.0 ini akan membawa perubahan asas dalam cara kehidupan dan cara bekerja kita. Ia merupakan satu bab baharu dalam pembangunan manusia yang disokong oleh kemajuan teknologi yang mana penggabungan dunia fizikal, *digital* dan biologi yang berpotensi membawa faedah serta beberapa cabaran seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli.

Untuk mengekalkan daya kompetitif, kita bukan sahaja harus menerima perubahan yang dibawa oleh Revolusi Industri 4.0, tetapi harus mendorong pelaksanaannya untuk meningkatkan daya saing industri yang akan memacu pembangunan ekonomi negara. Oleh itu, pihak kerajaan pada masa ini sedang giat mempersiapkan tenaga kerja bagi memastikan perubahan ini memberikan impak yang minimum terhadap pekerja dan masyarakat secara keseluruhan.

Pada masa yang sama juga, pihak kerajaan telah menyediakan beberapa *platform* bagi anak-anak tempatan untuk menjalani kursus *re-skilling* dan *up-skilling* dan penyediaan sistem pendidikan dan kursus menurut keperluan industri semasa.

Apa yang penting bagi mengatasi pengangguran ialah bagi tenaga pekerja diberi peluang untuk melalui pendidikan dan latihan termasuk latihan vokasional dan teknikal yang sepadan dengan keperluan industri. Mereka juga memerlukan peluang untuk mengikutinya di semua peringkat

termasuk pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*).

Dalam pada itu, pihak kerajaan akan terus bekerjasama dengan sektor industri dan agensi-agensi yang berkepentingan bagi mengenal pasti keperluan yang dikehendaki dalam tempoh jangka masa yang pendek dan sederhana termasuk jenis pekerjaan, kemahiran dan kompetensi yang diperlukan bagi mengadakan tenaga kerja yang bersedia untuk mendukung perkembangan industri.

Pihak kerajaan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan terutamanya yang terlibat di bawah Majlis Perancangan Tenaga Manusia sedang meneliti kursus-kursus yang ditawarkan di bawah Institusi *Technical and Vocational Education and Training (TVET)*, Institut Pengajian Tinggi dan mana-mana program-program *re-skilling* dan *up-skilling* dan juga pendidikan sains teknologi kejuruteraan dan matematik (*STEM Education*) serta penyediaan tenaga manusia yang berkemahiran dan profesional agar ia selaras dengan keperluan industri.

Apabila terdapat keperluan industri bagi mendukung perkembangan industri ke tahap Revolusi Industri 4.0, ia akan kemudian dicerminkan dalam inisiatif-inisiatif berkaitan dengan perkembangan tenaga kerja.

Sepertimana yang telah kaola sampaikan pada hari Sabtu, 16 Mac 2019, salah sebuah *platform* yang direncanakan oleh Kementerian Tenaga (Tenaga dan

Tenaga Manusia) dan Perindustrian adalah penubuhan *Industry Steering Committee* bagi tenaga kerja agar mendukung penajaan tenaga kerja yang *Industry Driven*. Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak kementerian, industri dan institusi pendidikan serta pengawal selia yang berkenaan.

Adalah juga disarankan kepada sektor swasta agar memberikan peluang latihan kepada tenaga manusia mereka untuk membina ilmu dan kemahiran baharu supaya kemahiran mereka sentiasa relevan mengikut perkembangan semasa. Namun begitu, tenaga pekerja sendiri perlu ada *mindset* yang *adaptable* dan bersedia untuk mempelajari kemahiran baharu.

Seterusnya peramba, kaola, saya akan menyentuh mengenai dengan penekanan kesejahteraan emosi yang berkaitan dengan Revolusi Industri 4.0. Sepertimana yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi, perubahan-perubahan tersebut berpotensi untuk mencetuskan tekanan emosi dan impak sampingan kepada kesihatan para pekerja.

Dahulu, saat memasuki Revolusi Industri 1.0, 2.0 dan 3.0, pada awalnya juga dipenuhi banyak respons kekhuatiran. Begitu juga, kebimbangan apabila menghadapi apa jua ketidakpastian atau *uncertainty*.

Dalam pada itu, sepertimana yang disampaikan tadi, *life long learning* dan *up-skilling* merupakan komponen bagi pembangunan sumber manusia secara

berterusan bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0 bagi meningkatkan kompetensi tenaga kerja agar menyumbang kepada pengurangan kebimbangan yang mungkin berasal dari pengangguran.

Dalam pada itu, pihak kerajaan akan terus bekerjasama bagi sama-sama memastikan *skillset* yang bersesuaian adalah dikenal pasti dan inisiatif pendidikan dan program *up-skilling* menepati kepada keperluan industri semasa.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja yang peramba, kaola, saya ingin sampaikan mengenai soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, atas kesempatan bagi kaola untuk menambah jawapan kepada soalan tadi iaitu setakat ini bagaimanakah perkembangan Industri 4.0 di negara ini.

Infrastruktur Infokomunikasi merupakan salah satu daripada komponen asas ataupun *the fundamentals* ataupun *foundation* bagi menuju ke arah Revolusi Industri 4.0 ini. Infrastruktur

Infokomunikasi yang ada pada masa ini merangkumi rangkaian-rangkaian seperti *2G, 3G, 4G, LTE (Longterm Evolution)* dan juga *FTTH (Fibre To The Home)*.

Apa yang kaola ingin sampaikan adalah satu perkembangan ataupun Evolusi Infrastruktur Infokomunikasi selaras dengan Revolusi Industri daripada 1.0 hinggalah kepada 4.0. Revolusi Industri 1.0 melibatkan *automation*, 2.0 melibatkan *Internet Technology Explosion*, *Industri 3.0* melibatkan *big data* dan sekarang 4.0 kita membincangkan mengenai *artificial intelligence* dan juga *robotics* antara lainnya.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ dari segi infrastruktur, penyediaan infrastruktur di Negara ini memanglah selaras dengan perkembangan dunia. Kita telah pun ada beberapa pencapaian seperti yang ingin kaola sampaikan seperti berikut:

1. Penembusan ataupun *penetration (mobile penetration)* telefon bimbit adalah pada tahap yang tinggi iaitu 134%, iaitu sekarang lebih daripada ramai penduduk iaitu 134 orang daripada 100 orang secara statistiknya mempunyai *subscription* kepada telefon bimbit atau (*mobile phone*) *services*;
2. Jumlah penggunaan *smart phone* ataupun *smart devices* dianggarkan pada tahap hampir 90% di negara ini daripada jumlah pengguna telefon bimbit secara menyeluruh;
3. Penembusan ataupun *broadband penetration*, jalur lebar bergerak *Mobile Broadband Penetration* adalah pada tahap 115%;
4. Liputan rangkaian *4G (Longterm Evolution - LTE)* di negara ini meliputi 90% dari penduduk di negara ini dengan anggaran peningkatan langganan perkhidmatan *4G LTE* kepada tahap 12% setiap tahun; dan
5. Penembusan Jalur Lebar Tetap - *Fixed Broadband Penetration* adalah pada tahap kira-kira 50% daripada jumlah isi rumah dan premis-premis perniagaan.

Merujuk kepada Laporan *Measuring Information Society* yang dikeluarkan oleh pihak *International Telecommunication Union (ITU)*, bagi tahun 2017 Negara Brunei Darussalam berada di tangga ke 53 bagi *ranking ICT Development Index* dari 176 buah negara, iaitu naik satu anak tangga berbanding tahun 2016 pada tangga 54.

Manakala bagi rantau Asia Pacific pula, Negara Brunei Darussalam berada di tangga ke 8 dari 34 buah negara di *Asia Pacific*. Laporan ini menggunakan *ICT Development Index* bagi mengukur...

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya minta maaf kerana masa kita sangat berharga, jadi saya kira cukuplah keterangan yang diberikan dan keterangan tersebut menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan saya kira cukup jelas, terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mereka yang memberikan notis untuk menyuarakan soalan-soalan, saya berseru, meminta, mencadangkan supaya soalan-soalan sahaja yang dibacakan, tidaklah payah Ahli-Ahli Yang Berhormat membuat mukadimah yang begitu panjang dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini, saya memohon supaya jawapan-jawapan itu tepat kepada soalan-soalan yang dikemukakan.

Masa kita sebagaimana yang saya sebutkan tadi, masa kita adalah berharga. Kita perlu meluluskan Rang Undang-Undang Belanjawan ini secepat-cepatnya. Kita faham, sekiranya kita terlambat, maka 1 April sudah mendatang, silakan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Soalan Jawab Mulut No. 27 daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Soalan kaola atas keselamatan pemakanan dan keberkesanan Revolusi Industri 4.0. Dengan kebolehan Revolusi

Industri 4.0 penipuan makanan global iaitu *food fraud* adalah satu ancaman yang dihadapi oleh semua negara.

Saya ingin bertanya dalam proses pengimportan makanan dihadapkan supaya kementerian-kementerian yang berkenaan atau yang terlibat menyediakan strategi digital transformasi melalui *Unique Product Identifier* untuk memastikan perkara-perkara seperti proses pemakanan yang selamat. *Product Recall transparency* dan dapat dikesan *feasibility* yang senang digunakan oleh masyarakat dan lengkap dengan penanda piawaian.

Saya ingin bertanya, adakah *strategy digital* dan proses kepentingan dilaksanakan untuk memantau pengimportan dan pengeksportan? Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii atas soalan mengenai keselamatan pemakanan serta keprihatinan Yang Berhormat mengenai.

Izinkan peramba, kaola, saya memberikan jawapan yang sekaligus menyentuh kepada dua (2) soalan Yang Berhormat tadi. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, keselamatan makanan dipantau melalui kerjasama antara beberapa kementerian dan agensi

yang tertakluk kepada jenis produk makanan tersebut.

Secara ringkasnya Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Kementerian Kesihatan mengawal produk tempatan dan kemasukan produk yang diimport melalui Akta Kesihatan Awam Makanan Penggal 182 dan Peraturan-Peraturan Kesihatan Awam Makanan dan Bahagian Biosekuriti, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Bahagian Biosekuriti, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam mengawal kemasukan makanan barang mentah (*imported raw material*).

Di samping itu, aspek piawaian turut didukung oleh Pusat *Standard* Kebangsaan di bawah Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Pada masa ini, melalui kaedah sistem *creasibility* pemakanan melalui piawaian *hazard analysis critical control point* atau *ISO 2000:2015, Food Safety Management System* dan melalui *Unique Identifier* di bawah sistem *barcode standard one*. Sistem ini membolehkan pengesanan atau *tracibility* dalam mengenal pasti keberadaan produk dan penempatan penghasilan produk.

Setakat ini terdapat 153 buah syarikat tempatan yang berdaftar dengan *GS1 Brunei Darussalam*. *GS1* merupakan sebuah *non-profit organization* yang beribu pejabat di Brussels, Belgium. Badan ini berperanan sebagai landasan yang membantu memberikan *real time product information* dan *tracking* kepada

pengguna, pengusaha, pembekal dan penjual dalam rangkaian pembekalan *global* dan rantaian nilai iaitu *global supply* dan *value chain*.

GS1 Brunei Darussalam membantu syarikat-syarikat untuk menggunakan dan mempraktikkan *GS1* dalam memudahcarakan pengurusan rantaian bekalan agar ianya lebih cekap dan telus melalui sistem penggunaan *GS1 prefects number* dan *global location number*.

Dengan adanya sistem ini, Pusat *Standard* Kebangsaan akan sentiasa bekerjasama dengan *GS1 Brunei Darussalam* untuk memastikan informasi mengenai produk-produk makanan yang dihasilkan oleh pembuat makanan adalah telus dan dapat dikesan dan akan memudahkan syarikat tempatan untuk memasuki pasaran *x-global*.

Antara usaha-usaha yang akan dilaksanakan oleh Pusat *Standard* Kebangsaan dalam menyumbang dan menyokong proses transformasi digital, sistem teknologi *blockchain* akan diperkenalkan melalui *GS1 Brunei Darussalam* agar selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Untuk membantu kesejahteraan semua pihak yang berkepentingan termasuk industri dalam mendukung Revolusi Industri 4.0, إِنْ شَاءَ اللَّهُ Pusat *Standard* Kebangsaan akan memberigakan *ISO 20 (2005-2007) creasibility in the feed and fullchains* dan akan mengenalkan *ISO 28000:2007 specification for security and management system for the supply chains* yang memfokuskan kepada

pembangunan sistem pengurangan risiko produk *terrorism*, cetak rompak dan penipuan.

Peramba, kaola, saya rasa perkara ini juga adalah berkaitan dengan beberapa soalan yang telah diajukan sebelumnya mengenai kualiti dan pengeluaran produk-produk tempatan termasuk produk pemakanan untuk disalurkan ke pasaran eksport.

Oleh yang demikian, peramba; kaola; saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi keterangan lanjut mengenai membantu memberikan *real time product information* dan *tracking* kepada pengguna.

Di samping piawai yang dikongsi tadi, pihak kementerian amat menitikberatkan kemampuan produk atau perkhidmatan perusahaan-perusahaan tempatan bagi menguasai pasaran termasuk pasaran tempatan dan pencapaian kualiti yang diperlukan.

Beberapa program telah disediakan oleh *Darussalam Enterprise (DARE)*, Pusat *Standard* Kebangsaan dan beberapa agensi untuk kehendak pasaran eksport baik dari segi kapasiti pengeluaran, kualiti produk, pembungkusan, pensijilan dan sebagainya.

Antara langkah yang diambil bagi menggalak dan memudah cara aktiviti eksport adalah program-program dan bengkel-bengkel yang memberikan khidmat nasihat berkaitan dengan pensijilan antarabangsa seperti *good manufacturing practice*, *ACCP* dan *ISO*

kepada perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana dan syarikat-syarikat.

Program *Industry Business Academy* yang dikendalikan oleh pihak *Darussalam Enterprise (DARE)* juga menawarkan latihan berkaitan dengan pembungkusan pemasaran *self life* bagi produk makanan *e-Commerce logistic* dan *strategic export* yang bertujuan bagi menyediakan *EMKS* tempatan untuk eksport ke pasaran serantau dan antarabangsa.

Seterusnya, mengenai pengawalan pengimportan dan pengeksporan makanan ia bergantung pada keberadaan permit-permit dari agensi-agensi berkenaan.

Sebagai contoh permit daripada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi jenis makanan yang disebutkan tadi dan juga dari Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi daging halal. Sebarang permit dapat dipohonkan secara *online* melalui *Brunei Darussalam National Single Window* dan sistem ini akan turut memaparkan permit-permit yang telah diluluskan.

Seterusnya pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi menjalankan pemeriksaan tertakluk kepada *list profiling* yang mana akan menentukan juga sama ada permit bagi makanan tersebut telah diluluskan.

Sekian sahaja yang disampaikan mengenainya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
Soalan Jawab Mulut No. 28.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola untuk menambah sedikit mengenai kenyataan-kenyataan yang disampaikan oleh rakan sejawatan kaola.

Di Kementerian Kesihatan *it's means role basically to* mengesahkan ataupun *certified* dalam pengimportan atau pengeksportan makanan produk-produk sama ada ia dibuat *package* ataupun disimpan mengikut cara yang selamat mengikut piawaian antarabangsa, proses pengimport atau pengeksportan itu adalah di bawah Jabatan Kastam.

Mengenai *security of foods*, Kementerian Kesihatan menjadi ahli *WHO* atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Rangkaian maklumat (*information*) akan memberi maklumat segera mengenai mana-mana isu-isu keselamatan makanan ataupun produk yang tercemar yang berlaku di seluruh dunia untuk tindakan sewajarnya oleh negara-negara, iaitu dari mana makanan tersebut diimport.

Sekian, terima kasih.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
Soalan Jawab Mulut No. 28 daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola merujuk kepada Pelan Tindakan Iklim ataupun *Climate Action Plan* yang mempunyai sasaran tertentu dalam sektor perhutanan, pengangkutan dan tenaga yang boleh diperbaharui.

Saya ingin bertanya, apakah status terkini dan juga strategi yang akan datang bagi memastikan negara ini bergerak menuju sasaran yang ditetapkan? Saya juga ingin mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

1. Pembiayaan *research and development* bagi tenaga yang boleh diperbaharui;
2. Insentif menggunakan teknologi hijau termasuklah menyenaraikan syarikat yang membekalkan teknologi hijau dan garis panduan yang bersesuaian;
3. Meningkatkan mutu pendidikan alam sekitar dengan menguatkan penglibatan di luar kelas dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (*NGO*) dan *social enterprise* yang berkaitan dengan alam sekitar dan pertukaran iklim;
4. Meningkatkan kesedaran tentang penjagaan alam sekitar dan pengurangan pembaziran air dan elektrik melalui pendidikan awam seperti Khutbah Jumaat, siaran radio dan televisyen;

5. Meningkatkan program-program yang berkaitan dengan penanaman pokok terutama sekali di kawasan-kawasan tempat penebangan pokok dilakukan bagi tujuan pembangunan; dan
6. *Socialising* inisiatif pembaikan dalam sistem pengangkutan awam agar ia dapat diterima dengan lebih baik oleh orang ramai.

Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu diucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai isu-isu perubahan iklim. Terima kasih juga atas cadangan-cadangan *constructive* yang telah dikemukakan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dipertimbangkan mana yang belum lagi dalam perancangan.

Walaupun negara hanya menyumbangkan sebanyak 0.017% daripada Gas Rumah Hijau secara global, negara tetap untuk melaksanakan usaha-usaha mitigasi dan adaptasi perubahan iklim. Ini memandangkan Negara Brunei Darussalam tidak ikut, terkecuali daripada terkesan oleh impak-impak perubahan iklim.

Kebelakangan 5 tahun ini merupakan 5 tahun terpanas yang pernah dialami di seluruh dunia. Peningkatan suhu

adalah penyebab utama dan menjadi tidak menentu dan agresif seperti peningkatan paras laut, ribut petir, angin kencang, banjir, kilat dan sebagainya. Menurut laporan khas yang dikeluarkan oleh *Intergovernmental Panel On Climate Change*, suhu global akan dijangka terus meningkat sebanyak 1.5 darjah *celcius* antara tahun 2030 dan 2052 sekiranya pemanasan global berterusan pada kadar semasa. Peningkatan suhu ke tahap ini akan membawa impak perubahan iklim yang lebih serius kepada apa yang sudah terjadi pada masa ini.

Pihak kerajaan menyedari bahawa usaha-usaha pengawalan melalui tindakan mitigasi dan adaptasi iklim, perlulah dilaksanakan secara bersepadu dan seimbang di peringkat negara. Justeru, bagi mencapai matlamat ini kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menghidupkan semula Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam bagi memastikan agar semua usaha ke arah menangani iklim ditangani dengan strategi dan pelaksanaan yang lebih terarah dan berintegrasi.

Di bawah majlis tersebut Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim dan beberapa kumpulan kerja telah pun ditubuhkan iaitu:

1. Kumpulan kerja mitigasi bagi memantau aktiviti-aktiviti mitigasi perubahan iklim;
2. Kumpulan kerja adaptasi dan daya tahan bagi memantau pelaksanaan usaha-usaha meningkatkan

ketahanan terhadap perubahan iklim dan Kumpulan kerja *support framework* yang keahliannya terdiri daripada wakil-wakil kerajaan, sektor swasta dan persatuan-persatuan *NGO* yang berkenaan.

Antara lain bidang tumpuan di bawah majlis tersebut adalah:

- i. Penentuan *National Determine Contributions* negara yang akan menggariskan usaha-usaha negara bagi mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau di bawah Perjanjian *Paris*;
- ii. Penelitian dasar perubahan iklim. Menggubal dan menyemak peraturan-peraturan baharu untuk menghalakan pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau;
- iii. Penelitian perubahan sistem *monitoring, reporting* dan *verification* bagi inventori pelepasan gas-gas Rumah Hijau Negara; dan
- iv. Melaksanakan penilaian impak perubahan iklim (*climate impact assessment*) bagi mengetahui kedudukan negara dalam menghadapi kesan-kesan daripada perubahan iklim dan juga langkah bagi meningkatkan ketahanan negara dalam berdepan dengan perubahan iklim.

Dalam masa yang sama, negara juga menyediakan pelan infrastruktur bagi

meningkatkan daya tahan dan adaptasi terhadap kesan perubahan iklim seperti memastikan ketahanan infrastruktur, bekalan elektrik, pengurusan banjir dan degradasi pantai (*coastal degradation*).

Tambahan pula, pihak kementerian akan terus mendukung perkembangan sektor tenaga yang diperbaharui serta kecekapan dan penjimatan tenaga termasuk penyediaan garis panduan mengenainya dan penelitian dasar pengurusan tenaga (*energy management policy*).

Antara lain langkah-langkah strategik yang akan diambil dalam masa terdekat adalah:

- i. Penambahbaikan fasiliti gas dan minyak yang bertujuan mengurangkan pelepasan dari aktiviti *venting* dan *flaring* sehingga 30%;
- ii. Melaratkan lagi penggunaan Garis panduan Bangunan Cepak Tenaga 2015 (*Energy Efficiency and Conservation Building Guidelines 2015*) bagi bangunan kerajaan kepada bangunan komersial;
- iii. Menyumbang secara aktif pada komitmen Pertubuhan Antarabangsa Maritim (*International Maritime Organization - IMO*) dalam mengurangkan pelepasan Gas

Rumah Hijau dari sektor maritim; dan

- iv. Menyumbang secara aktif kepada usaha-usaha Pertubuhan Antarabangsa Penerbangan Awam (*International Civil Aviation Organization*) dalam mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau melalui peningkatan kecekapan bahan api...

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dengan keterangan-keterangan yang telah pun Ahli Yang Berhormat berikan yang begitu jelas dan saya kira ada baiknya kita beralih kepada soalan yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Soalan jawab mulut yang terakhir iaitu Soalan No. 29 daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti yang dimaklumi, *job centre* mempunyai pelbagai peranan, antaranya membantu mendapatkan maklumat tentang jawatan kosong dalam swasta, mampu menukar pemikiran anak tempatan supaya tidak terlalu bergantung pada sektor kerajaan dan

membantu mengurangkan jumlah pengangguran di negara ini. Mengurangkan kebergantungan majikan pekerja-pekerja asing dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk tetap negara ini.

Tidak dinafikan, peranan *Job Centre* dalam usaha mengurangkan jumlah pencari kerja. Dari jumlah 24,433 orang yang mempunyai *IC* kuning 40% daripadanya telah pun mendapat kerja.

Pertanyaan kaola, yang juga pertanyaan yang selalu didengar di luar, apakah tindakan akan pihak berkenaan tentang isu-isu pekerjaan asing yang masih ramai yang juga menjadi penghalang peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan termasuk lepasan graduan dalam negara dan juga di luar negara yang sehingga sekarang belum berjaya dilaksanakan? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong atas soalan yang diutarakan mengenai dengan beberapa isu yang berkaitan dengan isu-isu pekerja asing dan peluang pekerjaan untuk warga tempatan.

Pada masa yang sama, izinkan kaola, peramba, saya ingin menjawab sekaligus mengenai isu-isu pengangguran yang telah dibangkitkan setakat ini oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain termasuk beberapa kenyataan, termasuk kenyataan daripada Yang Berhormat

Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Lebih dahulu kaola ingin memberi penjelasan mengenai statistik pencari kerja tempatan yang berdaftar di *Job Centre* Brunei. Sepertimana yang dimaklumkan sebelum ini, pada Disember 2018, memang jumlah pencari kerja yang berdaftar di *Job Centre* Brunei adalah sebanyak 24,433. Daripada jumlah tersebut 9,841 dikenal pasti terdiri daripada mereka yang langsung belum mendapatkan pekerjaan dan jumlah selebihnya merupakan jumlah pemohon yang sudah mendapatkan pekerjaan termasuk pemohon yang memang sudah mempunyai pekerjaan akan tetapi ingin meneroka pekerjaan baharu.

Seterusnya, kaola mengongsikan hasil kajian tenaga kerja 2017 atau *Labour Force Survey 2017* yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Menurut kajian tersebut, jumlah pekerja asing di negara ini telah menunjukkan penurunan dari 52,161 orang pada tahun 2014 ke 47,490 orang pada tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 4,671 orang. Pada tahun 2018, sebanyak 2,764 jawatan kosong telah diisikan melalui *Job Centre* Brunei. Seramai 1,905 orang terdiri daripada yang berkelulusan 'O' Level dan ke bawah, 447 orang terdiri daripada yang berkelulusan Diploma, 180 orang terdiri daripada graduan, 132 orang adalah daripada yang berkelulusan 'A' Level dan 100 orang terdiri daripada

yang berkelulusan *HND*. Pada masa yang sama, setakat Disember 2018 sebanyak 1,990 graduan telah mengikuti Program *i-Ready*.

Mengenai isu pengangguran dan pencarian pekerjaan bagi anak-anak tempatan, kaola memberi pandangan bahawa perkara ini perlu dilihat secara holistik dan merangkumi beberapa faktor yang tidak terhad kepada mengehadikan pekerja asing. Malah, ia meliputi isu-isu yang lebih meluas yang perlu dipertimbangkan dalam satu pelan holistik yang bergantung kepada:

- i. Penyediaan pekerja yang berkemahiran, kompeten dan *employable*;
- ii. Perkembangan ekonomi secara berterusan menjana peluang-peluang pekerjaan baharu;
- iii. Penyediaan dasar rangka perundangan dan skim-skim galakan untuk memastikan anak-anak tempatan akan terus diberikan galakan dan keutamaan dalam pasaran pekerjaan; dan
- iv. Pemantauan dan 'pemberigaan' supaya semua pihak berkepentingan mempunyai tujuan yang sehaluan untuk melaksanakan program-program yang telah dirancang termasuk peningkatan ketelusan matlamat agar memastikan perancangan dan inisiatif-inisiatif yang dijalankan sentiasa relevan kepada perkembangan semasa.

Berdasarkan Banci Majikan 2016, jumlah pekerja asing yang paling tinggi adalah dalam sektor pembinaan, *manufacturing*, pertanian, perhutanan dan perikanan, penginapan dan tempat tinggal, *good and services activities* dan perdagangan borong dan runcit. Di samping itu, terdapat juga kebergantungan pada profesional di pelbagai sektor di peringkat *supervisory* ke atas memandangkan adakalanya belum mencukupi jumlah pekerja tempatan yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk menyandang jawatan tersebut.

Walaupun kebergantungan pada pekerja asing dalam sektor tersebut, tidak sepatutnya dikekalkan selama-lamanya. Ia juga perlu ditangani secara berperingkat-peringkat melalui menjalankan latihan dan peningkatan kemahiran dan daya pemberian perkhidmatan pekerja-pekerja tempatan untuk memenuhi jawatan-jawatan tersebut agar agenda perkembangan sektor-sektor kepentingan negara seperti sektor pertanian tidak terjejas juga.

Oleh yang demikian, *succession planning* teratur merupakan caranya untuk menangani isu ini pada masa jangka panjang sambil memperkasakan anak-anak tempatan dengan sendirinya akan menjadi pilihan utama para majikan. Bagi mendukung usaha ini, *Bruneiansation Directive* di sektor minyak dan gas telah diperkenalkan pada 21 Jun 2018. Arahan ini dikuatkuasakan ke atas syarikat-syarikat minyak dan gas utama yang mengendalikan aktiviti-aktiviti di sektor hulu, *midstream*

dan hiliran (*major operators*). Arahan ini bertujuan menggalakkan syarikat-syarikat untuk meningkatkan pengambilan pekerja-pekerja tempatan di semua peringkat melalui *succession planning* dan peningkatan kemahiran secara teratur sehingga setiap peringkat pekerjaan dipenuhi oleh sekurang-kurangnya 90% pekerja tempatan. Ini adalah ke arah pencapaian matlamat-matlamat berikut:

- i. Memastikan penyertaan anak tempatan dalam masa-masa menerajui industri minyak dan gas negara;
- ii. Untuk memaksimumkan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan di semua peringkat;
- iii. Bagi melahirkan anak tempatan yang kompeten di pelbagai bidang termasuk dalam bidang pengurusan profesional dan juga pekerja-pekerja berkemahiran; dan
- iv. Bagi menarik serta mengekalkan anak-anak tempatan yang berkebolehan bagi memastikan perkembangan berterusan di industri minyak dan gas negara.

Di samping itu, dengan peningkatan pekerja-pekerja tempatan dalam jawatan-jawatan pengurusan, adalah dihasratkan pihak pengurusan sektor swasta juga turut mengambil berat

terhadap kesejahteraan dan pengambilan anak-anak tempatan.

إِنْ شَاءَ اللهُ *Bruneiisation Directive* tersebut akan dilaratkan pada sektor-sektor lain. Perkara ini sedang dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkepentingan agar ia dijalankan secara teratur mengikut keadaan sektor-sektor yang berkenaan.

Pada masa yang sama, penyediaan program-program bagi melengkapkan anak-anak tempatan dengan kemahiran keperluan perindustrian sedang dilaksanakan terutamanya di sektor-sektor yang mempunyai jumlah tenaga asing yang tinggi tadi...

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli Yang Berhormat, saya kira penerangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian terhadap soalan yang diajukan saya kira sudah cukup jelas. Saya kira tidaklah payah kita membuat *detail* begitu panjang. Saya cadangkan Ahli-Ahli Yang Berhormat, supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini yang memikirkan keperluannya untuk membuat penerangan yang menyeluruh kepada soalan-soalan barangkali yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini.

Saya cadangkan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat membuatnya dalam bentuk tulisan ataupun rencana supaya dapat dilihat dan diambil ingatan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini, dan إِنْ شَاءَ اللهُ pada tahun-tahun yang akan datang soalan-soalan yang sedemikian

tidak akan ditimbulkan lagi. Saya kira cukuplah sudah Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita membincangkan Soalan Jawab Mulut Yang Diberi Notis.

Saya kira ada baiknya sekarang kita berpindah kepada perkara lain yang memerlukan tenaga dan pemikiran kita iaitu Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka, bagi membolehkan kita meneliti Rang Undang-Undang Perbekalan ini supaya dapat dibahas satu per satu di peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020. Pada petang semalam kita telah mula membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan.

Walau bagaimanapun, sebelum kita menyambung untuk membahaskan Tajuk Kementerian tersebut, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Ugama ingin untuk membuat kenyataan bagi soalan-soalan yang belum dijawabnya terhadap Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menjawab soalan daripada ataupun pertanyaan yang berhubung dengan:

1. Dari Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput mengenai tanah susur perkuburan di Labi yang peruntukannya disediakan pada tahun lepas dan apa perkembangannya pada masa ini. Secara ringkas Yang Berhormat Pengerusi, perkembangannya pada masa ini, ialah reka bentuk untuk mengatasi masalah kesusuran di kawasan berkenaan dan seterusnya supaya tidak terjadi lagi kesusuran pada masa akan datang telah pun didapati dan disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dengan peruntukan tidak sampai \$40 ribu. Dalam belanjawan tahun ini 2019/2020 perkara itu akan dilihat sebaik-baiknya;
2. Untuk menjawab Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, yang kaola memohon maaf semalam kerana tidak menangkap butir-butir soalan ataupun percakapannya Yang Berhormat itu, lalu kaola memohon

untuk membentangkannya. Setelah dilihat kepada catatan terdapat 3 soalan Yang Berhormat Pengerusi:

- i. Mengenai Sijil Halal. Adakah Kementerian Hal Ehwal Ugama menyediakan perancangan untuk Sijil Halal pada bukan makanan. Perkara ini kaola dapat menjelaskan secara ringkas, bukan lagi untuk merancang Yang Berhormat Pengerusi, tetapi untuk melaksanakan kerana pada masa ini, Perintah Sijil Halal dan Label Halal Pindaan 2017 itu, sudah meliputi produk yang bukan makanan dan bahkan juga meliputi perkhidmatan. Tinggal lagi mengenai produk yang bukan makanan seperti kosmetik, farmaseutikal dan sebagainya itu adalah secara sukarela, bukan secara *compulsory* atau diwajibkan.

Begitu juga perkhidmatan yang meliputi termasuk logistik, penggudangan, peruncitan dan juga pengangkutan, sudah ada peruntukan sedemikian, bukan lagi merancang tinggal lagi untuk melaksanakannya Yang Berhormat Pengerusi. Ini juga secara *voluntary*, secara sukarela. Bukan secara *compulsory* atau diwajibkan. Status mengenai perkhidmatan ini masih dalam penyelarasan bagi penubuhan Jawatankuasa *Standard* Halal dan Jawatankuasa Teknikal Logistik.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika semua ini berjalan sebagaimana yang kaola jelaskan tadi, perkara ini akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya; dan

- ii. Berhubung dengan bagaimana tindakan ke atas produk yang diragukan kehalalannya, dan anak soalnya ialah bagi salah penggunaan, penyalahgunaan logo halal dan penguatkuasaan (*enforcement*). Bahagian pertamanya, bagaimana tindakan terhadap produk yang diragukan kehalalannya itu. Pada masa ini belum ada undang-undangnya yang tertentu, Yang Berhormat Pengerusi. Bagaimanapun, secara pentadbiran dan dengan kerjasama kepada pihak-pihak yang memasarkannya, kitani dapat mengambil langkah-langkah, iaitu meminta kepada yang memasarkan sepertimana di kedai-kedai, umpamanya untuk mengasingkannya daripada barang-barang produk makanan yang halal.

Pengasingan itu pada sekarang ini, berjalan dengan baik dan yang penting sekali kita sama-sama khasnya umat Islam, orang ramai sama-sama untuk berawas-awas dalam, perkara ini dan memberikan *input* yang jitu, yang tepat kepada pihak yang berkenaan pengawal makanan halal di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

3. Penggunaan Penyalahgunaan logo halal dan apa penguatkuasaannya (*enforcement*). Setakat ini, Yang Berhormat Pengerusi, tindakan-tindakan (*enforcement*) dalam erti kata pemeriksaan secara rambang di mana-mana dan menerima aduan-aduan daripada orang ramai, lalu disiasat dan berikutan daripada itu sejauh ini dalam jangka 2 tahun yang terakhir ini, kesalahan-kesalahan yang sudah didapati:

- i. Kesalahan di bawah Bab 37 - Kegagalan Mematuhi Syarat ataupun Aturan Dalam Perintah Sijil Halal yang menyebabkan dibawa ke mahkamah dan didapati sabit kesalahan dan dihukum denda sebanyak \$800.00; dan
- ii. Disabitkan atas kesalahan menyalahgunakan label halal pada menu makanan dan perkara ini pun juga dibawa ke mahkamah dan didapati sabit kesalahan dengan denda \$2,000.00.

4. Soalan berhubung hanya syarikat tertentu sahaja, ertinya ini bukan soalan, ini *complaint*. Hanya syarikat tertentu sahaja diberikan Sijil Halal bagi mengimport daging ayam mentah dan daging yang lain. Jadi, dicadangkan untuk dilaratkan kepada semua. Sebenarnya mengenai dasar import ini bukan di bawah kawalan halal haram pemakanan.

Import ini kalau ada kebenaran dari pihak berkenaan iaitu *MPRT* - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Mereka akan mengeluarkan permit import. Jadi, bila permit import itu ada, maka barulah dipanjangkan ke Bahagian Kawalan Makanan untuk proses seterusnya. Pemeriksaan mengenai kehalalannya. Akan diperiksa seperti biasa di bawah peraturan-peraturan yang ada berjalan pada masa ini.

Mengenai kuasa tersebut, barangkali rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dapat menjelaskan dasar itu bagaimana dibuat. Adakah benar bahawa hanya syarikat-syarikat tertentu sahaja ataupun dihadkan. Jadi, lebih baik nanti Dewan ini akan mendengar daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan itu.

Inilah saja yang dapat kaola jelaskan secara ringkas Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya tertarik mengenai soal halal haram terutama mengenai makanan-makanan disediakan di restoran-restoran dan seumpamanya. Saya kira Jabatan Halal Haram dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, nampaknya telah giat melaksanakan tugas-tugasnya.

Apa yang barangkali menjadi keraguan kadang-kadangnya ialah soal kebersihan premis yang menyediakan makanan-

makanan untuk orang ramai. Saya kira Kementerian Kesihatan yang berhadapan dengan perkara ini harus lebih menonjol mengenai soal-soal seperti ini.

Soal halal haram barangkali di Negara Brunei Darussalam, kita sudah mempunyai *standard* yang boleh diakui tetapi *standard* dari segi penyediaan kebersihan masih banyak yang perlu dilakukan lagi.

Silakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuma ingin menambah saja dari jawapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tadi itu iaitu berkenaan dengan syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk mengimport daging-daging dari luar negara. Terutama daging ayam, daging sapi, kerbau dan juga daging kambing yang permit ataupun kebenaran dari segi jumlahnya setiap tahun tertakluk kepada *demand* dalam negara.

Misalannya, kebanyakan import kambing sebagai contoh, malah juga lembu, tertakluk kepada keperluannya pada waktu tertentu, misalannya pada waktu majlis korban sempena Hari Raya Aidiladha dan tertakluk juga kepada perkembangan dalam negara dari segi pengeluar-pengeluar, penternak lembu, ayam dan kambing dalam negara.

Oleh yang demikian, sepertimana yang diketahui, bahawa penternakan ayam

dalam negara telah berkembang sehingga kita sudah boleh hampir 100% memenuhi sara diri. Oleh yang demikian, permit bagi import ayam adalah dalam had yang tertentu. Maksudnya mungkin akan dikurangkan lagi tertakluk kepada kebolehan kita memenuhi keperluan bukan saja dalam waktu yang biasa malahan waktu-waktu perayaan, mungkin waktu-waktu perayaan seperti bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri mungkin keperluannya tinggi mungkin kita akan membenarkan lebih banyak import. Walau bagaimanapun, kalau tidak ada keperluan mungkin kita akan menahkannya.

Jadinya, itu saja yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi, tertakluk kepada *demand* dan kebolehan orang kita menternak, pembekal (*supply*). Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah sedikit mengenai apa Yang Berhormat nyatakan tadi mengenai kebersihan di restoran-restoran. اللَّهُمَّ كُنْ لَنَا حِصْنًا اللَّهُمَّ كُنْ لَنَا حِصْنًا Kementerian Kesihatan sentiasa peka terhadap kebersihan di tempat awam terutama sekali di tempat makan.

Pada tahun lepas 2018, sebanyak 2,088 premis telah dilawat oleh Kementerian Kesihatan dan juga Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Dalam angka ini 23% didapati tidak memuaskan dan diberi teguran. Walau bagaimanapun, pada masa ini disebabkan oleh perubahan dalam *ease of doing business*, pihak Kementerian Kesihatan tidak ada

kuasa untuk menutup premis-premis tersebut, cuma dapat memberi teguran kecuali kebersihannya yang tidak memuaskan seperti ada tikus (*rodent*) atau ada aktanya, boleh ditutup.

Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri suka untuk membuat kenyataan tambahan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim semalam mengenai acara hiburan ringan yang melibatkan muzik di kawasan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berdekatan dengan Masjid Omar 'Ali Saifuddin baru-baru ini.

Lebih dahulu, kaola ingin memaklumkan bahawa dari penyiasatan awal Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak pernah dirujuk oleh pihak penganjur yang mengendalikan acara berkenaan untuk mendapatkan pandangan ataupun kebenaran bagi mengadakan acara tersebut.

Pihak kementerian telah diberikan maklumat baru-baru ini bahawa penganjur memaklumkan yang acara tersebut merupakan acara berbentuk pendidikan bagi menjelaskan mengenai sejarah dan peranan pelbagai jenis gendang di negara ini.

Kaola seterusnya ingin memaklumkan bahawa dalam menilai permohonan yang diterima di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tujuan mengadakan hiburan, pihak kementerian sentiasa merujuk dan berpandu kepada garis panduan tertentu yang berkuatkuasa pada masa kini.

1. Iaitu garis panduan mengadakan acara persembahan di kawasan yang berdekatan dengan masjid, surau dan balai ibadat; dan
2. Garis panduan bagi hari-hari dan tarikh-tarikh yang tidak dibenarkan untuk mengadakan hiburan.

Garis panduan mengadakan acara persembahan di kawasan masjid, surau dan balai ibadat adalah melibatkan kawasan atau tempat yang jaraknya lebih kurang 139 meter dari kawasan masjid, surau dan balai ibadat tersebut.

Manakala garis panduan bagi hari-hari dan tarikh-tarikh yang tidak dibenarkan untuk mengadakan hiburan, menggariskan tarikh-tarikh tertentu sepanjang tahun yang tidak dibenarkan untuk mengadakan aktiviti hiburan yang antaranya merangkumi keseluruhan bulan Rabiulawal, Rejab, Sya'ban dan Ramadhan, Muharram (1 hingga 10 haribulan). Syawal (1 hingga 7 haribulan) dan Zulhijjah (1 hingga 15 haribulan).

Selain tarikh-tarikh yang kaola sebutkan tadi, aktiviti hiburan juga tidak dibenarkan untuk diadakan pada hari Khamis malam Jumaat termasuk pada siang hari Jumaat.

Jika didapati ada permohonan untuk mengadakan hiburan pada tarikh-tarikh hari dan waktu yang tidak dibenarkan atau persembahan yang tidak sesuai maka pemohon dinasihatkan untuk mengubah tarikh atau mengubah jenis persembahan yang dirancang.

Untuk makluman bersama, sehingga ini Bahagian Pengawalan Hiburan Awam dan Penerbitan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menerima 5 permohonan yang dinasihatkan untuk diubah tarikh dan acaranya.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin menasihatkan kepada orang awam yang berkeinginan untuk mengadakan aktiviti berbentuk hiburan untuk merujuk ke Bahagian Pengawalan Hiburan Awam dan Penerbitan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mendapatkan maklumat dan nasihat sebelum mengadakan apa jua aktiviti hiburan.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita akan menyambung semula untuk membincangkan dan membahaskan Kementerian Pembangunan.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat sekali lagi mengenai betapa pentingnya kita *keep to the time*. Berapa pentingnya soalan-soalan yang dikemukakan hendaklah tepat dan saya juga memohon kepada kementerian yang berkenaan supaya mengehadkan jawapan-jawapan itu menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Sekiranya perlu untuk memberikan keterangan-keterangan lebih lanjut, maka ada baiknya kalau keterangan-keterangan itu dibuat secara bertulis dan dikelilingkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk pengetahuan bersama.

Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Salam sejahtera. Kaola membawa Tajuk SK06A - Jabatan Tanah.

Pasaran hartanah yang aktif menyumbangkan kepada *GDP* yang telah mewujudkan peluang pekerjaan sama ada ia kerja yang profesional, pembina dan pembekal. Tadbir urus yang baik dan cekap boleh meng*create* untuk meningkat. Meningkatkan dan menggalakkan pasaran hartanah yang baik dan dinamik.

Permohonan *LARIS*, iaitu sistem maklumat pendaftaran tanah yang memudahkan permohonan dalam talian merupakan satu langkah ke hadapan untuk mempercepatkan permohonan tanah, tetapi masih terdapat maklumat asal yang tidak lengkap.

1. Soalan kaola ialah adakah Jabatan Tanah akan membuat penambahbaikan terhadap sistem *LARIS* dengan memasukkan dan menerbitkan garis panduan dalam hal-hal penting seperti sebarang sekatan pemilikan mengenai ukuran dan hartanah; dan
2. Berapa lamakah proses untuk meminta milik hartanah kediaman atau komersial.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh atas soalan mengenai dengan sistem maklumat pendaftaran tanah (*LARIS*).

Dalam mendukung *ease of doing business* yang berkaitan dengan hal ehwal tanah, Kementerian Pembangunan mengutamakan penambahbaikan dalam proses *registration property* terutama sekali dalam memendekkan proses dan tempoh permohonan dari 6 bulan kepada sasaran tempoh 3 bulan. Pada tahun ini bahagian tanah, rumah kediaman dan komersial, salah satu langkah usaha ialah untuk menambah baik sistem maklumat *LARIS*.

Untuk makluman *LARIS* ialah sistem maklumat permohonan dan pendaftaran tanah bagi pemilik tanah, pemohon pindah milik, tukar syarat tanah, gadaian, pajakan tanah persendirian

melibahi 7 tahun dan menyambung kelamaan geran tanah.

Sistem *LARIS* ini juga memberikan akses maklumat kepada pemilik tanah atau peguam-peguam (wakil bagi status permohonan terkini).

Di samping itu, usaha menambah baik ke atas sistem *LARIS* dilaksanakan secara berterusan bagi memudahkan proses permohonan seperti memuat naik maklumat garis panduan yang relevan dan asas serta tempoh pemedulian orang ramai TPOR bagi pemindahan harta tanah kediaman ataupun komersial.

Maklumat seperti sekatan pemilikan mengenai ukuran dan syarat khas tanah belum ada dalam perancangan untuk dimuat naik ke dalam sistem tersebut dan akan diteliti melalui kesesuaiannya dan keperluannya.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola minta izin untuk menjelaskan ada soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai *Accredited Checker*. Ada sedikit pembetulan. Kelayakan sebagai *Accredited Checker* adalah jurutera profesional yang mempunyai sijil amalan dengan *BAPEQS* yang melebihi 15 tahun *Chartered membership* dan 10 tahun pengalaman praktikal dalam *structural* atau *geotechnical*.

Merujuk bahagian 6 *Accredited Checker*. Bab 173 (A) *BCO 2014* mengatakan bahawa semua projek bernilai \$10 juta ke atas hendaklah melantik seorang *Accredited Checker* yang berdaftar untuk

meneliti pelan-pelan *structural* dan juga *geotechnic*.

Jawapan yang betul ialah selaras dengan keperluan dalam Perintah Kawalan Bangunan tahun 2014 bagi bangunan-bangunan awam seperti *hotel, flat, sekolah* dan sebagainya adalah memerlukan perkhidmatan *Accredited Checker (AC)* kecuali kerja-kerja bangunan yang disenaraikan dalam Jadual Ke-4 Peraturan Kawalan Bangunan 2014.

Keperluan ini memastikan bangunan-bangunan awam selamat untuk didiami dan digunakan oleh orang ramai. Peranan utama *AC* dalam memastikan keselamatan struktur bangunan dengan melaksanakan semakan ke atas struktur pelan dan *design capacity* yang telah disediakan oleh jurutera profesional. *QP* sivil dan *structure*.

Menurut keperluan perintah kawalan bangunan peraturan dan garis panduan di bawahnya bagi mengurangkan risiko kesilapan reka bentuk struktur bangunan. Kementerian Pembangunan telah memproses pendaftaran *Accredited Checker* yang telah bermula sejak Ogos 2016. Seramai 3 jurutera profesional yang mendaftar di bawah Lembaga Arkitek Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan *BAPEQS* sahaja telah lulus sebagai *Accredited Checker* dengan lantikan bermula daripada 1 Januari 2017 dan disenaraikan sebagaimana yang terkandung di Bahagian 6, *Accredited Checker Building Control Order BCO 2014* dan pendaftaran *AC* ini adalah sah bagi

tempoh 1 tahun dan telah diperbaharui sehingga 1 Disember 2019.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .

Kaola ingin menyentuh mengenai perkara di bawah Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan Kod Akaun 002/000 - Perancangan dan Pengurusan Polisi serta Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya Kod Akaun 002/002 - Pengurusan Bekalan Air.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , Kementerian Pembangunan telah pun menghasilkan dan melancarkan garis panduan reka bentuk bagi Orang Kelainan Upaya pada tahun 2018. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha negara dalam merealisasikan tuntutan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah *Right of Person Disabilities* serta sebagai salah satu langkah ke arah sasaran matlamat RKN Ke-11 di bawah matlamat pembangunan mampan yakni *Sustainable Development Goals*.

Soalan:

1. Mengenai perancangan pihak Kementerian Pembangunan untuk

menjadikan garis panduan ini satu dasar dan polisi. Pada masa ini, kenapa belum ada penekanan bagi keperluan-keperluan termasuk akses bagi golongan Orang Kelainan Upaya dan warga emas dan lain-lain. Ini bukan saja dari segi akses kepada taman tersebut tetapi termasuklah jenis-jenis peralatan permainan kanak-kanak yang boleh diguna sama oleh Kanak-Kanak Kelainan Upaya seperti mereka yang mempunyai masalah fizikal, kemahiran motor yang rendah, masalah penglihatan serta masalah kognitif dan sosio emosi dalam interaksi;

2. Negara Brunei Darussalam beruntung kerana dikurniakan dengan sumber air bersih yang mencukupi bagi kegunaan rakyat, dan penduduk serta aktiviti sosial dan ekonomi seperti pertanian, perikanan, perindustrian dan seumpamanya. Hampir keseluruhan penduduk negara ini dapat menikmati bekalan air yang bersih. Adalah difahami, pihak Kementerian Pembangunan sedang dan telah merangka dan melaksanakan beberapa strategi dan pelan tindakan dalam menangani masalah ini termasuk melalui Program Kesedaran kepada orang ramai untuk mengamalkan budaya berjimat dan penggunaan air secara bijaksana.

Jadi, apakah perancangan pihak Kementerian Pembangunan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha komunikasi dan sosialisasi dengan orang ramai mengenai

perkembangan dan kerja-kerja pembaikan dan penggantian paip-paip air lama khusus yang boleh menyebabkan masalah gangguan bekalan air bersih jika berlaku secara berpanjangan dan berlarutan.

Terima kasih, Yang berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Mengenai keperluan *different abilities* (Orang Kelainan Upaya), dan buku garis panduan yang disebut tadi untuk memasukkan warga emas, perkara ini memang sudah dalam perancangan untuk *direvise* semula buku garis panduan tersebut kerana pembaikan secara progres ini sangat penting dalam memastikan budaya yang inklusif bagi Orang Kelainan Upaya termasuk jua warga emas. *إِنْ شَاءَ اللهُ* akan diteruskan.

Mengenai sumber air yang dinyatakan tadi, apakah langkah-langkah yang strategi Kementerian Pembangunan, seperti yang kaola telah terangkan semalam, memang sudah banyak projek yang akan dilaksanakan tahun ini.

إِنْ شَاءَ اللهُ dengan adanya peruntukan yang telah diberikan, Kementerian Pembangunan akan berusaha untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan air. Mengenai pembaziran seperti yang kaola nyatakan semalam, negara kitani masih lagi paling banyak penggunaan air,

350 *litre* seorang sehari iaitu kalau dibandingkan dengan botol 1.5 *litre* itu berjumlah 253 botol seorang sehari penggunaan air di negara kitani. Usaha-usaha akan dipertingkatkan *إِنْ شَاءَ اللهُ* terus-menerus supaya orang ramai tidak akan membazir air. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Kaola menyokong segala usaha pelaksanaan dan perancangan yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan. Didoakan semoga lebih berjaya dari tahun ke tahun. Kaola membawa Tajuk seperti berikut:

1. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya (Bahagian Air). Koala merujuk kepada Perkhidmatan Bekalan Air. Air isu yang dibawakan khusus melibatkan tanah tinggi. Perkara ini diadakan dan *إِنْ شَاءَ اللهُ* dilawat dan dibuat penyukatan jarak ketinggian bukit yang dikatakan mungkin akan diberikan kemudahan pam air.

Tetapi, perkara ini berhenti setakat itu saja tanpa kesinambungannya. Cadangan telah dibuat sewaktu perjumpaan, sewaktu lawatan dibuat. Memandangkan rumah pengadu di atas bukit dan secara

kebetulan tangki air di atas bukit yang sama terdapat rumah berdekatan secara *direct* mendapat bekalan air dari tangki berkenaan. *As a whole nation approach*, jika ada perkara yang seperti dinyatakan di atas mohon diambil penyelesaian yang mudah, kerana tanah tinggi dengan tekanan yang rendah terpaksa menunggu tengah malam, baru ada bekalan air, itupun jika tekanan terlalu rendah berhari-hari tiada air;

2. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya (Bahagian Saliran). Perkara ini juga dipohonkan dibuat *as a whole nation approach* ini berkenaan dengan pembinaan rumah oleh pemaju (*developer*) di kampung-kampung. Masalahnya terdapat pemaju memasang *culvert* (pembetung) yang kecil di saluran utama atau *main outlet*. Bila dirujuk Bahagian Saliran, pihak saluran meminta untuk dirujuk kepada *ABCi*, Jika berlaku hujan maka *main outlet culvert* (pembetung) yang kecil boleh mengakibatkan air melimpah dan membanjiri persekitarannya. Kaola yakin pihak saluran mempunyai garis panduan saiz *culvert* (pembetung) yang dibenarkan dipasang di setiap longkang atau saluran yang melibatkan *main outlet*. Kaola mencadangkan supaya *culvert* (pembetung) yang saiznya yang tidak sesuai dibuka dan diganti dengan saiz *culvert* (pembetung) yang sepatutnya;

3. Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Apakah langkah-langkah terbaik untuk mengatasi masalah tanah-tanah persendirian yang tidak dapat dimajukan di kawasan lingkungan Bandar Seri Begawan (*Prime Land*) dan mohon penguatkuasaan akses tanah (*Access Land*) kerana banyak pihak yang berkepentingan;

4. Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Terdapat warganegara Brunei yang mempunyai tanah bergeran secara warisan tetapi tidak mampu untuk membina rumah. Ada yang memohon untuk mendapatkan kemudahan Skim Perumahan Negara dengan memajukan pembinaan rumah di atas tapak tanah kepunyaan sendiri.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ diucapkan terima kasih pemohon berkenaan telah diberikan borang perumahan untuk diisikan. Ada juga menyuarakan mempunyai tanah *TOL* yang sudah lama tetapi untuk mendapatkan tanah kurnia tidak memenuhi syarat kerana kurang mampu membina rumah di atas tapak berkenaan maka dipohonkan orang yang kategori ini diberikan tawaran kemudahan Skim Perumahan Negara dan tanah *TOL* kepunyaannya diberikan geran kurnia. Pemohon-pemohon tersebut di atas tidak termasuk di dalam Asnaf Fakir Miskin. Diharap permohonan seperti ini dapat disegerakan. Mohon kebijaksanaan pihak Kementerian tentang perkara ini; dan

5. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Di *traffic light* Kampung Telanai telah berlaku beberapa kemalangan, yang melibatkan kenderaan besar menimpa kenderaan biasa. Kaola suka mencadangkan *flyover* merentas lampu isyarat di Kampung Telanai itu jika ini suatu yang terbaik bagi mengurangkan kemalangan dan dipohonkan dimasukkan ke dalam RKN.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

1. Mengenai dengan isu tangki air, pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya, Bahagian Air memang sentiasa memantau tempat-tempat yang ada masalah tekanan air yang rendah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari tadi. Salah satu caranya ialah membuat rumah-rumah pam dan tangki air khusus bagi simpang yang terjejas. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* perkara ini akan di *follow up* nanti.

Ingin juga mengongsikan mengenai rumah-rumah yang dibina di atas tempat-tempat tinggi bahawa itulah peranan *QP* ataupun pemaju yang memajukan tanah-tanah persendirian sebelum kemajuan itu dilaksanakan perlulah juga melibatkan orang-orang yang

qualified person untuk menghadapkan lukisan dan reka bentuk untuk sistem bekalan air bagi memastikan tekanan air yang mencukupi dapat dicapai apabila kemajuan siap dimajukan. *QP* juga dikehendaki bagi menasihatkan pemaju ataupun pemilik tanah dalam sebarang sistem bekalan air seperti penyediaan tangki pam untuk bekalan di tempat-tempat yang tinggi;

2. Pembinaan *culvert*. Ini pun merupakan satu tanggungjawab pihak pemaju dan juga peranan *QP* pembinaan atau pemasangan *culvert* di tapak-tapak pembinaan adalah tanggungjawab pemaju dan pembina tersebut dan pembinaan ini hendaklah dipohonkan untuk kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa seperti *ABCi* untuk memastikan sistem saliran yang efektif dan bagi mencegah berlakunya banjir.

Oleh yang demikian, sebelum kerja-kerja kemajuan tapak binaan dilaksanakan pihak *QP* dari pihak konsultan yang dilantik oleh pemaju hendaklah menghadapkan lukisan-lukisan reka bentuk infrastruktur termasuklah saiz ukuran *culvert* untuk diteliti lebih dahulu dan jika sekiranya terjadi banjir disebabkan saiz *culvert* kurang besar tanggungjawab Ketua Kampung perlulah juga untuk melaporkan ke Jabatan Saliran dan Pembentungan, Kementerian Pembangunan;

3. Berhubung dengan tanah persendirian terletak di kawasan *prime area* yang tidak dapat dimajukan dan tidak ada akses memang perkara ini memang terjadi dan pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Tanah dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa sentiasa membantu mengenai isu-isu ini.

Terdapat beberapa kawasan yang telah pun dikenal pasti seperti yang disebutkan tadi, tanah kedudukannya terkunci ataupun *landlocked* ataupun jauh dari jalan raya bentuk atau keadaan tanah yang berbukit atau termasuk kawasan tadahan bukit atau tadahan air dan juga keluasan tanah yang terlalu kecil yang tidak dapat dimajukan setelah mengambil kira garis kemajuan bangunan inilah isu-isu yang telah dikenal pasti. Untuk mengatasinya ialah pemohon sama ada boleh meminta kebenaran dengan pemilik tanah yang bersempadan bagi mendapatkan laluan jalan tanah yang melintasi tanah sempadan atau pemohon bolehlah memohon kepada pejabat tanah untuk menukar ganti tanah (tukar ganti tanah di kawasan lain) ini adalah tertakluk kriteria kelayakan pemilik-pemilik yang terbabit mengikut garis panduan yang berjalan ada pada masa ini.

Bagi kawasan yang membabitkan lebih daripada sebidang tanah adalah melalui skim atur semula ubahsuai tanah (*land re adjustment scheme*) yang telah pun diperkenalkan

di Kementerian Pembangunan seperti yang telah dilaksanakan melalui skim di Kampung Kiulap, namun segala kos berkaitannya adalah atas perbelanjaan pemilik-pemilik sendiri yang terbabit dan pihak kerajaan hanya bertanggungjawab dalam menyediakan cadangan skim atur semula.

Bagi tanah-tanah persendirian yang terlibat dalam kawasan tadahan bukit atau tadahan air jika terdapat keperluan pihak kerajaan untuk menyimpan kawasan berkenaan bagi keperluan projek maka tanah persendirian terlibat akan diambil balik dan pemilik-pemilik tanah dibayar pampasan atau diberi pilihan untuk gantian tanah dan manakala tanah persendirian yang berkeluasan terhad pengurangan garis kemampuan bangunan boleh dipertimbangkan tanah bagi membolehkan tanah dimajukan untuk sebuah rumah kediaman dan pertimbangan ini adalah secara *case to case*;

4. Mengenai Jabatan Kemajuan Perumahan. Syarat mengikut iaitu Skim Perumahan Negara. Isu perumahan memanglah menjadi tumpuan Kementerian Pembangunan pada masa ini iaitu untuk membolehkan supaya pemohon-pemohon yang tidak berkemampuan untuk membina rumah dan juga yang tidak mampu ataupun yang kurang mampu untuk membina rumah. Satu kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Pembangunan

mengenai *housing focus group* mengenai spektrum kemampuan orang kitani iaitu rakyat kitani untuk mendapatkan perumahan *housing affordability spectrum* terdapat ada 3 kategori:

- i. Rakyat yang tidak mampu untuk mendapatkan rumah *cannot afford home ownership*;
- ii. Rakyat yang perlu bantuan untuk mendapatkan rumah; dan
- iii. Rakyat yang mampu untuk mendapat rumah melalui *private market*;

Dalam perkara ini, *housing focus group* akan menumpukan kepada 2 sektor iaitu rakyat yang tidak mampu untuk mendapatkan rumah dan rakyat yang perlu bantuan untuk mendapatkan rumah seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat mungkin senario ini adalah rakyat yang perlu bantuan untuk mendapatkan rumah.

Antara syarat-syarat bagi mengikuti Skim Perumahan Negara ialah permohonan tersebut sama ada suami dan isteri tidak mempunyai tanah bergeran. Pemohon yang mengembalikan borang untuk mengikuti Skim Perumahan Negara juga akan diteliti dan disemak oleh pihak Jabatan Kemajuan Perumahan dengan merujuk kepada jawatankuasa yang memastikan perkara-perkara ini adalah memenuhi syarat.

Permohonan yang mempunyai tanah sama ada isteri dan suami dengan secara automatik akan ditolak kerana tidak menepati syarat. Walau bagaimanapun ada juga sebilangan permohonan yang telah dijawab dukacita, namun masih juga menghadapkan rayuan kepada Jabatan Kemajuan perumahan atas sebab-sebab yang tertentu.

Bagi pemohon yang mempunyai tanah bergeran, perkara ini akan diteliti dipertimbangkan secara *case to case* oleh Jawatankuasa Isu-Isu Perumahan di peringkat kementerian, tertakluk kepada rayuan-rayuan yang dihadapkan seperti tanah yang tidak dapat dimajukan dan juga dapatan hasil penyiasatan dan penyelidikan tanah atau tapak yang lazimnya dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Perumahan.

Pada masa ini, untuk makluman belum ada dasar bagi pihak kerajaan untuk menukar tanah persendirian kepada perumahan atau lot-lot tanah di bawah Skim Perumahan Negara; dan

5. Soalan terakhir iaitu keperluan untuk membina *flyover* di *traffic light* Kampung Telanai. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ini akan dikaji keperluannya memang sudah ada dalam perancangan Rancangan Kemajuan Negara tetapi di projek-projek RKN yang akan datang.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira ada baiknya kita berhenti dahulu untuk berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula. Kita sekarang masih lagi meneliti dan membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan.

Maka, saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk kepada Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ kita dapat melihat peningkatan syarikat-syarikat swasta dan dari luar negara yang membina tapak di negara ini dan membantu dalam meningkatkan produktiviti dan KDNK negara.

Kaola difahamkan syarikat-syarikat ini perlu patuh pada garis panduan dan akta-akta alam sekitar seperti *environment protection and management order*. Kaola ingin bertanya, apakah inisiatif kerajaan dalam meningkatkan pemantauan dalam

memastikan pengurusan alam sekitar dan sisa-sisa dilaksanakan dengan betul dan pencemaran dapat dielakkan? Kerana terdapat beberapa tapak di tepi sungai seperti di kawasan Makam Luba yang masih ada pencemaran habuk yang menyebabkan masalah kesihatan.

Di samping itu, kaola juga ingin menyampaikan kebimbangan orang ramai berkaitan dengan insiden yang berlaku di negara jiran mengenai pencemaran sungai akibat pembuangan sisa kimia secara haram.

Apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak kerajaan dalam memastikan insiden pencemaran seperti ini tidak akan berlaku terutama sekali bagi industri Pulau Muara Besar yang berseberangan dengan syarikat-syarikat ladang ikan di kawasan Pelumpong?

Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Mengenai pelaksanaan *Environmental Protection Management Order*, memang Kementerian Pembangunan melalui Jabatan JASTRe memerlukan semua projek yang mempunyai potensi impak, *environmental impact* diperlukan untuk membuat *compliance* ataupun *Environmental Impact Assesments (EIA)* dan syarikat-syarikat yang telah pun dikenal pasti yang mempunyai penglibatan isu-isu pengurusan alam

sekitar memanglah dipantau dari semasa ke semasa.

Mengenai *Syarikat Hengyi* yang memang telah pun membuat projek di Pulau Muara Besar (PMB) pada masa ini, semua urusan *requirement Environmental Impact Assesment (EIA)* telah pun diperiksa dengan teliti seperti kualiti air dan bagi penerangan lanjut seperti apa yang telah kaola sampaikan dalam mukadimah kaola, semua kualiti air sungai-sungai Brunei memang dipantau dari semasa ke semasa oleh Jabatan Saliran dan Pembetulan, Jabatan Kerja Raya.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola ingin ikut serta dalam membahaskan dalam Tajuk Kementerian Pembangunan ini dalam 3 soalan iaitu:

1. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Menyentuh mengenai dengan bekalan air. Seperti yang ditaklimatekan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai bekalan air cukup jelas dan kaola mengambil maklum. Pertanyaan kaola sebagai

tambahan juga, adakah kementerian ini mempunyai rancangan untuk membekalkan air ke Daerah Brunei Muara melalui Daerah Temburong iaitu apabila siapnya Jalan Temburong?;

2. Daerah Temburong terdapat jalan-jalan alternatif yang boleh dibaik pulih dan ditingkatkan dan asasnya memang sudah ada seperti sebagai contoh Jalan Belais menuju ke Rancangan Perumahan Negara Rataie menuju jalan Kampung Lepong-Lepong Lama menuju ke Kampung Sibut yang jalan-jalan ini bolehlah dikatakan sebagai laluan keluar bagi mereka yang terperangkap dan memohon bantuan jika berlaku bencana alam seperti banjir. Jika mereka menggunakan jalan sungai keadaannya kurang selamat kerana airnya sangat deras.

Termasuklah juga bagi meningkatkan jalan di Kawasan Jalan Seri Kenangan di Kampung Semabat jika berlaku banjir. Mereka ini juga tidak dapat keluar dari kawasan mereka terutama sekali bagi mereka yang memerlukan rawatan perjanjian doktor dan ibu-ibu yang mengandung untuk rawatan lanjut. Kaola berharap ia akan dapat dilihat dan akan dapat dipertimbangkan; dan

3. Kawasan letak kereta di Kawasan Pekan Bangar. Kenyataan ringkas seperti yang dimaklumi, letak kereta di kawasan Pekan Bangar sangatlah terhad menyebabkan orang ramai meletak kereta bukan di tempatnya.

Ingin mengetahui rancangan kementerian ini bagi mengatasi perkara tersebut lebih-lebih lagi penumpang atau kemasukan kereta-kereta ke Daerah Temburong ini akan bertambah banyak sekiranya Jambatan Temburong siap digunakan.

Sekian sahaja disampaikan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

1. Berkenaan soalan bekalan air dari Daerah Temburong ke Daerah Brunei Muara memang sudah dalam perancangan untuk diteliti sama ada perlunya Kementerian Pembangunan membuat analisis untuk membolehkan bekalan air mungkin dapat dibekalkan daripada Daerah Temburong ke Daerah Brunei Muara ini adalah salah satu *source* air dan masih dalam penelitian Kementerian Pembangunan;
2. Mengenai dengan jalan alternatif yang mana dicadangkan perkara ini telah pun dikenal pasti untuk diteliti akan keperluan-keperluan ini masih dalam perancangan untuk dilaksanakan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan adanya peruntukan-peruntukan yang telah pun diperuntukkan di Kementerian Pembangunan mengenai dengan jalan raya; dan
3. Mengenai dengan letak kereta di kawasan Pekan Bangar juga, akan diteliti keperluan-keperluan ini. Difahamkan setelah jambatan Temburong siap nanti mungkin Pekan Bangar juga akan mempunyai banyak kenderaan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh Kemajuan Negara, Kod Akaun 1106 - Jalan Raya.

1. Setakat ini kaola difahamkan laluan simpang jalan perumahan yang dibina sama ada perbelanjaan sendiri atau Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan atau bank dengan izin, pada masa ini syarat untuk mendapatkan bantuan jalan berturap atau asfal hendaklah melebihi 30 buah rumah. Sementara bantuan jalan melebihi 5 buah rumah.

Sehubungan dengan itu, kaola menyampaikan suara-suara daripada orang yang terlibat supaya syarat-syarat ini dapat dipertimbangkan atau dikecualikan permohonan ke Daerah Brunei dan Muara kerana kepesatan pembangunan perumahan di Daerah Brunei dan Muara lebih pesat berbanding Daerah Tutong. Makanya, sebahagian besar simpang jalan perumahan di Daerah Tutong sampai 30 tahun tidak dapat bantuan jalan

asfal kerana menunggu syarat-syarat itu dipenuhi;

2. Kaola menyentuh mengenai pengaliran air. Pada masa ini, satu projek telah dibuat, sedang berjalan iaitu projek menahan atau menghalang air semasa bencana banjir dengan nilai harga melebihi hampir \$20 juta. Pembinaannya sedang berjalan melibatkan kampung-kampung dalam 4 buah mukim iaitu Mukim Tanjung Maya, Mukim Ukong, Mukim Lamunin dan Mukim Rambai.

Benteng atau tembok tersebut setinggi lebih kurang 5 kaki dibina di sepanjang tebing sungai di keempat-empat buah mukim tersebut, terutama di kawasan rendah kecuali Kampung Penapar, benteng tersebut dibina mengelilingi kampung tersebut dengan disediakan 2 pam air untuk mengeluarkan air.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada satu soalan dan cadangan. Dalam Musim Permesyuaratan Negara Ketiga Belas dan Keempat Belas, beberapa peruntukan telah diluluskan untuk projek membina kolam menahan banjir kampung-kampung di mukim yang sama iaitu dalam Permesyuaratan Keempat Belas sebanyak \$5,500,000.00 disediakan begitu juga disediakan peruntukan tahun ini.

Pertanyaan kaola, apakah projek ini akan diteruskan setelah projek tujuan yang sama berjalan pada masa ini?;

3. Apakah kajian telah dibuat setelah siap pembinaan benteng atau tembok ini nanti betul-betul akan mengurangkan kemasukan air ke kawasan perumahan dalam benteng, kerana air banjir bukannya 100% datangnya dari sungai tetapi juga dari daratan. Tidakkah rumah di sebelah benteng akan mengalami peningkatan air, kerana air di daratan terhalang keluar ke sungai?

Sementara itu, cadangan kaola ialah pembinaan projek ini melibatkan juga tanah-tanah persendirian. Perlu juga mendapat jawapan dari pihak berkenaan iaitu orang-orang kampung ingin bertanya, bagaimanakah misalannya di Kampung Penapar bagaimana mereka mengeluarkan ataupun tempat penurunan perahu dan sebagainya. Projek itu tentulah mengubah *landscape* perkampungan mereka. Satu jerayawara atau taklimat perlu diadakan dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong.

Seterusnya, kaola menyentuh sejak beberapa tahun yang lalu telah disuarakan dan kaola sebagai wakil Tutong, Zon 1 dan projek ini pun berada di Zon 1 iaitu pembinaan bahu jalan dari Tutong ke Sengkurong iaitu dari Simpang Penanjong ke Simpang Jerudong yang dipohonkan pembinaan bahu jalan yang setakat ini belum dilaksanakan; dan

4. Pembinaan *flyover* di Simpang Kampung Sengkarai dan di simpang Tanjung Maya kerana perkara ini disuarakan oleh penduduk kampung dan Daerah Tutong supaya dapat dimasukkan dalam peruntukan pada masa akan datang.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih pada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong. Beberapa soalan mengenai jalan raya dan pengaliran air.

Bagaimana dengan syarat bantuan untuk memohon bantuan jalan berturap? Pada masa ini, kriteria-kriteria yang dikenakan seperti yang dinyatakan tadi 30 buah rumah per kilometer dan bagi yang *hot mix* dan 5 buah rumah per kilometer bagi untuk bantuan batu.

Memang perkara ini masih lagi dalam penelitian bagi Daerah Tutong memang diakui bahawa rumah-rumah yang terdapat memang jauh dan tidak memenuhi kriteria-kriteria seperti yang disebutkan. Kriteria-kriteria ini mungkin bagi tempat-tempat yang ramai penduduk seperti Daerah Brunei Muara.

إِنْ شَاءَ اللهُ akan dikaji semula keperluan-keperluan kriteria-kriteria sama ada akan dikurangkan bagi membantu penduduk di Daerah Tutong.

Mengenai pengaliran air. Memang projek-projek yang sedang berjalan pada masa ini 2 buah projek iaitu skim

pembaikan dataran banjir Sungai Tutong yang memang tempat-tempat ini adalah *flood prone area*. Projek-projek ini melibatkan tanah-tanah persendirian dan juga mungkin melibatkan fasiliti-fasiliti orang-orang kampung. إِنْ شَاءَ اللهُ satu jerayawara akan dibuat dalam sedikit masa lagi untuk menerangkan kepada penduduk-penduduk yang terlibat mengenai projek-projek yang sedang dijalankan di Daerah Tutong.

Manakala seperti yang dinyatakan tadi, masih ada lagi pada masa ini. Memanglah kerja-kerja pemeliharaan masih lagi diteruskan kerana projek ini akan memakan masa antara 2 ke 3 tahun. إِنْ شَاءَ اللهُ dengan adanya penyiapan projek ini nanti masalah banjir mungkin akan dapat dikawal ataupun dikurangkan.

Mengenai pembinaan bahu jalan sepanjang Jalan Tutong, Penanjong dan juga jalan masuk sampai ke Jerudong memang dalam rancangan untuk diteruskan. Seperti yang kita ketahui bahawa peruntukan pun telah diperuntukkan pada tahun ini dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan diteruskan.

Begitu juga rancangan-rancangan untuk membina *flyover* di *junction* kampung Jalan Sengkarai dan Lebuhraya Tutong إِنْ شَاءَ اللهُ memang dalam rancangan dan akan dilaksanakan rancangan-rancangan seterusnya إِنْ شَاءَ اللهُ. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti

Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Soalan saya adalah mengenai dengan masalah tambahan bangunan yang tidak ada kebenaran (*illegal extension*). Isu yang ingin saya bawakan adalah mengenai dengan tambahan atau pengubahsuaian pada rumah persendirian termasuk rumah Perpindahan Negara serta tambahan bangunan di kawasan industri (*industrial building*) yang tidak mempunyai kebenaran dari agensi-agensi berkewajipan seperti *TCP* dan *ABCi*.

Berdasarkan Akta *Building Control Order* 2014 dan *Building Control Regulation* 2014, pemilik dikehendaki menghadapkan pelan cadangan kepada pihak-pihak yang berkewajipan untuk mendapatkan kebenaran mengikut garis panduan bangunan, piawai-piawai Brunei Darussalam serta garis panduan bangunan industri. Penguatkuasa Undang-Undang *BCO* telah pun dikuatkuasakan pada November 2015.

Sepertimana difahamkan *ABCi* dan juga Jabatan Perumahan di bawah Kementerian Pembangunan sudah pun mengeluarkan surat amaran kepada pemilik-pemilik bangunan sama ada di kawasan industri mahupun rumah perpindahan negara. Ada juga mesej tular yang telah dibangkitkan orang

ramai bahawa mereka telah menerima surat amaran mengenai dengan kesalahan menambah bangunan yang tidak menghadapkan pelan dari arkitek yang berdaftar dan akan dikenakan denda dalam masa 3 bulan walaupun mereka cuma membuat tambahan yang kecil.

Saya juga difahamkan bahawa statistik memohon kebenaran *residential extension* kepada *ABCi* sudah menurun. Pada 2017 terdapat 199 *submission* manakala 79 sahaja pada tahun 2018. Bagi rumah perpindahan negara sepertimana yang difahamkan terdapat lebih daripada 28 ribu rumah perpindahan di seluruh negara dan lebih daripada 50% daripada jumlah tersebut telah membuat tambahan rumah yang tidak mendapatkan kebenaran dari pihak agensi-agensi yang berkewajipan.

Bagaimanakah Kementerian Pembangunan boleh membantu memudahcarakan permohonan untuk mendapatkan *occupational permit* atau kebenaran bagi bangunan yang sudah ditambah di kawasan industri dan perumahan sebelum penguatkuasaan undang-undang.

Jika dibaca terma dan syarat yang dinyatakan dalam peraturan mengikut Rancangan Perumahan Negara (91), ia cuma menyatakan, rumah dalam rancangan ini tidak boleh ditambah atau diubahsuai atau mengubah warna cat luar untuk membina sebarang jenis bangunan, kecuali setelah mendapat kebenaran dari *ABCi*.

Diharap pihak kementerian akan dapat mengemaskinikan persyaratan kerana garis panduan *set back* bangunan dan persyaratan ada dinyatakan dalam garis panduan *TCP* termasuklah segala penambahan ruang minimum sebanyak 16m² tidak memerlukan kebenaran dari agensi-agensi yang berkewajipan.

Setakat ini, kita sering mendengar penekanan *ease of doing business*, tetapi tidak banyak penekanan dan *awareness* mengenai isu penambahan bangunan. Diharap kementerian akan dapat memberikan perhatian terhadap kesedaran dan 'pemberigaan' yang telus kepada pihak awam.

Dicadangkan, agar pihak kementerian dapat mengkaji semula pada memudahcarakan garis panduan bagi pemilik bangunan yang telah membuat tambahan sebelum penguatkuasaan undang-undang dan yang ingin membuat tambahan bangunan pada masa yang akan datang sambil mematuhi serta *compliance to building control order building regulation, fire and safety order* dengan mengurangkan sekatan-sekatan. Ini akan dapat memberikan pemilik membuat pilihan dan mengelakkan dari membuat penambahan tanpa kebenaran serta tidak melanggar undang-undang pada masa yang akan datang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan atas inisiatif dan usaha yang sering dilakukan seperti *engaging with stakeholders* terutama sekali kepada pihak *qualified person* serta melibatkan mereka dalam membentuk garis

panduan bangunan, *building court order regulations* serta garis panduan *OKU* dan mengadakan sesi klinik bulanan bagi 'pemberigaan' maklumat mengenai pembaharuan dan pembaikan.

Ia juga menjadi satu *platform* bagi pihak industri memberi pandangan serta maklum balas. Pihak kementerian ada juga mengadakan sesi muzakarah bagi 'pemberigaan' Pelan Strategik Rangka Kerja, Kementerian Pembangunan 2018/2025 supaya pihak industri tahu akan hala tuju kementerian.

Pihak industri juga akan dapat membantu untuk mencapai visi Wawasan Brunei 2035. Segala inisiatif dan usaha ini memang dipuji dan dijadikan contoh *whole of nation approach*. Pihak *PUJA* akan bekerjasama dengan pihak kementerian untuk memastikan *good standards done professional ethics are maintain and safety of the public is our most priority*.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Mengenai isu tambahan perumahan, sebenarnya Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan tidak menghalang bagi orang yang mampu untuk menambah rumah kerana keperluan untuk menampung keluarga

yang semakin bertambah. Tetapi, mestilah memohon kebenaran lebih dahulu seperti apa yang dipersyaratkan. Mengikut perangkaan Jabatan Kemajuan Perumahan, pada masa ini bagi Daerah Brunei Muara sahaja sebanyak 14,746 *illegal extension* yang terdapat di Daerah Brunei Muara, Daerah Belait sebanyak 3,070, Daerah Tutong sebanyak 499 dan Daerah Temburong sebanyak 352, Jumlah ini agak besar, nampaknya keperluan untuk menambah memang ada.

Tapi Kementerian Pembangunan tidaklah menghalang seperti apa yang kaola nyatakan tadi, mana-mana penambahsuaian yang sedia ada dan baharu yang dipohonkan kepada pihak Kementerian Pembangunan pada masa ini telah pun dipertimbangkan dan diberi kebenaran jika mengikut garis panduan yang diguna pakai pada masa ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan menyarankan bagi mana-mana penambahan dan pengubahsuaian kepada rumah atau bangunan sama ada komersial atau perindustrian yang belum ada kebenaran untuk menghadapkan permohonan kepada pihak kementerian. Jabatan Kemajuan Perumahan juga ada menyediakan contoh-contoh, *sample* lukisan ataupun *standard drawing* yang dibolehkan untuk menambah perumahan di Skim Perumahan Negara.

Bagi rumah yang tidak mematuhi garis panduan, pihak Kementerian Pembangunan akan mengkaji jenis-jenis tambahan dan pengubahsuaian yang telah dilaksanakan. Pihak Kementerian

Pembangunan akan mengarahkan langkah-langkah atau penyelesaian yang bersesuaian seperti kemungkinan bagi tambahan dan pengubahsuaian yang telah dilaksanakan untuk diperbaiki mengikut ciri-ciri keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sebelum ia dibenarkan.

Difahamkan, bahawa mana-mana rumah yang tidak mematuhi ataupun belum ada kebenaran untuk *meresubmit* semula pelan-pelan lukisan tambahan rumah mereka terutama sekali untuk memastikan bahawa kekukuhan atau *structure stability* rumah berkenaan adalah dalam keadaan terkawal serta selamat.

Walau bagaimanapun, mana-mana tambahan telah dikenal pasti dan tidak dapat diberi kebenaran penguatkuasaan akan dilaksanakan mengikut Perintah Kawalan Bangunan 2014. Umpamanya, mana-mana yang terlampau lebih, tidak diberi kebenaran memang akan diarahkan sama ada untuk diroboh balik rumah-rumah berkenaan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pembangunan ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk menghadapkan permohonan sebelum melaksanakan apa-apa jua kemajuan seperti membina rumah, termasuklah menambah atau mengubahsuaikan rumah, bangunan seperti apa yang telah dipersyaratkan pada masa ini. Perkara ini amatlah penting untuk menjaga kepentingan pemilik dan juga dari segi keselamatan. Perkara ini kita tidak dapat *compromise on safety issue* seperti apa

yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Mungkin itu sahaja penerangan kaola Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola, sukacita ingin bercakap jua iaitu dalam Tajuk SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola maklum jua bahawa sebenarnya Rancangan Perumahan Negara ini telah pun bermula dulu sejak awal tahun 70-an sehinggalah sekarang. Nampaknya, dalam hampir 50 tahun barangkali, bahawa Rancangan Perumahan Negara ini telah berjaya memberikan peluang kepada penduduk yang layak untuk berpindah dan bermastautin ke Rancangan Perumahan Negara.

Walau bagaimanapun, dalam perkara ini kita boleh nampak bahawa perpindahan penduduk dari mukim dan kampung khususnya, kalau di Daerah Belait perpindahan itu ke Rancangan Perumahan Negara misalnya di Perpindahan RPN Lumut, Seria, di kawasan Pandan, Kuala Belait. Ini menyebabkan jua apabila kita melawat ke kampung-kampung, penduduk di kampung-kampung pedalaman itu

semakin banyak berkurangan kerana perpindahan ini.

Kalau sekiranya diteruskan jua tentu sahaja dikhuatiri kampung-kampung ini tiada penduduk, tinggallah orang tua-tua sahaja. Dalam fikiran kaola, apakah ada sesuatu rancangan yang baharu bagi Rancangan Perumahan Negara yang dipanggil 'Rancangan Perumahan Negara Berkelompok', ertinya pihak Jabatan Kemajuan Perumahan jika dapat mempertimbangkan pada masa akan datang katalah sahaja di Mukim Bukit Sawat, cuma sekarang tinggal 400 orang lebih sahaja penduduknya.

Katalah dibuat perumahan di sana, Rancangan Perumahan Berkelompok, bukan sahaja orang Bukit Sawat yang ditawarkan malah ditawarkan ke seluruh daerah. Sesiapa yang berminat dalam Rancangan Perumahan Berkelompok itu, jadi ertinya peluang itu diberikan dan dilaratkan ada rancangan itu di sana.

Mungkin sahaja dengan adanya perancangan itu melalui tawaran-tawaran yang diberikan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan dalam borang-borang yang disediakan, boleh membantu mukim itu membangun semula. Kalau ada perumahan-perumahan di sana, mungkin sahaja segala kemudahan asas akan ada, sekolah-sekolah akan wujud. Jangan sampai macam di mukim lain ada sekolah sudah tutup kerana kekurangan penduduknya disebabkan berpindah ke Rancangan Perumahan Negara.

1. Apakah dapat diusahakan Rancangan Perumahan Negara mempunyai Rancangan Perumahan Berkelompok supaya akan mengimbangi juga mukim-mukim, kampung-kampung yang ada kemajuannya dan perkembangan?;
2. Sebagaimana yang kita maklum juga, bahawa salah satu Rancangan Perumahan Negara ialah dengan pemberian tanah sahaja kepada yang layak yang akan membuat rumah sendiri. Perkara ini nampaknya sudah diberhentikan, tidak ada lagi rancangan itu, sejak tahun 2005 atau 2006 barangkali. Kalau dapat supaya akan dibukakan semula pemberian tanah bagi Rancangan Perumahan iaitu rumah-rumah akan dibina sendiri oleh pihak yang layak menerimanya.

Ini memberikan satu kemudahan juga daripada mereka membeli tanah dan membuat rumah sendiri. Mungkin jauh bezanya kemudahan itu dengan Rancangan Perumahan ini, iaitu cara pemberian tanah kepada yang layak. Masyarakat berharap supaya akan dapat dipertimbangkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Perumahan.

Seterusnya dalam Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Hamba secara ringkas sahaja untuk menanyakan lebuhraya di antara Telisai/Lumut itu, balik-balik sudah bertanya dahulu tetapi sekarang ini masih lagi ditutup separuh jalan itu. Mengapakah telah terjadi perkara ini berlarutan sampai sekarang kerana terjadinya kemalangan disebabkan oleh

separuh jalan yang ditutup itu? Mudah-mudahan dapat pencerahan juga.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin mengenai 2 soalan iaitu:

1. Skim Perumahan Negara. Memang dalam perancangan. Kementerian Pembangunan akan meneliti rancangan perumahan secara berkelompok ini seperti juga yang telah dibuat di Daerah Temburong;
2. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan dikaji semula dan diteliti semula untuk membolehkan supaya perancangan-perancangan perumahan ini akan dapat diteruskan; dan
3. Mengenai pemberian tanah iaitu skim-skim lot tanah, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** juga akan diteruskan kerana perkara ini memerlukan infrastruktur yang perlu disediakan dahulu dan memang Kementerian Pembangunan sudah mengenal pasti tanah-tanah yang boleh dimajukan atau diberi untuk orang-orang yang berkemampuan membina rumah, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diteruskan.

Mengenai Jalan Telisai/Lumut ini memang satu perkara yang juga menjadi keutamaan untuk memastikan

keselamatan orang ramai untuk menggunakan jalan ini akan terjamin. Terdapat ada sedikit kerosakan di tempat-tempat yang tertentu. Perkara ini telah pun dikaji dan pada masa ini tawaran-tawaran telah pun dikeluarkan untuk membaik pulih jalan-jalan tersebut. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dilaksanakan pada tahun ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola akan membawa Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Penduduk yang tinggal di kawasan pesisiran Pantai Kuala Belait, ingin tahu mengenai perkembangan kajian pembinaan benteng atau tembok di sepanjang kawasan pantai bermula dari Tanjung Kuala Belait hingga ke kawasan Istana Kota Manggalela, Kuala Belait.

1. Sebagai usaha untuk menghalang air laut masuk ke kawasan rumah-rumah yang berhampiran pantai apabila paras air laut pasang. Kajian ini sebagai jawapan bagi soalan yang pernah disuarakan oleh mantan Ahli Yang Berhormat dari Daerah Belait pada tahun 2011 yang lalu;
2. Cadangan pembinaan jalan raya Kuala Balai, Mukim Labi. Sebagai satu

usaha memberi kemudahan bagi perkembangan pertanian seperti penanaman padi dan pokok rumbia. Perkara ini juga pernah dicadangkan oleh mantan Yang Berhormat yang sama, pada tahun 2011 dan diberi jawapan yang sama. Mohon penjelasan mengenai perkembangan hasil dari kajian bagi kedua-dua cadangan tersebut; dan

3. Jalan Labi, Sungai Liang mengalami kerosakan akibat tekanan kenderaan berat seperti trak simen, trak mengangkut dan kayu balak dan sebagainya. Akhir-akhir ini, Mukim Labi adalah sebagai satu mukim yang dijadikan sebagai pusat pelancongan. Banyak pelancong telah datang ke Mukim Labi untuk aktiviti pelancongan. Taraf jalannya mendukacitakan, maka dengan itu dipohonkan supaya Jalan Sungai Liang, Labi dinaikkan taraf daripada jalan kampung kepada jalan pekan ataupun bandar.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab maklumat pada masa ini belum diperolehi, kalau dapat kaola meminta izin untuk menjawab soalan ini hingga satu masa nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman

@ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kaola meneruskan persoalan ini, kaola memohon izin daripada Yang Berhormat Pengerusi supaya kaola dapat menghujahkan sebanyak 6 persoalan.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

1. Apakah peranan Kementerian Pembangunan dalam hal membantu perkembangan perniagaan anak-anak muda *start up* untuk perusahaan orang muda bukan hanya memerlukan modal kewangan tapi juga tapak tanah untuk mendirikan perusahaan. Setakat ini tapak-tapak perusahaan ditadbir oleh pihak *DARe*, yang kadar sewanya adalah sebanyak \$3.50 ataupun \$7.00 *per square meter*.

Jika memohon untuk mendapatkan tapak tanah kerajaan, perlu membayar bayaran premium, kedua-duanya adalah terlalu tinggi dicampur dengan sumber kewangan yang hanya mencukupi idea untuk berbisnes adalah sangat menakutkan dan akhirnya tersungkur sebelum perusahaan dimulakan.

Persoalan kaola, adakah pihak Kementerian Pembangunan bersedia untuk menilai semula kaedah penggunaan tanah kerajaan bagi membantu belia-belia yang ingin berniaga?;

2. Setiap tahun pelan yang dibuat oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, dibuat oleh konsultan yang menggunakan pakar-pakar dari luar negeri. Persoalannya, tidakkah ia memudaratkan negara kerana perancangan negara diketuai oleh orang luar. Kenapakah Kementerian Pembangunan tidak menggunakan anak tempatan yang mempunyai bidang pengalaman, perancangan dan guna tanah (yang pernah berkhidmat untuk kerajaan)?;

3. Penelitian bagi pengalihan Jabatan Kemajuan Perumahan menjadi 'badan berkanun' untuk mensiap-siagakan jabatan ini dengan pembaharuan-pembaharuan bagi menghasilkan perumahan dengan penglibatan dan pelaburan pihak swasta melalui *PPP*. Itu mukadimah yang telah disampaikan semalam oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Dalam isu penglibatan *Private Public Partnership*, sukacita ingin kaola mengetahui, siapa *PPP* yang dimaksudkan? Jika ia dalam kalangan syarikat anak tempatan yang boleh mendatangkan kesan yang positif, kaola sendiri bersyukur **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** kalau syarikat tempatan diberi peluang bagi menguruskannya;

4. Seperti yang difahami, beberapa rumah yang dibaik pulih di kawasan RPN Panchor telah diberikan kepada pemohon sebagai rumah gantian bagi rumah-rumah mereka yang rosak disebabkan struktur. Demi keselamatan ahli-ahli keluarga, maka mereka telah menerima tawaran

untuk berpindah ke rumah gantian. Apa yang mendukacitakan segelintir pemilik rumah sudah memasang *tile*, ada yang menambah rumah mereka akan tetapi tiada bayaran ganti rugi atau pampasan yang diberikan.

Dalam hal ini, dipohonkan kebijaksanaan pihak yang berkenaan untuk memikirkan kesulitan yang mereka hadapi dari segi kewangan untuk berpindah tempoh yang ditetapkan seperti perbelanjaan memasang *tile* baharu dan sebagainya.

Sepatutnya, pihak berkenaan perlu menghulurkan bantuan dari segi kewangan sebagai pampasan kepada pemilik-pemilik rumah berkenaan, memandangkan punca mereka berpindah bukanlah kehendak mereka. Ini disebabkan keadaan rumah yang diberikan sebelumnya mengalami kerosakan struktur dan dikhuatiri tidak selamat untuk didiami.

Yang Berhormat Pengerusi, dapat kaola untuk meneruskan Soalan Ke-5? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

5. Kaola ingin mengajukan mengenai jalan raya iaitu jalan raya Kampung Serasa dan Kampung RPN Perpindahan Serasa.

Sepertimana kalimah mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan semalam, Kementerian Pembangunan akan memberikan perhatian berat

untuk memastikan alam seperti salah satunya rangkaian jalan raya.

Kaola ingin bertanya, apakah tindakan sejauh ini dari pihak yang berkenaan dengan jalan yang disebutkan tadi? sepertimana kaola telah difahamkan bahawa pembaikan menaik taraf jalan tersebut akan bermula pada bulan April 2019 pada tahun ini.

Ceraian daripada persoalan kaola, salah satu lagi yang menjejaskan jalan raya, kaola juga ingin bertanya, apakah tindakan pihak yang berkenaan mengenai kesesakan lalu lintas di pusing keliling Mukim Kampung Mentiri yang pada masa ini dialami di waktu sebelah pagi dan petang?; dan

6. Yang Berhormat Pengerusi. Dengan penyelarasan kadar bayaran cukai tanah yang termasuk dalam kawasan peluasan Lembaga Bandaran yang berkuat kuasa pada tahun 2017 bagi Syarat Perumahan Am, kadar cukai tanah dikenakan sebanyak \$25.00 pada kadar cukai yang lama dan pada kadar cukai yang baharu telah dikenakan kepada \$50.00 setahun. Jika pun tanah suku ekar itu lebih daripada sedikit ia akan dikenakan \$100.00 setahun.

Kaola bertanya, adakah pada masa ini dengan kadar bayaran lama \$25.00 itu, masih ada tunggakan? Kaola ingin tahu berapa tunggakan yang sebenarnya? Jika ia pun ada tunggakan bahawa mungkin kesulitan dan beban yang munasabah kepada

masyarakat umum khususnya kepada penduduk yang berpendapatan rendah, susah untuk melunaskan bayaran-bayaran yang ada pada masa ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman menyoalkan enam soalan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kaola akan mencuba menjawab.

1. Mengenai penglibatan belia yang ingin berusaha untuk menggunakan tanah-tanah kerajaan, memang Kementerian Pembangunan mempunyai satu inisiatif untuk menarik penglibatan pelaburan asing (*FDI*) dan Pengusaha-Pengusaha Kecil dan Sederhana di dalam menjana pertumbuhan ekonomi di negara kitani.

Satu langkah ataupun satu cadangan/program untuk membolehkan pihak-pihak penguasa ini untuk menggunakan tanah-tanah kerajaan ialah mengenai pelaksanaan *Government Land Lease (GLL)* yang mungkin akan dimaklumkan ataupun dikeluarkan sedikit masa lagi, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Dengan adanya konsep ini, ataupun satu tindakan ini membolehkan pihak-pihak yang ingin untuk memajukan suatu tanah kerajaan dan akan dipelawa secara mungkin juga secara *open-biding* ataupun untuk memberikan peluang-peluang orang-orang kitani supaya dapat memeriksa

ataupun meneliti tanah-tanah yang dapat dimajukan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** konsep seperti ini akan dikaji semula dengan perancangan guna tanah supaya ia akan diberikan kepada penglibatan orang-orang tempatan;

2. Mengenai pakar-pakar konsultan yang pada masa ini membuat kajian perancangan *town planning*, pakar-pakar konsultan di luar negeri ini memang juga diperlukan, tetapi yang perlu diambil kira ialah mereka dilantik oleh orang-orang pakar tempatan sendiri yang orang-orang berkenaan adalah bekas bekerja dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Perkara ini memang dikawal, kita mengutamakan orang kitani untuk mengetuai mengenai perancangan bandar di negara kita;
3. Mengenai persediaan Jabatan Kemajuan Perumahan menjadi *statutory board*, maksud *PPP* ialah memang penglibatan dan mengutamakan orang-orang kitani untuk melaksanakan projek yang mampu membantu orang-orang tempatan kitani dan hanya kerja-kerja yang *specialist* sahaja yang memerlukan orang luar;
4. Isu-isu perumahan di Kampung Panchor yang mengalami kerosakan dan orang-orang yang telah dikenal pasti rumahnya tidak selamat telah pun dipindahkan ke rumah-rumah yang sudah dibaiki. Gantirugi **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dikaji secara terperinci, mana-mana yang boleh diganti akan diganti. Tetapi, Kementerian Pembangunan

melalui Jabatan Kemajuan Perumahan juga akan membantu mereka secara logistik seperti memindah dan mana-mana pertolongan yang mampu dibantu;

5. Perancangan pembaikan jalan-jalan di Kampung Serasa dan RPN Serasa. Pemeliharaan pada masa ini memang dibuat dan memang diakui bahawa jalan-jalan tersebut banyak yang rosak dan 2 projek telah pun dikenal pasti. Pada masa ini, 1 projek jalan penghubung perusahaan Serasa sedang berjalan dan juga 1 lagi projek untuk menaik taraf jalan Kampung Serasa juga masa ini masih lagi menunggu kebenaran Lembaga Tawaran Negara. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** , seperti yang dijanjikan akan diteruskan pada tahun ini;
6. Kesesakan lalulintas di Pusing keliling Mentiri. Satu cadangan dari Jabatan Kerja Raya ada kemungkinan untuk memasang *traffic light*. Pada masa ini masih dalam penelitian dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** , jika ia bersesuaian akan dirancang untuk dilaksanakan pada tahun ini. Projek jejatas yang dilaksanakan pada masa ini, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan memudahkan lagi pelancarannya nanti; dan
7. Cukai tanah di kawasan Lembaga Bandaran. Memang perkara ini telah pun dibincangkan pada sesi perbincangan muzakarah di Kementerian Pembangunan dan mengenai tunggakan-tunggakan ini memang terdapat beberapa orang yang belum menjelaskan tunggakan-tunggakan tersebut, tetapi telah

dikeluarkan surat-surat supaya menyelesaikan tunggakan-tunggakan mengikut kadar baharu.

Untuk pengetahuan, cukai-cukai tanah di negara kitani masih lagi yang paling terendah sekali jika dibandingkan kadar-kadar cukai di negara lain.

Ini sahaja yang dapat kaola jelaskan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Dengan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan itu, maka saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan ini. Saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini, untuk kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka, saya suka untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada petang ini nanti pada pukul 2.30 petang.

Sekian, **وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**,

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita mempunyai perkara mustahak yang perlu kita tunduki dengan segera iaitu untuk meneliti dan membahaskan Rang Anggaran Belanjawan kementerian-kementerian kerajaan.

Maka, bagi membolehkan kita meneruskan usaha kita ini supaya Rang Undang-Undang ini dapat kita teliti dan bincangkan satu per satu di peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah membincangkan dan membahaskan Kementerian Pembangunan. Oleh sebab perkara ini belum dapat kita selesaikan dan kerana saya masih mempunyai beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam senarai saya

ini untuk turut serta dalam membincangkan perkara ini, maka saya bukakan sekali lagi perkara ini untuk dibahaskan.

Saya mempersilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola mempunyai 2 soalan untuk Kementerian Pembangunan:

1. Mengenai penyediaan pusingan 'U' kecemasan. Saya ingin memberi perhatian berkenaan dengan jalan-jalan lebuhraya berkembar dan jalan-jalan utama berkembar, dua hala yang lain seperti Jalan Lebuhraya Brunei-Tutong, Jalan Tutong, Jalan Gadong dan sebagainya.

Kebanyakan jalan berkenaan telah dibina pagar atau pengadang di tengah-tengah antara jalan bersebelahan. Dalam hal ini, kaola melihat keadaan tertentu jika berlaku kemalangan atau kecemasan terutama sekali pada waktu-waktu puncak, kesesakan lalulintas mula berlaku, kadangkala mengambil masa berjam-jam dan kenderaan sukar untuk bergerak dan berpusing.

Saya mencadangkan agar pihak-pihak yang berkenaan dapat meneliti perkara ini seperti menyediakan pusingan 'U' kecemasan di tempat-tempat yang strategik. Pusingan 'U'

ini bukanlah yang sedia ada tetapi ditutup dan hanya dibuka serta dikawal oleh pihak berkuasa bahagian keselamatan yang bertugas pada waktu-waktu kecemasan seperti kemalangan yang teruk, tanah runtuh dan sebagainya bagi memudahkan kenderaan berpusing dan keluar untuk mencari jalan yang lain.

Soalan kaola:

- i. Apakah Kementerian Pembangunan mengambil maklum perkara ini?; dan
 - ii. Apakah kaedah atau cara yang digunakan oleh negara-negara maju dalam menangani seperti yang kaola nyatakan itu?
2. Mengenai garis panduan khusus membina bangunan atau rumah. Bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan orang ramai yang berhajat dan hendak memohon untuk membina rumah atau bangunan, apakah pihak Kementerian Pembangunan menyediakan garis panduan atau panduan reka bentuk khusus kepada:

- i. Rumah dan bangunan di kawasan yang berisiko banjir atau tempat yang banjir?;
- ii. Rumah kos murah atau rendah bagi golongan yang tertentu seperti satu bilik dapur, tandas dan kamar mandi untuk golongan

daif, rumah sewa dan sebagainya?;

- iii. Rumah jenis kontena atau kabin untuk tujuan pelancongan?; dan
- iv. Rumah dibina di atas air atau sungai kawasan Kampong Ayer?.

Perkara ini penting bagi mengelak sebarang pelanggaran syarat dan memudahkan pihak-pihak yang berkenaan memberi perkhidmatan yang sewajarnya kepada orang ramai.

Soalan kaola:

- i. Apakah Kementerian Pembangunan telah pun menyediakan garis panduan yang dimaksudkan?; dan
- ii. Apakah usaha dan penelitian yang telah dibuat agar orang ramai mengambil maklum mengenainya?

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, mengenai 2 soalan iaitu:

1. Isu *U-Turn* yang masa ini kita nampak di lebuh raya dan juga di jalan-jalan utama. Memang Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya sudah meneliti mengenai keperluan-keperluan *U-Turn* ini. *U-Turn* ini telah pun di *identified*, walaupun tempat kawasan-kawasan yang memerlukan

kecemasan, memang juga ada disediakan *U-Turn* yang boleh dibuka dan digunakan *in case of emergency* dan sebagainya.

Perkara ini juga akan diteliti dalam jangka masa panjang sekiranya *U-Turn* ini diperlukan untuk ditiadakan, maka perancangan-perancangan yang mungkin lebih *long term planning* untuk membina *flyover* dan sebagainya seperti yang kita dapati pada masa ini di Kampung Lugu, ada satu *U-Turn* yang jauh dan mungkin perancangan-perancangan yang mungkin lebih *long term planning* untuk membina *flyover* dan sebagainya seperti yang kita dapati masa ini mungkin di Lugu ada satu *U-Turn* yang jauh dan mungkin salah satu perancangan untuk membuat *flyover* di jejambat itu;

2. Garis bangunan. Memanglah garis bangunan merupakan salah satu keperluan *parameter* perancangan yang perlu dipatuhi dan dalam menimbangkan permohonan bagi semua jenis bangunan termasuk perumahan, perniagaan dan industri. Garis panduan itu diperkenalkan semenjak Jabatan Perancang Bandar dan Desa itu diwujudkan lagi pada tahun 1992.

Satu buku baharu pun telah dikeluarkan mengenai panduan baharu, iaitu "garis panduan" itu, sudah digubal untuk membolehkan seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai kawasan-kawasan banjir dan juga keadaan rumah yang mungkin

diperlukan untuk keadaan-keadaan tanah yang kecil dan tidak memenuhi garis panduan, yang dahulunya seperti 6 meter daripada garis *boundary line* dijadikan kepada lebih daripada kurang 3 meter.

Jadi, perkara ini telah pun dimaklumkan kepada orang ramai. **إِنْ شَاءَ اللهُ** kalau ada keperluan Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan maklumkan lagi dan boleh dipinta "garis panduan" ada dijual di sana. Itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 كَاوْلا اِنْغى مَن يَتَّبِعِ الْهُدَى
 Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Adalah dimaklumi bahawa Fasa Pertama Rancangan Perumahan Negara di Kampung Lugu sudah pun selesai dan anak-anak kunci rumah-rumah berkenaan sudah pun diserahkan kepada orang-orang yang berjaya mendapat rumah masing-masing. Bilangan penduduk Kampung Lugu bertambah lebih dari 1,000 orang di samping penduduk asal kampung berkenaan.

Kaola difahamkan Rancangan Perumahan Negara Fasa Kedua akan

dilaksanakan yang akan menjadikan penduduk Kampung Lugu akan bertambah kira-kira 1,000 orang lagi. Pada masa ini, masalah yang timbul akibat pertambahan penduduk di kampung tersebut ialah menjadikan Jalan Tutong sesak, terutama ketika para penduduk keluar bekerja di sebelah pagi dan ketika mereka balik kerja pada waktu petang.

Masalah kesesakan jalan raya ini dijangka akan lebih parah apabila Rancangan Perumahan Negara Fasa Kedua akan selesai dilaksanakan dan penduduk-penduduk semakin bertambah ramai.

Soalan kaola:

1. Adakah jabatan berkenaan sudah membuat kajian bagaimana mengatasi masalah kesesakan di jalan raya di Jalan Tutong terutama di Kampung Lugu hingga ke Jalan Sengkurong, Jerudong?; dan
2. Sudahkah ada rancangan untuk melebarkan Jalan Tutong daripada Kampung Lugu hingga sebahagian Jalan Sengkurong, Jerudong?

Sekian pertanyaan-pertanyaan kaola.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Mengenai perancangan untuk menaik taraf kawasan-kawasan Kampung Lugu

disebabkan keramaian penduduk, bertambah lagi kalau ada fasa kedua perumahan akan dibina. Memang sudah dalam rancangan untuk menaik taraf jalan-jalan di kawasan tersebut sebagaimana yang kaola nyatakan tadi satu jejambat atau *flyover* juga akan dirancang untuk dibina di *highway* Muara-Tutong yang membolehkan pelancaran trafik dan keselamatan.

Juga, rancangan untuk pembesaran Jalan Tutong seperti apa yang dimaklumkan mungkin akan diteliti keperluan-keperluannya nanti dari semasa ke semasa. Itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi.

Kalau boleh diizinkan kaola menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput iaitu 3 soalan daripada Yang Berhormat tadi iaitu:

1. Mengenai ingin tahu kajian benteng sepanjang pantai Kuala Belait. Pihak kementerian melalui Jabatan Saliran dan Pembetulan telah pun membuat lawatan ke tempat berkenaan beberapa kali dan paling terakhir ialah pada 11 Mac 2019.

Keadaan pantai masih dalam situasi yang terkawal dan belum berapa kritikal berbanding dengan situasi yang lain khususnya di Pantai Danau. Pada masa ini, kerja-kerja kawalan hakisan pantai telah ditumpukan kepada Pantai Danau dengan menggunakan kaedah *sand nourishment*. Ia dihasratkan juga dapat membantu pengaliran pasir-

pasir ke sebelah selatan-barat pantai Brunei hingga ke pantai Kuala Belait.

Jika projek ini siap sepenuhnya ianya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** diharap akan dapat mengurangkan hakisan pantai-pantai yang berhampiran. Sebagai tindakan awal ke atas Pantai Lumut, pihak kementerian merancang akan melaksanakan kerja-kerja pembuangan selut (*desilting drain*).

Bagi jangka masa yang panjang pihak kementerian akan mengkaji semula, kaedah yang terbaik bagi menangani situasi Pantai Lumut sebelum membuat permohonan peruntukan bagi pelaksanaannya tertakluk kepada keutamaan dan mengambil kira dengan hasil *outcome* daripada projek *sand nourishment* Pantai Danau;

2. Mengenai saranan pembinaan jalan Kuala Balai, kajian pun telah dibuat. Memandangkan berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat itu mengikut keutamaan pada masa ini, belum berapa ekonomikal untuk *implement* projek ini kerana kosnya adalah agak tinggi dibandingkan dengan penduduk kawasan tersebut, tetapi **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dalam rancangan juga akan diteliti; dan
3. Mengenai Jalan Labi, Sungai Liang yang mengalami kerosakan, pihak jabatan memang akan sentiasa memantau kerosakan-kerosakan jalan raya ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Walau

bagaimanapun, kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan mengikut keutamaan secara berperingkat-peringkat.

Barangkali, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi daripada kaola, Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** senarai saya selesai. Nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola untuk memberikan pandangan dan cadangan mengenai Pemaju Pemilik Tanah.

Setakat ini terdapat banyak permohonan memindah milik tanah yang dimajukan oleh pemaju ditolak atas alasan-alasan tertentu. Soalan, cadangan dan saranan kaola:

1. Adakah dalam perancangan Kementerian Pembangunan untuk membeli rumah-rumah ini untuk diagihkan kepada peserta rancangan perumahan kerajaan? Ada beberapa kebaikan jika ia dilakukan:
 - i. Jumlah rumah yang tidak terjual akan dapat dikurangkan dan membantu industri perumahan;
 - ii. Rumah-rumah ini telah pun tersedia dengan geran-geran tanah yang memudahkan peserta

untuk mendapatkan kemudahan kewangan; dan

- iii. Jumlah pemilikan tanah kepada rakyat tempatan terjamin di samping pihak kerajaan dapat mengawal kewangan memandangkan segala prasarana seperti jalan, laluan, lampu jalan dan seumpamanya dibina oleh Pemaju yang tersedia.

Sekian. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan merespons sahaja satu cadangan yang mungkin juga perlu difikirkan. Mengenai pemaju-pemaju, ada juga cara untuk mereka menjual hartanah melalui *strata title*. *Strata title* ini memang belum begitu popular pada masa ini, mungkin disebabkan pemilik tanah belum merasa yakin dengan kaedah pemilikan hak milik *strata* yang dapat menjamin dan memberi manfaat kepada mereka dan juga belum dapat menerima konsep perumahan secara *vertical*, dengan masih memilih kepada jenis perumahan yang di atas tanah (*landed property*).

Juga, mungkin memakan belanja yang tinggi dalam proses untuk menukar kepada *strata title* dan belum berapa berkeyakinan untuk menceburi pelaburan pasaran harta tanah *strata* yang dianggap masih baharu di negara ini. Tetapi, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Kementerian Pembangunan akan terus membuat kajian-kajian ini dan inilah satu masa nanti boleh membantu perumahan dan

perekonomian di negara kitani, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira semua pertanyaan dan saranan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan kita telah pun meneliti perkara ini. Maka saya kira cukuplah sekian kita berunding mengenainya dan sampailah masanya bagi kita untuk mengundi.

Saya sekarang ingin bertanya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita meluluskan Kementerian Pembangunan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli bersetuju. Oleh yang demikian, Belanjawan Kementerian Pembangunan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan

jabatan-jabatan di bawahnya. Sebagaimana lazimnya, Tajuk ini kita bincangkan dan kita bahaskan, saya ingin memberikan laluan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan ucapan pendahulunya atau mukadimah mengenai belanjawan kementerianya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberikan atau memberikan laluan bagi kaola untuk menyampaikan mukadimah pada petang ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah. Dengan penuh hormat dan takzim sukacita kaola bagi mewakili Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda atas kurnia cadangan peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan dan Rancangan Kemajuan Negara Tahun Kewangan 2019/2020 sebanyak \$93,729,780.00.

Jumlah ini adalah peningkatan sebanyak 22.83% daripada Peruntukan Tahun Kewangan 2018/2019. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, dengan adanya limpah kurnia ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus-menerus mengiatkan dan memantapkan lagi tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan strategik agensi kerajaan, majlis-majlis kebangsaan dan persatuan-persatuan di bawahnya, persekutuan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, pergerakan-pergerakan belia dan kesukarelawan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pihak swasta yang selama ini telah memberikan sumbangan secara signifikan dalam mendukung usaha kementerian ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kerjasama ini telah memberikan impak yang sangat positif dalam pemerksaan dan meningkatkan taraf kehidupan dan pengupayaan individu, keluarga dan masyarakat secara inklusif. Kementerian ini sememangnya memerlukan kerjasama rapat daripada rakan-rakan strategik secara bersatu ke arah Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amatlah menjunjung tinggi dan menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Mac 2019 khususnya dalam memastikan apa jua perancangan program dan inisiatif akan terus menggunakan pendekatan *whole of nation* untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Baginda mengingatkan kita bahawa golongan belia aset negara selaku jentera pembangunan negara. Ke arah ini kita hendaklah terus memberikan keutamaan kepada pemerksaan belia secara inklusif dan bermakna melalui kelangsungan hubungan erat dengan mereka.

Selaras dengan titah baginda ini adalah penting kerana para belia hendaklah "diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan tanpa bosan". Bagi menjunjung titah baginda, kementerian ini akan membuat penelitian bagi penubuhan satu badan atau majlis tertinggi ke arah perkembangan dan pembangunan belia.

Dalam masa yang sama, baginda juga menekankan bahawa kebajikan rakyat mesti diutamakan khususnya supaya tidak berlaku ketirisan atau penyalahgunaan dalam kalangan penerima. Kementerian melihatnya secara holistik dengan memastikan bantuan-bantuan dihulurkan, memfokus kepada pelanggan melalui proses yang

efisien bertepatan dan tepat pada masanya.

Kementerian ini juga akan terus berusaha untuk memastikan golongan sasaran antara lainnya Orang Kelainan Upaya (OKU) dan golongan orang yang berpendapatan rendah termasuk tanggungan mereka akan diberikan kemahiran peluang pekerjaan dan peluang keusahawanan agar mereka dapat hidup berdikari dan keluar dari kitaran kemiskinan. Kita juga akan memastikan hal kebajikan dan kesejahteraan warga emas untuk 'dikelinga'.

Secara keseluruhannya, kementerian ini komited kepada mengenal pasti pendekatan-pendekatan untuk memperkukuhkan lagi sistem pentadbiran termasuk pengemaskinian dasar-dasar dan peraturan-peraturan secara berterusan untuk mencapai matlamat negara sepertimana yang dihasratkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. KKBS menyokong penuh fokus Belanjawan Tahun 2019/2020 dengan tema "Pelaburan Untuk Masa Depan". Ia selaras dengan strategi dan fokus-fokus utama kementerian, khususnya dalam menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable* dan memelihara kesejahteraan awam.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ
kita amat bersyukur dengan peruntukan yang disediakan, khususnya:

1. Memperkasa belia di negara ini untuk berdikari dan mempunyai kemahiran keusahawanan;
2. Peruntukan sejumlah \$14 juta bagi Bantuan Kebajikan Bulanan; dan
3. Penyediaan *centralised database* bagi Program Bantuan Kebajikan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peruntukan Tahun Kewangan 2019/2020 ini, KKBS akan meneruskan usaha-usaha dalam meningkatkan penglibatan dan memperkasa masyarakat secara inklusif dalam pembangunan dan kesejahteraan negara, memelihara dan memartabatkan seni dan budaya dan memajukan sukan.

Justeru, peruntukan perbelanjaan akan terus difokuskan kepada:

1. Meningkatkan kerjasama dengan rakan strategik iaitu pihak-pihak yang berkepentingan melalui kaedah *whole of nation*; dan
2. Menambah baik pemberian perkhidmatan termasuk melalui penyejajaran proses-proses yang ada agar ia lebih efisien dan diberikan tepat pada masa.

Di bawah fokus pertama, meningkatkan kerjasama dengan rakan strategik. Empat (4) strategi akan dilaksanakan:

1. Meningkatkan penglibatan dan akauntabiliti pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan agar terus bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti yang

memberikan impak melalui tambahan peruntukan:

- i. Pembangunan belia kepada \$150,000.00 sebagai dorongan kepada persatuan dan pergerakan belia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berimpak tinggi serta pembangunan kapasiti;
- ii. Pembangunan sukan kepada \$200,000.00 sebagai dorongan kepada persatuan-persatuan sukan untuk merangka perancangan berserta Penunjuk Prestasi Utama ataupun *KPI* bagi pembangunan sukan dan atlet;
- iii. Program bantuan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan kepada \$150,000.00 sebagai insentif untuk meluaskan skop pencapaian pembangunan kapasiti.

Pada tahun 2018, sejumlah 27 pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang diberikan bantuan kewangan iaitu *OKU*, kemasyarakatan, keluarga dan wanita dan warga emas termasuk Pusat Kegiatan Warga Emas dan Pusat Masyarakat Bestari; dan

- iv. Program dan aktiviti Pusat Kegiatan Warga Emas dan Pusat Masyarakat Bestari ke arah kemandirian. Warga emas digalakkan untuk membuat perancangan meningkatkan pembangunan kapasiti dan keusahawanan dengan

melibatkan semua golongan masyarakat secara eksklusif. Sekarang kita mempunyai 743 ahli yang mendaftar dan kita ingin melihat jumlah ahli dan pusat-pusat ini meningkat.

2. Meningkatkan dan mengembangluaskan kerjasama dengan pihak korporat dan swasta melalui *Corporate Social Responsibility (CSR)* seperti pembangunan sosioekonomi dan alam sekitar termasuk peluang pembangunan kapasiti dan pekerjaan kepada semua golongan sasaran. Antara *CSR* yang disumbangkan pada tahun 2019 ialah bantuan kerja-kerja tanah bagi memulakan penanaman padi seluas 8.5 hektar bagi 4 peladang belia yang akan menanam padi pada bulan April ini;
3. Meningkatkan penglibatan dan memperkasa penggiat seni untuk memajukan seni, budaya dan warisan melalui pembangunan wadah-wadah yang disediakan:
 - i. Galeri Seni Bandar Seri Begawan dibukakan kepada penggiat seni untuk berkarya. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 11 pameran fotografi, *urban street art*, kaligrafi dan lukisan moden telah disusun. Galeri akan dinaik taraf dan siap pada tahun 2020 untuk memberikan lebih banyak ruang pameran termasuk Pameran Teknologi Kreatif. Kita juga menyambut baik peningkatan jumlah *Art Studio*, Sekolah Kesenian dan galeri yang dikendalikan oleh pihak swasta dan persendirian;
 - ii. Pusat Belia Bandar Seri Begawan dibukakan untuk menggalakkan pertumbuhan aktiviti kreatif dan menjana hasil kepada para penggiat seni dan usahawan. Mulai Januari 2019, Projek Malam Minggu Pusat Belia telah diterajui oleh belia yang berbakat dan inovatif; dan
 - iii. Warisan Budaya. Meningkatkan hubungan kerjasama pertubuhan-pertubuhan dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk merancang dan melaksanakan program-program pengukuhan jati diri bangsa. Dikongsikan beberapa pencapaian seperti berikut:
 - a. Kerjasama penyelidikan dengan institusi-institusi dalam dan luar negara dalam bidang sejarah, bahasa, sastera, kemuziuman dan kebudayaan. Pada tahun 2018, kementerian telah melaksanakan 42 jenis penyelidikan termasuk 8 bersama UBD dan 3 bersama UNISSA. Jumlah ini akan ditingkatkan kepada 50 jenis penyelidikan pada tahun 2019; dan
 - b. Melibatkan 7 puak etnik dalam penyelidikan etnografi dan antropologi. Bagi tahun 2018, 23 buku rujukan

warisan budaya dapat didokumentasikan. Dalam masa yang sama, kementerian juga menyasarkan untuk mengaktifkan semula penerbitan "*Brunei Museum Journal*".

Pengiktirafan Bandar Seri Begawan sebagai ibu negara dan Islam di rantau Asia bagi tahun 2019 telah membukakan peluang untuk kita menonjolkan adat resam, warisan serta kebudayaan Brunei yang berlandaskan kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja sebagai Negara Zikir.

Pada tahun 2018, 60% dari 268,000 pelawat galeri dan muzium adalah pelancong luar negara. Sasaran bagi tahun 2019 ialah 300,000 pelawat. Dikongsikan Muzium Brunei Kota Batu disasarkan untuk dibukakan semula pada penghujung tahun 2021; dan

4. Di bawah fokus pertama ialah menjamin kebajikan dan kualiti hidup masyarakat melalui peningkatan peluang pekerjaan, keusahawanan dan kebolehpasaran bagi golongan sasaran secara inklusif melalui 3 pendekatan:

i. Bantuan pengupayaan iaitu program baharu yang berjumlah \$30,000.00 sebagai *grant* atau

seed money bagi pengusaha mikro, kecil dan sederhana dari golongan penerima bantuan;

ii. Menambahbaik mekanisme pemberian *grant* kepada lepasan Program Belia Berdikari sejumlah \$100,000.00. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2014, seramai 41 dari 66 orang telah diberikan *grant* masih bergiat aktif dalam pelbagai bidang. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** beberapa pengusaha telah mencapai prestasi yang boleh dijadikan contoh berjaya mendapat hasil pendapatan \$3,000.00 hingga \$7,000.00 sebulan;

iii. Meluaskan skop penyertaan kursus kemahiran kepada OKU, ibu-ibu tunggal, belia berpendapatan rendah atau tidak bekerja, tidak mempunyai modal ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung, penghuni kompleks rumah kebajikan dan penerima-penerima bantuan melalui beberapa program:

a. 4 program baharu di Pusat Pembangunan Belia iaitu Program Belia Bertani Mudah dan Murah bersama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang disasarkan kepada 25 orang peserta setahun;

b. Melaksana Program Pertanian Belia bersama Kementerian Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan untuk memberikan lebih pendedahan pertanian dan peladangan termasuk penempatan kerja di syarikat-syarikat sektor pertanian dan agrimakanan. 32 orang belia dari keempat-empat daerah sedang mengikuti program bermula 18 Februari 2019 selama tempoh 15 minggu;

- c. Meluaskan penyertaan kursus singkat kepada ibu-ibu tunggal dan berpendapatan rendah, belia menganggur dan ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung mengikut permintaan. Seramai 35 orang sedang dan telah mengikuti Kelas Jahitan dan 16 orang mengikuti Kelas Kursus Kimpalan dan Fabrikasi bermula November 2018. Manakala, bermula 10 Mac 2019, 25 orang sedang mengikuti Kelas Pembuatan Pastri dan 40 orang mengikuti Kelas Masakan. Sasaran kita adalah menuju ke arah keusahawanan;
- d. Meluaskan penyertaan kursus kepada OKU. Kursus rintis melalui kursus singkat kemahiran yang dirancang 3 kali setahun bagi tempoh 4 minggu diikuti satu bulan penempatan kerja. Seramai 11 orang telah memulakan program ini pada Februari 2019. Kursus

Pembangunan Belia *City and Guilds* bagi tempoh setahun juga dibukakan kepada OKU dengan 5 orang sedang mengikutinya. Dalam pada masa yang sama, 4 orang peserta dari Yayasan Kanser Kanak-Kanak Brunei ataupun YASKA juga mengikuti kursus ini.

Sasaran kita adalah untuk meningkatkan peratus lelasan Program Pembangunan Belia yang mendapat pekerjaan dari 40% ke 70% melalui kerjasama dengan Pusat Pembangunan Kapasiti dan syarikat-syarikat swasta.

Pusat Bahagia. Kursus Asas Bahasa Isyarat dan *Braille* yang dikendalikan bersama agensi-agensi kerajaan dan Persatuan OKU disasarkan kepada para keluarga, majikan, dan rakan sekerja, golongan OKU serta orang ramai. Kursus Bahasa Isyarat dilaksanakan 6 kali setahun dengan sasaran 300 orang. Manakala Kursus *Braille* sebanyak 3 kali setahun yang akan bermula April 2019 disasarkan 100 orang. Dikongsikan 75 orang telah mengikuti Kursus Bahasa Isyarat bermula Februari 2019.

Bagi golongan residen Pemulihan Kompleks Rumah Kebajikan dikongsikan bahawa dari tahun 2016 hingga 2018, jumlah residen pemulihan yang bebas daripada *KRK* adalah seramai 26 orang. Sasaran kementerian ini adalah bagi semua bekas residen untuk dilengkapi dengan kemahiran dan pendidikan bagi mendapatkan pekerjaan atau berniaga.

Bagi lepasan Program Khidmat Bakti Negara yang mencari pekerjaan dikongsikan 22% lepasan pengambilan ke-7 berjaya mendapat pekerjaan. Sasaran pencapaian pekerjaan ini akan ditingkatkan kepada 40%. Tumpuan akan diberikan kepada lepasan PKBN yang mencari pekerjaan, khususnya yang berpendidikan rendah dan datang dari keluarga susah atau tidak mempunyai kemahiran untuk disalurkan ke Pusat Pembangunan Belia. Sejak 5 tahun kebelakangan, seramai 62 orang lepasan PKBN telah menjalani latihan kemahiran di Pusat Pembangunan Belia.

Di bawah bantuan kebajikan bulanan (BKB), bagi tahun 2019 kementerian menasarkankan peningkatan

jumlah penerima BKB termasuk tanggungannya untuk mendapat pekerjaan kepada seramai 200 orang.

Dalam masa yang sama, program pengupayaan baharu iaitu Program TEKAD (**T**eguhkan **E**konomi **K**eluarga **A**sas Ber**D**ikari) dirancangkan untuk bermula pada tahun ini dengan memberikan insentif dan kemahiran kepada 100 orang penerima ulangan Bantuan Kebajikan bulanan untuk mendapatkan pekerjaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Fokus kedua, menambah baik pemberian perkhidmatan termasuk melalui penyejajaran proses-proses agar ia lebih efisien dan diberikan tepat pada masanya. Ia tertumpu kepada dua strategi utama.

Strategi pertama, meningkatkan kualiti pemberian perkhidmatan dengan mempraktikkan pendekatan-pendekatan inovatif, dasar dan bukti amalan terbaik melalui tiga inisiatif:

1. Meningkatkan kajian dan penyelidikan dengan meneliti dan mengkaji semula dasar akta dan perundangan dan perancangan strategik agar pemberian perkhidmatan sentiasa relevan termasuk:

- i. Mereviu Akta Pencen dan Orang Kurang Upaya yang melibatkan dua fasa. Fasa pertama, pindaan ke atas umur penerimaan elaun OKU kepada 15 tahun ke bawah telah pun selesai. Fasa kedua untuk meneliti semula akta ini secara keseluruhan disasarkan selesai pada tahun 2020;
 - ii. Meneliti semula keperluan Perintah Bahasa Melayu dan penubuhan satu Lembaga Bahasa yang bermatlamat untuk memelihara dan memartabatkan Bahasa Melayu. Penelitiannya disasarkan siap pada penghujung tahun 2019;
 - iii. Mereviu Dasar Belia Negara yang disasarkan selesai pada Ogos 2019. Dasar ini antara lain menghuraikan visi dan definisi belia, strategi teras serta inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan;
 - iv. Dasar Kebudayaan Negara sedang direviu dan disasarkan selesai pada tahun 2020. Dasar ini antara lain meneliti penubuhan Majlis Kebudayaan Negara, penubuhan Pusat Budaya Negara dan mengukuhkan infrastruktur ekonomi budaya;
 - v. Penelitian syarat-syarat pemberian Bantuan Kebajikan bulanan dan tatacara pengagihan elaun dan pencen yang disasarkan selesai pada penghujung tahun 2019;
 - vi. Penelitian garis panduan sukarelawan bersama peserta-peserta sukarelawan untuk menghasilkan garis panduan yang disasarkan penyiapannya pada awal tahun 2020;
 - vii. Meneliti dasar dan keperluan bagi mengadakan rangka kerja penjagaan dan pendidikan kanak-kanak awal ataupun *Early Childhood Care and Education*, terutamanya bagi yang berumur 5 tahun ke bawah bersama Kementerian Pendidikan.

Dikongsikan juga salah satu inisiatif KKBS yang telah dilaksanakan sejak 2014 adalah Program Awal Literasi yang mendedahkan amalan pembacaan pada anak-anak damit dan telah menampakkan keberkesanan terhadap perkembangan mereka. Program ini akan dilaratkan kepada ibu-ibu mengandung; dan
 - viii. Mengkaji status perkembangan wanita di negara ini yang akan dilaksanakan tahun ini sebagai salah satu usaha penambahbaikan dasar dan program mengenai wanita.
2. Memantapkan tadbir urus proses dan fungsi perkhidmatan supaya lebih seajar, efisien dan menepati keperluan pelanggan. Sebanyak 11 perkara yang akan dilaksanakan mengikut 4 bidang iaitu kebelaian, kemasyarakatan, kebudayaan dan kesukanan seperti berikut:

i. Bagi kebeliaan ada 4 perkara yang akan dilaksanakan:

a. Menggalakkan institusi-institusi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menggunakan Program Khidmat Bakti Negara sebagai asas pendidikan membina jati diri. Kita menyambut baik komitmen agensi yang akan mengikuti program pada tahun ini seperti Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan KUPU SB. Kita turut menyasarkan bagi penyertaan pasukan-pasukan beruniform seperti Kadet Tentera, Polis dan Bomba;

b. Memantau dan membimbing usahawan-usahawan belia. Jawatankuasa Pandu Strategik Keusahawanan Belia telah pun ditubuhkan pada Ogos 2018 bagi meneliti keberkesanan ekosistem keusahawanan.

Jawatankuasa ini mempunyai satu pangkalan data menyenaraikan seramai 324 usahawan belia sehingga kini dalam berbagai-bagai sektor. Bagi tahun 2019, jawatankuasa menyasarkan 5 pengusaha belia akan meraih pendapatan antara \$100 hingga \$500 ribu setahun;

c. Mengadakan Kongres Belia Kebangsaan pada Jun 2019

yang ditunda dari bulan ini bagi memberikan ruang kepada perkembangan lanjut reviu dasar belia negara. Kongres ini bermatlamat untuk menggalakkan para belia mengongsikan idea dan pengetahuan serta ekspektasi mereka dalam pembangunan belia dan pembangunan negara. Fokus utama adalah keusahawanan dan pengangguran, kesiapsiagaan belia masa hadapan dan penglibatan di samping perkongsian dapatan kajian Dasar Belia Negara.

Kongres ini juga akan diadakan seiring ataupun *back to back* dengan *Asia Regional Technical Workshop on Development of National Youth Entrepreneurship Policy* yang dianjurkan oleh pihak Komanwel; dan

d. Meneruskan penerapan nilai-nilai keagamaan dan kerohanian dalam semua program-program pembangunan kapasiti yang dapat menjana belia syumul. Kita melihat para belia masjid sebagai rakan utama dan antara program ialah program Sembahyang Fardhu Subuh berjemaah bersama para belia di masjid yang diadakan satu kali dalam dua bulan.

Bagi kemasyarakatan, dua perkara akan dilaksanakan:

- a. Menilai semula keberkesanan program yang dijalankan di Kompleks Rumah Kebajikan, Pusat Bahagia dan Program-Program Pengupayaan Penerimaan Bantuan untuk siap dilaksanakan pada awal tahun 2020; dan
- b. Mereviu dan mengukuhkan lagi penguatkuasaan proses pelesenan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di bawah Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Penggal 218 bersama agensi-agensi lain yang melibatkan aspek keselamatan, kesihatan, pengurusan dan tenaga kerja.

Bagi kebudayaan, 4 perkara akan dilaksanakan:

- a. Meneruskan usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu;
- b. Penjenamaan semula atau *rebranding* perpustakaan-perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka. Tahun ini Perpustakaan Lambak Kanan dan Perpustakaan Daerah Temburong dijadikan projek rintis penjenamaan semula;
- c. Meneliti proses penaiktarafan Perpustakaan Bandar Seri Begawan

sebagai Perpustakaan Negara; dan

- d. Penyediaan kurikulum dan mekanisme sebagai persediaan penubuhan Akademi Budaya Seni yang disasarkan untuk siap pada pertengahan tahun 2020.

Bagi bidang kesukanan, program rintis Akademi Sukan yang bermula pada tahun 2015 akan direviu dan disasarkan selesai penghujung tahun 2019. Dikongsikan awal mendapati pencapaian perolehan pingat tidak mencapai ke tahap yang dihasratkan.

3. Memanfaatkan penggunaan teknologi untuk meningkatkan produktiviti pemberian perkhidmatan dan prestasi kerja:

- i. Meneruskan penambahbaikan pengusahaan sistem pangkalan data dan sumber yang komprehensif. Ini akan memudahkan akses, mengelakkan duplikasi maklumat agar tindakan berdasarkan fakta dan tepat pada masa. Kementerian juga menggalakkan agar agensi-agensi berkenaan dan persatuan-persatuan supaya dapat mengongsikan maklumat yang berkaitan;
- ii. Sistem *Youth And Sport Net (YSNet)* disasarkan mula beroperasi sepenuhnya bagi kegunaan persatuan-persatuan belia dan sukan pada Oktober 2019. Sistem ini adalah

pangkalan data digital bagi persatuan-persatuan belia dan sukan untuk mengongsikan aktiviti-aktiviti termasuk kesukarelawanan; dan

- iii. Meningkatkan *outreach* kepada pelanggan melalui kaedah media sosial dan teknologi digital.

Strategi kedua di bawah fokus kedua, ialah menjana hasil dan pulangan pelaburan melalui peningkatan pendekatan *PPP* dan *outsourcing*. Antara yang sedang dirancang ialah:

1. Rancangan *Youth Hub* di kawasan Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang secara langsung akan meningkatkan pembangunan sosial serta mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pelbagai rangkaian di samping kecemerlangan sukan. Fasa kedua, penaiktarafan Stadium Hassanal Bolkiah disasarkan siap pada tahun 2021;
2. Memajukan kompleks riadah dan sukan di tapak tanah di Kampung Terunjing dan di Kampung Perpindahan Lambak Kanan. Projek ini disasarkan untuk ditawarkan pada pertengahan tahun 2019;
3. Projek Dapur Kongsi atau *Chef Kitchen* di Pusat Belia yang diiktiraf halal serta menjamin kualiti keselamatan untuk kegunaan pengusaha-pengusaha belia. Ia akan beroperasi pada Mei 2019;
4. Projek Kompleks Sukan Air Serasa yang bertujuan untuk

memaksimumkan penggunaan kompleks bagi membangun dan mengembangkan aktiviti sukan air termasuk *scuba diving* dan menarik pelancongan;

5. Pengendalian *Fitness Centre Gym dan Cafe* di Kompleks Sukan Mumong oleh pihak swasta yang sedang dilaksanakan; dan
6. Penelitian kemudahan-kemudahan yang berpotensi untuk dikendalikan secara komersial iaitu *Outwardbound Brunei Darussalam*, Pusat Pembangunan Belia dan Taman Warisan Tasek Merimbun.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kita setakat ini berada di landasan ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Apa yang penting adalah bagi kita untuk terus memperkukuhkan kesepakatan melalui pendekatan *Whole of Nation* ke arah kesejahteraan di seluruh lapisan masyarakat.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus berusaha untuk memperkasa setiap lapisan masyarakat secara inklusif untuk dilibat sama dalam apa jua perancangan dan hala tuju. **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** dengan hala tuju ini dan dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dapatlah kita menjana masyarakat yang cemerlang.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sudahi dengan

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah memberikan huraian secara terperinci mengenai sasaran dan tujuan serta hala tuju kementerianannya sesuai dengan belanjawan yang berhadapan dengan kita pada ketika ini.

Saya mempunyai senarai yang agak panjang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk berucap dan membahaskan dalam Tajuk ini. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana mengongsikan penerangan yang cukup panjang dan cukup komprehensif sehingga tidak ada yang hendak ditanyakan sebenarnya. Tetapi saya ada mempunyai 4 perkara. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** yang tidak berapa disentuh tadi. Saya ingin menyentuh 4 perkara, Tajuk SL01A 004/000 - Pembangunan Belia dan Sukan.

1. *E-Sports*. Pertumbuhan *Electronic Sports* atau dikenali sebagai *e-Sports* tidak dapat dinafikan dari sumbangan ekonomi pada tahun 2017. Beberapa negara Asia Tenggara meraih *revenue USD3.1 billion*. Dalam bidang sukan

profesional pula, di dalam Sukan *SEA 2019* nanti akan mempertandingkan *e-Sports* malah dalam *Brunei Darussalam December Festivals* juga belia kita melihatkan kemahiran mereka dalam *e-Sports*. Berikutan perkara tersebut saya berpendapat *e-Sports* adalah satu potensi dan mesti diberikan pendekatan khusus.

Soalan saya, Apakah sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membangunkan *e-Sports*;

2. Sukan Sebagai Kerjaya. Apakah pembangunan kapasiti diberikan kepada atlet kita supaya sukan dijadikan sebagai *viable career*. Seorang atlet bukan sahaja hanya memikirkan prestasi bersukan bahkan juga perlu mempunyai kemahiran pengurusan penaja, pengurusan kewangan, perundingan kontrak, pemasaran dan lain-lain untuk ia menjadi sebuah kerjaya yang berjaya; dan
3. Kebajikan atlet-atlet yang sudah bersara dari bidang bersukan. Apakah sokongan yang diberikan kepada atlet negara kita yang sudah bersara dari bidang sukan mereka yang telah menyumbangkan kepada negara untuk memastikan kebajikan mereka terjaga.

Terakhir sekali, Jabatan Pembangunan Masyarakat, mengenai penjagaan warga emas. Saya ingin memberikan beberapa saranan saya kepada perkara ini untuk menambah baik supaya warga emas termasuk yang mempunyai masalah

kesihatan seperti *dementia*, *parkinson* mahupun isu kesihatan yang lain terus diberi perhatian.

Saranan-saranan saya ialah:

- i. Latihan penjagaan warga emas diberikan kepada ahli-ahli keluarga;
- ii. Penjagaan bersama di peringkat akar umbi *NGO*, *social enterprise*, seperti Dementia Brunei, Majlis Perundingan Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan lain-lain;
- iii. Membudayakan aktiviti sukarelawan dalam kalangan warga emas;
- iv. *Infrastructure* yang mesra warga emas; dan
- v. Fleksibiliti kerja bagi keluarga yang mempunyai keperluan khusus penjagaan warga emas yang berada di rumah.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Dapat dirumuskan ada 4 soalan:

1. Berkenaan *e-Sports*;
2. Sukan sebagai kerjaya;
3. Kebajikan atlet dalam memastikan atlet yang bersara; dan
4. Warga emas.

Barangkali kaola menjawab mengenai *e-Sports*:

1. Sepertimana yang kaola difahamkan *e-Sports* ini merupakan permainan yang kompetitif, terancang antara pemain profesional menggunakan *platform* atas talian untuk menggapai penyertaan yang ramai secara *global*. Justeru, ia mempunyai potensi yang sangat baik untuk menjana pendapatan yang tinggi.

Difahamkan juga di Negara Brunei Darussalam *e-Sports* juga mendapat tempat dalam kalangan belia. Terdapat beberapa kumpulan belia telah giat mengikuti kejohanan *e-Sports* di dalam dan di luar negara. Tetapi, bukannya baru-baru ini. Kalau dilihat kepada laporan-laporan yang lepas, semenjak tahun 2011 sudah ada kegiatan *e-Sports* oleh para belia. Jadi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa memberikan galakan kepada pelbagai jenis sukan yang bertapak di negara ini termasuklah *e-Sports*.

Kita melihat perkembangan positif dalam penganjuran *e-Sports* di negara ini oleh pihak swasta. Kalau kita melihat ianya sudah dikembangluaskan. Sebagai misalan, baru-baru ini semasa Minggu Keusahawanan Belia pada 15-17 Mac, antara kegiatan yang dilaksanakan ialah penganjuran *e-Sports*.

Kita sudah melihat ketika *consumer fair* pada 23-27 Januari, di Pusat Persidangan Antarabangsa dan pada tahun 2018 *Expo Cybergames Tournaments* 2018.

Sebagai langkah ke hadapan kita menyokong permohonan industri ini dengan lebih sistematik dan terarah dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengalu-alukan penubuhan persatuan *e-Sports* yang akan menjadi peneraju kepada pembangunan sukan ini. Kaola juga difahamkan permohonan telah dibuat bagi menubuhkan satu persatuan Sukan Kebangsaan *e-Sports*.

Kaola juga ingin mengongsikan, walaupun *e-Sports* ini belum mendaftar secara rasminya, kita telah pun mendukung sukan *e-Sports* semasa Kejohanan *Hyperplay* 2018, *ASEAN e-Sports Festival* yang telah diadakan pada 27 Julai hingga 6 Ogos 2018 di Singapura. Kita telah menghantar satu perwakilan seramai 8 atlet ke kejohanan tersebut sebagai wakil Negara Brunei Darussalam di bawah inisiatif *ASEAN* dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun memberikan bantuan kewangan bagi perbelanjaan rombongan.

Kita menyambut baik dan kementerian akan mendukung dan membantu pertumbuhan *e-Sports* dan kalau kita lihat pada *SEA Games* yang akan datang *e-Sports* adalah satu yang masuk dalam perlawanan *SEA Games*. Kita akan mengharap

bahawa *e-Sports* ataupun sukan ini akan menubuhkan satu persatuan yang berdaftar. Itulah harapan kita;

2. Mengenai pembangunan kapasiti yang diberikan kepada atlet-atlet sukan untuk dijadikan sebagai kerjaya. Kementerian sentiasa memberikan sokongan kepada atlet bukan saja dari segi pekerjaan akan tetapi memberikan peluang untuk meningkatkan kapasiti termasuk dengan melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi.

Pihak kementerian juga memberikan peluang kepada atlet untuk meneruskan kerjaya dalam bidang kejurulatihan dengan kerjasama beberapa agensi seperti Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan dan Institut Sukan Negara Malaysia. Sebagai contoh dengan mengendalikan kursus kejurulatihan, kursus teknikal sukan, kursus pengurusan sukan, kursus sains sukan, *study tour*, kem-kem sukan dan sebagainya.

Dikongsikan sama juga melalui Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan dua atlet *Wushu* Kebangsaan yang berjaya meraih pingat dalam Sukan *SEA* telah diberikan penganugerahan bantuan kewangan bagi pembiayaan pelajaran mereka di Universiti Brunei Darussalam.

Dikongsikan jua dengan persijilan kejurulatihan yang diperolehi beberapa atlet telah pun berkhidmat

dengan JBS dan Kementerian Pendidikan sebagai jurulatih sukan seperti sukan *wushu*, *badminton*, *squash*, pencak silat, olahraga dan *bowling* padang.

Dalam menjawab soalan ke-3, iaitu sokongan yang diberikan kepada atlet yang telah bersara dari bidang sukan untuk memastikan kebajikan mereka terjaga, KKBS akan sentiasa memberikan sokongan pengiktirafan dan menyediakan insentif kepada para atlet negara termasuklah kepada atlet negara yang sudah bersara, melalui:

1. Kaedah berpersatuan. Ada sebahagian atlet bersara telah pun menubuhkan persatuan kumpulan veteran masing-masing seperti Persatuan Veteran Olahraga dan Persatuan *Senior Golfer Brunei Darussalam*. KKBS sentiasa mendukung mereka, termasuk memberikan bantuan-bantuan yang diperlukan;
2. Kaedah secara persendirian, tidak berpersatuan. KKBS telah bekerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan, dengan kaedah *whole of nation* dalam menjaga kebajikan para atlet yang sudah bersara. Sebagai contoh, ada atlet yang memerlukan rawatan khusus di luar negara seperti di Singapura. KKBS telah bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan untuk memberikan keutamaan kepada atlet negara tersebut.

Di samping itu, dibuat juga aktiviti amal yang dianjurkan dengan kerjasama beberapa persatuan sukan kebangsaan untuk mengumpul dana bagi membiayai kos perubatan bagi salah seorang atlet yang telah bersara. Selain itu atlet-atlet yang sudah bersara juga diberikan penghargaan dengan penganugerahan pingat-pingat kebesaran negara, terutama yang telah memenangi pingat di kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa. Kejayaan mereka juga turut dipamerkan sebagai 'ristaan' dalam satu ruang khas di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang dikenali sebagai *Whole of Fame* Galeri Sukan.

Soalan ke-4, iaitu berkenaan soal warga emas. Kitani menyambut baik saranan-saranan yang disampaikan bagi menambah baik penjagaan warga emas di negara ini yang telah pun dibentangkan atau dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Iswandi bin Ahmad tadi. Kitani melihat pemedulian dan penjagaan yang mencukupi terhadap warga emas perlu dititikberatkan. Bukan sahaja kerana ia termasuk dalam pelan tindakan, malah apa yang perlu adalah dilihat sebagai imbal balas ke atas jasa dan pengorbanan mereka dan sumbangan mereka kepada anak-anak khususnya kepada masyarakat umumnya.

Sememangnya sebagai saranan berkenaan sedang diambil tindakan dan kita akan terus mempertingkatkan lagi keberkesananannya dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* saranan-

saranan baharu kitani akan diambil kira dan diserapkan ke dalam pelan tindakan warga emas mengikut kesesuaian. Barangkali, turut dikongsikan beberapa latihan dalam penjagaan warga emas khususnya yang berkaitan penjagaan kesihatan telah dan sedang dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan dan persatuan-persatuan bukan kerajaan seperti Persatuan Dementia Brunei. Latihan juga telah pun dibuat bersama dengan penjaga dan para sukarelawan untuk warga emas, untuk diaktifkan semula lagi pada tahun ini.

Dari aspek penyediaan Pusat Kegiatan warga emas di setiap daerah, kitani melihat ianya merupakan satu *community support centre* yang membukakan peluang bagi penjagaan bersama di peringkat akar umbi sekaligus ia juga menyediakan perkhidmatan dukungan yang dapat meringankan peranan penjaga-penjaga ataupun *care givers* kepada warga emas sekurang-kurangnya semasa waktu bekerja apabila pusat-pusat berkenaan dibuka. Sebagai pusat harian untuk warga emas berkumpul sesama mereka untuk bersosial, berinteraksi serta bergiat aktif membuat aktiviti dan riadah.

Jadi, kitani juga mestilah menyediakan struktur yang mesra warga emas, selaras dengan buku garis panduan bertajuk, 'Garis Pandu Reka Bentuk Bagi Orang Kelainan Upaya', yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan, dengan matlamat untuk meningkatkan lagi keselamatan, keselesaan dan mengurangkan halangan di persekitaran

bagi memastikan orang-orang kelainan upaya dapat menggunakan kemudahan disediakan di bangunan-bangunan awam dengan mudah dan tanpa memerlukan bantuan dari orang lain.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ KKBS akan meneruskan usaha dan kerjasama dalam memastikan garis panduan ini akan dipatuhi demi kepentingan bagi warga emas. Sementara itu, keperluan-keperluan lain bagi penjagaan warga emas seperti fleksibiliti kerja bagi keluarga yang mempunyai keperluan khusus penjagaan warga emas, kitani akan mengambil perhatian dan untuk melihat tindakan-tindakan yang bersesuaian mengikut keperluan dan mungkin jika itu perlu untuk dimasukkan ke dalam pelan tindakan bagi warga emas, ia akan dilihat dan diteliti dengan sebaik-baiknya.

Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk kepada Tajuk SL01A. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita sudah dapat melihat banyak peningkatan dari segi kumpulan belia menjalankan aktiviti-aktiviti bertaraf kebangsaan untuk para belia berkongsi buah fikiran dalam memajukan negara. Seperti *Brunei Chevening Youth Forum* dan *Brunei Youth Leaders Conference*.

1. Kaola ingin bertanya, adakah ianya dalam strategi pihak kementerian untuk membantu, menyokong ataupun membimbing para organisasi belia untuk meningkatkan lagi keupayaan mereka agar dapat mengunggayahkan acara belia bertaraf serantau mahupun antarabangsa?

Kaola bukannya bermaksudkan acara belia yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam tetapi program-program belia dari luar negara akan mengusahakan sendiri untuk membiayai penglibatan mereka di sini dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara. Program-program seperti *ASEAN Youth Forum*, *ASEAN Powership*, *International Workshop on Climate Change* adalah contoh-contoh program serantau yang para peserta belia membiayai sendiri kos penglibatan mereka.

Kaola percaya kita di Brunei juga mampu mencapai tahap sedemikian. Namun secara permulaan masih memerlukan bimbingan daripada pihak yang berkenaan; dan

2. Kesihatan mental dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah mendapat perhatian dari pelbagai pihak. Ini menunjukkan kepentingan mengenal pasti punca tekanan dalam kehidupan dan membuat penyelarasan agar mengimbangkan kerja dan keluarga atau lebih dikenali dengan *work life balance*.

Apakah strategi pihak kementerian dalam memberi kesedaran akan kepentingan *work life balance*. Sebagai contoh, di negara luar, majikan dilarang untuk menghubungi pekerja di luar waktu kerja. Ini relevan sekiranya kita membincangkan tentang kepentingan institusi keluarga untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan meningkatkan produktiviti pekerja.

Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Ada 2 soalan. Yang kedua ialah *work life balance*. Yang pertama ialah strategi kementerian untuk membantu atau menyokong ataupun membimbing organisasi para belia untuk meningkatkan lagi keupayaan mereka untuk 'mengunggayahkan' acara-acara bertaraf antarabangsa.

Soalan pertama ini, ia perlu diteliti untuk kesesuaian berdasarkan juga kepada keutamaan dan impak yang dihasratkan. Di samping memastikan ia mengikut prosedur dan proses kebenaran yang ada yang perlu didapatkan dari agensi-agensi berkenaan kerana kitani akan melibatkan untuk mendatangkan fasilitator atau pemudah cara dari luar negara.

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama KKBS sentiasa mengalu-alukan persatuan-persatuan belia, sukan dan badan-badan yang berdaftar untuk mengadakan acara-acara serantau yang

boleh meningkatkan juga sosioekonomi negara dan seterusnya menarik lebih banyak penyertaan aktif dari para belia sebagai peserta, fasilitator mahupun sukarelawan yang akan dapat membentuk dan melahirkan generasi belia yang berwawasan.

Kitani perlu melihat bahawa belia kitani pada masa ini berkeupayaan. Kalau kitani melihat seperti Hari Belia, Hari Keluarga dan *Day of Action*. Ia semua diketuai oleh belia-belia sendiri yang merancang dan melaksanakan. Barangkali, penggerak dalam acara-acara di Peringkat Kebangsaan iaitu satu *we have to acknowledge* keupayaan para belia ini. Kita melihat penglibatan ataupun pemerkasaan para belia untuk melaksanakan acara-acara yang begitu besar akan terus kita berikan dan kitani menyambut baik keupayaan para belia dalam melaksanakan program-program.

Sepertimana juga yang dihasratkan, saya begitu yakin *i think* apa yang penting bagi kitani adalah untuk menentukan memantau, mementor dan sebagainya seperti mana yang telah pun disarankan oleh Yang Berhormat.

Tapi saya ingin mengongsikan sedikit, kalau kitani melihat program-program belia ini membawa ke sini, kitani melihat terdapat banyak program-program yang bertaraf antarabangsa yang melibatkan program-program belia yang kitani bawa ke dalam ataupun ke Negara Brunei Darussalam. Sebagai misalan, kitani ada Program Belia Antarabangsa, seperti Musabaqah Tilawatul Al-Quran Belia Asia Tenggara. *We have Singapore Brunei*

Youth Exchange Programme. We have JENESYS dan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara.

Dalam masa yang sama kitani juga membawa para belia ke Brunei seperti Program Sukan Antarabangsa *Hassanal Bolkiah Trophy BIMPNT-EAGA* dengan penyertaan 4 negara yang melibatkan 600 atlet. Jadi kitani melihat bahawa hasrat itu untuk membawa belia-belia daripada luar memang ada tapi barangkali kitani hendaklah melihat *platform* sepertimana yang dikongsikan oleh Yang Berhormat tadi dari aspek substantif dan sebagainya.

Tapi **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** pada tahun ini kitani akan melihat dari aspek kebeliaan kitani akan mengadakan *Asia Regional Technical Workshop on Development of National Youth Entrepreneur Policies*. Kitani akan bekerjasama dengan pihak Komanwel secretariat **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ia akan dilaksanakan pada bulan Jun. Kitani mengharapkan para belia akan turut sama dalam mengunggayahkan program-program seperti ini bersama dengan KKBS.

Kitani menyambut baik hasrat Yang Berhormat untuk membawa dan kitani melihat bukanlah wang ringgit akan tetapi kalau keupayaan itu dapat dilaksanakan oleh para belia dengan kaedah-kaedah yang tertentu ianya adalah satu inisiatif yang baik yang perlu ditangani dengan sebaiknya dan disokong dengan begitu rupa.

Dalam masa yang sama soalan yang Ke-2, berkenaan *work life balance*. Terima kasih Yang Berhormat Dayang

Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari atas soalan mengenai *work life balance* ataupun keseimbangan kerjaya dan kehidupan.

KKBS melihat kepentingan untuk mengimbangi kepentingan keluarga dan pekerjaan. Dalam kehidupan seharian kitani melihat institusi keluarga ini ialah merupakan unit asas yang memainkan peranan yang sangat penting dalam pengukuhan dan pengguna sebuah masyarakat yang berdaya tahan dan berintegritas tinggi.

Ke arah ini, peningkatan praktikal kehidupan keluarga melalui *work life balance* adalah satu penekanan strategik yang diutamakan dalam pelan tindakan keluarga yang sedang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga Wanita dan Kanak-Kanak, khususnya bagi mencapai salah satu matlamat pelan tindakan berkenaan iaitu meningkatkan perpaduan dan kesejahteraan keluarga.

Perkara ini telah pun ditekankan juga dalam *During Women Internatioanl Day*. Kitani melihat Pembangunan Wanita antara lainnya, perkara yang perlu dilihat. Ia adalah *work life balance*. Jadi, secara langsung kita belum mempunyai, kitani secara mengongsikan sahaja data-data yang mungkin keperluan adanya *work life balance* ini. Kitani melihat kes-kes keganasan, rumahtangga, penderaan kanak-kanak dan masalah suami isteri ini mungkin ia mempunyai hubung kait dengan *work life balance* ini. Kitani melihat pada tahun 2018 kes-kes ini, yang telah diterima oleh JAPEM ani

ada 32 kes keganasan rumahtangga, ada 15 kes penderaan kanak-kanak dan 36 masalah suami isteri, keluarga.

Perkara ini hendaklah dilihat, mungkin ada kesinambungan dengan *work life balance* ani. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kitani dengan adanya kajian pembangunan wanita ani, akan turut menyentuh mengenai sejauh mana kaum wanita dan kaum lelaki di negara ini mencapai ketenteraman hidup khususnya dalam mencapai inspirasi keseimbangan keluarga dan pekerjaan serta sama ada mereka mempunyai masa dan sumber yang mencukupi untuk mengecapi kehidupan yang seimbang, kitani akan lihat.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kementerian akan memper-timbangkan keperluan untuk mengadakan kajian lebih menjurus kepada kesan atau impak pekerjaan harian terhadap kesihatan dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Your suggestion tadi itu mungkin untuk dihubungi ataupun tidak kitani melihat ia secara menyeluruh dengan kajian-kajian yang akan kitani buat nanti berkenaan dengan itu *work life balance* ani sebagai salah satu kajian dalam pembangunan wanita.

Barangkali ingin juga dikongsikan kepentingan *work life balance* ani JAPEM hendaklah terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kesejahteraan awam jua melalui jerayawara, promo radio dan televisyen serta ceramah dan tazkirah.

Di samping itu, KKBS juga menggalakkan agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk menyediakan bilik penjagaan anak-anak di pejabat untuk membantu ibu bapa menjaga anak-anak mereka semasa waktu bekerja.

Jadinya, terima kasih Yang Berhormat dan barangkali mengenai *work life balance* adalah satu perkara yang perlu dilihat dengan sebaik-baiknya kerana ia melibatkan aspek kekeluargaan juga dan juga mungkin menyebabkan perkara-perkara isu-isu sosial sepertimana saya ketengahkan tadi mungkin mempunyai impaknya jua. Mudah-mudahan dengan adanya kajian Pembangunan Wanita yang turut menyentuh mengenai *work life balance* kita akan dapat melihat pelan-pelan yang bersesuaian untuk menangani perkara ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Kaola yakin dengan kepimpinan dan usaha berterusan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan akan bergerak maju dan visi dan misi yang bertenaga.

1. Tajuk SL01A-Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kaola

suka untuk menyampaikan setinggi-tinggi tahniah ke atas kejayaan Program Khidmat Bakti Negara yang telah mendidik belia muda ke arah berketerampilan, berdisiplin dan beretika. Belia aset negara yang sangat berharga. Sejarah mengukir bagaimana signifikannya belia dalam satu-satu negara sepertimana kata-kata seorang pemimpin nusantara: "Beri aku 10 pemuda nescaya akan ku goncangkan dunia" اَلْحَمْدُ لِلَّهِ soalan kaola berkenaan belia sudah terjawab dalam ucapan Yang Berhormat sebentar tadi;

2. Tajuk SL05A- Pusat Sejarah.

i. Sejarah adalah bukti tamadun sesebuah negara dan menjadi kebanggaan yang dikira meningkatkan patriotik bangsa sepertimana sejarah telah melakarkan Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam seperti Sultan Bolkiah. Sultan Yang Ke-5 yang tercatat dalam sejarah melayari lautan dan menakluk seluruh Pulau Borneo. Pulau Brunei yang sekarang dikenali Pulau Borneo. Ini menunjukkan orang Brunei sebagai pelaut atau pelayar. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ makam Sultan Bolkiah dapat diziarahi di samping sejarah awal kesultanan Brunei dan penyebaran yang lebih mantap pada zaman Sultan Sharif Ali.

Ini membuktikan tamadun bangsa Brunei. Kaola ingin mencadangkan jika belum ada

cadangan atau jika cadangan ini *reliable* supaya Pusat Sejarah dengan kerjasama jabatan-jabatan berkepentingan dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan membukakan tawaran kepada syarikat yang berminat dalam pembuatan kapal replika Kapal Sultan Bolkiah saiz yang dikira menyamai ditempatkan di tapak yang sesuai atau dijadikan kapal *river cruise* di Sungai Brunei sebagai industri pelancongan berasaskan sejarah dengan kadar bayaran perkhidmatan yang bersesuaian bagi mendatangkan hasil pendapatan kepada pengusaha dan kerajaan.

- ii. Sejarah telah melakarkan Kesultanan Brunei sebuah kerajaan Islam berdaulat dalam Pulau Borneo sejarah telah mencatatkan di zaman Sultan Saiful Rizal berlakunya Peperangan Kastila. Bangsa Brunei dengan kegagahan pahlawan-pahlawan Brunei yang diketuai oleh Pengiran Bendahara Sakam mampu mengusir penceroboh dari bumi Brunei, maka kaola ingin menyarankan supaya dibukakan peluang industri pelancongan yang berasaskan sejarah yang menjadikan atau membina sesuatu yang dapat dilihat pelawat domestik dan pelancong luar negeri, seperti pembinaan tugu-tugu peringatan, pemimpin-pemimpin negara dan pahlawan-

pahlawan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Barangkali kaola melihat ia sebagai satu cadangan yang telah diutarakan dan cadangan-cadangan ini akan diambil maklum dan akan diteliti dari segi kepentingan, kesesuaian dan keutamaannya. Kaola ingin juga barangkali kepada cadangan yang pertama iaitu berkenaan dengan replika Kapal Sultan Bolkiah, ia akan dilihat dan diteliti

Dan kitani juga menyambut baik dari segi aspek pelancongan ini sepertimana yang kaola kongsi tadi. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, jumlah lawatan yang melawat ke Muzium-Muzium dan galeri pada tahun ini lebih 268,000 orang dan 60% adalah pelancong-pelancong asing. Jadi, mengucapkan beribu terima kasih kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT) membuatkan program-program pakej pelancongan ke Muzium-Muzium dan kita akan sasarkan kepada 300,000 orang dan untuk Pusat Sejarah Brunei, inilah perkara yang perlu dipertingkatkan. Pada tahun lepas ke Pusat Sejarah Brunei hanya mencapai 9,000 orang sahaja dan kita akan sasarkan kepada 15,000 orang pada tahun ini.

Pada aspek yang kedua iaitu berkenaan dengan tugu-tugu peringatan, kaola ingin mengongsikan barangkali antara perkara yang terus 'diungkayahkan' oleh Pusat Sejarah Brunei secara berterusan ialah untuk mengusahakan pengumpulan penyelidikan dan pendokumentasian segala aspek persejarahan Brunei dalam dan luar negara. Antaranya termasuklah biodata riwayat hidup, sumbangan sultan-sultan Brunei, pembesar-pembesar negara, orang-orang kenamaan, perwira dan tokoh-tokoh negarawan dalam pelbagai bidang seperti keagamaan, pendidikan, perkhidmatan awam dan seumpamanya. Ini adalah bidang tugas bagi Pusat Sejarah Brunei dan mengambil maklum cadangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Barangkali mengenai tugu peringatan pemimpin dan pahlawan-pahlawan Brunei ini, perlu jua diteliti sepenuhnya dari aspek kesesuaian dengan dasar dan konsep negara kitani Melayu Islam Beraja (MIB) itu perlu jua diteliti sama ada tugu peringatan ini hendaklah diteliti sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, cara ini satu saranan yang sangat baik bertujuan mengangkat sumbangan dan jasa pemimpin dan pahlawan Brunei ke arah pembangunan negara.

Saya kongsikan sejauh ini Pusat Sejarah Brunei telah pun melaksanakan usaha ke arah mengenang jasa mereka dengan menerbitkan buku-buku biografi sejarah termasuk cerita sejarah bergambar.

Di samping itu Pusat Sejarah Brunei telah pun mengadakan pameran mengenai tokoh-tokoh yang telah berjasa pada negara. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, ada cadangan yang diutarakan itu akan diteliti dan kitani lihatlah kesesuaian kepentingan dan keutamaan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas cadangan dan saranan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah atas mukadimah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi secara terperinci. Dari pembentangan tersebut ada 2 isu yang dapat kaola kemukakan iaitu:

1. Tajuk SL03A – Jabatan Belia dan Sukan Kod Akaun 003-000 - Aktiviti Pembangunan Sukan dan Perkhidmatan Jurulatih.

Yang Berhormat Pengerusi, Untuk pengetahuan bersama, Seni Bela Diri (*Shorinji Kempo*) telah bermula sejak 2 tahun yang lalu di negara ini dan bergiat aktif di Daerah Tutong.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ، sehingga ini ahli-ahli berdaftar di Daerah Tutong telah mencapai lebih 40 orang.

Semasa acara sukan kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun 2018, Atlet *Shorinji Kempo* yang mewakili Daerah Tutong telah berjaya meraih 3 pingat emas, 2 pingat perak dan 2 pingat gangsa. Tujuan utama *Shorinji Kempo* diperkembangkan di Daerah Tutong khas dan di negara ini amnya adalah untuk membangunkan lagi seni bela diri khusus kepada pelajar-pelajar dan belia untuk mempertahankan diri, di samping menguatkan daya kuat tahan fizikal dan mental dan selain itu menanamkan sifat kasih sayang, bantu-membantu dan mengamalkan sikap silaturahim dalam kalangan masyarakat demi agama bangsa dan negara.

Soalan kaola, adakah cadangan untuk memberikan peruntukan kepada Persatuan-persatuan Sukan Seni Pertahanan Diri ini khusus *Shorinji Kempo*, Menurut maklumat dari pelatih-pelatih, Jurulatih *Shorinji Kempo* akan ditamatkan kontraknya pada bulan mei tahun ini.

Sehubungan dengan itu adakah sudah Jurulatih Baharu yang akan mengganti dan jika belum, disarankan supaya jurulatih yang ada sekarang diteruskan perkhidmatannya hingga Jurulatih Baharu tiba agar belia-belie yang baru saja mula berkecimpung dalam seni ini tidak

merasa kecewa dan dapat meneruskan latihan mereka.

Melalui Dewan yang mulia ini, kaola menyeru akan banyak lagi belia dan masyarakat di Daerah Tutong dapat melibatkan diri dalam arena ini, disarankan juga supaya Jabatan Belia dan Sukan dapat menganjurkan beberapa kejohanan bagi membolehkan seni bela diri *Shorinji Kempo* ini lebih berkembang luas di seluruh negara dan di peringkat antarabangsa.

2. Tajuk SL05A - Pusat Sejarah. Mengenai pensejarahan Negara Brunei Darussalam. Pengumpulan segala bahan warisan sejarah dilihat penting dalam mengenali identiti budaya dalam pembinaan serta tamadun sebuah negara.

Soalan kaola, dalam menyuntik kesedaran mengenai pentingnya menjaga serta mengingati peninggalan sejarah dalam kalangan masyarakat tanpa mengira apa jua bentuknya, apakah program atau aktiviti-aktiviti yang telah 'diungkayahkan' oleh jabatan ini untuk meningkatkan kesedaran awam, mengingati peninggalan sejarah? kerana ia amat penting sebagai satu langkah ke arah masyarakat yang intelektual dengan identiti kebruneian.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mencadangkan iaitu sebagai wadah untuk mendidik bangsa iaitu dengan cara mendekati pelajar dengan Pusat Sejarah Brunei melalui

mata pelajaran sejarah iaitu dengan mengadakan sesi lawatan dan pembelajaran di Pusat Sejarah dan Muzium-Muzium iaitu kepada semua pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah kerana sewajarnya memberi impak yang besar dalam pembelajaran sejarah, memberikan keseronokan dalam pembelajaran sejarah dan tidak lagi melihat sejarah sebagai satu mata pelajaran yang statik, kaku dan membosankan.

Misalannya mengenai sejarah perhubungan dan pengangkutan awal dari Kuala Belait ke pekan Brunei boleh dilawat, membawa melawat ke Jeti Lama Danau dan Jeti Lama Kuala Tutong.

Jika ingin mengetahui sejarah keberangkatan dan tempat persemayaman Sultan-Sultan terdahulu boleh melihat Istana Manggalela Daerah Belait dan Istana Pantai, Daerah Tutong dan jika mahu tahu sistem pemerintahan Residen British di Brunei boleh melawat Bangunan Bubungan 12 dan banyak lagi. Semasa lawatan kaola di Pusat Sejarah didapati banyak manuskrip lama dan penerbitan buku-buku sejarah serta artifak yang perlu diketahui oleh pelajar.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Ramli bin Haji Lahit di atas persoalan dan juga cadangan ada 2, iaitu Seni Bela Diri *Shorinji Kempo* dan Pusat Sejarah.

1. Seni Bela Diri bantuan yang diberikan kepada persatuan-persatuan yang bernaung di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa pada tahun lepas bantuan kewangan yang telah pun diberikan kepada persatuan sukan kebangsaan berjumlah \$253,846,00.00 Persatuan-persatuan yang di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bolehlah memohon bantuan-bantuan kewangan khususnya dalam membuat ataupun *especially sport development* (pembangunan sukan) khususnya dari aspek pembangunan sukan.

Pada tahun ini, setiap persatuan-persatuan telah pun dimaklumkan untuk memohon bantuan kewangan berdasarkan kegiatan yang akan dilakukan bagi setiap tahun kewangan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* apa jua permohonan termasuklah daripada Persatuan *Kempo* akan kita lihat dan kita pertimbangkan. Apa yang kita hasratkan ialah persatuan-persatuan akan terus melaksanakan kegiatan yang menyasarkan kepada pembinaan sukan khususnya dari aspek latihan, dari aspek perlawanan, dari aspek aktiviti-aktiviti khususnya dalam meningkatkan lagi apa jua jenis-jenis sukan.

Dalam masa yang sama, bantuan juga diberikan kepada jurulatih-jurulatih ataupun memberikan perkhidmatan jurulatih dan kita, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** *Kempo* adalah salah satu persatuan yang telah pun diberikan khidmat jurulatih di bawah pembayaran daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan melihat, jika sekiranya ada rayuan bagi penyambungan perkhidmatan jurulatih kita menilai rayuan tersebut dengan sebaik-baiknya sepertimana yang diketengahkan oleh Yang Berhormat tadi.

2. Pusat Sejarah Brunei. Koala ingin mengongsikan sepertimana yang telah pun dikongsikan awal tadi bahawa **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**, kita melihat bahawa aktiviti-aktiviti ataupun untuk kitani program-program kesedaran hendaklah juga turut disasarkan kepada golongan belia terutama sekali kepada penuntut-penuntut.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ program-program yang melibatkan penuntut-penuntut memang dilaksanakan bersama dengan Pusat Sejarah Brunei bukan saja Pusat Sejarah Brunei akan tetapi kepada Muzium-Muzium dan galeri-galeri di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebagai misalan, kita mempunyai program perjalanan kebudayaan di bawah Pusat Sejarah Brunei, pertandingan akhir kuiz sejarah yang melibatkan sekolah-sekolah dengan penyertaannya pada tahun 2018 adalah sebanyak 28 buah sekolah

telah pun mengikuti Pertandingan Akhir Kuiz Sejarah Kali Ke-2.

Untuk program perjalanan kebudayaan sahaja, ianya telah pun melibatkan bukan sahaja sekolah di keempat-empat daerah telah pun terlibat dalam program perjalanan kebudayaan yang melibatkan program ini untuk kepentingan ditampilkan sejarah dan memartabatkan sejarah yang juga melibatkan kanak-kanak dan penuntut-penuntut.

Kitani juga telah pun berkolaborasi bersama Kementerian Pendidikan untuk menentukan bahawa Pusat Sejarah Brunei adalah destinasi bagi penuntut-penuntut untuk membuat lawatan-lawatan. Dalam masa yang sama juga, kita melihat Pusat Sejarah ini sepertimana yang kaola terangkan tadi ia memerlukan *outreach* dan perlu disebarluaskan.

Pusat Sejarah ini dan kitani akan menentukan penyebaran berkenaan galeri-galeri yang terdapat di Pusat Sejarah agar ia dapat dimanfaatkan, bukan saja dalam kalangan penuntut tetapi masyarakat kerana jumlah bilangan yang mengunjungi di Pusat Sejarah masih pada tahap yang rendah jika dibandingkan dengan *Royal Regalia* yang hampir 200 ribu orang dan di Pusat Sejarah Brunei hanya sebelah hanya 9 ribu orang.

Kita akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT) dan Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi yang lain untuk menentukan bahawa Pusat Sejarah adalah satu tempat yang perlu dilawati.

Ingin koala mengongsikan jua ialah penerbitan buku-buku yang dikeluarkan oleh Pusat Sejarah Brunei. Di sinilah peranan agensi-agensi dan institusi-institusi pendidikan untuk menentukan bahawa buku-buku ini berada di perpustakaan-perpustakaan agar ia dapat dijadikan sebagai bahan rujukan. Barangkali di sini perlulah ditekankan bagi apa jua penerbitan buku-buku sejarah turut masuk dalam perpustakaan-perpustakaan selain juga kitani juga memartabatkan pelajaran sejarah.

Itulah sahaja yang dapat kaola kongsikan. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada persoalan dan saranan.

- i. Kaola menyokong dan mencadangkan supaya ditubuhkan satu *website* yang mengumpulkan para belia di negara ini bagi bertukar-tukar pandangan dan

memberikan buah fikiran mengenai perkembangan negara, mengukuhkan jati diri dan perkembangan profesionalisme mereka. Interaksi melalui laman ini boleh dilakukan dalam bentuk *live* secara langsung atau dalam bentuk forum.

Website ini sewajarnya dipantau dari semasa ke semasa dan diberikan had-had ataupun peraturan oleh pihak yang berkenaan dan kewujudannya perlulah diberigakan pada para belia agar suara golongan belia lebih didengar secara telus dan langsung.

- ii. Penglibatan dalam bidang *NGO* bagi mengukuhkan dan mengekalkan penglibatan ahli-ahli badan *NGO* di negara ini yang dilihat semakin berkurangan dari semasa ke semasa bagi bahagian persatuan. Pihak-pihak yang berkenaan perlu melakukan kempen kesedaran mengenai kepentingannya dan seterusnya kaola mencadangkan agar ahli-ahli yang kekal bergiat aktif dalam masa yang panjang akan dapat diberikan suatu insentif yang tidak semestinya bentuk wang ringgit agar mereka lebih berkeinginan dan berminat untuk menceburi badan-badan *NGO* bagi sama-sama membangunkan negara dalam pelbagai bentuk termasuklah bidang sosial dan ekonomi.

iii. *Culture tourism* (pelancongan budaya). Kaola bercadang agar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan bersatu tenaga dan juga bersama-sama dengan agensi-agensi pelancongan di negara ini dalam meningkatkan dan memperkenalkan lagi budaya seperti bidang tarian, masakan dan makanan tradisi, bahasa dialek dan permainan yang melibatkan budaya orang kitani dalam menarik lagi para pelancong ke negara ini.

Jika dilakukan dengan tepat hasilnya akan menarik ramai pelawat dari luar negara yang cintakan budaya supaya lebih ramai berkunjung sehingga menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

iv. Yang terakhir, Hari Sukan Negara. Kaola mencadangkan agar diadakan satu hari yang dinamakan "Hari Sukan Negara Brunei" bagi memberikan semangat kepada para belia untuk bergiat aktif dalam bidang-bidang sukan yang tertentu. Di samping itu, terdapat sebilangan belia yang malu untuk bersukan di khalayak ramai namun berhasrat untuk melibatkan diri dalam bidang tersebut.

Dalam hal ini, pihak yang berkenaan perlu memberikan program tertentu atau menjalankan kempen kepada golongan belia yang berasa rendah diri secara psikologi agar *fitness* mereka makin meningkat. Slogan yang boleh menaikkan semangat kesukanan

belia perlu ditampal di tempat-tempat awam agar mesej sebegini sampai kepada para belia dengan lebih efektif.

Dengan *fitness* yang mantap para belia diharap akan lebih berstamina dan bersemangat untuk menjalankan tugas harian mereka dalam memajukan diri dan juga negara dalam pelbagai bidang.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Lebih dahulu kaola barangkali dalam catatan kaola ini sekiranya semua soalan itu tidak dapat dijawab kerana catatan ini ada 4 soalan:

1. Berkenaan dengan Laman Forum;
2. Penglibatan *NGO*;
3. *Cultural tourism*; dan
4. Hari Sukan Negara.

Barangkali kaola menjawab berkenaan dengan Laman Forum ini dahulu. Barangkali satu pandangan dan cadangan yang perlu diteliti bersama oleh pihak KKBS, tapi apa yang perlu saya kongsikan, kitani pun akan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada bulan Oktober ini sepertimana yang dinyatakan dalam mukadimah akan 'memberigakan' *YS-Net* iaitu satu laman yang boleh berinteraksi lebih kepada perkongsian maklumat antara KKBS bersama dengan persatuan-persatuan

sukan dan kesukarelawan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* ia akan beroperasi pada bulan Oktober.

Tapi, kaola ingin mengongsikan sahaja berkenaan dengan suara dan pemerksaan belia agar mereka akan dapat bertukar-tukar fikiran dan memberikan pandangan khususnya dari aspek perkembangan negara.

Kaola melihat bahawa sebenarnya perkara ini *بِاللَّحْمَدُ* 'we have to *acknowledge*' belia, peranan belia dalam memberikan bukan sahaja suara akan tetapi pandangan dan juga cadangan dalam forum-forum walaupun tanpa ada laman forum. Kitani melihat peningkatan belia-belia dan mereka sendiri 'mengungkayahkan' forum, woksyop dan sebagainya. Kitani melihat persatuan-persatuan ataupun kumpulan-kumpulan belia, kaola sendiri beberapa kali melihat forum-forum mencorak kepada memberikan pandangan ataupun suara ke arah perkembangan negara.

Kitani menyambut baik, kitani melihat dari aspek pembangunan negara ini dari aspek *climate change*, kemiskinan, *eradication of poverty* jadi kitani melihat suara-suara dan juga perkumpulan yang positif yang boleh memberikan nilai tambah pandangan ini kepada pembangunan negara.

Sebagai misalan, kitani melihat bila kitani bercakap mengenai *fourth industrial revolution* dalam satu forum kitani melihat kepentingan *reskilling, long life learning, technology* yang boleh mencorak kepada *fourth industrial*

revolution dan keperluan bagi belia untuk melihat ke hadapan.

Bila kitani melihat mengenai *poverties*, bagaimana cara untuk menentukan bagi kitani di Negara Brunei Darussalam untuk melihat keluar daripada ataupun meningkatkan mandiri, keusahawanan atau keluar daripada kekelutan kemiskinan dan baru-baru ini dalam dasar belia, kitani melihat penglibatan belia dalam mencorak dasar belia dan mereka memberikan suara dan pandangan.

Jadi, *بِاللَّحْمَدُ* kaola hendak memberikan atuloh kepada para belia bergerak sama dalam mencorak pembangunan negara ini. Jadi, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dari aspek lama, laman forum ini kitani akan teliti sepertimana yang telah pun itu penelitian perlulah dilihat secara holistik.

Dari aspek *NGO*, barangkali saya pergi kepada pelancongan budaya barangkali satu cadangan kitani hendaklah terus meningkatkan dari aspek *cultural tourism* ini kitani menyambut baik apa usaha yang dibuat oleh *MPRT* seperti *December Festival* yang mana terus dalam masa *December Festival* ini antara lain adalah terus mempertingkatkan aktiviti atau pun kitani menonjolkan budaya termasuk dari masakan dan sebagainya.

Jadi, ini adalah satu usaha barangkali apa yang penting '*is a whole of government and whole of nation approach*' dalam kitani meningkatkan *cultural tourism* ini kitani akan terus bersatu bersama

dengan *MPRT* dan juga agensi-agensi pelancongan di negara ini dalam meningkatkan dan memperkenalkan lagi budaya seperti bidang tarian, masakan dan makanan tradisi.

Barangkali kaola mengongsikan sahaja nanti di Galeri Seni, kitani akan menentukan ada satu ruang. Satu ruang itu untuk kitani memperkenalkan budaya-budaya kitani dengan menonjolkan persembahan, pertunjukan budaya dan budaya tarian dan seni silat dan sebagainya dalam satu ruang nanti di Galeri Seni yang akan siap di Tahun 2020. Jadi, kitani menyambut baik dan kami akan sentiasa bekerjasama dengan pihak *MPRT* dan agensi-agensi pelancongan.

Hari Sukan Negara, barangkali dari aspek Hari Sukan Negara ini. Kaola ingin mengongsikan sebenarnya hari sukan negara ini dilihat dari aspek sukan kemasyarakatan. Kitani melihat bahawa kitani mempunyai *platform* dari aspek sukan kemasyarakatan ini kitani melihat SKBD adalah satu *platform* yang amat baik dan telah pun banyak kitani berjaya laksanakan pada tahun lepas. Sebanyak 31 sukan telah pun dipertandingkan dengan jumlah penyertaan 3000 orang atlet di seluruh daerah. Kitani melihat juga sukan riadah berbasikal, sukan kemasyarakatan ini makin bertambah daripada masa ke semasa kerana kitani mementingkan sukan kemasyarakatan ini mempunyai kepentingan yang amat tinggi untuk mengukuhkan kekeluargaan, hidup gaya sihat dan sebagainya.

Jadi, kalau kita lihat lagi Hari Sukan Negara perkara ini perlulah diteliti dengan baiknya agar tidak terlampau banyak. Kitani ada sudah banyak sukan kemasyarakatan jadi kitani perlulah menilai dan meneliti dengan sebaiknya. Tapi apa pun matlamat kitani semuanya adalah sama untuk menentukan kekeluargaan, kesihatan dan juga penonjolan dan sebagainya.

Perkara ini akan dilihat dengan sebaik-baiknya akan tetapi **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** syukur kitani mempunyai pelbagai *platform* dalam menyatukan sukan kemasyarakatan. Barangkali dengan *NGO*, penglibatan dengan *NGO*. Sepertimana yang kaola mengetengahkan dalam soalan bernotis barangkali kitani melihat penglibatan *NGO* ini amat ketara khususnya dari aspek kesukarelawan sepertimana yang telah pun diketengahkan tadi.

Dalam tahun lepas sahaja, ini bukanlah jumlah yang sebetulnya. Kitani melihat jumlah *NGOs* ini lebih kurang 6,500 dan telah pun membuat aktiviti lebih kurang 300 aktiviti akan tetapi ini bukanlah jumlah yang sebenarnya. Ini hanya dilaporkan kepada KKBS dan kitani percaya ia mempunyai jumlah yang begitu tinggi.

Apa yang positif ialah *NGOs* ini bukan sahaja dalam kalangan belia tetapi pelbagai umur, pelbagai golongan masyarakat. Jadi, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** kesedaran mengenai *NGOs*, penglibatan kesukarelawan dan sebagainya semakin kukuh. Saya melihat ia semakin kukuh, akan tetapi saya mengongsikan

pandangan yang sama bersama Yang Berhormat ada sebahagian *NGOs* ini makin menghilang. Ini yang perlu dilihat dan diteliti agar *NGOs* ini akan sentiasa berada dan mengukuhkan *NGOs* ini akan sentiasa kukuh.

Perkara ini akan dilihat dengan sebaik-baiknya. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kita telah pun membuat perjumpaan bersama dengan *NGOs* termasuklah ketua-ketua belia di peringkat MPK dan kitani mahu membawa mereka bersama untuk masuk dalam persatuan ataupun dalam aspek kesukarelawanan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan diteliti dan matlamat kita *because* kitani melihat bahawa *NGOs* adalah *strategic partners* yang perlu kita berhubung rapat dan bekerjasama pada setiap masa. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** peruntukan-peruntukan dalam memperkasa *NGOs* dan dalam masa yang sama untuk memberikan impak yang tinggi telah pun dipertingkatkan khusus pada *NGOs* ataupun pada pertubuhan-pertubuhan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 4 soalan mungkin satu ini agak panjang sedikit.

1. Pada pengamatan kaola sejauh ini ada 2 jenis acara seni budaya dan sastera yang orang-orang kitani, para aktivis seni budaya dan sasterawan serta penulis diundang menghadirinya di luar negeri. Memandangkan pada masa ini keadaan kehadiran mereka itu keluar negeri dengan urusan sendiri, atas kapasiti sendiri, perbelanjaan sendiri dan inisiatif sendiri. Mereka itu mengadakan kontak hubungan dengan pihak luar itu.

Kaola mencadangkan supaya semua urusan bagi menghadiri acara-acara seni budaya dan sastera di luar negeri yang orang kitani diundang, *dicentralised* ataupun dipusatkan melalui jabatan di bawah KKBS dan pihak kementerian supaya individu ataupun kumpulan itu dapat diberikan bantuan selayaknya. Kaola mencadangkan jika belum ada peruntukan mengenai perkara itu, supaya dapat dipertimbangkan peruntutannya. Peruntukan yang diperlukan termasuklah peruntukan dari segi tambang perjalanan, penginapan dan juga ada sebahagiannya mereka ini dijemput sebagai permakalah dan lain-lain.

Yang kaola ingin timbulkan, jika mereka ini pergi bersendirian, atas kapasiti persendirian dan juga dengan perbelanjaan persendirian, mereka mungkin akan menghadapi apa-apa kesulitan semasa di luar negeri. Sejauh pengamatan kaola dan pengalaman menghadiri beberapa acara itu, walaupun kitani

pergi bersendirian secara kapasiti sendiri bila tiba di sana pihak penganjur dengan sendirinya secara automatik akan mengumumkan kitani itu sebagai wakil negara kitani, membawa bendera dan juga imej Brunei. Yang kitani khawatirkan dan bimbangkan, jika yang baik-baik 'ulah' kitani dapat sanjungan.

Tapi, jika sekiranya ada perkara-perkara atau kejadian-kejadian yang sebaliknya negatif yang terjadi kepada kitani, ataupun kitani tersilap apa-apa kenyataan di luar negeri sedangkan kitani membawa nama baik negara kitani. Kitani juga akan menanggung jika sekiranya perkara ini dipusatkan urusannya melalui kementerian;

2. Kaola mendapat tahu ada peruntukan khas dan *grant* yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi yang boleh diberikan kepada persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan tertentu. Kaola ingin tahu apakah *grant* ini telah berjaya diberikan kepada badan-badan selain daripada kesukanan seperti kesenian, kebudayaan dan kesusasteraan.

Sejauhmana penggunaannya, adakah ia habis bajet ataupun masih belum lagi dipergunakan. Kemungkinannya ada badan-badan yang tidak tahu adanya peruntukan ini. Jika sekiranya telahan kaola itu betul, perlulah pihak kementerian 'memberigakannya' kepada pihak

badan-badan ini supaya mereka tahu. Apakah syarat yang diperlukan selain kertas kerja yang perlu disediakan dan sebagainya bagi mendapatkan *grant* itu.

3. Jika kaola tidak silap, pendengaran kaola tadi, dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, ada disebutkan tadi Akta Bahasa Melayu iaitu yang telah selama ini kitani tunggu-tunggu, telah diluluskan. Jika benarlah pendengaran kaola itu, harap dengan adanya akta ini nanti, Bahasa Melayu akan dapat dimartabatkan dan diperkasakan lagi dengan kukuh lagi dan akan dapat menangani lagi masalah-masalah yang selama ini kitani alami iaitu ada sebahagian sektor masyarakat kitani memandang endah tak endah kedudukan Bahasa Melayu ini, dengan masih juga mengamalkan ataupun menganggap Bahasa Melayu itu bukan bahasa yang penting sedangkan ia telah dikanunkan dalam Perlembagaan sebagai bahasa rasmi negara. Dalam hubungan ini kaola juga mengharap ada peruntukan-peruntukan bagi menjaganya....

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Saya kira perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi di negara kitani. Jadi, kalau ia sudah termaktub dalam perlembagaan seperti juga agama Islam. Saya kira perkara itu tidak timbul lagi. Tidak timbul untuk membuat undang-undang yang lain. Kalau dilihat

perlembagaan kitani adalah undang-undang yang tertinggi. Jadi perkara ini, barangkali berulang-ulang.

Ahli Yang Berhormat barangkali di sebelah sini mungkin boleh menjawab, tapi saya hanya untuk memberikan pandangan bahawa Perlembagaan ialah undang-undang yang tertinggi dan Bahasa Melayu ditempatkan dalam Perlembagaan kitani, termaktub dalam Perlembagaan kitani.

Bahasa Melayu juga digunakan dalam kitani bercakap dalam Dewan ini, Dewan yang tertinggi, yang membuat dalam undang-undang di negara kitani.

Jadinya, tidak ada kewahaman bahawa Bahasa Melayu itu dianaktirikan di negara kitani sendiri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Kaola mengambil maklum Yang Berhormat Pengerusi dan kaola minta pencerahan nanti daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ditakuti kaola yang salah dengar tadi.

Seterusnya, ada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga menyebut mengenai Galeri Seni yang akan dibuka rasmi pada tahun 2020. Kaola harap dengan adanya galeri itu nanti ia akan merupakan galeri yang sempurna yang mencakupi semua bidang seni. Di samping juga menyediakan kemudahan-kemudahan untuk umum

dan pelawat seperti kemudahan surau, kafe dan sebagainya.

Kaola percaya jawatankuasa itu nanti akan dapat menjadikan ia satu tarikan pelancongan yang lebih baik dengan semua kemudahan yang tertentu bagi semua masyarakat golongan muda, belia dan orang kampung dan sebagainya. Demikian, yang dapat kaola soalkan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Kaola melihat ada 4 soalan:

1. Mengenai penghantaran ataupun ikut serta keluar negeri;
2. Peruntukan ataupun *grant*;
3. Akta Bahasa Melayu; dan
4. Galeri Seni.

Kaola akan menjawab soalan yang Ke-3 barangkali dahulu berkenaan dengan Akta Bahasa Melayu. Sepertimana jua dalam mukadimah kaola mengetengahkan. Kedua adalah meneliti semula keperluan Perintah Bahasa Melayu bagi penubuhan satu Lembaga Bahasa yang mematlamat untuk memelihara dan memartabatkan Bahasa Melayu.

Ia adalah penelitian, bukannya barang yang untuk diteliti bagi penubuhan satu Lembaga Bahasa yang bermatlamat untuk memelihara dan memartabatkan Bahasa Melayu. Itu yang diketengahkan tadi, bukan sepertimana kefahaman yang dikongsikan sebentar tadi. Barangkali, kaola huraikan apa yang telah pun diketengahkan dalam mukadimah.

Mengenai Galeri Seni, soalan Ke-4. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa dalam kita melihat pada pengubahsuaian dan penaiktarafan galeri seni. Beberapa *stakeholders* telah pun dibawa untuk berbincang. Antaranya memanglah, daripada pihak JKR, sebagai arkitek dan sebagainya, akan tetapi juga kita membawa sama dengan Persatuan Fotografi Brunei dan juga Persatuan *Arts Forum* dan sebagainya, agar mereka dapat memberikan perkongsian dan juga termasuk juga belia yang berkarya. Kita membawa mereka bersama untuk membincangkan agar *input* ini adalah secara menyeluruh.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sepertimana yang telah pun dicadangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi bahawa ia akan terus meliputi bukan sahaja Galeri Seni dan galeri ini juga akan turut memuatkan juga *in terms of technology, creative technology* akan dapat mempamerkan dari aspek *creative technology*.

Dalam masa yang sama juga, salah satu tempat ini akan ditempatkan satu kafe yang juga yang akan membudayakan, mempamerkan budaya kita. Dalam kafe tersebut itu juga akan menonjolkan pameran ataupun budaya dan

sebagainya dan juga penjualan Satu Kampung Satu Produk dan sebagainya. Inilah yang dihasratkan dalam kafe tersebut nanti. Ia akan dilihat secara menyeluruh dan kita mesti tidak lupa apa jua pembangunan yang dilaksanakan hendaklah OKU *friendly*. Ini pun dibincangkan *green friendly* dan sebagainya.

اِنْ شَاءَ اللّٰهُ Galeri Seni dengan mengambil *input* daripada kesemua pihak ia akan dihasratkan mencapai matlamat, khususnya matlamat kita adalah untuk menjadikan kita semua sebagai galeri seni yang dapat diguna oleh para penggiat seni.

Perkara yang pertama, soalan mengenai undangan. Kaola ingin mengongsikan, apa jua sebarang undangan untuk menghadiri program dan projek luar negara, ia diterima melalui *channel diplomatic ASEAN* dan pertubuhan antarabangsa memang *dicentralize* oleh KKBS dan pada dasarnya akan dibiayai oleh kementerian dan jabatan.

Cadangan Yang Berhormat, KKBS bersetuju agar ia disalurkan melalui KKBS. Walau bagaimanapun, projek-projek untuk diikuti serta ini hendaklah lebih dahulu diteliti dan dirujuk kesesuaiannya dan ini juga tertakluk kepada keperluan dan impak kepada penyertaan negara.

Kementerian ini juga menyalurkan kewangan dalam bentuk *grant* ataupun subsidi bagi menghadiri jempunan antarabangsa. KKBS juga pada masa yang sama turut memberikan galakan

dan sokongan kepada persatuan dan pengiat-pengiat seni untuk memberikan pendedahan serta mempromosi hasil karya seni di luar negara selaku wakil negara.

Dalam memastikan penyertaan negara tidak akan menjejaskan nama baik negara. Kementerian ini sukacita memaklumkan kepada para pengiat seni budaya, sukan dan kebudayaan untuk memaklumkan kepada kementerian agar penyertaan mereka dalam kegiatan di peringkat antarabangsa dapat memastikan penyertaan mereka dapat dipastikan dan disahkan kesahihannya.

Memang kita membantu dan kita telah membantu pelbagai persatuan termasuk Asterawani dan juga persatuan yang dari aspek sejarah dan sebagainya dan kita mempunyai *grant* yang tertentu untuk membantu kepada persatuan apabila berada di luar negara khususnya, dalam mendukung dari aspek kebudayaan, sejarah dan sebagainya. Mungkin soalan yang kedua, Yang Berhormat Pengerusi, izinkan kaola untuk menjawabnya kemudian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dahulu, kita membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan ini. Maka, saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini bagi kita untuk bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)
(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: **أهلي-أهلي** Yang Berhormat. Saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. **إن شاء الله** kita akan bersidang semula pada esok hari, iaitu hari Rabu, 20 Mac 2019 mulai pukul 9.00 pagi.

Sekian **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Rabu, 13 Rejab 1440/20 Mac 2019

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi**

Yang Dimulihkan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang kesembilan, Rabu, 13 Rejab 1440 bersamaan 20 Mac 2019 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ segala puji dan kesyukuran ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah, kurnia dan rahmat-Nya serta dengan keizinan-Nya jua, kita dapat lagi pada pagi ini, berkumpul bersama-sama untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ iaitu hari yang kesembilan. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita masih mempunyai perkara-perkara yang perlu kita selesaikan. Walau bagaimanapun, sebelum kita menyambung ke Perkara V, iaitu Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis, saya ingin memberikan laluan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri untuk membuat kenyataannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada hari Jumaat, 15 Mac 2019 yang lalu, dunia telah dikejutkan dengan berita pembunuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki yang menyerang dan menembak jemaah di Masjid Linwood dan Masjid Al-Noor, Christchurch, New Zealand semasa menunggu untuk menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat yang mengakibatkan lebih daripada 49 orang yang tidak berdosa terkorban.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menghantar perutusan takziah baginda kepada Puan Yang Terutama *The Right Honorable Jacinda Ardern*, Perdana Menteri New Zealand pada 15 Mac 2019, menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam bersama dengan masyarakat antarabangsa mengutuk sekuat-kuatnya dalam apa juga bentuk keganasan ke atas orang awam khususnya di tempat-tempat ibadat dan berdiri teguh bersama dengan rakyat dan kerajaan New Zealand pada saat-saat yang mencabar ini.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyampaikan ucapan takziah dan simpati amat mendalam kepada keluarga-keluarga mangsa yang terlibat dalam tragedi berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kita di Dewan yang mulia ini sama-sama merasa amat bersedih dan dukacita yang sangat mendalam atas tragedi ini. Sehubungan ini, kaola ingin mencadangkan satu Usul yang berbunyi:

“Majlis Mesyuarat Negara menjunjung tinggi titah perutusan takziah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas serangan ke atas Masjid Linwood dan Masjid Al-Noor, Christchurch mengakibatkan kehilangan nyawa orang-orang yang tidak berdosa. Majlis Mesyuarat Negara ingin menyampaikan simpati amat mendalam kepada keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi ini dan berdoa semoga اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى akan menempatkan mereka bersama para syuhada dan salihin. Kita penuh percaya pada usaha gigih Kerajaan New Zealand untuk memulihkan keadaan dan menyakinkan rakyat New Zealand khasnya umat Islam di sana untuk dapat menikmati keadaan yang aman, tenteram dan selamat.”

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar pernyataan yang merupakan satu 'Usul' Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai tragedi yang telah berlaku di Masjid Linwood dan Masjid Al-Noor, Christchurch, New Zealand yang telah mengakibatkan lebih daripada 40 orang warga umat Islam yang terkorban. Maka saya kira perkara ini sudah nyata dan jelas dan tidak perlu kita bahaskan.

Oleh yang demikian, saya minta untuk mengenang mangsa yang terkorban, saya minta Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk mengetuai kitani sama-sama bertafakur selama 2 minit dengan menyedekahkan Surah Al-Fatihah kepada roh yang terkorban.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: (Mengetuai Bacaan Surah Al-Fatihah).

الْفَاتِحَةُ

ثُمَّ إِلَىٰ خَضْرَاءِ إِخْوَانِهِ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَالْأَوْلِيَاءِ
وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَالصَّحَابَةَ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ
وَالْمُصَنِّفِينَ وَجَمِيعِ الْمَلَائِكَةِ الْمُقَرَّبِينَ الْفَاتِحَةُ
وَلِمَنِ اجْتَمَعْنَا هَهُنَا بِسَبَبِهِ وَخُصُوصًا

mangsa-mangsa keganasan yang berlaku di bandar Christchurch, New Zealand doa dan berkat syafaat Al-Fatihah yang kita bacakan didoakan semoga roh mereka di alam barzakh mendapat tempat yang selayaknya dalam kalangan orang-orang syahid *asy-syuhada hi wassalihin* dan menjadi orang-orang *qarabun fi jannati naim*.
الْفَاتِحَةُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
الرَّحِيمِ
إِيَّاكَ تَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ
أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ
الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ
الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang akan segera menyelesaikan Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Soalan No. 31 oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Ketidakhadiran Imam pada waktu sembahyang fardhu Subuh tidak boleh juga dipersalahkan kepada Imam semata-mata, tetapi perlu juga

dipertimbangkan kesukaran yang dihadapi oleh Imam yang sebahagian besar daripada mereka tinggal di kampung lain, menjadi Imam di kampung berjauhan dari rumah mereka.

Adalah disedari bahawa untuk mendapatkan seorang Imam di kampung berkenaan bukanlah mudah tambahan lagi tidak semua orang ingin bertugas sebagai Imam.

Lebih-lebih lagi tidak banyak dari orang muda yang berminat untuk menjadi Imam. Ketidakhadiran Imam pada waktu sembahyang fardu Subuh ini boleh menjejaskan bukan sahaja institusi-institusi Imam itu sendiri tetapi juga menjejaskan nama baik Kementerian Hal Ehwal Ugama. Soalan kaola:

1. Adakah kerajaan bercadang untuk membina rumah-rumah bagi menempatkan Imam khususnya di masjid-masjid yang bermasalah?; dan
2. Bolehkah dilantik Imam sandaran bagi mengatasi secara sementara kekurangan Imam sebagaimana yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dengan menyediakan peruntukan dalam perbelanjaan tahunan?

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz

Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal yang mengajukan soalan berhubung dengan ketidakhadiran Imam, kesulitan mereka kerana tinggal jauh terutama sekali untuk datang pada waktu sembahyang fardhu Subuh.

Seterusnya Yang Berhormat, ingin tahu, adakah perancangan untuk menempatkan imam-imam di masjid ini diadakan perumahannya untuk mendapatkan perumahannya dan sebagainya?

Jadi, untuk menjawabnya mengenai perkara ini kaola pertama sekali, menyebutkan mengenai perumahan. Pegawai dan pekerja masjid di kawasan masjid perumahannya belumlah kementerian melihatnya sebagai suatu yang akan dibuat dalam jangka pendek ini, bahkan ia tidak dikira dengan adanya rumah dalam kawasan masjid ataupun dekat dengan masjid boleh menjamin atau mengatasi masalah ketidakhadiran, khususnya bertugas pada waktu subuh.

Masalahnya, ialah rasa tanggungjawab kalangan mereka untuk melaksanakan tugas jawatan mereka sebagai pegawai masjid ataupun orang-orang yang diamanahkan untuk berkhidmat di masjid dan mereka bersetuju untuk berkhidmat di masjid.

Dalam hal ini, sebaiknya jika mereka menghadapi kesulitan untuk datang pada waktu subuh sama ada kerana jauh tempat tinggal, padahal pada masa ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid memberikan keutamaan untuk menempatkan mereka itu tidak jauh dari masjid mereka

bertugas, walaupun tidak sekampung maka di kampung yang berdekatan. Yang penting, rasa tanggungjawab untuk menjalankan tugas pada waktu-waktu mereka ditugaskan, diamanahkan oleh jabatan mereka.

Umpamanya, pada waktu Subuh ini mereka menghadapi kesulitan dan tidak ada rumah berdekatan bukan alasan tetapi mereka boleh tidur di masjid. Kemudahan-kemudahan untuk tidur dan mandi di masjid pada masa ini disediakan.

Kecuali imam-imam yang ditugaskan di masjid-masjid pedalaman yang sukar didapatkan rumah untuk disewa ataupun rumah yang bersesuaian untuk mereka tinggal. Mungkin, pada masa hadapan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan melihat keutamaan untuk mendirikan rumah di pedalaman.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Mohon maaf Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Berhubung soalan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal bolehkah atau tidak melantik Imam Sandaran bagi mengatasi secara sementara kekurangan Imam dengan menyediakan peruntukan dalam perbelanjaan tahunan seperti yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi guru-guru sandaran. Pada masa ini, Yang Berhormat Pehin memang ada lantikan sementara untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Imam.

Bukanlah mereka itu dilantik sebagai Imam Sandaran sebagaimana yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Hal Ehwal Ugama kepada guru-guru yang diperlukan untuk bertugas memenuhi kekurangan tenaga pengajar yang diberikan peruntukan khusus dan kadar-kadar bayaran kepada mereka dan juga mengikut sukat-sukat yang khusus. Tetapi, bagi mereka yang dilantik untuk menjadi Imam sementara itu, mereka dilantik setelah dipilih, diuji sesuai untuk bertugas sebagai pegawai masjid terutama sekali bacaan-bacaan sembahyang dan suka duka orang ramai untuk memimpin bacaan tahlil dan penyempurnaan jenazah. Maka, mereka itu akan dilantik dan diambil bekerja cuma kadar elaun jika mereka diberikan elaun bagi Imam \$20.00 sehari, jawatan Pemangku Bilal \$10.00 sehari. Kadar ini, mungkin akan dipertimbangkan pada masa akan datang.

Mereka ini dilantik adalah dalam kalangan graduan-graduan yang mencari pekerjaan, anak-anak tempatan yang juga lepasan luar negeri bukan sahaja ijazah bahkan juga di peringkat diploma yang bersesuaian dan berkecenderungan untuk berkhidmat sebagai Imam ataupun Bilal sebagai pelapis.

Bagi sesebuah masjid yang mempunyai kemampuan, mereka membelanjai sendiri dan kadar tersebut mengikut kadar yang ditetapkan dan mungkin lebih sesuai dengan keadaan kewangan dikutip oleh masjid berkenaan.

Kalau tidak silap, kaola membaca soalan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal itu ada juga menyebutkan kecurian tabung-tabung masjid walaupun Yang Berhormat tadi tidak menyebutkan dalam kertas soalan yang diberikan.

Kaola, ingin menyentuh sedikit mengenainya. Perkara ini memanglah sangat mendukacitakan. Walaupun dari segi angka bilangan kejadian-kejadian itu, tidaklah sebegitu banyak dan dari segi jumlah kehilangan wang tidaklah sebegitu banyak, namun, kitani janganlah melihat pada angka dan jumlahnya. Kitani mestilah melihat perkara ini dari segi *nature*, perbuatan ini tidaklah selayaknya kerana ia adalah satu pencemaran kepada rumah ibadah.

Oleh itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah juga bertindak dengan sedaya upaya, umpamanya apabila sahaja jemaah masjid selesai selepas Sembahyang Isyak dan bersurai maka, Imam yang termasuk dalam tugas dan aturan kerja mereka untuk menjaga keselamatan bangunan masjid dan sebagainya, mereka akan mengunci pagar masjid tersebut.

Ada juga ditimbulkan di sesebuah masjid mengenai laluan jalan raya, jika pagar sudah berkunci ada orang yang akan singgah sembahyang, beriktikaf dan sebagainya di tengah malam juga menjadi *complaint*. Untuk mengatasi perkara ini, dari dimasuki dan kecurian maka diusahakan untuk menutup pagar dan sesebuah masjid yang mempunyai kemampuan, ada yang mengambil penjaga malam dalam

kalangan anak-anak kampung mereka terutama sekali yang memerlukan pekerjaan dan ini suatu perkara yang baik.

CCTV juga dipasang yang dibelanjai oleh kerajaan bagi sesebuah masjid untuk memudahkan mereka itu mengenal pasti pencuri yang memasuki masjid. Ada juga bagi sesebuah masjid, orang ramai atau perseorangan yang menderma atau mewakafkan *CCTV* demi sama-sama untuk mengatasinya.

إِنْ شَاءَ اللهُ, mudah-mudahan usaha kitani dan yang penting sekali adalah niat setiap yang kitani buat di dalam masjid itu untuk melakukan yang terbaik bagi masjid, maka mudah-mudahan kejadian kecurian ini tidak akan berterusan.

Untuk makluman bersama, pada tahun 2017 cuma ada 11 kejadian yang terjadi di 11 buah masjid dan pada tahun 2018 menurun sedikit, hanya 9 buah masjid.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimulikan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No.32 daripada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan selamat sejahtera.

Kaola akan mengajukan satu soalan

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai masjid mesra Orang Kurang Upaya (OKU).

Bagi menjadikan masjid sebagai tempat beribadat yang boleh dikunjungi oleh semua golongan masyarakat, adalah perlu untuk melestarikan masjid sebagai mesra Orang Kurang Upaya (OKU). Dalam kata lain, semua kemudahan, jika ada, disediakan hendaklah dapat diguna pakai dengan selesa oleh golongan berkenaan, apatah lagi jika mereka datang sendiri dan berseorangan. Perkara ini penting bagi golongan berkenaan datang ke masjid untuk beribadat dan menghadiri majlis atau aktiviti masjid.

Keperluan dan kemudahan khusus golongan berkenaan hendaklah disediakan sebagai mengambil kira konsep 100% mesra OKU seperti:

1. Kemudahan letak kenderaan;
2. Laluan naik dan turun ke kawasan dalam masjid;
3. Ruang berwudhu dan beribadat; dan
4. Kemudahan komunikasi bahasa isyarat untuk OKU iaitu untuk khutbah Jumaat.

Soalan kaola:

- i. Apakah Kementerian Hal Ehwal Ugama menyedari akan perkara ini?; dan
- ii. Jika ya, apakah usaha dan perancangan bagi menyediakan kemudahan berkenaan di bangunan masjid yang baharu dan yang lama (yang sedia ada di Negara Brunei Darussalam)?

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung sebentar tadi yang bertanya:

Apakah Kementerian Hal Ehwal Ugama menyedari akan perkara 'mengelintai' Orang Kurang Upaya (OKU) di masjid bagi kemudahan mereka, kemudahan letak kenderaan, laluan naik dan turun di kawasan dalam dan luar masjid, ruang berwudhu dan beribadat serta kemudahan berkomunikasi bahasa isyarat untuk OKU semasa khutbah Jumaat?.

Apakah kementerian menyedari hal ini? Jawabannya, 'Ya' Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sudah tentu Kementerian Hal Ehwal Ugama menyedari akan hal ini. Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekalipun diketahui oleh setengah-setengah jemaah dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa ada masjid yang sudah menyediakan kemudahan khas

bagi OKU ini di beberapa daerah dan projek-projek baharu mengambil kira perkara ini.

Kalau masjid-masjid lama, diadakan ubahsuai dan sebagainya. Bagi masjid yang lama, kemudahan mesra OKU itu akan kita usahakan sama ada melalui peruntukan kerajaan atau juga akan kita usahakan bersama dengan jemaah-jemaah iaitu melalui sumbangan daripada mereka yang memang ingin beramal kepada masjid masing-masing. Tinggal lagi, bagaimana menggerakkan perkara ini melalui Jemaah Takmir Masjid?

Kalau kaola dapat menyebutkan, setakat pada masa ini, di masjid-masjid bagi kemudahan OKU seperti kerusi roda iaitu terdapat 26 buah di masjid Daerah Brunei Muara, 4 buah di Daerah Tutong, 2 buah di Daerah Belait dan 1 buah di Daerah Temburong. Itu bagi kemudahan kerusi roda untuk turun naik.

Sementara kemudahan tandas OKU pula, terdapat sebanyak 10 buah di masjid Daerah Brunei Muara, 1 buah di Daerah Tutong, tetapi tidak ada kemudahan tersebut di masjid-masjid Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Kemudahan tempat letak kereta, cuma terdapat ada dua buah masjid sahaja di Daerah Brunei Muara, sementara masjid-masjid di daerah lain tidak ada disediakan. Jadi, nampak benar keperluan itu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan sudah tentu ia disadari. Tinggal lagi, kitani menggerakkan kesedaran ini untuk mengatasinya akan

dilihat oleh kementerian. Jadi, angka yang ditunjukkan ini terlalu sedikit benar daripada jumlah peratusan masjid.

Sementara, bagi keperluan berkomunikasi bagi OKU semasa khutbah Jumaat, ini bolehlah kitani fikirkan bersama. Pada masa ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid untuk melihat penggunaan skrin bagi menyiarkan ringkasan khutbah. Jadi, kalau skrin ini diadakan dan ia dibaca oleh jemaah termasuk jemaah OKU yang kurang pendengaran atau tidak, biarlah perkara ini akan dilihat dari segi keperluan keutamaan untuk mengadakan skrin lebih dahulu.

Misalannya, akan mengadakan orang yang menggunakan bahasa isyarat, biarpun kitani sedang bersembahyang atau berjemaah ada orang sedemikian, kita akan atasi perkara yang sedemikian.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Saya juga ingin menambah sedikit bahawa harus diingat bahawa *resources* kita adalah kecil dan kurang kemungkinan bagi kitani mengadakan secara sekaligus keperluan-keperluan yang sedemikian itu. Ia tertaklukkan ada keperluan tersebut ataupun sebaliknya.

Kita melihat bahawa di tempat-tempat awam, pada misalannya, terdapat beberapa kemudahan-kemudahan

seperti *parking space* yang saya kira ada *parking space* itu tidak digunakan oleh OKU ini. Kemungkinan, barangkali 'bisdia' tidak berjalan ataupun tidak mempunyai kereta untuk diletakkan di *parking space* yang disediakan berkenaan.

Walau bagaimanapun, kitani bersedia bagi perkara ini untuk disediakan dan saya kira bukan satu keperluan tetapi ia sangat menjolok mata orang yang berpusu-pusu ke sana ke mari untuk mencari *parking space*, sedangkan ada dua tiga yang disediakan yang tidak digunakan.

Itulah keadaan kitani. Janganlah kita *imagine, just because* orang sebelah-menyebelah rumah kitani ada perkara itu, kitani mesti jua ada. Kitani harus menilai keadaan kitani sendiri bahawa kitani memerlukan ia, 'nah' kitani buatlah seperlunya.

Terima kasih. Silakan.

Yang Dimuliakan Jurutulis:

Seterusnya Soalan No. 34, daripada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola, dengan ini sukacita menarik balik soalan mengenai belia masjid ini yang telah pun dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan mukadimah

belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sekian, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan seterusnya iaitu Soalan Jawab Mulut No. 34 daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam sesi muzakarah 2018 antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, beberapa cabaran kritikal untuk mengiktirafkan Pensijilan Halal Brunei di negara-negara jiran seperti *MABIMS* dan di rantau *ASEAN* dan *APEC* telah ditimbulkan. Kaola ingin bertanya:

1. Adakah strategi kementerian bagi mencarumkan *whole of nation approach* yang dapat dikongsikan dan hala tuju untuk menangani cabaran-cabaran tersebut?; dan
2. Adakah cabaran-cabaran ini memerlukan pertolongan tambahan dari semua pihak dan sektor tertentu untuk mempercepatkan pengiktirafkan pensijilan dari Negara Brunei Darussalam?;

Ini adalah bagi mendukung hasrat negara menuju kepada keahlian perundingan *ARCEP* dan juga *CPTPP* di peringkat antarabangsa.

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Kaola lebih dahulu ingin menjelaskan, bahawa kementerian juga sedia bekerjasama dan mengalu-alukan sebarang hasrat baik dari pihak-pihak luar negeri mahu pun dalam negeri yang berminat untuk mengguna pakai Pensijilan Halal negara kita. Di luar negeri, kita sambil itu juga mengambil kira pengiktirafan pihak-pihak di luar negara ke atas Sijil Halal di negara kita bagi menyokong apa yang kita katakan sekarang ini, sebagai menyokong ekonomi dari segi eksport produk-produk negara ke luar negeri.

Cabarannya, ialah sama ada pihak-pihak di luar negeri itu untuk menggunakannya dari segi aspek, misalannya mereka ingin mengguna pakai sijil kita, mereka mempunyai keyakinan bahawa produk-produk mereka, apabila memakai Sijil Halal kita, ada semacam prestij kerana yang tag sijil kita itu sangat baik Namanya, sangat baik dalam kalangan antarabangsa yang mengambil kira produk dan halal makanan.

Jadi, kalau mereka berminat untuk menggunakannya, maka mereka mestilah lebih dahulu menerima *standard* halal kita. Untuk produk dan barangan yang akan mereka keluarkan bagi memakai Sijil Halal kita, mereka mestilah bersedia menerima *standard* halal kita. Kita tidak mahu tiba-tiba nama dan sijil kita digunakan tetapi didapati tidak menepati *standard* halal yang kita tetapkan.

Setakat ini, walaupun sudah ada beberapa pihak secara *formal* dan *non-formal* secara saluran persendirian, datang dan meninjau, kemungkinan kita dapat membenarkan mereka mengguna pakai Sijil Halal kita itu bagi produk-produk mereka.

Kepada mereka ini keseluruhannya, kita telah menyatakan, mengalu-alukan sambil menyatakan persyaratan yang mereka mestilah patuhi. Kita berharap selepas memahami persyaratan itu akan ada susulan dari pihak mereka, dan sambil itu kita sendiri juga berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan ke atas Sijil Halal negara kita itu di luar negara bagi kepentingan eksport produk negara kita, secara meluas.

Itulah cabaran yang boleh kita lihat. Kaola percaya Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii sangat berminat mengenai perkara ini untuk kita dapat mengatasinya.

Jadi, untuk menghadapi cabaran ini, setakat negara-negara jiran dalam kerjasama bidang keagamaan iaitu *MABIMS* (Malaysia, Brunei, Indonesia

dan Singapura) telah ada kesepakatan untuk saling mengiktiraf Sijil Halal masing-masing antara negara dan "Rang Memorandum" juga sudah siap disediakan dibuat tinggal lagi menunggu untuk ditandatangani.

Kementerian menyedari faedah dan keuntungan yang dapat diraih dari segi ekonomi daripada kerjasama pengiktirafan Pensijilan Halal antarabangsa negara kita ini. Tentu sahaja, kita tidak mahu terlepas peluang yang baik dan kementerian tidak mahu dilihat tidak menyumbang kepada kemajuan ekonomi.

Bahkan, kementerian sebenarnya sudah menjadi salah satu pihak *champion* dalam Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business*, yang antara aspeknya ialah memudah cara perkara-perkara yang melibatkan perniagaan Pensijilan Halal dan *Trading Across Border*.

Dengan cara dan semangat yang ada ini untuk menyumbang kepada ekonomi negara, **بِسْمِ اللَّهِ** kementerian akan sentiasa sedia bekerjasama dengan semua pihak yang berkepentingan dalam kerajaan dan di luar kerajaan di dalam negeri dan di luar negeri khususnya dalam aspek pengiktirafan Pensijilan Halal negara kita di luar negara.

Mudah-mudahan semangat dan pemikiran yang ada daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii seperti ini akan dapat berkembang dan dapat membantu bukan semata-mata kementerian membantu apa yang diajarkan ekonomi, kita yang mengambil

kesempatan daripada Pensijilan Halal dan Haram ini.

Sekian Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No.35, soalan yang terakhir bagi hari ini daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga ingin menghadapkan sedikit soalan yang akan ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Kaola ingin menanyakan mengenai Pertubuhan Majlis Jawatankuasa Bersekutu, Majlis Takmir Masjid, Belia Masjid Kebangsaan. Apakah ia boleh disatukan jua dalam Jawatankuasa Bersekutu nanti dengan Majlis Perundingan Kampung dan Mukim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam?

Kaola, sukacita untuk membacakan sedikit latar belakang mengenai soalan ini. Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Takmir Masjid dan Surau serta Jawatankuasa Belia di seluruh negara sangatlah dibanggakan. Ia dapat berperanan dalam memperkasakan kesatuan dan persatuan masyarakat Islam di negara ini bagi menuju ke arah hasrat kemajuan, perkembangan dan pembangunan serta kegemilangan Melayu Islam Beraja iaitu Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, kita janganlah berasa berpuas hati atas pencapaian yang dibuat pada masa ini. Kita harus mencari jalan untuk mengukuhkan dan memperkasakan lagi persatuan ini, supaya ia dapat mencapai hasrat kementerian sebagai wadah ke arah Wawasan Brunei 2035.

Perkara ini, kaola ingin bertanya adakah sudah ada Jawatankuasa Takmir Masjid dan Belia Masjid Peringkat Daerah dan juga Peringkat Kebangsaan bagi tujuan lebih memperkasakan menuju ke arah yang lebih mencemerlangkan lagi pencapaian kegemilangan Islam di negara ini yang sudah sedia wujud.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Soalannya jelas tadi, apakah sudah wujud Jawatankuasa Takmir Masjid dan Belia Masjid Peringkat Daerah dan juga Peringkat Kebangsaan? Jawapannya, bahawa diakui pada masa ini belum ada Jawatankuasa Takmir Masjid dan Belia di Peringkat Kebangsaan. Jadi, jawapannya ialah belum ada.

Bagaimanapun, ketiadaan jawatankuasa peringkat kebangsaan atau peringkat daerah itu tidak bermakna Jawatankuasa Takmir Masjid dan Belia Masjid itu kitani harapkan atau sifatkan menjadi pemangkin kegiatan masjid, tidak dapat

memperkasakan diri mereka dengan berbagai-bagai kegiatan sebagaimana yang terkandung dalam tujuan saranan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin tadi iaitu mahukan mereka lebih mencapai kecemerlangan Islam sesuai dengan kecemerlangan Islam di negara ini yang sudah sedia ada. Kita memang bertujuan untuk menjadikan Jawatankuasa Takmir Masjid/Jemaah Takmir Masjid dan Belia Masjid sebagai pemangkin kecemerlangan masjid.

Kita berharap dan berusaha menjadikannya sedemikian dengan sentiasa membimbing dalam rancangan dan kegiatan yang mendukung fungsi utama masjid sebagai rumah ibadat yang mesra jemaah dan peduli khalayaknya iaitu orang ramai khasnya dalam tadahan masjid berkenaan.

Di masjid dan dari masjid kita harapkan dan kerana itu kita galakan dan sebahagiannya kita rancangkan banyak kegiatan kebajikan, kegiatan keilmuan dan pendidikan.

Dalam hal ini, yang utamanya ialah kegiatan-kegiatan mereka itu bagi faedah orang ramai khasnya yang tinggal dalam tadahan masjid. Semuanya itu sebahagian besarnya digerakkan dan dikendalikan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid dan Belia Masjid sahaja. Sudah ada, kalau kita lihat mereka ini, belia masjid sahaja, bilangan mereka pada masa ini setakat penghujung tahun 2018 ada seramai 2,565 orang belia di 93 buah masjid seluruh negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, adalah hormat pandangan dalam pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin yang menginginkan supaya Jawatankuasa Takmir Masjid dan Belia Masjid diperkasakan untuk lebih cemerlang.

Yang Berhormat melihat caranya ialah dengan menjadikan kedua-duanya bersekutu di peringkat daerah dan di peringkat kebangsaan. Kalau kaola tidak silap, maksudnya itu ialah seperti pertubuhan kebangsaan.

Ini adalah suatu pandangan yang kaola anggap pandangan yang maju, yang boleh kita kongsi sama dengan melihat dan meyakini tentang potensi masa depan Jawatankuasa Takmir Masjid dan Belia Masjid menjadi sebahagian unsur penting dalam mengukuhkan lagi perpaduan kebangsaan bagi kesejahteraan rakyat dan keamanan negara secara berpanjangan.

Untuk itu, kita akan sama-sama melihat, menimbangkannya setelah menilai benar-benar ada keperluan untuk menjadikan belia masjid dan ahli takmir masjid dibersekutukan di peringkat daerah dan seterusnya sebagai sebuah pertubuhan kebangsaan.

Sama-samalah kita melihatnya, walaupun cadangan ini baik. Kalau sudah benar-benar ada keperluan dengan suasana yang bersesuaian, kita akan menimbangkannya, melihatnya semula.

Demikianlah dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis dan saya bercadang untuk berpindah balik kepada perbincangan kita, menyambung perbincangan kita mengenai Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 yang perlu kita luluskan.

Maka, bagi membolehkan kita meneliti dan membahaskan Rang Undang-Undang ini satu per satu di peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020.

Pada petang semalam, kita telah membahaskan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kita telah mendengar mukadimah ataupun pendahuluan yang telah dibuat oleh Yang

Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan beberapa soalan. Soalan-soalan itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sekarang, kita teruskan lagi perbincangan kita dan saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.**

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** di Negara Brunei Darussalam kita amat bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian, pemedulian dan menghargai akan kewujudan warga emas di negara ini.

Malahan jasa dan pengorbanan yang telah disumbangkan oleh warga emas terhadap pembangunan, keluarga, masyarakat dan negara memang tidak dapat dinafikan, atas sumbangan dan bakti merekalah lahirnya generasi berwawasan masa kini yang menjadi penerus kepada pembangunan, masyarakat, bangsa dan negara.

Pelbagai inisiatif, usaha dan program yang baik lagi murni telah pun

dikendalikan dan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku *lead agency* serta agensi-agensinya kerajaan dan bukan kerajaan lainnya termasuklah organisasi bukan kerajaan (*NGO*), badan-badan sukarelawan, masyarakat setempat dan orang ramai dalam sama-sama kita memeduli hal-ehwal golongan warga emas di negara ini selaras dengan Pelan Tindakan Isu Warga Emas yang telah disahkan melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS).

Soalan kaola, apakah perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam memastikan golongan warga emas di negara ini turut sama terlibat dan tidak ketinggalan dalam mengharungi cabaran Revolusi Industri 4.0? Sememangnya kepesatan pembangunan teknologi memberi kesan kepada kehidupan harian kita semua dan golongan warga emas boleh saja ketinggalan dalam era digital ini.

Dari itu, kaola ingin mencadangkan agar penekanan ke arah pengajaran dan pendidikan dalam bentuk pengetahuan dan kemahiran bidang teknologi juga dilaratkan dan diberikan kepada golongan warga emas agar mereka juga dapat turut berevolusi dan tidak statik dalam pendekatan tradisi.

Kaola ingin membawakan Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka. Kod Akaun 002-000 - Bahasa. Peranan Bahasa adalah sebagai wadah untuk membentuk jati diri bangsa dan alat memupuk semangat patriotisme. Bagi Negara Brunei Darussalam, Bahasa Melayu telah

dimartabatkan sebagai Bahasa Rasmi Negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Brunei tahun 1959 Bab 82(1) Pindaan 2004 yang menyatakan bahawa "Bahasa Rasmi Negara ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan huruf yang ditentukan oleh Undang-Undang Bertulis."

Ia juga menandakan tidak ada bahasa lain yang mengambil alih peranan bahasa Melayu dalam memahami secara menyeluruh konsep budaya dan minda bangsa Melayu. Tidak dinafikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi memainkan peranan signifikan dalam mewujudkan kesepaduan sosial. Bahasa Melayu memainkan peranan untuk mengikat jiwa dan minda rakyat. Sesungguhnya Bahasa Melayu ialah lambang jati diri bangsa kita.

Kaola mengambil maklum akan langkah-langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya melalui Dewan Bahasa dan Pustaka. Seperti yang telah diterangkan secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di Dewan yang mulia ini, seperti penelitian semula Perintah Bahasa Melayu dan penubuhan Lembaga Bahasa.

Sememangnya, usaha-usaha ke arah memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu adalah mencabar. Ada sahaja segelintir masyarakat yang masih kurang atau enggan menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya. Sebagai misalan, ada dalam kalangan agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta yang masih

menggunakan borang dalam bahasa asing termasuklah laman-laman web rasmi dan perhubungan serta komunikasi di arena media sosial. Ada juga dalam kalangan papan tanda dan label-label tanpa tulisan Jawi.

Tenaga-tenaga profesional dalam sektor awam khususnya pula baik dalam kalangan tempatan ataupun asing seperti para doktor, guru, jurutera, peguam dan sebagainya lebih banyak dan cenderung menggunakan bahasa asing dalam memberikan perkhidmatan dan berkomunikasi dengan orang ramai. Memang tidak dinafikan penggunaan bahasa asing ini penting tetapi janganlah ia sehingga menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Perkara ini pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2011. Antara lain, titah baginda: "Kita sama sekali bukan menafikan kepentingan bahasa asing malah kita juga menggalakkannya supaya dipelajari, didalami terutama bahasa-bahasa asing yang utama, cuma yang lebih penting adalah pendaulatan Bahasa Melayu itu jangan sampai dikeduakan atau kita dengan sengaja melangkahi dalam keadaan dan ketika yang tidak perlu."

Dalam pada itu, kaola ingin menyarankan agar strategi-strategi ke arah memartabatkan Bahasa Melayu ini akan terus dimantapkan dan diperkuatkan lagi

termasuklah dari segi memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang Bahasa Melayu kita yang perlu dipantuni dan diperkasakan martabatnya sebagai satu bahasa yang sentiasa digunakan sepanjang hayat.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu atas soalan-soalan dan saranan-saranan yang telah pun diberikan.

Kaola dapat mentafsirkan bahawa ada dua persoalan dan saranan yang telah pun diketengahkan:

1. Peranan warga emas agar tidak ketinggalan dan juga mengikuti era digital dalam Revolusi Industri 4.0; dan
2. Peranan sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu kita hendaklah terus memantapkan, memartabatkan dan mendaulatkan Bahasa Melayu.

Kaola melihat bahawa kedua-dua ini lebih berbentuk saranan barangkali,

kaola mulakan dahulu mengenai perkara berkenaan:

1. Warga Emas. Kaola ingin mengongsikan bahawa ada Pelan Tindakan Warga Emas yang mempunyai visi ke arah warga emas yang sihat, aktif dan menyumbang kepada kemajuan negara. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ* kemajuan negara ini hendaklah juga turut melibatkan kepesatan, perkembangan termasuklah mengharungi cabaran Revolusi Industri 4.0.

Jadi, kita menyambut baik saranan Yang Berhormat berkenaan dengan warga emas Revolusi Industri 4.0, khususnya bagi mereka dilengkapi dengan kemahiran teknologi maklumat atau *IT*. Sepertimana yang kaola ketengahkan tadi ia selaras dengan objektif Pelan Tindakan Warga Emas, iaitu menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat atau pun *life long learning* secara formal atau informal dan menambah baik dalam aktiviti warga emas.

Ke arah itu, kita amat mengalu-alukan bagi golongan warga emas untuk mengambil inisiatif dalam perkara ini. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* KKBS akan terus menyediakan *platform* bagi mereka khususnya melalui Pusat Kegiatan Warga Emas dan Pusat Masyarakat Bestari.

Sebagai langkah ke hadapan, kita akan memberikan sokongan terhadap kemahiran *IT* untuk dijadikan sebagai salah satu aktiviti berterusan di pusat ini dengan menumpukan kepada

penggunaan *online* dengan mengambil kira Revolusi Industri 4.0, ini 'bisai' juga untuk dapat dimanfaatkan dan pengajaran yang turut melibatkan pengertian digital ekonomi dan juga aplikasi *Instagram* sebagai platform keusahawanan mahupun berkomunikasi dengan generasi muda. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** apa yang kita hasratkan ialah menjadikan Warga Emas ini *adapatable* kepada perubahan masa.

Kaola juga ingin mengongsikan juga seperti yang diketengahkan oleh Yang Berhormat berkenaan. Kita amat menghargai pengorbanan warga emas ini dan kita melihat warga emas adalah emas yang amat berharga dan ia hendaklah ditanai, 'dikelinga' sepertimana juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Kebangsaan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan menentukan bahawa warga emas ini akan diberikan peluang sejajar dengan perkembangan semasa;

2. Untuk memantapkan, memartabatkan dan mendaulatkan Bahasa Melayu. Kaola melihat ia lebih berbentuk kepada saranan dan kaola amat menghargai setinggi-tingginya atas saranan dan keprihatinan Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum ini banyak mengutarakan mengenai perlunya memartabatkan Bahasa Melayu agar Bahasa Melayu tidak dicemari dari aspek penulisan dan dari komunikasi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** KKBS sepertimana yang kaola

ketengahkan dalam mukadimah dan Soalan Yang Diberi Notis, KKBS melalui Dewan Bahasa dan Pustaka akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi penggunaan Bahasa Melayu yang betul dalam kalangan masyarakat khususnya dari aspek pemantauan kemudahan Bahasa Melayu secara berterusan dan juga kita akan terus membuat penyelidikan Bahasa Melayu bagi menilai setakat mana penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara di seluruh golongan masyarakat di negara ini.

Kaola sekali lagi ingin menekankan sepertimana jua dalam Soalan Yang Diberi Notis bagi kita untuk sama-sama memartabatkan Bahasa Melayu kerana ia adalah tanggungjawab yang perlu kita tanai, kita tunaikan sebagai rakyat dan penduduk di negara ini. Kita sama-sama berperanan untuk memartabatkan kedaulatan bahasa Melayu.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh:

1. Tajuk ini SL06A – Jabatan Pembangunan Masyarakat. Iaitu Pusat Masyarakat Bestari atau Pusat Kumpulan Warga Emas. Seperti yang ditaklimatkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semalam dan soalan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dengan panjang lebar, kaola mengambil maklum mengenainya.

Kaola mengalu-alukan penubuhan PMB atau PKWE yang baru-baru ini iaitu pada 31 Januari 2019, perasmian penubuhan PKWE Daerah Temburong. Maka, lengkaplah di seluruh negara penubuhannya, iaitu sebagai wadah menuju ke arah warga emas yang sihat, aktif dan menyumbang kepada kemajuan negara, memperkasa dan menjamin keselamatan dan kebajikan mereka.

Sehubungan dengan itu, ada beberapa perkara daripada kaola sebagai tambahan program dan inisiatif yang sedang dirancang oleh kementerian berkenaan:

i. PKWE Temburong pada masa ini ditempatkan sementara di PKBN. Kaola berpandangan tempat itu kurang sesuai untuk dijadikan pusat kegiatan berkenaan. Kemungkinan dalam perancangan kementerian untuk mencari tempat baharu yang lebih sesuai, jika ada, dicadangkan supaya ia diadakan di kawasan Pekan Bangar dan ini

mungkin dapat kerjasama dari Jabatan Daerah Temburong atau pihak-pihak yang berkepentingan untuk mencari penyelesaiannya;

ii. Dicadangkan penubuhan Tabung Dana PKWE seluruh negara sebagai sokongan dan sumbangan mereka di samping dana sedia ada dari pihak kerajaan dan bagi orang ramai juga turut sama memberikan sumbangan; dan

iii. Meningkatkan kemahiran keusahawanan dengan menyediakan prasarana dan geran perniagaan kerana sebahagian daripada mereka terdiri daripada ibu tunggal dan mereka yang berusaha sendiri secara kecil-kecilan.

Dicadangkan juga, penubuhan kumpulan PKWE di peringkat kebangsaan bagi menyatupadukan kumpulan ini dan sebagai langkah menggerakkan program Sambutan Hari Warga Emas Sedunia yang diadakan setiap tahun. Akhir sekali, disarankan penglibatan pemimpin-pemimpin akar umbi dalam menggerakkan dan memberikan nasihat dan kerjasama sangat-sangat dialukan. Kaola difahamkan keramaian ahli warga emas sekarang ini berjumlah 343 orang, maka dengan adanya kerjasama dan penglibatan, terutama pemimpin masyarakat

akan menambahkan lagi keahlian mereka.

2. Tajuk SL03A – Jabatan Belia dan Sukan. Mengenai dengan pembangunan belia dan Pusat Belia Daerah Temburong. Di Daerah Temburong terdapat bangunan Pusat Belia sebagai *focal point* bagi belia melaksanakan apa jua aktiviti yang berkebajikan. Jika Pusat Belia ini digunakan sepenuhnya **إِنْ شَاءَ اللهُ** aktiviti kegiatan belia itu mendapat lebih maju dan bertambah baik. Kaola menyambut baik beberapa program yang dikendalikan oleh kementerian dalam membantu belia mengembangkan potensi diri dalam bidang keusahawanan, pendedahan dalam bidang pertanian dan perladangan di keempat-empat daerah.

Sehubungan dengan itu, kaola juga ingin memberikan beberapa saranan yang boleh difikirkan bersama:

- i. Dicadangkan projek dapur kongsi atau *chef kitchen* yang diadakan di Pusat Belia di Bandar Seri Begawan dapat dilaratkan ke Daerah Temburong untuk kegunaan pengusaha-pengusaha belia. Diharapkan juga Jawatankuasa Pandu Strategik Keusahawanan Belia yang baharu ditubuhkan akan dapat melihat keperluannya;
- ii. Sehubungan dengan itu juga, dipohonkan penambahan bilik-bilik dan ubahsuai di pusat

berkenaan seperti bilik muzik (*band*) ataupun gulingtangan, dewan serba guna, bilik asrama berasingan lelaki dan perempuan, dan bilik pentadbiran bagi persatuan-persatuan. Pendekatan *whole of nation* sangat penting bagi kita sama-sama memperkukuhkan dan memperkasakan hala tuju kementerian berkenaan sebagai sokongan menuju ke arah keusahawanan belia di Daerah Temburong; dan

- iii. Majlis Belia Brunei dan persatuan. Lebih dahulu, kaola mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Belia Brunei (MBB) atas kejayaan mengadakan Kongres Agung Perwakilan Belia pada 10 Mac 2019 sesi 2019/2020. Pimpinan Majlis Belia berwajah baharu terdiri daripada generasi muda sesuai dengan kehendak Dasar Belia Negara yang baharu yang digubal semula.

Sehubungan dengan itu, kaola bercadang selaras dengan perkembangan kepimpinan Majlis Belia Brunei yang baharu:

- a. Dicadangkan supaya pejabat Majlis Belia Brunei yang ada pada masa ini akan dapat dipindahkan ke Pusat Belia yang lebih sesuai kerana Pusat Belia hampir dan dekat dengan hati para belia;

b. Kaola seterusnya mencadangkan kepada kepimpinan Majlis Belia Brunei dan atas kerjasama kementerian juga, akan dapat mencari jalan keluar bagi menghidupkan semula beberapa buah persatuan di negara ini yang telah dibubarkan, dipohonkan untuk dihidupkan semula. Kaola percaya dan yakin bahawa selari dengan Dasar Belia yang baharu direviu semula kegiatan persatuan belia dapat ditingkatkan lagi; dan

c. Unit Perkembangan dan Latihan Sukan. Terdapat beberapa sukan yang berfungsi di Daerah Temburong, sebagai contoh renang, bola sepak, silat, badminton dan lain-lain. Kaola difahamkan, masa ini JBS Temburong sedang giat mengusahakan bengkel-bengkel sukan yang tidak terdapat di Daerah Temburong seperti bowling padang, pitung, pemanah dan lain-lain. Saya juga difahamkan jurulatih yang ada didatangkan dari JBS Bandar Seri Begawan seperti olahraga ragbi dan karate-do.

Daripada penjelasan di atas, kaola ingin menyarankan supaya kementerian akan dapat melahirkan lebih ramai lagi jurulatih tempatan di daerah-daerah untuk membantu pembangunan sukan di

daerah masing-masing. Ia bertujuan menjimatkan masa, kewangan dan urusan-urusan lain. Jurulatih berkenaan dicadangkan supaya diberikan pendedahan kejurulatihan sesuai dengan acara sukan yang dimaksudkan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ saya lebih cenderung sekiranya soalan-soalan seperti itu dapat dirundingkan sendiri oleh Ahli Yang Berhormat dengan jabatan-jabatan yang berkenaan. Saya kira tidaklah payah kita turut serta untuk menimbangkan soal-soal seperti itu.

Barangkali ada baiknya kalau Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil catatan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan dan teruslah berhubung dengan Yang Berhormat yang berkenaan.

Saya juga cadangkan Ahli Yang Berhormat Haji Emran bin Haji Sabtu, kalau sekali-sekala dapat turun dari Daerah Temburong, Bangar berjumpa Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ataupun Setiausaha Tetapnya. Sesiapa yang terlibat dalam hal-hal supaya dapat menyelesaikannya dengan cepat dan saksama.

Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Pertama sekali, kaola ingin merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas jawapan kepada Soalan Yang Diberi Notis yang kaola ajukan pada 18 Mac, 2019 mengenai program-program yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kehidupan kualiti golongan sasaran.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ada satu pertanyaan ringkas sahaja iaitu mengenai peruntukan di bawah Tajuk SL064 Kod Akaun 002/002 – Bantuan Kebajikan Am. Jika kaola perhatikan pada tahun fiskal 2017/2018, peruntukan sebanyak \$5,414,450.00 telah diluluskan. Manakala, tahun lepas 2018/2019, berjumlah \$5,435,520.00.

Walau bagaimanapun, kaola melihat tahun ini jumlah peruntukan meningkat melebihi 270% iaitu \$14,774,100.00. Apakah yang menyumbang kepada peningkatan signifikan ini.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon atas soalan yang telah pun dikemukakan mengenai Peruntukan Bantuan Kebajikan. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ pada tahun ini, ia menunjukkan peningkatan yang begitu tinggi daripada \$4.7 juta pada tahun 2018/2019 kepada \$14 juta iaitu peningkatan lebih kurang \$9.3 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan pada tahun ini, اَلْحَمْدُ لِلَّهِ ia disediakan berasaskan kepada perbelanjaan sebenar dari tahun kebelakangan ini. Ia diberikan terus kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tanpa memohon kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi. اِنْ شَاءَ اللَّهُ ia akan memberikan lagi tahap mutu efisiensi dan juga tepat pada masanya dalam menghulurkan bantuan.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi atas peruntukan yang disediakan berasaskan kepada perbelanjaan sebenar.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera untuk kita semua. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebelumnya barangkali, kaola memohonkan laluan untuk membukakan 6 soalan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Bersedia untuk mendengarnya.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:

1. Tajuk SL01A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Antara tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjaga dan melestarikan kebudayaan Brunei jangan sampai orang Brunei sendiri melupakan kebudayaan sendiri dan beralih kepada kebudayaan luar, persoalaannya:
 - i. Apakah sudah terdapat rumusan *substance* yang lebih baik tentang strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam 5 tahun ke hadapan, iaitu pemetaan yang lebih aktif dan tepat sasarannya? sebagai contoh dari segi:
 - a. Infrastruktur dan Perlembagaan Kebudayaan Belia dan Sukan;
 - b. Seni pertunjukan budaya Brunei; dan
 - c. Segi manuskrip dan sastera;?
 - ii. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah lama wujud. Memandangkan peranan kementerian ini masih relevan dan tidak kurang pentingnya dengan lain-lain kementerian, ke arah itu, apakah penyebab elemen kebudayaan dan sukan tidak disediakan *KPI* dalam Wawasan Brunei 2035?
2. Tajuk SL06A – Jabatan Pembangunan Masyarakat. Generasi muda perlu memiliki kesedaran jati diri, bermartabat, maju dan bebas daripada semua penyakit sosial seperti pergaulan bebas atau liar, dadah dan sebagainya. Ke arah itu, apakah langkah-langkah bersepadu yang akan diambil untuk menangani masalah-masalah berikut?:
 - i. Sikap mental yang tidak sihat dalam kalangan belia dan remaja;
 - ii. Ketempiasan rasa kecewa yang timbul dari masalah keluarga, kewangan dan pengangguran;
 - iii. Apakah usaha-usaha dan langkah-langkah seterusnya dalam menangani isu sosial seperti bertambahnya anak yang tidak mempunyai bapa yang sah dalam kalangan rakyat yang tidak berkemampuan yang disenaraikan sebagai ibu tunggal, melalui JAPEM, MUIB dan termasuk juga yang tidak tersenarai; dan
 - iv. Gejala sosial khususnya dalam kalangan belia dan remaja dalam lingkungan umur 20 hingga 40 tahun menunjukkan *trend* peningkatan jenayah yang drastik yang rata-rata yang tidak mempunyai pekerjaan seolah-olah menggambarkan kebajikan golongan ini terbiar tanpa kita mengetahui punca sebenarnya. Saya pasti, golongan ini juga ingin mengetahui dari Dewan yang mulia ini iaitu apakah hala tuju untuk

mengatasi dan menangani masalah golongan terbiar ini?.

3. Tajuk SL03A – Jabatan Belia dan Sukan. Sepertimana kita semua maklum, bahawa peserta-peserta negara kita dalam beberapa Sukan *SEA* yang lalu telah gagal memperolehi sebarang pingat emas dalam acara yang disertai.
 - i. Apakah yang menyebabkan kegagalan kepada peserta-peserta berkenaan?
 - ii. Apakah sudah ada usaha-usaha dan strategi kementerian untuk menaikkan imej sukan negara kita dalam bersaing di Sukan *SEA* yang akan datang di Filipina nanti?

Sekian sahaja soalan-soalan yang kaola kemukakan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Lebih dahulu, ada 6 soalan tetapi kaola melihatnya dapat dibahagikan kepada 3 perkara:

1. Berkenaan dasar dan strategi kebudayaan dan sukan;
2. Isu sosial dalam kalangan belia; dan
3. Prestasi sukan terutamanya di peringkat *SEA Games*.

Kaola jawab dulu yang senang sedikit. Prestasi sukan. Apakah strategi

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi menghadapi sukan di peringkat serantau ataupun antarabangsa termasuklah *SEA Games*.

Barangkali, kitani melihat bahawa perkembangan ataupun pungutan pingat. Kalau kitani melihat dari aspek pungutan pingat dalam perlawanan ataupun pertandingan di peringkat *SEA Games* pada tahun 2017, kita tidak dapat menyumbang pingat emas. Hasrat kita sebabnya, pada tahun 2019 sepertimana yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa kita akan ikut serta dalam *SEA Games* pada penghujung tahun di Filipina.

Kitani melihat bahawa strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi menghadapi sukan termasuklah *SEA Games* ini, kitani mempunyai strategi iaitu:

1. Mengenalpasti sukan-sukan yang boleh menyumbang pingat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** bagi *SEA Games* yang akan datang, kitani telah pun membuat *KPI* yang disediakan oleh persatuan-persatuan dan menghadapkan *KPI* masing-masing kepada kementerian.

Apakah *KPI* yang boleh ia menyumbangkan pingat ataupun mereka boleh bersaing secara kompetitif. Kita hendaklah mengenalpasti sukan-sukan yang boleh menyumbang pingat dengan kerjasama persatuan-persatuan;

2. Kitani hendaklah mempunyai program-program pembangunan dan pengenalan bakat. Strategi ini berjalan bukannya bila *SEA Games* barulah kitani melaksanakan strategi ini. Ia berterusan dan memakan masa untuk mengatur strategi ini agar atlet-atlet kitani akan bersiap sedia. Kita mempunyai beberapa cara seperti program mengenal pasti bakat ataupun *TID* dan akademi sukan;

Dalam menyentuh akademi sukan sepertimana jua dalam mukadimah, akademi sukan adalah golongan atlet yang dilihat boleh menjadi atlet elit yang kitani hasratkan Akademi sukan ini adalah atlet yang dapat menyumbang pingat termasuk pada tahap *SEA Games*. Walau bagaimanapun, Akademi Sukan telah pun dibentuk bagi tempoh 5 tahun dan kitani akan menilai perkembangan Akademi Sukan atlet yang tidak dapat menyumbang pingat yang dihasratkan;

3. Untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi sukan, pengurusannya termasuklah persatuan-persatuan melalui kursus-kursus pentadbiran yang dikendalikan oleh badan-badan antarabangsa;
4. Untuk meningkatkan jumlah dan kualiti orang bersukan dan beriadah;
5. Meningkatkan kerjasama dengan pihak *NGO*, agensi kerajaan dan swasta;

6. Membudayakan sukan, meningkatkan sumber tenaga manusia termasuk pakar sains, jurulatih dan menyediakan prasarana; dan
7. Memastikan dana yang mencukupi dan meningkatkan kutipan hasil.

Jadinya, ini adalah strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sememangnya, kita mempunyai strategi dalam menghadapi sukan di peringkat serantau dan antarabangsa termasuklah *SEA Games*. Persoalannya, kenapakah kita tidak dapat menyumbang pingat yang dihasratkan?

Ada sebab-sebab yang telah pun dilihat melalui *challenge* yang telah dihadapi tetapi kebanyakannya cabaran kitani adalah komitmen dan juga perkembangan pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh persatuan-persatuan dan juga pemantauan dari pihak KKBS sendiri.

Jadinya, pembangunan sukan ini hendaklah mantap dan kitani mestilah pengguna sukan ini akan mencari *talent* yang boleh kitani latih untuk menjadi atlet yang elit.

Cabaran yang dapat dilihat hasil daripada *post mortem* adalah komitmen. Ia bukan saja komitmen daripada para atlet akan tetapi ia adalah komitmen di peringkat senegara. Senegara ini adalah komitmen kerja, pendidikan dan sebagainya, tetapi ia lebih berbentuk kepada komitmen atlet itu sendiri kerana masa adalah penting. Mereka hendaklah memberikan masa,

menumpukan masa, kerana masa ini bukanlah kepada mereka. Mereka hendaklah memberikan masa terhadap komitmen untuk membuat latihan dan sebagainya.

Memanglah kita mengakui dari aspek sumber kewangan dan sebagainya akan tetapi *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kita akan melihat keutamaan jenis sukan yang boleh dipertandingkan di peringkat yang bersesuaian. Kita tidak mahu menghantar apa jua sukan-sukan ataupun atlet-atlet yang tidak boleh mencapai kepada tahap kompetitif dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* boleh menyumbangkan pingat.

Memang untuk menjawabnya kita mempunyai strategi akan tetapi pada tahun ini kita meningkatkan pembangunan sukan kepada \$200,000.00 khususnya kepada persatuan-persatuan. Kita berdoa semoga pada tahun ini, kita akan mencapai hasrat.

Perlu kaola kongsi, prestasi *BIMPNT-EAGA* baru-baru ini menunjukkan bahawa kita boleh mencapai ke arah kecemerlangan. Buat pertama kali dalam sukan *BIMPNT-EAGA* sasaran kita hanyalah 7 pingat emas, akan tetapi kitani 'melimpasi' target tersebut dengan memperolehi 18 pingat emas, iaitu jumlah yang terbanyak yang pernah dikutip oleh atlet-atlet. Artinya atlet-atlet remaja kitani di bawah umur 21 tahun. *اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ* ia adalah perkembangan yang begitu signifikan untuk mempersiapkan atlet-atlet muda kitani sebagai atlet elit.

Kaola ingin mengongsikan kitani bercakap pasal atlet perlu kitani memberikan tahniah baru-baru ini kepada atlet Orang Kurang Upaya kitani yang sedang bertanding di *Abu Dhabi Special Olympic*, kerana telah memperolehi 2 pingat emas. Mereka masih lagi berada di Abu Dhabi. Inilah kejayaan-kejayaan yang perlu kitani ketengahkan bahawa atlet kitani boleh akan tetapi mestilah mempunyai komitmen yang begitu besar.

Dalam menjawab soalan berkenaan remaja, isu-isu sosial dan sebagainya, barangkali, kebanyakan soalan-soalan ini telah pun dijawab melalui Soalan Yang Diberi Notis. Berkenaan masalah-masalah sosial yang turut melibatkan golongan belia, golongan yang terbiar dan sebagainya, kaola ingin menambah saja, isu-isu sosial di negara ini hendaklah ditangani secara bersepadu melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial. Kesemua isu sosial yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu termasuk dalam 12 isu sosial yang dikenalpasti oleh MKIS.

Kaola juga telah pun mengongsikan Pelan Tindakan MKIS untuk menangani isu-isu berkenaan. Kaola ingin mengongsikan secara tambahan saja beberapa perkara:

- i. Isu-isu sosial ini hendaklah dilihat secara *prosectoral*. Ia bukan saja tanggungjawab kementerian akan tetapi dilihat secara *prosectoral*. Sepertimana jua pelan-pelan tindakan dalam MKIS ia juga meliputi kementerian-kementerian dan beberapa orang Yang Berhormat

Menteri-Menteri kerana perkara-perkara ini adalah perkara penting yang perlu ditangani dan dilihat;

- ii. Kitani melihat kepentingan pendidikan dan keagamaan secara berterusan untuk diserapkan dari awal hinggalah secara berterusan;
- iii. Aspek pengukuhan jati diri dan pembentukan belia yang *syumul*. Kitani melihat bahawa *platform* seperti PKBN, Belia Masjid, Persatuan Belia Kesukarelawan adalah satu *platform* yang baik untuk mengukuhkan jati diri dan pembentukan belia yang *syumul*. Jadinya, dengan peningkatan *platform* ini adalah salah satu nilai tambah untuk mengelakkan golongan belia melakukan perkara-perkara yang tidak diinginkan. Kitani juga melihat sepertimana juga dalam pelan tindakan ialah peranan institusi keluarga untuk mendukung anak-anak mereka dan terus memberikan keprihatinan kepada anak-anak ini.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ dengan adanya jawatankuasa-jawatankuasa khas di bawah MKIS ia melihat mustahaknya dalam menangani isu-isu sosial ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara-perkara ini akan dapat kitani lihat bersama-sama dan kitani kurangkan kalau boleh untuk kitani melihat belia adalah aset negara yang mempunyai peranan yang amat penting.

Dalam menjawab soalan yang pertama, yang saya rumuskan sahaja barangkali saya lihat ia lebih kepada dasar dan

strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kaola kongsi bahawa strategi 5 tahun ke hadapan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai strategi dalam menjaga dan melestarikan Kebudayaan Brunei.

Kitani mempunyai Dasar Kebudayaan Negara yang mengandungi strategi untuk melestarikan Kebudayaan Brunei yang antaranya untuk menubuhkan Majlis Kebudayaan Negara, menubuhkan Pusat Budaya Negara dan mengukuhkan infrastruktur ekonomi budaya. Beberapa langkah telah pun dibuat khususnya dari segi infrastruktur, seni pertunjukan budaya dan pengukuhan manuskrip sepertimana yang sebahagiannya yang diutarakan semasa Soalan Yang Diberi Notis dan Mukadimah-mukadimah, seperti penyiapan kurikulum akademi seni mengenal pasti aset yang telah sedia ada untuk dijadikan balai budaya, meningkatkan jumlah persembahan budaya, meningkatkan perolehan bahan budaya, jumlah penerbitan dan pemetaan dan pengumpulan pantun Melayu Brunei dan Pusat Penyelidikan Borneo.

Dari aspek elemen kebudayaan dan sukan tidak disediakan *KPI* dalam Wawasan Brunei 2035, kaola ingin mengongsi elemen kebudayaan ini adalah di bawah *KPI* matlamat. Ia memantau indeks pengamalan nilai-nilai teras dalam kalangan rakyat. Kita telah menentukan satu indeks di bawah *KPI* ini tertumpu kepada peningkatan pengamalan budaya Brunei melalui penggunaan Bahasa Melayu dalam

kehidupan seharian dan di peringkat KKBS kepentingan perkembangan sukan dan budaya sentiasa diberikan keutamaan dan dipantau.

إِنْ شَاءَ اللهُ sebarang keperluan untuk dimasukkan dalam KPI Wawasan Brunei 2035 secara langsung kita akan membincangkannya bersama di peringkat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035. Barangkali itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon izin untuk menyampaikan suara-suara belia dari Daerah Belait di Dewan yang mulia ini sebagai satu amanah yang dipertanggungjawabkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat:

1. Kegiatan belia sejak kebelakangan ini di Daerah Belait kian aktif. Kaola menerima beberapa cadangan dari belia di Daerah Belait untuk mendirikan dan mempunyai sebuah pusat yang kekal di Daerah Belait bagi menggantikan Pusat Belia yang ada sekarang di Jalan Bunga Rambai yang tidak sesuai kerana struktur bangunannya yang lama iaitu bekas Jabatan Penerangan dan sebaliknya bekas gudang beras dijadikan sebagai Dewan Serbaguna Pusat

Belia yang di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait.

Cadangan bangunan kekal ini nanti adalah sebagai pusat aktiviti kepada kegiatan persatuan belia dan badan-badan kebajikan sukan dan menempatkan ruang pejabat kepada persatuan belia yang bergiat aktif atau kepada Majlis Belia Daerah Belait membuat kajian, kegiatan perjumpaan dan permesyuaratan;

2. Kompleks Sukan Mumong adalah satu-satunya kemudahan yang besar dan terbaik di Daerah Belait dan sering menjadi tumpuan penduduk di Daerah Belait khususnya belia mengadakan latihan dan pertandingan sukan. Impak dari kesan penggunaan tersebut, balapan dan padangnya mengalami kerosakan dan memerlukan pembaikan dengan segera.

Dicadangkan supaya keadaan balapan dan padangnya diperbaiki dan dinaikkan taraf; dan

3. Salah satu padang di Pekan Seria di bawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan ialah Padang Arena. Padang ini sering digunakan untuk anjuran perlawanan bola sepak dan aktiviti lain sukan di kawasan Seria. Memandangkan penggunaannya padang tersebut semakin ramai pada waktu petang, maka cadangan pemasangan lampung untuk perlawanan bola sepak atau penggunaan lain pada sebelah malam.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bolehlah mengambil catatan mengenai dengan perkara-perkara yang dikemukakan itu dan terus menjawab kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Saya kira tidak ada perbincangan yang perlu kita buat mengenai dengan perkara yang dikemukakan. Ada baiknya Ahli-Ahli Yang Berhormat menimbulkan perkara-perkara yang boleh kita bincangkan bersama supaya kita akan duduk untuk membincangkan perkara-perkara yang berkenaan itu dengan rasional dan lebih relevan kepada apa yang kita buat. Kalau sekiranya saja menuntut ini patut dibuat, itu patut dibuat barangkali kurang bersesuaian bagi kitani untuk bermesyuarat. Ada baiknya kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membuat cadangan-cadangan ini tidak patut di sini.

Maka, ada baiknya barangkali, terus sahaja kepada kementerian-kementerian berkenaan itu. Pintu mereka sentiasa terbuka menerima Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bersemuka dengan mereka. Ahli-Ahli Yang Berhormat diberikan kesempatan untuk mendengar taklimat-taklimat yang dibuat oleh mereka, gunakanlah tempat itu, gunakanlah kesempatan itu sebaik-baiknya supaya akan dapat penyelesaian yang seelok-eloknya bagi perkara-perkara yang ditimbulkan oleh anak buah abiskita masing-masing.

Dengan itu, saya kira ada baiknya kita berehat selama 15 minit dan kita akan menyambung persidangan kita ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kemudian nanti.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula bagi meneruskan, membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020. Mesyuarat peringkat Jawatankuasa masih lagi membahaskan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Bersama saya, masih lagi ada beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bercakap mengenai Puak Jati Brunei dengan keseniannya dan kebudayaannya. Berdasarkan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam telah pun menyenaraikan 7 puak sebagai Puak Jati Brunei. Saya rasa inda payah disebutkan kerana telah maklum 7 puak tersebut. Dalam memastikan warisan dan kesenian 7 puak berkenaan tidak terhakis atau hilang dan sentiasa dihidupkan serta diperkenalkan kepada

generasi muda, usaha dalam memartabatkannya hendaklah dilakukan secara meluas di semua peringkat masyarakat.

Soalan kaola:

1. Apakah inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam memastikan warisan kesenian dan kebudayaan 7 Puak Jati Brunei terus dihidupkan dan diwarisi oleh generasi muda serta mampu dan terus menjana pendapatan?;
2. Adakah pihak kerajaan menyediakan peruntukan yang khusus sebagai inisiatif kepada 7 Puak Jati Brunei yang berkenaan dalam melaksanakan program dan aktiviti masing-masing?; dan
3. Setakat ini, apakah program dan aktiviti yang telah diungkuhkan oleh pihak-pihak berkenaan bagi memperkenalkan warisan kesenian dan kebudayaan 7 Puak Jati Brunei dalam kalangan pelajar dan penuntut sekolah?

Sekain, Terima Kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung. Barangkali, persoalannya walaupun 3 kali, lebih menjurus kepada Puak Jati Brunei, macam mana kitani untuk menentukan Puak Jati Brunei

ini didukung dan diatur untuk dipertengahan.

Barangkali, kaola ingin sepertimana jua dalam mukadimah, kitani melihat strategi ke-3 iaitu meningkatkan pendapatan dan memperkasa pengiat seni untuk memajukan seni budaya dan warisan melalui wadah-wadah yang disediakan. Dari yang ke-3, adalah warisan budaya. Dalam warisan budaya ini kitani dikongsikan beberapa pencapaian, iaitu melibatkan 7 puak etnik dalam pendidikan (*Ethnography and Anthropology*). Bagi tahun 2018, 23 buku rujukan warisan budaya dapat didokumentasikan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan terus kitani giatkan, khususnya dalam bab penyelidikan dan mendokumentasi agar ia dapat digunakan dan difahami dan disebarluaskan secara bersama.

Usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) untuk terus menghidupkannya ialah kita menentukan bahawa kitani akan membentuk rakan strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta pemimpin serta persatuan-persatuan 7 puak jati ini. Dalam masa yang sama, kita akan juga, seiring dibawa dalam perbincangan dasar moden negara dan untuk itu aktiviti kitani akan membuat *festival* kebudayaan yang diadakan 2 tahun sekali dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ia disasarkan ke dalam kalendar tahun ini. *Festival* kebudayaan akan diadakan pada bulan Ogos 2019.

Inilah beberapa perkara yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khusus dalam kitani menentukan bahawa 7 puak etnik ini akan dapat diketengahkan dan dapat dikongsikan bersama dengan masyarakat mengenai 7 Puak Jati Brunei ini supaya ia tidak hilang begitu saja. Hal ini hendaklah diketahui *especially* dalam kalangan masyarakat atau generasi muda. Itu yang ingin kaola ketengahkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya sangat tertarik mengenai soalan kebudayaan ini. Kita telah pun mendengar beberapa saranan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini dan juga mengenai soal-soal kitani membuat kajian-kajian seperlunya mengenai kesusasteraan, pantun dan seumpamanya. Tapi, saya tidak terdengar mengenai soal pakaian kitani. Pakaian kita adalah cara kitani *to identified* kitani sendiri. Kalau di Indonesia barangkali, terkenal dengan pakaian batiknya, kitani di Brunei, kitani masih terkenal dengan pakaian baju Melayu kitani. Apa boleh perkara seperti ini diteliti oleh budayawan kitani supaya kali ia tidak ketinggalan untuk dilihat. Kalau dilihat kaum wanita juga, pakaian kitani orang dulu selalu memakai kebaya berkerongsang dan baju kurung jadi kenapa perkara seperti itu tidak dapat kitani timbulkan supaya ia juga tidak hilang ditelan zaman. Saya pulangkan perkara seperti itu kepada menteri yang berkenaan untuk melihatnya.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga menyentuh mengenai Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat iaitu Kod Akaun 002-002 - Bantuan Kebajikan Am.

Mengenai masalah kemiskinan. Kaola melihat bilangan pemohon bantuan kerana kemiskinan ini akan terus meningkat ataupun bertambah setiap tahun kerana sejak akhir-akhir ini ramai yang mengadu kepada pemimpin-pemimpin akar umbi seperti abis kaola, Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung berhubung kesempitan disebabkan kemiskinan. Kes terbaharu pegawai-pegawai rendah yang bersara yang umur mereka mencapai 60 tahun tetapi menerima *Supplemental Contributory Pension (SCP)* dan menerima pencen tua.

Mengikut rekod yang tercatat, kadar penerima pemohon bantu kerana kemiskinan bertambah dari tahun ke tahun, sebagai contoh tahun 2015 terdapat 13,393 orang, tahun 2016 menurun 12,160 orang pada tahun 2017 naik seramai 18,299 orang. Pada tahun 2018 yang berkenaan tidak dapat menerangkan. Kadar kenaikan bantuan kadar kemiskinan ini menunjukkan tahap kehidupan rakyat yang rendah tetapi nilai hidup yang tinggi. Ini menjadikan hidup mereka semakin sempit,

berkemungkinan antaranya sebabnya ialah:

1. Kenaikan harga barang di pasaran;
2. Kadar pengangguran kian meningkat;
3. Kesan dari seorang ibu dan ayah yang sudah bersara mempunyai tanggungan yang ramai;
4. Kes yang ada dibuang kerja; dan
5. Disebabkan kes rumahtangga yang terlibat dengan dadah dan jenayah.

Dalam hal ini, kaola mencadangkan supaya plan dan strategi yang ada sekarang ini perlu dikaji semula dengan mencari punca sebenar kenapa tahap kemiskinan itu bertambah dari tahun ke tahun dengan mengambil kira faktor yang kaola nyatakan itu.

Kemungkinan satu jawatankuasa khas perlu ditubuhkan khas untuk mengkaji dan menilai semula bagi menangani masalah yang kaola timbulkan. Seterusnya, dalam hubungan yang sama, pemohon-pemohon yang menerima bantuan kewangan dari golongan ini telah diberi bantuan kewangan, di samping itu ada juga dibenarkan untuk mendapatkan barang keperluan asas diperolehi daripada kedai yang tertentu di satu *supermarket* dengan kadar yang tertentu.

Walau bagaimanapun, syarat kepada permohonan yang menerima bantuan tersebut, apabila ia sudah bekerja maka bantuan tersebut akan diberhentikan dengan serta merta. Dengan demikian,

penerima tersebut merasa takut untuk mencari pekerjaan.

Kaola mencadangkan supaya pihak berkenaan menentukan tahap maksimum pendapatan yang membolehkan bantuan itu diberhentikan sekiranya pemohon berpendapatan \$500 ke atas dengan melihat apa keperluan keluarganya. Itulah sahaja yang dapat kaola sampaikan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong. Kaola melihat ada 2 persoalan iaitu melibatkan kepada Bantuan Kebajikan Bulanan dan bagi melihat cadangan punca tahap kemiskinan dan bagi penubuhan jawatankuasa untuk menilai isu-isu yang telah disebutkan.

Berkenaan syarat-syarat bagi pemberhentian untuk dilihat semula. Kaola ingin juga mengongsikan sepertimana jua dalam statistik yang dikongsikan kepada kaola bahawa penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan yang ada berdaftar dan diberikan, sebenarnya semakin menurun kalau kita lihat pada tahun 2015 adalah lebih kurang 6,478 orang yang telah menerima bantuan, pada tahun 2018 ialah 5,722 orang, ini tidak termasuk bantuan-bantuan oleh agensi-agensi yang lain, ini adalah hanya untuk JAPEM sahaja ia menurun daripada 6,478 ke 5,722.

Akan tetapi statistik ini tidak memberikan gambaran yang sebenar kerana sebahagian daripada penerima-penerima bantuan yang dulu menerima melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berkemungkinan memohon melalui MUIB dan sebagainya. Dikongsikan jua pada tahun 2018 dari 5,722 kerajaan telah pun mengagihkan bantuan berjumlah lebih kurang \$13.6 juta kepada penerima-penerima bantuan.

Kaola ingin mengongsikan jua kitani hendaklah melihat secara dasarnya siapa yang menerima bantuan ini. Kita melihat data-data kepada penerima bantuan, kebanyakan data yang diperolehi kitani melihat ialah 4,675 adalah golongan yang *able body and able to work* ertinya orang yang boleh bekerja, berkeupayaan dan boleh bekerja. Daripada jumlah 4,675, 60% adalah golongan yang tidak bekerja (manganggur) 3,364 orang.

Sasaran kitani adalah untuk melihat isu kemiskinan ini ataupun orang-orang yang menerima bantuan ini adalah untuk menukar kitaran ini agar mereka dapat keluar daripada bantuan untuk tidak mengharap kepada bantuan melalui pekerjaan, mendapatkan *skill* dan juga keusahawanan. Jadi kitani melihat 3,364 adalah golongan yang tidak bekerja akan tetapi berupaya.

Ini adalah perkara yang besar yang perlu ditangani dan kitani jua melihat golongan yang berulang-ulang menerima Bantuan Kebajikan Bulanan lebih daripada 60% adalah lebih daripada 3 kali ertinya ada yang sampai 10 kali. Walau

bagiamanapun, kita hendaklah membantu hak-hak orang-orang yang susah dengan ada kiraan atau garis panduan kiraan orang yang golongan susah. Kitani mahu membantu agar mereka ini akan keluar terutama orang yang boleh bekerja dan berkeupayaan itu jumlahnya lebih daripada 60%, jadinya apakah ada strategi-strategi? Sebenarnya **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** ada strategi untuk meningkatkan lagi keberkesanan program-program bantuan ini, yang telah pun ditangani ataupun ditetapkan oleh MKIS?

Program Insentif Pekerjaan. Memfokuskan kepada pemohon-pemohon bantuan yang tidak mempunyai pekerjaan tapi boleh bekerja dan berusaha, sepertimana kaola terangkan. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, sepertimana dalam mukadimah, kita menyasarkan kepada tahun ini program insentif pekerjaan ini. Kita menyasarkan ada *KPI* kitani, ada program pelan pekerjaan kitani sasarkan untuk 200 termasuk tanggungan. Kita menyasarkan bukan sahaja orang penerima itu ketua keluarga akan tetapi tanggungannya juga, tetapi kita menyasarkan 200 orang pada tahun ini. Pada tahun ini baharu 105 kitani akan menaikkan kepada 200. Ini adalah program insentif pekerjaan.

Daripada Program Insentif Pekerjaan ini kitani telah melihat dan telah pun membuat Projek BKB 100 untuk menggalakkan mereka ini bekerja tetapi cabaran yang paling besar adalah *mindset*. Mereka ini berupaya untuk bekerja tetapi tidak mahu bekerja. Kita melihat bahawa kitani hendaklah mengeluarkan mereka daripada *mindset*

untuk bekerja kerana kitani lihat bahawa pekerjaan itu ada. Koala tidak melihat kepada *blue collar* ataupun pekerja berkolar biru. Sasaran kitani adalah pekerjaan itu memang ada. Projek BKB telah pun dilaksanakan dan kitani akan melaksanakan lagi projek rintis, program tekad untuk menentukan bahawa pekerjaan ini adalah salah satu cara untuk mereka keluar daripada bantuan dan sebagainya.

Jadi kitani memang ada program-program yang telah disasarkan, program pelan pekerjaan, program berniaga dari rumah, program perkasa komuniti, program inovasi belia berwawasan sepertimana yang diterangkan. Semua sekali program ini adalah disasarkan kepada orang-orang susah agar mereka akan dapat keluar tanpa bergantung pada Bantuan Kebajikan Bulanan, inilah yang kita hasratkan. Walau bagaimanapun, jawatankuasa untuk menilai mengenai kemiskinan ini, sebenarnya kita ada mempunyai Jawatankuasa Khas Kemiskinan. MKIS mengongsikan bersama salah satu Jawatankuasa Khas Kemiskinan. Jadi, perkara-perkara inilah yang sebenarnya diteliti oleh Jawatankuasa Khas tersebut sehingga mengadakan pelan-pelan tindakan seperti yang saya kongsi tadi.

Berkenaan dengan orang-orang yang bersara ini, kaola ingin mengongsikan sahaja berkenaan orang-orang yang bersara ini setelah mencapai umur 60 tahun. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa kita melihat warga emas ini dalam bantuan BKB ini, ia boleh

diteruskan. Mengikut garis panduan sebanyak 763 orang masih lagi menerima BKB walaupun telah mencapai umur 60 tahun setelah menerima Pencen Umur Tua, akan tetapi hendaklah mengikut garis panduan, salah satu garis panduannya ialah:

1. Sekiranya uzur, sakit yang memerlukan bantuan dari aspek *diapers*, susu dan sebagainya; dan
2. Kemiskinan, iaitu sekiranya anak-anak tanggungan yang masih bersekolah dan di bawah kadar kemiskinan.

Jadinya, pada masa ini, statistik yang saya kongsi bahawa lebih kurang 763 orang yang bersara menerima BKB ini diteruskan walaupun mencapai umur 60 tahun.

Akhir sekali, dasar untuk pemberhentian ini, sebenarnya balik kepada garis panduan. Pemberhentian ini tidak akan dilaksanakan bahkan dimesyuaratkan dan untuk penyambungan ini dibuat setiap tahun dan kitani hendaklah meneliti dasar pemberhentian ini adalah di bawah garis panduan dan ia masih pada taraf kemiskinan. Kalau masih lagi pada taraf kemiskinan ia akan diteruskan sepertimana yang kaola kongsi, ada sebahagian daripada BKB ini sehingga mencapai 10 kali disambungkan pemberiannya.

Jadinya, dasar pemberhentian ini selagi ia masih lagi di bawah taraf kemiskinan ada garis panduannya kitani akan sentiasa membantu. Apa yang kitani

harapkan ialah tidak bergantung sepanjangnya *especially* kepada '*able body, able to work*'. Mereka hendaklah keluar daripada bantuan ini dengan bekerja, berusaha, berniaga dan sebagainya. Inilah sasaran kitani sepertimana dalam mukadimah, banyak golongan sasaran kitani ini termasuk ibu tunggal, orang-orang susah dan anak-anak di bawah tanggungan akan diberikan pendidikan dari aspek *skill* dan juga dibantu dari aspek keusahawanan. Barangkali, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi, izinkan kaola, jika sekiranya dapat menyambung sedikit berkenaan hal tersebut. Sepertimana yang diketengahkan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi berkenaan dengan persoalan dan saranan yang telah pun diberikan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput dan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Kaola akan menyusul perkara tersebut bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sememangnya kitani akan menentukan apa juga prasarana sepertimana yang diketengahkan dan dilihat sebaik-baiknya terutama sekali di Mumong kerana itulah satu-satunya prasarana kompleks yang besar di Kuala Belait.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kitani telah pun menyediakan gimnasium hasil daripada *out sourcing* yang bermula sekejap lagi dan kita akan menentukan kompleks tersebut akan berada pada tahap yang baik dan begitu juga pusat-pusat belia di Daerah Temburong dan kita juga akan melihat dengan sebaik-baiknya. Untuk itu juga

warga emas ia adalah sementara bukan tetap, kitani akan mencarikan tempat yang tetap yang sesuai untuk warga emas di Daerah Temburong.

Kaola hanya ingin menyentuh berkenaan majlis belia-belia sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Perkara ini adalah satu perkara yang dekat di hati abis kaola juga kerana kalau kaola dapat menjawab soalan ini dan akan diberikan ruang sahaja untuk mengongsikan majlis belia-belia dalam satu ruangan yang berasingan. Itu sahaja kali Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun membincangkan Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun memberikan keterangan-keterangan yang cukup terperinci dan juga memberikan semua program yang diaturkan oleh kementeriannya.

Maka saya kira, setentunya ia menarik minat Ahli-Ahli Yang Berhormat dan adalah menjadi harapan bukan sahaja Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan malah harapan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya maklumat-maklumat ini difahami oleh semua pihak yang berkenaan dan akan dapat disebarluaskan dalam kalangan-kalangan khalayak ramai terutama dalam kalangan rakyat yang memerlukan bantuan-bantuan sedemikian.

Diharapkan perkara-perkara yang dihadapi ketika ini akan dapat diselesaikan dan sasaran-sasaran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu akan menepati sasaran-sasaran objektifnya dan mendapat kejayaan sepenuhnya. Maka perkara ini telah pun kita bincangkan dengan panjang lebar, saya kira cukuplah sekian kitani berunding mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ada baiknya perkara ini sekarang kita undi.

Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli bersetuju. Oleh yang demikian, Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SL01A hingga SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan Menteri Kesihatan tidak ada dalam Dewan ini pada ketika ini maka Tajuk kementerian tersebut akan dibincangkan kemudian dan kita akan mula membincangkan seterusnya iaitu Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga SN08A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang membincangkan Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum saya membukakan Tajuk ini untuk dibahaskan sebagaimana lazimnya, saya ingin memberikan kesempatan atau peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk menyampaikan ucapan pendahulunya ataupun mukadimahya berkenaan dengan objektif dan tujuan dalam penyediaan belanjawan kementeriannya. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu izinkan kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang untuk mengongsikan mukadimah kaola sebagai pembuka laluan kepada perbincangan Anggaran Peruntukan Kementerian Pengangkutan dan

Infokomunikasi bagi Tahun Kewangan 2019/2020.

Kaola juga dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia perkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan peruntukan yang disokong untuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sebanyak \$53,722,753.00 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2019/2020.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada 15 Disember 2018, nama Kementerian Perhubungan telah pun ditukar kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*).

Penukaran nama ini menggambarkan antara pendekatan baharu dalam hala tuju dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan mengambil kira perkembangan teknologi sejagat penukaran nama ini turut meluaskan bidang penumpuan *MTIC* dengan merangkumi aspek *economic digital* yang mempunyai cabangan dan jangkauan yang besar.

Bertepatan dengan perkembangan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Majlis

Ekonomi Digital (*Digital Economy Council*) sepertimana yang telah kaola maklumkan sebelum ini. Majlis Ekonomi Digital yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bersama Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi **إِنْ شَاءَ اللهُ** memandu perkembangan dan hala tuju ekonomi digital di Negara Brunei Darussalam.

Bagi mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2019/2020 iaitu 'Pelaburan Untuk Masa Depan'. Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*) **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan mempertingkatkan lagi usaha dalam merancang dan melaksana inisiatif ke arah pertumbuhan sektor pengangkutan dan infokomunikasi yang *sustainable*.

Seperti yang telah disampaikan secara terperinci oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa membentangkan Belanjawan Tahun 2019/2020, kaola ingin menambah sedikit berkaitan inisiatif mentransformasi sektor *ICT* di negara ini dari prespektif *MTIC*.

Penubuhan *Unified National Network Sdn. Bhd. (UNN)* yang menyatukan rangkaian infrastruktur telekomunikasi di bawah satu syarikat adalah mendukung dasar jalur lebar kebangsaan (*The National Broadband Policy*) kementerian ini.

Objektif dasar ini antara lainnya adalah bagi memastikan akses kepada jalur lebar untuk semua pengguna, menambah baik nilai kualiti dan

affordability perkhidmatan jalur lebar dan penggunaan jalur lebar secara optimum. Ia adalah selaras dengan perkembangan penyusunan struktur industri *ICT* yang sedang dijalankan di negara ini.

Kementerian ini melalui *AITI* akan terus memainkan peranannya sebagai pengawal selia untuk memastikan kepentingan pengguna dalam perkara-perkara seperti liputan dan kualiti perkhidmatan, harga dan penggunaan adalah terpelihara.

Dalam pada itu, syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan *ICT* terus aktif memberikan perkhidmatan yang lebih meluas kepada para pengguna.

Pada 5 Mac 2019 lalu, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** perkhidmatan internet jalur lebar mula dapat dinikmati kira-kira 600 orang penduduk di Perumahan Kampung Rataie yang disalurkan melalui *FTTH Exchange Rataie*.

Untuk membawa Negara Brunei Darussalam ke status *smart nation* setentunya memerlukan eko sistem yang selamat, terjamin dan meyakinkan kepada pengguna. Dalam hal ini, aspek keselamatan siber juga diberi perhatian yang khusus.

Selaku *Minister-In-Charge of Cyber Security*, kaola ingin memaklumkan berhubung penubuhan Pusat Keselamatan Siber Kebangsaan. Pusat ini antara lainnya berperanan sebagai urus tadbir yang memantau dan menyelaraskan usaha di peringkat

kebangsaan dalam menangani ancaman keselamatan siber.

Pada masa ini, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) adalah berperanan sebagai Pusat Keselamatan Siber secara interim bekerjasama rapat dengan Syarikat *IT Protective Security Services Sdn. Bhd (ITPSS)*. Dalam hal ini, perkhidmatan *Brunei National Cyber Incidents Response Center (Brucert Services)* akan mula dijalankan secara meluas (*nation wide*) melalui suku kedua tahun 2019 ini.

Bagi memastikan kesinambungan dalam pelaksanaan dasar-dasar utamanya *MTIC* terus melaksanakan usaha ke arah pengkorporatan dan penswastan.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dasar pengkorporatan ini telah menampakkan hasilnya. Antara yang ketara adalah penjimatan peruntukan berikutan pengkorporatan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dan Jabatan Laut sebagai pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan (*Maritime and Ports Authority Brunei Darussalam (MPABD)*) pada 28 September 2017. Penjimatan sebanyak 20% telah direkodkan dalam peruntukan Tahun Kewangan 2018/2019 berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, kita juga dapat mencapai produktiviti dan efisiensi melalui penswastan perkhidmatan-perkhidmatan Pelabuhan Muara. Di bawah pengendalian *Muara Port Company Sdn. Bhd.* jumlah kontena yang dikendalikan pada tahun 2018 mencapai rekod *volume total container* sejumlah 113,125 *TEU (Twenty feet equivalent unit)*, iaitu yang tertinggi direkodkan sejak tahun 2013.

Selaras dengan dasar ini, pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos terus menjadi agenda utama *MTIC*. Usaha ini dijalankan dengan kerjasama *Darussalam Asset Sdn. Bhd.* Antaranya dalam penyediaan strategi perniagaan dan pengurusan sumber tenaga manusia. Proses penggubalan undang-undang berkaitan juga berjalan serentak. Pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos disasarkan untuk dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2019/2020.

Adalah menjadi hasrat abis kaola di *MTIC* supaya dasar pengkorporatan Pos ini akan dapat menjadi antara pemudah cara kepada perkembangan *e-Commerce* di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Untuk mencapai keberkesanan dalam urus tadbir dan pemberian perkhidmatan langkah mentransformasi urus tadbir dan proses turut dijalankan pada masa ini. Langkah ini adalah untuk mencapai penjanaaan hasil yang lebih *sustainable* dengan kaedah yang lebih sistematik telus dan saksama. Transformasi ini juga dihasratkan untuk membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** sepanjang tahun 2018 beberapa usaha dan inisiatif ke arah penambahbaikan proses dan urus tadbir dalaman telah dijalankan dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (*GLCs*). *MTIC* bekerjasama dengan *Dynamic Technologies* untuk menambah baik proses urus tadbir dan pengurusan proses tawaran bilangan pendaftaran kenderaan antara lainnya.

Kerjasama ini **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** akan merangkumi perancangan ke arah sistem *e-bidding* bagi membolehkan proses pengurusan bilangan pendaftaran kenderaan berteraskan teknologi digital dan memberikan *win-win situation* kepada semua pihak.

Untuk lebih memudah cara pemberian perkhidmatan dalam sektor pengangkutan darat ini, beberapa inisiatif turut dijalankan untuk meluaskan lagi *accessibility* orang ramai kepada perkhidmatan pengangkutan darat. Antaranya adalah:

1. Projek utama dalam sektor ini iaitu peningkatan sistem pengangkutan darat.
 - i. Projek ini diteruskan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEED*) bagi menyediakan satu modul pelaksanaan yang lebih *sustainable* dan *integrated* ;
 - ii. Pelaksanaan projek ini yang disediakan peruntukannya sebanyak \$10.5 juta bagi Tahun Kewangan 2019/2020 yang disasarkan untuk mula melaksanakan pada suku kedua atau ketiga tahun 2020; dan
 - iii. Projek ini akan menerapkan penggunaan *Intelligent Transport System (ITS)* bagi membolehkan perkhidmatan yang berteraskan teknologi seperti *vehicle tracking*, memastikan keselamatan

kenderaan dan pemberian maklumat perkhidmatan kepada pengguna.

2. Perkhidmatan *DART*, sistem tempahan bagi perkhidmatan pengangkutan teksi yang dibuat melalui aplikasi telefon bimbit ini mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pengguna tempatan dan pelancong. Perkhidmatan *DART* ini turut mendukung salah satu teras utama di bawah Pelan Induk Pengangkutan Darat iaitu mengurangkan kebergantungan pada kenderaan sendiri.

Sejak pelancarannya pada bulan Mei 2017 aplikasi *DART* telah dimuat turun sebanyak 32,000 kali dengan seramai lebih kurang 30,000 orang pengguna dan syarikat ini telah menerima melebihi 120 permohonan untuk menjadi pemandu *DART*.

Setakat ini, 64 daripadanya telah diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dan mereka ini yang terdiri semuanya daripada anak-anak tempatan termasuk 9 penduduk tetap telah memulakan perkhidmatan mereka sebagai pemandu *DART*. Manakala, permohonannya selebihnya masih dalam proses.;

3. Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan. **اللَّهُمَّ** lebih banyak syarikat swasta tampil ke hadapan untuk memberikan perkhidmatan ini kepada orang ramai. Setakat ini,

sejumlah 16 buah Stesen Pemeriksaan Kenderaan, (*Vehicle Inspection Station*) yang terdiri daripada bengkel-bengkel berkelayakan yang diberi kebenaran oleh Jabatan Pengangkutan Darat sudah beroperasi. Ada 14 buah di Daerah Brunei Muara, sebuah di Seria dan sebuah lagi baharu sahaja diberikan kebenaran beroperasi di Kuala Belait pada 11 Mac 2019 baru-baru ini.

Selain itu, 2 buah syarikat yang menawarkan perkhidmatan ini di Daerah Brunei Muara juga telah diberikan kebenaran tambahan untuk mengadakan pemeriksaan kenderaan berat di bawah 4 tan dan pemeriksaan kenderaan perkhidmatan awam.

MTIC juga terus menumpukan usaha kepada keselamatan, sekuriti dan keselesaan pengguna dalam sektor penerbangan awam. Ini adalah untuk memastikan sektor penerbangan awam terus menjadi antara pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti *aeronautical* dan *non-aeronautical*.

Dalam hal ini, dasar ke arah pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang lebih efektif sedang dikemaskinikan. Ini meliputi pengasingan fungsi-fungsi Jabatan Penerbangan Awam di antara aspek pengawalseliaan dan pengurusan lapangan terbang.

Pengemaskinian dasar ini mengambil kira peningkatan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei berdasarkan Pelan Induk Lapangan Terbang 2008. Kita mempunyai sasaran jumlah penumpang seramai 3 juta pada tahun 2032 dan menurut statistik Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada tahun 2018, jumlah penumpang meningkat sebanyak 4.8% iaitu 1.88 juta penumpang. Dari situ, dijangka LTAB akan mencapai sasaran 3 juta penumpang lebih awal dari tempoh yang dijangkakan.

Bagi menampung peningkatan jumlah penumpang ini, 50% daripadanya adalah semasa *peak hours*. Turut diutamakan adalah untuk mengemaskinian urus tadbir penyediaan perkhidmatan *ground handling* yang sedia ada.

Usaha pengkorporatan dan penswastan terus membukakan dan mengembangkan sektor-sektor pengangkutan dan infokomunikasi. Ke arah memastikan *sustainability* sektor, ini usaha dalam membuka peluang pekerjaan terus dijalankan. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Industri Pengangkutan Darat. Projek peningkatan sistem pengangkutan darat dijangka membukakan sebanyak 500-700 peluang pekerjaan dalam jangka masa 5 tahun. Selain itu, perkhidmatan *DART* menjangka akan memerlukan 1,000 orang

pemandu akan diperlukan dalam tempoh 5 tahun akan datang;

- ii. Industri Perkhidmatan Pelabuhan dan Maritim. Dari segi logistik sehingga Februari 2019, *Muara Port Company Sendirian Berhad (MPC)* mempunyai seramai 158 orang pekerja iaitu 142 orang adalah pekerja tempatan. Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan (MPABD) juga akan membukakan sebanyak 38 jawatan pada Tahun Kewangan 2019/2020 ini nanti; dan
- iii. Sektor Infokomunikasi. Pada masa ini sebanyak 4,300 pekerjaan telah diisi di sektor swasta. *National ICT Mainpower Masterplan* menasaskan matlamat seramai 6,000 profesional ICT menjelang tahun 2020.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Antara teras utama dalam penyediaan dan pelaksanaan dasar *MTIC* ialah keselamatan. Dalam hal ini, kaola selaku Pengerusi MKKJR ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang memberikan kerjasama dalam mengungkuhkan inisiatif keselamatan di jalan raya.

Apa yang abis kaola hasratkan adalah bagi kita semua sebagai pengguna jalan raya membudayakan keselamatan di jalan raya. Dalam hal ini, komitmen utama MKKJR dalam mencapai *zero road fatalities* berpandukan kepada *Blueprint Decade of Action for Road Safety*

2011/2020 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dari data yang direkodkan, terdapat penurunan sebanyak 44% dalam jumlah kehilangan nyawa dari kemalangan jalan raya pada tahun 2018 berbanding daripada purata tahun 2010 hingga tahun 2017. MKKJR terus berusaha memberi pembaharuan dalam pendekatan yang diusahakan dan antaranya adalah melalui *platform digital*. Setakat ini, *Brunei Road Safety Online Pledge* sudah merekodkan hampir 6,000 *online pledges* berkaitan keselamatan di jalan raya. Kempen keselamatan jalan raya ke sekolah-sekolah dan melalui *platform* 'Bandarku Ceria' bersama rakan-rakan strategik juga telah diadakan.

MTIC juga memberikan perhatian serius ke atas keselamatan pengangkutan di air dan bagi mencapai pelaksanaan inisiatif keselamatan pengangkutan di air yang menyeluruh, *MPABD* terus bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi menjana kesedaran yang lebih meluas mengenai perkara ini. Antara inisiatif yang sedang dan akan dijalankan adalah pengagihan jaket keselamatan yang disumbangkan oleh sektor swasta kepada pengusaha perahu tambang.

Dalam hal ini, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada *Syarikat Brunei Shell Sendirian Berhad* dan *Royal Brunei Technical Services* atas jaket keselamatan yang disumbangkan.

Selain itu, dengan peruntukan yang disediakan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** *MTIC* akan berusaha

sedaya upaya untuk memastikan sektor pengangkutan dan infokomunikasi memainkan peranannya sebagai pemangkin dan pemudah cara. Usaha ini, akan dipandu dengan pelan strategi baharu 2019/2023 *MTIC* yang antara lainnya akan memuatkan dasar-dasar utama seperti berikut:

1. Pengkorporatan dan penswastaan. Keutamaan ini akan meliputi perkhidmatan pos, penubuhan sebuah pihak berkuasa pengangkutan darat dan untuk penerbangan awam;
2. Memastikan *sustainability* sektor pengangkutan dan infokomunikasi. Dasar ini termasuk untuk memastikan perkhidmatan boleh diperolehi dengan mudah oleh pengguna dan pada kadar yang bersesuaian. Selain itu, pengawalseliaan juga akan dipertingkatkan bagi memastikan persaingan yang sihat dan memudah cara perkembangan sektor-sektor ini;
3. Keselamatan dan kesejahteraan. Dasar ini bukan sahaja meliputi pengangkutan darat, udara dan pengangkutan di air tetapi juga keselamatan siber;
4. Mengemas kini sistem urus tadbir dan pengurusan dengan menerapkan penggunaan teknologi digital. Ini adalah bagi mencapai keberkesanan *cost effectiveness* dan ketelusan dalam proses yang dijalankan;

5. Mengemaskini perundangan dan meningkatkan penguatkuasaan. Usaha ini akan mengukuhkan hala tuju pelaksanaan dasar dan peraturan, di samping memastikan kepentingan pihak yang berkaitan, termasuk pengguna adalah terpelihara; dan
6. Memanfaatkan perhubungan dua hala serantau dan antarabangsa. Ini adalah untuk memastikan sektor pengangkutan dan infokomunikasi di negara ini selaras dengan piawai dan perkembangan serantau dan antarabangsa.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan mengenai beberapa perkembangan dan hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*). Kaola percaya dengan kerjasama dan semangat berpasukan Ahli Yang Berhormat yang lain serta penglibatan sektor swasta dan masyarakat mudah-mudahan usaha kementerian ini akan membuahkan hasil dan impak yang dihasratkan, khususnya ke arah menjayakan Wawasan Negara Brunei 2035. Sekian

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ
Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas huraian yang begitu jelas yang menggariskan dasar-dasar terperinci berkenaan hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sesuai dengan belanjawan yang dipohonkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita ingin membukakan perbincangan bagi Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan di bawahnya. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi tadi kerana mengongsikan usaha-usahanya.

Soalan saya menyentuh mengenai 2 perkara, iaitu Jabatan Penerbangan Awam menjadikan lapangan terbang kedudukan 100 ke atas.

Soalan:

- 1 *Rating Skytrax* untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ *Royal Brunei Airlines* telah mendapat *rating 3 star diiktiraf Skytrax*. Namun begitu Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei masih belum tersenarai. Apakah strategi pihak kementerian untuk memasitkan *airport* negara kitani adalah untuk mencapai *rating*; dan
- 2 Jabatan Pengangkutan Darat. Tajuk SN05A - Pembangunan Dasar. Saya menyentuh *child safety seat*. Menyentuh mengenai keselamatan kanak-kanak termasuk "anak damit" dalam kenderaan. Terdapat Akta

mengenai *child safety seat* ini. Soalan saya ada 3, iaitu:

- i. Apakah ada peningkatan penggunaannya sejak akta ini diperkenalkan?;
- ii. Apakah *safety standard car seat* atau *booster seat* ini yang dijual di Negara Brunei Darussalam dipantau?; dan
- iii. Bagi membantu keluarga yang kurang berkemampuan, bagaimanakah cara kitani untuk memastikan *car seat* ini juga mampu dimiliki kerana ia bukanlah satu kemewahan akan tetapi satu keperluan?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad atas soalan yang diajukan tadi. Ada 2 tadi, iaitu:

- 1 Kedudukan Jabatan Penerbangan Awam berhubungkait dengan Lapangan Terbang Antarabangsa untuk menjadikannya *the rank* dalam *Skytrax*; dan
- 2 Sektor pengangkutan darat mengenai *child safety seat*.

Bagi *Rating Skytrax* untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam, memang betul ulasan daripada Yang Berhormat Awang

Iswandy bin Ahmad tadi. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam kita pada masa ini belum lagi termasuk dalam *Ranking Skytrax*. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ selaras dengan apa juga dasar pemikiran abis kaola di *MTIC*, antara satu *KPI* atau sasaran di kementerian pada masa ini adalah untuk memasukkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei kitani untuk menjadi salah sebuah *airport* atau *international airport* yang dirank melalui *Skytrax*. Walaupun kita sedang berusaha sedaya upaya tetapi beberapa usaha sebenarnya sudah pun dijalankan dan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan diteruskan.

Satu antaranya adalah dari segi perancangan *meet to longer term* adalah untuk penceraiian ataupun *the separation function of the regular three function and the airport management* bagi *airport* kitani. Perkara ini sebenarnya telah pun kaola sebutkan dalam mukadimah tadi. Dalam hal ini pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, اِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan dihasratkan untuk dijalankan oleh satu *entity corporate* dan bukan lagi di bawah Jabatan Penerbangan Awam. Inilah satu-satunya untuk menuju ke arah *KPI*, untuk meningkatkan khusus perkhidmatan-perkhidmatan kitani di *airport* dan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ sekaligus masuk ke dalam *Ranking Skytrax*.

Berhubung dengan *child safety seat*. Seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad barangkali Yang Berhormat sendiri memang arif dalam hal ini sebab beliau sendiri adalah duta keselamatan jalan raya dan bekerja rapat dengan Kementerian *MTIC*.

Dalam hal ini ada 3 perkara yang boleh kaola kongsi di sini, iaitu:

1. Mengenai akta yang disebutkan tadi itu memang ada dan ia telah pun diaktakan pada tahun 2014 yang lepas, *about 5/6* tahun yang lepas. Apa yang berlaku setakat ini, penguatkuasaannya memanglah dibuat secara *soft of approach* saja. Setakat ini kaola difahamkan juga *since 2015*, memang belum ada *offences* yang tercatat bahawa orang-orang yang tidak mengenakan *child seat* ini tidak dikenakan sebarang denda ataupun sebagainya tetapi secara berhempah telah pun diberikan teguran secara nasihat. Ini telah pun, *what we called the soft approach* dan setelah beberapa tahun dijalankan, perkara ini memang dipantau;
2. Baru-baru ini Kementerian *MTIC* juga telah pun meneliti semula kesesuaian *provision of the act* itu. Memang melibatkan beberapa agensi-agensi berkepentingan bersama. Dalam hal ini, pihak *MTIC* sedang berusaha khususnya juga dengan *Brunei Automobile Traders Association (BATA)*. Melalui *BATA* ini ada beberapa usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan-keselamatan, kenderaan-kenderaan yang dibawa masuk ke negara ini. Umpamanya semenjak tahun 2017, dua tahun yang lepas *BATA* telah pun bekerjasama untuk memastikan kenderaan (*vehicle*) ada menepati *minimum safety requirementnya*, termasuklah *airbag* dan memudah

cara untuk *child seat to be put in place* dalam kereta itu; dan

3. Dari segi usaha ke arah memberikan kepada orang-orang yang mungkin kurang berkemampuan, memang perkara ini adalah satu perkara dasar yang sedang diteliti juga iaitu *participation of relevant stakeholder* seperti *BATA* yang kaola sebutkan tadi itu. Memang ada hubungkait dengan ini. Satu pemikiran adalah untuk mepakejkan satu usaha ke arah mepakejkan *child seat* ini dengan kereta yang dijual, yang akan diserapkan melalui kos-kos daripada pihak-pihak *car dealers* melalui *BATA* ini. *إِنْ شَاءَ اللهُ* perkara ini akan diusahakan dan diteliti dan *إِنْ شَاءَ اللهُ* apa jua perkembangannya mungkin satu hari, pada masa berkedekatan ini abis koala akan memaklumkan kepada orang ramai nanti, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima Kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola bercakap mengenai satu isu saja iaitu Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, iaitu Kod Akaun 002/000 mengenai Pengurusan Dasar Pengangkutan dan Perhubungan serta Keselamatan dan Penyiasatan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bercakap dengan beberapa saranan iaitu tentang isu keselamatan penumpang bot di perairan Negara Brunei Darussalam. Keperluannya adalah membuat satu kajian berhubung tahap keselamatan perkhidmatan bot penumpang bagi membuat penilaian berkenaan sejauh manakah tahap keselamatan sebuah bot penumpang itu dititikberatkan oleh pihak pengusaha sebagai jaminan keselamatan kepada para penumpang yang mendapatkan perkhidmatan mereka.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak yang terlibat dalam menangani isu keselamatan, penumpang serta sejauh manakah sebuah bot penumpang yang membawa penumpang telah menepati tahap piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan?

Kajian ini juga diharap mendapatkan pandangan umum daripada pelbagai sudut terutama yang berkaitan dengan tahap keselamatan perkhidmatan bot penumpang selain isu-isu dan masalah yang mungkin wujud dalam usaha untuk membuat pemantauan dan penilaian perkhidmatan bot yang terlibat di perairan sungai-sungai Brunei.

Soalan Kaola, adakah kajian telah dilaksanakan terhadap tahap keselamatan pengusaha-pengusaha bot penumpang di perairan negara ini?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan adalah khusus bagi keselamatan maritim. Izinkan koala memberikan jawapannya dari segi 2 aspek:

1. Dari segi "pemberigaan" kepada orang ramai; dan
2. Dari segi penguatkuasaan.

Kaola ingin menjelaskan sedikit. Dari segi "pemberigaan" ani, mula-mula sekali:

- i. Memang ada dalam perancangan *MTIC* untuk mengadakan satu *survey* (penelitian) bukan jua *in the study* tetapi *survey* melihati macam mana keadaan keselamatan ataupun *conditions of the boat* bagi pengusaha-pengusaha *operator*. Pengusaha-pengusaha bot ani di negara kitani memanglah tidak ramai dan ini memang *manageable number*. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ setakat ini *MTIC* telah pun mendapat data-datanya dari segi berapa operator. Berapa orang yang membawa bot berlesen, berapa bot-bot yang berdaftar sebenarnya dan اَلْحَمْدُ لِلَّهِ dengan adanya data, perkara ini telah pun dapat diselesaikan.
- ii. Dengan adanya data itu, mungkin satu hari اِنْ شَاءَ اللَّهُ *another in deep study* boleh dibuat seperti cadangan/saranan Yang Berhormat tadi dan *MTIC* mengambil baik saranan ini dan mungkin dalam hal

ini pun *MTIC* memohon kerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan khususnya jua abis Yang Berhormat sendiri. Sebagai contoh, perkara kedua iaitu mengenai 'pemberigaan'. Kitani telah pun nampak mengenai 'pemberigaan' keselamatan maritim ini, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis sendiri telah pun tampil ke hadapan menjadi macam *ambassador* kepada keselamatan maritim ini. Yang Berhormat nampak tampil untuk menyarankan orang ramai untuk memakai *life-vest* keselamatan dan sebagainya.

Perkara ini memang dapat diusahakan secara berterusan dan diperbaiki dan inilah termasuk kali 'memberigakan' mengenai kepiawaian dan keselamatan *actual boat* yang seperti disuarakan oleh Yang Berhormat tadi.

Dari segi kepiawaian dan *Standard of Boats* ini, *MTIC* dan *MFABD* pada masa ini sedang meneliti macam mana kitani membawakan satu kepiawaian ataupun *standards* yang boleh dipakai. Pada masa ini piawaian ataupun *standards* memang berdasarkan kepada tempatan tetapi *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* satu usaha untuk menaikkan *standard* ini kepada kepiawaian ke taraf antarabangsa sedang diusahakan. Ini mengambil kira dengan saiz bot dan juga jumlah-jumlah penumpang yang boleh dibawa dan sebagainya. Akhir sekali, itulah masuk isu penguatkuasaannya nanti.

Pada masa ini penguatkuasaan dijalankan secara berhemah dan secara teguran-teguran dan ada jua masanya jika kesalahan-kesalahan itu memang dikira besar ataupun *major offence*, penguatkuasaan tindakan yang diambil memanglah diberikan secara yang bersesuaian menurut *offences* yang dibuat. Bagi kesalahan-kesalahan yang kecil, contohnya ada pengusaha bot yang tidak tahu akan peraturan, *In Shaa Allah, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ* telah pun dinasihati secara berhemah dan secara *soft approach*, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Kaola yakin dengan kesungguhan Yang Berhormat Menteri dan warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam menandai tanggungjawab dalam mencapai misi dan visi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi:

1. Kaola membawakan Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Walaupun perkara ini pernah dibawakan tetapi tindakan belum terlalu ketara. Orang ramai sangat berharap dari segi keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna jalan raya Negara Brunei Darussalam

berkenaan kerenah dan cara memandu sebahagian orang asing yang tidak disenangi oleh masyarakat Brunei.

Mengikut maklumat, mereka ini tidak pernah mempunyai kenderaan di negeri asal dan membuat lesen memandu bila hendak datang ke negara kita. Orang ramai melihat cara pemanduan mereka sangat kurang mahir dan mengganggu *traffic flow* kita. Malahan ada aduan daripada orang ramai, didapati mereka ini berhenti di tengah jalan raya, padahal bahu jalan raya di negara kita luas. Maka dicadangkan supaya pemegang lesen orang asing tidak mencukupi hanya secara *endorsement*. Pemberian lesen memandu mestilah sama dengan orang Brunei mengambil lesen. Perkara ini juga boleh menambah kutipan hasil Jabatan Pengangkutan Darat; dan

2. Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Dipohonkan bagi perhatian Majlis Keselamatan Jalan Raya sentiasa melihat keperluan pembaikan jalan raya yang dikira berbahaya bagi kenderaan khususnya di kawasan selekoh yang tidak rata bagi memastikan langkah-langkah mengurangkan kemalangan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:
Terima kasih Yang Berhormat Awang

Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari di atas soalan-soalan yang diajukan.
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. Mengenai orang-orang asing yang setakat ini/selama ini memang kalau pekerja-pekerja asing yang bekerja lebih dari satu tahun akan diberikan lesen secara *endorsement*. Apa yang dicadangkan adalah satu cadangan yang baik dan ia memang selari dengan penelitian yang dibuat di kementerian pada masa ini untuk mempertingkatkan lagi cara ataupun *mechanism* macam mana kitani boleh memastikan kapasiti atau *capability of the foreign drivers* ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan sebagainya.

Ini mengambil kira jua beberapa usaha khusus kepada pemandu trak komersial ataupun *commercial vehicle*. Perkara ini telah pun mula dilaksanakan sudah, antaranya bukan sahaja pemberian lesen secara *endorsement* dan melalui *interview* oleh pegawai-pegawai melesen yang tertentu. Ini telah pun dilaksanakan, bila berlaku ia terlibat dalam satu *traffic offence*, pemandu yang berkenaan itu akan diberi latihan semula (*re-test*). Ini menunjukkan satu keberkesanan, *the impact is quiet significant* jua ni, didapati اللَّحْمَدُ لِلَّهِ 2 tahun kebelakangan ini khususnya tahun lepas *commercial vehicles* yang terlibat dalam kemalangan didapati semakin menurun, *infact* tahun lepas ada penurunan lebih daripada 60-70%

daripada tahun-tahun sebelumnya apabila dasar ini dilaksanakan.

إِنْ شَاءَ اللهُ cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari itu akan diambil baik dan kementerian ini akan melihati macam mana ia boleh lagi dapat membantu dan mempertingkatkan lagi apa yang mekanisme ataupun dasar yang telah dibuat pada masa ini إِنْ شَاءَ اللهُ

2. Mengenai MKKJR. Pembaikan jalan raya bagi mengurangkan kemalangan jalan raya. Barangkali Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini telah pun panjang lebar jua kali diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebelum ini dan memadai sahaja kaola mengongsikan bahawa *MTIC* melalui MKKJR secara berterusan bekerjasama rapat dengan agensi-agensi berkenaan khususnya pihak JKR di bawah Kementerian Pembangunan untuk memata-matai dan melihati dari segi *road safety audit* contohnya dibuat secara berterusan pada masa ini. Memang ada tempat-tempat yang dikira *hotspot* yang telah pun diusahakan untuk diperbaiki demi keselamatan semua pengguna jalan raya di negara ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi:

1. Kaola merujuk kepada Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Kaola menyambut baik akan inisiatif pihak kementerian dalam memajukan sistem pengangkutan awam. Memang difahami bukannya senang untuk *overhaul* sistem pengangkutan darat dan ia perlu dibuat secara berfasa. Banyak kajian sudah dibuat dan cadangan diberi dan dikongsi melalui *Public Transportation White Paper* dan *Road Map and National Master Plan for a Sustainable Land Transportation System for Brunei Darussalam*.

Dalam merujuk kepada bajet kementerian dan juga kemajuan, apakah sahaja peningkatan yang telah dibuat selain sistem bas menggunakan warna dan juga menukar tanda tempat perhentian bas. Sebagai cadangan tambahan untuk tindakan jangka pendek, pihak kementerian bolehlah menggunakan teknologi yang sedia ada seperti *google maps* bagi memudahkan orang ramai untuk mendapat maklumat tentang bas yang boleh dipakai. Maklumat bolehlah dikemas kini apabila laluan bas ataupun tempat perhentian baharu dibuat; dan

2. Mengenai Keselamatan menggunakan bot penumpang. Kos untuk menyediakan jaket keselamatan bagi pemilik bot penumpang agak tinggi dan kurang sesuai dengan pendapatan sebilangan mereka yang mungkin

agak terhad. Pihak kementerian boleh menjemput dan menggalakkan pihak swasta sebagai *partners* ataupun sebagai sumbangan *CSR* dalam menyumbangkan jaket-jaket keselamatan, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari atas soalan-soalan yang diajukan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ada 2 soalan yang diajukan:

1. Sistem pengangkutan darat untuk meng*overhaul*. Apa yang dicadangkan tadi adalah menggunakan aplikasi memudahkan cara untuk 'memberigakan' maklumat ataupun jadual bas-bas. Dalam hal ini, selain daripada bas-bas yang berwarna yang beberapa tahun dahulu memang betul. Tetapi, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ mulai akhir tahun lepas antara satu usaha yang sedang dijalankan adalah penambahan *bus stop* yang sebelum ini satu penelitian *study* telah pun dibuat dalam *MTIC* telah mendapati rupanya *bus stop* seluruh negara kitani mempunyai 350 *bus stop* sebelum ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ apabila diteliti hasilnya adalah untuk menambahkan *accessibility* bas-bas ke kawasan yang ditentukan. Hasil daripada itu, sekarang tujuan hasrat kementerian melalui MKKJR sasaran untuk menambah *bus stop* ini untuk

menyampaikan menjadi 1,618 seluruh negara iaitu pada masa ini sebanyak 522 telah pun dipasang dan memang ada nampak *bus stop* yang baharu kalau kitani melihat di jalan-jalan raya. Ini, adalah untuk sekurang-kurangnya untuk menepati *Standard International Best Practise*. Dalam makna, pengangkutan darat *bus stop* ini, adalah efisien dan efektif menyampai ke arah lokasi-lokasi yang ditentukan.

Bus stop, ini memanglah dijangkakan untuk membolehkan bas-bas berhenti ke tempat-tempat yang teratur dan yang ditetapkan bukannya berhenti di tepi-tepi jalan dan perkara ini telah pun diambil perhatian oleh *MTIC*. Selain *bus stop*, memang cadangan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari itu selaras juga dengan pemikiran dari *MTIC* pada masa ini untuk menggunakan teknologi baharu ini sebelum kitani menuju ke hadapan untuk menggunakan *Intelligent Transport System (ITS)*.

Sebenarnya, ada sudah aplikasi-aplikasi yang sedia ada dan perkara ini sedang diusahakan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat, *MTIC* dan juga beberapa syarikat-syarikat swasta yang ada *interest* dalam *pilot* projek ini.

Dalam hal ini, mungkin ada satu *pilot* projek juga akan diadakan iaitu 'pemberigaaan' jadual bas ini akan dicubakan salah satunya untuk

macam mana impaknya kepada orang ramai nanti. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, satu pemikiran untuk mengadakan satu *pilot* projek dengan pihak swasta akan diadakan nanti;

2. Memang tepat tadi soalan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, malahan dalam mukadimah kaola tadi ada memaklumkan mengenai *participant of CSR* sebenarnya yang saya telah pun memaklumkan bahawa *BSP* dan telah pun tampil ke hadapan, antara lainnya *RBTS*.

Pihak-pihak berkenaan ini memanglah *very passionate* dan mereka ini berkepentingan jua bagi keselamatan kitani di perairan. Perkara ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* salah satu pemikiran jua di *MTIC* untuk menyediakan ataupun memudahcarakan para pengguna-pengguna bot ataupun bot-bot penumpang khususnya dan juga bot-bot penambang untuk diberikan jaket-jaket keselamatan dan apa jua keperluan-keperluan keselamatan untuk maritim.

Contohnya, penggunaan hon yang memang ada dalam peraturan iaitu hon dalam bot-bot. *Each boat must have a lifebuoy* contohnya, iaitu pelampung tetapi dalam suasana masa ini apabila telah disiasat dan diteliti banyak yang tidak menggunakan keperluan-keperluan seperti ini. Perkara ini telah pun diambil perhatian dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* secara berterusan dengan keterlibatan dari

pihak-pihak swasta melalui *CSR* akan diteruskan sedaya upaya.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah kita membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan ini, maka saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini bagi kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya suka untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat pada sebelah tengah hari *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kita akan bersidang semula pada petang ini nanti sebagaimana lazimnya mulai pukul 2.30 petang.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang dimaklumi, kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti dan dibahaskan satu per satu di peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membahaskan Tajuk-Tajuk dalam Jadual Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah membahaskan Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah pun memberikan keterangan pendahuluan mengenai

penyediaan belanjawan kementeriannya dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah pun menyuarkan beberapa soalan yang juga telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu.

Maka, saya masih lagi mempunyai beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membincangkan dan ikut serta dalam penelitian Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ini.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola akan merujuk kepada perkara di bawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat, Kod Akaun 003/000 – Peningkatan dan Kemajuan Pengangkutan Awam.

Kaola ingin memetik satu kajian yang telah diadakan beberapa tahun yang lalu dalam penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Darat Negara Brunei Darussalam (*The Brunei Land Transport Master Plan*) yang antara lainnya mendapati:

1. Hanya 41% dalam kalangan orang awam berpuas hati dengan

perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini; dan

2. Sekitar 40% dalam kalangan orang awam tidak berpuas hati dengan perkhidmatan pengangkutan bas awam atas sebab *reliability*, *frequency* atau kekerapan serta ketersediaan maklumat mengenai perkhidmatan bas awam.

Soalan kaola:

- i. Apakah perkembangan dengan penubuhan Autoriti Pengangkutan Awam Brunei (*Brunei Public Transport Authority*) sebagai salah satu badan yang merancang dan mengawal perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini secara berterusan?;

Ini termasuklah dari segi kawalan *standard* dan jenis kenderaan awam seperti bas dan teksi yang sesuai dan berpatutan selain memantau kadar tambang, jadual dan perjalanan laluan khususnya bagi bas-bas awam serta dalam memastikan penggunaan sistem teksi bermeter secara telus dengan kadar yang berpatutan; dan

- ii. Apakah perancangan seterusnya dari pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam membantu memastikan yang pemandu-pemandu bas awam di negara ini adalah terdiri daripada anak-anak tempatan yang dilengkapi dengan

pengetahuan dan kemahiran yang berpatutan?

Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SIKAP) telah pun diperkenalkan di negara ini sejak tahun 2013. Ia merupakan antara satu daripada inisiatif dan program keselamatan jalan raya yang bertujuan mendisiplinkan pemandu-pemandu di negara ini melalui penguatkuasaan dan pendidikan.

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada rancangan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam berdasarkan pendekatan secara psikologi, teknologi dan bersepadu yang terkandung dalam *Blueprint Decade of Action for Road Safety 2011 – 2020* bagi Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam sama-sama kita meningkatkan keselamatan pemandu, orang ramai, jalan raya dan kenderaan (*safer drivers, safer people, safer road and safer vehicles*).

Soalan kaola lagi:

- i. Apakah perkembangan terkini mengenai pelaksanaan Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SIKAP) ini sejak ia mula diperkenalkan serta keberkesanannya dari aspek meningkatkan keselamatan dan mengurangkan kemalangan di jalan raya termasuk yang melibatkan kecederaan dan kematian di negara ini?; dan

- ii. Adakah Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam ada membuat kajian-kajian yang berkaitan dan relevan bagi memastikan sistem ini akan sentiasa mampan dan berjaya untuk diteruskan?

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, yang mengajukan 2 soalan besar tetapi soalan yang ke-2 itu 'beranak dan bercucu' usulnya. Jadi, *إِنْ شَاءَ اللهُ* kaola akan menjawab dahulu soalan pertama.

Sehubungan dengan *Brunei Public Transport Authority* seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu dan juga selaras dengan penyeliaan *The Brunei Land Transport Master Plan (LTMP)*, ada satu kaji selidik (*one study*) yang menunjukkan 41% orang berpendapat pengangkutan awam ini perlu pembaikan.

1. Dalam hal ini mula-mula sekali *LTMP* itu memang masih *current*, *Land Transport Master Plan* yang masih juga diguna pakai bagi pelaksanaan apa jua perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan awam di darat pada masa ini; dan

2. Sehubungan dengan penubuhan *Land Transport Public Transport Authority* yang disebutkan tadi, memang perkara ini memerlukan jangka masa berfasa dan pada ketika ini secara berfasa. Untuk makluman bersama juga di sini *الحمد لله* pada tahun lepas, contohnya pada pertengahan tahun 2018, satu dasar baharu telah pun dikeluarkan dan diperkenalkan *الحمد لله MTLA (Motor Transport Licensing Authority)* telah pun digubal ataupun diganti fungsi dan peranannya oleh Jabatan Pengangkutan Darat secara umumnya.

MTLA ini, memang berperanan sudah berpuluh-puluh tahun sebelum ini. Ia berperanan untuk melesen kenderaan-kenderaan komersial, bas dan sebagainya.

Pada tahun lepas kementerian ini membuat penelitian dasar dan membetulkan, memperkemas dasar-dasar tujuan dalam pengangkutan darat. Ini adalah salah satu hasil penelitian yang telah pun dilaksanakan dan selaras jua dengan *Land Transport Master Plan* yang disebutkan tadi.

Dalam hal konteks melaksanakan sistem pengangkutan darat, *الحمد لله* dalam mukadimah kaola pun ada disebutkan dengan panjang lebar, *الحمد لله* peruntukan telah diberi untuk menjalankan sistem pengangkutan darat ini. *In fact* projek ini sebenarnya untuk melaksanakan apa jua sokongan ataupun *recommendation of the LTMP* itu.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ mengambil kira juga dengan *study* yang dibuat itu, memang *study* dibuat pada tahun 2014/2015. Kaola sendiri pun ada terlibat dalam *study* itu dahulu. Hasil dari kajian itu perlunya kita ada peningkatan pengangkutan *public bus transport system* yang kita ada pada masa ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Sehubungan dengan soalan yang ke-2, *part 1* mengenai "SIKAP". الحمد لله dari segi pelaksanaan "SIKAP" ini walaupun ia telah pun diperkenalkan pada 2013, kalau kaola tidak silap *its about 6 years ago*. Jadinya, apa yang berlaku memang ada *impact* atau pun keberkesannya apabila "SIKAP" ini dilaksanakan.

"Sistem Keselamatan Amalan Pemandu" yang diperkenalkan pada 2013 ini, memang sedang direviu ataupun diteliti pada masa ini dan ia dipantau. Hasil daripada pemantauan abis kaola ini juga, isu keberkesannya terutama sekali dalam isu teknikal, ia memerlukan penyelarasan dengan pihak-pihak tertentu khususnya pihak-pihak seperti Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga Jabatan Pengangkutan Darat, ia perlu penyelarasan. Didapati beberapa kes-kes penyelarasan perlu dibuat dan inilah yang sedang diutamakan dan diperbaiki secara berterusan.

Dalam pada masa yang sama untuk mengongsikan sahaja sebanyak 77 kesalahan lalulintas telah pun diteliti secara khusus. Hasil dari penelitian tersebut 10 kesalahan lalulintas yang sedia ada akan dinaikkan mata demeritnya. Ini bermakna, selepas reviu ini didapati beberapa kesalahan-

kesalahan di bawah *Road Traffic Act* yang dikenalpasti sebagai *major offences*. Contohnya, *reckless driving causing injury or death* dan sebagainya.

Perkara-perkara ini mengikut *international best practice* jua dengan amalan-amalan terbaik yang ada, abis kaola telah pun membuat reviu dan ketetapan untuk meningkatkan mata demerit yang sedemikian.

Bagi usaha ke arah *deterrent* kepada orang ramai supaya mana-mana *major offences* seperti *reckless driving* khususnya perlu diambil tindakan-tindakan yang tegas. Dari segi *point* SIKAP diteliti untuk dinaikkan.

Manakala, sebanyak 4 kesalahan dikenalpasti untuk disenaraikan bagi dikenakan mata demerit, iaitu perubahan mata demerit ini mengambil kira:

- i. Kekerapan kesalahan yang dilakukan; dan
- ii. Tahap berat kesalahan yang dilakukan sama ada ia dilakukan oleh kenderaan komersial atau pun persendirian.

Sebagai penutup mengenai "SIKAP" ini, abis kaola di *MTIC* dan khususnya di Jabatan Pengangkutan Darat mengalu-alukan apa jua penambahbaikan dan cadangan-cadangan daripada pihak awam. Barangkali, cukuplah kaola menjawab mengenai "SIKAP" itu beralih kepada *safer road*.

Secara ringkas sahaja, kaola menjawab kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu tadi.

Di bawah Majlis MKKJR memang ada dibuat beberapa *study* pada masa ini di bawah *CFTR* iaitu *MKKJR* yang pada masa ini semenjak tahun lepas telah pun mengorak langkah untuk mengandungi beberapa keahlian yang datangnya daripada pihak-pihak *stakeholders* yang berkepentingan.

Contohnya, adalah dengan adanya UTB, mereka ini aktif membuat *study* dari segi *data compilation*. Apa jua kemalangan jalan raya khususnya kemalangan yang dikira berat akan dibuat beberapa *study* mengenainya untuk mengenalpasti mengapa ia berlaku.

Banyak faktor yang menyumbangkan kepada kemalangan ini dan faktor utama sebagai contoh apa yang didapati tahun lepas sahaja. Dalam 10 kemalangan itu didapati 8 setiap 10 mengakibatkan *human factor* ataupun *what we call behavioural factors*. Contohnya, ia berlaku kerana orang itu melebihi had laju *speeding in fact distracted driving* seperti menggunakan *mobile* dan sebagainya.

Two out of ten cases of accident berlaku berhubungkait dengan teknikal iaitu jalan rayanya ataupun jua dengan keretanya. Tetapi majoriti *finding* itu adalah berhubungkait dengan *behaviourial factors*. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Saya merujuk Tajuk SN01A, Kod Akaun 002/000 – Pengurusan Dasar Pengangkutan dan Perhubungan.

Bagi sistem pengangkutan awam melalui jalan raya, kita ada sudah garis panduan untuk pengangkutan darat seperti *bus stop*.

1. Adakah rancangan jangka panjang di bawah kementerian dengan pihak Autoriti Maritim dan Pelabuhan untuk *standardize* perhentian perahu iaitu *boat stop* di semua perairan Negara Brunei Darussalam?; dan
2. Adakah rancangan *multi-modal* lokasi dipertemuan pengangkutan air dan darat, memandangkan sudah ada banyak perkembangan pembangunan di kawasan tebing sungai perairan dan aktiviti laluan air?

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mula-mula sekali kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat

Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii kerana membentangkan soalan yang cukup relevan pada masa ini. Apa yang berlaku ialah sehubungan dengan keselamatan atau pun *safety aspect of the maritime industry* di Brunei pada masa ini.

Memang benar seperti yang disuarakan tadi, kalau kita di jalan raya memang ada kepiawaiannya, keperluan-keperluan *road safety requirements* dan sebagainya dan sama juga di perairan tidak ada kurang bezanya juga sebenarnya.

Dan *I am so glad that you raise this because* masa ini MTIC dan MPABD sedang bertungkus lumus untuk meneliti, meliat macam mana untuk memperkemaskan, meningkatkan lagi keselamatan di perairan di negara kita.

Kaola ingin mengongsikan juga sedikit mengenai soalan tadi mengenai *standardization of* perhentian perahu. Sebenarnya pengawalseliaannya atau *regulatory aspects*, perhentian perahu ini di semua perairan Brunei melibatkan bidang kuasa beberapa agensi itu sebenarnya yang berkepentingan termasuklah APMBD.

Dalam hal ini, bagi memperkenalkan *any standards* ataupun piawai kepada perhentian perahu akan melibatkan satu *study* ataupun kesesuaiannya untuk secara menyeluruh dari segi aspek ekonomi keselamatan dan juga kesejahteraan orang ramai.

APMBD, untuk makluman sedang dalam perancangan dan secara jangka panjang

atau *long term* memang berhasrat untuk mengemaskinikan peraturan berkaitan dengan perhentian-perhentian dan pelabuhan-pelabuhan yang ada di Negara Brunei Darussalam.

Berkaitan dengan cadangan *multi model* lokasi di pertemuan pengangkutan air dan darat, memang perkara ini selaras juga dengan apa yang kaola sebutkan awal tadi mengikut dalam *Land Transport Masterplan*. Di negara kitani ini *is a bit uniquely different from other countries like* Singapura. *Mode of transfer* kitani memang ada *multimodal* ertinya di darat melalui kenderaan *whether it is private or public vehicles* dan kitani ada kenderaan perairan iaitu *boat whether it is private or also commercial boat*.

Jadinya, dalam konteks ini *multimodal location* ataupun apa yang disarankan tadi memang sudah ada beberapa lokasi pertemuan pengangkutan air dan darat yang telah dikenal pasti, **الْحَمْدُ لِلَّهِ**

Saya beri contoh, tempat-tempat penaikan sementara bot memang ada jua pada masa ini bot penumpang di Temburong sebagai contoh di Sungai Lampai *it's actually a temporary side*, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** telah dikenal pasti usaha untuk menempatkan suatu tempat yang *permanent* nanti.

Antara lain, banyak jua tempat penurunan atau naik bot. Ia disediakan seperti jua dihasratkan seperti *bus stop*. Tetapi, ini memerlukan kaedah *even whole of nation* jua iaitu swasta juga akan dialu-alukan dan juga pihak kerajaan melalui APMBD khususnya akan

إِنْ شَاءَ اللَّهُ menerajui usaha ini.

Sekianlah dulu dan diucapkan Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ada 2 soalan, yang pertama telah pun dikeluarkan oleh Yang Berhormat tadi, maka hanya tinggal satu soalan sahaja yang kaola kemukakan.

1. Mengenai Telefon Bimbit, kita pernah membaca dan melihat kejadian telefon-telefon bimbit yang meletop dan terbakar secara tiba-tiba di media sosial dan media cetak.

Perkara ini mungkin tidak pernah berlaku di negara kita. Tetapi untuk langkah keselamatan para pengguna di negeri ini, saya ingin bertanya, adakah usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak berkenaan untuk memastikan telefon-telefon bimbit yang aktif di negara ini selamat digunakan oleh orang ramai? ; dan

2. Apakah pernah diadakan kempen atau memberitahu berkenaan dengan kaedah-kaedah pemakaian yang betul dan langkah-langkah keselamatan ketika menggunakan telefon bimbit serta peralatan lain yang berhubungkait atau kesan-kesan

sampingan daripada aspek kesihatan kepada orang ramai?

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung kerana mengajukan satu soalan tadi mengenai telefon bimbit dan isu-isu keselamatan yang berhubungkait dengan penggunaan perkhidmatan telefon bimbit ini.

Mula-mula sekali, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung kerana perkara ini memangnya bukan baru-baru tetapi isu ataupun kes kejadian ini sebenarnya berkaitan *mostly related with batteries* bukannya *mobile*. Bateri *mobile phone* ini ada sekiranya yang tidak mengikut kepiawaian ataupun *standards* yang ditetapkan, memang ada risikonya.

Risikonya antara lainnya ia boleh meletop apabila disimpan lama di bawah terik matahari dan sebagainya jika tidak dijaga dengan betul. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِهِ setakat *to concur* dengan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung tadi, setakat ini kitani اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِهِ bukanlah menjadi satu insiden yang selalu berlaku di negara ini. Kitani mohon perlindungan jua. Pernah juga berlaku sebenarnya beberapa tahun yang lalu, kes-kes seperti ini memang diambil tindakan dan perhatian dengan segeranya.

Barangkali, satu adalah penguatkuasaan dari pihak *Telecom Regulatory AITi* dan walaupun barangkali dijalankan

penguatkuasaan dan pemberiaan kepada *mobile phone dealers* sebagai contoh. Untuk *complying so that they can complied to the requirement of regulatory requirement of AiTi* iaitu peraturan-peraturan yang berhubungkait dengan komunikasi dan juga *dealers license* juga yang tidak *compliance* dengan *dealers license* ini memang tindakan undang-undang akan dijalankan.

Perkara ini, telah pun berlaku dan sudah berlaku di beberapa premis sebelum ini yang telah pun diperiksa dan didapati ada juga kes-kes *mobile phone* terutama sekali bateri tidak menepati *approval standards* dan sebagainya.

Perkara ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* memang diambil perhatian berat dan dari semasa ke semasa, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pihak berkuasa AiTi dengan garis panduan yang ada, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan terus mengusahakan supaya perkara-perkara ini dapat ditangani dengan sebaik-baiknya.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ barangkali mengenai kempen-kempen yang ditanyakan tadi itu, memang pada setakat ini seingat kaola belum ada kempen-kempen khusus tetapi cadangan ini sangat baik dan abiskaola mengambilkannya sebaik-baiknya.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dapat dipertimbangkan dan mungkin dapat menggunakan satu *platform* yang berhubung kait dengan penggunaan positif *mobile* dan juga penggunaan *mobile* cara selamat. Barangkali *we can do that in one* kempen satu adalah penggunaan *internet* yang positif ataupun penggunaan *smart*

devices yang positif termasuklah juga dengan kaedah yang boleh kitani buat supaya penggunaan itu dibuat secara selamat, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan dan juga kita telah meneliti perkara-perkara yang dipersoalkan dan sampailah sudah masanya bagi kita untuk membuat penelitian ataupun membuat perhitungan sama ada perkara ini diluluskan atau sebaliknya.

Jadi, saya ingin bertanya sekarang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita meluluskan Rang Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangakat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, nampaknya semua Ahli bersetuju. Oleh yang demikian, Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga SN08A – Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang membincangkan Belanjawan Kementerian Kesihatan. Sebagaimana

lazimnya jua sebelum Tajuk ini saya bukakan untuk dibahaskan, saya ingin memberi laluan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menyampaikan ucapan pendahulunya ataupun mukadimahya tentang penyediaan-penyediaan belanjawan kementeriannya.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
 رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي، وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي، وَاحْلِلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kesihatan adalah nikmat yang sangat berharga sepertimana Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud "Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan kerana sesungguhnya tidak ada perkara yang lebih baik dari kesihatan selepas keyakinan (iman)." (Hadis Riwayat Ibnu Majah).

Betapa tinggi kepentingan kesihatan dalam kehidupan bahawa rakyat dan penduduk yang sihat dari segi fizikal dan mental setentunya akan dapat menyumbang kepada meningkatkan lagi kualiti kehidupan, kesejahteraan, kemakmuran dan pembangunan negara yang lebih mampan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ Negara Brunei Darussalam di bawah pemerintahan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan sifat keprihatinan, pemedulian serta komitmen baginda, sentiasa mengambil perhatian berat akan kepentingan hal-ehwal kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam tempoh 35 tahun mencapai kemerdekaan, sektor penjagaan kesihatan di negara ini telah berkembang pesat dengan beberapa pencapaian signifikan yang turut memperlihatkan peningkatan tahap kesihatan negara. Antaranya:

1. Pengurangan kadar kematian kanak-kanak di bawah umur 5 tahun dari 16 orang bagi setiap 1,000 kelahiran kepada 11.5 bagi setiap 1,000 kelahiran. Jangka hayat bagi penduduk di negara ini juga meningkat dari 71.4 tahun kepada 77.3 tahun;
2. Program imunisasi dan inisiatif mencegah penyakit-penyakit berjangkit telah menjadikan negara ini bebas daripada penyakit-penyakit berjangkit seperti polio, malaria, campak dan *rubella*; dan
3. Perkhidmatan penjagaan kesihatan yang dulunya tertumpu di hospital-hospital sekarang telah dapat dilaratkan ke pusat-pusat kesihatan yang berdekatan. Bilangan doktor perubatan telah meningkat lebih 6 kali ganda yang 50% daripadanya

terdiri daripada anak tempatan, manakala jumlah jururawat dan bidan keseluruhannya meningkat lebih 3 kali ganda.

بِاللَّهِ الْحَمْدُ bilangan rawatan yang melibatkan prosedur perubatan kompleks yang dijalankan di negara ini juga meningkat dan seterusnya dapat mengurangkan rujukan pesakit ke luar negara khususnya bagi rawatan penyakit kanser yang telah pun menurun daripada 229 kes pada tahun 2015 ke 131 kes pada tahun lepas.

Program pemindahan buah pinggang yang dimulakan beberapa tahun lalu kini telah berjaya melaksanakan 39 kes pemindahan buah pinggang iaitu 7 orang pesakit dibuat pembedahannya di negara ini.

Di samping itu, pembedahan dan pemasangan *mechanical heart* dan juga penggantian injap jantung juga berjaya dilaksanakan di negara ini melalui *Gleneagles JPMC* oleh anak-anak tempatan.

إِنْ شَاءَ اللهُ dalam masa terdekat pelaksanaan program pemindahan hati (*liver transplant*) akan dijalankan di negara ini melalui kolaborasi dengan *Jerudong Park Medical Centre* serta institusi perubatan luar negara. Manakala, Pantai Jerudong *Specialist Centre* menggunakan mesin-mesin perubatan antara yang tercanggih di rantau ini.;

Pelbagai pencapaian ini adalah merupakan hasil dari pelaburan

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2019/2020 iaitu: 'Pelaburan Untuk Masa Depan'. Seterusnya, menjana warga sihat dari segi fizikal dan mental serta produktif dan dinamik untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara yang mapan dan berdayatahan.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. بِاللَّهِ الْحَمْدُ peruntukan yang disokong bagi Tahun Kewangan 2019/2020 menunjukkan peningkatan yang signifikan iaitu sebanyak 12% berbanding tahun sebelumnya. Kaola tidak lupa mengucapkan penghargaan kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi atas sokongan yang telah diberikan selama ini dan kepercayaan bagi kementerian ini memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat dan penduduk negara ini. Dalam merancang Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2019/2020, peruntukan telah diatur untuk mendukung kepada 5 strategi utama Kementerian Kesihatan iaitu:

- i. Kecemerlangan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan;
- ii. Pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit;
- iii. Melindungi kesihatan awam melalui dasar dan peraturan yang efektif;

- iv. Kedayatahanan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui penggunaan sumber yang optimum dan inovasi; dan
- v. Urus tadbir yang telus dan proaktif.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ peruntukan keseluruhan Kementerian Kesihatan yang disokong bagi Tahun Kewangan 2019/2020 ialah sebanyak \$386,834,340.00. Peruntukan ini telah dibahagikan seperti berikut:

- i. Gaji Kakitangan sebanyak \$225,897,990.00; dan
- ii. Perbelanjaan Berulang-ulang \$160,936,350.00.

Manakala peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11) di Kementerian Kesihatan bagi tahun 2019/2020 yang disokong ialah sejumlah \$11,698,860.00 dari Harga Rancangan keseluruhan sejumlah \$25,045,000.00 iaitu bagi Projek Pembinaan Pusat Kesihatan yang baharu di kawasan Pandan di Kuala Belait; Pembinaan Blok Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong; pembinaan Bangunan Perkhidmatan Kecemasan Hospital Suri Seri Begawan di Kuala Belait; Pembinaan Makmal *Certified BSL3* bagi mendukung penubuhan Makmal Rujukan TB Kebangsaan; dan Perkhidmatan Virologi dan Penambahbaikan Sistem *Bru-HIMS*.

Antara tambahan peruntukan bagi tahun 2019/2020 yang memberi impak khusus kepada perkhidmatan perubatan jika

dibandingkan dengan tahun sebelumnya ialah tambahan 82 jawatan doktor dan 129 jawatan jururawat dan manakala 14 jawatan bagi *Allied Health Professional* dan *affiliates* diwujudkan melalui *trade-off*. Dalam masa yang sama, 101 jawatan doktor juga telah diluluskan secara tambahan bagi peruntukan yang diluluskan melalui Waran Perjawatan dalam Tahun Kewangan 2018/2019. Sebanyak \$14,600,000.00 bagi Peruntukan Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan dan \$10,825,000.00 bagi Peruntukan Pemeliharaan Aset.

Sokongan peruntukan bagi Kementerian Kesihatan untuk tahun kewangan ini jelas menunjukkan keprihatinan tinggi secara berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam demi memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kementerian Kesihatan telah dan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi mendukung kecemerlangan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berteraskan kepada *people centred care* dengan tenaga kerja kesihatan yang profesional, dinamik, progresif dan penuh pemedulian.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pelaburan kepada tambahan profesional kesihatan khususnya dalam kalangan anak-anak tempatan akan menambah nilai kepada usaha pengukuhan perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini.

Ini adalah usaha sama dengan Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini yang mengendalikannya program-program kedoktoran dan kejururawatan yang telah membantu meningkatkan peratus profesional kesihatan tempatan yang berkhidmat di Kementerian ini dari setahun ke setahun.

Seperti saya maklumkan, 50% bagi doktor perubatan sekarang adalah rakyat tempatan dan 92.8% bagi jururawat dan bidan tempatan. Dengan sokongan berterusan ini dari pihak Jabatan Perkhidmatan Awam melalui skim LDP dan Kementerian Pendidikan, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** jumlah doktor tempatan pada masa ini yang telah memperolehi *specialist qualification* meningkat kepada seramai 113 orang iaitu lebih 70% dari jumlah keseluruhan pakar/konsultan di bawah Kementerian ini;

Dalam usaha mencapai kecemerlangan ini, kepentingan kualiti dan keselamatan pesakit sebagai asas dalam penjagaan kesihatan juga diambil peduli. Justeru, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Jawatankuasa Kualiti dan Keselamatan Pesakit Kebangsaan untuk menyediakan *framework* yang holistik bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang mendukung kepada melindungi keselamatan pesakit-pesakit selaras dengan amalan-amalan yang terbaik serta saranan organisasi antarabangsa khususnya Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*), di samping meningkatkan kapasiti organisasi untuk melaksanakan *evidence-based practice*.

Pihak Kementerian Kesihatan juga telah menubuhkan jabatan *Quality, Governance and Innovation* serta *Patient Safety Unit* di setiap hospital dan pusat-pusat kesihatan bagi memantau kualiti dan keselamatan perkhidmatan kesihatan yang telah diberikan kepada pesakit.

Antara lain, jabatan tersebut dihasratkan untuk menambah baik urus tadbir serta kebajikan pesakit serta kakitangan dengan penggunaan kaedah *online incident reporting*, ia dihasratkan untuk memastikan ketelusan (*transparency*) dalam memupuk dan meningkatkan budaya *patient safety culture* dalam kalangan warga Kementerian Kesihatan.

Baru-baru ini, pihak Kementerian Kesihatan telah menyediakan Dasar Kebersihan Tangan (*Hand Hygiene Policy*) dan Garis Panduan Pengawalan Jangkitan Pergigian (*Dental Infection Control Guideline*) untuk pelaksanaan sebagai langkah dalam mencegah dan mengawal risiko sebarang jangkitan dalam penjagaan kesihatan;

Kementerian Kesihatan turut memberi fokus kepada pencapaian kecemerlangan bagi perkhidmatan diagnostik khususnya perkhidmatan makmal klinikal, dalam tempoh 5 tahun akan datang, Sistem Pengurusan Kualiti *ISO15189* akan diperkukuhkan lagi dengan sasaran peningkatan ujian yang diakreditasi yang akan terus dipertingkatkan dalam masa mendatang. Pencapaian matlamat ini akan dibantu dengan penggunaan beberapa pendekatan inovatif dalam proses makmal seperti *Total Lab*

Automation bagi penganalisan ujian-ujian rutin makmal klinikal kimia.

Dalam pada itu, beberapa pembaharuan turut dirancang untuk dilaksanakan seperti penggunaan kaedah ujian *molecular* untuk mempercepatkan sebahagian ujian dan juga pengenalan perkhidmatan *Point of Care Testing (POCT)* yang akan memperbaiki lagi penjagaan dan pengurusan pesakit dengan lebih cekap dan berkesan;

Kementerian Kesihatan juga akan terus meningkatkan perkhidmatan kejururawatan terutama bagi memastikan layanan terbaik serta memfokuskan kepada aspek *infection control*. Dalam masa yang sama, masih mengekalkan konsep Melayu Islam Beraja.

Pakaian seragam baharu jururawat yang tampil lebih ceria dengan warna *pastel* adalah setanding dengan pakaian seragam antarabangsa termasuklah dari segi pemakaian tudung yang dapat membantu menjaga keselamatan diri.

Selain itu, perubahan pakaian seragam jururawat ini juga dibuat sebagai satu motivasi bagi menaikkan lagi moral serta semangat para jururawat dalam melaksanakan tugas masing-masing; Kepentingan untuk melindungi kesihatan awam diambil serius bagi memastikan kesiapsiagaan dalam menangani sebarang ancaman kesihatan termasuk wabak penyakit berjangkit termasuk *tuberculosis (TB)* dan *HIV* melalui sistem *surveillans* dengan mengambil

pendekatan rangkaian kerjasama serantau.

Dalam menangani penyakit *HIV*, pihak Kementerian Kesihatan juga sedang menyediakan Pelan Tindakan selaras dengan rangka kerja *United Nations Global HIV strategy* ke arah memberhentikan epidemik *AIDS* di peringkat global menjelang 2030;

Sebagai usaha bagi menambah baik kecekapan dan kapasiti negara ini dalam mencegah, mengesan dan memberi respons kepada kecemasan kesihatan awam, Jawatankuasa Kebangsaan Pelaksanaan Peraturan Kesihatan Antarabangsa (*WHO International Health Regulation IHR*) 2005 telah ditubuhkan pada tahun 2018 yang keahliannya terdiri daripada wakil dari semua kementerian dan agensi-agensi yang berkepentingan.

Matlamat jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk memastikan koordinasi dan kerjasama yang rapat antara semua pihak melalui pendekatan *whole of nation* ke arah memenuhi keperluan kapasiti teras *IHR* bagi mengesan, mencegah dan mengawal apa jua kecemasan kesihatan awam khususnya yang menjadi kebimbangan di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Strategi pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit terus menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan ini. Program-program yang

dirancang di bawah Jawatankuasa Pelbagai Sektor bagi Kesihatan (*Multisectoral Task Force on Health*) giat dilaksanakan dan dipantau bagi memastikan pencapaian objektif yang ditetapkan. Program-program berkenaan memberikan tumpuan kepada lima bahagian:

- i. Mempertingkatkan persekitaran makanan Brunei;
- ii. Memberikan permulaan yang terbaik bagi kanak-kanak;
- iii. Menyokong komuniti yang aktif;
- iv. Mengurangkan penggunaan tembakau; dan
- v. Memastikan warga negara mempunyai kesihatan mental yang optimum dan berdaya tahan.

Pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit menggunakan pelbagai pendekatan dan membuat sasaran kepada semua peringkat rakyat dan penduduk negara ini di persekitaran sekolah, tempat kerja, tempat awam, termasuk juga pendekatan masyarakat dan pemimpin setempat sepertimana Program Mukim Sihat dan juga Program Duta Kesihatan.

Dalam pada itu, "Program Bandarku Ceria" juga jelas membawa impak positif kepada mempromosi cara hidup sihat sepertimana dapatan satu kaji selidik yang dilaksanakan oleh pihak Pusat Promosi Kesihatan, bahawa peserta-peserta menilai "Program Bandarku

Ceria" sebagai satu *platform* yang sangat bersesuaian dalam memberikan pengalaman positif dan persekitaran yang selamat untuk beriadah dan juga peluang untuk melakukan aktiviti fizikal.

Program ini juga berupaya untuk menarik penyertaan mereka yang kurang aktif untuk lebih giat melakukan aktiviti fizikal. Sebanyak 42% peserta melaporkan mereka lebih aktif dan dapat menepati sasaran untuk melakukan 150 minit kegiatan fizikal dalam seminggu dengan menghadiri acara "Bandarku Ceria". Selain itu, aktiviti-aktiviti yang disediakan turut menyasarkan kanak-kanak menjadikan satu tarikan bagi penglibatan seluruh keluarga pada acara tersebut.

Manakala program promosi kesihatan di tempat-tempat kerja terus diperkukuhkan dengan kerjasama padu *stakeholders* berkenaan seperti kolaborasi bersama *Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC)* bagi pelaksanaan Program Tempat Kerja dan Kesihatan (*Workplace and Health, WAH*) serta Program Persekitaran Bahagia dan Kehidupan Aktif (*Happy Environment and Active Living, HEAL*).

Dalam hal ini, semua agensi kerajaan dan pihak swasta digalakkan untuk sama-sama mempromosikan dan membudayakan amalan-amalan yang mendukung kepada tempat kerja yang sihat ke arah membangun tenaga kerja yang sihat, efektif dan produktif.

Pelaksanaan program-program serta dasar-dasar tertentu ini dihasrat dapat menyumbang kepada memperbaiki lagi

status kesihatan rakyat dan penduduk dalam menepati sasaran yang ditetapkan iaitu menjelang tahun 2023 yang akan mengurangkan kematian pramatang disebabkan oleh penyakit-penyakit tidak berjangkit dari 14.3 % kepada 10% dan mengurangkan kadar merokok dari 19.9% kepada 14%.

Dalam pada itu, sasaran lain yang turut dikenalpasti ialah bagi memberhentikan peningkatan kadar obesiti dan berat badan berlebihan, mengurangkan kadar mereka yang menghadapi diabetes dan tekanan darah tinggi, meningkatkan kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif dan untuk meningkatkan kadar mereka yang menepati sasaran kegiatan fizikal.

Pada tahun ini, tumpuan utama jawatankuasa ini dilaratkan untuk turut memberi perhatian dan tindakan kepada kepentingan penjagaan kesihatan mental. Ini mengambil kira saranan pihak *WHO* yang telah meramalkan impak isu kesihatan mental terhadap ekonomi dan juga perkembangan sosial yang pada masa kini isu kesihatan mental dipercayai menyumbang kepada sebanyak 13% kos beban penyakit di seluruh dunia dan penyakit kemurungan dianggap sebagai penyebab terbesar beban kos penyakit di seluruh dunia menjelang tahun 2030.

Pelaksanaan promosi kesihatan mental yang telah diatur ialah melalui program di sekolah-sekolah seperti Program Brunei Bebas Buli, di tempat-tempat kerja iaitu melalui Program i-Minda dan di peringkat komuniti melalui Program Jaga Minda Kita.

Perkhidmatan kesihatan mental juga telah diperluaskan untuk memberikan akses kepada mereka yang memerlukan mana-mana klinik psikologi secara *walk-in* yang mana dibukakan pada Ogos 2018. Dengan adanya kemudahan ini, bilangan kes baharu yang dikendalikan oleh perkhidmatan psikologi meningkat dengan ketaranya dari 2,846 kes pada tahun 2017 kepada 3,324 kes pada tahun 2018. Ini menunjukkan lebih banyak yang sebelumnya menghadapi masalah mental menghadapinya secara bersendirian, kini mula mendapatkan nasihat pakar.

Bermula Februari 2019 tahun ini, pihak Kementerian Kesihatan juga telah memperkenalkan perkhidmatan menggunakan kaedah telefon dinamakan "Talian Harapan 145" yang dikendalikan oleh profesional kesihatan, khusus untuk memberikan khidmat nasihat bagi menangani situasi atau tekanan yang menyebabkan gangguan mental atau emosi serta memberikan khidmat kecemasan atau bantuan kepada para pemanggil yang berada dalam krisis kesihatan mental yang boleh membawa kepada masalah psikologikal atau berfikiran untuk membunuh diri.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola sukacita mengambil kesempatan ini dalam Dewan yang mulia ini untuk menasihatkan orang ramai untuk menghormati pesakit mental kerana mereka juga mempunyai maruah dan perlu dihormati seperti orang lain.

Dalam usaha pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit

jantung, *stroke* dan kanser ataupun komplikasi yang disebabkan olehnya seperti kegagalan buah pinggang, masalah penglihatan dan amputasi ataupun pemotongan kaki serta sejajar dengan konsep mencegah adalah lebih baik daripada merawat. Kementerian Kesihatan baru-baru ini telah memperkenalkan Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (*National Health Screening Program*) untuk mengesan dan merawat penyakit-penyakit kronik lebih awal dan mencegah komplikasi serta memudahkan rawatan dan pengawalan penyakit-penyakit tersebut.

Program ini pada peringkat awalnya, ini disasarkan bagi pengesanan penyakit kardiovaskular termasuk pemeriksaan bagi kondisi seperti tekanan darah tinggi, kencing manis dan kolesterol tinggi dan selanjutnya program ini akan memberi fokus kepada pengesanan kanser-kanser tertentu.

Dalam masa yang sama, usaha-usaha bagi memantapkan pendidikan kesihatan atau *health literacy* dalam kalangan rakyat dan penduduk negara juga akan dipergiatkan bagi tujuan meningkatkan lagi kesedaran dan kebertanggungjawaban masyarakat mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dan amalan cara hidup sihat.

Ini adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-66 Tahun yang antara lain menitahkan:

“Kerajaan berharap untuk melihat rakyat dan penduduk di negara ini mempunyai tahap kesihatan yang optimum. Namun ini, hanyalah mungkin dapat dicapai, jika setiap individu dan masyarakat sama-sama menyedari dan mengambil berat perkara-perkara kesihatan itu, bukannya semata-mata menyerahkan kepada pihak kerajaan.”

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa sentiasa membuat penilaian semula perkhidmatan yang diberikan bagi memastikan kecemerlangan perkhidmatan dan *compliance*. Oleh itu, beberapa inisiatif dan akan dilaksanakan memberikan kepuasan perkhidmatan dan mendekati orang ramai dengan penjagaan kesihatan diri.

Teknologi dalam penjagaan kesihatan pada umumnya telah terbukti banyak memberi manfaat kepada pesakit dan juga memudahkan tenaga kerja kesihatan dalam memberikan perkhidmatan. Beberapa inisiatif sedang diusahakan oleh Kementerian Kesihatan termasuklah:

- i. Meningkatkan aplikasi Sistem *Bru-HIMS* dengan meneroka peluang untuk pengenalan *e-Services* ke arah memperbaiki efisiensi dan keberkesanan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Bagi merealisasikan konsep '*one patient one record*', penggunaan *Bru-HIMS* akan dilaratkan

- penggunaannya ke fasiliti-fasiliti di luar Kementerian Kesihatan;
- ii. Mengenalkan perkhidmatan penempahan temu janji di Pusat Pemeriksaan Kesihatan Berakas, bagi Perkhidmatan Pemeriksaan Pekerja Asing dan Pusat Suntikan secara atas talian (*online*) menggunakan *system Que-Up* yang dikendalikan oleh anak-anak tempatan;
- iii. Memaklumkan harga perubatan dan ubat-ubatan kepada pesakit melalui pesanan ringkas (*SMS*) yang bertujuan bagi memaklumkan kepada orang ramai akan kos-kos perubatan dan supaya menghargai perkhidmatan dan ubat-ubatan yang dibekalkan;
- iv. Melaksanakan inisiatif *tele-health* untuk membolehkan Klinik Kesihatan Labi berhubung dengan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Hospital Suri Seri Begawan dan Pusat Kesihatan Sungai Liang menggunakan konsep *telemedicine*.
- pegawai perubatan yang bertauliah; dan
- v. Kementerian Kesihatan akan melancarkan pembayaran digital melalui *system QuickPay* yang membolehkan orang awam membuat pembayaran perkhidmatan di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan secara atas talian.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ، pertumbuhan sektor swasta dalam penjagaan kesihatan di negara ini sangat menggalakkan bahawa mereka ini dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dan meningkatkan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Melalui pelaksanaan inisiatif yang berteraskan *public-private partnership*, seperti dalam pembangunan infrastruktur dan pemberian perkhidmatan perubatan untuk dikendalikan oleh sektor swasta akan dapat membantu mengembangkan sektor perubatan di negara ini. Antara projek yang giat dilaksanakan termasuklah:

Dengan perkembangan yang julung-julung kali dilaksanakan ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, akan dapat diperluaskan lagi ke kawasan-kawasan pedalaman bagi memudahkan jururawat di klinik-klinik mendapat nasihat dari doktor-doktor atau bagi doktor di klinik-klinik kesihatan mendapatkan nasihat pakar-pakar tertentu, ataupun orang awam yang terlatih dalam bidang *first aid* dapat berhubung dengan doktor atau

- i. Memperkenalkan perkhidmatan penghantaran ubat ke rumah-rumah secara percubaan melalui usahasama dengan sebuah syarikat tempatan. Perkhidmatan ini mengenakan bayaran minimum \$3 hingga \$5 bagi setiap penghantaran. Jika perkhidmatan ini berjaya dan mendapat sambutan, ia akan dibukakan kepada syarikat-syarikat lain yang

berminat yang dapat memenuhi syarat-syarat tertentu;

- ii. Pengendalian perkhidmatan *Non-Clinical* akan dibuat secara *outsourcing* bagi memastikan perkhidmatan yang dikendalikan mengikut piawaian-piawaian yang ditetapkan;
- iii. Membuat penelitian kemungkinan bagi penyediaan infrastruktur hospital secara *private public partnership* melalui kerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi; dan
- iv. Pembekalan mesin-mesin perubatan berteknologi tinggi secara *leasing* atau sewa dari syarikat-syarikat tempatan.

Negara Brunei Darussalam telah mencapai sebahagian besar sasaran Matlamat Pembangunan Berdaya Tahan 2030 (*United Nations, Sustainable Development Goals 2030*) mengenai kesihatan dan diiktiraf sebagai negara yang telah mencapai liputan penjagaan kesihatan menyeluruh (*universal health coverage*). Namun demikian, masih banyak lagi cabaran yang perlu ditangani.

Pelaburan terbaik dalam jangka panjang ialah untuk mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan meliputi sektor awam dan juga swasta, membentuk kerjasama padu dengan penglibatan semua lapisan masyarakat, di samping untuk sentiasa meletakkan agenda kesihatan sebagai landasan kepada pembangunan berdaya tahan dan

menggerak bagi pelaksanaan kesihatan dalam semua dasar (*Health in All Policies*);

Selaras dengan visi 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan mendukung tema belanjawan tahun ini "Pelaburan Untuk Masa Depan," Kementerian Kesihatan mengharapkan kerjasama padu semua pihak dari agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan (*NGO*), ketua-ketua akar umbi, dalam sama-sama berganding bahu menggalas tanggungjawab menjaga kesihatan dan keselamatan awam bagi kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Sebelum kaola menutup mukadimah ini, kaola ingin merakamkan penghargaan atas sokongan padu semua Kementerian dalam menangani kesihatan awam dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerana sering bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan sama ada secara peribadi, melalui *NGO* yang disokong atau melalui promosi-promosi kesihatan di daerah, mukim dan kampung. Semoga segala usaha yang telah dan akan dilaksanakan mendapat rahmat dan petunjuk
 أمين الله سبحانه وتعالى

Sekian saja yang dapat kaola sampaikan mengenai strategi utama dan fokus bagi perbelanjaan Kementerian Kesihatan bagi tahun 2019/2020 sebagai mukadimah dan kaola sukacita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan ini.

Sekian terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية آسَلَامًا عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةً اللّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah pun membentangkan Belanjawan kementerianya, terutama mengenai tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat kementerianya serta aspek-aspek dalam memantapkan perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Sekarang saya ingin membukakan perbincangan bagi Tajuk Kementerian Kesihatan. Bersama saya, ada senarai nama Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membahaskan Tajuk ini.

Saya memulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas pembentangannya dan saya menyambut baik, terutama sekali usaha dalam meningkatkan kerja-kerja kesedaran ataupun penjagaan kesihatan mengenai *HIV* dan *Aids, which is close to my heart on that one*. Terima kasih diucapkan sekali lagi.

Saya ingin menyentuh mengenai dua perkara iaitu:

1. Kod Akaun 001/000 - Urus Tadbir dan Dasar Kesihatan iaitu mengenai kualiti audit. Apakah usaha pihak

kementerian menjalankan audit atau pengawasan secara rambang akan kualiti konsultasi antara doktor atau profesional kesihatan dengan pesakit di rumah sakit kerajaan mahupun swasta?; dan

2. Kod Akaun 005/003 - Pengurusan Ujian Makmal Untuk Kesihatan Awam, Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang, pihak swasta/industry, lain-lain Agensi dan perseorangan.

Soalannya ialah, alahan kepada makanan. Apakah dasar untuk melindungi para pengguna untuk mengelakkan mereka yang mempunyai alahan daripada terkena perkara-perkara yang tidak seharusnya? Ini adalah untuk mengetahui makanan-makanan yang dijual boleh menjejaskan kesihatan mereka. Terutama sekali barang makanan yang berjual secara bermasak. Contohnya, di beberapa negara mempunyai akta ataupun undang-undang mengenai *food allergen labelling* bagi makanan seperti *nut free, dairy free, soy free, gluten free* dan lain-lain.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

1. Pada menjawabnya, buat masa sekarang rangka audit ataupun pengawasan adalah bersifat

retrospective records review dan lebih tertumpu kepada insiden kritikal keselamatan pesakit seperti kematian yang tidak diduga ataupun kemalangan ataupun kecederaan yang terjadi di rumah sakit.

Bagi insiden macam ini, fasiliti kesihatan tersebut adalah dimestikan membuat penyiasatan terperinci melalui *mortality and mobility review*. Ini termasuklah penyiasatan kematian ibu mengandung dan kanak-kanak yang diselenggarakan oleh komiti *Maternal and Child Life Surveillance and Response Committee*. Penyiasatan seperti ini akan meliputi semua fasiliti kerajaan dan rumah sakit swasta dan ia bukan bersifat rambang bagi memastikan tidak ada kes lepas perhatian.

Di samping itu *records review* secara rambang oleh proses audit oleh fasiliti yang diiktiraf oleh pertubuhan antarabangsa seperti *Joint Commission International (JCI)* dan *ISO* seperti Pusat Kesihatan Pengkalan Batu dan *JPMC* dan makmal-makmal bagi memastikan rekod-rekod pesakit bukan saja diisikan dengan sempurna bahkan yang lebih penting isi kandungan rekod tersebut adalah *appropriate*. Ini bermakna setiap proses rawatan dikaji bagi memastikan ia bersesuaian dan selamat.

Records review ini juga buat masa ini dalam rancangan untuk dilaratkan ke semua fasiliti kerajaan dan pusat kesihatan yang bersesuaian

selaras dengan hasrat kementerian untuk mengadaptasi *standard* antarabangsa; dan

2. Mengenai alahan. Buat masa ini setiap produk makanan yang diimport atau disediakan ataupun *dipakej*, diedar ataupun dijual di Negara Brunei Darussalam hendaklah dipastikan selamat untuk dimakan dan mematuhi Akta Kesihatan Awam Penggal 182 dan peraturan-peraturan termasuk perlabelan dan kandungan bahan-bahan tertentu.

Mengenai perlabelan ini, Peraturan 182 telah menggariskan kehendak perlabelan produk makanan yang antara lainnya mengenai peraturan bagi produk-produk mengandungi daging termasuk daging khinzir, *alcohol, edible fats and edible oil* serta *additive* makanan. Peraturan yang ada pada masa ini tidak memperuntukkan bagi *labelling* untuk makanan yang mengandungi bahan-bahan yang boleh menyebabkan alahan. Walau bagaimanapun saranan ini akan diambil baik oleh Kementerian Kesihatan dan akan dipertimbangkan seterusnya.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Kaola yakin dengan kepimpinan dan usaha berterusan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan warga kementerian akan mampu mencapai visi dan misi Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat Pengerusi, kaola membawakan beberapa tajuk:

1. Berkenaan Elaun Risiko Bagi Pegawai dan Kakitangan Program *Tuberculosis* Kebangsaan di bawah kategori *professional hazard*, risiko berkenaan adalah sesuatu ancaman berbahaya yang berkaitan dengan pekerjaan yang diceburi. Disebutkan ada 3 kemungkinan jenis-jenis risiko:
 - i. Kemungkinan kekerasan fizikal dari pesakit dan orang awam semasa pekerja kesihatan *tuberculosis* menjalankan tugas di komuniti seperti lawatan ke rumah-rumah dan lain-lain dalam usaha memastikan dan memeriksa jangkitan kuman *TB* di bawah Akta Penyakit Berjangkit 2003;
 - ii. Gangguan binatang peliharaan dan liar, bahaya ancaman seperti gigitan anjing yang membawa penyakit *rabies* dan lain-lain; dan
 - iii. Masalah psikososial yang dihadapi seperti stigma berkaitan dengan penyakit *biological* seperti terdedah kepada kuman

tuberculosis semasa mengendalikan pesakit yang belum menerima rawatan *tuberculosis* dan kuman serta virus berbahaya semasa membuat pencarian kontak di komuniti.

Walaupun langkah berjaga-jaga diambil seperti *universal inspection control*, pendedahan kepada kuman dan virus tetap terjadi dalam tahap yang rendah akan tetapi ia akan meningkat melalui *contact time* yang kerap.

Persoalan pertama, yang ditimbulkan ialah pada tahun 2012, perkara ini sudah di peringkat Jabatan Tanggagaji JPA dan meneliti dan mengetengahkan beberapa isu yang memerlukan penjelasan yang lebih tepat dan *comprehensive* dari *Ministry of Health* tapi sampai waktu ini belum ada progresnya.

Persoalan kedua, cabaran yang dihadapi bagi kerja pengendali penyakit *tuberculosis* kurang popular dan mendapat kesukaran dalam menarik lebih ramai anak tempatan untuk menceburi bidang-bidang yang mencabar ini.

Soalan saya:

1. Apakah ada usaha bagi menarik anak-anak tempatan bagi menceburi bidang profesional ini dibuat agar cabaran ini dapat diatasi;

2. Sejauhmana kepakaran, kelengkapan dan keupayaan pihak rumah sakit Negara Brunei Darussalam dalam menangani masalah pesakit urat saraf? Mengikut maklumat, ada yang telah dibuat diagnosis seperti setengah tahun barulah ada keputusan hasil diagnosis itu. Itu pun, pesakit meminta sendiri untuk berjumpa pakar di *JPMC* kerana pesakit sudah tidak dapat menahan sakit. Maka, perlunya ada mesin atau alat yang canggih untuk membuat diagnosis dan mungkin menambah pakar dalam bidang sakit saraf; dan
3. Sepertimana ayat-ayat As-Syifa disebutkan dalam kitab suci Al-Quran salah satu daripadanya:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 وَنُزِّلَ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ
 صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Soalan kaola, sejauhmana pihak kementerian mengambil faedah baik perubatan Islam melalui Al-Quran dan As-Sunnah.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuba memahami dulu soalan tadi. Mengenai Elaun Risiko kepada pekerja program *TB*. Pada menjawabnya, masa ini memang pihak kementerian memahami risiko setiap pekerja terutama sekali berhadapan dengan penyakit yang berjangkit macam ini. Seperti Yang Berhormat sendiri maklum, perkara ini sudah pun dibawa ke jabatan

yang berkenaan. Pihak kementerian masih lagi 'menunduki' perkara ini. Kalau difikirkan semua pekerja di rumah sakit ini berisiko, mesti ada asasnya jua sebab masa ini ada beberapa jawatan yang sudah menerima elaun. Bahagian *Tuberculosis* ini difahami dan masa ini 'ditunduki' dan menunggu perbincangan nanti dengan agensi-agensi yang tertentu.

Mengenai anak tempatan. Memang dialu-alukan anak tempatan untuk bekerja dengan Kementerian Kesihatan tapi ia memerlukan seperti doktor *proper training* dan seperti yang dikatakan tidak semua orang mahu, jadi tidak jua dapat dipaksa, *anyway the opening is always there* memang dialukan kepada rakyat tempatan, jadi memang tidak ada halangan dan kemudian mengenai penyakit urat saraf ataupun neurologi.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah urat saraf atau pun neurologi ini sekarang ditangani oleh *Brunei Neuroscience, Stroke and Rehabilitation Centre (BNSRC)* di *Pantai Jerudong Specialist Centre*. Mulai bulan November ada konsolidasi pakar dari Hospital RIPAS ini dipindah ke Pantai Jerudong Specialist Centre secara berperingkat-peringkat.

Memang diakui perjumpaan itu kadang-kadang mengambil masa yang lama disebabkan oleh sebab-sebab tertentu dan salah satu daripadanya ialah kakitangan doktor ataupun jururawat. Walau bagaimanapun, masalah ini

sedang ditangani dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kelambatan ini mungkin dapat dielakkan.

If you need you can always go to any GP clinic dan doktor tersebut boleh menghubungi doktor ataupun Pakar Neurologi tersebut jika benar ada yang memerlukan rawatan secepatnya.

Mengenai Perubatan Islam. Doa adalah senjata yang paling tinggi, jadi pihak Kementerian Kesihatan tidak ada halangan jika ada orang menggunakan rawatan Islam *intended with modern medicine*.

Apa yang kita perlu definisikan, perubatan Islam ialah ada orang sebahagiannya menggunakan macam akar-akaran dan sebagainya yang menggunakan *other natural product*. Ini perlu dipastikan dulu, adakah ia selamat atau tidak. Dari segi aspek itu perlu dikawal dan di samping menggalakkan membacakan doa dan sebagainya itu tidak ada halangan. Itu sahaja, sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ pertama-tama kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Kaola akan membukakan soalan:

1. Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan. Kod Akaun 002/000 - Kesihatan Awam. Terus sahaja kepada soalan. Adakah diambil maklum bahawa peruntukan untuk perubatan dan kesihatan di negara ini semakin meningkat setiap tahun. Ke arah itu adakah sudah usaha-usaha atau strategi dibuat setakat ini untuk mengurangkan sebarang ketidakcekapan dalam penggunaan peruntukan yang disediakan?;
2. Apakah pilihan-pilihan dan usaha-usaha Kementerian Kesihatan untuk menangani kos inflasi *medical cost inflation* dari segi pembelian ke atas ubat-ubatan, mesin-mesin perubatan yang canggih dan seumpamanya?;
3. Dengan bertambahnya bilangan penduduk setiap tahun adakah sudah kajian dibuat untuk memperkenalkan *Medicare and Medicaid* di Kementerian Kesihatan khususnya menyediakan pakej atau insentif kewangan kepada yang berjaya mengekalkan kesihatan sampai umur 60 tahun tanpa mengalami obesiti, kencing manis, sakit jantung, darah tinggi dan seumpamanya?

Seterusnya dengan adanya ribuan jenis ubat-ubatan dikeluarkan setiap tahun adakah *neurologie dillingen* untuk memastikan kehalalan dan kualiti ubat-ubatan kepada pesakit dan pengguna atau hanya bersandar kepada pengiktirafan badan luar negeri sahaja seperti *Federal Drug Authority (FDA)*? dan

4. Menyentuh mengenai *manpower planning sectoral* kesihatan. Apakah langkah-langkah dan usaha-usaha seterusnya diambil untuk mengurangkan dan seterusnya menggantikan doktor-doktor, pakar-pakar dan *nurse-nurse* luar negeri yang ada pada masa ini.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada 4 atau 5 soalan yang dikemukakan jadinya yang terakhir dulu kaola jawab Yang Berhormat Pengerusi mengenai doktor-doktor atau pun jururawat orang luar. Buat pada masa ini seperti dalam mukadimah, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kerajaan kitani dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah berjaya melahirkan banyak doktor tempatan. Dalam masa kitani merdeka ini sudah 50% doktor tempatan dan mesti ingat jua *population* kitani sedikit. Pakar *is more than 70%* orang tempatan dan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** seperti yang kaola nyatakan tadi jua dengan kerjasama dari JPA dan Kementerian Pendidikan, LDP secara berterusan diberikan kepada anak-anak tempatan untuk membuat pengkhususan dalam bidang kedokteran. Begitu juga dengan kejururawatan yang pada masa ini di negara ini sudah ada *degree* untuk *nursing* dan selepas itu ada *Post Graduate Diploma* dalam pengkhususan dalam beberapa bidang sudah diadakan di negara ini. **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** matlamat kerajaan untuk *nationalise* pekerja-pekerja ini akan tercapai. **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** dalam masa yang terdekat.

Mengenai soalan pertama, iaitu belanjawan, kalau kitani bandingkan negara kitani seperti yang kaola terangkan tadi, belanjawan kitani tidak sampai 400 juta. *Less than 2.5% of GDP, there is no any other country in this region to spent that much less in health but yet produce* atau melahirkan kualiti-kualiti kesihatan yang menjurus kepada apa yang *SBG* perlu lihat. *GDP* lebih 70 tahun. Kesihatan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun, ibu yang mengandung, semua ada *tension to access to medical care and universal health coverage*. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** walaupun belanjawan kitani mungkin besar tapi dari segi *GDP is one of the lowest in the region not in the world with good outcome*. Kitani melihat kerajaan terutama Kementerian Kesihatan dengan agensi-agensi lain bekerja untuk memastikan *the value for money for health care is there*.

Mengenai *medicare and Medicaid* itu adalah insurans. Buat masa ini walaupun perbelanjaan kitani ini dalam perubatan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan, bagi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, kitani mahu *even more added value*. Walaupun kitani seperti yang kaola bincangkan tadi, hanya *2.5% or less*. *We want public to be more responsible* mengambil tanggungjawab terhadap kesihatan sendiri kerana tiada yang lebih berharga daripada *than a good health*. Salah satu *step forward* ialah seperti yang kaola sebutkan dalam mukadimah tadi ialah sekarang kitani cuba memberigakan

kos-kos rawatan yang dijalankan oleh setiap orang.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam bulan ini atau bulan April (SMS) akan diberikan kepada setiap pesakit yang membuat konsultasi atau membuat rawatan di hospital, buat masa ini ubat dulu. Berapa ubat itu akan diberitahu dalam mesej sama berapa harganya. Ini untuk memastikan orang menghargai yang apa yang kerajaan belanjakan dan dari sana *we will know the actual health care cost of the country, because* masa ini apa belanjawan itu *is cost price* ya kitani.

Belum lagi the *actual services per day* jadi dalam salah satu langkah untuk 'memberigakan' *medicare or medicaid* or untuk melihati kegunaannya itu terutama sekali kitani mesti menghargai berapa kos-kos rawatan yang diberikan kepada setiap warga di negara ini dulu.

Mengenai kehalalan ubat, ini memang dipantau oleh Kementerian Kesihatan terutama sekali Bahagian Farmasi ada sebahagian ubat itu mungkin ada dari binatang yang anda diketahui kehalalannya, tapi kadang-kadang kalau ia sudah sebagai satu kemudahan, kalau anda digunakan maka akan diberikan jua. Tetapi selalunya pesakit akan diberitahu mengenai kalau ada ubat "cemani ani lah" anda banyak jenisnya tapi ubat jenis "cemani" biasanya *for life and death*.

Mengenai kos inflasi, ia dari setahun ke setahun seperti apa yang dibentangkan di majlis yang mulia ini jua, peruntukan kesihatan meningkat

pada setiap tahun, kerana dengan peningkatan penduduk jangka hayat *will be more illness unfortunately*. Jika tidak ditandai ia akan *out of control*.

Sebab itu lah, pentingnya orang kitani *whole of nation approach, we must mean it*, bukan dibibir saja. Salah satu daripada inisiatif Kementerian Kesihatan ialah cuba untuk mengkonsultasikan pembelian ubat-ubatan di negara ini *or what we call, single procurement* dan perkara ini masih ditunduki dan pihak kementerian bekerja rapat dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menunduki sama ada ia sesuai ataupun anda.

Penambahan sikit mengenai pengawalan ubat-ubatan, sama ada ia selamat juga dan kualiti itu ia mengikut Perintah Ubat 2007 dan Akta Racun 1956. Ada penambahan sedikit, Yang Berhormat Pengerusi, mengenai kehalalan ubat-ubat ini. Pemilihan ubat-ubat tersebut selalunya dibuat melalui tawaran sebut harga dan keperluan selalunya diberitahu pembekal untuk mendeklarasi segala sumber bahan mentah yang digunakan dalam ubat dan proses pengilangannya. Jika ada kandungan ubat atau proses pengilangan tersebut mengandungi binatang atau alkohol dalam penghasilannya, ini akan dijadikan panduan mencari ubat alternatif.

Keutamaan diberikan pemilihan ubat-ubatan bagi yang tidak mengandungi bahan-bahan sumber binatang atau alkohol sepertimana yang kaola terangkan tadi jika ia satu keperluan sebab satu mudarat maka ia akan

diberikan tetapi selalu diberitahu kepada pesakit dan keluarga. Itu saja. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin membawakan isu *dementia* dalam kalangan warganegara Brunei Darussalam. *Dementia* adalah salah satu penyakit dan penyebab utama ketidakupayaan warga emas di seluruh dunia dan ia memberi kesan kepada orang yang memilikinya dan juga kepada kerjaya serta keluarga mereka.

Kebanyakan orang menganggap perkara ini macam 'lali' ataupun hilang ingatan atau pun kurang ingatan adalah satu yang normal dan ia menjadi kebiasaan bagi warga emas. Kita semua tahu bahawa mereka yang mengalami *dementia* menghadapi pelbagai cabaran kompleks seperti gejala kehilangan ingatan dan kekeliruan. Ini sangat sukar bagi mereka untuk menjalani kehidupan seharian, apabila ianya memberi kesan emosional.

Yang membimbangkan dan menyedihkan, terdapatnya kekurangan kesedaran dan kefahaman mengenai *dementia* dalam kalangan masyarakat

dan walaupun diagnosis telah dilakukan, ia sudah pun terlewat untuk dicegah.

United Nation Development Programme (UNDP), Human Development Report 2016, menyatakan Brunei akan menghadapi *age related issue* ataupun *ageing population by 2030*. Statistik di Brunei bagi umur 55 ke atas, pada tahun 2014 adalah 47,700 orang, manakala pada tahun 2017 ia meningkat kepada 53,800. Menurut data *WHO 2018*, jangka hayat *life expectancy* di Brunei bagi lelaki adalah 75.3 tahun, bagi perempuan adalah 77.6 tahun. Usulnya perempuan *has longer life expectancy* berbanding dengan lelaki.

Alzheimer's Disease International (ADI) memberi petunjuk bahawa *dementia* akan menjadi *most serious health crisis of the 21st Century*. *Every 3 seconds, tiap-tiap 3 second, someone in the world develops dementia*. *Alzheimer Disease International (ADI)* pula telah menganggarkan sebanyak lebih dari 1,000 penduduk Brunei menghidap penyakit *dementia* pada tahun 2015.

Manakala pada tahun lepas, *Dementia Brunei Organization* telah mengongsikan bahawa negara kita dijangka mempunyai lebih daripada 2000 kes *dementia* yang banyak lagi '*unrecorded dan undiagnosed*'.

Jumlah ini dikhuatiri akan meningkatnya kepada hampir 11,000 orang menjelang tahun 2050 dan dianggarkan memerlukan sebanyak \$65 juta setahun *in healthcare*.

Malangnya, *living longer does not translate to better quality of life*. Penyakit *NCDs (lifestyle diseases)* kitani meningkat Brunei menduduki *ranking* tertinggi dalam *obesity* dan *diabetes* di Asia.

Brunei juga menduduki *ranking* paling tinggi dalam kalangan individu (*highest percent in person*) yang mengalami *dementia* di Asia.

Yang Berhormat Dato, saya tidak mendengar tadi dalam mukadimah Yang Berhormat Dato, mengenai *Programme Active Ageing or Dementia*.

Saya ingin bertanya, adakah pihak Kementerian Kesihatan merancang untuk merangka polisi *National Dementia Plan* secara menyeluruh berkolaborasi dengan kementerian-kementerian yang lain? Terdapatkah sudah program kesedaran *dementia* dari pihak kementerian diadakan di negara kita?

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ saya difahamkan pada tahun 2017, seramai 15 orang pegawai kebajikan masyarakat, pakar-pakar kesihatan dan sukarelawan sepenuh masa dari Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menjalani '*Dementia Care Skills (DCS) Course, Train-the-Trainer Programme*' selama lima hari.

Manakala tahun ini, Januari sebanyak 26 orang doktor, jururawat dan pakar kesihatan dari hospital dan klinik kerajaan mahupun swasta telah menghadiri *Dementia Care Workshop for*

Healthcare Professionals yang telah dianjurkan oleh *NGO, Dementia Brunei*.

Saya ingin menyeru semua pihak bahawa kita sebagai masyarakat Brunei sangat menghargai jasa-jasa warga emas. Janganlah kitani lupa akan jasa-jasa dan sumbangan mereka dalam pembangunan negara dan saya rasa adalah tanggungjawab kita bersama dalam memastikan kesihatan warga-warga emas ini terpelihara dan diambil peduli dengan sebaik mungkin.

Petanda *dementia* boleh bermula 10 ke 20 tahun sebelum *sign or symptoms shown*. *Dementia* memang tidak dapat diubati tetapi dengan adanya inisiatif-inisiatif awal yang sesuai, kita akan dapat mencegahnya dan mengurangkan risikonya. Di sini, saya ingin memberi cadangan kepada pihak Kementerian Kesihatan untuk mengadakan kempen mempromosikan *active ageing* terutamanya bagi warga emas dengan mengadakan kepelbagaian aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan pergerakan fizikal mereka secara aktif serta memberi kesedaran *dementia* secara kebangsaan agar keluarga *caregivers* dan orang ramai tahu di negara ini tentang *dementia* dan boleh membantu untuk mencegah *dementia* dari peringkat awal dan menjadikan Brunei sebagai *active ageing and dementia friendly nation*. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat

FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ bersyukur kita ke hadrat Allah jua kerana kerajaan terutama melalui Kementerian Kesihatan sangat peka terhadap *dementia* ini. *But we need a lead to look forward NGO.* اللّٰحْمَدُ لِلّٰهِ , tahun lepas NGO telah ditubuhkan dan dianggotai oleh sebahagian daripada doktor dari Kementerian Kesihatan *collaboration with neighbouring country.*

NGO ini diharap akan dapat mencerahkan lagi kepada orang ramai apa sebenar *dementia* seperti Yang Berhormat terangkan tadi banyak orang menganggap ia seperti biasa. Namun begitu *dementia* ini sebenarnya sebahagian boleh dicegah pemberigaan awal penjagaan kesihatan terutama dari segi *diabetes, high pressure* adalah sangat penting kerana sebahagian *dementia* ini disebabkan oleh sama jua risiko-risiko penyakit lain seperti jantung dan strok.

Apa yang lebih penting lagi ialah bagi orang awam terutama sekali ahli keluarga mengenali apa dia simptom-simptom awal *dementia* ini. Jadi kitani tunduki benar-benar *its quite* obvious yang kadang-kadang kita terlepas pandang. Jadi mengenai dengan mengesan tanda-tanda awal, ia akan membantu pesakit tersebut dengan lebih selamat jua, kerana *dementia* ini ia kadang-kadang terpaksa diajar balik-balik atau dilihatkan sesuatu perkara itu, supaya ia jadi rutin. Jadi, kalau ada pengesanan awal dan cara-cara

mengawal pesakit tersebut ia akan dapat masih hidup secara aktif.

Memang pihak Kementerian Kesihatan bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui NGO akan menunduki seperti saranan Yang Berhormat tadi mengenai *National Dementia Plan.* إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan ditunduki terutama sekali dengan adanya NGO dapat kitani *move forward.*

Mengenai warga emas, memang betul warga emas memang perlu dihargai, tanpa mereka siapalah kitani pun tidak ada. Program kesihatan warga emas telah dilartakan dan akan dilartakan di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam mulai tahun ini hingga 2021. Sebagai misalan Pusat Amal Cerah Sejahtera (PACS) adalah satu fasiliti yang berada di Kampung Subok terutama untuk memberi perkhidmatan kepada *daycare* pesakit-pesakit warga emas menepati kriteria atau mengalami tanda-tanda *dementia* ataupun *physical disabilities.*

Fungsi Pusat Amal Sejahtera untuk mengintegrasikan dan mengkoordinasi berbagai bidang-bidang kepakaran dan disiplin secara berkesan khusus bagi penjagaan pesakit terutama sekali bagi pesakit warga emas sama ada mempunyai kronik ataupun memerlukan pencegahan *palliative* atau keperluan kompleks tetapi tidak memerlukan rawatan di dalam hospital. Perkhidmatan yang disediakan adalah secara berfasa. Di sana juga ada perkhidmatan *Neurology, rehabilitation, Alai Cafe have*

one stop centre untuk warga emas yang mengalami masalah sedemikian.

Dari segi *active ageing there is a plan incentive* dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kementerian Kesihatan *involve in which active ageing is component of help including* fizikal, *mental* dan *social, mental health* atau kemurungan *depression*. Kementerian Kesihatan akan bekerja rapat dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menanganinya.

Dari segi ke arah warga sihat, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* Kementerian Kesihatan juga dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terutama 2 pusat di Lambak Kanan dan di Tutong terutama sekali di Tutong Kementerian Kesihatan beberapa kali sudah memberigakan cara kehidupan sihat di sana, sudah 6 Ke 7 kali sudah bersama warga emas di Daerah Tutong untuk memberigakan keperluan mengenai menjaga kesihatan *as well except* *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diberigakan lagi di bahagian bandar ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* *السلام عليكم ورحمة الله وبركاته* terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Aspek kesihatan adalah merupakan salah satu

komponen penting dalam mendukung dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Walaupun dalam keadaan negara menghadapi cabaran ekonomi global yang tidak menentu, namun sektor penjagaan kesihatan juga memainkan peranan penting dan signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan kestabilan dan kedayatahan sosio-ekonomi negara. Kaola secara peribadi sangat menyanjung tinggi walaupun terharu mengenai ucapan teks awal yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan ada melancarkan Program Pemeriksaan Kebangsaan iaitu satu program pemeriksaan kesihatan yang bertujuan bagi mengesan dan mencegah penyakit-penyakit yang tidak berjangkit seperti tekanan darah tinggi, kencing manis dan kolesterol tinggi. Adalah diharap agar rawatan dapat diberikan lebih awal dan secara lebih berkesan. Kaola juga ingin menyentuh mengenai dengan pelaksanaan dasar ubat negara yang di antara lain bertujuan bekalan ubat yang selamat, berkualiti dan efektif.

Sejak kebelakangan ini, ada kedengaran rintihan daripada orang ramai khususnya para pesakit mengenai kekurangan atau kehabisan bekalan-bekalan ubat. Ada kalanya pesakit-pesakit akan diberikan ubat yang lain tetapi memberikan kesan yang hampir sama. Ada antaranya pula hanya diberikan bekalan ubat cukup untuk beberapa minggu sahaja. Walhal preskripsi ubat adalah untuk sebulan dua. Ini menyebabkan pesakit-pesakit

perlu ke hospital atau pusat-pusat kesihatan untuk bekalan susulan.

1. Soalan kaola, apakah langkah-langkah inovatif dan kreatif yang diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan khususnya pihak Jabatan Perkhidmatan Farmasi dalam mengenalpasti punca masalah serta cadangan pembaikan dalam memastikan ubat-ubatan adalah mencukupi dan dapat dibekalkan secara berterusan?;
2. Soalan berikutnya, adalah mengenai tenaga profesional Kementerian Kesihatan yang terdiri daripada para doktor, jururawat, pegawai farmasi, ahli-ahli profesional kesihatan bersekutu (*Allied Health Professionals*) dan sebagainya. Kaola mengambil maklum, setiap tahun negara melahirkan graduan-graduan tempatan di dalam bidang kesihatan dan perubatan yang tertentu dan ada sebilangannya masih mencari pekerjaan atau melakukan pekerjaan yang berlainan daripada kursus asal. Kaola berpendapat bahawa perkara ini merugikan negara, sedangkan mereka ini boleh menyumbang kepada kemajuan negara dengan pengetahuan dan kemahiran masing-masing. Dari itu, kaola ingin bertanya jika terdapat perancangan penggantian ataupun *succession planning* dari Kementerian Kesihatan untuk menggantikan tenaga-tenaga profesional luar dengan tenaga-tenaga profesional anak tempatan kitani.

Selain itu, kaola juga ingin menyentuh mengenai perkhidmatan mesra pelanggan dalam kalangan tenaga-tenaga kerja Kementerian Kesihatan khususnya dalam memeduli hal-ehwal pesakit dan pelanggan. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola mengambil maklum akan langkah-langkah dari pihak Kementerian Kesihatan dengan mengadakan kursus latihan dan bengkel pemedulian pelanggan bagi warga Kementerian Kesihatan dalam sama-sama meningkatkan lagi mutu pemberian perkhidmatan kepada orang ramai terutama dari segi layanan dan komunikasi; dan

Kaola ingin bertanya, jika kursus latihan dan bengkel yang diadakan melibatkan dan dilaratkan kepada para doktor dan pakar kitani, baik dalam kalangan tenaga doktor tempatan mahupun tenaga luar sebelum ini, pernah diadakan kursus dan kelas Bahasa Melayu khusus bagi doktor-doktor bukan tempatan, disarankan agar kursus-kursus seperti ini khususnya yang menjurus ke arah pemedulian pelanggan dan

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
pesakit dapat dimantapkan, sekian.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

I think lima kali, *so* kaola menjawabnya pertama mengenai dengan *National Health Screening* seperti Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu terangkan tujuan utamanya ialah untuk mengesan penyakit-penyakit ini lebih awal supaya *end organ damage* yang mana melibatkan *heart attack, stroke, kidney failure* ataupun imputasi adalah *end result* kalau sesuatu penyakit itu tidak dikawal.

Jadi, kitani mahu mengurangkan orang macam itu, *إِنْ شَاءَ اللهُ* jadi dengan pengesanan yang lebih awal dan diharap dengan kerjasama orang ramai juga dalam menangani sama-sama penyakit ini kitani akan dapat mengawal risiko *end of organ damage* ini *إِنْ شَاءَ اللهُ* ini tujuan utama *national health screening* kerana selama ini orang selalu bertanya-tanya, macam mana boleh menskrin *something like that* terutama pada masa yang akan datang ini, dalam masa terdekat ia akan dilaratkan kepada *screening* untuk kanser-kanser yang tertentu juga.

Diharap kerjasama orang ramai mengambil *opportunity* untuk menskrin mereka sendiri dengan mengikuti *screening* ini. Ia ada 3 cara iaitu sama ada mereka ke klinik sendiri, melalui aplikasi atau melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan. Macam-macam cara mudah untuk menyertai saringan *national health screening* ini. Kaola mengambil kesempatan untuk mengalukan orang ramai terutama sekali yang berumur 40 tahun ke atas yang belum ada perjanjian dengan *PHY* ataupun *specialist centre* untuk mengikuti saringan tersebut.

Mengenai dengan kehabisan ubat, ini satu perkara yang amat diambil serius oleh Kementerian Kesihatan. Ia berbagai-bagai faktor dari proses Kementerian Kesihatan sendiri, pembekal, pembayaran dan sebagainya. *إِنْ شَاءَ اللهُ* berbagai-bagai cara yang sudah diambil *intervention done already* dari yang beratus dulu kurang sekarang *its much less* tapi masih ada *shortcoming* itu. *It might be improving* *إِنْ شَاءَ اللهُ* apa yang saya nyatakan tadi seperti apa Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu sebelum ini menanyakan juga, ubat-ubat ini kami cuba buat *single procurement* kami cuba untuk bekerjasama dengan *Company GLC* untuk memantapkan lagi proses *procurement* dan proses mengawasi ubat-ubatan ini. *So at the end of the day human factor* juga. Kalau orang itu inda tahu mahu buat apa, *no matter what technology we have* inda juga berguna *so it needs a lot of restructuring and a lot of change of mental or attitude towards work*. Itu satu cabaran. Walau bagaimanapun, ia dalam proses untuk pembaikan.

إِنْ شَاءَ اللهُ diharap pada masa akan datang masalah macam ini tidak akan didengar selalu. Di samping itu, bagi pihak Kementerian Kesihatan kaola meminta maaf kepada pesakit yang mengalami masalah ubat-ubatan ini *إِنْ شَاءَ اللهُ* akan ditangani dengan sewajarnya.

Mengenai *succession planning*, memang dalam pelan Kementerian Kesihatan untuk memastikan *localization* ini terjadi. Walau bagaimanapun ia akan

berperingkat-peringkat kerana walaupun seorang itu sebagai contoh telah menjadi Doktor Bedah Tulang. Walaupun ia sudah menjadi pakar tidak semestinya ia tahu semua. Pengalaman itu masih penting. Walaupun kita sudah ada doktor pakar misalnya, masih ada kadang-kadang doktor dari luar yang mempunyai pengalaman yang lebih jauh daripada doktor pakar tempatan itu.

Kita mengambil kesempatan untuk belajar lagi dengan lebih lanjut daripada doktor yang ada, kira *ongoing lifelong learning* dengan pakar dari luar ini sehingga pada masa yang tertentu seseorang itu boleh sudah menangani *most of the surgical procedures* ataupun pihak doktor tersebut *exit* dari kita atau meletak jawatan.

Memang dalam perancangan bukan dari segi doktor sahaja *even allied health* seperti Yang Berhormat terangkan, ada sebahagian daripada graduan kita yang melalui kelulusan dalam bidang klinikal, tetapi dalam bidang *a allied health* tidak mempunyai kerja. Kementerian Kesihatan pun sangat peka bila mengetahui masalah ini. Di Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (*MEMI*) untuk mengambil mereka sebagai *i-Ready* secara sementara menunggu jawatan-jawatan tertentu diperolehi.

Mengenai mesra pelanggan, ini memang diambil berat juga seperti Yang Berhormat terangkan beberapa bengkel telah pun dijalankan dan sedang

dijalankan dan akan dipertingkatkan lagi yang melibatkan sekarang bukan sahaja *the front liners including the nurses and the doctors*.

Doktor-doktor akan dilatih terutama sekali doktor-doktor luar mengenai dengan cara kitani di Brunei ini. Terutama sekali dalam perbahasan dan pertuturan antara doktor dan pesakit.

Di samping itu juga, bagi doktor luar yang tidak pandai berbahasa Melayu, kitani pihak Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan *IBTE* untuk mengadakan kursus Bahasa Melayu bagi mereka ini. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi. Ada 3 soalan:

1. Untuk mencukupkan *supply* darah pada *blood bank hospital* Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, kaola mencadangkan agar lebih ramai lagi orang awam tampil untuk menyumbang darah. Terdapat jenis darah yang sukar untuk diperolehi. Ini tentunya menyukarkan kakitangan Kementerian Kesihatan menjalankan terapi ataupun proses perubatan pada pesakit yang memerlukan darah tertentu.

Bagi persediaan yang mencukupi, kaola menyarankan agar orang awam yang bersedia menyumbangkan darah mereka diberikan insentif yang selayaknya seperti tempoh menunggu yang tidak lama di klinik-klinik dan di hospital kerajaan dan juga pemberian vitamin dan suplemen kesihatan;

2. Produk kesihatan. Pihak Kementerian Kesihatan juga perlu meningkatkan kadar pemantauan dari semasa ke semasa terhadap produk-produk pelangsingan badan, ubat-ubatan yang dikonsumsi dan juga kosmetik yang boleh sahaja dibawa melalui negara-negara berdekatan. Contohnya sahaja Malaysia dan Indonesia yang diangkut melalui perjalanan darat.

Produk-produk ini adakalanya mempunyai bahan kimia yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna, walaupun harganya jauh lebih murah daripada produk yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Selain itu, para peniaga yang menjual barangan atau produk yang boleh membahayakan kesihatan itu, perlulah diambil tindakan keras agar isu ini dapat dikawal; dan

3. Tempoh menunggu keputusan *scan*. Pelaksanaan penaiktarafan hospital-hospital amat penting bagi rakyat Brunei khususnya. Terdapat hospital kalau *patient* yang hendak menerima rawatan *CT scan* ataupun *MRI*

perlu menunggu lama sebelum pesakit (*patient*) dapat perkhidmatan servis *CT scan* ataupun *MRI* tersebut. Kaola mencadangkan agar permasalahan ini dapat dikurangkan agar *patient* akan segera dapat dirawat.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Pertama sekali izinkan kaola menjawab mengenai dengan *CT scan* dan *MRI*. *CT scan* dan *MRI* ini adalah satu diagnostik yang diperlukan bagi penyakit-penyakit yang tertentu. Kepentingannya dilihat dari segi kondisi seseorang atau tahap kestabilan pesakit juga. Pihak radiologi sangat peka mengenai ini dan kalau ada yang *emergency* ini selalunya *is on the same day* 'inda ia menunggu tu'. Jadi doktor yang meminta *CT scan* dan *MRI* tersebut selalunya akan dihubungi dan minta penjelasan. Kalau perlu ia akan dibuat serta merta pada hari itu juga.

Walau bagaimanapun, bagi penyakit-penyakit kronik yang memerlukan pemantauan selalunya mengikut keperluan itu. *If not that urgent* mungkin ia menunggu. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan memahami ada sebahagian orang menunggu lama. Jadi, salah satu inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan ialah berusaha sama dengan *Jerudong Park Medical Center*, jika ada keperluan pesakit

tersebut boleh diarahkan ke sana *CT Scan* atau *MRI* tersebut akan dibiayai oleh pihak kerajaan. Tapi itu mesti ada kebenaran dari Kementerian Kesihatan.

Dengan adanya intervensi sebegini, TPORnya ialah 2 minggu saja *بِإِذْنِ اللَّهِ*. Jikalau ada pesakit-pesakit yang rasanya menunggu lama lebih daripada 2 minggu, bolehlah menghubungi, Kementerian Kesihatan melalui sesawangnya ataupun melalui *Apps* untuk makluman bersama Kementerian Kesihatan ada *Apps* untuk meng*complain* pun boleh untuk memberi *feedback* pun boleh namanya *MOHK* arah *android* pulang sahaja tapi arah *Apple* belum ada. *MOHK* ini akan dipantau setiap hari oleh Kementerian Kesihatan. Jadi, pihak orang ramai kalau rasanya menunggu lama bolehlah membuat aduan, *we will attend you*.

Dari segi produk kesihatan, memang ramai orang mahu langsing. Perkara ini 'diberigakan' beberapa kali sudah. Saya mengambil kesempatan untuk mengingatkan orang ramai yang mengambil ubat tradisional ini kadang-kadang ada risikonya. Jadi Jabatan Perkhidmatan Farmasi sebagai agensi *regulator* telah menjalankan pemantauan dan pemeriksaan di bawah program pemantauan semasa pasaran iaitu *they go at routinely* ke *cubes* atau kedai-kedai ubat atau ekspo untuk memastikan produk-produk yang dijual itu sudah berlesen ataupun berdaftar. Kalau anda ia akan dirampas.

Pengambilan contoh ubat tradisional di pasaran secara berjadual, ianya

dianalisis di makmal bagi mengesahkan pencemaran, yang banyak seperti saya terangkan tadi yang bahan-bahan terlarang ini ialah produk pelangsing badan, produk *rheumatism*, produk kesihatan lelaki, produk menahan sakit, ubat batuk dan seselma dan ubat kulit.

Ubat-ubatan ini kadang-kadang yang sebenarnya bagus dan nyaman rasanya yang kebanyakannya ada *steroid*. Ubat lelaki yang bagus-bagus itu dalamnya yang semacam itu juga *Sildenafil* ataupun nya orang kitani *viagra*. Ini terdapat dalam banyak produk tradisional kitani. Kitani perlu faham mengambil ubat-ubatan ini boleh menyebabkan tekanan darah rendah dan menyebabkan seseorang itu pengsan. Pengambilan steroid yang banyak boleh menjejaskan kesihatan dari segi rosak buah pinggang, masalah jantung, masalah kulit dan sebagainya.

Adalah penting bagi orang ramai bekerjasama dalam menangani masalah ini. Jikalau terdapat ada barang-barang rasanya dijual secara senyap, sila hubungi kesihatan ataupun Talian Darussalam 123 yang mana pihak bertanggungjawab di Kementerian Kesihatan boleh menangani masalah itu.

Pihak *compliance* dan perlesenan akan mengenakan tindakan kompaun terhadap individu atau peniaga yang bersalah atau mengulangi kesalahan yang melanggar Akta Racun 1956 atau Perintah Ubat 2007 dan Peraturan Ubat ataupun Produk Komestik 2007. Tindakan ini bermula pada tahun 2018. Sehingga kini 16 buah syarikat telah

dikeluarkan Borang 'A' iaitu tawaran untuk mengkompaun dan kompaun ini yang dikutip dalam 16 buah syarikat ini sudah \$9,500.00. Itu bukan kompaun yang sedikit, saya menasihatkan mana-mana syarikat yang tidak pasti dengan bahan-bahan yang dibawanya itu untuk mendaftarkan barang tersebut ke Kementerian Kesihatan terutama sekali di Bahagian Farmasi untuk dianalisis.

Mengenai pendermaan darah. Kaola mengucapkan terima kasih atas saranan Yang Berhormat tadi, memang betul stok darah di Pusat Pendermaan Darah sentiasa berubah, pasang surut mengikut keperluan pesakit. Kadang-kadang sampai tidak ada. Ia memerlukan orang ramai terutama sekali kalau ada pihak keluarga untuk turut serta menderma darah.

Sejauh ini, tidak ada insiden pesakit yang tidak dibekalkan dengan darah. Kelewatan dalam pembekalkan darah mungkin terjadi akibat dari komplikasi dalam mendapatkan darah dari segi *compatibility* ataupun keserasiannya.

Walau bagaimanapun, pihak makmal terutama sekali pihak Pusat Pendermaan Darah sentiasa mengutamakan pesakit dalam keadaan kritikal dan benar-benar memerlukan pemindahan darah. Darah dibekalkan kepada pesakit dalam keadaan yang *life or death situation* yang selalunya diutamakan. Saranan saya ialah pihak orang ramai untuk tampil ke hadapan untuk sama-sama mendermakan darah dan dari segi inisiatif itu **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan ditunduki macam

mana yang sebaiknya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan ini. Saya suka untuk menengguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini, bagi kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada esok hari, iaitu hari Khamis, 21 Mac 2019 sebagaimana lazimnya mulai pukul 9.00 pagi, sekian.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Khamis, 14 Rejab 1440/21 Mac 2019

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang kesepuluh, Khamis, 14 Rejab 1440 bersamaan 21 Mac 2019 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulikan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ segala puji dan kesyukuran ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah, kurnia dan rahmat serta keizinan-Nya jua, kita dapat lagi pada pagi ini, meneruskan سُبْحَانَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari yang kesepuluh. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan pada pagi ini akan kita mulakan seperti lazimnya iaitu Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perkara ini biasanya juga akan diminta respons daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri yang berkaitan.

Pada pagi ini, saya dimaklumkan kita akan menyelesaikan sebanyak 3 soalan sahaja.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Soalan Jawab Mulut No. 36 daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

dan salam
sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Menjaga dan memelihara kesucian kitab suci Al-Quran.

Menjaga dan memelihara kesucian kitab suci Al-Quran dan bahan-bahan yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran yang tidak lagi digunakan, termasuklah menggunakan ayat-ayat Al-Quran sebagai pelaris jualan dan digunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab bagi menarik perhatian dan keuntungan daripadanya.

Kaola ingin mengetahui;

1. Sejauh manakah usaha-usaha pihak berkenaan dalam memantau, menangani, menjaga dan memelihara kesucian ayat-ayat suci Al-Quran seperti yang disebutkan di atas?; dan

2. Sejauh manakah pula pelaksanaan penghapusan ayat-ayat suci Al-Quran yang tidak lagi digunakan di daerah-daerah khususnya di Daerah Temburong?

Sekian disampaikan, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu atas soalnya.

Dibaca daripada nota Kertas Majlis, Yang Berhormat juga bertanya bukan setakat menangani bahan-bahan, ayat-ayat yang mengandungi ayat Al-Quran yang tidak lagi dapat digunakan dan juga Yang Berhormat ingin tahu bagaimana penggunaan ayat-ayat Al-Quran untuk pelaris.

Jadi soalnya sebenarnya ada dua:

1. Bagaimana kementerian menanganinya? Jawapannya ringkas sahaja. Pada masa ini memang ada satu mesin khas untuk pelupusan sebarang bahan-bahan yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran kertas, naskhah-naskhah termasuk mushaf-mushaf yang sudah usang yang tidak lagi dapat ataupun tidak layak untuk dibaca dan sebagainya, maka pemusnahannya adalah secara mengambil kira ia adalah tetap ayat suci Al-Quran dan mushaf itu pun mushaf Al-Quran.

Jadi pada masa ini, kementerian mempunyai satu mesin yang

dikhaskan, ditempatkan di kawasan Masjid Kampung Sungai Besar di Daerah Brunei Muara. Mesin *incinerator* namanya. Mesin ini dikendalikan oleh Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Jabatan Pentadbiran KHEU. Pihak yang berkenaan, bolehlah menghubungi pihak yang berkenaan di kementerian untuk tujuan-tujuan pelupusan tersebut termasuklah juga dari daerah-daerah. Kalau dari daerah-daerah itu terdapat kesulitan barangkali bolehlah akan maksudnya menghubungi terus ke pejabat di bandar Brunei, Pejabat Ugama di daerah-daerah itu boleh dihubungi dan mereka boleh berhubung dengan ibu pejabat di bandar. Itu satu perkara Yang Berhormat Pengerusi mengenai pelupusan.

Bagaimana untuk menanganinya? Pada masa ini, agaknya dapat diakui, kalau kitani belum juga sempurna mana dan penempatannya pun belum juga sempurna. Penting kitani mengambil kira bahawa Al-Quran itu suci, apa pun ayat-ayatnya tetap suci, di mana-mana pun ia dikatakan sudah tidak lagi dapat digunakan, tidak lagi layak untuk dibaca, memang sudah tidak dapat dibaca, tetapi kesuciannya tetap suci maka kementerian sentiasa berfikir untuk mencari suatu tempat yang lebih layak bagi tujuan-tujuan pelupusan ayat-ayat suci Al-Quran;

2. Sejauhmana pula pelaksanaan penghapusan ke atas ayat-ayat suci Al-Quran yang tidak digunakan lagi

di daerah-daerah khususnya Daerah Temburong? Kemudian bagaimana pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan ayat-ayat suci Al-Quran sebagai pelaris jualan?

Mengenai perkara ini, tertakluk jua macam mana penggunaannya. Dari segi undang-undang, ada undang-undang yang boleh dihubungkan mengenai perkara ini, boleh menjadi kesalahan. Ertinya, penggunaan ayat-ayat suci Al-Quran, bukan sahaja untuk tujuan melariskan perniagaan dan sebagainya, jika kalau tujuannya untuk pengajaran, untuk kegunaan yang baik, sebagaimana jua ayat Al-Quran ini, kitani tahu ada ayat syifa untuk perubatan, ada ayat bermacam-macam kegunaannya. Ayat untuk misalannya kalau ada angin turun macam mana ayat dibaca, kalau guruh dan 'temparik', kilat dan sebagainya ada. Semua ini tertakluk kepada bagaimana penggunaannya dan tujuannya.

Jika penggunaannya memang bertujuan jahat, maka ada undang-undang yang boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang ada sekarang ini, iaitu di bawah Hukuman Jenayah Syariah 2013, Bab 207 di bawah kesalahan-kesalahan dan hukuman ke atas menjalankan, melaksanakan atau mengamalkan sesuatu upacara atau perbuatan yang bertentangan dengan hukum syara'. Jika ini disabitkan berat hukumannya. Hukumannya denda

tidak lebih dari \$20,000.00, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kalau menyalahgunakan ayat Al-Quran, sampai menggunakannya atau mengamalkan sesuatu upacara dan sebagainya maka itu adalah satu kesalahan tertakluk kepada yang dituduh untuk membuktikan bahawa tujuannya adalah untuk tujuan yang baik.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Soalan Jawab Mulut No. 37 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Soalan No. 37, ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berkenaan dengan Akta Wakaf telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa membincangkan Anggaran Hasil di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama di peringkat Jawatankuasa. Sehubungan dengan itu, saya mengumumkan untuk menarik balik soalan tersebut.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Soalan Jawab Mulut No. 38 yang terakhir daripada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Langkah-langkah untuk tidak menggunakan beg plastik yang dikuatkuasakan oleh kementerian ini disokong kerana ia sangat bermanfaat dalam usaha negara menjaga kebersihan alam sekitar yang lebih kondusif semata-mata untuk memastikan negara ini selamat diduduki dan bebas daripada sebarang pencemaran alam sekitar, bagi membolehkan semua orang yang ada di negara ini terjamin kesihatannya.

Walau bagaimanapun, dalam usaha menyekat penggunaan beg plastik ini, perlu pertimbangan satu alternatif yang menggantikan penggunaan beg plastik, beg kitar semula yang dijual di kedai-kedai dan *supermarket* yang berharga \$1.00 atau mahal harganya dan membebankan bagi mereka yang berpendapatan kecil apatah lagi kalau hanya membeli satu atau dua *items* sahaja.

Kaola ingin mengetahui, adakah pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi bercadang untuk mengadakan beg-beg lain sebagai gantian kepada beg plastik itu seperti beg diperbuat daripada kertas yang tahan (*durable*) tetapi lebih mesra alam?

Beg yang diperbuat daripada kertas ini pernah digunakan pada tahun-tahun 60-an dan 70-an sebelum beg plastik diperkenalkan dan diberi secara percuma kepada pelanggan atau dibeli dengan harga 20 sen atau yang bersesuaian mengikut bentuk dan ukurannya.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terima kasih, atas soalan daripada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengenai bebas beg plastik di premis-premis perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ seperti yang kita sedia maklum bahawa inisiatif setiap hari tanpa beg plastik telah dilaratkan kepada setiap hari dalam seminggu mulai awal tahun ini dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Orang ramai, mula menyedari untuk menggunakan beg yang boleh digunakan berulang-ulang untuk membeli belah dan ada sebahagian daripada peniaga sendiri memberi secara percuma. Usaha seperti

ini amat disanjung tinggi dan sangat-sangat dialu-alukan.

Antara lain, matlamat inisiatif ini, ialah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik di negara ini dalam usaha untuk membendung pencemaran dari bahan plastik di samping menanam budaya pemikiran dan kesedaran dalam kalangan masyarakat di negara kita akan peri mustahaknya menjaga alam sekitar.

Mengenai gantian atau alternatif kepada beg plastik, kaola memang bersetuju cadangan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal dan kita perlu memikirkan apa alternatif kepada penggunaan beg plastik ini.

Ini, terpulanglah kepada pihak pengguna atau pihak peniaga kerana matlamat kita adalah mengurangkan penggunaan beg plastik dengan cara guna semula (*reuse*). Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi mendapati pengurangan penggunaan beg plastik sebanyak 12% sejak ia diperkenalkan pada April tahun lepas yang menunjukkan impak yang positif.

Setakat ini, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi tidak menyekat atau menghalang premis perniagaan daripada menggunakan alternatif mesra alam seperti beg kertas dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi juga akan berusaha menerokai alternatif lain seperti penggunaan beg plastik *biodegradable* yang lebih mesra alam berbanding beg plastik konvensional yang biasa dipakai di kedai-kedai dan di gedung-gedung perniagaan.

Menurut, *desktop study* yang dibuat mengenai beg plastik *biodegradable* ini, walaupun secara lazimnya mengambil masa yang singkat untuk reput, kajian mendapati ia masih menghasilkan mikro plastik yang toksik tertakluk kepada jenis beg plastik *biodegradable* berkenaan.

Pihak jabatan akan membuat kajian yang lebih terperinci lagi memastikan jenis-jenis plastik *biodegradable* yang sesuai dan mempunyai impak minimum terhadap alam sekitar.

Namun begitu, diperingatkan bahawa inisiatif setiap hari tanpa beg plastik masih diteruskan bagi mengurangkan jumlah bagi plastik yang diedarkan kepada pembeli begi menggalakkan amalan hijau dalam kalangan warganegara Brunei melalui penggunaan alternatif mesra alam seperti beg kitar semula.

Sekian sahaja jawapan daripada kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar 2 Soalan Yang Diberi Notis dan satu soalan yang telah ditarik balik. Soalan-soalan berkenaan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Maka sekarang ada baiknya kita berpindah kepada agenda lain dalam susunan kerja kita. Maka, bagi membolehkan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020, kita teliti dan bahaskan lagi satu per satu, maka, saya kira adalah berpatutan bagi kita

untuk menangguhkan Persidangan Mesyuarat Negara ini dan kita balik kepada Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat Bersidang Sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020.

Pada petang semalam, sebelum kita tangguhkan mesyuarat kita, kita masih lagi membahaskan Tajuk Kementerian Kesihatan dan kita akan meneruskan perbincangan itu.

Walau macammanapun, saya difahamkan bahawa ada beberapa orang Yang Berhormat Menteri yang suka untuk membuat kenyataan tambahan terhadap soalan-soalan yang telah pun dikemukakan sebelumnya yang masing-masing belum dijawab.

Saya, persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada kaola untuk memberikan tambahan kepada 2 persoalan yang awal.

1. Soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim pada 19 Mac 2019 khususnya mengenai *grant* kepada badan-badan selain daripada kesukanan, kesenian, kebudayaan dan kesusasterawan.

Pada menjawabnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan belum ada peruntukan khusus bagi *grant* untuk disalurkan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, sebagai agensi kerajaan yang diamanahkan untuk melestarikan budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang memberikan bantuan kewangan kepada badan-badan kesenian, kebudayaan dan kesusasteraan tertakluk kepada keutamaan dan kesesuaian program yang akan dilaksanakan atau dihadiri dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada seperti di bawah Tajuk Persembahan Kebudayaan dan *Outreach Programme*.

Di samping itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan turut memberikan bantuan dalam bentuk perkhidmatan seperti nasihat kepakaran, khidmat jurulatih dan kemudahan-kemudahan lain.

Pada Tahun 2018, sejumlah \$10,000.00 telah dihulurkan kepada badan-badan kesenian, kebudayaan dan kesusasteraan serta individu menurut permohonan untuk menghadiri seminar dan acara-acara di luar negara di samping pengendalian acara-acara kebudayaan di dalam negara.

Antara badan yang telah diberikan bantuan kewangan tersebut termasuk Persatuan PEMADAYAN, Persatuan Perpustakaan Brunei Darussalam, *Brunei Art Forum* dan *Film and Theatre Enthusiasts Association* untuk menghadiri seminar di luar negara, di samping pakar-pakar yang menghadiri program-program di bawah hubungan kerjasama serantau dan antarabangsa seperti MASTERA dan MABBIM.

Manakala, pengendalian acara-acara dalam negara yang telah diberikan bantuan adalah seperti Akademi Ustaz Firdaus dan filem Gema Dari Menara.

Sebagai langkah ke hadapan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menyediakan peruntukan khusus bagi badan-badan kesenian, kebudayaan dan kesusasteraan sama seperti peruntukan yang disediakan untuk membantu persatuan sukan, belia dan kemasyarakatan ke arah memberikan impak yang lebih tinggi dalam memartabatkan seni dan warisan Negara Brunei Darussalam

di peringkat tempatan dan antarabangsa.

2. Sebagai tambahan Yang Berhormat Pengerusi, untuk memberikan sedikit ulasan kepada saranan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai Majlis Belia Brunei (MBB) dan persatuan-persatuan.

Lebih dahulu, kaola ingin memberikan penghargaan khusus kepada barisan pemimpin Majlis Belia-Belia Brunei atas kepimpinan dan visi mereka yang telah menyumbang kepada pembangunan yang amat besar. Kita melihat bahawa barisan pemimpin MBB telah memberikan dan menyediakan landasan bagi generasi belia untuk meneruskan usaha dan memberikan nilai tambah kepada segala pencapaian yang telah diraih sehingga kini.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, kaola amat menyambut baik saranan Yang Berhormat, bagi KKBS dan MBB untuk meningkatkan usaha dalam mengajak persatuan-persatuan belia yang ada agar terus aktif dalam berpersatuan di samping menggalakkan penambahan persatuan-persatuan baharu serta cadangan bagi pejabat MBB untuk dipindahkan ke Pusat Belia.

Sememangnya, KKBS melihat MBB sebagai rakan strategik, yang akan terus menggerakkan para belia sebagai jentera untuk sama-sama menyumbang ke arah pembangunan

negara sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kaola amat yakin bahawa ia selaras dengan Pelan Strategik Majlis Belia Brunei.

Dalam pada itu, sukacita kaola memaklumkan, kita telah pun mengadakan perjumpaan bersama Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi MBB pada bulan Januari 2019. Beberapa cabaran telahpun dikongsikan, yang antara lainnya dari segi penglibatan golongan generasi muda, jumlah persatuan belia yang bergabung di bawah majlis dan hal-ehwal logistik, bangunan dan kewangan.

Setakat ini, sebanyak 13 persatuan belia telah berdaftar dan bergabung di bawah MBB. Daripada 96 persatuan yang diketahui berdaftar di bawah *ROS*. Hasrat kita adalah bagi semua persatuan belia dari pelbagai bidang termasuk Persatuan Alumni PKBN dan mungkin sahaja belia-belia masjid untuk bersatu dan bekerjasama di bawah majlis ini demi menyumbangkan impak yang meluas kepada masyarakat dan negara.

Matlamat utama adalah bagi MBB dan belia sendiri untuk menerajui inisiatif-inisiatif belia di peringkat kebangsaan. Dalam masa yang sama, saranan bagi pemindahan Pejabat MBB ke Pusat Belia akan diteliti, khusus dari aspek nilai tambah dalam memberikan

kesenangan bagi menyatu-padukan belia.

Oleh itu, KKBS akan terus bekerjasama dengan MBB khususnya bersama kepimpinan yang baharu dengan memastikan belia akan terus berikan wadah untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Kita akan terus memberikan sokongan dan dukungan kepada majlis ini dari aspek bantuan fasiliti dan kemudahan, buah fikiran dan nasihat serta bantuan kewangan mengikut kesesuaian ke arah mengembangkan komitmen dan penglibatan belia.

Dalam usaha berterusan ini, kita juga amat mengharapkan pemimpin-pemimpin MBB yang dahulu akan terus memainkan peranan sebagai mentor kepada pemimpin baharu kerana kita melihat mereka sebagai golongan penasihat yang mempunyai nilai yang amat tinggi. Matlamat kita adalah sama, iaitu untuk menyatukan dan membentuk belia yang berani tampil ke hadapan dan bergiat aktif bagi sama-sama mendukung Wawasan Brunei 2035.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi atas memberikan laluan kepada kaola.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, untuk menambah kenyataan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan terdahulu.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terutama sekali, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kaola peluang untuk menambah sedikit kepada jawapan kaola yang mungkin belum dijawab semalam.

Dalam hal ini, kaola ingin menambah satu jawapan kepada satu soalan iaitu yang berkaitan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, mengenai usaha yang diambil untuk memastikan telefon bimbit yang diimport selamat digunakan.

Bagi menjawab soalan ini, bagi telefon-telefon bimbit yang diimport ada 2 tatacara yang dilaksanakan oleh *AITI* pada masa ini iaitu:

1. Bagi syarikat-syarikat yang ingin mengimport alat-alat komunikasi dan radio komunikasi termasuk telefon bimbit hendaklah mendapatkan lesen penjual ataupun *dealer licence* daripada pihak *AITI*;
2. Alat-alat telekomunikasi dan radio komunikasi hendaklah mendapatkan kebenaran jenis *Type Approval* daripada pihak *AITI*;

Melalui *Type Approval* ini, *AITI* akan meneliti, antara lainnya, spesifikasi teknikal peralatan atau telefon bimbit berkenaan bagi memastikan ia dapat beroperasi di negara ini dengan baik, teratur dan selamat khususnya bagi

melindungi keselamatan para pengguna;

3. Dalam hal ini jua, memandangkan penjual-penjual telefon bimbit di negara ini berdaftar dengan pihak *AITI*, jika berlaku isu *device recall* sekiranya, di seluruh dunia seperti isu telefon bimbit *Samsung Note 7*, yang baru-baru ini berlaku, iaitu didapati bateri telefon bimbit tersebut berpotensi untuk meletup, pihak *AITI* dapat mengambil tindakan yang bersesuaian; dan
4. Berkaitan isu bateri dan *powerbank*. Kaola ingin memaklumkan juga bahawa Jabatan Penerbangan Awam juga mengeluarkan *advisory* mengenai tatacara membawa dan menggunakan *powerbank* di dalam pesawat-pesawat.

Akhir sekali, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk menyarankan orang ramai untuk membeli peralatan telekomunikasi dan telefon-telefon bimbit yang mempunyai *Type Approval* dari *AITI*. Ini akan dapat dilihat dari pelekat (*sticker*) khas yang ada pada peralatan dan telefon bimbit berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang, kita akan beralih kepada perkara untuk meneliti dan membahaskan lagi Kementerian Kesihatan.

Pada petang semalam, ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah pun

memberikan kenyataan dan pertanyaan-pertanyaan berkenaan dengan Tajuk tersebut. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah juga membuat responsnya terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan.

Saya masih lagi mempunyai beberapa orang dalam senarai saya yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Kementerian Kesihatan ini. Sekarang saya mempersilakan, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Kaola menyentuh Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan, Kod Akaun 003/000 Penjagaan Kesihatan Asas iaitu:

1. Perkhidmatan Selepas Ibu Bersalin. Persoalannya:
 - i. Adakah pihak Kementerian memantau perkhidmatan rawatan selepas bersalin (berpantang) yang dibuat di rumah-rumah seperti yang dikendalikan oleh pakej-pakej rawatan alternatif, pada misalnya berdiang, berurut, berbekung, memakan jamu dan seumpamanya, bagi memastikan rawatan yang diberikan itu selamat dan tidak menggunakan ubat-ubatan yang diragui keselamatan dan kehalalannya?; dan

ii. Adakah mendatangkan kesan kepada mereka yang tidak mengamalkan rawatan secara tradisional tersebut?

2. Mengenai Unit Penjagaan Pesakit Di Rumah. Unit ini diwujudkan bertujuan menjaga pesakit di rumah yang komprehensif dan holistik serta bekerjasama dengan keluarga mereka di rumah untuk terus memberikan rawatan supaya mereka dapat mengurangkan dan menyembuhkan penyakit yang dihadapi. Persoalannya:

i. Adakah pihak kementerian membuat pemantauan penjagaan pesakit di rumah tersebut bagi memastikan rawatan yang diberikan dapat dilaksanakan dengan baik termasuklah memastikan kebajikan jururawat yang merawat dengan memberikan kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti kenderaan, penggantian jururawat yang bercuti, memberikan elaun, kerana ada antara mereka menggunakan kereta sendiri.

ii. Adakah peruntukan mencukupi bagi memastikan cukup kakitangan untuk menjalankan lawatan ke rumah-rumah yang berkenaan?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Lebih dahulu kaola ingin memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk menambah sedikit jawapan yang diajukan kepada kaola semalam oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai keistimewaan penderma darah, jika diizinkan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Pada menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai keistimewaan penderma darah itu. Buat masa ini sudah ada keistimewaan yang disediakan. Saya kongsi apa yang sudah tersedia mengenai penderma darah di negara ini.

Kementerian Kesihatan memperuntukkan beberapa keistimewaan untuk penderma darah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 'R' – Skim Pembayaran Kementerian Kesihatan edisi 1998. Keistimewaan ini boleh dituntut oleh penderma darah dengan menghadapkan Buku Derma Darah ataupun Kad Penderma Darah.

Jadual 'R' tersebut ialah:

1. Penderma darah tetap (telah menderma darah 2 kali atau lebih dalam satu tahun berhak kepada yang berikut selama setahun) bagi kemasukan di hospital tidak melebihi 60 hari dalam satu tahun:

- i. Bayaran wad separuh daripada kadar yang penuh; jadual yang dinyatakan tadi; dan
- ii. Bayaran separuh bagi rawatan perubatan pembedahan dan pemeriksaan seperti dalam Jadual 'C' dan 'P'.
- iii. Rawatan dan pemeriksaan percuma di Klinik Pesakit Luar.

Walau bagaimanapun, untuk 1, 2 dan 3 yang dinyatakan di atas adalah bagi kemasukan di hospital tidak melebihi 60 hari dalam satu tahun.

Ingin saya maklumkan juga kemudahan ini bukan terhad kepada rakyat Brunei atau penduduk tetap sahaja, ia terbuka kepada orang ramai juga ataupun *Green IC* ataupun penduduk asing.

Di samping itu, penderma darah yang menderma di Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha diberi kemudahan meletak kereta secara percuma pada waktu menderma dan penderma darah juga disediakan makanan dan minuman yang berkhasiat bila menderma darah iaitu lebih baik daripada vitamin.

2. Penderma Darah minimum 30 kali berhak kepada semua faedah yang dinyatakan di atas untuk seumur hidup. Bagi warganegara, kakitangan kerajaan dan penduduk tetap kemasukan percuma ke wad persendirian untuk seumur hidup tertakluk kepada kekosongan katil; dan

Pada menjawab soalan yang baharu diajukan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai perawat ataupun *nurse* yang mengendalikan ibu-ibu yang baharu melahirkan ataupun *midwifery*.

3. Penderma Juara (penderma yang telah menderma sebanyak 50 kali ataupun lebih) berhak kepada semua faedah yang disebutkan di atas untuk seumur hidup. Isteri ataupun suami dan anak-anak yang belum berkahwin di bawah umur 18 tahun berhak juga kepada apa yang ditawarkan seperti berikut;

Tempoh masa bersalin ataupun *postnatal period* adalah masa yang penting dan kritikal dalam kehidupan ibu dan anak yang baharu dilahirkan. Kurangnya penjagaan yang berkualiti dalam tempoh 6 minggu selepas kelahiran itu boleh menyebabkan komplikasi kesihatan dan juga kematian...

- i. Bayaran wad separuh dari kadar penuh;
- ii. Bayaran separuh bagi rawatan perubatan pembedahan dan pemeriksaan seperti dalam

Yang Berhormat Pengerusi: Kalau saya tidak silap yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah bukan menggunakan barangkali bukan bidan-bidan kerajaan tetapi menggunakan bidan-bidan tradisional dan nampaknya

ia juga menyebut ubat-ubat tradisional seperti berbangkung dan lain-lain.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi, membuat penjelasan ini dahulu. Bidan-bidan ini ia akan ke rumah-rumah, bidan-bidan tersebut akan menasihati apa yang perlu dijaga oleh ibu-ibu yang bersalin, terutama sekali 'berdiang' ini, 'berdiang' ini mengikut cara tradisinya ia membakar arang. Jadi, jika ia diadakan dalam kawasan yang tertutup boleh membahayakan kepada ibu ataupun 'anak damit' kalau berada dalam bilik tersebut, kerana dengan arang tersebut dengan keadaan tertutup, boleh menghidu *carbon monoxide* yang boleh menyebabkan ibu ataupun 'anak damit' itu pengsan ataupun kalau ia berlarutan dalam masa jangka panjang boleh menyebabkan kematian jadi disarankan untuk ibu-ibu terutama sekali di negara ini, kalau yang 'berdiang' itu mesti juga kan dibuat ada caranya dan perlulah minta nasihat daripada bidan-bidan yang datang ke rumah.

Dari segi 'berbangkung' dan 'berbarut' itu tradisi kita. Orang putih (orang barat) tidak membuatnya. Langsing juga berbalik lepas itu Yang Berhormat Pengerusi. Perlu juga diambil perhatian sebab kadang-kadang ada sebahagian daripada orang meminum 'irup-irupan' ini ditakuti mengandungi bahan kimia atau benda-benda yang terlarang. Sebaiknya dipastikan dahulu dengan Kementerian Kesihatan kalau ada bagi sampel itu untuk memastikan ia selamat ataupun didapati di mana-mana ia sudah

dipastikan kesahihannya, ketulenannya barang-barang tersebut.

Kalau dari saintifiknya, tidak pulang ada buktinya, tetapi ia sudah menjadi tradisi kita, terpulang kepada individu. Walau bagaimanapun, nasihat jururawat ataupun bidan yang ke rumah itu boleh diambil daripada mereka.

Mengenai pemantauan penjagaan jururawat yang ke rumah-rumah ini yang kita panggil *home based nursing*. Pertama sekali matlamatnya ialah untuk merawat pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan lanjut ataupun pemantauan setelah dikeluarkan dari hospital. Jadi, ini untuk memudahkan pesakit dan keluarga yang dalam penjagaannya dan memberi apa jua nasihat yang perlu dalam penjagaan pesakit tersebut di rumah dan menggalakkan masyarakat dalam sikap pemedulian dan bertanggungjawab terutama sekali kepada warga tua ataupun yang kurang berupaya serta menyelaraskan konsep penjagaan kesihatan asasi ini melibatkan masyarakat dalam menjaga kesihatan diri, keluarga dan masyarakat.

Jururawat ini ia adalah di bawah tanggungjawab Jabatan *Home-Based Nursing*. Walaupun ia ramai, pada masa ini, di Brunei sahaja pesakit yang dirawat mengenai kaedah ini adalah sebanyak 269 orang dan tenaganya 22 orang.

Kementerian Kesihatan mengenalpasti mengenai kekurangan jururawat dalam bidang ini dan masa ini pun sudah ditunduki untuk pengambilan lebih

banyak jururawat untuk menangani masalah kekurangan jururawat ini.

Dari segi pemantauan, setiap jururawat itu, mereka ada ketuanya dan ketuanya akan memantau apa yang dibuat oleh jururawat yang datang ke rumah-rumah dan *nurse* ini, ada jua dipantau oleh doktor yang bertanggungjawab mengenainya. Dari segi pemantauan, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** dalam 1 ke 2 tahun ini, sudah diperbaiki dan ditambah baik dari segi pemantauannya, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Manakala dari segi elaun ataupun kegunaan kereta, apa yang Kementerian khawatirkan ialah kadang-kadang mereka keluar menggunakan kereta sendiri seperti Yang Berhormat terangkan tadi.

Kementerian Kesihatan pada masa ini menunduki ialah keperluan pekerja-pekerja, bukan sahaja *Home-Based Nursing* yang lain juga seperti Yang Berhormat utarakan kelmarin, kalau mereka keluar dan terjadi kemalangan atau kekerasan daripada keluarga pesakit. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan menunduki sama ada keperluan untuk memberi insurans kepada jururawat-jururawat ataupun pekerja kesihatan yang lain yang bertugas ke daerah-daerah di luar tempat bekerja.

Dari segi peruntukan, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ia akan ditambah untuk mencukupi kerana jururawat-jururawat ini dalam menangani pesakit-pesakit ini seperti sakit di leher yang ada *tube* untuk pemakanannya. Ia perlu diganti secara berkala dan memastikan sentiasa ada.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ada satu isu sahaja dan memohonkan sesuatu dan bertanyakan perkembangannya.

Isu yang kaola bawa ini seingat kaola sudah dibawa beberapa tahun yang lalu dan Kementerian Kesihatan pernah berjanji untuk menanganinya. Isu yang kaola timbulkan ialah mengenai banduan yang sedang menjalani hukuman di penjara-penjara kitani yang kadang-kadang memerlukan rawatan dan di bawa ke hospital-hospital kerajaan.

Beberapa kali kaola berkesempatan hadir di rumah sakit, kaola ada juga melihat banduan-banduan diiringi dan di *escort* ke tempat-tempat rawatan dengan melalui jalan yang berhadapan dengan orang ramai terutama di bahagian farmasi dan sebagainya.

Kaola merasa, perkara itu boleh menimbulkan rasa rendah diri kepada banduan-banduan tersebut kerana ia akan diperhatikan oleh orang ramai dan pihak Kementerian Kesihatan telah pun

seingat kaola mencuba untuk mengatasi perkara ini dengan barangkali mengadakan laluan-laluan khusus supaya mereka itu tidaklah terlalu terdedah kepada orang ramai.

Hanya barangkali, memang bukan senang untuk mencari-cari laluan bukan orang ramai hanya kaola sarankan, perkara tersebut diambil perhatian dan diutamakan juga kerana masyarakat kitani sentiasa berdoa siang malam ada doa kitani "Ya Allah, ampuni dosa kami dan tutuplah keaiban kami". Kitani selalu memohon doa sebegini.

Kaola menyarankan supaya sama-sama kitani menyantuni golongan ini dengan sebaik-baiknya dan selayaknya, semoga kitani semua mendapat rahmat daripada
 اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Soalan kaola ialah bagaimanakah perkembangan isu tersebut yang pernah dibangkitkan dahulu dan dijanjikan juga untuk ditunduki sebaik-baiknya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim mengenai soalan yang diutarakan.

Kementerian Kesihatan pada menjawabnya mengambil maklum akan saranan kesejahteraan mana-mana pesakit termasuk banduan-banduan

yang menerima rawatan di Kementerian Kesihatan di negara ini.

Saranan Yang Berhormat itu akan diteliti dan seperti Yang Berhormat huraikan tadi, terdapat juga beberapa faktor yang kitani perlu fikirkan termasuk keselamatan orang awam juga dan pada banduan itu sendiri. Di Hospital RIPAS pada misalnya, *design* RIPAS mungkin menyukarkan untuk memberi jalan atau laluan khusus kepada keseluruhan rawatan tersebut.

Walau bagaimanapun, beberapa inisiatif diambil, misalnya, kalau ada banduan tersebut ada janji temu bersama doktor atau *x-ray*. Mereka akan didahulukan supaya tidak menunggu lama di kawasan orang ramai. Mereka juga diberi bilik khas dan tidak bercampur dengan orang ramai. Mereka ada bilik persendirian di wad-wad yang tertentu dan di Bahagian Kecemasan pun ada bilik berasingan untuk mereka supaya tidak bercampur dengan orang ramai.

Tetapi, seperti apa Yang Berhormat sarankan itu akan diteliti lagi bagaimana menambah baik mengenai saranan Yang Berhormat itu.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Behormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ada satu cadangan kepada Kementerian Kesihatan iaitu mengenai pelancongan kesihatan. Seperti negara-negara maju yang lain, sektor kesihatan adalah antara yang penting dalam mercu sektor ekonomi negara.

Dalam usaha negara ke arah mempelbagaikan sumber pendapatan selain daripada minyak dan gas, sektor pelancongan kesihatan juga dilihat sebagai sektor yang berpotensi untuk diterokai dalam memajukan ekonomi negara kita.

1. Saya ingin tahu daripada Kementerian Kesihatan; apakah ada pesakit-pesakit dari negara luar yang datang ke negara ini untuk mendapatkan rawatan sama ada di hospital kerajaan atau swasta?;
2. Apakah Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak yang berkenaan mempunyai perancangan untuk memperkenalkan sektor pelancongan kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung mengenai soalan-soalan yang diajukan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ pada menjawabnya, Kementerian Kesihatan dengan *whole of nation approach* bekerjasama dengan pihak perubatan swasta terutama sekali *Jerudong Park Medical Centre, Pantai*

Jerudong Specialist Centre dan *Gleneagles Jerudong Park Medical Centre*, dalam bersama-sama untuk menarik *medical tourism* ke negara ini.

Seperti Yang Berhormat maklum, sebelum ini dalam 10 tahun kebelakangan misalannya, kitani tidak berapa memajukan *medical tourism* ini sebab untuk kegunaan kita sendiri pun tidak mencukupi dengan jumlah katil yang ada pun kadang-kadang di *ICU* pun 'berabut' mencari katil untuk kegunaan diri sendiri.

Tetapi اَلْحَمْدُ لِلَّهِ dengan kebijaksanaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kementerian-kementerian yang berkaitan ditubuhkan *Gleneagles Jerudong Park Medical Centre, Pantai Jerudong Specialist Centre, The Brunei Cancer Centre* dan *Brunei Neuroscience Stroke Centre* yang sekaligus menambah katil yang kurang lebih 300 buah semuanya.

Dengan adanya penambahan katil ini dan dengan adanya jumlah kepakaran di negara ini, sebahagiannya dari luar juga, dapatlah kitani pertama sekali, menjana kesihatan penduduk negara ini. Bila kitani ada kemampuan atau kitani akan membuat kapasiti untuk *medical tourism*, baru kitani dengan secara lebih agresif mula untuk mengutarakan *medical tourism* ke negara ini.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, dalam 2-3 tahun kebelakangan ini, kerajaan melalui *JPMC* dan *Gleneagles JPMC* ada mengikuti ekspo-

ekspo di luar negeri untuk mengetengahkan *centre of excellence* kitani di Brunei, terutama sekali dalam bidang jantung, *stroke, rehab* dan *cancer centre*.

Buat masa ini, memang ada orang luar dan kebanyakannya dari Borneo, terutama sekali dalam bidang jantung. Sudah ada beberapa pesakit khas datang ke Brunei yang jumlahnya tidak pula sampai dalam beratus tetapi dalam 10 atau belasan orang.

Antara faktornya juga ialah kos. Kitani ini seperti *a late player* di rantau ini, seperti Yang Berhormat sedia maklum, negeri jiran kitani jauh lebih maju ke hadapan dalam mempromosi *medical tourism* mereka ini.

Jadi, walaupun kitani ini ketinggalan tetapi akan tetap berusaha dengan agensi-agensi, terutama sekali pihak perubatan swasta yang kaola sebutkan tadi untuk mengetengahkan *our centre of excellence*. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, dalam masa yang terdekat seperti apa yang kaola sebutkan dalam mukadimah kaola ini, negara ini akan memulakan pembedahan dan pemindahan hati or *liver transplant*.

Kitani mesti mencari apa yang orang lain tidak berapa banyak membuatnya. Salah satu daripadanya ialah pemindahan hati *Jerudong Park Medical Centre* bekerjasama dengan satu pakar perubatan dari luar negeri untuk membawa pesakit dari luar negeri membuat pemindahan hati itu di sini.

Usaha sama ini bukan semata-mata untuk *attract* Brunei *patients* sebab pemindahan hati dengan rakyat kitani yang 400,000 orang ini dalam setahun 1-2 orang sahaja. Jadi tidak memadai kalau dari segi *investment* lalu kitani cuba menarik orang dari luar.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kalau semuanya berjalan lancar, dalam bulan April ini kitani akan membuat pembedahan dan pemindahan hati yang pertama di negara ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah membincangkan Kementerian Kesihatan dan kita membukakannya kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, silakan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ*, kaola merakamkan tahniah dan ribuan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan semalam.

Kaola ingin menghujahkan perbahasan mengenai pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan 2019/2020.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, menurut pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II kepada fokus utama yang memelihara kesejahteraan awam. Seperti yang diujulkan pada keterangan ke-45 perenggan 2, bagi Perkhidmatan Kesihatan, antara lain menyentuh mengenai penambahan 85 jawatan doktor dalam bidang perubatan dan pergigian serta 129 jawatan dalam bidang kejururawatan.

Kaola ingin bertanya, melalui Kementerian Kesihatan supaya akan dapat menjelaskan secara terperinci, berapa ramai anak-anak tempatan yang berkelulusan kedoktoran dalam bidang perubatan dan pergigian serta kejururawatan pada masa ini?

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mencadangkan untuk dikeluarkan iklan supaya jawatan-jawatan tersebut diambil alih atau dijabat oleh anak-anak tempatan. Kaola mencadangkan dari jumlah kekosongan jawatan tersebut membolehkan, mengurangkan ekspatriat dari luar negara bagi memberi peluang kepada anak-anak tempatan.

Kaola percaya dan yakin anak-anak tempatan akan mengambil peluang bagi jawatan tersebut dan bekerja demi negara.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji

Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman.

Seperti dalam mukadimah kaola semalam, 50% daripada keseluruhan doktor di negara ini sekarang adalah anak tempatan. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Kementerian Kesihatan bekerja rapat dengan Unit Biasiswa, Kementerian Pendidikan untuk sentiasa melahirkan anak tempatan dalam profesion kedoktoran ataupun *a life health professional* dan kejururawatan. Pada masa ini, jumlah keseluruhan tenaga doktor hampir 700 iaitu 698 orang jumlah doktor keseluruhannya dan anak tempatan ialah 349 orang, *exactly* 50%, orang luar 349 orang.

Bagi jururawat di negara ini 2,000 lebih, kaola bagi peratusnya 98% adalah anak-anak tempatan. Terdapat 2% itu, masih perlu ada kerana sebahagian daripada nurse tersebut mempunyai kepakaran khusus berpengalaman yang boleh sama-sama *share the knowledge or knowledge transfer* dengan anak-anak tempatan, khususnya dalam *intensive care unit*, penjagaan *neuro* dan *cancer centre*, terutama sekali bidang jantung.

Memang dasar Kementerian Kesihatan *is a local first*. Walau bagaimanapun, pada masa yang diperlukan kadang-kadang tidak ada anak tempatan, maka terpaksa kita mengambil orang luar.

Kadang-kadang, ada jua baik diambil orang luar ini disebabkan oleh pengalaman mereka yang mungkin berbeza dan boleh menambah baik mengenai amalan kejururawatan

ataupun kedoktoran untuk anak-anak tempatan kitani.

Seperti yang kaola sebutkan, kelmarin pun misalannya, ada 70% pakar di negara ini anak tempatan juga dan masih jua ada orang luar. Jadi, orang luar ini diperlukan juga sebab dengan pengalamannya. Pengalaman ini tidak boleh dibeli, kitani pas periksa khas untuk pakar. Lain lagi bidang pembedahan, *the moment* kita pas bahagian pakar itu, 'nya orang' baru pandai berjalan belum semestinya pandai 'belusir' *and* bila 'belusir' pada waktu yang tertentu.

Itu yang payahnya, melalui pengalaman sahaja. Dari segi pembedahan, ada perambahannya *the most difficult thing for surgeon is when not to cut*, kalau memotong ini siapa pun boleh *but when not to cut* atau bila membuat pembedahan itu, *decision* yang paling payah bagi seorang pakar bedah kerana kita mesti mengingatkan moto kesihatan *do no harm*, itu mesti dipegang.

Mengenai iklan ini memang diiklankan dan Kementerian Kesihatan bekerja rapat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai pengiklanan jawatan yang baharu dan pengiklanan ini pun memudah cara jua dalam pengambilan anak-anak tempatan untuk bekerja di Kementerian Kesihatan.

Satu sahaja lagi belum kaola menjawab mengenai doktor gigi (*dentist*). Masa ini ada 21 orang pakar pergigian dan 46 Pegawai Pergigian anak tempatan di negara ini.

Sekian, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada lagi mahu untuk menyoal, jadi dengan itu saya kira sampailah masanya bagi kita untuk mengundi Belanjawan Kementerian Kesihatan ini.

Sekarang saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Oleh yang demikian, Belanjawan Kementerian Kesihatan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SQ01A dan SQ02A – Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan membincangkan Belanjawan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum saya membuka tajuk ini untuk dibahaskan, sebagaimana lazimnya saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian untuk menyampaikan ucapan pendahuluannya atau mukadimahnyanya

mengenai objektif belanjawan tersebut yang disediakan oleh kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Lebih dahulu, peramba kaola saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah pada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2019), Perbekalan 2019/2020.

Peramba, kaola, saya seterusnya menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas ihsan kerajaan Baginda dalam menyediakan peruntukan untuk Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian sebanyak \$18,994,350.00 dan juga Jabatan Perkhidmatan Elektrik dengan peruntukan sebanyak \$159,419,289.00 bagi Tahun Kewangan 2019/2020 serta kepercayaan dan sokongan yang diberikan.

Yang Berhormat Pengerusi, izinkan peramba, kaola, saya memberi

penerangan mengenai hala tuju dan fokus utama di bawah Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian serta Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian mendukung dengan sepenuhnya tema belanjawan tahun ini iaitu 'Pelaburan Untuk Masa Depan' dan bidang-bidang keutamaan di bawahnya, pihak kementerian akan terus memainkan peranan memikul amanah yang diberikan dalam keempat-empat fokus belanjawan terutama sekali dalam fokus pelaburan untuk generasi akan datang. Memudah cara perniagaan dan memelihara kesejahteraan awam selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi menjalankan peranan sebagai pemudah cara dan menjana sumber tenaga manusia yang *competence* serta *employable*.

Ke arah itu, misi kementerian bagi bergerak seiring dengan arus pembangunan negara adalah ekonomi yang pelbagai dan berdaya tahan yang diterajui oleh rakyat Negara Brunei Darussalam demi kemakmuran negara. Ini terserlah di dalam agenda utama Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian,

dalam melaksanakan 3 portfolio utama di bawahnya seperti berikut:

1. Menangani kadar pengangguran dalam kalangan anak-anak tempatan melalui meningkatkan keserasian antara tenaga kerja dan keperluan semasa bagi memacu perkembangan negara termasuk ekonomi dan industri negara;
2. Memajukan sektor perindustrian agar memberangsangkan pertumbuhan ekonomi dan turut menyumbang kepada penjanaaan peluang-peluang pekerjaan; dan
3. Mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan kestabilan pengeluaran minyak dan gas serta mengurangkan kesan daripada sebarang susutan harga minyak mentah dunia terhadap hasil pendapatan negara.

Isu pengangguran amat diambil berat oleh pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Setiap tahun secara purata kira-kira 6,500 orang mencari kerja baharu tempatan akan memasuki pasaran pekerjaan. Seramai 2,600 orang daripadanya adalah terdiri daripada graduan, pemegang Ijazah Sarjana Muda ke atas dan hanya sekitar 6,000 jawatan dapat disediakan setiap tahun setakat ini. Jumlah pencari kerja baharu dijangka meningkat setiap tahun mengikut peningkatan tahunan penduduk negara.

Bagi menangani isu ini, dan menggunakan sumber manusia negara

sepenuhnya secara positif dan produktif, pihak kementerian telah menyediakan beberapa langkah dalam bidang-bidang keutamaan berikut:

1. Perkembangan dan kemahiran kompetensi anak-anak tempatan mengikut keperluan industri secara berterusan;
2. Penyediaan dasar dan inisiatif-inisiatif bagi menggalakkan penyertaan anak-anak tempatan dalam pasaran pekerjaan terutamanya di sektor swasta;
3. Meningkatkan perkembangan industri untuk membukakan peluang-peluang pekerjaan yang baharu; dan
4. Memaksimumkan limpah kesan ekonomik atau *spin-off* termasuk mendukung pengambilan anak-anak tempatan dan pembelian barangan dan perkhidmatan tempatan.

Bagi meningkatkan keserasian pasaran pekerjaan dengan keperluan industri, pihak kementerian akan terus memacu penyediaan pekerja yang berkemahiran, kompeten, dan *employable* bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti pihak industri, bagi memastikan kursus dan kurikulum pendidikan termasuk Program Latihan Teknikal dan Vokasional adalah mengikut keperluan negara dan pembangunan industri.

Langkah-langkah di samping itu, termasuk melalui pengendalian *Job Center Brunei*. Menyokong pendedahan anak-anak tempatan kepada industri dan juga pelancaran *Bruneiansation Directive*. Ke arah itu, pelbagai program dan *platform* bagi anak tempatan untuk menjalani kursus *reskilling dan upskilling* menurut keperluan industri semasa telah disediakan, yang merangkumi Program Perantisan *i-Ready*, Pusat Pembangunan Kapasiti dan Rangka Kerja Kompetensi Industri.

Setakat 16 Mac, 2019, seramai 2,098 orang graduan telah mengikuti Program Perantisan Graduan *i-Ready*, sejak permulaannya pada 1 April, 2017. Program *i-Ready* ini merupakan Program Perantisan dengan tempoh maksimum 3 tahun yang dibukakan kepada graduan yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas untuk melengkapkan diri dengan pengalaman dan kemahiran kerja terutamanya bagi *reskilling* dalam bidang yang berlainan daripada kelayakan akademik mereka.

Daripada jumlah ini, seramai 524 orang atau 25% telah pun mendapat pekerjaan tetap sebelum penyelesaian tempoh masa 3 tahun bagi program mereka. Di samping itu, 7 orang graduan *i-Ready* juga berpeluang menjalankan perantisan mereka di luar negara. Pihak kementerian mempunyai perancangan tahun ini, untuk meningkatkan lagi peluang perantisan dan latihan di luar negara kepada graduan *i-Ready*. Perbincangan ini diadakan dengan beberapa pihak tertentu dari luar negara.

Seterusnya, usaha-usaha akan diteruskan untuk memperkasa keupayaan anak-anak tempatan agar penglibatan mereka dalam menerajui pembangunan negara dapat dipertingkatkan. Sektor swasta juga digesa agar turut memainkan peranan lebih aktif dalam meningkatkan kemahiran dan daya saing anak-anak tempatan.

Bagi menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun yang lalu yang berkaitan dengan memperkasakan anak-anak tempatan untuk memenuhi semua peringkat jawatan sehingga peringkat pengurusan.

Bruneiansation Directive bagi sektor minyak dan gas telah diwujudkan pada 20 Jun 2018 melalui Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Pihak kementerian akan terus menguatkuasakan agar terdapat *Succession Planning* dan meningkatkan kemahiran secara teratur sehingga syarikat-syarikat yang dipantau mencapai 90% pekerja tempatan di semua peringkat. Setakat bulan Januari 2019, kadar *Bruneiansation* di sektor minyak dan gas adalah lebih kurang 82%.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, pada tahun ini Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian akan melancarkan *Bruneiansation Directive* bagi sektor

bukan minyak dan gas secara berperingkat-peringkat dengan bekerjasama dengan Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan.

Mengenai isu *mindset* pekerja tempatan walaupun kadar pengangguran telah meningkat pada 9.3% sepertimana dilaporkan oleh *Labour Force Survery 2019* berbanding dengan 6.9% pada tahun 2014, laporan sama juga menunjukkan pengambilan pekerja tempatan di sektor swasta telah pun meningkat dari 53,994 orang pada tahun 2014 kepada 66,363 orang pada tahun 2017.

Ini menunjukkan bahawa anak-anak tempatan tidak segan mencari peluang-peluang pekerjaan dalam bidang luar sektor perkhidmatan awam.

Oleh yang demikian, perkara mengenai pengangguran akan dikaji dengan lebih terperinci untuk mengenalpasti punca-punca sebenar yang menjadi rintangan kepada pengambilan para pekerja tempatan seperti titah saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pihak Kementerian akan memberi tumpuan kepada pengurusan dan perancangan strategik secara teratur terhadap perkembangan perindustrian melalui 3 teras utama, iaitu:

1. Dengan pembentukan *Industry Roadmap*, ke arah mempelbagaikan

ekonomi dengan mengambil kira bidang-bidang perindustrian yang menjadi tumpuan pada 5 tahun ke hadapan serta perkembangan ekosistem perniagaan yang kondusif agar memudah cara pembangunan bidang-bidang tersebut bagi para pelabur langsung asing mahupun perusahaan-perusahaan tempatan.

Penyediaan dasar dan perundangan yang telus serta akses kepada tapak perindustrian, prasarana dan galakan yang bertepatan turut menjadi komponen penting bagi menjayakan matlamat ini. Pihak kementerian akan menekankan perkembangan sektor hiliran minyak dan gas, sektor pemakanan, sektor perkhidmatan dan sektor teknologi infokomunikasi yang turut merupakan sebahagian daripada sektor keutamaan perekonomian yang diterajui oleh kerajaan.

Selain itu, sektor pembuatan aktiviti perindustrian dukungan (*spin off*) untuk menampung sektor-sektor ini dan sektor tenaga turut menjadi tumpuan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Pembentukan *Industry Road Map* tersebut bersandarkan kepada sokongan padu *whole of nation* dengan penglibatan semua pihak-pihak berkepentingan.

Local Business Development directives di sektor minyak dan gas yang telah dikeluarkan semenjak tahun 2011 akan terus ditekankan bagi memastikan manfaat limpah

kesan ekonomi atau *spin off* dimaksimumkan bagi perusahaan tempatan dengan menetapkan kadar minimum pembelian barangan dan perkhidmatan tempatan serta pengambilan pekerja tempatan untuk mendukung perkembangan *industry spin off*.

Pembangunan di sektor hiliran (*downstream*) minyak dan gas di Taman Perindustrian Pulau Muara Besar dan Tapak Perindustrian Sungai Liang mempunyai potensi untuk menjana lebih kurang 12,000 pekerjaan langsung dan tidak langsung dalam jangka masa 5 tahun akan datang jika beroperasi sepenuhnya. Pihak kementerian juga akan terus berusaha untuk meningkatkan kedudukan negara dalam Laporan *Ease of Doing Business* yang dikendalikan oleh Bank Dunia dari kedudukan anak tangga ke-55 pada masa ini khususnya melalui *platform Jawatankuasa Pandu Ease of Doing Business*;

2. Bagi menyumbang juga kepada focus meningkatkan aktiviti pelaburan, pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian akan terus menggalakkan kolaborasi antara para pengusaha tempatan dan Pelabur Langsung Asing yang membawa bersama mereka suntikan kemahiran *capital and technology* yang jika dimanfaatkan dengan sepenuhnya berpotensi untuk mempercepatkan perkembangan perusahaan-

perusahaan tempatan. Ia juga mendatangkan manfaat dari segi memperluaskan lagi rangkaian pasaran luar negara dan seterusnya untuk menyalurkan hasil-hasil industri tempatan ke luar negeri.

Di samping itu, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian akan terus bekerjasama dengan pihak *Darussalam Enterprise* bagi memastikan tapak-tapak perindustrian bertaraf tinggi dan dilengkapi dengan prasarana keperluan Pelabur Langsung Asing serta perusahaan-perusahaan tempatan; dan

3. Dalam usaha ini pembangunan perusahaan-perusahaan tempatan dihasratkan untuk menjadi jentera utama perkembangan industri. Terutamanya perusahaan-perusahaan mikrokecil dan sederhana.

Kementerian bersama dengan *Darussalam Enterprise* dan pihak-pihak berkepentingan akan terus memberi perhatian terhadap peningkatan kapasiti dan kemahiran keusahawanan menggalakkan orang ramai berkecimpung dalam bidang keusahawanan serta penyediaan inisiatif-inisiatif dan dasar yang membukakan peluang-peluang untuk pengusaha-pengusaha tempatan.

Tumpuan kini diberikan kepada bimbingan agar perusahaan-perusahaan tempatan mempunyai

keupayaan untuk mengharungi cabaran-cabaran dan peluang-peluang gelombang Revolusi Industri 4.0 serta mampu bersaing dan menembusi pasaran eksport serantau dan antarabangsa.

Ke arah itu, beberapa kursus latihan keusahawanan serta kemahiran-kemahiran dukungan seperti *E-Commerce* telah disediakan oleh *Industry Business Academy* yang dikendalikan oleh pihak *Darussalam Enterprise* dan agensi lain seperti *Livewire*, bengkel-bengkel dan perkhidmatan bagi pensijilan yang diiktiraf oleh pasaran luar negeri melalui pusat *standard* kebangsaan dan *Darussalam Enterprise, business help desk* dan *business support centre* dan juga dukungan bagi meningkatkan kapasiti dan kualiti pengeluaran produk dan perkhidmatan tempatan bagi menggalakkan penyaluran ke pasaran eksport dan juga pasaran tempatan.

Antara lain, inisiatif baharu yang telah diperkenalkan oleh pihak kementerian pada tahun lepas adalah program *i-Usahawan* yang bertujuan meningkatkan pendedahan dan menarik para belia tempatan untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan dengan mengkhaskan beberapa *contract* asas (*basic*) kepada perusahaan belia tempatan.

Sebanyak 200 kontrak disasarkan untuk dijalankan dalam masa 3 tahun ke hadapan yang 100 kontrak

daripadanya adalah sektor bukan minyak dan gas termasuk kontrak dalam agensi kerajaan, syarikat-syarikat berkaitan dengan pihak kerajaan dan badan berkanun. Dari usaha-usaha ini pihak Kementerian menasaskan bagi 30 projek industri baharu untuk mencapai *final investment decision* menjelang penghujung tahun 2024.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada masa ini juga harga minyak mentah telah mula menampakkan tanda-tanda pemulihan dengan harga minyak mentah *Dated Brent* hari ini melebihi US\$68 setong. Walau bagaimanapun, masih terdapat impak kegawatan yang merupakan fenomena pasaran minyak mentah global.

Pada tahun ini, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian menggalakkan peningkatan aktiviti eksplorasi dan mempercepatkan pemajuan padang minyak dan gas yang baharu di kawasan luar pantai.

Bagi tahun 2019 jumlah nilai pelaburan bagi semua aktiviti pemajuan padang minyak dan gas baharu, aktiviti eksplorasi dan pembaikpulihan fasiliti pengeluaran ke arah kedayatahan sektor hulu minyak dan gas dianggarkan berjumlah B\$1.65 bilion. Ini adalah pelaburan yang besar untuk memastikan pengeluaran minyak dan gas yang mampan pada masa akan datang. Di samping itu, pelaburan ini akan turut mendatangkan limpah kesan

ekonomi kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan industri perkhidmatan.

Pengeluaran minyak dalam negeri adalah disasarkan sebanyak 121,000 tong sehari. Berbanding pengeluaran 111.5 ribu tong sehari pada tahun 2018, manakala pengeluaran gas asli pada tahun 2018 adalah sebanyak 234.4 ribu tong *equivalent* sehari yang sebahagian besarnya dieksport sebagai cecair gas asli atau *LNG* dan *methanol* dengan jumlah sebanyak 7.28 juta tan metrik.

Bagi pengeluaran pada tahun-tahun hadapan aktiviti pemajuan padang minyak dan gas baharu dipertingkatkan lagi dan ini termasuk pemajuan beberapa padang minyak dan gas di kawasan lautan dalam (*deep water*) dengan kedalaman 2km yang membukakan bab sejarah baharu dan menjana peluang-peluang baharu di sektor swasta negara.

إِنْ شَاءَ اللهُ kemajuan minyak dan gas baharu ini dijangka akan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran minyak dan gas negara sebanyak 30% dalam tempoh masa 5 tahun.

Sementara bagi aktiviti eksplorasi, pengerudian sekurang-kurangnya 5 buah telaga eksplorasi dirancang bagi tahun 2019 termasuk 2 *key wells* yang bertujuan mengenalpasti potensi kawasan baharu. Peningkatan nilai atau *value* dari pengeluaran minyak dan gas melalui aktiviti-aktiviti hiliran turut diberi perhatian untuk menjana industri-industri baharu.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ pada tahun lepas pembekalan produk petroleum negara tidak terjejas, di samping itu pengoperasian Loji Penapis Minyak dan Petrokimia di Taman Perindustrian Pulau Muara Besar pada penghujung tahun ini akan dapat menyumbang kepada pembekalan produk petroleum dalam negeri yang lebih terjamin. Antara produk pengeluaran penapis minyak dan petrokimia tersebut adalah *diesel*, *Jet A1*, *gasoline*, *benzene* dan *paraxylene* yang merupakan bahan pembuatan plastik dan tekstil seperti *polyester*.

Pada kemuncak pengoperasiannya loji ini akan mampu memproses 175 ribu tong minyak mentah sehari dengan pengeluaran 8 juta tan produk setahun. Sejumlah 12 ribu tong minyak mentah sehari adalah bagi keperluan dalam negeri. Loji إِنْ شَاءَ اللهُ juga akan membukakan kira-kira 1600 peluang pekerjaan secara langsung atau *direct employment*. Dan 50% daripadanya bersamaan dengan 800 jawatan dikhaskan bagi pekerja tempatan pada permulaannya dan jumlah ini akan terus meningkat kepada 90%.

Dengan semua usaha yang dijalankan bagi mengembangmajukan sektor tenaga dan perindustrian penjaanan peluang pekerjaan secara keseluruhan dihasratkan untuk dipertingkatkan kepada 45,000 peluang pekerjaan secara kumulatif antara tahun 2019 hingga tahun 2024 iaitu dalam jumlah 7,500 peluang kerja setiap tahun secara purata berbanding dengan 6,565 jawatan kosong yang didaftarkan di *Job Centre* bagi tahun 2018. Jumlah ini jika

menjadi realisasi dijangka akan menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguaran kepada 6% menjelang tahun 2024.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ke arah pemuliharaan kesejahteraan orang ramai, Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan terus giat meningkatkan *reliability* dan kecekapan penjanaan, pembekalan dan penghantaran tenaga elektrik kepada orang ramai.

Pada tahun 2018, Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah mengurangkan gangguan bekalan tenaga elektrik yang melebihi 1 jam sebanyak 8.5% iaitu pengurangan daripada 71 gangguan kepada 65 gangguan.

Tempoh gangguan bekalan elektrik dikurangkan sebanyak 40% iaitu daripada 64 minit pada tahun 2013 kepada 38 minit pada tahun 2018. Sasaran bagi tahun 2019 adalah bagi memastikan jumlah gangguan yang melebihi 1 jam tidak melebihi 52 gangguan dan tempoh gangguan tidak melebihi 30 minit untuk menyediakan sistem bekalan tenaga elektrik yang lebih mantap pelaksanaan kerja *preventative maintenance* akan diteruskan.

Langkah-langkah berkaitan dengan penyediaan bekalan elektrik yang selamat dan *reliable* turut dikukuhkan dengan penubuhan Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam untuk menguatkuasakan amalan-amalan terbaik berkaitan dengan penjanaan

pemasangan dan penggunaan kuasa elektrik.

Pada tahun 2018, bagi mendukung agenda pembangunan negara secara *sustainable* yang memelihara khazanah hijau negara, pihak kementerian akan terus mendukung penggunaan tenaga lestari serta penjimatan dan kecekapan tenaga. Di samping itu, pihak kementerian telah mengaktifkan semula Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam sebagai *platform* untuk memantau dan memacu komitmen negara bagi menangani perubahan iklim.

Di samping itu, sebuah badan berkanun iaitu *Safety Health and Environment National Authority* atau *SHENA* telah ditubuhkan bagi meningkatkan pengawalseliaan hal ehwal *health safety and environment (HSE)* di semua sektor.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Akhir sekali, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian akan terus memberi sokongan terhadap pemeliharaan kemakmuran negara dan pencapaian Wawasan Brunei 2035, melalui pendekatan *whole of nation* dan menurut calak Brunei serta prinsip-prinsip konsep Melayu Islam Beraja.

Apa yang penting ialah bagi kita semua untuk terus berdoa meneruskan segala usaha kita, menambah ikhtiar dan seterusnya bertawakal kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, agar segala usaha *whole of nation* kita akan dapat meningkatkan kesejahteraan, keamanan dan

kemakmuran negara kita yang tercinta ini. يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sekali lagi atas ruangan diberikan untuk menyampaikan mukadimah kaola.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian atas huraian mukadimah yang begitu jelas, yang menggariskan dasar-dasar terperinci berkenaan dengan hala tuju Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian sesuai dengan belanjawan yang dipohonkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum saya membukakan Tajuk ini untuk dibahaskan, saya cadangkan kita berehat dahulu selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula untuk menyambung Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020. Kita sedang atau sekarang bermula untuk membahaskan Belanjawan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan jabatan di bawahnya.

Sebentar tadi sebelum kita berhenti berehat, Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, telah membentangkan mukadimahnya dengan jelas tentang hala tuju dalam penyediaan Belanjawan kementeriannya.

Sekarang saya bukakan Tajuk ini untuk diteliti dan dibahaskan. Bersama dengan saya terdapat satu senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Tajuk ini. Maka, saya sekarang persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya ingin terus saja kepada persoalan kepada Yang Berhormat Menteri di Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Ada 4 perkara yang saya bawakan:

1. Tajuk SQ01A, Kod Akaun 1119 - 003 Sumber Tenaga Manusia – *I-RDY (i-Ready)*.

Seperti persiapan mana-mana pekerja yang akan berhenti dalam sebuah syarikat, apakah persiapan yang diberikan oleh pihak kementerian atau syarikat tempat mereka bekerja untuk *i-Ready*, jika syarikat dan agensi yang melatih dan tempat mereka bekerja tidak dapat mengambil mereka selepas habis program *i-Ready*. Jika saya

dapat memberi beberapa cadangan penambahbaikan.

- i. Memberikan *preferred career path* dan *recommendation* untuk mereka ini untuk disalurkan ke peluang pekerjaan dalam projek *FDI* dan *PPP* negara jika mereka berkelayakan;
- ii. Memberikan bantuan untuk menjalankan perniagaan melalui bimbingan dari *Darussalam Enterprise (DARE)*, contohnya dari awal program *i-Ready*;
- iii. Meneruskan latihan-latihan *career growth* mereka semasa Program *i-Ready* dengan menyediakan *syllabus* program yang perlu mereka hadiri seperti *soft-skills, job dan research, goal setting* atau kursus-kursus kompetensi pendek; dan
- iv. Diberikan *coaching* dan *mentoring* dengan *mentor* yang bersesuaian dengan mereka dari pakar industri yang mereka minati dan selain bimbingan dari tempat mereka bekerja tersebut.

2. Kod Akaun 002-004 - Pembangunan Tenaga Lestari. 2 perkara:

- i. Perkara 2 - *Circular Economy*.

Apakah usaha kitani menggalakkan *Circular Economy* di Negara Brunei Darussalam? Jika kitani mengadaptasikan

manfaat adalah banyak, seperti mengurangkan impak pada alam sekitar, pergantungan kitani pada import luar dan kos dikurangkan, meningkatkan daya saing negara serta membina peluang pekerjaan dalam industri hijau atau dipanggil *green industry*; dan

- ii. Perkara 3- *Green Vehicles*.

Sektor Automotif Dunia dalam lebih 2 dekad ke hadapan ini akan berpindah ke kenderaan yang lebih mesra alam seperti jenis *hybrid* dan elektrik. Beberapa negara Eropah termasuk dari Asia Tenggara sendiri mempunyai perancangan untuk meningkatkan lagi penggunaan kenderaan elektrik dan ada juga yang akan menghentikannya secara berperingkat-peringkat kereta menggunakan petrol ataupun diesel.

Soalan saya adakah perkara ini akan memberikan kesan kepada kitani jua?

3. Kod Akaun 003-000 - Perindustrian (Program Baharu) dan Kod Akaun 010-000 - Pembangunan Industri-Industri Utama (Program Lama) iaitu Industri Perfileman.

Untuk menyokong lagi pembangunan industri perfileman negara bisailah ada penyelarasan akan perkara ini untuk *multi sectorial coordination*

di peringkat *statutory body* seperti di beberapa negara lain ada agensi pusat bagi industri perfileman contohnya Perbadanan Kemajuan Filem National (FINAS) di Malaysia, *Motion Picture Association of America* di Amerika Syarikat atau *British Film Institute* di *United Kingdom*.

Soalan saya, apakah perancangan ke hadapan kitani mengenai perkara ini dari segi pembangunan industrinya?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat suka untuk menjawab terus. Persilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Mengenai soalan dan saranan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad yang menyentuh program *i-Ready*, terima kasih atas cadangan-cadangan *constructive* yang telah dikemukakan. **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan dipertimbangkan dalam memperbaiki program *i-Ready* lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat pihak Kementerian Tenaga, (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian telah memperkenalkan satu syarat baharu bagi syarikat yang ingin ikut dalam program *i-Ready* iaitu penyediaan tawaran

conditional offer of employment iaitu menjamin pengambilan tertakluk kepada prestasi agar mengurangkan terjadinya situasi perantis tidak dapat diambil bekerja. Di bawah program *i-Ready*, para graduan sememangnya akan dilatih dan dibimbing oleh penyelia atau *coach* di tempat kerja di mana setiap *coach* tidak boleh mempunyai lebih dari 3 orang perantis bagi memastikan *coaching* yang lebih berkesan.

Pembangunan kemahiran para perantis juga kerap dipantau melalui *Performance Assessment and Development Plan*. Setiap 6 bulan yang turut disemak oleh pihak *JobCenter Brunei*. Ia merangkumi penyediaan pelan pembangunan kerjaya, (*career development plan*) yang turut mengandungi butiran latihan dan persediaan yang perlu dijalani oleh graduan agar dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepenuhnya.

Syarikat-syarikat yang ikut serta digalakkan untuk menyediakan peluang-peluang latihan untuk perantis *i-Ready* di bawahnya. Dalam perancangan juga adalah cadangan untuk berkolaborasi dengan institusi latihan termasuk Institut Perkhidmatan Awam untuk memberikan latihan kepada perantis *i-Ready*.

Mengenai penyaluran peluang-peluang pekerjaan di dalam projek-projek *FDI* dan *PPP* setakat ini, seramai 88 orang *i-Ready* perantis yang ditempatkan di syarikat-syarikat *FDI* iaitu 31 orang sudah diambil bekerja.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya para perantis tidak berjaya untuk mendapatkan pekerjaan pada pengakhiran tempoh perantisnya, butiran-butirannya akan tetap disalurkan kepada *JobCentre Brunei* untuk menjalankan *proactive job matching* dan para perantis dialu-alukan untuk menggunakan khidmat bantuan *Job Center Brunei* pada bila-bila masa untuk mendapatkan bimbingan dari segi penyediaan berkaitan pencarian pekerjaan seperti bengkel-bengkel penulisan *CV* dan temuduga.

Mengenai soalan *circular economy*. Tidak dinafikan juga *circular economy* dapat mendukung usaha-usaha pihak kerajaan dalam masa memelihara alam sekitar dan dalam yang sama jua membantu usaha-usaha mitigasi dalam menangani isu perubahan iklim. Ke arah ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan atau akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui beberapa buah kementerian, antaranya sektor industri, pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian telah mengambil langkah-langkah untuk menarik minat pengusaha-pengusaha dalam menerokai dan menceburi industri pembuatan bahan-bahan binaan melalui kaedah kitar semula. Dengan penubuhan industri-industri tersebut ia akan dapat memberikan peluang pekerjaan dalam sektor industri hijau.

Dari sektor tenaga, pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian juga akan terus mendukung perkembangan sektor tenaga yang diperbahurui serta

kecekapan dan penjimatan tenaga termasuk penyediaan garis panduan penelitian dasar pengurusan tenaga seperti penubuhan pengurus tenaga dan juruaudit tenaga yang akan mengambil peranan penting dalam memantau dan memastikan penggunaan tenaga secara cekap dan efisien.

Di samping itu, juga terdapat beberapa inisiatif kementerian-kementerian lain seperti inisiatif Kementerian Pembangunan bagi penggunaan beg kitar semula bagi menggantikan penggunaan beg plastik yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2011. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** inisiatif ini masih lagi berterusan sehingga kini malahan dilaratkan kepada setiap hari tanpa beg plastik. Apa yang paling penting adalah kesedaran orang awam itu sendiri terhadap kepentingan memelihara alam sekitar dan seterusnya dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Mengenai penggunaan kenderaan berteknologi hijau. Pihak kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk mengeluarkan peraturan *fuel economy regulation*. *Fuel economy regulation* bagi penggunaan kenderaan yang jimat bahan api di Negara Brunei Darussalam. Peraturan ini akan mula dirangka pada tahun 2023. **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** akan dikuatkuasakan secara peringkat pada tahun 2025 bagi fasa pertama dan pada tahun 2030 bagi fasa kedua.

Pada masa ini, pihak kementerian sedang bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

ke arah kenderaan elektrik di negara ini, termasuklah cadangan projek rintis bagi memasukkan kenderaan elektrik tahun ini bagi mencapai sekurang-kurangnya 10% kenderaan elektrik menjelang tahun 2035. Di samping itu, sebanyak 1,960 kenderaan jimat bahan api dan kenderaan hibrid telah didaftarkan di negara ini 2012. Dari jumlah tersebut ia telah menjimatkan sebanyak B\$1.44 juta subsidi minyak dan mengurangkan pelepasan karbon dioksida 4,361 metrik tan. Dengan penjimatan subsidi dan pengurangan lelasan karbon dioksida tersebut ia sudah setentunya memberi kesan positif terhadap ekonomi dan alam sekitar.

Seterusnya, mengenai perancangan dari segi pembangunan industri kreatif perfileman. Beberapa pihak yang berkepentingan sedang menjalankan berbagai aktiviti bagi meningkatkan lagi kapasiti sumber manusia dalam industri kreatif tersebut antaranya ialah seperti inisiatif pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah pun menghantar beberapa belia berpotensi untuk menyertai latihan seperti *Young Leaders Workshop* semenjak tahun 2012.

Manakala pihak "Authority For Infocommunication Technology Industry" pula telahpun menyediakan program peningkatan kemahiran sejak tahun 2014 termasuk beberapa bengkel khususnya untuk meningkatkan kemahiran dalam menerbitkan kandungan rancangan televisyen yang lebih berkualiti. Bengkel-bengkel tersebut merangkumi penulisan skrip penerbitan video pendek dan lain-lain

lagi di bawah bimbingan profesional dalam bidang penerbitan dari luar negara. Ia dibukakan kepada syarikat penerbitan tempatan dan individu yang berminat. Setakat ini lebih 200 peserta yang mengikuti bengkel-bengkel tersebut.

Pihak AITI juga telah menyediakan satu program *Brunei content hours on Astro Oasis* yang membukakan peluang untuk syarikat penerbitan tempatan menerbitkan rancangan televisyen sepanjang 30 minit untuk disiarkan di saluran Astro Oasis, Malaysia. Bermula November 2018, sebanyak 3 buah syarikat tempatan telah pun dipilih dan telah melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan bersama dengan Astro Oasis.

Ketiga-tiga syarikat produksi ini diberi peluang untuk menjalankan sesi adunan akhir di studio pascaproduksi, akhir bagi memastikan rancangan menepati piawaian antarabangsa. *إِنْ شَاءَ اللهُ* tiga-tiga rancangan ini akan disiarkan di saluran Astro Oasis pada 6,13 dan 20 April 2019.

Selain daripada itu Negara Brunei Darussalam juga mempunyai persatuan perfileman yang dikenali sebagai *Film and Theatre Evolution Factory* bagi mereka yang berminat untuk menceburi bidang ini. Pada masa ini, perbincangan di peringkat awal sedang diadakan yang melibatkan agensi-agensi yang berkepentingan termasuk pihak kerajaan persatuan dan penggiat seni perfileman mengenai *feasibility* pembinaan satu organisasi seperti perbadanan kemajuan

Filem Nasional FINAS yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Dalam memacu kemajuan negara daya kreatif dan daya pemikiran di luar kotak, memanglah penting dan pembangunan kreatif perfileman sebagai industri yang mendatangkan sumbangan dalam kepelbagaian ekonomi disambut baik, terutamanya jika hasil kreatif dapat dieksport ke luar negeri dan mendukung perkembangan sektor-sektor yang lain.

Sebagai langkah seterusnya bagi kerajaan dan agensi-agensi berkepentingan termasuklah pihak swasta akan terus bekerjasama dengan penilaian potensi dan seterusnya pembangunan kreatif perfileman di Negara Brunei Darussalam yang turut mendukung sektor-sektor ekonomi terutama negara.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahterera.

Soalan kaola:

1. Tajuk SQ01A - Jabatan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Mengimbas kembali Wawasan Brunei 2035 yang menetapkan sasaran

rakyat dan penduduk yang berpendidikan dan berkemahiran, pertumbuhan ekonomi yang mantap dan taraf kehidupan yang tinggi. Syukur **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kita berjaya mengeluarkan cerdik pandai dalam berbagai bidang dan data pengangguran pun mencatat 9.3% dan dalam masa yang sama jumlah bayi yang lahir purata 7,000 lebih orang setahun dan kurang lebih 80% mencari pekerjaan selepas menamatkan pendidikan masing-masing. Terdapat keperluan untuk menyediakan Pelan Induk Perindustrian dan Pelan Induk Sumber Tenaga Manusia.

Soalannya:

- i. Bilakah Pelan Induk Perindustrian dan Pelan Induk Sumber Tenaga Manusia yang realistik dan pragmatik akan dilancarkan dan dikuatkuasakan dengan peruntukan yang mencukupi untuk menangani masalah pengangguran dan kemelesetan ekonomi yang dihadapi sekarang?;
- ii. Apakah strategi-strategi kementerian untuk mempertimbangkan posisi Negara Brunei Darussalam sebagai *media trading nation* mengambil kira perkembangan dan pertumbuhan drastik negara-negara jiran yang berdekatan seperti Kota Kinabalu dan Kuching.

2. Merujuk Kod Akaun 1119/004 - Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK). Pusat Pembangunan Kapasiti telah diwujudkan untuk mempertingkatkan kemahiran-kemahiran tertentu, apakah hasil dan impak program-program yang telah dijalankan sejauh ini?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Lebih dahulu saya menjawab berkenaan dengan PPK. PPK ini ditubuhkan ialah untuk kegunaan industri iaitu programnya berjalan selama hanya 3 bulan dan lepas 3 bulan, semua orang yang masuk PPK ini diberikan peperiksaan supaya mereka boleh dihantar kepada syarikat-syarikat.

Pada masa ini yang mengambil PPK semua ialah *Syarikat Hengyi* iaitu 1000 lebih orang. Kira-kira 1200 orang yang bekerja di syarikat-syarikat dan di *Brunei Fertilizer Industries*. Syarikat Lilama akan mengambil lebih kurang 300 orang. Sebenarnya PPK ini, peperiksaannya bukannya internasional, ia adalah *internal* dan bukan yang *accredited to any international organization*. Jadi, masa ini kementerian memikirkan apa yang baik kalau sekiranya kita sama membuat satu program yang boleh jadi *international accreditation* yang dilakukan oleh *IBTE*.

Jadi, kaola terus balik ke soalan pertama tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: *Power planning*.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Ya, soalan:

1. *Power planning* ini sedang masih lagi dalam perbincangan dengan beberapa *stake holders*; dan
2. Berkenaan dengan strategi PPK, strategi PPK ini telah diwujudkan. Mengenai pelan induk perindustrian, bilakah pelan induk perindustrian? Perkara ini dalam proses bilangan dalam pihak industri sendirian. Komiti pada masa ini masih meneliti dan akan mengeluarkan pelan induk ini.

Itu sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kalau pertanyaan itu barangkali ada baiknya dihadkanlah, bukannya panjang sangat. Kalau membuat pertanyaan, ada baiknya fokus pada apa yang akan ditanya. Kalau sekiranya kitani sendiri 'inda merati' mengenai pertanyaan itu, barangkali macam mana orang akan menjawab. Kali ia pun 'inda' terjawab. Ada baiknya pertanyaan itu fokuslah kepada apa yang menjurus, kepada apa yang ditanya. Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Pertama sekali kaola ingin menyampaikan tahniah atas kecekapan pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam memberikan perkhidmatan dan pemedulian orang ramai yang sungguh positif dan memuaskan serta banyak dalam membantu membekal, menyambung tiang elektrik ke rumah golongan yang kurang berkemampuan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membangkitkan di sini satu sahaja, iaitu juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat rakan Awang Haji Naim bin Haji Kamis mengenai Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) yang berpusat di bekas bangunan Sekolah Menengah Puteri Masnah di Lambak Kanan. Sejak kebelakangan ini, Bangunan Pusat Pembangunan Kapasiti didapati kosong dan kelihatannya seperti tiada program dilaksanakan. Dari segi peruntukan, Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) telah diperuntukkan sebanyak \$562,633.00 di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang manakala \$36,622,660.00 diperuntukkan di bawah Perbelanjaan Kemajuan bagi tahun ini.

Kaola hanya ingin mengetahui perancangan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian mengenai PPK yang

berpusat di Lambak Kanan ini, adakah masih digunakan dan apakah keperluannya?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Sebenarnya, Program Pembangunan Kapasiti ini, ia berjalan selama 3 bulan. Bila ada keperluan dari industri, barulah diadakan *recruitment* kempen untuk keperluan industri nanti.

Kadang-kadang, nampaknya tidak berpakai, sama sekali kosong dan seperti yang dijalankan sama Syarikat *Hengyi*, ia ada 1200 orang PPK, yang bermakna programnya ada 4 kali, iaitu 300 sekali selama 3 bulan. Jadi, inilah yang dibincangkan lagi di Kementerian, sebab apa untuk melihat, kalau Pusat Pembangunan Kapasiti ini boleh dipakai oleh program-program yang lain. Itu sahaja, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ Lebih dahulu kaola merakamkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin sahaja membuat perbahasan dan mencadangkan bagi perkara dalam kementerian ini.

Loji penapisan minyak dan pembuatan plastik di Pulau Muara Besar (PMB) akan menghasilkan sumber pendapatan ekonomi negara, tetapi kita jangan lupa hakikatnya yang akan memberi atau menerima kesan sampingan kepada alam sekitar yang mungkin melibatkan laut, sungai, cuaca, perhutanan, bangunan, perumahan dan sebagainya. Kaola ingin mengajukan pertanyaan:

1. Adakah Kementerian telah membuat kajian yang terperinci mengenai alam sekitar serta keselamatan rakyat dan penduduk-penduduk di persekitarannya. Terutama sekali, kemasukan pendatang dari luar, penyeludupan barang-barang tegahan dan sekatan?;
2. Kaola ingin juga mencadangkan untuk mengadakan taklimat jerayawara kepada penduduk-penduduk kampung persekitaran bagi mereka dapat memahami akan keadaan serta keselamatan di Pulau Muara Besar tersebut; dan
3. Kaola juga menyampaikan hasrat para ibu bapa. Kebanyakan belia yang terdiri daripada PPK yang bertugas di Pulau Muara Besar baru-

baru ini ditamatkan perkhidmatannya. Walhal, kalau dapat Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian akan dapat menyampaikan di Dewan yang mulia ini, kenapakah penuntut-penuntut (PPK) diberhentikan daripada perkhidmatannya?;

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman:

1. Berkenaan alam sekitar. Di Pulau Muara Besar itu, kita ada mengadakan beberapa *monitoring equipment* supaya melihat keadaan sekiranya air dan juga pengeluaran dari *coal power plant* semua ini akan *dimonitor* dan semuanya akan dicek dan apa yang keluar dari loji itu ialah dalam bahagian *HSE* punya *agreement* sama Syarikat *Hengyi*;
2. Berkenaan dengan jerayawara itu, cadangan yang baik dan kita akan mengadakan tidak lama lagi dengan orang ramai yang terlibat di Muara dan sekitarnya; dan
3. Berkenaan dengan PPK. PPK pada masa ini loji penapis minyak mentah di Pulau Muara Besar sekarang lebih kurang 80% sudah siap, ertinya kebanyakan pekerja yang begitu

ramai yang ada iaitu 14,000 orang akan dihantar balik ke Negeri China dan juga orang PPK yang kebanyakan kerja mereka pun siap, mereka telah ditamatkan. Kementerian masa ini membincangkan dengan *Brunei fertilizer Industry*, jika mereka ini boleh membuat kerja di *Brunei fertilizer Industry* di Sungai Liang.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

1. Kaola merujuk kepada Tajuk SQ01A - Kod Akaun 004/002.

Kaola ingin mengetahui selain daripada kursus 3 bulan yang ditawarkan di Pusat Pembangunan Kapasiti, adakah persiapan dibuat bagi para graduan pada masa akan datang dengan menyelaraskan keperluan-keperluan tenaga manusia di bawah sektor *FDI* dengan kursus-kursus yang ditawarkan sama ada dalam negara mahupun yang di bawah biasiswa kerajaan? Ini bagi mempersiapkan para graduan untuk *responsive* kepada keperluan negara dengan meningkatkan kualiti kerja dengan kemahiran mereka yang bersesuaian dengan jawatan yang dipohonkan;

2. Merujuk kepada Tajuk SQ01A - Kod Akaun 002/004 - Pembangunan Tenaga Lestari.

Pada tahun 2017 disebut perancangan untuk membina stesen penjana kuasa menggunakan tenaga solar di Daerah Temburong. Apakah status perancangan tersebut?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga atas soalan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

1. Pada menjawab mengenai, apakah keperluan-keperluan *FDI* diselaraskan dengan kursus-kursus yang ditawarkan sama ada dalam negara mahupun yang ditawarkan di bawah biasiswa kerajaan. Pihak kementerian terus bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Pendidikan melalui beberapa cara ke arah memastikan pembekalan anak tempatan memenuhi keperluan industri termasuk *FDI*. Ini termasuk melalui penubuhan *steering committee industry* yang telah kaola terangkan sebelum ini, serta beberapa kumpulan bersama yang terdiri daripada ahli Kementerian Pendidikan, Jawatankuasa Biasiswa dan juga institusi pendidikan tinggi swasta dan awam;

Berkaitan dengan syarikat-syarikat *FDI* khususnya, pihak kementerian

juga mendapatkan laporan keperluan tenaga manusia secara berkala dengan tujuan perancangan pembekalan tenaga manusia. Maklumat ini juga dikongsikan bersama pihak-pihak yang berkepentingan termasuk para pencari kerja tempatan dan juga institusi latihan atau pendidikan;

2. Mengenai sama ada kursus PPK yang diambil dari akreditasi, pihak kementerian telah memulakan perbincangan bersama pihak Kementerian Pendidikan. Sijil yang dikeluarkan oleh PPK kepada pelatih adalah sijil kemahiran yang diiktiraf oleh industri seperti kursus *welding* yang mengikut pengiktirafan *International Institute of Welding*, *American Welding Society* dan *Certification Scheme For Welding* dan *inspection personal* dan Kursus *Rigger* adalah mengikut tahap *Lifting Equipment Engineers Association* dan sebagainya. Oleh sebab program tersebut telah dibentuk bersama pihak industri sendiri dan dikendalikan oleh pengajar dari industri sebagai *Registered Training Organization*. Setiap program PPK mengandungi 80% asas kemahiran dan ia tidak dibentuk untuk mencerminkan nilai akademik yang dikenali sebagai nilai kredit seperti mana yang ada di Kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun, Program PPK juga boleh dinilai kreditnya apabila diperlukan. Perbincangan telah diadakan dengan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan,

Kementerian Pendidikan pada bulan November 2018 untuk menyejajarkan Program PPK dengan *BDQF* dan memastikan nilai kreditnya.

Seperti yang telah difahami, bahawa nilai kredit boleh memberikan manfaat kepada pemegang Sijil PPK untuk pekerjaan di bahagian yang lain atau untuk tujuan menyambung pelajaran mereka. Pada masa ini, MKPK masih lagi dalam proses menyemak semula kurikulum PPK.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ada 3 soalan, *I will explain* soalan itu nanti *as i go along*.

Yang Berhormat Pengerusi. Semasa kaola memberikan Usul Menjunjung Kasih, kaola ada memberi cadangan mengenai Program *i-Ready* untuk tidak ditumpukan kepada graduan yang berkelulusan Sarjana Muda tetapi diterapkan dan dibukakan kepada graduan dari institusi pengajian teknikal seperti Politeknik Brunei dan *IBTE*. Ini untuk memastikan anak-anak tempatan kita mempunyai pendedahan dalam *industries*.

Bagi mengelakkan *job mismatch*, kita boleh memulakan dengan *focus related sector*. Mengikut data *Manpower Planning Unit* antara jawatan teratas yang dipohonkan bagi pekerja asing ialah sektor pembinaan iaitu *construction industry*. Sepertimana juga yang difahamkan, projek dari Pelabur Langsung Asing (*FDI*) yang memerlukan pekerja tempatan dalam fasa pembinaan adalah seperti *Syarikat Hengyi Industry Sendirian Berhad* pada fasa 1 dan 2 dan *Brunei Fertilizer Industry Sendirian Berhad*, dalam tempoh 5 tahun bermula 2007-2022, dijangka memerlukan 9,500 tenaga pekerja di sektor pembinaan.

Semasa sesi bersama Kementerian Pendidikan pun beberapa hari yang lalu, saya pun telah pun menyuarakan akan pentingnya untuk memberi suntikan dan perhatian yang tinggi terhadap perlunya pengukuhan pendidikan teknikal terutama sekali dalam bidang pembinaan. Dalam industri pembinaan set kemahiran amat penting dan ia memerlukan masa untuk dipelajari dan dikuasai bukan 3 bulan, bukan 6 bulan.

We understand bahawa anak tempatan kita selalu mendengar tidak tahan bekerja sebagai pekerja am di industri pembinaan tetapi kita juga tidak boleh berputus asa terhadap mereka. Cadangan saya, adalah untuk memberikan *specialized skill sets* seperti bidang elektrik pendawaian, *plumbing*, *refrigerant*, *air conditioning*, *welding*, *carpentry*, *painting* dan lain-lain. *More to specialized skill set*.

Berdasarkan data dari *IBTE* di bawah *School of Building Technology Services*, mereka mempunyai 4 program yang berkaitan dengan pembinaan. 115 *students graduated* tahun lepas dan mempunyai *employment rate 75%*. Sekiranya diterapkan *internship* jurang di bawah *i-Ready intern*, kita boleh mencapai 100% *employment* terutama sekali apabila *FDI* kitani memerlukan pekerja sebanyak 9,500 dalam fasa tempoh 5 tahun.

Soalan saya:

Adakah sudah perancangan yang menerapkan *i-Ready Internship Programme* kepada graduan-graduan dari institusi teknikal seperti Politeknik dan *IBTE*?

Yang Berhormat Pengerusi saya ingin mengajukan soalan seterusnya. mengenai Pihak Berkuasa Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (*SHENA*). Saya difahamkan ia telah diperkenalkan pada tahun 2017 dan 2018 berfungsi sebagai satu autoriti yang mengawal dan memastikan keselamatan dan kesihatan umum di semua tempat kerja dan aktiviti kerja. Manakala, *Workplace Safety and Health Order* sudah wujud pada tahun 2009.

Ia membimbangkan kerana semasa Ahli-Ahli Yang Berhormat membuat lawatan-lawatan ke pejabat-pejabat atau ruang kerja, Jabatan Kerja Raya pada tahun lepas, terdapat ruang-ruang tempat bekerja ahli-ahlinya dikehendaki untuk memakai *mask*, akan tetapi pekerja-pekerja di dalam itu tidak

memakai *mask* sama sekali. Ini kerana *mechanical ventilation* di ruang tersebut rosak dan ia rosak beberapa tahun sudah. Bila ditanya kenapa tidak dibaiki *ventilation* tersebut itu, jawapannya tidak ada bajet.

Banyak isu-isu sama yang dihadapi di institusi-institusi teknikal. Saya berharap pihak kementerian akan mengambil perhatian mengenai isu bangunan-bangunan kerajaan yang sepatutnya menjadi contoh kerana ia adalah di bawah seliaan kerajaan. Bagi pendapat saya, perkara ini mustahak dan tidak boleh diambil ringan terutama sekali *occupational health*.

Saya ingin bertanya. Apakah tindakan-tindakan yang sudah diambil oleh pihak kementerian mengenai persekitaran di tempat kerja dan aktiviti-aktiviti yang gagal untuk mematuhi garis panduan *Workplace Safety and Health Order*?

Soalan yang terakhir, saya mengambil maklum bahawa pihak kementerian.....

Yang Berhormat Pengerusi: Soalan Ahli Yang Berhormat ditujukan kepada Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian atau Kementerian Pendidikan?

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Bukan, yang akhir itu ke arah Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian Yang Berhormat Pengerusi kerana *order* tersebut adalah di bawah kementerian tersebut. Boleh

saya teruskan Yang Berhormat Pengerusi?

Saya mengambil maklum bahawa pihak kementerian telah menubuhkan Autoriti Elektrik Brunei Darussalam (AEBD) yang mengawal selia penjanaan, pengaliran dan penyaluran elektrik serta memastikan penggunaan elektrik yang selamat di Negara Brunei Darussalam.

Saya juga difahamkan bahawa AEBD juga mengawal selia pengeluaran pelesenan elektrik kepada *power utilites* dan penjana kuasa pelesenan elektrik, pelesenan kable dan elektrik. Pelesenan pemasangan bekalan elektrik mengawal peralatan elektrik dan produk pengguna di Negara Brunei Darussalam.

Adalah penting bagi alat-alat elektrik dikawal selia kerana punca kebakaran selalunya berlaku oleh pendawaian elektrik atau berkaitan dengan produk-produk elektrik. Adanya perlu kita melihat kepada pencegahan terutama sekali dalam *regulating* peralatan dan produk elektrik kerana menjadi kebimbangan orang ramai apabila alat-alat elektrik yang didapati termasuk di kedai runcit sebab ianya adalah *open market*, kita selalu bertanya adakah peralatan tersebut selamat diguna pakai.

Soalan saya:

Adakah AEBD bertanggungjawab dalam mengawal selia atau *regulating electrical appliances* dan *product safety requirement* serta barang-barang elektrik yang diimport ke dalam negara kita?

Agensi manakah yang akan menyediakan dan menerajui piawai pembangunan sektor elektrik serta garis panduan elektrik *labelling*. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Berkenaan dengan soalan yang pertama iaitu *i-Ready Programme*, kaola, saya turut mengambil maklum terhadap cadangan Yang Berhormat tadi bagi Program *i-Ready* diterapkan dan dibukakan pada graduan dari institusi pengajian teknikal dan *specialized skill set*.

Pihak kementerian amat menyokong peningkatan pengalaman pada industri untuk memberi pendedahan kepada anak-anak tempatan. Perkara ini akan dikaji dengan Kementerian Pendidikan dengan lebih terperinci sama ada Program *i-Ready* sepadan dengan keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh graduan-graduan dan institusi pengajian teknikal mereka ataupun adakah terdapat kaedah yang lebih bersesuaian untuk memberi pendedahan industri dalam program latihan teknikal atau alternatif lain yang lebih berkesan dan bertepatan.

Dalam pada yang sama institusi-institusi *Technical and Vocational Education Training (TVET)* juga mula memberikan

penekanan terhadap *industrial placement* dengan tujuan untuk memberikan pendedahan alam pekerjaan dan pengalaman industri yang tulen ke arah *day one readiness*.

Pada tahun ini, pelatih-pelatih dari PPK bukan sahaja di latih di PPK malahan satu kaedah *mandatory industrial placement* akan dilaksanakan. Sementara penuntut-penuntut dari *IBTE* yang akan menamatkan latihan di Negeri China, akan ditempatkan di industri petrokimia yang sama. Program ini ada mempunyai persamaan dengan Program *i-Ready*. Dengan ini digalakkan lebih ramai syarikat untuk menyertai dan mendukung kaedah *industrial placement* ini.

Berkenaan dengan *SHENA*. *SHENA* baru beberapa bulan ini ditubuhkan, jadi semua perkara berkenaan dengan keselamatan di Pulau Muara Besar akan semua diambil serius dan akan diberi kepada semua pekerja-pekerja di *SHENA* dan pengurusannya supaya *safety is everyone business* dan juga kita tidak mahu satu kemalangan (*incident*) semasa *construction* dan selepas itu beroperasi di Pulau Muara Besar untuk loji penapis minyak.

Berkenaan dengan *Authority Electric*. *Authority Electric* ini baru ditubuhkan dan pelannya adalah semua *electrical appliance* akan direviu dan akan dilihat kalau boleh berapa dia punya *power requirement*. Kalau boleh kitani kurangkan daripada yang biasa. Jadi semua barang yang datang diimport ke Negara Brunei Darussalam akan dicek

oleh *Authority Electric*, itu termasuk *wiring* dan lain-lain.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat, tadi mengenai *work place safety* itu, bukan di *Syarikat Hengyi* tapi sebenarnya ia terjadi di jabatan kerajaan. Soalan saya itu adalah untuk jabatan-jabatan kerajaan *as a whole* untuk dilihat *that work place safety* dan *health order* itu ditekankan di kesemua jabatan kerajaan, tidak semestinya *private sector*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat. *SHENA* ini bukan sahaja untuk *Syarikat Hengyi* tapi keseluruhan negara dan semua dari *oil and gas* dan *non-oil and gas* dan bangunan-bangunan komersial kerajaan akan semua diteliti oleh *SHENA*, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* dan salam sejahtera. Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan tahniah atas usaha kementerian untuk memberi peluang kepada pemborong-pemborong anak-anak tempatan yang berdaftar dalam

bidang *oil and gas* untuk mendapatkan kontrak dalam bidang-bidang bukan teknikal, sebagai pengusaha yang mendapat peluang keemasan ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada orang-orang kitani, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Kesempatan ini koala berharap kementerian-kementerian lain akan mengambil inisiatif yang sama. Pembekal-pembekal di negara ini telah pernah dipanggil bersama-sama dengan koperasi lain untuk mewujudkan koperasi ke arah yang lebih bersistem, dibantu, dimata-matai akan dapat mengganti kedai-kedai yang pada masa ini dikuasai pengusaha luar, akan menghidupkan kembali koperasi yang kitani lihat sudah semakin berkurangan maka dengan jalan ini akan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan.

Mewujudkan koperasi yang bersistem dan dimata-matai akan dapat mengurus kejayaan dan akan mewujudkan banyak usahawan dan peluang pekerjaan. Kemudian perniagaan secara *franchise*. Perniagaan secara *franchise* adalah satu sistem perniagaan yang cepat berkembang ketika ini. Kita lihat amat popular dan diminati oleh belia, saranan semoga koperasi dalam negara ini akan dikembangkan lagi. Koala rasa sistem *franchise* akan dapat ditunduki bagi mencetuskan keusahawanan dan peluang pekerjaan kitani.

Mengenai industri kecil atau secara kecil-kecilan (*cottage industry*), banyak pengusaha yang membuat di rumah yang memerlukan tempat untuk membesarkan usaha mereka. Mereka

melihat bangunan yang ada di kawasan industri masa ini terlalu besar bagi mereka dan mungkin mahal sewanya. Perkara ini juga perlu dilihat dan dipertimbangkan kerana di negara lain ada menyediakan apa yang dipanggil *incubator*. Mereka dilatih secara praktikal, sentiasa dipantau dan mengeluarkan hasil untuk dipasarkan.

Koala ingin menyentuh mengenai dengan perkhidmatan *Authority Electric* sedikit. Mengenai kontraktor yang sekarang ini berleluasa seperti yang disarankan tadi, supaya mereka itu akan dapat dikawal dan dilihat, jangan sampai orang-orang kitani tertipu oleh mereka. Kemudian, mengenai perkhidmatan elektrik untuk menggunakan *solar* dalam menjana elektrik ke arah mengurangkan kos elektrik kepada negara.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad. Koperasi yang berdaftar pada masa ini ialah lebih kurang 160 koperasi dan koperasi yang aktif adalah lebih kurang 60, 100 koperasi yang tidak aktif sama sekali. Koperasi yang berjaya dijalankan perniagaan mereka ialah koperasi stesen-stesen minyak.

Berkenaan dengan solar. Kementerian masa ini membincangkan satu projek yang masih diteliti oleh Syarikat Minyak

Shell iaitu satu *solar* projek di Seria, Kuala Belait dan yang ada berjalan ialah *pilot project* yang kecil di Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Seria. Program pelan yang akan diadakan oleh Syarikat Minyak Shell ialah satu solar sistem yang *upload*nya lebih kurang 13 *megawatt* di Seria. Itu sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Koala bercakap mengenai produk-produk tempatan untuk dijual dalam negara kitani Negara Brunei Darussalam. Seperti mana yang difahamkan bahawa pengguna merupakan penyumbang utama kepada permintaan domestik melalui perbelanjaan harian.

Sehubungan dengan itu, adalah penting agar seluruh rakyat menyokong dengan membeli produk-produk tempatan kerana negara juga akan mendapat kebajikannya apabila kitaran ekonomi domestik dapat bergerak dengan lebih baik untuk menjana pertumbuhan yang lebih produktif.

Dengan ini saya ingin mencadangkan agar pihak yang berkenaan dapat menjayakan kempen beli barangan tempatan secara meluas melalui kaedah pendekatan seluruh negara:

1. Mengutamakan produk tempatan dalam urusan-urusan rasmi kerajaan.;
2. Pemasangan papan-papan tanda yang menarik di tempat-tempat tertentu dengan memasukkan slogan kata seperti 'Beli Barangan Tempatan Kitani' dan lain-lain.; dan
3. Memupuk fahaman dan kesedaran tentang kepentingan membeli barangan tempatan dalam kalangan rakyat, keluarga dan penuntut sekolah.

Soalan saya:

- i. Apakah pihak kementerian mempunyai rancangan ke arah itu?.; dan
- ii. Bagi menggalakkan para peniaga tempatan menggunakan *internet* untuk menjual produk mereka, apakah pihak-pihak yang berkenaan menyediakan landasan sistem *e-Dagang* khusus untuk *PMKS* dengan kos dan syarat yang termampu dan mesra berniaga?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung yang memberi cadangan dan soalan berkenaan dengan produk-produk tempatan dan selainnya.

Semua ini sebenarnya ialah tanggungjawab *Darussalam Enterprise (DARE)* yang memberi nasihat kepada semua orang berniaga, pihak pengurusan mikro kecil dan sederhana. jika mereka menghendaki nasihat (*advise*) ataupun *guideline* untuk perniagaan mereka, mereka boleh menghubungi *Darussalam Enterprise (DARE)*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan bercakap mengenai Kod Akaun 010/000 - Pembangunan Industri-Industri Utama iaitu:

1. Berhubung dengan peluang pekerjaan terutama lepasan sekolah yang gagal dalam Tingkatan 5 dan yang sebanding dengannya. Kaola mengharapkan Daerah Tutong akan diberi peluang dan ruang untuk dimajukan khususnya bagi menempatkan industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi seiring dengan perkembangan dan kemajuan negara.

Yang Berhormat Pengerusi. Sejak akhir-akhir ini, bilangan pencari kerja semakin bertambah termasuk dari Daerah Tutong. Oleh sebab pertumbuhan industri tertumpu hanya di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait, mereka-mereka ini tidak ketinggalan untuk merebut

peluang kerja yang ditawarkan. Walaupun gaji yang ditawarkan hanya \$460.00 ke \$600.00 sebulan sahaja.

Sehubungan itu, banyak suara-suara mereka supaya peluang pekerjaan sedemikian diwujudkan di Daerah Tutong juga agar gaji yang sama dapat menampung sara hidup mereka berbanding pada masa ini dibebani kos makan dan pengangkutan, apa lagi ada antara mereka sudah berkeluarga;

2. Isu yang sama dengan peluang industri juga. Kaola maklum bahawa Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian telah mengambil peranan yang aktif untuk memperkasa produk-produk tempatan untuk dimajukan bukan sahaja untuk dipasarkan dalam negeri bahkan jua ke luar negara.

Kaola mencadangkan, untuk mempercepatkan anak tempatan kita menguasai satu kemahiran ilmu kepakaran dalam satu bidang produk, pembuatan produk seperti makanan, kosmetik dan seumpamanya dengan mengadakan usaha kerjasama daripada syarikat-syarikat pengusaha luar negeri yang sudah berjaya menghasilkan sesuatu produk dan dipasarkan di seluruh negara ASEAN ataupun dunia.

Oleh yang demikian, agensi-agensi yang tertentu iaitu Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, perlu

menawarkan kepada syarikat pengusaha luar negara dapat bekerjasama dan membuat pelaburan dengan usahawan tempatan misalnya jika satu produk itu mengandungi bahan yang tidak halal, kita hanya perlu menukar bahan-bahannya menjadi halal dengan menggunakan bahan halal.

Seperti contoh, Restoran *Mc Donald* yang berasal dari negeri bukan Islam yang menggunakan bahan yang tidak halal dan membuat pelaburan serta membuka cawangan di negara-negara Islam termasuk negara kita dengan menukar bahan yang tidak halal kepada bahan yang halal. Hasil daripada usaha ini, setentunya dapat menjana pekerjaan dan keusahawanan rakyat tempatan dengan kerjasama syarikat pengusaha dan usahawan dari luar negara; dan

3. Kaola menyokong saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad iaitu untuk memperkasakan koperasi.

Kaola hanya menambah sedikit iaitu kaola mengambil maklum bahawa bagi membangunkan satu tapak seperti perusahaan minyak, pajakan tanah untuk tempoh 50 tahun memerlukan lebih \$200,000.00 yang jika dikumpulkan dengan kos pembinaan bangunan dan lain-lain keperluan boleh menjangkau sehingga \$1 juta.

Ini setentunya di luar kemampuan koperasi dengan keahlian penjualan saham dalam kalangan masyarakat tempatan. Sebab itu ada yang mendapat keuntungan menunggu 10 tahun.

Sehubungan itu, kaola ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi berkenaan iaitu Kementerian Pembangunan dan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian bagi jangka pendek dan panjang dengan mengambil kira koperasi pada masa ini.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong atas cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat tadi iaitu:

1. Mengenai penuntut lepasan sekolah menengah Tingkatan 5 yang tidak mempunyai pekerjaan, mereka boleh menghubungi *Job centre Brunei. Job centre*, ini boleh menolong mereka jika ada peluang untuk mereka mencari kerja. Seperti yang sudah dibincangkan, kebanyakan peluang kerja ini adalah di bahagian *construction, manufacturing* dan *retail*.

Ini yang banyak sekali orang asing yang membuat seperti mana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memaklumkan pada hari itu ialah *construction industry* lebih 80% orang asing. Kebanyakan kerja di *construction* ini orang kitani boleh membuatnya;

2. Produk Halal - Perkara ini terpaksa diteliti dan dibincangkan nanti; dan
3. Tapak-tapak industri. Kebanyakan tapak industri ini adalah di bahagian *Darussalam Enterprise*. Mereka yang memberi tapak dan ada tapak yang sudah bersedia beroperasi ertinya sudah di *clearkan*, syarikat boleh menyewa tapak-tapak industri ini. Ada yang belum be *clearkan* masih dalam plan untuk industri itu yang murah sekali sewanya. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola yakin dengan usaha gigih dan berterusan kementerian ini akan berjaya melaksanakan visi dan misi yang telah dirancang. Kementerian ini sangat penting dalam memajukan

negara dan rakyat jangka pendek dan jangka panjang.

Kaola membawa 5 perkara di bawah Tajuk SQ01A. Jabatan Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:

1. Kita sama-sama mengetahui sejauh mana kemampuan rakyat kecil dalam membangunkan ekonomi mereka, maka timbullah usaha-usaha seperti *cottage industry*. Sepertimana sebelum ini *cottage industry* salah satu keutamaan pihak kementerian, tetapi sekarang kurang didengar.

Dalam dewan yang mulia ini, kaola mencadangkan bagi memperkasa *cottage industry* orang Brunei *in a whole nation*. Mencipta *centralise cottage industry* dengan membantu kemudahan tapak dan penyediaan bangunan keempat-empat daerah dengan kemudahan sewa untuk *rent to own* pemilikan bangunan dengan tempoh yang tertentu. Dengan cara ini, rakyat kecil mendapat kemudahan untuk meningkatkan ekonomi dan menjadikan mereka tidak bergantung kepada kerajaan semata-mata;

2. Di samping usaha negara menarik *Foreign Direct Investment (FDI)*, kaola suka memohon pertimbangan bagi kemudahan modal perniagaan warganegara Brunei Darussalam mendapatkan pinjaman daripada pihak Darussalam Aset sehingga \$30,000.00. Kaola mendapat maklumat masih terdapat rungutan orang ramai untuk mendapatkan pinjaman daripada *DARE* bukanlah

mudah tetapi masih jauh lebih mudah daripada memohon kepada bank komersial biasa.

Kaola kira dengan memberikan kepercayaan dan keyakinan kepada bangsa kita dalam apa jua urusan dalam memelihara kekuatan bangsa khususnya dalam perkembangan ekonomi;

3. Negara menghadapi gelombang kuat penguasaan perniagaan daripada pendatang asing. Dalam dewan yang mulia ini, kaola suka ingin mengimbuai warganegara Brunei Darussalam memperkasa koperasi. Sebelum ini, ada perancangan pihak tertentu dikenali sebagai pusat edaran. Dengan itu, kaola mohon pertimbangan supaya kemudahan berkoperasi ditingkatkan seperti mana *ease of doing business* masa kini.

Diketahui bahawa kita mempunyai koperasi kebangsaan Negara Brunei Darussalam tetapi kurang aktif atau tidak aktif. Sampai masanya, negara memperkasa koperasi-koperasi dan menjadikan koperasi kebangsaan sebagai induk dan mudahan dalam menuju Wawasan Brunei 2035 koperasi akan menjadi satu konsertium sebagai sumber ekonomi bangsa;

4. Kaola, sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kepercayaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam memper-tanggungjawabkan kementerian ini dalam mengurus tadbir dan perancangan tenaga manusia. Ini menunjukkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pengurusan dan peluang tenaga kerja anak tempatan.

Dalam dewan yang mulia ini, kaola suka memohon *transparency action plan* pihak kementerian dan kaola sukacita ikut serta mencadangkan supaya kementerian memasukkan dalam *action plan* kebangsaan penyediaan peluang pekerjaan dengan *target* mengikut tempoh tahun seperti menjadikan jawatan *supervisor* akan secara *compulsory* dijabat oleh anak tempatan hingga akhir tahun 2020.

Kemudian, akan meneruskan lagi ke jawatan-jawatan yang lebih tinggi, contohnya seperti jawatan *manager* kepada tahun 2025 dan seterusnya mencapai *target*; dan

5. Kaola suka bertanya apakah pihak kementerian mengetahui dan apakah tindakan dan usaha pihak kementerian bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh orang kitani yang lambat dibayar gaji dan kemudian terpaksa dicutikan tanpa gaji. Mereka ini bekerja di salah sebuah syarikat *FDI* kerana sebahagian mereka ini mempunyai *loan* kenderaan dan lain-lain tanggungan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas cadangan dan pandangan Yang Berhormat tadi. *Cottage industry* ini memanglah satu industri yang tidak berapa banyak di negara kita seperti satu produk yang boleh dikatakan, *special* untuk Brunei ialah seperti pengeluaran kain songket atau 'jongsarat' yang boleh dikatakan dalam ASEAN ini, Brunei yang No.1 mengeluarkannya.

Mengenai *FDI*, iaitu meminjam daripada *Darussalam Enterprise*. Pada masa ini, *Darussalam Enterprise* ada mencadangkan untuk menolong *small business*, mikro kecil dan sederhana untuk memberi pertolongan dan saya harap ini akan boleh dibincangkan nanti pada kemudian hari.

Berkenaan *transparency action plan*. Selalunya *action plan* ini boleh dikatakan ada yang boleh dibagi kepada orang yang berkenaan. Tetapi juga ada yang *confidential* yang tidak dapat diberitahu. Jadi, kalau sekiranya sesiapa menghendaki *Transparency Action Plan* bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, silalah menghubungi kementerian kaola.

Berkenaan dengan masalah gaji pekerja lambat dibayar. Selalunya, bila kementerian dapat tahu bahawa ada subkontraktor yang lambat membayar

gaji pekerja, kementerian akan memanggil subkontraktor tersebut untuk menyelidiki dan berbincang dengan kementerian ini untuk dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya.

Itu sahaja, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dahulu kitani berunding dan meneliti mengenai Tajuk Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan jabatan di bawahnya.

Saya bercadang untuk menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita akan bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berihat pada sebelah tengah hari. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته. إن شاء الله kita akan bersidang semula pada petang ini nanti, sebagaimana lazimnya mulai pada pukul 2.30 petang.

Sekian. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

**Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang.**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan pada petang ini diteruskan lagi untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 yang perlu kita luluskan dengan segera.

Maka, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti dan dibahas satu persatu di peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020.

Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan di sebelah pagi tadi sebelum kita berehat, kita sedang membahaskan Tajuk Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Dalam senarai saya, masih terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam

membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang Perbekalan ini.

Maka, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Yang Berhormat
Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin bercakap mengenai Tajuk SQ01A – Jabatan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, iaitu Kod Akaun 004/000 – Tenaga Manusia iaitu merupakan satu program baharu dalam jabatan ini. Dengan jumlah keseluruhan peruntukan \$2,785,286.00.

Yang Berhormat Pengerusi. Keperluan kajian mengenai dengan unjuran sumber tenaga manusia iaitu *manpower projection* adalah sangat penting untuk menentukan keperluan tenaga manusia dan cara untuk memenuhi keperluan dalam melaksanakan rancangan sumber manusia yang lebih dan sepadu di sektor awam dan swasta, kerana unjuran sumber tenaga manusia yang tepat sangat berguna dan tepat pada masanya (*timely*) bagi mengetahui keperluan tenaga kerja negara pada masa akan datang.

Penambahan pekerja atau kekosongan boleh wujud oleh persaraan, kematian, pengurangan pekerja asing dan keadaan ekonomi semasa dan jangka panjang.

Selain itu, unjuran sumber tenaga manusia dapat menyediakan organisasi dengan jenis orang yang tepat, di tempat yang betul, pada masa yang tepat yang membolehkan kedua-dua organisasi dan individu menerima manfaatnya dalam jangka panjang yang lebih *sustainable*. Soalan kaola:

1. Apakah kajian yang telah dilaksanakan bagi menentukan unjuran sumber tenaga manusia di sektor awam dan swasta?;
2. Yang terakhir, iaitu isu pemanduan jentera berat seperti lori, trailer, *tractor*, *bulldozer* dan lain-lain yang masih ramai lagi dijawab oleh pekerja asing. Soalan kaola:

Adakah jabatan ini merancang untuk membantu belia dan rakyat tempatan yang mencari kerja menerusi kerjasama sektor swasta yang berkenaan bagi melaksanakan latihan pemanduan pelbagai jentera-jentera berat secara percuma dan seterusnya diberikan lesen memandu agar pelatih-pelatih ini mudah mendapatkan peluang pekerjaan di syarikat-syarikat dalam bidang pemanduan berkenaan?

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan.....

Kajian sedang dijalankan melalui *labour force survey* dan juga maklumat *Job Centre Brunei* mengenai pekerja tempatan. Pada masa ini terdapat perancangan untuk mengadakan sistem *labour management* dan *information system* untuk mengumpul maklumat *in real time*. *Labour market information system* adalah satu *platform* bagi data pasaran buruh yang bertujuan membantu *stakeholder's* dan para penggubal dasar membuat unjuran perubahan pasaran buruh agar penyediaan tenaga manusia iaitu *supply* akan memenuhi permintaan *demand industry* selaras dengan perubahan tersebut.

Pembentukan *labour management information system* ini adalah salah satu inisiatif Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian bersama agensi-agensi berkepentingan. Pembentukannya di jangka akan siap secara berfasa dalam beberapa tahun yang akan datang.

Dalam hal ini, peramba/kaola/saya ingin memaklumkan bahawa pembentukan sistem ini masih di peringkat awal. Untuk makluman, peringkat awal ini menfokuskan kepada pengumpulan data pasaran buruh secara komprehensif dan penyatuan maklumat yang relevan dari pelbagai agensi yang telah dikenal pasti seperti Kementerian Pendidikan dan lain-lain.

Walaupun pembentukan sistem ini masih di peringkat awal, pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian juga sedang dan terus

mengambil pelbagai inisiatif lain dalam memastikan pepadanan perbekalan dan permintaan tenaga kerja. Antara inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:

1. Bekerjasama dengan industri dan agensi-agensi yang berkepentingan bagi mengenal pasti keperluan tenaga manusia yang dikehendaki dalam tempoh jangka masa yang pendek dan sederhana termasuk jenis pekerjaan kemahiran dan kompetensi yang diperlukan. Dari itu, sebuah *working committee* iaitu *industries steering committee* ditubuhkan bagi mendukung penjana tenaga kerja yang industri relevan. Komite ini terdiri daripada pihak kementerian yang relevan, pihak industri, institusi pendidikan yang relevan serta pengawal selia yang tertentu.

Pengumpulan data perbekalan yang sedia ada yang terdiri daripada pencari kerja aktif tempatan yang berdaftar di *Job Centre Brunei*, senarai pencari kerja sini disalurkan kepada syarikat-syarikat yang mengiklankan jawatan-jawatan kosong di *Job Centre Brunei* bagi penelitian-penelitian dan pertimbangan mereka untuk mengambil anak-anak tempatan ini untuk mengisikan jawatan berkenaan.

Mengenal pasti permintaan dan keperluan tenaga manusia melalui saringan Lesen Pekerja Asing (LPA). Melalui permohonan LPA, pihak syarikat adalah dikehendaki untuk menghadapkan laporan *Manpower Focus* mereka bagi tempoh 3 tahun

ke hadapan kepada pihak *Job Centre Brunei*.

Projek-projek utama iaitu *major projects* dan Syarikat Pelaburan Langsung Asing juga tidak diterkecuali dari menghadapkan laporan ini. Maklumat-maklumat yang diterima akan dikongsikan dengan jenis kursus yang akan ditawarkan dan untuk memastikan ia dijalankan berdasarkan kepada keperluan industri. Sekian sahaja peramba / kaola / saya kongsikan.

2. Mengenai *Heavy Vehicle Driver*, pada masa ini terdapat Kursus *Heavy Vehicle Driver* yang sudah dikendalikan di bawah PPK dan kini diambil kerja untuk Syarikat *Hengyi*.

Kursus-kursus akan diteruskan dan juga dalam penelitian adalah kursus *Bus Captain* untuk memenuhi keperluan swasta serta kerajaan. Itulah sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola membangkitkan Kod Akaun 003/000-Perindustrian. Dalam *DARe* membantu

perniaga perusahaan mikro kecil dan sederhana untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan perusahaan di Negara Brunei Darussalam:

1. Adakah pihak *DARe* juga membantu pengusaha Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang sudah boleh diketengahkan sebagai pengusaha kecil dan sederhana terutama dalam bentuk mesin, kursus dan kewangan jika Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berhajat untuk berbuat demikian?;
2. Seterusnya Kod Akaun 001/000-Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Adakah Jabatan Perkhidmatan Elektrik mempunyai rancangan dan inisiatif untuk menggunakan khidmat pesanan ringkas (*sms*) untuk menyalurkan maklumat kerja-kerja pemotongan bekalan elektrik yang berjadual kepada orang ramai selain menggunakan media massa untuk memperkesakan lagi keprihatinan orang ramai terutama bagi mengambil langkah-langkah persediaan awal.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Dalam membantu perkembangan inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P), pihak *Darussalam Enterprise (DARe)*

telah mengadakan lawatan ke premis-premis Satu Kampung Satu Produk serta mengadakan perbincangan dengan kementerian-kementerian yang berkenaan bagi meninjau perkembangan Satu Kampung Satu Produk dan seterusnya mengenal pasti langkah pembaikan bagi meningkatkan perkembangan produk Satu Kampung Satu Produk hingga mencapai potensi eksport.

Salah satu langkah pembaikan yang perlu dipertimbangkan ialah mengenal pasti satu, dua produk utama dari setiap daerah yang mempunyai potensi tinggi untuk menembusi pasaran eksport untuk diperkembangkan melalui konsep *aggregation*. Proses pembuatan dan pengeluaran produk yang sedia ada disatukan dengan proses pembuatan dan pengeluaran yang lebih terkawal dan teratur bagi memastikan produk yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak pasaran baik pasaran domestik mahupun eksport.

Buat masa ini, beberapa produk Satu Kampung Satu Produk telah pun diketengahkan melalui inisiatif *Made in Brunei* yang dikendalikan oleh *Darussalam Enterprise (DARe)* yang ditempatkan di pasar-pasar raya utama di negara ini serta lokasi-lokasi utama termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan juga beberapa buah hotel terkemuka di negara ini. Kaola rasa itulah sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Silakan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola untuk menambah 3 perkara dalam perbahasan pada petang ini.

Adalah difahamkan bahawa pihak *DARe* ada menyediakan kursus-kursus dan kaunter-kaunter yang memberikan pertolongan dalam penubuhan dan proses-proses bisnes akan tetapi didapati *DARe* belum dapat membantu dalam memberikan panduan mengikut jenis khusus mengenai bisnes. Seperti contoh, penubuhan sebuah kafe atau restoran. Contoh, seperti di mana mendapatkan logistik, pekerja dan peralatan. Kemudian proses pengurusan operasi seperti *SOP* bisnes dan sebagainya.

1. Oleh itu, kaola menghujahkan perbahasan dan persoalan ini. Dipohonkan agar pihak *DARe* dapat memberi bantuan mengenai perkara ini bagi memberikan tunjuk ajar yang berunsur bisnes *template* bagi warga negara Brunei yang berminat dan berkeinginan untuk mendaulatkan bagi konsep ketiadaan bergantungnya rakyat pada bekerja di sektor kerajaan dan demi menjana ekonomi negara yang dinamik selaras dengan Wawasan Brunei 2035;
2. Seterusnya, kaola masuk ke perkara berkenaan dengan *Brunei Turkey Joint Venture Western Food and*

Packaging. Bangunan ini mengeluarkan produk mentega. Kaola ingin bertanya, apakah perancangan dan pandangan Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian melihat dalam penyelarasan bangunan tersebut. Sekeliling kawasan perindustrian Serasa, terdapat bangunan dan perusahaan termasuklah simen, batu, pasir dan sebagainya.

Cadangan kaola, apakah sejauh ini kementerian membuat perancangan untuk membuat pelan penyelarasan yang terbaik dan tersusun lagi teratur dalam menempatkan kesesuaian perindustrian kitani. Kaola juga ingin bertanya, berapakah ramai pekerja tempatan yang sudah bekerja di tempat *Western Food Packaging* ini?; dan

3. Soalan kaola, viral atau tular bukanlah satu isu baharu. Pada kebelakangan ini, berkenaan berita-berita yang tidak sahih yang ditularkan berkenaan dengan kejadian yang telah berlaku di Pulau Muara Besar.

Pertanyaan kaola apakah usaha sejauh ini bagi keselamatan negara iaitu pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian telah mengambil tindakan sesegeranya supaya perkara yang negatif akan dapat diatasi secepatnya?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.
Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman dengan soalnya tadi:

1. Berkenaan *Darussalam Enterprise* mengadakan kursus dan kaunter menolong bisnes. Ini diambil maklum dan menyambut baik saranan Yang Berhormat mengenainya;
2. Berkenaan *Western Food Packaging*, dalam perkara tersebut adalah tertutup dan kilang mengikut pengiktirafan antarabangsa seperti *HACCP* dan *ISO* yang berpatutan yang turut merangkumi *food safety* dan *cleanliness standard*; dan
3. Berkenaan viral yang tular. Berita itu tidak sah. Jawatankuasa keselamatan telah ditubuhkan untuk melihat perkara ini yang memantau keselamatan secara menyeluruh.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian mengenai soalan-soalan, keraguan-keraguan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Maka saya kira, perkara ini telah cukup untuk kita bincangkan. Masanya sudah tiba bagi kita untuk mengundi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Yang Berhormat Pengerusi. kaola saya ingin memberi keterangan yang lebih lanjut mengenai beberapa soalan yang diajukan pagi tadi. Terdapat beberapa soalan mengenai *PPK*, Autoriti Elektrik Negara, *SHENA* Koperasi yang berkaitan dan berulang-ulang.

Pada menjawabnya, mengenai kajian yang terperinci mengenai alam sekitar serta keselamatan sekitar rakyat dan penduduk sekitarnya. *Environmental Impact Assessment* telah dijalankan dan diberi kepada Kementerian Pembangunan agar mendapatkan kelulusan untuk menjalankan projek Pulau Muara Besar lebih dahulu.

Syarikat *Hengyi* juga telah membina sebuah janakuasa yang menggunakan arang batu dengan syarat ia mematuhi piawaian antarabangsa yang diiktiraf *International Recommend Standard* dan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dari segi *Health, Safety dan Environment*. *Environmental Impact Assessment* telah dihadapkan kepada pihak JASTRe bagi pembinaan janakuasa-janakuasa menggunakan arang batu ini dan pihak tersebut tidak ada halangan.

Dari segi *environmental standard*, berdasarkan kepada garis panduan *World Bank* dan *International Finance Corporation Environmental Health and*

Safety Guidelines. Had lepasan bagi janakuasa tersebut berada di bawah batas lepasan yang diperlukan dan boleh diterima.

Seterusnya mengenai pelatih PPK, Yang Berhormat mengatakan telah diberhentikan. Setelah melihat lagi butiran-butiran pelatih tersebut, terdapat beberapa faktor yang mungkin menyumbang kepada persepsinya yang ia diberhentikan tetapi ini kurang tepat. Aktiviti pembinaan pada pertengahan 2018 misalnya kerja-kerja *civil* menurun apabila projek itu hampir mencapai peringkat akhir.

Perkara ini juga bertepatan dengan masa bila lepasan kohort PPK seramai 728 graduan menyertai kontraktor Pulau Muara Besar. Dengan itu, meneruskan pekerjaan kohort tersebut telah diberikan tugas am seperti pengemasan, *warehousing* dan tugas-tugas ringan yang berbeza dari bidang latihan.

Bagi mereka yang telah siap kerja di Pulau Muara Besar, mereka akan terus di *roll over* kepada projek-projek pembinaan yang lain seperti yang telah kaola sampaikan tadi pagi.

Faktor kedua yang mungkin menyumbang kepada persepsi ini adalah keselamatan, malangnya terdapat kejadian kematian di Pulau Muara Besar pada 15 Julai 2018 yang menyebabkan penangguhan selamat 24 jam oleh kementerian. Dalam penyiasatan yang dijalankan oleh SHENA, cadangan telah dipersetujui untuk meminimumkan risiko selanjutnya kepada bekas pelatih PPK

yang tidak berpengalaman dengan menyekat kerja dan pendedahan mereka di tapak. Ini adalah keputusan yang bijak memandangkan pemasangan peralatan berat kemudiannya bermula dengan intensif dan meningkatkan potensi risiko pekerja. Keadaan pekerja bekas pelatih PPK ini dibincangkan dengan pengurusan kementerian dan kakitangan yang relevan secara kerap dan teratur.

Seterusnya bagi koperasi, sehingga ini terdapat 158 buah koperasi yang masih berdaftar di bawah Akta Syarikat Kerjasama Penggal 84. Dari jumlah tersebut, sebanyak 59 buah koperasi dikategorikan sebagai aktif iaitu koperasi yang masih menjalankan aktiviti perniagaan manakala sebanyak 99 buah lagi kategorikan sebagai tidak aktif sama ada belum beroperasi atau terhenti operasi.

Dari jumlah koperasi yang tidak aktif, sebanyak 5 buah koperasi telah dibubarkan. Sementara itu, 2 buah koperasi baharu telah didaftarkan pada tahun 2018. Untuk meningkatkan perkembangan dan pembangunan koperasi, Unit Pembangunan Koperasi menggalakkan supaya koperasi menceburi bidang-bidang perniagaan yang berpotensi untuk dieksport atau mengadakan usaha sama dengan koperasi-koperasi di luar negara.

Beberapa langkah telah dan akan diambil oleh unit ini antaranya:

1. Program Pembangunan Modal Insan Koperasi, Program Latihan Melalui Kursus Singkat, pembelajaran dan

seminar untuk sepanjang tahun bagi meningkatkan pengetahuan dan perkongsian maklumat mengenai pengurusan pertubuhan koperasi dan yang berkaitan sedang dan akan diteruskan. Antara program-program yang telah dilaksanakan ialah bengkel perakaunan, bengkel daya tahan bisnes koperasi, tatacara pengauditan, kursus pengurusan strategik dan kem pementapan kepimpinan koperasi.

2. Kemas kini akaun dan audit. Memastikan koperasi menyediakan buku-buku perakaunan atau menggunakan sistem perakaunan dan berkomputer. Memastikan koperasi mengemaskinikan akaun dan menyediakan penyata bulanan termasuk menyediakan akaun akhir koperasi. Memastikan juruaudit dalaman menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Membantu koperasi-koperasi yang mempunyai masalah dari segi penyediaan akaun yang sempurna sebelum proses pengauditan.
3. Membudayakan gerakan koperasi. Menjadikan koperasi sebagai pilihan aktiviti perusahaan dan perniagaan. Menggalakkan penglibatan belia dalam koperasi *target* taklimat belia. Menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada bumiputera, bekerjasama dengan *Job Centre Brunei* taklimat *i-Ready*. Koperasi-koperasi digalakkan untuk memberi insentif-insentif seperti pemberian bonus tahunan, bonus prestasi kepada pekerja-pekerja termasuk

hal-hal kebajikan. Menerokai bidang-bidang perniagaan yang berpotensi untuk menembusi pasaran dalam dan luar negeri. Mempromosi gerakan koperasi melalui media massa. Koperasi kebangsaan seterusnya, peramba, kaola, saya ingin memaklumkan bahawa penubuhan sesebuah koperasi adalah keperluan kehendak sekumpulan individu atau atas keperluan dan kehendak koperasi asas. Dalam hal ini, cadangan penubuhan koperasi kebangsaan adalah atas keperluan koperasi asas di negara ini.

Persoalannya, adakah koperasi asas yang telah didaftarkan bersedia bergabung dalam sebuah koperasi menengah yang menggabungkan semua koperasi di negara ini? Bagaimanapun, untuk mengiktiraf sesebuah koperasi itu sebagai koperasi kebangsaan atau *APEC* ia adalah tertakluk kepada kuasa menteri dan untuk mengiktiraf sebuah koperasi kebangsaan ia tertakluk kepada beberapa faktor.

Bagi persoalan Yang Berhormat FDr. AR. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman tadi mengenai apakah tindakan-tindakan yang sudah diambil oleh pihak kementerian mengenai persekitaran di tempat kerja dan aktiviti-aktiviti kerja yang gagal untuk mematuhi garis panduan *workplace safety and health order*.

Bagi memberi keterangan lanjut, jika berlakunya insiden yang mengakibatkan kecederaan yang serius atau kematian,

syarikat yang terlibat dikehendaki untuk menghadapkan laporan dengan seberapa segera ke *SHENA*. Setelah laporan diterima, *SHENA* akan mengarahkan inspektor *SHENA* untuk menyasat insiden tersebut. Setelah siasatan dijalankan, tertakluk kepada jenis dan tahap kesalahan jika pihak tertentu didapati tidak mematuhi undang-undang yang berkaitan *SHENA* akan memberi cadangan pembaikan serta nasihat-nasihat secara profesional.

Manakala, jika hasil siasatan mendapati kesalahan yang serius maka tindakan-tindakan yang sewajarnya akan dikenakan kepada syarikat tersebut termasuk mengeluarkan perintah pemulihan (*remedial order*) atau perintah henti kerja (*stop work order*) terhadap tempat kerja yang terlibat dan seterusnya kemungkinan untuk menghadapkan kesalahan tersebut ke mahkamah.

Agensi-agensi yang ada hubung kait dengan *SHENA* apabila membuat siasatan ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam.

Seterusnya bagi *electrical appliances* dan *product safety requirement regulation* sudah didraf dan masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak-pihak yang berkepentingan iaitu pihak *AGC* dan

JPKE. *Regulation* ini akan mengawal selia dari segi keselamatan penggunaannya iaitu memastikan ia terdapat *safety label* pada produk tersebut dan mengikut spesifikasi yang dibenarkan. Pihak AENBD akan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi memantau kemasukan produk-produk elektrik ke Negara Brunei Darussalam, selain mengadakan pemeriksaan ke kedai-kedai dan premis sebagai salah satu cara menguatkuasakan *regulation* ini. Itu sahaja kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi bahawa saya kira masanya sudah cukup bagi kita untuk mengundi cadangan belanjawan kementerian ini.

Saya sekarang ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Oleh yang demikian, Belanjawan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SQ01A dan SQ02A – Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dijadikan sebahagian

daripada Jadual. Tajuk SP01A – Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita sekarang akan membincangkan tajuk SP01A - Kemajuan. Walau bagaimanapun, sebelum saya membukakan tajuk ini, untuk dibahaskan saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ingin untuk menyampaikan ucapan pendahulunya tentang belanjawan bagi Tajuk Kemajuan ini. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mukadimah ini adalah untuk menerangkan serba sedikit mengenai penyediaan peruntukan wang Kemajuan iaitu sebagai panduan kepada perbincangan nanti.

Mukadimah ini, juga mengandungi penjelasan mengenai beberapa persoalan yang berkaitan dengan Rancangan Kemajuan Negara atau RKN yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peruntukan wang kemajuan adalah disediakan bagi melaksanakan projek-projek RKN yang dihadapkan oleh kementerian-kementerian kepada

peneraju-peneraju strategi wawasan untuk memastikan ia benar-benar relevan dalam membantu mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Keberkesanan setiap projek akan menyumbang ke arah pencapaian *National Outcomes*. Untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, tidak dinafikan RKN mempunyai peranan yang besar terutama sekali melalui penyediaan infrastruktur-infrastruktur ke arah pembangunan negara dalam jangka masa Panjang. Peruntukan yang disediakan di bawah RKN hanyalah bagi projek-projek yang berbentuk *hard infrastructure* sahaja terhadap kemudahan-kemudahan seperti perumahan, pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, penyediaan infrastruktur sahaja tidak mencukupi untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Ia perlu didukung dengan inisiatif-inisiatif atau *soft infrastructure* khususnya melalui Peruntukan Berulang-ulang yang disediakan. Dari itu, jumlah peruntukan RKN tidak semestinya meningkat dari tahun ke tahun.

Yang Berhormat Pengerusi. Untuk makluman bersama, RKN10 telah berakhir pada Tahun Kewangan 2017/2018 yang lalu. Impaknya kepada sosioekonomi negara khususnya kepada matlamat Wawasan Brunei 2035 adalah seperti berikut:

1. Untuk mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035; yang pertama iaitu: Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.

- i. Penyediaan Peruntukan RKN ke arah kemajuan infrastruktur pendidikan seperti sekolah-sekolah di semua peringkat termasuk sekolah agama dan institusi-institusi pengajian tinggi telah mampu untuk meningkatkan akses kepada pendidikan secara keseluruhan;
- ii. Kemajuan ini, juga telah menunjukkan peningkatan pencapaian di Sektor Pendidikan seperti keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), Peperiksaan *G.C.E 'O' Level* dan *G.C.E 'A' Level* dan Pencapaian universiti-universiti tempatan dalam *QS World University Ranking*; dan
- iii. Dalam hasrat untuk meningkatkan kapasiti rakyat dan penduduk, penyediaan peruntukan di bawah tajuk Dana Sumber Manusia dengan harga rancangan sebanyak \$250 juta telah menghasilkan pencapaian-pencapaian seperti berikut:
 - a. Seramai 823 penuntut telah dianugerahkan biasiswa ke luar negeri di bawah Biasiswa Khas Dana Sumber Manusia;
 - b. Seramai 10,369 orang anak tempatan lepasan *G.C.E 'O' Level* dan *G.C.E. 'A' Level* diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi di bawah Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional di institusi-institusi pengajian swasta dalam negeri; dan
 - c. Di bawah Skim Pembangunan Keupayaan Sumber Tenaga di sektor swasta seramai 441 orang pekerja di sektor swasta telah meningkatkan tahap pendidikan dan profesionalisme mereka agar lebih berkeupayaan dan berdaya saing di pasaran buruh;
 - d. Kemahiran dan daya tahan rakyat juga dapat dipertingkatkan melalui pembinaan prasarana khusus untuk latihan dan perkembangan Sumber Tenaga Manusia seperti berikut:
 - i. Bangunan kekal bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mendukung matlamat Dasar Belia Negara serta mewujudkan belia yang lebih bertanggungjawab dan berdisiplin. Sehingga 14 Mac 2019 seramai 2,537 pelatih telah berjaya dilatih;
 - ii. Bangunan Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di bawah Kementerian Pertahanan telah mendukung matlamat memberikan pendidikan profesional ketenteraan kepada pegawai-pegawai ABDB dan beberapa agensi keselamatan agar dapat

membina pemimpin-pemimpin yang berkemahiran. Setakat ini, Akademi Pertahanan tersebut telah menghasilkan 459 orang Pegawai Kadet sejak perubahannya. 258 pegawai telah menghadiri Kursus Maktab Turus dan seramai 215 pegawai telah menghadiri Kursus Pegawai Staff Rendah.

Untuk mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 dan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi. Perkembangan positif secara keseluruhan juga boleh dilihat sepanjang tempoh RKN10. Antara lain melalui peningkatan dalam perkara-perkara berikut:

- i. Sebagaimana yang telah dikongsikan oleh rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Dato Seri Paduka Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan, pihak Kementerian Pembangunan akan memastikan infrastruktur awam seperti rangkaian jalan raya, bekalan air bersih, saluran pembetulan dan juga keadaan persekitaran sentiasa pada tahap yang bersesuaian;
 - ii. Dalam tempoh RKN10, sebanyak 320 Lot Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati telah disediakan dan 13,036 unit rumah Rancangan Perumahan Negara telah dibina. Peningkatan dari segi *home ownership* ini membolehkan rakyat untuk menikmati hidup dengan lebih selesa dan berkualiti;
 - iii. Pembinaan jalan raya bagi memudahkan *access* dan perhubungan pengangkutan darat di negara ini, secara keseluruhan telah meningkat daripada 2,977.7 kilometer pada tahun 2012 kepada 3,146.4 kilometer pada tahun 2017.
- Projek jejambat di persimpangan lebuh raya seperti di Muara-Tutong Jalan Penghujung Berakas dan di Pantai Muara Perumahan Meragang merupakan antara projek telah dapat membantu melancarkan lagi pergerakan lalulintas di kawasan berkenaan. Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah dapat menghubungkan Mukim Lumapas dengan Bandar Seri Begawan dan mengurangkan masalah kesesakan lalu

- lintas di Jalan Bengkurong-Masin dan Jalan Tutong;
- iv. Peningkatan kapasiti penjanaan elektrik daripada 768.3 *megawatt* pada tahun 2012 kepada 856.7 *megawatt* pada tahun 2017 telah membolehkan orang ramai menikmati bekalan tenaga elektrik yang lebih stabil dan memenuhi keperluan industri-industri baharu;
- v. Projek menaik taraf ke atas Loji Rawatan Air Mengkubau telah meningkatkan kapasiti pengeluaran air bersih bagi menampung keperluan orang awam di kawasan tersebut khususnya 4,000 buah rumah di Kampung Mengkubau;
- vi. Projek-projek pembinaan pusat-pusat kesihatan termasuk Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan dan Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Mutawakillah Hayatul Bolkiah di Rimba, Gadong telah meningkatkan lagi akses rakyat dan penduduk kepada perkhidmatan kesihatan. Pencapaian negara dalam *United Nations Development Programme Human Development Index* juga telah menunjukkan peningkatan dari segi *life expectancy* dari umur 76.7 tahun pada tahun 2010 kepada 77.4 tahun pada tahun 2017;
- vii. Dalam usaha untuk memperkembangkan syiar Islam serta mendukung aspirasi negara sebagai sebuah Negara Zikir, 6 buah masjid baharu telah dibina menggunakan peruntukan RKN10;
- viii. Taman Mahkota Jubli Emas adalah juga salah satu projek di bawah RKN10 yang telah memudahkan lagi rakyat dan penduduk dan para pelancong untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti riadah, seperti Festival Layang-Layang (Kikik) Antarabangsa Kali Pertama diadakan baru-baru ini;
- ix. Projek-projek pembetulan, pembangunan tapak pelupusan sampah baharu, pembersihan Sungai Brunei, pemantauan kualiti air di Sungai Brunei, Belait dan Temburong telah dilaksanakan untuk memastikan kebersihan alam sekitar. Mengikut

Environmental Performance Index (EPI), Negara Brunei Darussalam berada pada kedudukan Ke-53 dari 180 buah negara sedunia. Pada kedudukan Ke-4 di rantau Asia pada tahun 2018.

Matlamat Wawasan Brunei 2035 yang ketiga iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, pertumbuhan *KDNK* negara bagi tempoh RKN10 (2012 – 2017) secara purata telah menurun sebanyak 1.2%. Namun demikian, pertumbuhan Sektor Bukan Minyak dan Gas telah mencatat peningkatan sebanyak 0.5%. Pertumbuhan ini dipacu oleh antara lainnya, peningkatan dalam sektor-sektor perikanan, pertanian, ternakan, kewangan, pengangkutan udara dan perdagangan.

- i. Dengan adanya penyediaan peruntukan RKN ini projek-projek perkembangan, dalam sektor perikanan, sektor akuakultur, sektor pertanian dan sektor ternakan telah membantu meningkatkan pengeluaran di sektor-sektor berkenaan yang sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Antara projek-projek RKN yang telah dilaksanakan termasuk Ladang Pertanian Kelompok, Rancangan Dukungan Pertanian, Skim Pembelian Semula Hasil Padi Keluaran Tempatan dan Pembangunan Teknologi Ternakan, Ladang Ternakan Ayam Kampung (pembiak, penelur dan pedaging), Pembinaan Rumah Terlindung Lengkap dengan Sistem Fertigasi

di Stesen Penyelidikan Pertanian Birau, Tutong, Projek Industri Ternakan Udang Fasa 3, Industri Akuakultur Luar Pantai dan Perancangan Kemajuan Industri Penangkapan - Rancangan Bantuan bagi Pengusaha.

Pada masa yang sama, penyediaan peruntukan RKN bagi pembinaan semula Vokasional Wasan yang kini dikenali sebagai *IBTE* Kampus Agro-Teknologi telah menghasilkan beberapa produk-produk kampus berkenaan pembuatan makanan dan Projek *Agropreneur Paddy Agrobiz LiveWIRE* iaitu hasil Memorandum persefahaman antara *IBTE* dan *LiveWIRE Brunei* dalam penanaman padi dan melahirkan *agropreneurs* yang terlatih dan juga projek penyediaan pembelajaran untuk mengendalikan klinik *veterinar*,

- ii. Selain itu, bagi sektor pengangkutan udara pula peningkatan sumbangan sektor ini kepada *KDNK* negara, terutama sekali pada penghujung tempoh RKN10 adalah hasil usaha-usaha pihak berkepentingan seperti Projek Pemodenan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk meningkatkan trafik penumpang termasuk pelancong ke negara ini.

Ini juga didukung oleh usaha-usaha pihak swasta seperti Syarikat Royal Brunei (*RB*) yang telah memperluaskan rangkaian dan meningkatkan kekerapan penerbangan.

- iii. Selaras dengan pertumbuhan positif Sektor Bukan Minyak dan Gas, kita dapat melihat peningkatan jumlah perusahaan mikro kecil, sederhana dan besar dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas dari 5,531 perusahaan pada tahun 2010 kepada 5,974 perusahaan pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 8%.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11) yang telah bermula pada tahun kewangan 2018/2019, sebanyak 182 projek telah disediakan peruntukan dengan Harga Rancangan sebanyak \$3.5 bilion manakala 151 projek adalah projek baharu dan 31 projek yang ditunda dari RKN10. Status perbelanjaan dan kesiapan projek-projek RKN dalam Tahun Kewangan 2018/2019 sehingga 28 Februari 2019 adalah seperti berikut:

- i. Dari 182 projek yang diluluskan, sebanyak 6 projek telah siap, 24 projek adalah dalam pelaksanaan, 30 projek adalah dalam tawaran, 60 projek adalah dalam reka bentuk dan 62 projek masih dalam perancangan;
- ii. Projek-projek ini termasuk projek penubuhan Bursa Saham Negara Brunei Darussalam, Pembinaan Jalan-Jalan Alternatif, Projek Jambatan Temburong, menaik taraf Jalan Perindustrian Serasa menuju ke Jambatan Pulau Muara Besar, Banci dan Kajian Sosioekonomi, Kajian dan Pengurusan Terperinci, Pembahagian *Non-Revenue Water (NRW)*, penggantian paip-paip air lama, *i-Ready*, Pusat Pembangunan

Kapasiti, *Civil Service Leadership Pipeline (CSLP)* dan Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional. (BPTV);

- iii. Perbelanjaan sebenar bagi Tahun Kewangan 2018/2019 adalah berjumlah \$434.25 juta iaitu 48.3% dari peruntukan asal yang berjumlah \$900 juta. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan ini dijangka akan meningkat kepada kira-kira 500 juta pada penghujung Tahun Kewangan 2018/2019 ini;

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, pelaksanaan bagi setiap Rancangan Kemajuan Negara adalah untuk tempoh 5 tahun perbelanjaan pada tahun pertama pada lazimnya kurang signifikan berbanding dengan perbelanjaan tahun kedua dan seterusnya. Mengambil kira projek-projek baharu mula dilaksanakan;

- iv. Peratus penggunaan peruntukan RKN antaranya adalah bergantung pada pelaksanaan rancangan dan kerja-kerja awal termasuk peringkat penyediaan pelan rancangan, penentuan keperluan dan reka bentuk, penyesuaian tapak dan penyediaan dokumen-dokumen projek yang pada kelazimannya penggunaan peruntukan pada tahun pertama pelaksanaan projek adalah berkurangan dari apa yang diperuntukkan; dan
- v. Manakala jumlah peruntukan RKN tidak semestinya meningkat dari tahun-tahun kewangan kerana ia

adalah tertakluk juga kepada keperluan pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang diselaraskan dengan pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam Tahun Kewangan 2019/2020, peruntukan \$800 juta yang telah disediakan dengan mengambil kira komitmen projek-projek yang telah siap, tetapi masih ada tanggungan dan kemajuan projek-projek yang masih dalam peringkat pelaksanaan dan perancangan seperti berikut:

- i. Sejumlah \$60.6 juta (7.6%) disediakan untuk membayar tuntutan *penultimate payment, retention money* dan sebagainya khususnya bagi projek-projek yang telah siap;
- ii. Sejumlah \$416.7 juta (52.1%) disediakan ke atas projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan.;
- iii. Sejumlah \$113.4 juta (14.2%) disediakan ke atas projek-projek dalam peringkat tawaran; dan
- iv. Sejumlah \$209.3 juta (26.2%) disediakan ke atas projek-projek yang masih dalam peringkat reka bentuk dan dalam perancangan.

Peratus pengagihan peruntukan pula adalah mengikut sektor utama seperti berikut:

- i. Sektor Pengangkutan dan Perhubungan disediakan peruntukan terbesar sebanyak 44.4%;

- ii. Sektor Perkhidmatan Sosial disediakan sebanyak 14.6%;
- iii. Sektor Penggunaan Awam diperuntukkan sejumlah 12.2%;
- iv. Sektor Pembangunan Modal Insan disediakan sebanyak 7.3%;
- v. Sektor Rampaian untuk membiayai perbelanjaan projek-projek yang sudah siap tetapi mempunyai tanggungan disediakan sebanyak 6.6%;
- vi. Sektor Perindustrian dan Perdagangan diperuntukkan sebanyak 5.6%.
- vii. Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi pula disediakan sejumlah 5.0%;
- viii. Sektor Bangunan Awam pula disediakan sejumlah 2.8%;
- ix. Sektor Sains & Teknologi Penyelidikan & Pembangunan dan Inovasi diperuntukkan sejumlah 1.1%; dan
- x. Sektor Keselamatan pula disediakan sebanyak 0.5%.

Yang Berhormat Pengerusi. Untuk memastikan projek-projek ini dilaksanakan mengikut tempoh yang telah dirancangan terdapat cabaran-cabaran yang dikenal pasti seperti isu-isu tapak, perubahan *user requirement*, perubahan skop kerja, perubahan perancangan dan sebagainya.

Dalam hubungan itu, untuk menangani cabaran-cabaran yang dimaksudkan di samping menjaga integriti pelaksanaan dan keberhasilannya Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang dan telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya adalah seperti berikut:

- i. Peraturan-peraturan tawaran yang berkaitan seperti proses *variation order* untuk melancarkan proses-proses tawaran;
- ii. Menubuhkan *Ad-Hoc working group* yang terdiri daripada kementerian dan jabatan yang berkepakaran dalam memastikan kualiti maklumat perancangan dan pelaksanaan projek yang telus dan untuk meneliti panduan-panduan teknikal dan *value engineering* reka bentuk projek sebelum ia ditawarkan; dan
- iii. Meneliti semula *Key Performance Indicator (KPI)* proses tawaran iaitu tempoh memproses setiap tawaran adalah tidak lebih dari 3 bulan iaitu 2 bulan adalah bagi kementerian dan jabatan untuk membuat penilaian dan sokongan. Manakala 1 bulan adalah untuk proses Lembaga Tawaran Kecil atau Lembaga Tawaran Negara.

Namun tempoh proses tawaran adalah juga tertakluk kepada kompleksiti skop tawaran;

- iv. Melalui penguatkuasaan penggunaan *contract module* dan *e-Invoice* oleh Jabatan Perbendaharaan pada tahun

2018, *إِنْ شَاءَ اللهُ* akan dapat mempercepatkan proses pembayaran tuntutan kepada pembekal; dan

- v. Mengadakan *mid term review* pada pertengahan tempoh RKN dan *in term review* pada penghujung tempoh RKN bagi mengkaji keberkesanan dan keberhasilan projek-projek RKN.

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi akan terus membuat pemantauan rapi dan meneliti semula projek-projek yang masih dalam peringkat reka bentuk dan masih dalam perancangan dengan mengambil tindakan-tindakan berikut:

- i. Meningkatkan kerjasama dengan kementerian-kementerian bagi memastikan perancangan awal terhadap projek-projek baharu untuk diteliti secara terperinci bagi mengelakkan daripada pembaziran dan kerugian dan memastikan *outcome Key Performance Indicator* adalah tercapai;
- ii. Penelitian terhadap *economic impact* projek-projek berkenaan melalui penilaian *cost benefit analysis* dan *economic modeling*;
- iii. Memberikan penekanan kepada *Value For Money* dan konsep guna sama (*shared facilities*);
- iv. Memperkukuhkan fungsi sistem pemantauan Rancangan Kemajuan

Negara secara maksimum dan maklumat-maklumat untuk dikemas kini oleh agensi pengguna dan pelaksana; dan

- v. Mengadakan mesyuarat-mesyuarat pemantauan berterusan dan mengadakan lawatan-lawatan berjadual atau secara mengejut ke tapak-tapak projek bagi memastikan kemajuan fizikal menepati jadual yang ditetapkan.

Yang Berhormat Pengerusi, sekianlah yang dapat kaola sampaikan sebagai menyampaikan mukadimah dalam pembentangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara RKN11 bagi Tahun Kewangan 2019/2020.

إِنْ شَاءَ اللهُ, apa jua persoalan yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek kemajuan ini, kaola yakin rakan-rakan sejawatan kaola sudah setentunya akan dapat memberikan penjelasan lanjut, selaku agensi-agensi pelaksana projek-projek kementerian masing-masing.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Mengenai dengan huraian mukadimahnya yang telah menjelaskan dengan terperinci tentang struktur penyediaan belanjawan keseluruhannya bagi tajuk Kemajuan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi penjelasan-penjelasan mengenai dengan tujuan-tujuan serta butir-butir peruntukan bagi projek-projek dalam rancangan kemajuan ini, telah pun disentuh dan dihuraikan dengan terperinci semasa menyampaikan ucapan pendahuluannya atau mukadimahnya bagi Belanjawan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020.

Begitu juga semasa membincangkan kementerian-kementerian yang lain, yang mana kita telah meluluskan belanjawan kementerian-kementerian tersebut dengan secara tidak langsung sebilangan besar dari projek yang terdapat dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) ini ada yang sudah dibahas secara terperinci dan jelaskan oleh Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, perkara ini saya berikan kesempatan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyoal ataupun membawa perkara-perkara yang menjadi kewahaman Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya dapat diterangkan oleh menteri-menteri yang berkenaan.

Maka sekarang saya bukakan Tajuk Kemajuan ini dan bersama saya terdapat senarai beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka turut serta untuk membahaskan tajuk ini.

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang behormat Pengerusi. Selajur saya kepada soalnya mengenai Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

Saya merujuk *Main Vote* 1115 - Perumahan Negara, Kod Akaun - 004 Pembangunan Semula Kampong Ayer.

Dalam mukadimah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada hari keempat Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada Hari Rabu 13 Mac 2019, pada hari itu disebutkan mengenai 153 buah rumah di Mukim Saba akan dibina, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Di sini, saya merujuk peruntukan RKN11, iaitu sebanyak \$50 juta dan peruntukan yang sudah diberi pada peruntukan tahunan 2018/2019 sebanyak \$10 juta dan 2019/2020 sebanyak \$11 juta.

Soalan saya ada 3 mengenai perkara ini:

1. Apakah progresnya dan sejauh manakah sudah siapnya mengenai perkara ini, memandangkan lebih kurang 40% sudah diluluskan perbelanjaannya?;
2. Kepada siapakah rumah ini akan ditawarkan?; dan

3. Apakah peruntukan ini juga mengambil kira penyelenggaraan serta keselamatan di kawasan itu?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai perancangan perumahan di Kampong Ayer yang telah kaola sebut sebagai Projek Rehabilitasi Di Kampong Ayer.

Apa progresnya, sungguh pun terdapat \$10 juta dalam tahun 2018/2019. Kita dalam tahun 2018 dan termasuk pada awal tahun ini mengenal pasti sebenar-benarnya profil penduduk-penduduk yang terlibat di kampung berkenaan. Profil itu bukan saja meliputi nama keluarga, kelamin tetapi juga pekerjaan, status pendapatannya dan sebagainya, kerana ini adalah penting bagi memastikan siapakah yang akan berkelayakan nanti untuk ditawarkan perumahan berkenaan.

Dalam tempoh masa tersebut juga, Kementerian Pembangunan telah pun menyediakan reka bentuk rumah-rumah berkenaan. Kemudian kita juga telah pun menyediakan rancangan dan perancangan bagaimana projek ini akan dilaksanakan bagi memasuki kawasan tersebut, sebabnya diperlukan supaya sebahagian rumah itu terpaksa diroboh bagi membolehkan projek ini berjalan. Ini melibatkan penempatan penduduk itu kepada suatu tempat perumahan sementara. Bukan saja penduduknya

ditempatkan, ia akan melibatkan lagi persekolahan anak-anak mereka.

Kita mempunyai profil sebagaimana kaola nyatakan tadi akan bidang kerja, ada yang bekerja sebagai penambang motorbot, teksi dan ada bekerja sebagai nelayan. Ini memerlukan perancangan yang teliti dan dari segi keselamatan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** sebagaimana projek perumahan yang telah berjalan di Kampong Ayer ia akan dimasukkan aspek-aspek keselamatan dalam projek ini.

Terima kasih ini penjelasan ringkas kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad *is it*, ada soalan lain lagi dari sana sudah cukup?

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Kaola suka membawa 3 Tajuk di bawah:

1. *Main Vote* 1104 - Kemajuan Perusahaan & Perindustrian.

Dalam kemajuan negara masa kini, dicadangkan pemusatan *centralize industry* mengikut zon bagi mukim-mukim di dalamnya *as a whole nation*. Penempatan industri untuk

memajukan komoditi yang dihasilkan oleh orang ramai dengan konsep Projek Industri Satu Kilang Satu Zon menggalakkan peningkatan penubuhan sosioekonomi rakyat;

2. *Main Vote* 1101 - Pertanian:

Dicadangkan supaya dibina Bangunan Muzium Pertanian Negara yang boleh dijadikan destinasi pelancongan domestik dan luar negara dengan diadakan tiket masuk berbayar; dan

3. *Main Vote* 1115 - Perumahan Negara.

Setiap perumahan akan diselaraskan dengan semua kemudahan penting seperti masjid, sekolah rendah, dewan dan lain-lain termasuk persiapan melantik Ketua Kampung sekurang-sekurangnya setahun sesudah pemindahan ke perumahan baharu kerana adalah satu keperluan penduduk untuk mempunyai Ketua Kampung sendiri dalam kalangan mereka sebagai penduduk kampung yang baharu.

Sekian, terima kasih Yang terhormat pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menjawab soalan yang dikemukakan.

Persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola samakan komen satu cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari berkenaan penubuhan Muzium Pertanian. Minta maaf, perkara ini inda pulang dalam agenda *direction* Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, pada masa ini sebab kita fokus kepada menambahbanyakkann *production* keluaran dari sektor pertanian dari pelbagai bidang tanaman-tanaman, buah-buahan, ternakan dan juga perikanan. Banyak lagi ruang kitani meng*contribute* arah perkembangan atau pertumbuhan KDNK yang mana tumbuh tidak memberangsangkan pada tahun lalu dan kita juga berhasrat untuk menyumbang kepada usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara kitani supaya tidak bergantung pada penghasilan minyak dan gas, dan menambahkan juga keluaran supaya tidak bergantung pada import. Jadi untuk menyumbang kepada agenda *food security* ruang ini terlampau banyak, dan kitani pada masa ini cuma 1% KDNK saja sektor pertanian dan perikanan. Sedangkan kalau negara jiran kitani sektor pertanian dan penternakan mereka sekitar 8% KDNK. Jadinya, haruslah kita fokus kepada agenda untuk mempelbagaikan ekonomi dulu dengan memperbanyakkan keluaran dan memperbanyakkan peladang-peladang yang berminat dan bergiat dalam sektor pertanian terutama sekali kaum belia yang banyak menganggur pada masa ini. Sudah banyak pengeluaran nanti, kitani boleh memikirkan seperti muzium, ekspo

dan lain-lain lagi. Kaola cadangkan fokus kepada menyumbang pertumbuhan ekonomi dan mempelbagaikan ekonomi kitani.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Mengenai kawasan-kawasan perumahan yang diperuntukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN), memang kawasan-kawasan perumahan ada disediakan kemudahan-kemudahan seperti, masjid, sekolah-sekolah dan sebagainya.

Dalam perancangan memang dimasukkan kawasan-kawasan ini pelaksanaannya dibuat oleh kementerian-kementerian yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada yang lain lagi untuk menjawab soalan. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

Berhubung dengan perumahan baharu di Kampong Ayer yang disebutkan tadi ialah masjid. Di kawasan berkenaan yang terlibat ada surau yang sudah sekian lama dan ada sentimen untuk mengekalkan dalam bentuk sekarang ini untuk diperbaikinya. Satu perundingan dengan kementerian

adalah kecenderungan untuk membangun semula sama ada surau atau masjid untuk menyesuaikan dengan *environment* perumahan yang baharu, jika dalam keadaan begitu ianya masih di peringkat pertimbangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin mengongsikan pemikiran bahawa setiap kali kitani berbincang mengenai pembangunan terutamanya dalam sektor pengangkutan dan perhubungan. Sering kitani sebut impian kitani untuk mewujudkan sistem perhubungan yang efektif impian kitani untuk melihat satu masa nanti perhubungan atau pengangkutan awam akan dapat di *interconnected* antara laut dan darat.

Di negeri-negeri lain yang pernah kaola nampak, sistem itu sangat berkesan apabila seseorang naik teksi untuk melawat ke satu-satu destinasi yang memerlukan. Selepas itu, ada jua kereta api, ada jua kapal persiaran. Jadi, di *interconnected* satu sistem, tapi kaola merasa masih jauh lagi ke hadapan kerana memiliki kenderaan persendirian masa ini terlalu mudah kitani dapati.

Orang yang ingin memiliki kereta sangat mudah, hanya hadir pada *salesman* dan berbincang sedikit, dan kitani dipujuknya untuk mendapatkan kereta yang kitani kehendaki tanpa *deposit* dan sebagainya. Kaola rasa sistem itu *interrelated* dengan cara kitani memiliki kenderaan di darat ini sehinggakan satu keluarga memiliki 6 hingga 7 buah kereta.

Rancangan Kemajuan Pengangkutan dan Perhubungan ini agak jauh lagi ke hadapan kecuali orang-orang asing yang lebih bermanfaat. Kaola rasa perlu difikirkan untuk mengesankan impian kitani itu.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim. Untuk mengutarakan satu impian atau pemikiran cadangan, kaola mengambil maklum saranan dan pandangan Yang Berhormat Pehin bahawa impian itu mungkin agak jauh, tapi mengambil kira jua perkembangan kita masa ini seperti jua ada kaola terangkan semalam di bawah sistem yang *integrated*.

Ada 2 *common factor* yang kitani nampaknya selari:

1. *Intermodel* memang ada kaola sebutkan dengan hasrat kitani di Brunei ini *our transport system* ini ada *advantage* dari segi penggunaan air, darat dan apa yang dipersoalkan lagi adalah mengenai di darat ini penggunaan teksi, penggunaan bas, dan sebagainya. Inilah *Multi Model of Transportation System* yang berlaku di luar negeri masa ini, memang diakui pada peringkat ini memanglah *public transport system* kitani mengikut *ridership* yang kira-kira dalam 1 juta setahun yang turun naik anggaran sejuta setahun. Memang pada masa ini didapati majoriti bukan orang kitani orang pekerja asing dan sebagainya;

2. Tetapi adalah menjadi hasrat di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, *إِنْ شَاءَ اللهُ* untuk menjadikan pengangkutan awam kitani ini bukan sahaja kepada orang asing tapi untuk orang kitani. Tapi bukan untuk orang yang berpendapatan rendah untuk semua *all walk of life* bahawa impian kaola sendiri untuk melihat orang yang menggunakan kereta *Roll Royce* ini disimpan di rumah tapi menaiki bas untuk berjalan ke sana ke mari. Inilah cara berfasa seperti yang kaola sebutkan kelmarin.

Dalam fasa pertama, *إِنْ شَاءَ اللهُ* akan dijalankan dengan membuat projek infrastruktur dulu. Infrastruktur ini ada 13 projek.

Fasa pertama 13 projek yang melibatkan 13 tempat bahawa projek

ini mengutamakan *sheltered walkways* di mana dikenal pasti 14 lokasi untuk disediakan *sheltered walkways*;

3. *Pedestrian foot bridge* dikenal pasti dalam 8 buah;

4. *Zebra crossing*, pada masa ini keselamatannya adalah diutamakan jua. Beberapa tempat-tempat penyeberangan contohnya daripada satu perhentian bas ke satu perhentian di sebarang jalan contohnya perlu ada *connectivity* dari segi macam mana orang menyeberang sebelah. *Pedestrian foot bridge and zebra crossing* adalah *priority* pada fasa pertama; dan

5. Fasa seterusnya, *إِنْ شَاءَ اللهُ* akan diungkayahkan untuk mengambil kira *modality* PPP atau bekerjasama dengan *BEDB* jua pada masa ini untuk meningkatkan dari segi bas-bas awam bersendirian termasuklah juga dengan *Integrated Intelligent Transport System*, pada masa ini sebenarnya ada aplikasi-aplikasi yang sudah sedia ada yang boleh kitani majukan dan dipergunakan untuk penggunaan "pemberigaaan" contohnya, macam kitani mahu tahu maklumat jadual bas.

Di sinilah jadual-jadual bas-bas dan *route* nya dan sebagainya perlu diutamakan jua. *إِنْ شَاءَ اللهُ* visi ataupun impian kaola sendiri adalah untuk menggunakan bas juga apabila *integrated system* kitani ini mudah-

mudahan kalau kitani kerja pun dari rumah menaiki bas. Ini pun ada sudah berlaku juga kitani dengan tiada pilihan kereta lain macam pada masa ini kenderaan saya telah sebutkan contohnya teksi *DART*. Beberapa orang pun sudah memakai *DART* ini sebenarnya, menaruh keretanya di rumah, memakai *DART* ke sana ke mari.

Ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* satu impian bersamalah sebenarnya, kalau kitani dapat memikirkan bersama satu hala tuju boleh kitani sama-sama memikirkan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Yang Berhormat Pengerusi, mohon izin kaola mengongsikan 'terkeduhung' Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi masih ada di sana. Ini mengenai keselamatan di perairan Brunei, keselamatan pengangkutan dan motor tambang dan lain-lain.

Kaola pernah menimbulkan pada tahun-tahun yang lepas, supaya diadakan satu usaha untuk *redesign* bot-bot tambang ini supaya lebih selamat dan juga mesra pelanggan. Pada masa ini, kitani lihat bot-bot itu memberi 'watir' juga kan naik semasa ombak kuat tiada tempat berpegang dan sebagainya.

Kaola telah pun dijawab dulu. Isu ini kaola timbulkan oleh mantan menteri

dulu dan akan kaola cadangkan untuk mengadakan kolaborasi dengan Universiti Teknologi Brunei (UTB) untuk kementerian dan pelajar-pelajar itu mengadakan usaha sama mencari jalan *redesign* perahu itu dengan sebaik-baiknya. Dengan fokus tempat berpegang, kalau tempat duduk itu ada tempat berpegang. Untuk mengadakan tempat berpegang tempat kitani kalau duduk itu dapat berpegang.

Ini terbukti dengan tidak adanya *design* yang selamat, baru-baru ini pun ada sudah korban, kemungkinan ombak kuat orang itu 'terpelanting' dan lemas.

Jadi, kaola ingin menghidupkan semula cadangan kaola ini supaya dalam perancangan kemajuan kitani, bukan senang kaola faham untuk *redesign* lagi semula kerana ia melibatkan pembelian bot-bot baharu dan sebagainya.

Tapi dengan *political will* kitani *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dapat mengadakan satu *design boat* yang lebih selamat. Terutama untuk ke Daerah Temburong. Kaola lihat, setiap kali balik kaola 'ijap' jua kerana pemandu itu tidak nampak hujung di sana itu. Ia 'nganya' barangkali menganggarkan sudah sampai atau belum ke tempat-tempat tertentu. Tetapi di negeri lain kaola lihat kedudukan pemandu itu di atas atap, jadi ia jelas. Itulah maksud kaola, keselamatan itu sangat perlu. Dan kalau boleh satu pendekatan baharu ke arah itu dan apa sahaja caranya kaola pulangkanlah kepada kebijaksanaan kementerian yang berkenaan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Barangkali Yang Berhormat, kelmarin, ada sudah kaola sentuh mengenai keselamatan piawai bagi perahu-perahu dan bot-bot di perairan negara kitani dan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** memang baru-baru ini juga, mulai tahun lepas, kementerian dan *MPABD* telah pun mengorak langkah mengambil kira, beberapa insiden kemalangan di perairan maritim ada berlaku. Beberapa kali telah berlaku dan mengambil kira, dan mengambil iktibarlah.

Pengajaran daripadanya memang pihak *MTIC* telah pun mula menguatkan beberapa langkah, antaranya adalah seperti juga yang disebutkan tadi itu kaola ingin mengongsikan sahaja. *Yes, we do agree* keselamatan maritim tiada beza dan kurangnya dengan keselamatan jalan raya ataupun di mana-mana.

Dalam hal ini barangkali Yang Berhormat Pengerusi, biar kaola mengambil catatan sahaja dan apa juga ditanyakan tadi oleh Yang Berhormat Pehin Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim tadi itu biskaola akan memberikan secara bertulis juga sebab perkara ini

pun panjang lebar sudah kaola terangkan kelmarin. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya silakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ sebelum kaola menyentuh isu-isu yang berkaitan dalam Kemajuan ini. Lebih dahulu, kaola mewakili penduduk Kampung Danau, Mukim Telisai dan sekitarnya sepanjang pantai menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan dan sesiapa juga yang terlibat, kini penduduk Kampung Danau dan sekitar agak merasa lega apabila pembinaan kawalan pasir sepanjang Pantai Danau yang ditunggu-tunggu sejak 2012 pembinaannya telah bermula tahun lepas. Walaupun ada sebahagiannya merasa terkilan kerana kehilangan bangunan akibat tebing runtuh.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam Anggaran Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara daripada April 2019 hingga Mac 2020 ini, kaola mengemukakan perkara Kemajuan di lembaran 5. Kitani lihat bersama iaitu *Main Vote* 1112 – Pengaliran Air, Gelaran-001 iaitu Membina Kolam Penahan Banjir Daerah Tutong Fasa 1 iaitu peruntukannya ada penurunan iaitu \$1.5 juta dari \$5.5 juta pada tahun

2018/2019 menjadi \$4 juta sahaja pada tahun 2019/2020.

Soalan kaola, kenapakah penurunan peruntukan ini berlaku dan kaola memohon penjelasan akan perkembangannya?

Dan muka lembaran yang sama juga iaitu lembaran 5 *Main Vote* - 1113 iaitu Kemudahan Awam & Alam Sekitar Gelaran - 006 iaitu Menaik Taraf Sungai Utama dan Anak-Anak Sungai dengan peruntukan \$10.2 juta.

Soalan kaola, apakah skop kerja-kerja yang dilaksanakan berkaitan dengan penaiktarafan sungai-sungai utama dan anak-anak sungai ini. Anak-anak sungai manakah yang terlibat? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Nampaknya informasi-informasi masih lagi kaola menunggu kalau dapat kaola akan menjawab selepas adanya informasi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit ada soalan lain ataupun mahu menunggu jawapannya diterima.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit : إِنَّ شَاءَ اللهُ akan menunggu jawapan.

Yang Berhormat Pengerusi: Menunggu jawapan. Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, banyak soalan hari ini.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: أَلْحَمْدُ لِلَّهِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin mengutarakan beberapa Anggaran Perbelanjaan Kemajuan dari April 2019 hingga Mac 2020 iaitu *Main Vote* 1104 - Kemajuan Perusahaan & Perindustrian dalam Gelaran 003 - Pembangunan Pulau Muara Besar - Fasa 2. Kaola melihat peruntukan tahun 2019/2020 iaitu perbelanjaan peruntukan telah pun diperuntukkan yang dianggarkan bagi tahun 2019/2020 sebanyak \$1,748,440.00.

Soalan kaola, adakah sebarang aktiviti atau projek fasa yang Ke-2 ini sudah dijalankan pada tahun 2018 dan 2019. Kaola berpendapat mungkin dengan peruntukan yang diberikan sebanyak \$1,748,440.00 ini mungkin disebabkan keadaan kewangan kerajaan ketika ini tidak begitu mengizinkan, mohon pencerahannya?;

Kaola ingin bertanya lagi mengenai dengan *Main Vote* 1106 - Jalan Raya,

Gelaran 005 - Program Peningkatan dan Pembaikan Infrastruktur Jalan Raya dengan perbelanjaan yang diberikan iaitu sebanyak \$6 juta. Kaola ingin bertanya adakah dengan peruntukan ini termasuk dalam perbelanjaan menaik taraf Kampung Serasa dan Rancangan Perumahan Negara.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ Yang Berhormat Pengerusi. Mungkin setakat itu sahaja yang kaola dapat sampaikan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga pada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman berkenaan dengan *Main Vote* 1104, Gelaran 003 - Pembangunan Pulau Muara Besar Fasa 2. Status ini ialah pembinaan telah siap dan projek kini dalam tempoh pemberitahuan kecatatan (*defect notification period*) pada masa ini, terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya sudah bersedia.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman iaitu Program Peningkatan dan Pembaikan Infrastruktur Jalan Raya. Memang program ini adalah dihasratkan untuk menaik taraf keselamatan penggunaan rangkaian jalan raya yang mengikut piawaian *International Road Assessment Program (IRAP)* untuk mencapai *3 to 5 star* daripada 45% ke 55% ke tahap *standard* jalan raya kitani di Brunei.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ kerja-kerja itu termasuklah melapis semula jalan raya (*highway*) termasuk juga jalan-jalan utama dan juga membaik pulih jalan-jalan daerah dan kampung serta jalan-jalan di Perumahan Negara dan persimpangan-persimpangan komersial dan juga menaikkan taraf persimpangan jalan yang memerlukan pembaikan dan peningkatan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ masa ini dokumen-dokumen tawaran-tawaran telah pun disediakan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diteruskan pada tahun ini jua. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Mungkin kaola ingin menyuarakan mengenai dengan *Main Vote* 1106 - Jalan Raya, Gelaran 009 - Pembinaan Jalan Penghubung Tanah Jambu dan Jejambat di Persimpangan Perumahan Mengkubau/Jalan Utama Mentiri, seperti yang diperuntukkan pada tahun 2019/2020, anggarannya telah diberikan sebanyak \$7,400,000.00.

Jadi kaola ingin bertanya mengenai Jalan Penghubung Tanah Jambu dan Jejambat di persimpangan Perumahan Mengkubau yang pada masa ini belum dapat diusahakan sebaik-baiknya.

Kaola minta pencerahan, bilakah jambatan ini akan dapat diusahakan bagi penggunaan penduduk dan rakyat yang ada di kampung itu. Bagi mengelakkan kesesakan di pusing keliling di Mukim Menteri tersebut dan bilakah selesainya projek kemajuan ini akan selesai sebaik-baiknya?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Pertanyaan tadi mengenai pembinaan Jalan Penghubung Jalan Tanah Jambu dan Jejambat di persimpangan Perumahan Mengkubau yang pada masa ini sedang berjalan.

Kontrak telah pun ditandatangani pada 20 Disember 2018 dan kontrak ini bermula pada 7 Januari 2019 dan akan mengambil masa selama lebih kurang 30 bulan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2021. Projek ini melibatkan juga pembinaan jejambat di persimpangan Lebuhraya Tutong penempatan tapak industri di Kampung Kajar.

Jadinya, untuk mencapai 100% perancangan jalan penghubung antara Jalan Muara dan Jalan Utama Mentiri serta akses ke Perumahan Mengkubau, tujuannya ialah untuk melancarkan pelancaran *traffic light* dan memang pada masa ini jalan tersebut mengalami kesesakan. Diharap dengan adanya projek ini **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan dapat melancarkan lagi perjalanan lalulintas di kawasan berkenaan terutama sekali di kawasan Perumahan Mengkubau dan Mentiri. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: **بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ**
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat ada menjelaskan bahawa perbelanjaan tahun 2018/2019, iaitu Kemajuan dan ada menyatakan dalam 48% dari \$900 juta peruntukan kemajuan dari segi progresnya telah

dibelanjakan. Oleh kerana ia adalah tahun yang pertama bagi RKN Ke-11 memang *expected* tetapi Yang Berhormat Pengerusi, berdasarkan tahun pertama bagi RKN10, perbelanjaan kita 'melimpahi' 100% dari peruntukan, *in fact* ada tambahan peruntukan kemajuan lagi dibuat.

Tahun 2011, tahun 2012 dan tahun 2013 kita punya perbelanjaan Kemajuan adalah melebihi 100%. Pada masa itu kita mempunyai perbelanjaan Kemajuan yang diluluskan adalah \$1.05 bilion bagi 3 tahun, 2011, 2012 dan 2013. Pada tahun 2012 adalah permulaan pada RKN10. Apakah yang membuat kita tidak dapat progres apa yang pada tahun-tahun sebelumnya. Sasaran pada tahun 2019 dan tahun 2020 bagi Perbelanjaan Kemajuan adalah 85%.

Yang Berhormat Dato memberitahu sebentar tadi proses-proses tender selalunya adalah 3 bulan belum pun isu *consideration, queries* akan tetap *queries*. Sekarang ini kita ada *Ad-Hoc Working Group* ditubuhkan sebelumnya ditawarkan. *Another layer*, habiskah tahun kewangan dan progres projek itu pun tidak banyak progresnya.

Saya difahamkan peruntukan RKN ini jika sekiranya tidak ada pada tahun itu, memang tidak dapat *kickstart* or ditawarkan. Adakah terdapat sebarang inisiatif untuk mempercepatkan proses ini? Kerana untuk mencapai sasaran kemajuan negara adalah sangat penting untuk memastikan keberkesanan, pelaksanaan projek terutama sekali untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Selepas RKN11 Cuma 2 RKN lagi sahaja sebelum tahun 2035. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada 2 soalan:

1. Mengenai kenapa pencapaian perbelanjaan sebenar pada tahun 2018/2019 itu kurang daripada yang diperuntukkan dibandingkan dengan tahun 2011 ke tahun 2012. Pencapaian itu lebih daripada 100%. Mungkin perkara ini tidak dapat kita bandingkan, kita tidak tahu akan keadaan pada masa itu, pada tahun 2011 dan tahun 2012 dibandingkan pada masa ini. Yang penting adalah projek ini diteruskan kerana RKN ini bukan kita lihat satu tahun ke satu tahun. Kita melihat 5 tahun yang berpanjangan. Sama ada digunakan peruntukan belanjawan dalam setahun itu ada atau tidak, kita akan lihat dari setahun ke tahun, dilihat sepanjang 5 tahun itu dalam RKN; dan
2. Mengenai proses 3 bulan. Itu satu *improvement* yang akan dicadangkan kepada cara kita *improve*, cara kita *monitor* RKN ini bukan yang pada masa ini. Pada masa ini, mungkin lama sedikit kita cuba *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dalam RKN11 ini supaya kita dapat mempercepatkan proses ini.

Perkara ini kita tidak boleh juga, semua itu mesti disiapkan dalam 3

bulan itu, ia dilihat juga akan *complexity* projek-projek itu. Barang ini semua *dirush*, penghujungnya mungkin jadi kebanjiran atau kerugian kepada kerajaan. Itu yang kita tidak mahu terjadi, itu sahaja yang kaola dapat sampaikan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola suka bertanya di bawah Kemajuan , *Main vote* 1115 - Pendidikan, Gelaran - 002, Sekolah Maktab Sains, Kuala Belait. Perbelanjaan RKN yang telah diluluskan ialah \$12 juta dan peruntukan tahun 2018 dan tahun 2019 \$8 juta, manakala peruntukan tahun 2019/2020 berjumlah \$2,300,850.00.

Kaola ingin mengetahui perkembangan bagi pembinaan bangunan tersebut dan bila sekolah tersebut akan digunakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput mengenai status Sekolah Menengah Maktab Sains, Kuala Belait.

Buat masa ini, dari segi perbelanjaannya ia telah pun mencapai 61% dan mengenai status projek, blok utama tersebut ataupun maktab tersebut telah pun siap, akan tetapi dewan serbaguna dan woksypnya belum lagi disediakan kerana ada kejadian yang membuatnya tergendala. Pada masa ini Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Pembangunan dan kontraktor-kontraktor yang berkenaan sedang mengusahakan untuk menyiapkannya sebelum ia dapat digunakan.

Perkara penting yang diambil kira pada masa ini ialah tentang keselamatan apabila menggunakan maktab tersebut memandangkan ia akan digunakan oleh pelajar-pelajar kita. Setelah mendapat kepastian pada hujung tahun ini yang keadaan keselamatan akan terjamin, mungkinlah akan dapat diputuskan sama ada Sekolah Maktab Sains, Kuala Belait akan digunakan atau ia akan menunggu lagi persiapan seluruh fasilitinya termasuk dewan serba guna dan woksyp itu. Itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *Main Vote* 1106 - Jalan Raya. Apakah ada perancangan untuk menaik taraf Jalan Tutong di kawasan Simpang Jerudong dan sepanjang jalan Kampung Tanjung Nangka dan menuju ke Simpang

Kampung Lugu. *Traffic flow* agak perlahan terutama *peak hours*.

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Perkara ini kaola pun sudah terangkan semasa mukadimah pada hari itu. Ada soalan jua daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Nampaknya, memanglah ada pemuliharaan dibuat dan telah dalam rancangan jua memerlukan peruntukan yang agak tinggi untuk melebarkan jalan itu, hanyalah setakat pemuliharaan sahaja.

Izinkan kaola menerangkan mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi, mengenai kolam tadahan iaitu banjir memang pihak kementerian melalui Jabatan Kerja Raya mempunyai strategi bagi kelulusan mitigasi banjir di Daerah Tutong dan salah satu antaranya ialah melalui Pembinaan Kolam Penahan Banjir (*Flood Retention Pond*) dan satu projek yang sedang ditawarkan iaitu *Main Vote* – 1112, Gelaran 001 - Membina Kolam Penahanan Banjir Daerah Tutong Fasa 1, lokasi tapak dibina iaitu Sungai Pamadang, Sungai Tanjung Maya dan Sungai Bangligi. Manakala tawaran

dibuka pada bulan Februari 2019 dan akan ditutup pada bulan April ini.

Manakala di bawah *Main Vote* 1113 Gelaran 005 - Pembinaan Kolam Takungan Dalam Tadahan Sungai Tutong. Pihak kementerian masih meneliti beberapa lokasi yang telah dikenal pasti akan kesesuaian dari segi fasiliti dan impaknya kepada alam sekitar.

Mengenai soalan yang kedua tadi, *Main Vote* 1113 Gelaran 006 – Menaik Taraf Sungai Utama dan Anak-Anak Sungai. Senarai projek yang termasuk di bawah tajuk ini ialah:

- i. Projek menaikkan taraf longkang dekat KUPU SB Jalan Tutong di peringkat tawaran;
- ii. Menaikkan taraf longkang di hilir Sungai Hanching di peringkat tawaran;
- iii. Menaikkan sistem saliran Kampung Senukuh, Temburong yang pada masa ini semuanya dalam peringkat tawaran;
- iv. Menaikkan sistem saliran Sungai Akar buat masa ini dalam peringkat reka bentuk;
- v. Kerja-kerja pengorekan selut Sungai Kedayan dan Sungai Damuan di peringkat reka bentuk; dan
- vi. Kerja-kerja di Sungai Menglait yang masa ini di peringkat reka bentuk.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar penjelasan-penjelasan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan mengenai kewahaman dan soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Tajuk SP01A - Kemajuan.

Maka saya berfikir, bahawa masanya sudah tiba bagi kitani untuk mengundi Tajuk ini. Saya ingin sekarang bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju supaya Tajuk SP01A – Kemajuan ini diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua ahli bersetuju. Maka Tajuk SP01A - Kemajuan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SP01A - Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang membincangkan mengenai Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa Akta ini bolehlah digelar Akta Perbekalan (2019), 2019/2020 dan hendaklah mula berjalan berkuat kuasa pada 1 April 2019. Saya kira Tajuk Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat

Kuasa ini tidaklah perlu untuk dibahaskan.

Oleh yang demikian, adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Gelaran Pendek dan Tarikh Permulaan Berkuat Kuasa Akta ini untuk diluluskan. Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita telah pun selesai membincangkan dan meluluskan semua tajuk-tajuk yang terdapat di dalam Jadual bagi Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana menunjukkan kerjasama dan muafakat yang kental selayaknya semasa perbincangan membahaskan Rang Undang-Undang ini sehingga selesai.

Oleh yang demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara-perkara seterusnya saya ingin mencadangkan

supaya kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, dalam meneliti dan menimbang Rang Undang-Undang ini, kita telah membahaskan kesemua Tajuk yang terdapat dalam jadual dan pertanyaan-pertanyaan yang telah pun dikemukakan telah juga dijawab dengan jelas oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Oleh yang demikian, bagi membolehkan peraturan perundangan dalam meluluskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 ini yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Rang ini akan dibaca bagi kali ketiga sebelum Rang ini kita dapat luluskan untuk dijadikan akta. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang yang

bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah pun dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam Persidangan Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, kaola mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, sebentar tadi telah menyatakan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** supaya dapat dibaca bagi kali ketiga. Adakah Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyokong cadangan ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bagi Rang Undang-Undang ini untuk dibaca bagi kali ketiga, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mencadangkan supaya rang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan.

Cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju akan cadangan ini? Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju secara sebulat suara. Maka Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ أَلْحَمْدُ لِلَّهِ Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan

dengan jayanya Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 dan Akta ini akan berjalan kuatkuasanya mulai daripada **1 April 2019**.

Maka saya kira cukuplah kita berbincang dan saya suka untuk menanggungkan Persidangan Majlis Mesyuarat kali ini. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 23 Mac 2019 seperti lazimnya mulai pukul 9.00 pagi.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditanggungkan)

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 16 Rejab 1440/23 Mac 2019

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang kesebelas, Sabtu, 16 Rejab 1440 bersamaan 23 Mac 2019, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّهُمَّ أَلْحَمْدُ لِلَّهِ segala puji dan kesyukuran kepada اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya jua, maka kita dapat pada pagi ini sekali lagi bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan yang kita adakan pada hari ini adalah memasuki hari kesebelas. Kita telah menyempurnakan dan berjaya meluluskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020, yang telah pun juga dijadikan akta. Seperti

biasanya pada pagi ini, kita akan mendahului perbincangan kita mengenai Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang akan dijawab pula oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan, sekarang, kita beralih ke soalan seterusnya.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan No. 39 daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Isu yang akan kaola bangkitkan ini adalah *cross cutting issue* di bawah Kementerian Pembangunan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai aset kerajaan yang terbiar dan penghapusan aset kerajaan.

Isu aset kerajaan yang terbiar telah pun saya bangkitkan pada tahun lepas. Aset-aset tersebut adalah berharga dan jika diusahakan boleh mendatangkan manfaat kepada pertumbuhan masyarakat di kawasan yang terlibat.

Menyentuh mengenai aset kerajaan kepada pihak awam. Isu ini ada terdapat di bawah Perintah Keselamatan Kebakaran 2016, yang mewajibkan bagi bangunan-bangunan di Negara Brunei

Darussalam untuk mematuhi Akta tersebut.

Walau bagaimanapun, masih juga terdapat bangunan-bangunan kerajaan seperti masjid-masjid, dewan, sekolah-sekolah dan bangunan awam lain yang tidak lulus Garis Panduan Keselamatan dan Perlindungan Pencegahan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Negara Brunei Darussalam.

- i. Apakah status dan tindakan yang sudah diambil oleh pihak berkenaan mengenai aset-aset yang terbiar tersebut?; dan
- ii. Adakah prosedur keselamatan bagi bangunan-bangunan terbiar untuk mencegah sebarang aktiviti jenayah dalam kawasan bangunan itu sering dipantau?

Kaola menyambut baik inisiatif daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, terutama sekali bagi program-program kesedaran keselamatan dari pembangunan kapasiti, *Fire Marshall* dan Program *Fire Drill*. Setelah adanya pembangunan kapasiti dan kesedaran keselamatan tersebut, masih terdapat bangunan awam yang tidak memenuhi garis panduan dan syarat-syarat di bawah Perintah Keselamatan Kebakaran 2016.

Soalannya:

- i. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap bangunan-bangunan seperti ini terutama sekali bangunan-bangunan kerajaan?;

- ii. Salah satu isu juga dihadapi ialah longgokan barangan bukan teknikal seperti perabot pejabat yang rosak dan buku-buku yang masih dalam proses penghapusan yang telah lama disimpan di kawasan stor, *shed*, lorong lalulintas atau lorong pintu kecemasan. Mengapakah proses Penghapusan Aset Tetap Kerajaan itu terlalu lama sehinggakan boleh mengambil masa lebih kurang 5 hingga ke-10 tahun atau lebih?
- iii. Negara kita sedang melalui era pendigitalan maklumat dan dengan itu proses penghapusan juga seharusnya dipercepatkan. Adakah dalam perancangan pihak yang berkepentingan untuk membaiki prosedur penghapusan aset-aset kerajaan bagi mewujudkan proses yang lebih cekap?

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, melibatkan 3 kementerian iaitu Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Izinkan kaola menjawab soalan pertama dahulu dan membacakan jawapan bagi soalan ketiga dan keempat bagi pihak Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Manakala soalan kedua, *إِنْ شَاءَ اللّٰهُ*, akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Terima kasih kepada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman atas soalan mengenai bangunan-bangunan yang terbiar. Berhubung dengan status dan tindakan kepada aset-aset bangunan kerajaan yang terbiar dan kosong, Jawatankuasa *Housing Focus Group* ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan yang ahli-ahlinya terdiri daripada beberapa kementerian dan agensi-agensi yang relevan telah meneliti dan mengumpul maklumat-maklumat jumlah rumah, flat dan berek kerajaan yang kosong di seluruh negara untuk diselaraskan dalam Dasar Perumahan Kerajaan.

Keseluruhan jumlah unit bangunan yang kosong (terdiri daripada flat, rumah *transit* dan berek) pada masa ini berjumlah lebih kurang 1,526 unit. Jumlah ini termasuk bangunan-bangunan yang sudah lama dan memerlukan pembaikan dan penaiktarafan dan juga bangunan-bangunan yang masih boleh didiami. Menurut penyiasatan yang telah dibuat, antara sebab kenapa bangunan-bangunan berkenaan tidak diisikan adalah seperti berikut:

1. Terdapat banyak bangunan yang sudah lama dan perlu dibaikan atau *major renovation* yang mana memerlukan perbelanjaan yang tinggi;
2. Terdapat juga bangunan lama yang tidak berekonomikal untuk 'diusai' atau dibaiki;
3. Terdapat kurang permintaan (*demand*) dalam kalangan pegawai-pegawai kerajaan dalam *scale* tertentu dan di daerah-daerah tertentu yang kebanyakannya sudah mendapatkan perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara.

Dalam usaha bagi menyejajarkan Program Bantuan Perumahan Kerajaan secara *gross cutting* dan *cost effective* dengan beberapa buah agensi yang relevan, Jawatankuasa *Housing Focus Group* telah dan sedang menimbang cadangan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pengagihan bangunan-bangunan berkenaan kepada pihak yang tertentu dengan pelan tindakan seperti berikut:

- i. Membaiki, memperbantuan dan menyerahkan bangunan kerajaan yang kosong kepada agensi-agensi seperti pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang sangat-sangat memerlukan bagi mempercepat bantuan

perumahan kepada orang-orang yang berkenaan.

Antara inisiatif yang sudah dilaksanakan termasuklah penyerahan sebanyak 32 unit flat di Kampung Sungai Akar ke pihak JAPEM. Sementara itu, sebanyak 200 unit bagi bangunan flat kerajaan yang kosong yang sudah dikenal pasti juga dalam program untuk diserahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menangani isu pemindahan penduduk Kampung Ayer yang terlibat dalam Projek Revilitasi Kampung Ayer nanti;

- ii. Menyerahkan sebahagian daripada unit-unit berkenaan bagi perumahan orang-orang daif dan susah di bawah senarai pihak MUIB iaitu dijadikan unit-unit *transit* sementara menunggu bantuan membina rumah kekal yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak MUIB dengan menggunakan Kumpulan Wang Zakat; dan
- iii. Di samping itu juga, cadangan bagi mengautomasikan secara *cost effective* bantuan yang disediakan bagi membina rumah yang dianggarkan kira-kira \$70,000.00 sebuah dan menggunakan kos ini bagi membaiki unit-unit berkenaan dan diserahkan kepada pengurusan pihak MUIB. Cadangan ini telah dikongsikan dan disambut baik oleh pihak

MUIB, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Penelitian dan mengitar semula bangunan-bangunan kerajaan agar dapat digunakan secara optimum dengan menggunakan kaedah pembiayaan yang lebih *cost effective* tanpa membebankan peruntukan kerajaan akan diteruskan. Walau bagaimanapun, dasar-dasar yang ada perlulah diteliti dan diselaraskan bagi membolehkan aset-aset kerajaan yang dimaksudkan dapat diperuntukkan kepada orang-orang berkenaan.

Jawatankuasa Pandu juga akan terus berusaha untuk mengoptimumkan penggunaan aset-aset bangunan kerajaan yang kosong demi mengelakkan daripada dirosakkan atau digunakan bagi sebarang aktiviti yang tidak diingini. Usaha-usaha ini akan dilakukan secara bersepadu bersama dengan agensi-agensi berkenaan bagi menjaga keselamatan ke atas aset-aset bangunan kerajaan yang kosong dan terbiar.

Pada masa ini, penjagaan keselamatan tiap-tiap aset bangunan yang dipunyai oleh kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan adalah di bawah tanggungjawab kementerian masing-masing untuk menjaganya.

Sekian penerangan yang dapat kaola sampaikan bagi Soalan No. 1. Izinkan kaola membacakan jawapan kepada Soalan No. 3 dan No. 4, bagi pihak Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, terhadap Soalan No. 3 yang dikemukakan mengenai isu proses penghapusan yang mengambil masa yang lama.

Setiap kementerian / jabatan mestilah menjaga dan memelihara harta benda kerajaan dengan sempurna. Jika didapati harta benda sudah rosak dan tidak dapat digunakan lagi, kementerian atau jabatan hendaklah memohon untuk menghapuskan pelupusannya. Harta benda yang rosak ini hendaklah disimpan dan disusun dengan teratur sementara menunggu kebenaran bagi penghapusan dan adalah menjadi kesalahan jika barang-barang ini dilonggokkan tanpa teratur dan mengakibatkan harta benda tersebut semakin rosak keadaannya sehingga tidak laku jika dijual secara tawaran awam.

Terdapat kementerian-kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Pertahanan yang mempunyai Jawatankuasa Penasihat Penghapusan Dari Kira-Kira. Jawatankuasa ini akan meneliti lebih dahulu permohonan-permohonan yang dihadapkan dari jabatan-jabatan atau bahagian-bahagian di kementerian-kementerian yang berkenaan sebelum ia dihadapkan kepada Lembaga Pemeriksa Tetap, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk dinilai sebelum dihadapkan kepada Jawatankuasa Penasihat Penghapusan

Dari Kira-Kira Kerajaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Dalam masa yang sama, kementerian memandang serius terhadap perkara ini. Pada tahun 2003 iaitu melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 10/2003 iaitu bagi Penubuhan Unit Audit Dalaman di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan bahawa unit ini dipertanggungjawabkan iv. untuk membuat pengauditan dan pemeriksaan termasuklah ke atas barang-barang stor-stor inventori di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan.

Dengan memastikan Unit Audit Dalaman ini aktif melaksanakan pemeriksaan dan teguran. Adalah diharapkan kes-kes barang-barang ataupun harta benda kerajaan yang terbiar ini akan dapat diatasi dengan lebih awal lagi.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan juga sering membuat taklimat bagi memberi kesedaran tentang Peraturan Kewangan termasuklah pengendalian barang-barang stor, inventori dan penghapusan harta benda kerajaan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

Mengikut rekod Jabatan Perbendaharaan tidak ada permohonan penghapusan dari kira-kira yang berumur 5 hingga 10 tahun yang belum diproses. Dalam hubungan ini, jika Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat yang berkenaan dipohonkanlah untuk ia dikongsikan dengan pihak Jabatan Perbendaharaan untuk penelitian dan

tindakan segera pihak Jabatan Perbendaharaan juga.

Soalan, adakah perancangan untuk memperbaiki Prosedur Penghapusan Aset Kerajaan bagi mewujudkan proses yang lebih cekap? Izinkan kaola menerangkan proses penghapusan harta benda kerajaan dari kira-kira adalah seperti berikut:

- i. Kementerian atau jabatan menghadapi permohonan lengkap dengan laporan teknikal dari agensi-agensi berkenaan seperti komputer daripada *EGNC*, bangunan daripada Kementerian Pembangunan dan permohonan hendaklah dihadapkan kepada Lembaga Pemeriksaan Tetap Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk penelitian dan sokongan kepada Jawatankuasa Penasihat Penghapusan Dari Kira-Kira Kerajaan (JPP) Kementerian Kewangan dan Ekonomi;
- ii. JPP akan meneliti dan menyokong permohonan-permohonan sebelum mendapat kebenaran bagi penghapusan / pelupusan seperti mana Peraturan Kewangan Bilangan 305. Kebenaran akan dimaklumkan kepada kementerian dan jabatan yang memohon penghapusan / pelupusan dilaksanakan oleh kementerian dan jabatan berkenaan mengikut tatacara yang diberikan dalam kebenaran Surat Akuan mengenai penghapusan telah dilaksanakan

akan dihadapkan semula kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sebagai bukti penghapusan telah dilaksanakan.

Manakala, di peringkat Lembaga Pemeriksa Tetap (LPT) pula, langkah yang telah diambil bagi mempercepatkan lagi proses penghapusan harta benda kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan *check list* bagi memastikan setiap permohonan yang diterima lengkap dan teratur. Ini bertujuan untuk mengurangkan permohonan-permohonan dikembalikan semula kepada kementerian dan jabatan berkenaan;
- ii. Meningkatkan komunikasi antara agensi kerajaan dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh kementerian dan jabatan seperti memberi pandangan dan nasihat secara proaktif bagi permohonan penghapusan dari semasa ke semasa;
- iii. Meningkatkan pengetahuan pegawai dan kakitangan kerajaan mengenai tatacara permohonan penghapusan melalui taklimat; dan
- iv. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama dari agensi-agensi yang berkepentingan akan meneliti semula proses penghapusan yang ada pada masa ini agar ia dapat diperbaiki lagi.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua, penjelasan yang dapat kaola berikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat FDR. AR. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai soalan Perintah Keselamatan Kebakaran 2016.

Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam melaksanakan peranan utama ke arah memastikan keselamatan kebakaran dengan menguatkuasakan Perintah Keselamatan Kebakaran 2016 (*Fire Safety Order* 2016) telah melaksanakan pemeriksaan ke atas 986 buah premis-premis bangunan termasuk bangunan sekolah, komersial, industri, bangunan awam seperti masjid dan bangunan-bangunan kerajaan bagi tahun 2017 dan 2018.

Sebanyak 78 premis / bangunan kerajaan telah diperiksa dalam tempoh 2 tahun yang berkenaan. Memang diakui bahawa daripada pemeriksaan-pemeriksaan tersebut terdapat beberapa premis / bangunan yang gagal mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat termasuklah bangunan-bangunan kerajaan.

Tindakan lanjut pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat ke atas premis-premis yang gagal mematuhi piawaian adalah dengan mengeluarkan surat makluman kepada pihak yang berkenaan untuk membuat tindakan-tindakan pembaikan menurut dapatan-dapatan hasil pemeriksaan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Jabatan Bomba dan Penyelamat, akan membuat lawatan susulan untuk memastikan tindakan-tindakan pembaikan dilaksanakan sebelum premis-premis berkenaan disahkan atau *certified*.

Hasil pemeriksaan didapati bahawa kerja-kerja pembaikan dikategorikan kepada pembaikan yang memerlukan sumber kewangan dan pembaikan yang tidak memerlukan sumber kewangan atau *quick fixes*. Pembaikan berbentuk kewangan memerlukan sedikit masa bagi pelaksanaannya.

Lawatan-lawatan susulan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat adalah memastikan pembaikan berbentuk *quick fixes* akan dilaksanakan sesegeranya. Yang antaranya termasuklah:

1. Memindah longgokan barang-barang yang menjadi halangan kepada pintu dan laluan kecemasan;
2. Memindah halangan-halangan fizikal kepada sistem penggera atau amaran kebakaran seperti almari dan seumpamanya;

3. Pintu keluar yang dikunci; dan
4. Susun atur yang tidak betul bagi barang-barang yang mudah terbakar.

Dalam masa yang sama, salah satu inisiatif utama yang turut dilaksanakan oleh kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat ialah dengan perlantikan *Fire Marshall* yang dilatih oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat di setiap bangunan kerajaan. *Fire Marshall* ini berperanan:

- i. Mengambil tindakan *fire responses* terhadap kebakaran pada tahap yang boleh ditangani di peringkat *Fire Marshall*;
- ii. Melaksanakan tindakan menyelamat secara cepat atau *snatch rescue* sebelum tibanya pihak Bomba dan Penyelamat; dan
- iii. Menyediakan plan tindakan kecemasan atau *emergency reponse plan* bagi tindakan-tindakan evakuasi.

Sekianlah sahaja yang dapat saya sampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 40 daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan saya No. 40 ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkenaan Rancangan Perumahan Negara di Daerah Temburong, dengan ini saya umumkan untuk menarik balik soalan tersebut.

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 41 daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu juga kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Tajuk soalan Pembangunan Pekan Bangar Daerah Temburong.

Seperti yang sama-sama kita maklumi bahawa jalan penghubung antara Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong tidak lama lagi siap dan

digunakan. Ia akan dapat mempercepatkan perhubungan dan memudahkan perjalanan berulang alik penduduk Daerah Temburong.

Pada masa yang sama merancang lagi pertumbuhan perekonomian dan dapat menjana pendapatan masyarakat setempat. Apa yang menjadi harapan supaya penduduk-penduduk di daerah ini akan bersedia mengambil peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam menjadikan Pekan Bangar itu tidak akan lengang atau sunyi dan tidak hanya menjadi jalan pelintasan bagi mereka yang menuju ke Sarawak ataupun ke Sabah sahaja.

Pertanyaan saya. Apakah perancangan dan langkah-langkah serta usaha-usaha yang akan dibuat oleh pihak kerajaan dalam membangunkan Daerah Temburong khususnya Pekan Bangar dalam meningkatkan lagi keupayaan menarik para pelancong ke Daerah Temburong khususnya ke Pekan Bangar seperti membangunkan pusat-pusat perniagaan yang baharu dan kemajuan awam serta menaik taraf prasarana yang sedia ada iaitu seperti yang saya sebutkan di atas.

Sekian disampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin

Haji Sabtu mengenai soalan pembangunan Pekan Bangar.

Pelan setempat Daerah Temburong telah mengenal pasti 32 buah projek yang berkepentingan. Antara projek ini sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan yang meliputi projek-projek perekonomian, pertanian, pendidikan, pelancongan dan perumahan.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah menyediakan 2 skim perancangan bagi 2 buah pusat pertumbuhan utama iaitu *Main Central Growth* iaitu Pekan Bangar dan Labu dan telah mengenal pasti beberapa kawasan untuk menjana peluang ekonomi, penyediaan kawasan perumahan serta kemudahan sosial seperti pusat-pusat perniagaan baharu bagi meningkatkan kedatangan pelancongan dan pengunjung ke pekan ini.

Pelan-Pelan Kemajuan Daerah Temburong yang telah disediakan untuk menjadikan daerah ini sebagai sebuah *eco-district* yang bertaraf dunia sedang diteliti oleh Autoriti Kemajuan Daerah Temburong. Antara kelebihan dalam memajukan Daerah Temburong adalah seperti:

1. Jambatan Temburong nanti إِنْ شَاءَ اللَّهُ dikira jambatan terpanjang di Asia Tenggara. Boleh menjadi daya tarikan pelancong ke Daerah Temburong selain menjadikan akses dan penghubung ke seluruh Negara Brunei Darussalam;

2. Ekopelancongan adalah sektor yang paling pesat berkembang dalam industri pelancongan;
3. Daerah Temburong terpelihara dengan kekayaan hutan hujan tropika; dan
4. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) giat mempromosikan ekonomi yang mempunyai *carbon foodfruit* yang rendah, pengurusan sumber yang efisien dan pembangunan sosial yang inklusif, makanya Daerah Temburong menepati kriteria-kriteria yang dimaksudkan.

Melalui Jawatankuasa Autoriti Kemajuan Daerah Temburong, Kementerian Pembangunan juga meneliti dan menyediakan perancangan bagi persediaan untuk menaik taraf infrastruktur seperti *security* air, akses jalan bagi menampung perkembangan kemajuan di Daerah Temburong dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Perancangan bagi meningkatkan potensi perekonomian dan pelancongan dengan mengambil kira potensi perkembangan produk-produk pengeluaran Daerah Temburong selaras dengan Perancangan Guna Tanah bagi Bandar dan Desa juga telah diambil perhatian sebagai salah satu terma rujukan jawatankuasa ini.

Sekian sahaja penjelasan dari kaola. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 42 daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan Jawab Mulut No. 42 kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Dengan ini saya mengumumkan untuk menarik balik soalan tersebut. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 43 daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan kaola yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan

ini saya umumkan untuk menarik balik soalan tersebut.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 44 daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang merupakan soalan yang terakhir bagi Majlis Mesyuarat Negara Kelima Belas Tahun 2019.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan saya yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkenaan dengan guru-guru berkontrak dan guru-guru menganggur telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa perbincangan Anggaran Hasil di bawah Kementerian Pendidikan di Peringkat Jawatankuasa.

Sehubungan dengan itu, saya mengumumkan untuk menarik balik soalan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita telah dapat menyelesaikan dengan

sempurna perbincangan Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis.

Sekarang kita beralih kepada Perkara VIII, daripada Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara iaitu ketetapan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VIII - Ketetapan No. 1 – Ketetapan Di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Awang Haji Abu Bakar bin Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola menerangkan secara ringkas mengenai Kertas Yang Dibentangkan di atas Meja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebanyak 19 Perintah yang telah disenaraikan dan Perintah-Perintah tersebut telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa sebahagian daripada Perintah-Perintah ini sudah pun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2018 yang lalu dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun 2019. Kesemua Perintah ini telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut peraturan dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perintah-Perintah ini telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan memastikan ia berjalan dengan teratur. Oleh sebab perintah-perintah ini telah pun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka kaola berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keterangan ringkas mengenai perintah-perintah yang kaola sebutkan terdapat dan tersenarai dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No. 1 Tahun 2019.

Oleh yang demikian, izinkan kaola sekarang untuk mencadangkan sebuah Ketetapan yang berbunyi: "Majlis ini membuat Ketetapan menurut Fasal 7 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 2019 adalah masing-masing

mulai dari tarikh perintah-perintah itu diluluskan”.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan satu Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959.

Adakah antara Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959. Perkara ini mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebagaimana jua yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi, bahawa kebanyakan ataupun kesemua Undang-Undang yang disenaraikan dalam Kertas No. 1 Tahun 2019 telah pun diluluskan secara *emergency orders* dan sebahagian Undang-Undang tersebut telah pun berjalan dan berkuatkuasa pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya berpendapat perkara ini tidaklah perlu bagi kita untuk membahaskannya lagi. Maka ada baiknya ketetapan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju).

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, semua Ahli Yang Berhormat bersetuju sebulat suara. Maka Ketetapan diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis:

Ketetapan yang kedua di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggala 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai mewakili Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan bahawa Majlis ini dengan membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggagal 136) bahawa perbelanjaan sejumlah \$800,000,000.00 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan 2019/2020 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Butir-butir Perbelanjaan Kemajuan dalam tahun tersebut dinyatakan dalam Anggaran-Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No. 2 Tahun 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cadangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang jawatankuasa dan telah pun diluluskan dengan tiada pindaan.

Maka kaola sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan

rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangan.

Dari itu, kaola sukacita mencadangkan supaya Majlis ini menetapkan, menurut Majlis ini, dengan ini membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan Penggagal 136 bahawa Perbelanjaan sejumlah \$800,000,00.00 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Kemajuan 2019/2020 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2019.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggagal 136), adakah salah seorang antara Ahli Yang Berhormat yang ingin menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4 Ceraian 2 pada Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggali 136) Negara Brunei Darussalam dan cadangan ini telah pun mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebagaimana yang dinyatakan tadi, bahawa semua Peruntukan Kumpulanwang Kemajuan ini telah pun kita luluskan dan kita jadikan Akta.

Oleh yang demikian, perkara ini tidaklah lagi perlu untuk dibahaskan. Maka ada baiknya Ketetapan ini kita undi dan sekarang saya ingin bertanya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan?

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Ketetapan ini diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Atas kerjasama dan kewibawaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, اللَّحْمَدُ لِلَّهِ persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah menyelesaikan dan meluluskan Ketetapan-Ketetapan dalam Perkara VIII.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Oleh sebab kesemua perkara daripada pihak kerajaan telah pun selesai dibincangkan maka kita akan kembali meneruskan

perbincangan Perkara VI Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VI – Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis. Usul No. 2 akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya ingin mencadangkan satu Usul yang berbunyi: Penubuhan Peladang Muda Abad Ke-21. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Kaola suka memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13, pada 1 Ogos 2018. Pada suatu ketika dahulu, kita mempunyai Program Peladang Muda dengan teknologi yang lebih moden dan peluang yang luas dalam agribisnes. Maka mungkin sahaja program ini sesuai untuk dihidupkan semula dengan pendekatan yang baharu. Seterusnya, kaola memetik titah baginda sempena Hari Kebangsaan Tahun 2019 baru-baru ini seperti di bawah:

"Pada tahun-tahun yang lalu kita telah menyandarkan harapan tinggi kepada generasi muda untuk menerajui pembangunan negara secara proaktif. اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, sedikit demi sedikit harapan itu termakbul dengan para belia menunjukkan pencapaian-pencapaian yang menggalakkan dalam bidang-

bidang keusahawanan, ekonomi dan kemasyarakatan. Serentak itu, agensi-agensi kerajaan juga tidak ketinggalan dalam menyediakan prasarana serta membantu para belia khususnya dalam memberikan bimbingan kepada belia, dan kepada mereka yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Beta mahu melihat usaha-usaha sedemikian ini terus dipertingkatkan sehingga para belia benar-benar mampu untuk berganding bahu dengan kerajaan. Maka untuk itu, agensi-agensi kerajaan perlulah menggiatkan lagi peranan mereka selaku pemudah cara. Pemudah cara di sini dimaksudkan ialah prasarana yang mantap, peraturan yang telus dan mudah serta sokongan dan kerjasama padu semua agensi yang berkepentingan dalam menghulurkan bantuan dan bimbingan”.

Dari petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas, kaola mengusulkan penubuhan Program Peladang Muda Abad Ke-21 dengan pendekatan yang lebih komprehensif dan lebih fokus dan memanfaatkan teknologi moden dengan pengurusan yang cekap.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Nilai keluaran sektor pertanian dan agrimakanan telah menunjukkan pertumbuhan positif pada kadar purata 7.71% setahun iaitu daripada \$92.564 juta pada tahun 1998 kepada kadar \$379.65 juta pada tahun 2017.

Walaupun demikian, kita hendaklah terus berusaha bagi mempertingkatkan

sumbangan sektor pertanian pada hasil Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan kaola percaya bahawa perkara ini mampu untuk direalisasikan dengan mempraktikkan pertanian berasaskan teknologi. Ini termasuk kaedah-kaedah baharu yang terbukti mampu melipatgandakan hasil produktiviti keluaran sektor pertanian.

Seterusnya, kita juga akan mampu meningkatkan potensi pengeluaran dan potensi untuk menembus pasaran eksport melalui proses *value added* pertanian yang dapat menjana sumbangan yang lebih besar daripada KDNK. Oleh yang demikian, penghasilan tidak terhad kepada sektor *primary* atau komoditi tetapi juga penghasilan dalam sektor *secondary* iaitu dengan penghasilan bahan berproses.

Oleh yang demikian, melalui program yang kaola usulkan ini, para peladang muda akan dibekalkan pengetahuan dengan teknologi-teknologi dan kaedah-kaedah yang bersesuaian. Di samping itu, para peladang muda akan dibekalkan dengan pengetahuan pengurusan dan keusahawanan yang akan mengasah kemampuan mereka untuk menjadi seorang *entrepreneurs* serba boleh dan bukan sekadar sebagai peladang semata-mata.

Bagi memperkasa kejayaan program yang diusulkan, setentunya memerlukan *whole of nation approach*. Oleh yang demikian, satu Jawatankuasa Pandu Kebangsaan, *National Steering Committee* yang merangkumi pihak kerajaan sebagai pemudah cara yang

berkepentingan dalam dasar-dasar dan peraturan (*policy provider*).

Pihak swasta, pemimpin-pemimpin masyarakat, ahli-ahli profesional pertanian tempatan, agri *entrepreneurs* sebagai *technical provider* dan agensi-agensi dan badan kewangan sebagai *financial provider* perlu ditubuhkan Jawatankuasa Pandu Kebangsaan ini yang berperanan bagi:

1. Dasar baharu Peladang Muda Abad Ke-21 yang lebih komprehensif;
2. Memperkenalkan *mentorship* yang akan memberikan tunjuk ajar secara berterusan kepada peserta program bagi menggalakkan *knowledge sharing* dan *transfer the know how*, dan setiap lepasan program, Peladang Muda Membimbing Generasi Penerus Program Peladang Muda Abad Ke-21;
3. Meneliti dan mempertimbangkan bagi penyediaan tapak baharu yang sesuai di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong ikut projek dan kesesuaian tanah;
4. Memudah cara bagi mendapatkan pinjaman (*loan*) dari agensi-agensi kewangan terutama bank komersial bagi kegunaan *operation cost* dan juga sebagai *capital injection* bagi mereka yang sedia berusaha dalam agribisnes;
5. Peladang muda terdahulu bukan gagal secara keseluruhannya, dengan pendekatan baharu, mereka juga patut diberi peluang kemudahan mendapatkan *loan*, *operation cost* dengan jaminan atau *collateral* ladang yang diusahakan atau apa jua yang sepatutnya difikirkan oleh ahli *steering committee*;
6. Memudah cara dalam peluang-peluang *public-private partnership* dalam mengembangkan potensi dan hasil;
7. Memudah cara dan bekerjasama bagi menyelidikan dalam bidang pertanian dan memberikan cadangan-cadangan yang berkenaan kepada peserta program selain memastikan kaedah-kaedah teknologi terkini yang diperkenalkan sesuai untuk diusahakan di negara ini; dan
8. Memudah cara dan bekerjasama bagi memastikan hasil-hasil keluaran mampu untuk menembusi pasaran tempatan dan eksport. Mencipta komoditi kebangsaan dengan konsep, satu komoditi satu *factory*.

Akhirnya, melalui program ini adalah diharapkan untuk menarik minat belia bagi melibatkan diri dalam bidang pertanian sebagai pengusaha agribisnes dalam jangka panjang. Kaola mengharapkan program yang diusulkan ini akan dapat melahirkan kumpulan generasi peladang muda yang berkemahiran, berpengetahuan luas yang tidak terhad kepada pengetahuan teknikal dalam bidang pertanian malahan berwawasan dan mampu menjana pendapatan yang tinggi dan seterusnya membantu dalam hasil Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Dalam kesempatan ini, kaola berbesar hati mengetahui bahawa baru-baru ini, Pusat Pembangunan Belia dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Argimakanan telah melancarkan Program Pendedahan Pertanian dan Perladangan (Peladang Muda) pada 18 Febuari 2019 yang lalu, dengan adanya program sedemikian akan dapat membantu dalam sama-sama menjayakan Program Peladang Muda Abad Ke-21.

Dengan izin dan rahmat **اللّٰهِ سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى** dan juga berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** bangsa Brunei mampu berusaha dan berjaya dan percayalah akan kebolehan bangsa sendiri.

Sekian terima kasih Yang Behormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mencadangkan satu Usul tetapi dalam mukadimahnyanya tadi tidak menyebut apa Usul yang dikemukakan. Apa rupanya Usul yang dikemukakan itu?

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Usul yang dimaksudkan ialah **"Penubuhan Peladang-Peladang Muda Abad Ke-21"**.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Dalam kertas saya ini terdapat satu Usul yang berbunyi **"Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul supaya**

menghidupkan semula Program Peladang Muda yang pernah diadakan beberapa tahun yang lalu di Kampung Jerudong dengan membuat pendekatan yang baharu, bukan hanya dipusatkan di Daerah Brunei Muara, tetapi juga diadakan di keempat-empat daerah". Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, adakah itu usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat?

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, ia adalah satu Usul majlis ini supaya setuju meluluskan **"Satu Usul menghidupkan semula Program Peladang Muda yang pernah diadakan beberapa tahun yang lalu di Kampung Jerudong dengan membuat pendekatan yang baharu, bukan hanya dipusatkan di Daerah Brunei Muara, tetapi juga diadakan di keempat-empat daerah"**.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di hadapan kita sekarang ada satu usul untuk menghidupkan semula Program Peladang Muda yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Saya minta seorang ahli untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat ini sekiranya bersetuju.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan bertawakal ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Dewan yang mulia ini, kaola menyokong penuh Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari bagi "Penubuhan semula Peladang Muda dengan pendekatan yang baharu yang dinamakan Peladang Muda Abad Ke-21".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Adalah amat bersesuaian dengan pendekatan negara...

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Cukup dahulu. Yang Berhormat telah menyokong Usul itu, jadi kita akan dengar orang-orang lain dulu.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari telah mencadangkan kenyataan satu usul mengenai Progam Peladang Muda. Cadangan ini telah disokong Yang Berhormat Awang Naim

bin Haji Kamis. Maka Usul ini saya bukakan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskannya.

Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, ingin memberikan kenyataan mengenai Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari itu.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan penuh hormat dan takzim terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang kepada kaola untuk memberikan pandangan terhadap usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Kaola juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas keprihatinannya terutama untuk melihat lebih ramai kaum belia untuk terlibat dalam sektor pertanian dan seterusnya mengemukakan Usul supaya Progam Peladang Muda yang diperkenalkan lebih 43 tahun yang lalu dihidupkan semula.

Sebagai makluman awal, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji

Johari @ Jahari dan secara jujur dan ikhlas peramba, kaola, saya, ingin memaklumkan bahawa kaum belia adalah sasaran utama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam usaha merealisasikan visi dan misi kementerian bagi meningkatkan keluaran sektor pertanian dan perikanan dalam negara bagi menyumbang kepada pertumbuhan KDNK dan bagi menyumbang usaha mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara. Ini jelas dilihat oleh Yang Berhormat sendiri dalam beberapa siri lawatan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ke KKP Tungku, KKP Kilanas, KKP Sungai Liang baru-baru ini dan KKP Sinaut pada tahun sebelumnya yang penglibatan anak-anak muda amatlah ketara sekali.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sukacita, kaola ingin menerangkan secara ringkas berkenaan Projek Peladang Muda yang dimaksudkan. Pada asalnya, program ini diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian yang ketika itu di bawah Kementerian Pembangunan. Mengikut rekod kita, projek ini telah diperkenalkan bermula pada tahun 1976 atau 43 tahun yang lalu dan berakhir pada tahun 1985. Ia melibatkan sebanyak 8 pengambilan dengan jumlah lepasan penuntut-penuntut yang mengikuti Kursus Peladang Muda pada sekitar 130 orang. Para peserta menjalani kursus dalam bidang pertanian selama 2 tahun di Pusat Latihan Pertanian Sinaut, Daerah Tutong.

Selepas selesai mengikut Kursus Peladang Muda ini, sebilangan penuntut yang berminat dalam aktiviti pertanian

telah menyertai Projek Penempatan Peladang Muda. Seramai 30 orang bekas penuntut berkenaan menjalankan perusahaan di Penempatan Peladang Muda iaitu seramai 18 orang di kawasan Luahan Jerudong dan 12 orang di kawasan Birau Tutong. Setiap peserta program ini akan disediakan sebidang tanah seluas 10 ekar (atau 4 hektar) tanpa membayar sewa dan sebuah rumah untuk tempat tinggal secara percuma serta elaun sebanyak kira-kira \$400 sebulan. Walau bagaimanapun, pemberian elaun ini diberhentikan pada 1 Mei 1996.

Berdasarkan maklumat yang dipantau oleh Jabatan Pertanian dan Argimakanan bagi tempoh 2013-2018 didapati bahawa kebanyakan Peladang Muda yang tersebut bergiat dalam perusahaan pengeluaran sayur-sayuran secara kecil-kecilan dan dengan kaedah konvensional.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum kita menimbang Usul Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari untuk menghidupkan semula Program Peladang Muda 1976-1985, ada baiknya kita menerangkan inisiatif-inisiatif yang sudah dijalankan oleh kerajaan ketika ini yang melibatkan peladang-peladang muda atau kaum belia.

Dalam perkara ini, seperti yang diterangkan ketika siri lawatan ke tapak-tapak pertanian bagi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang diaturkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan baru-baru ini, kaola akan

menerangkan sekali lagi beberapa inisiatif yang sedang dijalankan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sejak 2 tahun yang lalu iaitu:

1. Inisiatif Program Pendedahan Perusahaan Pertanian untuk para belia, termasuk lepasan dari pusat pengajian tinggi dari dalam dan luar negara. Program ini merangkumi:

- i. Sesi taklimat mengenai peluang-peluang perusahaan dalam pertanian, simulasi kewangan atau analisis aliran kewangan bagi beberapa jenis perusahaan pertanian, tatacara permohonan tapak-tapak pertanian, tatacara mendaftar syarikat dan nama perniagaan dan peluang-peluang menjual hasil tanaman, terutama melalui *contract farming*; dan
- ii. Sesi lawatan bagi mendedahkan para peserta kepada sistem dan teknologi pertanian dan lawatan ke ladang belia-belia yang telah berjaya seperti *Marsya Farm* dan *Ameenfarm Agrotech and Trading*.

Seramai 30 orang belia telah menyertai program ini dan 2 orang belia antaranya telah ditawarkan tapak di bawah Projek Rintis Pertanian. Seorang belia ditawarkan di KKP Batumpu (*Azim Agro Farm*) bagi perusahaan tanaman sayur-sayuran dan seorang lagi ditawarkan di KKP Tungku,

(*Assmah Farm*) bagi perusahaan buah *melon* menggunakan sistem fertigasi dalam *greenhouse*;

2. Projek Rintis Pertanian. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, penawaran tapak secara Projek Rintis telah diperkenalkan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada para pengusaha atau peladang termasuk para belia yang berminat untuk menerokai bidang pertanian secara percubaan. Mereka akan ditawarkan tapak dalam keluasan yang bersesuaian dengan perusahaan yang akan diusahakan dalam tempoh 2 tahun percubaan, namun jika pengusaha menunjukkan prestasi yang sangat baik, keluasan tapak boleh ditambah dan tempoh penyewaan tanah boleh dilanjutkan ke satu tempoh yang berpatutan.

i. Sejak projek rintis diperkenalkan dalam 2 tahun ini, seramai 46 pengusaha telah ditawarkan tapak-tapak di bawah skim ini yang melibatkan lebih 290 hektar tanah pertanian;

ii. Dari jumlah tersebut seramai 16 orang pengusaha adalah terdiri daripada golongan muda, iaitu:

- 2 pengusaha muda mengusahakan tapak-tapak di KKP Sinaut iaitu *Mori Enterprise* dalam perusahaan tanaman herba dan *Nature Fruit Farm* dalam perusahaan

tanaman buah-buahan seperti buah naga, markisa, durian, durian salad, nangka, pisang dan lain-lain;

- Seorang pengusaha muda mengusahakan tapak di KKP Batang Mitus iaitu Green Technology Farm dalam perusahaan tanaman pisang;
- 2 pengusaha muda mengusahakan tapak-tapak di KKP Labu iaitu *Wina Wiya Enterprise* dan *O.D.E Aquaculture & Agriculture Company* dalam perusahaan tanaman buah-buahan;
- Seorang pengusaha muda mengusahakan tapak di KKP Bekarut iaitu *Eco-Agro Farm* dalam perusahaan tanaman buah-buahan seperti durian; dan
- Empat pengusaha muda mengusahakan tapak-tapak di KKP Tungku iaitu *Teratak Jaya Enterprise* dalam perusahaan tanaman sayur menggunakan sistem fertigasi dan hidroponik, *Assmah Farm* dan *Gropoint Sendirian Berhad* dalam perusahaan buah *melon* menggunakan sistem fertigasi dalam *greenhouse* dan *C.F Arsyad Farm* dalam perusahaan buah-buahan seperti *melon*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Walaupun perusahaan hanya bermula kurang 2 tahun, Syarikat Assmah dan *Gropoint* telah mula mengeksport 6 tan *melon* ke Australia minggu lepas, 4 tan *melon* ke Hong Kong pada minggu ini dan membuat persediaan untuk mengeksport 10 tan *melon* ke Australia minggu hadapan.

- Satu syarikat pengusaha tapak di KKP Kilanas iaitu *RZ Prisma Enterprise* dalam perusahaan tanaman sayur menggunakan sistem fertigasi dan hidroponik.
- Dua pengusaha muda mengusahakan tapak-tapak di KKP Batumpu iaitu *Abdul Aziz Agro farm* dalam perusahaan tanaman sayur-sayuran menggunakan sistem fertigasi dan *Golsyne Enterprise* dalam perusahaan ternakan dan buah-buahan;
- Seorang pengusaha muda mengusahakan tapak di KKP Sibongkok iaitu *Haqasha Jaya Farming Sendirian Berhad* dalam perusahaan tanaman sayur-sayuran;
- Seorang pengusaha muda mengusahakan tapak-tapak di KKP Sungai Liang iaitu *Kitani Enterprise* dalam perusahaan tanaman sayur-sayuran; dan
- Satu syarikat mengusaha tapak di KKP Lumapas iaitu *KMB*

Sendirian Berhad dalam perusahaan tanaman sayur-sayuran dan buah *melon* menggunakan sistem fertigasi.

3. *Contract Farming*. Program ini diperkenalkan untuk memastikan peladang-peladang akan dapat menjual hasil ladang mereka melalui kontrak jangka panjang dengan pasar-pasar raya dan pemborong-pemborong dalam negara malah dengan pengeksport ke luar negara.

- Sejak program ini diperkenalkan dalam 2 tahun ini, sebanyak 11 syarikat telah membuat *contract farming* di peringkat permulaan dengan pasar-pasar raya tempatan bagi pembekalan pelbagai jenis sayur-sayuran bernilai tinggi seperti tomato, cili, *lettuce* atau sayur-sayur salad.
- Tiga antara syarikat tersebut diusahakan oleh golongan muda iaitu *Assmah Farm*, *Abdul Aziz Agro Farm* dan *Mori*;

4. Inisiatif keempat ialah Program Pembesaran Perusahaan. Inisiatif ini pula diperkenalkan yang berbentuk penawaran tambahan tapak kepada peladang-peladang yang berjaya mengusahakan sepenuhnya tapak yang telah ditawarkan kepada mereka iaitu bagi meningkatkan lagi hasil keluaran masing-masing dan bagi menyumbang kepada pertumbuhan KDNK sektor pertanian.

- Sejak program ini diperkenalkan dalam 2 tahun ini, seramai 15 pengusaha telah ditawarkan tambahan tapak bagi membesarkan perusahaan dan meningkatkan hasil dari ladang masing-masing termasuk seorang pengusaha muda (*Mori Enterprise*) yang mengusahakan tanaman herba di KKP Sinaut.

- Sebanyak 6 buah syarikat lagi iaitu *Riza Fudhlana Farm*, *Asia Enterprise*, *Loong Ji Sendirian Berhad*, *O.D.E Aquaculture & Agriculture Sdn. Bhd.*, Perusahaan Haji Salleh bin Haji Ludin & Anak-Anak dan *RZ Prisma Enterprise* juga ditawarkan tapak tambahan yang telah mula melibatkan anak-anak mereka dalam perusahaan syarikat-syarikat yang dijalankan;

5. Inisiatif kelima ialah memperkenalkan teknik pertanian mudah dan murah. 'Pemberigaaan' teknologi mudah dan murah ini telah diungkayahkan termasuk kepada golongan pendapatan rendah, belia yang menunggu pekerjaan dan juga kepada ibu-ibu tunggal. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga telah 'memberigakan' teknik pertanian mudah dan murah ini kepada agensi-agensi lain seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah iaitu bagi kegunaan pihak pemohon

bantuan di bawah jagaan masing-masing.

Senarai 6 orang yang telah diperkenalkan dengan teknik pertanian mudah dan murah iaitu:

- Dayang Zunidah binti Haji Mohiddin (belia) – Kampung Kasat;
- Dayang Suriani binti Manaf (Ibu tunggal) – Rancangan Perpindahan Negara Kampung Lugu;
- Dayang Nur Haziyah binti Muhammad Abas (ibu tunggal) Kampung Bukit Tutong;
- Dayang Adeyshahmi binti Haji Mat Niah (ibu tunggal) – Kampung Bukit Panggal, Tutong;
- Dayang Sinur binti Abas (ibu Tunggal) – Kampung Mulaut, Tanjung Nangka; dan
- Dayang Aliana binti Awang Haji Ibrahim (ibu tunggal) – Kampung Bengkurong.

6. Inisiatif keenam ialah Program *Import Substitution*. Umumnya inisiatif ini masih dalam kajian peringkat akhir. Ia bercorak *match making* antara pasar-pasar raya, pemborong-pemborong, pengendali-pengendali restoran dan hotel-hotel berkenaan membeli keperluan sayur-sayuran dan buah-buahan

mereka dari peladang-peladang tempatan, terutamanya bagi hasil-hasil tanaman yang boleh tumbuh di Negara ini seperti tomato, cili, salad, cendawan, melon dan lain-lain. Dengan cara begini, peladang-peladang kita, termasuk peladang muda, akan dapat menambah lagi keluaran mereka dan dengan demikian juga diharap akan dapat mengurangkan import bagi barangan berkenaan.

7. Mengenalkan sistem *account manager* iaitu dengan mengaturkan setiap seorang Pegawai Pertanian untuk mendampingi beberapa orang peladang termasuk Peladang Muda atau Belia sambil memantau peladang-peladang berkenaan dari segi perkembangan dan dari segi permasalahan yang mereka hadapi. Setiap *account manager* akan membantu menyelesaikan masalah peladang-peladang di bawah jagaannya. Contohnya masalah infrastruktur, masalah mendapatkan tenaga buruh, masalah mendapatkan baja, masalah mendapatkan benih, masalah penyakit tanaman, masalah banjir, masalah pasaran, masalah import bahan dan lain-lain lagi.

- Sebagai contoh, dalam industri ternakan ayam (pedaging dan ruminan) seramai 4 orang *account manager* telah dilantik untuk mendampingi seramai 16 pengusaha dalam industri ini. Ada di antara perusahaan yang dipantau diurus oleh beberapa peladang belia contohnya, *Ideal*

Multifeed Farm, Riza Fudhlana Farm, Brugoat malah Hua Ho Agricultural Farm.

- Dalam industri sayur-sayuran seramai 11 *account manager* telah dilantik untuk mendampingi seramai 39 pengusaha yang melibatkan kawasan tanaman sayur-sayuran seluas 138 hektar. Ini termasuklah beberapa perusahaan yang melibatkan golongan muda.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, kita telah nampak bahawa dalam tempoh 2 tahun yang lalu ini penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian telah bertambah iaitu walaupun tanpa galakan-galakan berbentuk penyediaan rumah percuma dan tanpa elaun bulanan dari pihak kerajaan, malahan mereka juga bersedia membayar sewa tanah seperti peladang lain.

Daripada maklumat yang dikumpul dan dipantau oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, setakat ini seramai 113 orang golongan muda bergiat aktif dalam bidang pertanian:

- i. 25 orang aktif melibatkan diri dalam industri tanaman sayur-sayuran;
- ii. 13 orang aktif dalam industri tanaman buah-buahan;
- iii. 26 orang aktif dalam industri padi;

- iv. 4 orang aktif dalam industri bunga dan tanaman hiasan;
- v. 16 orang bergiat aktif dalam industri ternakan; dan
- vi. 29 orang aktif dalam industri agrimakanan.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita juga bersyukur kerana mendapati beberapa pemilik syarikat kita yang telah berjaya dalam bidang pertanian, ternakan dan perikanan telah mula mendedahkan dan melibatkan anak-anak mereka dalam pengurusan perusahaan syarikat malah ada juga yang mendorong dan membantu anak-anak mereka memulakan perusahaan sendiri dalam bidang pertanian ini, iaitu dengan menyediakan modal permulaan kepada anak-anak muda ini. Kita sangatlah gembira dan menyambut baik perkembangan sedemikian ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di samping inisiatif-inisiatif yang diungkapkan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, inisiatif-inisiatif untuk menggalakkan penglibatan belia dalam bidang pertanian juga diterajui oleh beberapa kementerian yang lain. Antaranya ialah:

1. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah memperkenalkan Program Pendedahan Pertanian dan Peladangan (Peladang Muda) dan juga Program Belia Berpadi dengan kerjasama antara Pusat Pembangunan Belia dengan Jabatan

Pertanian dan Agrimakanan. Setakat ini seramai 36 belia aktif dalam bidang pertanian di bawah insentif kementerian berkenaan;

2. Kementerian Pendidikan melalui *IBTE* Kampus Agro Teknologi (Wasan). Kampus ini berperanan dalam mengambil alih peranan Pusat Latihan Pusat Pertanian Sinaut dengan menawarkan kursus-kursus bidang pertanian, ternakan, perikanan, agrimakanan dan perkhidmatan pertanian termasuk menggunakan kaedah *class room*, praktikal dan *field training*. Ketika ini kampus ini melatih seramai 426 orang penuntut dalam berbagai-bagai bidang kursus. Sejak penubuhannya pada tahun 2006, kampus ini telah melatih 1,248 orang penuntut.
3. Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUJIB), melalui Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) juga menyalurkan sebahagian penerima zakat untuk melihat bidang pertanian sebagai satu bidang yang boleh diceburi untuk menambah pendapatan penerima-penerima Asnaf Zakat.

Bagi kesemua inisiatif tersebut ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan adalah rakan utama kepada kementerian-kementerian berkenaan, terutama dalam memberikan khidmat dukungan teknikal seperti latihan kemahiran, menawarkan tapak-tapak pertanian dan lain-lain khidmat nasihat teknikal dan pengembangan pertanian.

Kaola percaya, Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan akan dapat menerangkan lebih lanjut berkenaan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan, terutama bagi memberi peluang kaum belia berkecimpung dalam aktiviti pertanian atau yang berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebagai kata penutup, memandangkan Program Peladang Muda Tahun 1976-1985 adalah berbeza dari segi skop, kaedah serta hala tuju untuk menarik minat belia menjadi pengusaha pertanian dan memandangkan beberapa tahun kebelakangan ini, banyak pendekatan baharu yang diungkapkan oleh kerajaan bagi mengundang orang ramai, termasuk kaum belia untuk menceburi bidang pertanian bukan sahaja melibatkan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tetapi juga Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Majlis Ugama Islam Brunei. Malah, pihak swasta, badan bukan kerajaan, pengusaha dan pihak lain yang berkenaan. Maka adalah wajar bagi kerajaan untuk meneruskan inisiatif-inisiatif baharu ini.

Penglibatan berbagai pihak atau *whole of nation* ini adalah sesuai bagi memastikan keperluan belia yang berlainan akan dapat diambil kira terutama dari segi strategi cara menerajui, membimbing, memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada mereka. Sebagai contoh keperluan belia lepasan universiti dan belia yang mempunyai

modal tinggi adalah berbeza dengan keperluan belia lepasan sekolah rendah dan berbeza dengan belia dari keluarga berpendapatan rendah, berbeza antara belia yang hanya menyasarkan pasaran dalam negara dengan belia yang lebih bercita-cita besar, contohnya untuk menembusi pasaran eksport dan berbeza antara keperluan belia yang berhasrat untuk menggunakan kaedah konvensional dengan belia yang bersedia untuk menggunakan teknik moden, mempraktikkan *vertical farming* dan *smart farming* dalam pengendalian ladang-ladang mereka.

Disebabkan inisiatif-inisiatif baharu ini juga memberi tumpuan kepada kaum belia terutama melalui *whole of nation approach*, maka kita berpendapat inisiatif-inisiatif baharu ini tidak bertentangan dengan tujuan Usul yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Selain itu, hala tuju (*ultimate*) dan objektif kerajaan ialah untuk meningkatkan keluaran dari sektor pertanian dan selanjutnya supaya dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK dan untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi supaya dapat menjana industri hiliran dan diharap akan dapat menjana lebih banyak peluang pekerjaan.

Kesemua objektif ini juga selaras dengan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam termasuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019, terutama berkenaan dengan pertumbuhan KDNK yang kurang memberangsangkan dan keperluan bagi menanganinya melalui *whole of nation approach* dan yang paling penting bagi merealisasikan objektif ini, penglibatan peladang muda atau kaum belia amat perlu dan sangat-sangat dialu-alukan. Walau bagaimanapun, kerajaan tidaklah akan berpuas hati dengan inisiatif baharu yang telah diperkenalkan ini malah akan terus memperbaiki dari semasa ke semasa agar lebih berkesan, berdaya tahan dan lebih relevan dengan kehendak semasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan mengambil kira keterangan-keterangan kaola di atas, memandangkan peranan Pusat Latihan Pertanian Sinaut sudah diambil alih sebaik-baiknya oleh IBTE Kampus Agro Teknologi (Wasan), Kementerian Pendidikan dan memandangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terlibat aktif dalam menyelaras dan mengumpulkan belia yang ingin menceburi bidang pertanian dan memandangkan kementerian-kementerian berkenaan bekerjasama rapat dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, maka bagi mengukuhkan Usul ini supaya jelas dan lebih objektif, kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita

mencadangkan untuk meminda Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu seperti berikut:

“Majlis bersetuju meluluskan satu Usul supaya kerajaan meneruskan mana-mana inisiatif dan pendekatan baharu yang bertujuan untuk membuka luas peluang bagi kaum belia atau peladang muda berkecimpung dalam aktiviti pertanian terutama sekali melalui *whole of nation approach* yang bertujuan untuk membantu usaha kerajaan bagi meningkatkan keluaran sektor pertanian secara signifikan, membantu usaha bagi mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara supaya tidak terlalu bergantung kepada keluaran minyak dan gas, membantu usaha negara dalam mengukuhkan agenda sekuriti makanan, membantu negara mengurangkan pergantungan kepada import bahan makanan, membantu negara dalam usaha meningkatkan aktiviti pemprosesan dan hiliran berasaskan pertanian dan akhirnya membantu negara menjana lebih banyak peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan”.

Sekianlah yang dapat kaola sampaikan sebagai mengulas Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari dalam Perkara VI, soalan No. 2, Majlis Mesyuarat Negara pada kali ini.

Kaola tidak lupa mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang kepada kaola untuk berucap yang seterusnya peluang mengemukakan pindaan Usul bagi pertimbangan Ahli-Ahli sekalian.

Sekian. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah membuat pindaan terhadap Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari yang telah disuarakannya dan dihuraikan dengan secara terperinci dan panjang lebar terutamanya mengenai usaha-usaha yang dilakukan dari kementeriannya pada ketika ini dan juga kementerian-kementerian lain.

Nampaknya soal ini bukan soal yang membabitkan satu kementerian tetapi nampaknya membabitkan *approach cutting ministries*. Kenyataan Usul pindaan ini oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Maka saya meminta yang disarankan sekiranya ada antara Ahli Yang Berhormat suka untuk menyokong kenyataan dan pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan itu.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Koala sukacita menyokong sepenuhnya terhadap Usul yang dipinda, yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kaola turut sama berpandangan bahawa ke arah mencapai hasrat dan usaha negara bagi meningkatkan keluaran sektor pertanian secara signifikan, di samping mengukuhkan agenda sekuriti makanan negara, ia hendaklah dengan pendekatan *whole of nation*.

Ke arah ini kaola ingin menambah sedikit dan mengongsikan usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai tambahan kepada usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam menyediakan wadah atau platform untuk terus memberikan latihan dan menggalakkan golongan sasaran untuk berkecimpung dalam pertanian.

Sasaran kita adalah golongan belia dan golongan susah serta para penerima bantuan kebajikan bulanan dan tanggungan dengan bermatlamat bidang pertanian sebagai bidang kerjaya dan keusahawanan atau untuk menambah pendapatan yang akan menyumbang secara langsung kepada peningkatan keluaran sektor pertanian.

Dalam mendukung hasrat ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama rakan-rakan strategik, agensi-agensi kerajaan khususnya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan pihak

swasta akan terus melaksanakan dan mempertingkatkan Program Belia Bertani Mudah dan Murah. Program pertanian belia yang sedang diikuti oleh 32 orang belia dan Program Belia Berpadi melalui Pusat Pembangunan Belia (PPB) di samping memberikan geran keusahawanan termasuk geran di bawah Program Belia Berdikari dan Bantuan pengupayaan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat kepada golongan berkenan yang ingin untuk memulakan dan meneruskan bidang ini.

Sukacita kaola memaklumkan dengan rasa penuh kegembiraan, bahawa pada minggu hadapan 4 orang belia di bawah Program Belia Berpadi akan memulakan penanaman padi di kawasan yang baharu di Kampung Wasan seluas 8.5 hektar.

Kita turut merancang untuk menyediakan beberapa kemudahan seperti fasiliti hidroponik di 3 tempat strategik iaitu Pusat Pembangunan Belia (PPB), Pusat Bahagia dan Kompleks Rumah Kebajikan untuk menyiapkan para belia dalam bidang ini sebelum berkecimpung dalam tapak pertanian. Buat mengakhirinya, kaola amat menyokong penuh bahawa apa yang penting dalam usaha untuk meningkatkan dan menggalakkan golongan belia dan muda bergiat dalam bidang pertanian untuk direalisasikan hendaklah dengan pendekatan *whole of nation* seperti Usul Pindaan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan dengan pendekatan yang baharu.

Terima kasih Yang Berhormat Di-Pertua.
 وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah menyokong Usul Pindaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan sekarang saya bukakan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskannya.

Terdahulu, saya ingatkan bahawa dalam perkara ini bukanlah perkara baharu, kita telah berbincang mengenainya. *In fact* barangkali secara keseluruhannya dari perbincangan kitani, banyak yang tertumpu kepada keperluan menimbulkan belia profesional sama ada dari segi pertanian mahupun yang lain-lain.

Perkara ini telah pun disuarakan, dijawab dan seumpamanya dan perkara ini sekiranya kitani berbincang, biarlah perbincangan itu kita hadkan kepada tujuan dan asal usul ini. Saya kira perkara ini harus kitani pertanggungjawabkan supaya sesuatu akan kita suarakan dari Majlis ini akan dapat kita pertahankan.

Saya bukakan soalan ini tetapi sebagaimana yang dinyatakan, Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah kanan saya, mereka sudah mempunyai program-program yang tertentu, maka kitani barangkali memberikan kesempatan bagi mereka untuk merealisasikan program-program yang baik yang dilakukan oleh mereka, supaya kitani dapat meneliti dan

mendapat nikmat daripadanya terutama belia kitani.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri

Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola ingin mengongsikan maklumat mengenai inisiatif Kementerian Pendidikan mengenai pertanian. Bagi menyahut dan mempraktikkan *whole of nation approach*, Kementerian Pendidikan mengongsikan bahawa program-program pertanian dan asas pertanian di negara ini ada ditawarkan oleh Sekolah Agroteknologi dan Sains Gunaan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*) *Agrotechnology Veterination Campus* di Kampung Wasan Limau Manis.

Jenis-jenis program yang ditawarkan adalah di peringkat Sijil Tertinggi Kebangsaan. Pendidikan Teknikal *HNTec* iaitu *HNTec in Agrotechnology* dan di peringkat Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal *NTec* iaitu *NTec in Crop and Live Stock Production, Food Processing, Aquaculture and Agrotechnology Veterination Veterinary and Live Stock*.

Baru-baru ini *IBTE* telah memulakan satu usaha sama dengan *Live Wire Brunei* bagi melaksanakan satu projek kolaborasi yang dinamakan Projek *Agrobiz*. Projek ini dihasratkan untuk menyahut hasrat Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menghidupkan semula Program Peladang Muda dengan menerapkan pendekatan yang baharu khususnya dalam melahirkan usahawan pertanian atau *agroentrepreneur* yang terlatih dalam bidang *agrotechnology* tersebut.

Projek ini diharapkan agar dapat menyumbang ke arah strategi kebangsaan dalam keselamatan makanan iaitu dalam mencapai 30% sara diri dalam menghasilkan padi menjelang tahun 2025. Projek *Agrobiz* ini adalah satu ekosistem yang memberikan peluang kepada usahawan muda yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Agroteknologi dan Sains Gunaan *IBTE*. Mereka ini telah dikenal pasti mempunyai *potential* untuk mengembangkan serta mengekalkan perniagaan mereka dalam menghasilkan padi dan tanaman yang berupa *cash crop*.

Projek ini juga dihasratkan untuk menjadi *platform* dalam membimbing *agropreneur* lebih berkembang maju dalam bidang keusahawanan yang nanti akan dapat membukakan peluang yang sangat luas kepada mereka untuk menjadi pembekal benih, pembekal baja, pembekal alat jentera di samping dapat menjadikan mereka berdaya saing serta berdikari.

Di samping itu, projek ini diharapkan akan dapat membangunkan *agroentrepreneur* yang menjurus kepada

industri berkaitan dengan padi seperti pengeluaran biji benih, semaian, pengedar baja dan racun-racun, perkhidmatan penyelenggaraan serta penyewaan mesin dan lain-lain lagi.

Agrobiz ini juga akan menjadikan platform bagi melahirkan usahawan pertanian yang berkemahiran dan terlatih bukan sahaja dalam bidang bercucuk tanam padi, tapi juga bertanam dan menternak seperti ayam dan ikan yang dapat mendatangkan hasil segera dan seterusnya dalam mengurus perniagaan.

Program nanti akan mendedahkan para *agroentrepreneur* dengan pengetahuan dan kemahiran praktikal yang diperlukan untuk menjadi petani komersial berjaya yang nanti akan menjurus kepada matlamat Wawasan Brunei 2035 yang Ke-3 iaitu ekonomi yang dinamai dan berdaya tahan, penggunaan kaedah terbaik, teknik perladangan, teknologi jenis padi berhasil tinggi dan mesin untuk meningkat penghasilan akan digunakan. Mudah-mudahan program ini akan dapat meningkatkan imej sektor pertanian dan membantu membina keyakinan serta meningkatkan minat generasi muda menceburkan diri di dalam sektor pertanian ini. **إِنْ شَاءَ اللهُ**

Dalam mendukung sektor pertanian secara menyeluruh, Kementerian Pendidikan juga memberikan tumpuan kepada pendidikan pertanian yang diserapkan dan dilaksanakan secara menyeluruh di setiap peringkat pendidikan sejak Sistem Pendidikan Abad Ke-21 diperkenalkan. Kandungan-

kandung yang berkaitan dengan pertanian telah pun diterapkan dalam pendidikan rendah dan menengah. Pertanian diajarkan sebagai mata pelajaran peringkat *GCE 'O' level*.

Bagi penerapan kemahiran pertanian di peringkat rendah dan menengah pusat kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar iaitu (*STEPS*) telah melaksanakan *Green School Gardening Project* dengan kaedah *urban farming* yang telah memulakan fasa pertamanya pada November 2018 yang lalu yang melibatkan 12 sekolah menengah kerajaan. Sekolah *Agroteknologi* dan Sains Gunaan *IBTE* seperti yang telah dimaklumkan tadi ada menawarkan berbagai-bagai kursus dalam bidang pertanian untuk menggalakkan kecenderungan golongan muda pada bidang tersebut.

Dalam pada itu Sekolah Sains Gunaan dan Matematik Universiti Teknologi Brunei menawarkan *module* sains pertanian dan teknologi ke dalam kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Sains dalam sains makanan dan teknologi.

Di peringkat biasiswa pula, adalah dikongsikan bahawa beberapa orang pelajar telah pun dianugerahkan biasiswa untuk mengikuti pengajian berkaitan pertanian di luar negara.

Bagi pembelajaran sepanjang hayat pula, kursus-kursus juga ada ditawarkan oleh *Continue Education and Training IBTE* seperti Kursus *Basic Grower Production* dan *Basic Hydroponics*.

Menyentuh mengenai penyelidikan, pusat penyelidikan untuk sains dan teknologi agrimakanan atau *Centre For Research Food Science and Technology Class* juga telah ditubuhkan di Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang berperanan untuk meningkatkan keupayaan pertanian melalui penggunaan teknologi seperti penggunaan *Internet of Things* dalam pengurusan ladang atau *Smart Farming*.

Dengan ini, kaola menyokong pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan terhadap Usul ini.

Sekian disampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Barangkali ada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis untuk menambah kenyataan, silakan.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita membuat ulasan ke atas sokongan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari bagi penubuhan semula Peladang muda dengan pendekatan baharu yang dinamakan Peladang Muda Abad Ke-21.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Adalah amat bersesuaian dengan pendekatan negara masa kini bagi meningkatkan projek ekonomi melalui agribisnis dengan teknologi tinggi dan canggih serta pengurusan yang mampan. Dalam

masa yang sama adalah juga tepat pada masanya bagi penubuhan semula Peladang Muda ini kerana ia menjurus kepada:

1. Untuk Meningkatkan taraf ekonomi dan sosial;
2. Menambah pengetahuan dan kemahiran;
3. Meningkatkan hasil pendapatan dan memperbaiki taraf kehidupan;
4. Mewujudkan satu masyarakat yang progresif, berdikari, mandiri, makmur dan bersatu padu;
5. Meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam jangka pendek dan panjang; dan
6. Dalam masa yang sama dapat mengurangkan pengangguran di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ke arah penubuhan ini kaola penuh berharap dan seterusnya mengimbuai semua pihak akan setia menjunjung tinggi atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam....

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya kira Yang Berhormat, perkara seperti itu, tidak dapat digunakan dalam majlis kitani, bukan ertinya tidak menurut titah. Yang Berhormat tadi, sudah membuat satu Usul, dan Usul itu telah pun dipinda dan pindaan itu telah disebutkan tadi. Yang Berhormat faham apa Yang Ahli Yang Berhormat

nyatakan dari 1 hingga 7 semuanya sudah sama, tidak ada soal sama ada kitani menurut titah ataupun tidak dalam perkara ini.

Jadi, jangan ditimbulkan perkara-perkara yang tidak berpatutan. Kitani timbul tuduh-menuduh dalam majlis ini. Ada baiknya kitani berbincang secara *cool* dan secara *rasional*. Kitani bincangkan perkara yang sangat mustahak yang kitani hadapi. Saya telah menyatakan bahawa soal ini daripada kitani mula mesyuarat telah timbul *this is whole of nation approach* kitani buat.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas nasihat tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola dengan penuh ikhlas sukacita menyokong pindaan Usul Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana pindaan Usul itu merupakan kesinambungan kepada Program Peladang Muda yang telah berjalan dulu yang bukanlah gagal, jauh sekali telah mati, tetapi berubah menjadi program yang sedang berjalan dan berkembang.

Kaola rasa pindaan Usul tersebut lebih komprehensif dan lebih luas cuma kekurangannya kurang diketahui dan kurang disedari.

Maka kaola berpendapat kedua-dua Usul bertujuan:

1. Iaitu ke arah meningkatkan hasil pertanian dan ke arah *substainable agroecconomy*. Pindaan Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan adalah projek yang telah sedia ada; dan
2. Usul yang asal pula adalah untuk memberikan wajah baharu kepada program itu, cuma wajah baharu itu akan diketahui apabila diadakan satu perjumpaan atau perundingan. Kaola berpendapat pindaan Usul yang dikemukakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan adalah sangat sesuai untuk diperkasakan lagi, kerana ia sedia ada.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ada Ahli-Ahli yang lain. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Kaola berpandangan bahawa Usul ini tidak

ada bezanya, kedua-dua sasarannya sama. Sasarannya kepada beliau iaitu menuju ke arah teknik baharu dalam pendidikan kedua-duanya sama.

Cuma hanya perbezaannya ialah 34 tahun yang lalu peladang muda ini digunakan cara lama pada sekarang ini kitani menuju ke arah pembaharuan. Inisiatif yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tidak ada bezanya. Apa salahnya kalau kita satukan saja pandangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari tadi bekerjasama dengan apa yang dicadangkan Usul oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kerjasama itu yang penting. Dalam masa 2 tahun mustahil kita dapat melihat. Baru saja 2 tahun daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan banyak lagi dari Kementerian Kebudayaan, Beliau dan Sukan, Kementerian Pendidikan.

Apa salahnya sepertimana yang disebutkan berkali-kali ialah *whole of nation approach*. Soal nama Peladang Muda dan apa yang diusulkan kitani menyokong kedua-dua ini disatukan, ini pandangan.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Setelah mendengar hujah-hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, kaola rasa Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kedua perkara ini adalah perkara yang sama. Hanya perbezaannya antara pemikiran lama dan baharu.

Apa yang kita lihat pun sekarang ini, selama yang dihujah tadi, dari Kementerian Pendidikan, dari kementerian lain mengatakan juga sama untuk memajukan Peladang Muda. Malah dari *private sector* pun, banyak juga sekarang melibatkan diri untuk memajukan belia ini dengan memberikan kursus dan sebagainya.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ ertinya belia muda ini tidak akan kitani tinggalkan tapi kita akan berusaha kerana mereka adalah aset negara. Maka dalam perkara itu, barangkali Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kalau kitani melihat dari cadangan Usul itu, ia agak lebih jelas dan objektif. Kaola rasa, apa yang dicadangkan itu, kaola sokong. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola menyokong penuh pindaan yang dibuat oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kaola juga mengucapkan tahniah juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari itu kerana telah membawakan Usul itu sebagai pemula katanya kitani dan telah pun dibisaikan lagi pindaannya menjadi Usul yang dibawakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Dalam hal itu, kaola mencadangkan supaya Usul ini nanti bila kitani putuskan akan diberigakan sepenuhnya dan dimaklumkan kepada belia-belia kitani supaya mereka dapat menyambut sebaik-baiknya dan menjulang titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Inilah kali pertama, kaola rasa banyak pihak telah cuba untuk menjulang titah itu dengan sebaik-baiknya. Dengan pendekatan, *whole of nation approach* demi menjulang titah itu mudah-mudahan berhasil membuah hasil yang sebaik-baiknya. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam kitani menghargai Usul yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat

Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, maka saya memberikan kesempatan bagi Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari untuk membuat apa juga kenyataan yang difikirkannya berpatutan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengusulkan supaya Usul ini seperti pindaan tadi terkandung juga supaya dibentuk Ahli Jawatankuasa Kebangsaan iaitu *steering committee*. Mudah-mudahan daripada platform *steering committee* kebangsaan ini akan lebih memajukan kejayaan perusahaan pertanian ini kerana kedua belah pihak akan sentiasa bekerjasama dalam mencadangkan segala sesuatu kemajuan dalam bidang pertanian. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Itu merupakan satu cadangan yang baik. Sebagaimana yang telah saya nyatakan bahawa nampaknya isu ini merupakan isu *crossed cutting* isu iaitu isu ini bukan sahaja melibatkan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan malah melibatkan kementerian-kementerian yang lain dan juga barangkali orang-orang perseorangan ataupun *NGOs* dan juga barangkali syarikat-syarikat yang berkenaan.

Jadi, saya pulangkan perkara itu kepada pihak-pihak yang berkenaan. Kita hanya mencadangkan kita tidak

ada *tools* untuk membuat apa yang mungkin kita cadangkan, pada hari ini. Walau bagaimanapun, saya fikir adalah berpatutan sekarang supaya menurut berbalik kepada prosedur kitani, *standing order* yang saya pegang. Nah, ada tia lagi daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kan ikut, saya harap perkara yang baik.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: إِنْ شَاءَ اللَّهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya ingin mencuba memberikan dari perspektif belia mengenai perkara ini. Saya menyambut baik Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Usul itu suatu cadangan yang diberikan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Namun begitu, seperti juga di mana kita mengamalkan *whole of nation approach* dan di sini juga saya berpendapat bahawa seperti cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari tadi kalangan Ahli Yang Berhormat juga adalah ahli jawatankuasa di peringkat kebangsaan, contohnya seperti Dewan Majlis dan Jawatankuasa Tertinggi.

Apakah kiranya kitani berbincang di peringkat *operational* mengenai perkara ini kerana saya memikirkan barang ini baharu kaola sendiri mengetahui, rupanya Peladang Muda ini sebelum kaola lahir sudah dijalankan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ mudah dengan kerjasama

antara pihak-pihak kitani ini akan dapat menggerakkan lagi kerana sudah terlihat beberapa *success stories* mengenai Program-Program Belia Peladang Muda ini seperti dikongsikan tadi namun begitu masih boleh dibuat pembaikan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* mudah-mudahan tercapai niat kitani yang kitani bincangkan di sini. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berpandukan kepada Peraturan 20, *Subs-section* 9 dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara iaitu *standing order* kitani, maka saya ingin supaya Usul ini diundi. Saya ingin bertanya sekarang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyokong supaya Pindaan Usul yang dicadangkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan itu kita terima. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua ahli yang bersetuju menyokong pindaan Usul pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Maka sekarang, saya fikir masanya sudah tiba bagi kitani berehat sebentar sebelum kita meneruskan persidangan ini untuk meneliti perkara-perkara yang berikut. Saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini selama 15 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis Mesyuarat Negara ini bersidang semula. Sebentar tadi, sebelum persidangan ini ditangguhkan untuk kita berehat. Kita telah meluluskan satu Usul Yang Telah diberi Notis. Sekarang persidangan ini akan diteruskan kepada perkara yang seterusnya.

Yang Dimulihkan Jurutulis:

Perkara IX - Ucapan-Ucapan Penangguhan. Ucapan Penangguhan akan dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita sekarang beralih kepada Perkara IX - Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Sebelum itu saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut Peruntukan 35 (Ceraian 4) Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-Ahli Yang Berhormat hanya dibenarkan untuk berucap. Dalam Ucapan Penangguhan ini tidak melebihi daripada 10 minit. Walau bagaimanapun, sekiranya ada keperluan yang tertentu maka tempoh itu terpulung kepada Yang

Berhormat Yang Di-Pertua (*Speaker*), bolehlah kita lanjutkan atas persetujuan bersama.

Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat semua akan mematuhi peraturan ini, kerana bersama saya terdapat satu senarai nama yang agak panjang yang terdiri daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi dengan Menteri-Menteri Kabinet yang suka untuk membuat Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Sekarang, saya persilakan dulu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya persilakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita bersyukur ke hadrat اَللّٰهُ سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى kerana

dengan izin dan rahmat-Nya jua negara kita terus dikurniakan dengan nikmat keamanan dan kemakmuran yang dengannya telah membolehkan kita bersidang dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 1440 bersamaan 2019 di Dewan yang mulia ini dalam keadaan dan suasana yang aman tenteram, kondusif dan produktif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua persidangan kita pada tahun ini اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ telah sampai ke penghujungnya. Dalam kesempatan ini kaola dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan dan kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam mempengerusikan Permesyuaratan Majlis ini dengan penuh bijaksana, efisien, kemas serta adil dan saksama.

Ucapan tahniah dan penghargaan jua kaola tujukan khusus kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis atas kecekapan mengatur agenda perbincangan dan perjalanan persidangan dengan tersusun dan lancar dan juga seluruh pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam menjayakan permesyuaratan pada tahun ini.

Kaola seterusnya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada rakan-rakan sejawatan dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dilantik kerana telah dapat memainkan peranan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sebagai

Ahli Majlis ini dengan cemerlang dan komited dengan semangat muhibah saling hormat-menghormati dan bekerjasama khususnya dalam mengetengahkan perkara-perkara strategik demi kesejahteraan rakyat dan penduduk selaras dengan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti mana titah baginda semasa menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Mac 2019 yang lalu.

Soalan-soalan, cadangan-cadangan dan buah fikiran yang bermanfaat yang telah diajukan dan disumbangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola percaya akan diteliti dan dinilai kesesuaiannya secara terperinci oleh pihak-pihak yang berwajib serta akan diambil kira dalam sebarang penelitian dan penggubalan dasar dan strategi kerajaan yang akan dilaksanakan mengikut keperluan dan keutamaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sepertimana jua yang sering dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terdapat beberapa-beberapa perkara yang perlu terus kita beri perhatian serius dan dijadikan sebagai fokus utama dalam melaksanakan strategi masing-masing seperti berikut:

1. Pertumbuhan ekonomi yang mampan (*sustainable*) serta usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara;

2. Perkhidmatan awam, selaku jentera pentadbiran khususnya dalam aspek penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam segala dasar peraturan, proses dan prosedur hendaklah sentiasa dikemaskinikan supaya lebih telus dan berkesan. Perkhidmatan awam hendaklah berperanan sebagai pemudah cara dengan menyediakan prasarana-prasarana dan kemudahan yang probisnes;
3. Pembangunan generasi belia sebagai aset pembangunan negara supaya sentiasa dibimbing dan diterapkan dengan nilai-nilai jati diri dan semangat patriosime serta dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan khususnya dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0. Ini termasuk usaha-usaha ke arah kadar pengangguran khususnya dalam kalangan golongan belia;
4. Kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk. Pihak-pihak yang berkewajipan hendaklah memastikan bahawa segala bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan dilaksanakan dengan teratur;
5. Keamanan dan kedaulatan negara yang wajib dipelihara dan dipertahankan. Tanggungjawab ini sepatutnya tidak hanya terletak kepada agensi-agensi keselamatan,

bahkan ia merupakan tanggungjawab kita semua;

6. Penerapan dasar dan nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang perlu sentiasa diamalkan dan dijadikan sebagai asas dan panduan dalam pelaksanaan dasar dan strategi serta dalam pekerjaan dan kehidupan kita seharian;
7. Wawasan Brunei 2035 yang merupakan visi dan aspirasi jangka panjang negara, kita semua perlu melaksanakan strategi dan inisiatif yang telah dirancang dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh; dan
8. Sentiasa mengingati **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam segala urusan dan pekerjaan yang kita lakukan serta mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan kepada kita sesuai dengan konsep 'Negara Zikir'.

Dalam hubungan ini, kaola menyeru semua pihak sama ada dalam sektor kerajaan mahupun bukan kerajaan dalam semua peringkat untuk memainkan peranan aktif dan memberikan sumbangan menurut kemampuan masing-masing. Dalam menunaikan kewajipan pada mendukung kepimpinan dan menanai hasrat dan aspirasi murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dan rakan-rakan sejawatan kaola di Jabatan

Perdana Menteri sentiasa bersedia dan mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bermuzakarah bagi membincangkan sebarang cadangan yang menjurus kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** semoga negara kita akan sentiasa berada dalam perlindungan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua dan dikurniakan dengan nikmat keamanan, pembangunan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Kaola juga berdoa Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan mendapat rahmat dan inayah, dikurniakan umur yang panjang dan dengan izin **اللَّهُ** jua **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan berjumpa lagi dalam persidangan yang akan datang, **أَمِينُ أَمِينُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan bertawakal kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** maka kaola dengan ini sukacita mengusulkan agar Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Dari Musim Permesyuarat kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan.

Sekian **وبالله التوفيق والهداية التمام بركاتكم، ورحمة الله وبركاته**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas Ucapan Penangguhan yang dibuat yang telah mencadangkan bagi mesyuarat kita bagi kali ini ditangguhkan, kita juga mengucapkan terima kasih atas doa dan juga perkara yang telah pun disentuh oleh Yang Berhormat itu.

Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Major Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohammad Yussof, Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah. Peramba, kaola, saya hormati sekalian. اللَّهُ أَكْبَرُ kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ kerana dengan izin-Nya jua kita telah sama-sama bermesyuarat di Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah mula bersidang mulai 7 Mac 2019 yang lalu dalam suasana yang kondusif dan permai untuk membincangkan isu-isu pembangunan dan kemajuan Negara

Brunei Darussalam yang kita cintai ini dengan lancar dan teratur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu, kaola dengan penuh ikhlas sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memimpin dan memandu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini dengan penuh kebijaksanaan, kecekapan dan dedikasi. Sepanjang hampir 2 minggu ini perbincangan dan perbahasan telah diadakan dalam suasana penuh harmoni dan saling menghormati.

Begitu juga, ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara yang terlibat di atas sokongan dan panduan serta keprihatinan terhadap kesejahteraan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang diberikan sepanjang Musim Permesyuaratan Kelima Belas ini.

Persefahaman rakan-rakan sejawat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sama-sama menjayakan permesyuaratan ini mencerminkan tahap komitmen dan kesepaduan yang tinggi ke arah menjunjung setinggi-tingginya dan menanai hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk

menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai sebuah platform yang telus dan terbuka dalam mengemukakan buah fikiran serta seterusnya menengahkan dan memutuskan perkara-perkara strategik yang menjadi kepentingan rakyat dan penduduk demi kebaikan bersama dan Negara Brunei Darussalam yang kita sama-sama cintai ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati ﷻ. Semasa pembentangan mukadimah peramba, kaola, saya telah menghuraikan secara terperinci 3 teras strategi pertahanan iaitu Keupayaan Cegah Rintang (*Deterrence*), Diplomasi Pertahanan dan Pertahanan Holistik dalam mencapai *Key Result Areas* pertahanan Kementerian Pertahanan.

Strategi ini akan terus menjadi panduan dan haluan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan apa jua kegiatan pertahanan. Dalam memastikan ia sentiasa relevan, strategi-strategi ini akan sentiasa disejajarkan dengan perubahan-perubahan di persekitaran strategik, domestik serantau dan sejagat serta disesuaikan dengan strategi-strategi pembangunan negara.

Sebagai contoh, ialah salah satu topik yang menjadi tumpuan di sepanjang permesyuaratan iaitu mengenai belia negara. Sebagaimana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa

Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Belia merupakan aset negara selaku jentera pembangunan. Sebagai mengiktirafan bahawa belia adalah pelapis dan generasi penerus yang akan menyambung legasi kecemerlangan kita dalam memakmurkan dan mengharumkan lagi nama baik negara. Program pengambilan dan latihan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dibentuk ke arah menghasilkan belia *home grown* yang berpendidikan dan berkebolehan tinggi serta mempunyai iltizam yang kuat untuk berkhidmat demi membangun dan mempertahankan kedaulatan bangsa, agama dan negara.

Dari sudut kewangan dan ekonomi, pada mendukung tema belanjawan "*investing in our future*", langkah-langkah perbelanjaan berancang mengikut keperluan dan keutamaan terus disasarkan dalam mengatur haluan pertahanan negara. Pada masa yang sama, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei giat membukakan peluang untuk perniagaan tempatan bersaing di dalam menyediakan khidmat bukan teras atau *non-core support services* seperti penyediaan sajian latihan-latihan kemahiran dan khidmat pengangkutan serta terus meneroka kaedah *Public Private Partnership* dalam pelaksanaan perkhidmatan selaras dengan usaha untuk mencapai matlamat negara untuk menggalakkan keusahawanan,

meningkatkan kepelbagaian ekonomi dan menambah peluang pekerjaan.

Oleh yang demikian, dalam pelaksanaan *core-business* Kementerian Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei iaitu mempertahankan kedaulatan dan melindungi keutuhan wilayah, pendekatan *whole of nation* akan sentiasa menjadi amalan dalam menanai dan menggalas tugas-tugasan secara bersepadu dan bersemangat dalam bersama-sama bergerak seiring ke hadapan menuju Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini juga izinkan peramba, kaola, saya menggariskan sekali lagi kepentingan pertahanan untuk negara dan rakyat termasuk kitani yang hadir berada dalam Dewan yang mulia ini. Pada permukaannya, pulangan pelaburan kepada pertahanan mungkin sukar diukur dan dibandingkan dengan pelaburan sektor lain yang mungkin lebih ketara terutamanya bagi sebuah negara yang menikmati keamanan dan ketenteraman seperti negara kitani.

Walau bagaimanapun, pemeliharaan *credible defence* adalah setaraf dengan penyediaan perkhidmatan di sektor-sektor lain sebagai sebuah negara maju, yang merdeka dan berdaulat. Pada dasarnya, pertahanan negara adalah merupakan *public good* yang mempunyai *multi-tiered benefit* kepada negara, masyarakat dan individu. Melalui keselamatan dan kestabilan:

- i. Rakyat dapat memilih untuk hidup melalui prinsip, budaya dan aspirasi masyarakat di negara ini;
- ii. Pemuzakarahannya seperti ini dapat diadakan dengan aman untuk membincangkan mengenai kemajuan negara dan sama-sama merangka strategi untuk membangunkan ekonomi, meningkatkan sistem pendidikan dan mengukuhkan penghayatan dan aplikasi falsafah Melayu Islam Beraja yang menjadi pegangan dan amalan rakyat dan penduduk negara selama ini; dan
- iii. Kita dapat melaksanakan rancangan pembangunan dan kemajuan negara secara teratur dan berkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati الله, yang peramba, kaola, saya hormati. Bagi mengakhiri ucapan ini, peramba, kaola, saya sama-sama bersama warga besar Kementerian Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei membawa Yang Berhormat semua juga hadirin dan hadirat di Dewan mulia ini, sama-sama berdoa agar Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai akan kekal, aman, makmur dan berdaulat. Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja adil yang berdaulat yang dikasihi, dilanjutkan usia dan sentiasa sihat walafiat, kekal karar memerintah negara di atas singgahsana.

Dengan berbekalkan niat suci dan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda, kita juga sama-sama berdoa agar barisan benteng pertahanan negara dengan penuh tawakal akan melangkah berkeyakinan ke hadapan berserta usaha yang tidak pernah kenal lelah dan semangat perjuangan pahlawan silam negara yang pantang menyerah kalah dalam memikul dan menanai amanah besar ini. Dengannya, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** tanah tumpah darah yang kita pertahankan Negara Brunei Darussalam selaku sebuah Negara Zikir akan terus dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta kekal dilindungi daripada sebarang musibah oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**

وبالله التوفيق والهداية التامة بليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan II. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan

Perdana Menteri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

dan salam **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** sejahtera. Syukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan izin dan rahmat-Nya juga negara kita ini masih sahaja dapat menikmati keamanan dan kemakmuran serta seterusnya membangun di bawah daulat, kepimpinan, bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola dengan penuh ikhlas, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin permuzakarahannya sama ada di peringkat Majlis Mesyuarat Negara ataupun di peringkat Jawatankuasa. Yang Berhormat Yang Di-Pertua juga turut memberikan dan mengongsikan pandangan dan saranan terhadap perkara-perkara tertentu sepanjang permesyuaratannya diadakan.

Terima kasih juga kaola ucapkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat, yang cekap mengatur perjalanan permesyuaratannya kita pada tahun ini.

Ucapan penghargaan juga kaola tujukan kepada rakan-rakan sejawatan serta Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, yang dengan tulus ikhlas menengahkan isu-isu yang menjadi

perhatian dan kepentingan rakyat dan penduduk negara ini terutama bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Selama lebih kurang 2 minggu, kita bersidang ini, banyak perkara yang telah dikemukakan khusus bagi Jabatan Perdana Menteri. Segala saranan dan cadangan tersebut akan diteliti secara terperinci dan holistik mengikut keutamaan selaras dengan usaha-usaha jabatan ini untuk mencapai pembangunan yang mampan, berdaya tahan dan untuk kepentingan bagi masa depan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, koala ingin mengutarakan beberapa perkara yang koala fikirkan penting untuk sentiasa diambil ingatan dan perhatian, selesai saja kita bersidang di dewan ini. Koala tidak akan menyentuh tentang Perkhidmatan awam kerana perkara ini telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

1. Seperti Ucapan Penangguhan koala pada Majlis Mesyuarat Negara tahun lalu, bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai identiti yang unik iaitu Melayu Islam Beraja (MIB). Dalam hal ini apa jua perancangan

negara mestilah tidak boleh lari dari MIB sebagaimana titah baginda:

“Dalam merancang dan bertindak juga memerlukan dasar yang jelas, bukan sesuka hati sahaja. Dasar kita di negara ini ialah MIB, maka semua rancangan dan tindakan mestilah berlandaskan MIB”.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah bertitah:

“Bahawa untuk menjadi seorang pemimpin keperluan untuk mengamalkan, menjiwai, mempraktikkan serta menghayati secara nilai-nilai murni yang ada dalam konsep MIB sangatlah mustahak”.

Bukan saja pemimpin bahkan kita semua disuruh mengamalkannya untuk menjaga integriti kewibawaan kita sebagai ahli masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan sebagai rakyat yang sangat-sangat mencintai negaranya. Keadaan seperti ini, patut menjadi pegangan kita terutama sekali dengan kedudukan kita yang mempunyai hubungan langsung dengan masyarakat akar umbi;

2. Usaha-usaha bagi mempelbagai dan menjana pertumbuhan ekonomi akan terus dipertingkatkan dengan mudah cara aliran proses dan peraturan kerajaan. Sejak dari dahulu lagi kita menyedari bahawa

negara tidak akan selamanya boleh bergantung pada hasil minyak dan gas. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah seringkali mengingatkan akan betapa pentingnya untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk di negara ini akan hanya dapat dipertahankan jika kita semua sama-sama berusaha dan memainkan peranan, mendukung usaha-usaha ke arah mempelbagai ekonomi. Pengusaha-pengusaha tempatan perlu berani meneroka pasaran eksport. Agensi-agensi kerajaan akan sentiasa bersedia memberikan bantuan dan bimbingan; dan

3. Keamanan dan kestabilan. Kita tidak sekali-kali akan berkompromi dengan isu-isu yang melibatkan keselamatan negara termasuk anasir-anasir yang mencuba menggugat keamanan dan kestabilan. Jabatan Perdana Menteri melalui kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan akan terus bertindak, merangka strategi untuk memelihara kestabilan politik, mempertahankan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan keupayaan diplomatik dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan. Ini termasuklah dalam meningkatkan kerja-kerja pembanteras jenayah dan pengukuhan keupayaan agensi-

agensi berkepentingan dalam mengendalikan krisis-krisis nasional dan merentas sempadan.

Sungguhpun begitu, peranan menjaga keamanan dan keharmonian ini bukan hanya terletak di bahu agensi-agensi keselamatan tetapi adalah juga tanggungjawab kita semua. Kerjasama Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik selaku pemimpin-pemimpin akar umbi, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung serta masyarakat seluruhnya adalah sangat-sangat diharapkan bagi membanteras jenayah.

Sukacita kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang awam yang telah banyak membantu memberikan maklumat kepada pihak berkuasa dalam membanteras jenayah, dengan bantuan orang awam beberapa kes jenayah telah dapat diselesaikan. Ini adalah berkat adanya kerjasama dan pimpinan ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu dan sudah setentunya dengan adanya Ahli-Ahli Yang Berhormat semua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, kaola sangat-sangat terkesan dengan satu saranan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sendiri apabila 'isu buli' dikemukakan dan diperbincangkan ketika mana Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengusulkan supaya isu tersebut sepatutnya dibincangkan bersama dengan pandangan-pandangan dan saranan-

saranan dari semua pihak bukan hanya diajukan pertanyaan, apakah tindakan?, apakah perancangan?, apakah itu?, dan apakah ini?

Kaola 'tais liur' kan mendengar atau menanti akan ada cadangan, 'bisaitah' kitani tubuhkan satu badan atau jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bagi menangani 'isu buli' ini sebagai menunjukkan kita semua bertanggungjawab dalam menanganinya. Ini membawa makna, ada beberapa isu atau masalah yang kita sama-sama bincangkan sepanjang permesyuaratan kita selama ini yang 'bisai' kitani pikul dan tanggung bersama melalui penubuhan badan atau jawatankuasa peringkat majlis.

Kalau di tempat lain, dipanggil Jawatankuasa Parlimen atau Jawatankuasa Dewan Senat untuk menangani isu atau permasalahan yang ditimbulkan. Dengan demikian, dapatlah kita sering dan saling bertemu dan berbincang mengenai perkara-perkara penting dan utama demi kepentingan bersama. Dengan sendirinya, soalan-soalan apakah tindakan?, setakat manakah kemajuan?, bagaimanakah cara dan itu dan ini akan berkurangan, walaupun tidak ada langsung atau nada sama sekali.

Oleh yang demikian, dalam kesempatan ini juga, kaola ingin memohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat agar dapat menyampaikan agenda-agenda pembangunan negara serta dasar-dasar

kerajaan kepada masyarakat dan orang ramai agar ianya difahami.

Jabatan Perdana Menteri juga, akan sentiasa mengongsikan dasar-dasar dan inisiatif kerajaan kepada rakyat melalui *main-stream media*, media sosial dan sesi-sesi permuzakarahan bersama pemimpin-pemimpin akar umbi dan penduduk-penduduk mukim dan kampung.

Sebelum mengakhiri Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin membawakan tiga rangkap pantun:

Semangat setia kita pertahan,
Sejak bermula persidangan Dewan,
Perbincangan bukan mencari kelemahan,
Tapi demi persefahaman dan perpaduan;

Yang Berhormat Menteri Kabinet dan
Ahli Mesyuarat,
Berdebat di Dewan, di luar mesra
perhubungan,
Dalam usaha menyampaikan hasrat,
Negara maju berwawasan
berkesinambungan.

Persidangan ditangguh ke suatu masa,
Semua bertekad menuju negara
berwibawa,
Demi agama, negara dan bangsa,
Berkat pimpinan raja bijaksana lagi
takwa.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية التام تملِكُمُورَحْمَةُاللَّهِوَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat Menteri

di Jabatan Perdana Menteri. Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

سُبْحَانَكَ لَا نُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ، أَنْتَ كَمَا أَنْتَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ، فَلَكَ الْحَمْدُ قَبْلَ الرِّضَا، وَلَكَ الْحَمْدُ بَعْدَهُ، إِذَا رَضَيْتَ عَنَّا دَائِمًا أَبَدًا.

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي، وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَأَحِلِّ عَنِّي مِنْ لِسَانِي بِفَقْهُوَاهِي

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengambil kesempatan untuk menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan baginda mengurniakan Peruntukan Belanjawan 2019/2020.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menerusi peruntukan yang diluluskan ini diharap akan dapat digunakan dengan sebaiknya mengikut keutamaan pada satu projek yang telah dirancang dengan teliti demi kesejahteraan penduduk dan rakyat dan kemakmuran negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini, kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua

atas kebijaksanaan dan kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengendalikan Majlis Mesyuarat Negara ini dengan lancar dan dalam suasana yang penuh kemesraan dan harmoni. Makanya, cadangan Rang Undang-Undang Perbekalan Negara bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 telah sempurna diluluskan.

Begitu juga ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet atas keupayaan telah memberikan penjelasan, maklumat dan jawapan terhadap cadangan dan pertanyaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola tidak lupa juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimulihkan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis Mesyuarat Negara atas sokongan dan kerjasama memudah cara yang diberikan sepanjang permesyuaratan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Memandangkan situasi pasaran minyak dunia masih pada tahap yang tidak menentu, maka sebagai negara pengeluar minyak mempengaruhi ekonomi negara ini dan fiskal negara masih menghadapi cabaran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam membantu perkembangan, pembangunan ekonomi negara selain daripada sektor minyak dan gas, sektor

pertanian dan agrimakanan adalah antara penyumbang utama. Kita amat bersyukur kerana perbelanjaan masih tidak mengeneipkan sebahagian peruntukan keperluan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Oleh itu, usaha sama semua pihak dilihat secara *whole of nation approach* adalah perlu bagi mengatasi isu bagaimana menyediakan pekerjaan kepada belia yang belum bekerja.

Dalam sektor pertanian, masih luas untuk diterokai kerana syarikat-syarikat besar dan berjaya banyak terdapat di negara ini. Mereka menjual dengan harga yang lebih rendah kerana kuantiti penghasilan yang banyak. Bagi yang baru berkecimpung, memang sukar untuk menandinginya kerana syarikat besar ini ada sebahagian besar kemudahan yang dibuat sendiri tanpa mengimport dari luar negara.

Maka diharap syarikat-syarikat besar, atas galakan pihak kerajaan supaya memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil ini secara *contract farming* agar wujud rangkaian perusahaan di kampung-kampung di negara ini. Jadi, dengan sendirinya syarikat besar ini akan menjadi induk atau pusat menerima bekalan dari kampung-kampung untuk memproses dan melaksanakan pembungkusan seterusnya memasarkan di dalam atau ke luar negeri. Dengan ini, pengusaha-pengusaha kecil ini akan memperolehi manfaatnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Isu rumput panjang, longkang tersumbat dan jalan berlubang di kawasan Skim Perumahan Perpindahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati juga menjadi permasalahan kerana kerja dilaksanakan secara berkala dan tidak ada langsung. Oleh itu, bagi warga yang prihatin maka ahli-ahli MPK dan penduduk yang berkenaan bergotong royong mengambil alih pekerjaan tersebut secara sukarela. Walau bagaimanapun, kerja sukarela ini memerlukan kewangan juga bagi kebajikan mereka. Sehubungan dengan ini, kaola mencadangkan supaya ada Peruntukan Khas diberikan kepada Jabatan Kemajuan Perumahan untuk memberikan pekerjaan ini kepada penduduk setempat yang tidak mempunyai pekerjaan terutamanya belia.

Dalam pemikiran kaola, adalah bersesuaian memberikan pekerjaan ini secara langsung kepada individu itu sendiri daripada kita memberikan kepada kontraktor yang kemudiannya akan memberikan kepada orang asing. Peluang para belia meneroka dalam bidang perusahaan masih luas kerana kerajaan telah menyediakan bantuan keusahawanan belia sejumlah \$1.2 juta.

Umpamanya kerajaan perlu menggalakkan para belia dan memberi peluang mengikuti tawaran-tawaran kecil dan memberikan kursus sehingga boleh mencapai mengikuti tawaran yang lebih besar. Kepada pengusaha sektor swasta yang besar dan yang berjaya diseru bersungguh-sungguh mengambil anak

tempatan bekerja di samping pihak berkenaan berperanan menekankan atau ada akta atau peraturan supaya syarikat yang mengambil pekerja anak tempatan menyediakan skim kesejahteraan dan kebajikan pekerja sebanding dengan penjawat awam agar mereka berminat dan tetap kekal bekerja di syarikat berkenaan.

Antaranya memberikan gaji minimum tidak kurang \$500.00 sebulan dan tambahan subsidi elaun dari kerajaan sejumlah yang bersesuaian dengan keadaan keperluan hidup semakin meningkat selagi mereka masih bekerja di syarikat tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saudara baharu di Daerah Tutong dilihat semakin meningkat saban tahun, hal ini menambahkan bilangan penduduk beragama Islam di kampung-kampung berkenaan khususnya Kampung Ukung dan Kampung Rambai. Perkembangan positif ini perlu diambil perhatian sewajarnya terutama sokongan sosial, kebajikan dan meningkatkan kefahaman mereka terhadap Islam.

Oleh itu, masjid merupakan salah satu tempat yang bertanggungjawab dalam pengurusan bantuan ini kepada penduduk Islam terutama golongan yang baru memeluk Islam. Oleh itu, keperluannya amat tinggi untuk membina Masjid Kampung Ukung dan Kampung Rambai.

Akhirnya, dengan berkat kepimpinan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka rakyat dan penduduk negara ini masih menikmati kesejahteraan dan kemakmuran kerana baginda sentiasa memedulikan rakyat di samping tidak mengenyakan matlamat kerajaan agar negara serta penduduk dapat menikmati secara berterusan dan kaola berdoa semoga apa jua hasil dari permesyuaratan ini akan mendapat keberkatan dan rahmat daripada **وَتَعَالَى جُا**.

وبالله التوفيق والهداية السَّالِمَةَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji

Ali bin Pengiran Maon: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kaola bersyukur ke hadrat **وَتَعَالَى** kerana dengan izin-Nya jua Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun bersidang dengan jayanya.

Kaola turut bersyukur ke hadrat **وَتَعَالَى** kerana dengan rahmat-Nya jua persepakatan telah pun dapat dicapai

dalam semua perkara khususnya dalam membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2019), Perbekalan 2019/2020 bagi semua kementerian. Semoga dengan berkat serta rahmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua akan dapat membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melaksanakan perancangan pembangunan negara dengan teratur dan berjaya demi meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial serta menjamin kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan penuh hormatnya jua, kaola sukacita ingin menyampaikan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana atas kebijaksanaan dan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu dengan kepatuhan dan kesediaan semua Ahli Yang Berhormat menerima apa jua arahan, maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dapat dipimpin dengan baik, lancar dan penuh dengan suasana harmoni.

Syukur **الْحَمْدُ لِلَّهِ** sepanjang sesi perbahasan dan perbincangan kita, di Dewan ini ia berjalan dengan lancar dan penuh muhibah serta dalam suasana semangat permuzakarahannya yang selesa dan harmoni. Abis kaola dapat menyampaikan apa jua isu persoalan dan cadangan dan ia dapat diterjemahkan dalam jawapan balas dari Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola, sukacita ingin merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam pembentangan cadangan belanjawan Tahun Kewangan 2019/2020 yang peruntukan Belanjawan Negara pada tahun ini adalah sejumlah \$5.86 bilion. Sebagai tema belanjawan pada tahun ini "Pelaburan Untuk Masa Depan" untuk menumpukan 4 fokus utama iaitu:

1. Meningkatkan aktiviti pelaburan;
2. Memudahkan cara perniagaan;
3. Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable*; dan
4. Memelihara kesejahteraan awam.

Kaola amat berharap agar peruntukan yang diberikan dapat dimanfaatkan sebaiknya dan dapat digunakan sebagaimana mengikut inisiatif dan strategi yang telah digariskan agar segala hasrat dan matlamat akan terlaksana dan tercapai dalam usaha membangun negara.

Dalam usaha meningkatkan aktiviti-aktiviti pelaburan, kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha yang dapat dipergiatkan aktiviti-aktiviti industri yang diberikan keutamaan selain sektor hiliran minyak dan gas seperti sektor pemakanan, sektor pelancongan, sektor perkhidmatan dan sektor infokomunikasi teknologi (*ICT*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, langkah ini diharap bukan sahaja dapat mencapai objektif dalam meningkatkan efisiensi, keberkesanan, perbelanjaan kerajaan dan kualiti perkhidmatan bahkan ia dapat menjadi platform untuk meningkatkan aktiviti pelaburan yang membangunkan sektor swasta yang benar-benar boleh menjana peluang pekerjaan yang lebih berkualiti kepada anak-anak tempatan dan boleh menjamin kehidupan masa hadapan. Dengan penyediaan peluang pelbagai pekerjaan, maka ia tidak menjadikan peluang kerja di sektor swasta adalah sebagai usaha terakhir dalam usaha mencari pekerjaan tetap.

Dalam penyesuaian dunia digital ekonomi, peningkatan dalam pengawalseliaan *Financial Technology Sandbox* perlu diberikan tumpuan utama kerajaan dalam membangunkan ekonomi negara dengan penyediaan *platform* keselamatan dari ancaman siber.

Sementara itu, beberapa aspek dalam mengadakan ekosistem pelaburan yang perlu diambil kira seperti:

1. Peningkatan *ease of doing bussiness*;
2. Pengurangan birokrasi;
3. Peningkatan kecekapan logistik;
4. Peningkatan kepakaran;
5. Kelonggaran atau penyesuaian dalam *investment regulation*; dan

6. Peningkatan dari segi *transparency* atau ketelusan dalam regulasi Pelaburan Langsung Asing.

Dengan adanya ekosistem yang lengkap dan kondusif, mudah-mudahan negara dapat menarik banyak lagi pelabur asing yang boleh membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kita sedia maklum bahawa *Darussalam Enterprise (DARE)* memainkan peranan yang penting dalam menjana ekosistem perniagaan yang kondusif di samping membantu usahawan-usahawan tempatan dan perkembangan perusahaan untuk mencapai potensi masing-masing.

Begitu juga dengan Bank Usahawan Berhad yang sedia menghulurkan kemudahan pinjaman bagi pengusaha-pengusaha yang memerlukan. Dalam pada itu, apa yang penting juga sebagai saranan kaola, pihak kerajaan bukan sahaja berusaha untuk memberi bantuan dan kemudahan kepada anak-anak tempatan bahkan juga perlu memberi galakan kepada anak-anak muda untuk menceburkan diri dalam keusahawanan. Dengan galakan dan dorongan ini adalah sebagai suatu suntikan semangat dan membuka jalan kepada para belia khususnya dalam usaha mencari pekerjaan.

Dalam memelihara kesejahteraan awam, kita perlu yakin bahawa kita selaku rakyat perlulah menanam sikap berdikari supaya bertanggungjawab serta rasa kepunyaan atau *sense of belonging* untuk terus berusaha lebih gigih dan

'lutanan' bagi menyumbang bakti kepada negara.

اللَّهُمَّ kita terus sahaja menikmati kemakmuran, kesejahteraan dan kualiti hidup yang tinggi di rantau Asia ini, maka sudah semestinya kita semua sama-sama berganding bahu dalam mempertahankan kemakmuran dan kesejahteraan yang telah dicapai di samping mendukung usaha kerajaan dan menghormati sebarang undang-undang dan peraturan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan demi untuk membangun negara. Semoga negara kitani akan sentiasa dalam aman makmur diberkati اللَّهُمَّ سُبْحَانَكَ وَتَعَالَى .

Sekian sahaja dahulu dari kaola dalam Ucapan Penanguhan ini. Kaola ingin memohon maaf atas segala kesilapan dan kekurangan sepanjang mengikuti Persidangan Majlis Mesyuarat ini, sekian akhirnya, وَاللَّهُ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ dan terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
dan salam sejahtera.

Pertama-tama, marilah kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَكَ وَتَعَالَى, kerana-Nya jua kita masih bernafas diberikan kesihatan dan diberikan ruang masa yang membolehkan kita sama-sama hadir dalam rangka acara Majlis Penanguhan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan keemasan ini, kaola lebih dahulu merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah berjaya mempengerusikan dan memimpin persidangan dengan bijaksana serta dalam suasana harmoni, muhibah dan saling menghormati. Begitu juga, dengan Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis Mesyuarat Negara yang sentiasa memberikan kerjasama yang padu.

Seterusnya, kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang begitu tabah mendengar pendapat-pendapat dan saranan-saranan serta soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dengan memberikan penjelasan-penjelasan kepada program-program kemajuan dan perkembangan serta pelaksanaan projek-projek kementerian masing-masing, sama ada yang telah berjalan mahupun yang akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2019 yang bermula pada 7 Mac 2019 sebentar lagi akan berakhir.

Sepanjang permesyuaratan dijalankan, perbincangan dan persoalan menjurus dan mengambil kira akan nasihat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Mac 2019 yang lalu hingga ke hari ini. Kita telah banyak menyentuh dan membahaskan terutama dalam bidang perekonomian dan peluang-peluang pekerjaan bagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta negara yang kita kasihi ini dan tidak terkecuali masalah pengangguran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga ingin bergabung bersama rakan-rakan Yang Berhormat bagi menyokong usaha-usaha kerajaan dalam perjanjian-perjanjian kerjasama ekonomi antara negara-negara *ASEAN* dan 6 negara lain yang terdiri daripada Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand yang akan membuka banyak prasarana perniagaan kepada 3 bilion penduduk yang tidak lama lagi negara akan memuktamadkan rundingannya.

Kita juga maklum dan memahami keadaan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 masih merekodkan defisit berjumlah kira-kira \$2.2 bilion iaitu 12.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Pada masa yang sama, kita juga menghargai usaha-usaha kerajaan ke arah menjana untuk meningkatkan perekonomian negara dan rakyat serta mengatasi pengangguran dengan menyediakan beberapa projek perindustrian yang sudah setentunya terdapat peluang-peluang dan ruang-ruang pekerjaan untuk anak-anak tempatan yang berkelayakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai pemimpin di peringkat akar umbi, kaola akan bersama rakan-rakan Yang Berhormat juga akan sentiasa memberikan dorongan kepada penduduk mukim dan kampung supaya merebut dan meraih peluang keemasan terhadap perjanjian-perjanjian kerjasama antara negara-negara *ASEAN* dan 6 buah negara yang dinyatakan tadi bagi mempelbagaikan ekonomi negara.

Begitu juga dengan pengawalan bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi yang dihulurkan akan sentiasa dipantau pelaksanaannya bersama-sama dengan pihak kerajaan dan pihak lain yang berkenaan dengan teliti dan membuat penilaian dengan teratur dan telus supaya ia tidak berlaku ketirisan atau penyalahgunaan di kalangan penerimanya.

Dalam masa yang sama, kita juga berharap dan bercadang supaya pihak

kerajaan akan sentiasa memberikan dan membukakan seluas-luasnya peluang-peluang dan ruang-ruang kepada pengusaha-pengusaha anak tempatan dalam apa jua projek yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas (RKN-11) dan juga projek-projek kementerian bagi Tahun Kewangan 2019/2020 ini, termasuk juga dengan membukakan peluang-peluang dan ruang-ruang pekerjaan kepada golongan generasi muda sama ada yang mempunyai kelulusan di peringkat tertinggi, menengah dan rendah kerana mereka ini adalah aset negara yang akan mencorak dan meneruskan hala tuju serta agenda pembangunan negara terutama dalam sektor perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam hubungan ini juga, kaola ingin menyampaikan harapan rakyat dan penduduk negara ini supaya pihak kerajaan perlulah memperkuat lagi sistem pentadbiran yang ada supaya tidak ada ketirisan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan seperti mengikuti peraturan-peraturan dan dasar-dasar yang sedia ada.

Dalam pada itu, rakyat dan penduduk juga menyokong penuh akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya barisan hadapan pentadbiran kerajaan baginda akan sentiasa bekerjasama dan sepakatan padu dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang setentunya

rakyat dan penduduk negara ini juga turut menikmatinya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum mengakhiri ucapan kaola ini, kaola sukacita menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, bahawa semua peruntukan yang sudah diluluskan akan dapat digunakan sepenuhnya dan mengambil kira kepada sesuatu projek yang telah dirancang akan dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan.

Sebelum menutup Ucapan Penangguhan ini sekali lagi kaola merapak sembah menjunjung kasih atas kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kaola menganggotai majlis yang mulia ini.

Akhirnya marilah kita berdoa semoga **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** akan mengurniakan petunjuk dan hidayah-Nya, membuka minda, menyatukan hati dan membimbing kita semua ke arah jalan-jalan yang berkeabajikan dalam mengharungi cabaran ini dengan tabah, ikhlas dan penuh keredhaan.

Dalam kesempatan ini juga, kaola memohon ampun dan minta maaf sekiranya ada tingkah laku dan 'suruk langkah' serta kata-kata yang kurang elok mohon ampun dan kemaafan jua.

Sekian. **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong

Oh: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dengan penuh hormatnya kaola terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dalam memimpin dan menguruskan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini dengan penuh lancar dan sempurna dari awal hingga penghujungnya. Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan dalam menjayakan mesyuarat ini dengan sebaik-baiknya.

Sejak 5 tahun kebelakangan ini, kita telah melihat pengurangan anggaran belanjawan secara beransur-ansur setiap tahun. Sememangnya adalah lebih mudah bagi membincangkan dan membuat keputusan mengenai belanjawan yang lebih kecil. Tetapi, ia adalah tugas yang sukar bagi kementerian-kementerian untuk mengurangkan peruntukan masing-masing.

Setiap kementerian perlu saling bekerjasama dengan bijaksana dan sebulat suara untuk mengurangkan perbelanjaan kementerian masing-masing dalam menghadapi keadaan ekonomi yang belum menentu pada masa hadapan. Kaola berterima kasih kepada semua kementerian atas kerja keras mereka dalam menghasilkan belanjawan yang boleh dilaksanakan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 berdasarkan kepada prospek ekonomi yang diunjurkan. Walaupun, terdapat banyak pengurangan dalam semua perbelanjaan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak mengurangkan penyelenggaraan infrastruktur negara demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat baginda, terutamanya dalam keselamatan jalan raya.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, kemalangan jalan raya kian menurun. Kaola menyambut baik inisiatif kementerian untuk mencapai *zero accident* dengan menfokuskan terhadap sebarang kemungkinan yang menyebabkan kemalangan jalan raya disebabkan oleh kecuaiannya, kelalaian pemandu dan memandu di bawah pengaruh (hal-hal yang negatif).

Antara penyebab kemalangan yang tidak boleh diterima dan harus dielakkan adalah penggunaan telefon bimbit semasa memandu. Tidak ada lebih penting daripada nyawa pengguna di jalan raya. Kaola pasti Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan bersetuju

bahawa sememangnya perlu ada undang-undang yang ketat bagi membendung perbuatan yang mementingkan diri ini. Jalan raya adalah sebahagian daripada kehidupan kita dan keselamatan kita amat penting.

Bagi mengakhiri ucapan kaola ini, kaola menggunakan satu petikan oleh *Estee Lauder*:

"I didn't get that by wishing for it or by hoping for it but by working for it and I wish everyone here, we have a relaxing weekend and a safe journey home:"

Sekian sahaja yang ingin kaola sampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat dengan kenyataan ataupun Ucapan Penangguhan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh itu tadi, maka, saya ingin untuk menangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat kita ini dan membolehkan kita berehat sebelah tengah hari.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ persidangan ini akan kita sambung semula pada petang nanti mulai pukul 2.30 petang, sekian,

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita yang diadakan pada sebelah pagi tadi, kita telah mula Perkara IX - Ucapan-Ucapan Penangguhan. Seramai 7 orang Ahli Yang Berhormat telah membuat kenyataan Ucapan-Ucapan Penangguhan mereka masing-masing.

Sekarang kita menyambung semula bagi membolehkan ucapan-ucapan selanjutnya dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberikan peluang menyampaikan Ucapan Penangguhan dalam sesi Majlis Mesyuarat pada Musim Permesyuaratan Kelima Belas ini.

Kaola ingin mengucapkan tahniah atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah dapat memimpin permesyuaratan dengan telus dan bijaksana. Diucapkan juga setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia

Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat.

اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، bersyukur ke hadrat kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, selama 2 minggu kita bersidang di Dewan yang mulia ini telah dapat berjalan dengan lancar dan harmoni dan saling menghormati.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, persidangan kita pada tahun ini telah berjaya memfokuskan perbahasan jadual bagi Rang Undang-Undang 2019/2020 sebagai agenda utama dalam persidangan dan saling berjaya membincangkan persoalan-persoalan dan isu-isu yang lain tidak kurang pentingnya untuk disuarakan dalam Dewan yang mulia ini.

Pada sesi Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Mac 2019/30 Jamadilakhir 1440 yang lepas, kita telah membincangkan beberapa perkara yang penting, antara lain ialah digital ekonomi, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)*, peningkatan terhadap sistem pentadbiran, masalah pengangguran, masalah air negara dan banyak lagi.

Berbalik kepada *economic diversification*, salah satu industri yang telah dikenal pasti berpotensi besar dan perlu diberi perhatian ialah industri halal. Dengan pembangunan industri ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ, ia akan membawa kepada peningkatan eksport produk halal dan seterusnya menaikkan lagi KDNK negara.

Justeru, sudah tiba masanya industri halal ini melangkah ke tahap yang seterusnya. Negara kita berpotensi menjadi destinasi bagi *halal hub* yang bukan sahaja memfokuskan kepada produk makanan dan minuman, tetapi juga industri-industri yang lain seperti *pharmaceutical*, kosmetik, makanan binatang ternakan, *hospitality* dan pelancongan, perbankan dan kewangan, logistik dan lain-lain.

Ditekankan, perlu ada pemikiran baharu yang lebih inovatif dan relevan lebih lagi dengan teknologi dunia masa ini yang semakin berkembang, sambil kita melangkah ke era ekonomi digital.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kadar pengangguran yang tinggi, golongan yang paling terkesan adalah belia negara kita. Namun belia pada masa ini boleh dibanggakan kerana telah mampu melibatkan diri dalam arena perniagaan.

Apa yang diharapkan ialah mereka ini akan dapat disokong atau akan mendapat sokongan secara terus daripada pelbagai pihak termasuklah institusi-institusi kewangan dalam mendukung dan memastikan keseimbangan usaha mereka dalam dunia perniagaan.

Salah satunya ialah dengan memberikan *soft financing* atau geran yang akan menjadi *pushfactor* kepada kejayaan. Selain itu, perlunya ada persekitaran dan *platform* bisnes yang mampan kepada golongan usahawan muda.

Selain saranan dan keluhan belia, perlu didengar daripada kita semua secara *whole of nations*, perlu sentiasa berfikir dan mencari jalan penyelesaian terbaik dan lebih berkesan. Belia juga harus menjadi lebih kreatif, inovatif dan berfikiran secara terbuka, memperbaiki diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang berguna di samping meningkatkan nilai jati diri masing-masing.

Ambillah dan rebutlah mana-mana peluang yang ada untuk memperbaiki diri. Baik dari segi keusahawanan dan pekerjaan mahupun pengetahuan. Seperti menggunakan bimbingan dan latihan yang disediakan oleh kerajaan dan swasta.

Melangkah ke hadapan, kita perlu menjana memacu ekonomi ke arah yang lebih maju. Hakikatnya kita perlu menghadapi pelbagai cabaran. Oleh itu, diharapkan semua pihak akan lebih fokus dengan mengetahui misi dan visi negara dengan jelas.

Dalam sama-sama mencari jalan, sama-sama menangani isu-isu yang berbangkit dalam agenda kitani untuk memajukan ekonomi Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin memohon maaf jika ada tersalah atau terkasar bahasa, yang baik itu datang daripada *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan yang kurang baik itu adalah daripada kaola sendiri.

Dengan ini kaola sudahi Ucapan Penungguhan ini dengan sebuah pantun:

Belia kini mendukung negara,
 Bagai pelita menyuluh kegelapan,
 Semoga Brunei aman terpelihara,
 Dengan adanya kepimpinan berkesan.

Sekian *وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

*بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ*

Sebelum melanjutkan Ucapan Penangguhan ini, kaola ucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana berjaya melaksanakan tugas yang cemerlang dengan komitmen yang tinggi dan semua jentera ahli yang membantu Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam menjayakan permesyuaratan ini khususnya Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri yang dengan ikhlas dan sabar menjawab segala persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Didoakan supaya lebih berjaya dalam menjalankan amanah yang dipikulkan dibalas dengan rahmat *الله* sepanjang hayat.

Dalam dewan yang mulia ini, kaola suka supaya negara memperkasakan bangsa *whole of nation approach* sebahagian daripadanya seperti di bawah:

1. Meningkatkan pemeraksanaan beragama semua peringkat khususnya memperkukuh akidah Ahli Sunnah Wal Jemaah. Memperkasa sosio-ekonomi warga Negara Brunei Darussalam dengan:
 - i. Mempertingkatkan kemudahan pemberian pinjaman kewangan bagi perniagaan;
 - ii. Penubuhan *Task Force* kebangsaan dengan penguatkuasaan yang lebih komprehensif dan tegas. Kaola suka melihat tindakan pelaksanaan undang-undang yang ada bagi memfokus perniagaan runcit yang sekian lama terlalu lama dijalankan oleh pekerja asing. Kaola suka ingin melihat peluang aktiviti jualan di pasar borong diusahakan oleh warga Negara Brunei Darussalam. Dengan fokus arah yang satu per satu dengan mengambil kira pelaksanaan undang-undang akan dapat direalisasikan, walaupun setiap kali operasi yang dijalankan, hanya menahan seorang pesalah undang-undang, yang lama-lama akan berhasil membasmi perkara yang melanggar undang-undang dan peraturan yang ada; dan
 - iii. Menilai semula kelulusan perniagaan runcit dan pendaftaran

perniagaan “sendirian berhad” yang kecil mungkin perlunya reformasi dalam pemberian lesen-lesen perniagaan.

Kaola kira, pemerkasaan kepimpinan akar umbi akan mula dibuat dengan memperkenalkan muka-muka baharu dalam jawatan Penghulu dan Ketua Kampung seluruh negara. Hanya sahaja kasihan orang lama yang diganti secara drastik tanpa menunggu mereka ini punya kesempatan untuk menghabiskan tempoh yang sepatutnya berkhidmat, yang masih sebahagiannya, mempunyai hutang yang belum dapat difikirkan macam mana mengatasi masalah yang timbul daripada penggantian drastik tersebut.

Biasa kita dengar, supaya kita membeli-belah, berbelanja dalam negara sendiri tetapi tidak banyak berbeza walaupun kita berbelanja dalam negara atau di luar negara. Adalah suatu kerugian yang amat sangat dengan terus membiarkan pekerja asing yang tidak sepatutnya berniaga dengan mengguna pakai lesen perniagaan orang Brunei menjalankan perniagaan khususnya runcit.

Kerugian daripada urutan seperti ini contohnya, satu *item* yang diimport berharga secara berkumpulan \$1,000.00 dan diperniagakan oleh pekerja asing yang kadar jualan \$1,300.00 dengan keuntungan mereka sebanyak \$300.00. Wang yang keluar negara untuk membeli *item* berkenaan sebanyak \$1,000.00, keuntungan jualan sebanyak \$300.00 juga, akan dihantar keluar negeri oleh

pekerja asing yang menjalankan perniagaan.

Jumlah pengeluaran wang Brunei \$1,300.00, wang hasil perniagaan ini, berapa ratus sahaja yang masih berkisar dalam Negara Brunei Darussalam, hanya sedikit daripada sumber sewa bangunan kepunyaan orang kitani. Maka, diharapkan usaha komprehensif akan dibuat dan dilaksanakan *whole of nation approach* bagi menjaga kepentingan warga Negara Brunei Darussalam.

Dalam mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa bersabar dengan persoalan-persoalan yang ditimbulkan dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sentiasa menjawab persoalan-persoalan yang dibawa dan juga kepada semua rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Semoga kita semua akan berjumpa dalam sesi mesyuarat yang akan datang dengan lebih berjaya.

Kaola membawakan satu ayat yang mudah-mudahan kita tergolong di dalamnya:

وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ertinya: “Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan.”

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat FDr. Ar.

Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan hati yang tulus ikhlas, kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan atas kebijaksanaan dan kesempurnaan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang permesyuaratan di Dewan yang mulia ini.

Terima kasih juga, kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan dan kerjasama kepada abiskaola sepanjang permesyuaratan ini.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ , Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas telah pun sampai ke penghujungnya. Syukur atas limpah rahmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** atas rakyat dan negara dengan berkat kepimpinan berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Banyak isu-isu negara untuk perkembangan ekonomi dan kepentingan rakyat telah kita bincangkan

sehingga ke hari ini. Kita juga amat berharap bahawa perbincangan kita itu akan melahirkan perubahan yang positif terhadap pembangunan bangsa dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Semakin banyak kemudahan yang telah tersedia untuk masyarakat kita, walaupun kita menghadapi ekonomi negara yang mencabar. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berusaha sebaik mungkin dalam memastikan perkembangan negara dan kesenangan rakyat dijaga.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, kita masih mampu untuk meluluskan sejumlah besar Peruntukan Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2019/2020. Ini lebih jelas menunjukkan komitmen kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli hal-ehwal dan keperluan masyarakat.

Dalam Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat ini, kaola ingin menekankan lagi supaya apa sahaja yang telah dibincangkan dan dipersetujui akan dapat segera dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berwajib untuk mengelakkan daripada perkara-perkara tersebut dipersoalkan lagi. Ini juga, akan lebih memberikan keyakinan kepada masyarakat terhadap pengurusan pihak kerajaan yang kompleks dan serba mencabar ini.

Dari sektor ekonomi, seringkali ditekankan mengenai sistem pentadbiran sebagai jentera kerajaan bagi merealisasikan dan menjayakan Wawasan Brunei 2035. Bukan itu sahaja, kita juga sentiasa mengamalkan *whole of nation approach* bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan dalam pelaksanaan dan penggubalan dasar-dasar negara. Kita juga seharusnya mempunyai rancangan fiskal yang kukuh dan menyusun strategi jangka panjang untuk bergerak ke arah kemajuan yang kita inginkan.

Kaola percaya ketelusan atau *transparency* antara kerajaan dan masyarakat itu adalah penting. Ini tidak bermaksud ia terhad kepada pelaksanaan akta-akta, garis panduan tetapi juga termasuk 'pemberitaan' maklumat, program-program masyarakat, inisiatif-inisiatif pihak kerajaan dan merancang kemajuan yang telah ada dan yang akan dirancang oleh pihak kerajaan.

Adanya keperluan pihak kementerian untuk memberi perhatian, perlunya ada ketelusan dan 'pemberitaan' yang jelas kepada pihak kerajaan supaya tidak ada kesalahfahaman daripada masyarakat akan sesuatu proses bagi mengukuhkan kefahaman serta mengelakkan kekeliruan.

Jangan hanya melalui penjelasan yang kabur sahaja tanpa melakukan apa-apa tindakan yang seharusnya dilaksanakan sehingga terjadinya proses penangguhan yang sangat lama. Seperti proses *procument*, proses penghapusan aset

atau proses penyelenggaraan aset. Disarankan agar pihak yang berwajib supaya akan dapat melaksanakan perkara ini dengan cekap dan efisien.

Kaola juga menyambut baik inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk melaksanakan pelan *fiscal consolidation* secara *whole of government approach* dan kaola berharap agar setiap kementerian akan dapat mencapai keseimbangan *balance budget* masing-masing kerana satu perkara yang dapat membantu dan mengawal perbelanjaan negara.

Ini termasuk juga untuk mengawal permohonan Peruntukan Tambahan iaitu *Supplementary Budget*, iaitu pihak kementerian haruslah merancang dengan lebih awal untuk mengelakkan perbelanjaan negara yang berlebihan.

Dalam sektor kesihatan pula, kaola telah mengutarakan mengenai perlunya kesedaran tentang *dementia* dalam kalangan masyarakat awam dan juga di peringkat kebangsaan. Kaola juga menyuarakan mengenai keperluan untuk merangka *National Dementia Plan* yang mempromosikan aktif *ageing* terutamanya kalangan warga emas. Kita juga haruslah menyedari akan pentingnya untuk menjaga hal-ehwal warga emas kita khususnya kesihatan mereka.

Menyentuh pula dengan projek-projek rancangan atau kemajuan negara, kaola berharap pelaksanaannya nanti akan selaras dan relevan dengan Wawasan Brunei 2035 yang ingin kita capai.

Pihak-pihak yang berwajib haruslah konsisten dalam melaksanakan sebarang projek pembangunan negara untuk merealisasikan tujuan utama projek-projek tersebut diungkayahkan. Kaola juga berharap pada tahun depan, kita akan dapat melihat sejauh manakah sudah pelaksanaan, inisiatif kita dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Di sektor pendidikan pula, kepentingan *inclusive education* bagi pelajar-pelajar *special needs* juga harus diutamakan dengan penyediaan keperluan-keperluan pembelajaran, perkhidmatan guru-guru *SENA* dan kemudahan-kemudahan khas supaya dapat membantu dalam proses pembelajaran mereka secara menyeluruh. Kaola berharap pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan dapat berkolaborasi dan bekerjasama demi mengukuhkan lagi Sistem Pendidikan Negara.

Begitu juga halnya dengan pendidikan teknikal di institusi pengajian tinggi *IBTE* dan Politeknik untuk diserapkan dalam Program *i-Ready* supaya dapat membantu, melatih dan memberi pendedahan pelajar-pelajar kita kepada industri. Perkara ini juga akan dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran di negara kita.

Dalam menempuh era IR 4.0, kita haruslah melatih pelajar-pelajar untuk pekerjaan pada masa hadapan kerana pekerjaan pada zaman ini telah menjadi kurang relevan bagi era pertumbuhan digital.

Pelbagai usaha telah banyak dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membangun negara ini dan kaola merasa bersyukur dan menyambut baik segala inisiatif yang telah dikendalikan. Kaola faham perubahan yang dilakukan akan memakan masa sedikit demi sedikit tetapi kaola yakin ia akan membuahkan hasil yang dapat dibanggakan oleh kita semua.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam *has invested so much to his people* dan kita perlulah berganding bahu dan berusaha membangunkan tanah air kita yang tercinta. *It takes everyone to make a difference.* Kita akan dapat mengharungi cabaran dengan penuh semangat yang membara dan mempersiapkan generasi muda untuk sama-sama bergerak ke depan. Ini bertepatan dengan tema belanjawan negara tahun ini iaitu '*Investing In Our Future.*'

Kaola ingin memetik satu mutiara kata daripada *Socrates*: "*The secret of change is to focus all of your energy not on fighting the old but building the new.*" إِنْ شَاءَ اللَّهُ, dengan memantapkan segala usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan sebelum ini, kita akan dapat lagi membangunkan dan memajukan segala apa yang dirancang pada masa hadapan dengan melihat di mana keberadaan kita bagi menuju ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

di Mukim Labi sebagai Taman Hutan Bestari dan kawasan pelancongan. Setentunya, projek-projek tersebut akan mengubah landskap kawasan tersebut dan akan memberi peluang pekerjaan dan meningkatkan lagi hasil negara bagi mencapai matlamatnya;

2. Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi yang telah membina menara *DST* di kawasan Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat dan Mukim Labi. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**, sebahagiannya sudah beroperasi. Dalam masa yang sama, kaola berharap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui *Telbru* akan menambah baik mengenai perkhidmatan *internet* dan *e-Speed* dengan menaikkan tarafnya dari menggunakan *conventional* kepada *fiber optic cable* di mukim-mukim pedalaman;
3. Kementerian Pembangunan yang telah menaik taraf jalan Mukim Sukang dan Mukim Melilas di samping sentiasa mengambil perhatian mengenai Jalan Labi Sungai Liang dan Merangking Ulu Belait yang merupakan satu-satunya jalan utama yang sering mengalami kerosakan akibat kenderaan berat;
4. Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah juga giat memasang *street lighting* di sepanjang jalan Labi Sungai Liang, Mukim Bukit Sawat dan pemasangan lampu solar di rumah panjang Melilas, Sukang dan Ulu

Belait secara berperingkat-peringkat dengan peruntukan yang sudah diluluskan pada tahun 2018/2019. Diharap projek ini dapat diselesaikan mengikut jadual dan selanjutnya menyarankan mengenai kemudahan pesanan ringkas (*SMS*) bagi menyampaikan maklumat mengenai pemotongan bekalan elektrik yang berjadual bagi memperkesakan lagi keprihatinan pengguna sebagai langkah awal sebelum kerja-kerja dijalankan;

5. Kementerian Pendidikan atas usaha menubuhkan Maktab Sains di Daerah Belait bagi keperluan penuntut-penuntut di Daerah Belait. Dengan siapnya bangunan itu nanti, penuntut-penuntut aliran sains dapatlah menggunakannya dengan selesa;
6. Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi rancangan penambahan blok bangunan Sekolah Arab Daerah Belait dalam peruntukan 2019/2020; dan;
7. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menambah suai di Kompleks Sukan Mumong dengan membina *gym* yang akan siap sedikit masa lagi dan kementerian-kementerian yang lain yang sentiasa mengambil perhatian dan melaksanakan projeknya mengikut keutamaan.

Semua ini, membuktikan ketelusan usaha kerajaan dalam menaik taraf kehidupan rakyat di mana sahaja berada.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengenai ekonomi negara pula, pertumbuhan ekonomi negara turut melambangkan peningkatan kualiti hidup, individu dan masyarakat perlu aktif dalam memberikan sumbangan bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini, bertujuan supaya setiap tenaga kerja yang masih aktif di negara ini dapat digembleng dalam setiap sektor ekonomi sama ada dalam bidang pertanian, perindustrian, pelancongan, pengangkutan dan banyak lagi. Pihak kerajaan pula memainkan peranan penting dengan menyediakan pelbagai dasar seperti dasar penswastaan, dasar perindustrian, dasar industri kecil dan sederhana, pelan transformasi ekonomi negara bagi menarik pelabur dari dalam dan luar negara untuk menanam modal dan menyediakan ruang niaga yang kukuh bagi masyarakat Negara Brunei sendiri.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelbagai pihak perlu memainkan peranan aktif dalam pembangunan negara bagi menjamin kesuburan, pertumbuhan ekonomi dan seterusnya kualiti hidup masyarakat dapat ditingkatkan kerana pihak kerajaan akan mempunyai dana yang kukuh untuk menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur dan kepada rakyat. Semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dilimpahi rahmat dalam keadaan aman dan makmur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Akhirnya kaola memohon ampun dan maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kiranya terdapat kata-kata yang

kurang elok didengar serta tingkah laku sumbang sepanjang persidangan ini dijalankan. Yang baik itu datangnya dari *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan yang kurang baik itu, datangnya daripada kelemahan kaola jua.

Kaola tinggalkan Dewan yang mulia ini dengan serangkap pantun yang berbunyi:

Di atas dahan burung tempua,
Melihat rusa di tepi perigi,
Salam perpisahan untuk semua,
إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada mesyuarat negara tahun
depan kita bersua lagi.

Sekian sahaja disampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

*بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan

ini, kaola dengan perasaan amat sukacita merafakkan rasa syukur ke hadirat سُبْحَانَ اللَّهِ وَتَعَالَى atas limpah rahmat dan nikmat-Nya yang telah mengurniakan kesihatan dan nikmat kecergasan serta kecerdasan minda kepada kita semua sepanjang Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2019, di Dewan yang mulia ini.

Tidak lupa kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah mengemudikan persidangan dengan penuh adil dan saksama serta penuh kewibawaan sehingga berhasil menunaikan tanggungjawab dengan cemerlang. Digandingi oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan juga Yang Mulia Timbalan Jurutulis yang telah mengatur urusan persidangan dengan cekap dan sempurna.

Sepanjang 11 hari persidangan, kaola اللَّهُمَّ telah ikut serta menyumbang pemikiran dan juga idea-idea dalam isu-isu tertentu. اللَّهُمَّ kaola bersyukur ada juga saranan dan Usul kaola itu yang diterima baik dan dijanjikan untuk diberi perhatian.

Dalam kesempatan yang keemasan ini, izinkan kaola mengongsikan beberapa perkara sebagai titipan kaola untuk semua kita yang ada di Dewan yang mulia ini, dan juga buat masyarakat bangsa kita yang bernaung di bumi Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اللَّهُمَّ, selama 11 hari kita bersidang dengan izin dan kebesaran اللَّهِ jua, hasrat menyediakan peruntukan dan perbelanjaan negara bagi tahun 2019/2020 telah berhasil dimuktamadkan.

Kaola berharap peruntukan itu akan dapat menjana semua matlamat yang kita hasratkan khususnya bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Hendaknya fokus utama matlamat itu yang berkisar yang memperkasakan ekonomi negara menangani isu pengangguran dalam kalangan anak-anak tempatan yang banyak bersandar kepada sistem pendidikan dan aspek pembangunan negara dalam segenap bidang serta penerusan dasar kebajikan buat seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Mudah-mudahan peruntukan yang telah diluluskan dan dimuktamadkan itu akan berjaya menjadikan negara ini sebagai negara maju yang diredhai اللَّهِ. Berpaksikan falsafah negara 'Melayu Islam Beraja' dengan membawa bersamanya kehidupan rakyat dan segala isi dalamnya dengan penuh aman dan damai sejahtera.

Kaola mencadangkan supaya pendekatan holistik yang berdasarkan kasih sayang digunakan dalam

menyalurkan semua perkhidmatan untuk kebajikan rakyat dan penduduk negara ini.

Kaola ingin mencadangkan satu slogan yang berbunyi, "Bersama Membina Masyarakat Penyayang" agar dapat diberigakan dalam kalangan seluruh rakyat untuk dihayati bersama. Mungkin juga slogan ini dapat diambil dan digunakan sebagai tema Sambutan Hari Kebangsaan yang akan datang, mungkin.

Sebagai penutup istimewa buat Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola titipkan serangkap syair:

Terima kasih segunung intan,
Sejuta penghargaan seluas lautan,
Semoga Yang Berhormat Yang Di-Petua
dikurniakan kesihatan,
Rezeki berlimpah penuh keberkatan.

Sekian *وبإله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim. Mudah-mudahan doa Yang Berhormat dimakbulkan.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ، kaola mengucapkan syukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan izin dan limpah dan rahmat-Nya jua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 1440 bersamaan 2019, selama 11 hari akan sampai ke penghujungnya.

Kaola lebih dahulu merakam setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan penuh ketenangan dapat mengawal dan memimpin permesyuaratan dengan penuh hikmah teratur dalam suasana muhibah dan telus. Terima kasih juga kaola tujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara yang sentiasa siap siaga, setiap masa menyusun agenda permesyuaratan dan bertungkus-lumus juga bagi memastikan kejayaan Majlis Mesyuarat ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Negara kita sangat beruntung kerana mempunyai seorang raja yang sangat prihatin dan pemedulian terhadap perkembangan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini termasuklah juga generasi belia. Seperti yang dititahkan

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Mac 2019 yang lalu.

Pada masa yang sama, baginda juga mengurniakan titah sempena Upacara Perasmian Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Pengambilan Yang Ke-8, baginda juga menekankan sekali lagi supaya para belia mempunyai kekuatan kekukuhan sahsiah semangat patriotisme. Baginda seterusnya mengharapkan supaya belia berdampingan dengan kerja-kerja kemasyarakatan dan semangat keusahawanan untuk menjadikan mereka sebagai individu dan golongan yang prihatin akan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat sekeliling di samping mempunyai keyakinan diri, semangat berdikari dan berusaha gigih bagi mendapatkan kecemerlangan dalam kehidupan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**, pembinaan Jambatan Temburong merupakan projek utama negara pada abad ini yang tidak lama lagi akan siap. Ia tanda bukti dan lambang kasih sayang raja kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Sehubungan itu, kaola mengambil kesempatan melahirkan kesyukuran ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepimpinan dan kebijaksanaan baginda yang berwawasan dan berpandangan jauh.

Pada masa yang sama juga, kaola mengucapkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Authoriti Kemajuan Daerah Temburong dan juga telah bercemar duli berangkat meninjau lebih dekat lagi akan pelaksanaan projek-projek yang sudah dan akan dilaksanakan termasuklah ke Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Daerah Temburong pada 14 Februari 2019 yang lalu.

Ini membuktikan akan keprihatinan dan pemedulian yang berterusan terhadap kemajuan dan perkembangan Daerah Temburong pada masa kini dan masa hadapan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, Daerah Temburong akan bertukar wajah dan menjadi sebagai destinasi pelancongan yang lebih menarik pada masa hadapan.

Kaola dan bagi mewakili rakyat dan penduduk di Daerah Temburong, menyambut baik dan menyokong sepenuhnya segala perancangan dan inisiatif kementerian-kementerian yang berkenaan dan juga pelan tindakan, aktiviti serta rancangan yang diusahakan oleh Ahli Lembaga Authoriti Kemajuan Daerah Temburong yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada kesempatan ini, kaola ingin menyeru kepada penduduk Daerah Temburong supaya mengambil peluang dan kesempatan yang diberikan dan menyahut cabaran dengan mengambil bahagian secara langsung bagi menjayakan inisiatif-inisiatif yang dirancang dengan meningkatkan lagi usaha-usaha terutama melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pelancongan, perniagaan dan perusahaan, termasuk meningkatkan aktiviti-aktiviti sedia ada seperti Satu Kampung Satu Produk dan dapat ditambah nilainya.

Kaola sekali lagi bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat, ingin menekankan supaya apa jua yang telah dibincangkan dan dipersetujui bersama sepanjang permesyuaratan ini dijalankan akan membuah hasil yang positif serta dapat dilaksanakan sesuai dengan jangka masa yang telah ditetapkan.

Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat **اللَّهُ** semoga raja kita kekal karar memerintah negara dengan adil dan saksama, negara kita sentiasa aman sejahtera dan bahagia, bangsa kita sentiasa bersatu padu bekerjasama. Kita hanya merancang, berusaha kemudian kita bertawakal kepada **اللَّهُ**. Sebaik manapun perancangan kita, semua itu adalah ketentuan-Nya jua, maka jadikan **اللَّهُ** di hadapan kita, di mana jua kita berada penuhlah syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan-Nya, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, berkah akan turun dari langit menyirami bumi yang bertuah ini. Rezeki

akan datang dari mana-mana, keredhaan-Nya jua yang kitani cari.
آمِينَ... آمِينَ... يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Penutup kata, kaola memohon ampun dan maaf jika sekiranya sepanjang permesyuaratan ini ada perkara-perkara yang tidak bersesuaian yang datangnya dari hamba sendiri. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola amat bersyukur kepada **اللَّهُ** kerana Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1440 Hijrah bersamaan 2019 Masihi ini nampaknya akan berakhir ke penghujungnya pada hari ini.

Kaola jua bersyukur sepanjang permesyuaratan yang kaola bersama menyertai begitu berjalan dengan sempurna dan lancar dengan izin jua **اللَّهُ** memberikan keredhaan-

Nya, di samping dengan kebijaksanaan dan ketelusan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin persidangan yang mulia ini sejak dari mula bersidang hinggalah ke saat ini. Begitu juga Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lancar dan padu.

Kaola melalui kesempatan ini dengan tulus ikhlas jua sukacita mengucapkan setinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola selaku Ahli Yang Berhormat bagi Zon 1-Daerah Belait, merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan kerana menyampaikan mukadimah yang terang dan cukup jelas difahami mengenai hala tuju setiap kementerian dan seterusnya membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2019/2020 bagi kementerian-kementerian dengan jayanya. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan kerana memberikan jawapan yang jelas, persoalan yang telah diajukan semasa persidangan ini hingga ke akhir persidangan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Melalui Ucapan Penangguhan kaola ini, kaola sukacita ingin memberikan pandangan bahawa sebagaimana mukadimah yang disampaikan Yang Berhormat Menteri

di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan juga menteri-menteri yang berkenaan, dalam pandangan kaola bahawa dengan proses peningkatan dan pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam yang dinamik, bahawa adalah amat meyakinkan kemajuan dan perkembangan serta pembangunan Negara Brunei Darussalam akan melangkah terus ke hadapan pada tahun-tahun mendatang dengan pertumbuhan ekonomi dari sektor minyak dan gas dan dari sektor bukan minyak dan gas yang rancak dipergiatkan yang telah membawa hasil dan yang akan bakal mengeluarkan hasil dari pelbagai sektor yang disebutkan.

Dengan pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam yang berterusan di samping pembangunan-pembangunan yang lainnya, kaola percaya bahawa Negara Brunei Darussalam akan menuju ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035. Kaola bersyukur kepada ﷻ dan mendoakan semoga Negara Brunei Darussalam akan terus dirahmati ﷻ dengan nikmat kebahagiaan dan keamanan serta kesejahteraan dengan berkat daulat di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

آمِنٌ... آمِنٌ... يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, bagi mengakhiri Ucapan Penangguhan kaola ini, kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita memohon kemaafan jua segala apa jua kekhilafan dan

keterlanjuran dan bahasa yang tidak sepertinya, terutamanya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan kepada semua warga Jabatan Majlis Mesyuarat Negara dalam persediaan dan kesempurnaan menjalankan tugas dan tanggungjawab di permesyuaratan ini.

Sekali lagi kaola mengucapkan tahniah dan penghargaan setinggi-tingginya. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih, dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Dalam kesempatan ini kaola lebih dahulu mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin mesyuarat dalam Dewan yang mulia ini dengan cemerlang dengan dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ، peruntukan belanjawan bagi tahun 2019/2020 telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara yang baharu selesai. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara yang kaola utarakan ialah perkara yang dekat di hati kaola sebagai pemimpin berakar umbi.

1. Mengenai dengan sikap tahap kemiskinan dalam kalangan rakyat, kemiskinan adalah masalah sosial yang perlu ditangani secara kondusif. Walaupun jumlah yang tercatat 5,000 ke 6,000 orang. Sebenarnya ramai di luar sana yang hidup pada tahap kemiskinan, terutama yang berpendapatan sekitar \$400.00 ke \$1,000.00 sebulan. Mereka ini mempunyai tanggungan keluarga, begitu juga warga emas yang tidak menerima bantuan dari anak-anak mereka kerana tanggungan yang banyak hanya mengharapkan bantuan pencen tua \$250.00.

Kaola melihat kenaikan jumlah mereka yang jatuh miskin menunjukkan tahap kehidupan mereka yang rendah tetapi nilai hidup yang tinggi. Dalam hubungan ini agensi-agensi berkenaan telah pun menyediakan bukan sahaja setakat bantuan kewangan tetapi juga menyediakan program-program untuk melepaskan mereka ini dari perangkap kemiskinan.

Kaola ingin mencadangkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal

Ugama bekerjasama dengan jabatan yang bertanggungjawab iaitu JAPEM dan juga Jabatan Daerah supaya mereka dapat mengadakan projek-projek yang berbentuk ekonomi untuk golongan ini yang berskala kecil dan sederhana melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seperti seumpamanya membuat biskut ataupun menjahit beg-beg sekolah untuk pasaran dalam negeri untuk membantu meningkatkan ekonomi mereka agar mereka terlepas daripada bergantung pada bantuan kerajaan ataupun disebut duduk diam dapat wang;

2. Sekali lagi kaola utarakan mengenai dengan Daerah Tutong. Kaola mengharapkan kepada agensi-agensi berkenaan supaya dapat mengembangkan Daerah Tutong. Pertama, dari segi ekonomi bagi membantu warga, pertama belia dan pencari kerja di Daerah Tutong dengan menempatkan tapak-tapak industri yang pada masa ini hanya diwujudkan kebanyakannya di Daerah Brunei Muara dan Daerah Belait. Dengan adanya tapak-tapak industri diwujudkan akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk terutama belia-belia di Daerah Tutong. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian sahaja Ucapan Penangguhan kaola.

Akhirnya kaola memohon maaf atas segala kesilapan dan kekurangan sepanjang mengikut Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية التامة بركاتكم ورحمة الله وبركاته*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, lebih dahulu kaola dengan penuh hormat dan takzim, sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mempengerusikan Permesyuaratan Kali Kelima Belas bagi tahun 2019.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, mesyuarat tahun ini telah berjalan dengan penuh tersusun dan teratur dengan suasana yang harmoni, penuh keterbukaan dan semangat muhibah. Di samping perbincangan yang sangat produktif serta memfokus kepada perkara-perkara yang strategik demi kepentingan kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berterima kasih di atas penghargaan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap beberapa inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,

terutama berikutan berapa siri lawatan ke tapak-tapak pertanian dan perikanan serta perhutanan yang telah diaturkan oleh Kementerian ini.

Dari siri lawatan-lawatan tersebut, dapatlah dilihat bahawa sektor yang dijangka akan dapat menyumbang secara signifikan kepada misi Kementerian untuk meningkatkan keluaran sektor pertanian ialah aktiviti penternakan ayam pedaging serta aktiviti tanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga. Bagi sektor perikanan pula peningkatan keluaran dari aktiviti akuakultur dan aktiviti penangkapan ikan laut dalam, dijangka akan menjadi penyumbang utama pada beberapa tahun akan datang.

Berikutan perkembangan ini, kita juga melihat sektor pemprosesan mula berkembang terutamanya aktiviti pemprosesan ikan dan udang blue shrimp yang bukan sahaja untuk dipasarkan dalam Negara, malah untuk tujuan pasaran eksport ke luar negara.

Dalam aktiviti ayam pedaging, kita juga berbangga menyaksikan pertumbuhan yang signifikan beberapa buah syarikat, antaranya Syarikat Perusahaan *Riza Fudhlana Farming* yang menjalankan perusahaan di kawasan Kemajuan Pertanian Tanah Tuah, Kampung Kulapis. Ia bermula dengan 2 buah reban pada tahun 2015 dengan pengeluaran sekitar 180,000 ekor ayam dan kini telah berkembang kepada 10 buah reban dengan pengeluaran hampir mencapai satu juta ekor ayam pada tahun 2018.

Dalam sektor tanaman pula, kita telah menyaksikan beberapa buah syarikat baharu seperti *RZ Wisma Enterprise*, *Ameen Farm Agrotech & Trading* dan *Gropoint Sdn. Bhd.*, *Marsya Farm* dan lain-lain yang juga tumbuh dengan pesat dalam tempoh 2 tahun yang lalu, terutama dengan menggunakan teknologi baharu dan ada yang sudah sedia untuk menembusi pasaran eksport seperti *Gropoint Sdn. Bhd.*, yang sudah mula mengeksport *musk melon* ke Singapura dan Hong Kong minggu ini dan buat masa ini sedang menunggu kebenaran untuk mengeksport ke Australia dan Republik Rakyat China.

Kita juga menyaksikan beberapa peladang yang telah lama berkecimpung dalam industri tanaman seperti Syarikat *Asia Enterprise*, *Norajijah Plantation Sdn. Bhd.*, *Tunas Harapan Sdn. Bhd.*, dan *Hanafee H.Z Agriculture Farm*, telah memanfaatkan beberapa bidang tanah tambahan yang telah ditawarkan untuk menanam buah-buahan yang berkualiti tinggi seperti durian *Musang King* dan durian *black thorn* dan lain-lain.

Syarikat perusahaan Haji Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak pada misalnya, sebelum ini mengusahakan tanah seluas 3 hektar tanaman sayur-sayuran dan melalui inisiatif projek *expansion* yang diperkenalkan, keluasan ladang perusahaan tanaman sayur-sayur beliau bertambah kepada 7 hektar dengan hasil keluaran hampir 500 tan metrik setahun. Dalam sektor perikanan, kita turut berbangga melihat perkembangan sektor akuakultur yang berkembang pesat dipelopori oleh syarikat-syarikat seperti

Syarikat Golden Cooperation Sdn. Bhd., Syarikat Helif Aquaculture Enterprise, Syarikat O.E.D Agriculture and Aquaculture, Syarikat Nur Nabai Aquaculture Sdn. Bhd., Syarikat Tong Kee Products Sdn. Bhd., dan Syarikat Sea Neptune Aquarius Enterprise.

Manakala sektor tangkapan laut dalam juga berkembang pesat di luar jangkaan, dipelopori oleh *Syarikat Yamako Pacific Sdn. Bhd.*, dari Jepun, *Syarikat Golden Cooperation* dari Taiwan dan usaha sama antara Syarikat Gemilang Seri Sdn. Bhd., dari Negara Brunei Darussalam dengan *Guangzhou Shunfan Deepsea Fishery* dari Republik Rakyat China.

Kesemuanya dilengkapi dengan kapal-kapal yang mampu untuk menerokai laut dalam di Zon 3 dan Zon 4 bagi penangkapan ikan tuna sirip kuning (*yellow fin*) dan ikan *skip jack*. Kita berasa bertuah kerana syarikat-syarikat ini juga melanjutkan aktiviti mereka ke bidang pemprosesan dan eksport yang dapat membuka pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Kita juga berbangga mendapati beberapa syarikat pemprosesan telah menembusi pasaran eksport menggunakan jenama Brunei halal yang terbaharu ialah *Syarikat BMC Food Industries Sdn. Bhd.*, yang akan membekalkan *ready cook halal chicken* kepada sebuah syarikat rangkaian Jepun *CHIBO*, yang mempunyai lebih 300 cawangan di negara berkenaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa antara faktor penting bagi merealisasikan visi dan misi kerajaan dan kementerian ini untuk meningkatkan keluaran serta menyumbang kepada pertumbuhan KDNK dan kepelbagaian ekonomi negara adalah kesungguhan peladang-peladang kita sendiri. Oleh yang demikian, kita berharap peladang-peladang kita akan terus bersungguh-sungguh dan gigih mengusahakan tanah-tanah yang ditawarkan kepada mereka.

Ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Perasmian Majlis Ilmu pada 26 November 2018 yang lalu yang berbunyi;

“Beta teruja kerana kita telah dapat melahirkan peladang dan petani yang sebahagiannya telah berjaya menjadikan bidang ini sebagai mata pencarian utama mereka. Terutama dalam aktiviti bertanam sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga dan aktiviti ternakan dan perikanan. Beta percaya, kejayaan ini adalah hasil daripada kesungguhan kegigihan serta ‘sifat berkarih’ mereka.

Beta mahu sifat sedemikian ini biarlah terus hidup dalam kalangan para peladang dan petani. Beta amat menaruh harapan supaya para peladang dan petani tidak bosan mengusahakan peladangan masing-masing dengan penuh rasa tanggungjawab, dedikasi dan berdisiplin demi survivabiliti bangsa dan negara”.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola berharap kita semua sama memberi dorongan kepada peladang-peladang kita yang sedia ada dan menggalakkan belia dan anak-anak buah kita terutama yang masih mencari pekerjaan untuk bergiat dalam aktiviti pertanian bagi merealisasikan hasrat kita sambil membantu mengukuhkan strategi sekuriti makanan (*Food Security*), dan membantu mengurangkan pergantungan pada import bahan makanan. Kita juga menyeru agar orang ramai yang telah diberikan tanah-tanah pertanian agar mengusahakan tanah mereka seperti yang dipohonkan dengan bersungguh-sungguh dan tidak menjadikan tanah berkenaan terbiar dan tidak akan menyewakan tanah berkenaan pada pihak-pihak lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam sektor pelancongan kaola juga sangat berterima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat atas penghargaan terhadap beberapa inisiatif seperti *Acara Brunei December Festival*, pelancaran beberapa produk baharu dan penambahbaikan produk-produk yang sedia ada.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT) juga amat berterima kasih dan menghargai kerjasama yang diberikan dari berbagai kementerian, Ahli-Ahli Lembaga Pelancongan Brunei serta penduduk mukim dan kampung dalam membantu mengembangkan industri pelancongan negara ini. Begitu juga sumbangan pihak swasta seperti Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, ejen-ejen pelancongan,

persatuan hotel serta syarikat-syarikat pemaju dan lain-lain.

Acara Brunei December Festival (BDF), yang mempunyai 2 objektif iaitu untuk menarik pelancong dari luar negara dan menggalakkan orang ramai tempatan bercuti di negara sendiri. Telah menjadi satu fenomena kerana walaupun ia dimulakan oleh kementerian secara kecil-kecilan dengan tidak melibatkan sebarang peruntukan kerajaan, ternyata telah mendapat sambutan di luar jangkaan melalui inisiatif dan kreativiti pihak-pihak penganjur acara atau *event manager* seperti *Ar-Rafi Archery*, *Syarikat Battle Pro (Yes Letop)*, *Syarikat Qalby Management (Brunei Islamic International Festival) Game on Management* dan lain-lain lagi. Kita mendapati banyak penganjur yang terlibat ini, menikmati pertumbuhan perniagaan masing-masing mengikuti dalam penganjuran aktiviti sempena acara *BDF* ini.

Kita juga turut berbangga dengan jalinan kerjasama yang erat dari pihak ejen pelancongan dalam sama-sama mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pilihan pelancong melalui syarikat-syarikat seperti *Freme Travel Services*, *PJ Majestic Tours & Travel* dan *Sinar Tour* dan lain-lain yang menyumbang kepada beberapa pasaran utama yang telah meningkat secara signifikan dan konsisten dari tahun ke tahun terutamanya dari pasaran Republik Rakyat China dan Republik Korea.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kerjasama erat antara pihak kerajaan dan pihak swasta dalam semua bidang sama ada sektor pertanian, perikanan dan pelancongan ini adalah contoh utama kesungguhan yang kita mempraktikkan *whole of nation approach*. Melalui kerjasama ini telah banyak menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan pada masa yang sama telah dapat menambahkan keuntungan kepada pihak swasta yang berkaitan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekianlah sahaja Ucapan Penangguhan yang dapat kaola sampaikan pada Musim Permesyuaratan Pertama Dari Majlis Mesyuarat Kali Kelima Belas ini. Kaola sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan bersama iringan doa Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa dalam rahmat dan sihat sejahtera dan bahagia.

Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini kaola juga mohon maaf sekiranya terdapat tingkah laku dan kata-kata yang kurang manis dalam masa kita bersidang ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas sokongan, panduan dan kerjasama yang diberikan sepanjang permesyuaratan ini.

Sekian وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
، Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ،
jua اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى , Dengan izin maka kaola dapat berdiri di Dewan yang mulia ini. Dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan kepada kaola menyampaikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Kaola menyokong penuh Belanjawan Kewangan bagi Tahun 2019/2020 dengan tema "Pelaburan Untuk Masa Depan" sememangnya sesuai dengan hala tuju dan Wawasan Brunei 2035. Sehubungan dengan itu, segala program pembangunan negara dan juga dasar kerajaan, semasa ia diperkenalkan hendaklah dirancang dan dilaksanakan untuk mencapai tujuan-tujuan yang dihasratkan. Usaha ini memerlukan bukan sahaja usaha yang gigih dari pihak kerajaan dan kakitangannya, malah ianya memerlukan promosi ke arah perubahan sikap tenaga dan pemikiran dari seluruh rakyat dan sektor swasta untuk sama-sama menyokong dan melaksanakan bersama-sama.

Negara Brunei Darussalam akan terus berhadapan pengangguran terutama sekali golongan belia berikutan faktor ketidak seimbangan kemahiran serta asas jurang sistem pendidikan dan industri. Sehubungan dengan itu, pihak berkenaan perlu mewujudkan pangkalan data atau kajian bagi memastikan semua program dan projek ke arah pembangunan modal insan haruslah seimbang dan sentiasa relevan sejajar dengan peredaran zaman masa kini.

Peluang pekerjaan akan disokong oleh aktiviti-aktiviti domestik dan eksport dengan beberapa bantuan daripada sektor informal. Dalam hal ini, pihak kerajaan mahupun sektor swasta hendaklah memberi tumpuan kepada kemajuan semua faktor agar isu pengangguran dapat dikurangkan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Aktiviti kemasyarakatan adalah sebagai modul terbaik bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat. Berbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan ke dalam fasa komuniti agar lebih aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

Aktiviti kemasyarakatan dan amalan hidup sihat seperti bergotong-royong perlu diadakan secara berterusan kerana ia boleh menjadi *platform* terbaik mengeratkan silaturrahim kerjasama serta membudayakan penjagaan kebersihan.

Sehubungan dengan itu, program-program kemasyarakatan di peringkat nasional mahupun akar umbi dengan melibatkan para belia hendaklah sentiasa

digerakkan sebagai wadah bagi mewujudkan dan mengekalkan kemurnian dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

Bagi mencapai hasrat ini, penambahbaikan program-program yang sedia ada seperti 'Bandarku Ceria', 'Hari Keluarga', 'Mukim Sihat' dan lain-lain hendaklah dilakukan untuk memberi percambahan idea kreatif dan produktif kerana pihak kerajaan dan seluruh negara wajar terus dibaja dan terus hidup subur bagi menghasilkan kemajuan dan pembangunan negara yang mampan.

Akhir kalam, kaola merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas bijaksana dan kesabaran memimpin dan memandu permesyuaratan dengan kemas dalam suasana yang harmoni dan muhibah. Kaola tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis yang dengan cekap setiap hari menyusun perkara-perkara yang dimesyuaratkan dan juga kepada seluruh pegawai dan kakitangan yang bekerja keras bagi menjayakan permesyuaratan ini. Dengan ini kaola sudahi dengan 3 rangkap pantun;

Turun ke paya memetik kangkung
Hati-hati terkena getahnya,
Bergotong-royong penduduk kampung,
Hidup muafakat hidup bahagia.

Beras segantang sudah disukat,
Lalu disimpan di atas bara,
Andai masyarakat hidup muafakat,
Hidup damai rakyat sejahtera.

Kalau ada jarum yang patah,
 Jangan di simpan di dalam peti,
 Kalau ada sikap kaola yang salah,
 Jangan disimpan di dalam hati.

Sekian. *وبالله التوفيق والهداية التواكفم بآلائكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola lebih dahulu dengan jernih hati mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan memimpin dan mempengerusikan Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal permesyuaratan hingga penghabisan.

Syukur *بِاللَّهِ*, sepanjang sesi permesyuaratan dan perbahasan kita di Dewan yang mulia ini, ia telah berjalan dengan lancar dan penuh bermakna serta dalam suasana yang muhibah keterbukaan saling menghormati.

Tidak lupa juga kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis yang membawa majlis permesyuaratan ini berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pembentangan cadangan Belanjawan bagi Tahun Kewangan bagi Tahun 2019/2020 yang bertemakan "Pelaburan Untuk Masa Depan" menekankan pelaburan untuk masa depan yang menekankan 4 fokus:

1. Meningkatkan Aktiviti Pelaburan;
2. Memudah Cara Perniagaan;
3. Menjana Sumber Tenaga Manusia Yang Kompeten dan *Employable*; dan
4. Memelihara Kesejahteraan Awam.

Sememangnya, pada tahun ini telah membawa dan menerbitkan mesej yang kuat. Pandangan yang jauh dan hasrat murni serta jitu oleh kerajaan dalam mengorak langkah terus maju ke hadapan dalam sama-sama kita mencapai gagasan dan matlamat Wawasan Brunei 2035. Ini dilaksanakan khusus dengan memastikan asas dan landskap ekonomi negara lebih fokus luas berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat bagi generasi pada masa yang akan datang.

Dalam mendukung usaha kitani ke arah pembangunan ekonomi yang mampan tumpuan dan penekanan harus diberikan

kepada pembangunan para belia sebagai aset pemangkin transformasi kemajuan negara. Oleh itu, usaha dan langkah dalam memberikan pendidikan dan bimbingan akhlak yang tersusun perlu ditingkatkan dalam melahirkan generasi belia rabbani dan belia berjaya.

Kepentingan golongan belia adalah harapan besar yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun 2010 yang bertitah antara lain:

“Masa depan negara tidak syak lagi banyak bergantung pada golongan belia kerana itu mereka perlu dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran semangat jati diri dan akidah yang mantap”.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha negara dalam menyesuaikan diri dengan teknologi digital khususnya dalam mengharungi Revolusi Industri 4.0 untuk meningkatkan produktiviti dan peluang penetapan nilai-nilai kita sebagai orang dan bangsa Brunei yang ‘berkarih’ dan ‘berlurih’ adalah penting.

Kita boleh memperlihatkan kepada masyarakat dunia akan nilai-nilai kebruneian kita yang sentiasa bekerja keras dan tidak mudah berputus asa dengan semangat kesepakatan dan bersatu padu. Semua ini kita lakukan semata-mata bagi memperolehi semangat berkat dan limpah rahmat daripada *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* jua. Harapan negara agar menjadi sebuah negara

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Hasil penyelidikan dan kajian perlu dikongsikan bersama agar ia dapat diambil perhatian dan ditangani secara kolektif yang khususnya melalui pendekatan *whole of nation*. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum mengakhiri kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Sebagai penutup, kaola ingin memohon maaf jika terdapat kesilapan kata-kata terkasar bahasa semasa menyampaikan hujah, pandangan, saranan dan persoalan sepanjang Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini, dengan doa, semoga hasrat dan niat kita semua mendapat rahmat daripada *... يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ* jua. *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
sekian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu dan sekarang dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang

Di-Pertua kerana memandu Majlis Mesyuarat ini berjalan dengan lancar. Begitu juga kepada Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan kerana memberikan jawapan yang komprehensif kepada semua soalan yang diajukan juga kepada Yang Dimulihkan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis.

Menyentuh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, masih terdapat sebilangan orang awam yang menghadapi kesukaran dalam hal pengangkutan disebabkan mereka tidak mempunyai kenderaan sendiri terutama di luar kawasan Daerah Brunei dan Muara. Tidak semua rakyat mampu memiliki kenderaan sendiri dan ada juga antara mereka golongan warga emas yang tidak mampu mengenderai kenderaan disebabkan mata yang sudah kabur dan otot yang kian lemah.

Oleh itu, kaola mencadangkan agar pihak yang berkenaan mengadakan perkhidmatan bas atau van *mini* yang boleh dibayar oleh orang awam sebelum menaiki agar memudahkan perjalanan golongan seperti mereka dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Disebabkan dunia semakin canggih dan kita yang sentiasa mengejar masa untuk melakukan pelbagai perkara agar kita menggunakan *debit* kad atau *cash* kad dilaratkan sehingga ke kedai-kedai runcit dan juga tempat-tempat stesen minyak di negara ini.

Ini akan membolehkan kerja orang awam semakin mudah dan mereka tidak perlu berdiri lama dalam barisan yang panjang untuk mendapatkan sejumlah wang.

Mungkin sahaja ia boleh menjimatkan masa dan menjimatkan tenaga mereka. Kaola melihat bahawa pengangkutan awam seperti bas di negara ini dihentikan operasinya pada waktu malam. Walhal, pada waktu malam ada segelintir masyarakat yang baru habis bekerja atau baru ingin memulakan pekerjaan malangnya ada antara mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri. Terdapat juga pelancong dari luar negara yang ingin menjelajah untuk melihat suasana tempat di negara ini pada waktu malam, namun tidak berkesempatan kerana tiada pengangkutan awam yang murah atau bas disediakan.

Sebahagian pelancong adalah *backpackers* yang mengutamakan kos rendah atau *transportation*. Oleh yang demikian, kaola mencadangkan agar pengangkutan bas ini dipanjangkan tempohnya sehingga waktu malam. Kaola menyarankan agar ada sistem *shift* dalam kalangan pemandu agar mereka tidak merasa letih untuk menjalankan tugas mereka pada keesokan harinya. *DART* merupakan pilihan alternatif pengangkutan di negara ini dan dilihat boleh menjanai ekonomi seseorang yang terlibat.

Bagi mengurangkan lagi kadar pengangguran di negara ini, kaola menyarankan agar pihak yang berkenaan memberikan kemudahan dalam peraturan yang ditetapkan misalnya kereta yang dipandu tidak melebihi 10 tahun sebagai salah satu syaratnya. Namun, kaola melihat bahawa kereta yang dipandu lebih 10 tahun sekiranya masih dalam kondisi yang baik, masih

boleh digunakan untuk membawa penumpang ini kerana ada segelintir masyarakat yang mengadu ingin menjadi driver *DART*, namun tidak mempunyai kereta yang berusia di bawah 10 tahun. Usahawan yang ada di negara ini perlu diberikan kemahiran dan praktikal dan ilmu pengetahuan dalam penggunaan *online business* agar mereka menjadi usahawan yang berjaya dalam melebarkan sayap mereka ke arena antarabangsa walaupun dalam skala yang kecil.

Pada masa ini, telah ada *website* mengumpulkan pengusaha-pengusaha di negara ini. Namun masih ramai yang tidak mengetahui kewujudannya. Sudah menjadi tanggungjawab pihak yang terlibat 'memberigakan' hal ini kepada orang ramai. Kaola juga percaya bahawa interaksi antara pelanggan dan penjual atau pengusaha dan *marketing* yang dijalankan melalui *online* ini boleh melonjakkan nama syarikat atau perusahaan mereka. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola bersyukur kerana diberi peluang

untuk bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan untuk Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah penghargaan atas kesabaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu juga dengan dedikasi Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan kerja keras semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan penuh sokongan ke atas Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kaola ingin memberi beberapa cadangan peringatan.

Diharapkan kepentingan maklumat dan *milestone* implimentasi atas semua peruntukan dan cadangan sentiasa dikongsi, seperti contoh *quarterly multi-stakeholder outreach* dapat disokong oleh semua-semua pihak kerajaan dan masyarakat.

Proses *fiscal consolidation* dan *review governance* perlu ditangani dengan jangka masa yang tepat dan berdisiplin supaya lebih cekap di dalam menjalankan tugas dan amanah. Dalam pada masa ini juga, integrasi dalam komunikasi kerajaan dan masyarakat melalui teknologi canggih akan digalakkan.

Kaola mengambil baik juga peluang yang diberi oleh kementerian-kementerian

ke atas proses terbuka untuk meningkatkan urusan kementerian. Pengawasan dan penguatkuasaan kedaulatan undang-undang tanpa prejudis atau berbelah bahagi. Semakan dan penyesuaian semualah adalah cara bagi kita untuk memastikan bahawa pelaksanaannya adalah untuk kebaikan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai penutup Ucapan Penangguhan, perlulah kitani ingat-mengingati bahawa apa jua mekanisme di pihak perkhidmatan awam, mahupun pihak swasta dilaksanakan dengan tujuan untuk memacu kemajuan. Keinginan untuk pencapaian terletak kepada rakyatnya sendiri. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji

Osman @ Othman: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ لَهُ
عَلَيْكُمْ وَالسَّلَامُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اللَّهُمَّ kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin-Nya jua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun sampai ke penghujungannya. Sepanjang

sesi perbincangan, kita di Dewan yang mulia ini telah berjalan dengan lancarnya dalam suasana muhibah semangat permuzakarah dan hubungan silaturahim yang mantap. Syukur اللَّهُمَّ .

اللَّهُمَّ selama beberapa hari kita bersidang di Dewan yang mulia ini, persidangan telah dapat berjalan dengan lancar dan teratur. Lebih dahulu kaola sangat-sangat merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin permesyuaratan ini dengan sabar, tenang dan penuh kebijaksanaan serta memberi peluang yang saksama kepada kaola untuk mengutarakan soalan-soalan serta meneliti penjelasan setiap isu-isu yang ditimbulkan oleh kaola sebagai Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis yang menjalankan tugas dengan dedikasi di sepanjang persidangan yang telah berjaya memfokuskan perbincangan kepada Anggaran Rang Belanjawan 2019/2020 sebagai agenda utama dalam persidangan, di samping berjaya memandu persoalan dan isu lain yang tidak kurang pentingnya untuk disuarakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Kaola tidak lupa juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada keseluruhan pegawai dan kakitangan

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara atas sokongan dan kerjasama yang diberikan kepada kaola sepanjang permesyuaratan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan yang sangat berharga ini, izinkan kaola merujuk mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 7 Mac 2019. Baginda bertitah berkenaan menyentuh tentang ekonomi Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan membina persekitaran yang kondusif di peringkat antarabangsa dengan menyertai beberapa perjanjian perdagangan-perdagangan bebas dengan rakan-rakan serantau antarabangsa sebagai memberi peluang pasaran di negara-negara berkenaan.

Dalam hubungan ini, kaola percaya dengan tunjuk ajar dan langkah yang positif oleh kerajaan baginda dalam memastikan peluang perniagaan bagi memasarkan produk tempatan kitani di peringkat antarabangsa akan terbuka luas. Seterusnya merupakan gelombang mempelbagaikan ekonomi negara bertepatan dengan *road map industry* negara. Semoga langkah-langkah dalam usaha ini, akan menghasilkan yang terbaik untuk negara kita semuanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu perkara yang kaola ingin timbulkan ialah mengenai

penyelarasan dan mengemaskinikan cukai tanah ke atas tanah-tanah yang termasuk dalam peluasan kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, yang bermula pada 12 April 1999 bersamaan 6 Muharram 1420 supaya kadar cukai tanah yang terbaharu itu akan dapat dipertimbangkan dan dikaji semula sebaik-baiknya untuk meringankan kesulitan dan beban yang tidak munasabah kepada masyarakat umum khususnya kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah.

Kaola juga ingin membawa mengenai pemedulian terhadap permasalahan rakyat. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kerajaan masih mampu memeduli komitmen sosial dalam membantu bagi menghulurkan kepada yang kurang berkemampuan. Walaupun menghadapi kegawatan ekonomi namun pihak kerajaan khususnya Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Ugama Islam Brunei dan Yayasan Sultan Hassanal Bolkiah terus memberikan pertimbangan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar susah dan memerlukan bantuan.

Apa yang kaola harapkan ialah proses bagi mendapatkan bantuan-bantuan tersebut hendaklah dipercepatkan kerana keperluan hidup seseorang insan yang susah sangat memerlukan bantuan segera. Ini adalah pengalaman seorang pemimpin akar umbi melayan nasib anak bangsa yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** dalam fakta-fakta yang dikongsikan dalam

ucapan mukadimah dan dalam menjawab soalan-soalan yang kaola kemukakan, sungguh berguna kepada kaola kerana ia memudahkan kaola untuk menyampaikan jawapan-jawapan meyakinkan dan orang awam berhubung masalah dan soalan yang telah mereka kemukakan. Kaola dengan hati yang penuh ikhlas tidak lupa mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang penuh sabar memberikan jawapan-jawapan dengan panjang lebar, jelas dan terperinci ke atas perkara-perkara yang kaola timbulkan dalam Dewan yang mulia ini.

إِسْـمِ اللَّهِ الْحَمْدُ اللهُ isu-isu soalan dan perbincangan yang disuarakan dalam Dewan ini dan kaola berharap dapat diambil perhatian dan tidak terlepas perhatian kerana isu-isu tersebut juga adalah kepentingan negara, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Kaola sebagai wakil Yang Berhormat Daerah Brunei dan Muara, Zon 2, mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik atas kerjasama yang diberikan kepada kaola dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing sepanjang permesyuaratan. Mudah-mudahan apa yang kita bincangkan dan bahaskan akan membuahkan hasil demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara kita.

Bagi mengakhiri Ucapan Penangguhan, kaola di Dewan yang mulia ini, kaola mewakili rakyat dan penduduk Daerah Brunei dan Muara, Zon 2 menyembahkan

setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas keprihatinan baginda yang mendalam kepada rakyat baginda.

Abis kaola berdoa ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini آمِينَ آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Bagi mengambil kesempatan, kaola memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua jika terdapat pertuturan bahasa dan "suruk langkah" yang kurang menyenangkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola juga ingin memohon maaf jika terdapat soalan-soalan dan pandangan-pandangan yang disuarakan menyakitkan hati dan menyinggung perasaan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Adapun yang disuarakan di Dewan yang mulia ini, untuk menyampaikan dan menyuarakan masalah-masalah yang disuarakan oleh orang ramai dan semata-mata menjunjung titah yang telah dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam demi kesejahteraan rakyat dan penduduk serta meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat. Sekian وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Yang Berhormat suaranya ini selalu lantang, tapi walau bagaimanapun hatinya baik. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaannya memimpin Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara dengan lancar dan penuh bermakna serta dalam suasana aman.

Kaola juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu tabah mendengar soalan-soalan dan juga saranan-saranan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, memberi penjelasan-penjelasan kepada program-program kemajuan dan perkembangan serta pelaksanaan projek-projek di kementerian masing-masing.

Tahun ini berlainan daripada tahun-tahun sebelumnya dari segi pendekatan antara Ahli Majlis Mesyuarat Negara dengan pihak Kementerian. Ahli-Ahli Yang Berhormat bukan saja menyampaikan isu dan cadangan bagi pihak orang ramai, tetapi juga diberi peluang dan kesempatan untuk menjalankan muzakarah bersama pihak Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya, dan juga membuat lawatan bagi memahami dengan lebih mendalam lagi akan program-program dan inisiatif kerajaan. Lawatan-lawatan ini sangat berguna dalam mengongsikan kelebihan, kelemahan dan juga hasil ataupun impak daripada inisiatif-inisiatif tersebut.

Di sinilah Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat melihat kepentingan penyelarasan program-program yang dibuat oleh setiap kementerian dan yang lebih penting lagi ialah mengongsikan matlamat dan kemajuan inisiatif-inisiatif tersebut agar orang ramai dapat turut memahami tentang perkembangan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Ini termasuklah dengan memastikan laman sesawang dan media sosial kerajaan perlu *up-to-date* dan *engaging*.

Kita diminta untuk tidak membangkitkan isu-isu lama sewaktu mesyuarat pada tahun ini. Tapi kaola berharap, ini tidak bermaksud isu-isu lama yang belum selesai dilupakan. Perkara-perkara yang masih menjadi kebimbangan orang ramai, termasuklah isu *stateless*, perumahan yang rosak, bangunan yang terbiar, tidaklah patut dilupakan begitu sahaja. Namun demikian, **اللَّهُمَّ** juga kerana isu-isu yang

dibangkitkan sebelum ini telah mendapat penyelesaian dan hasil yang sangat positif.

Sebagai contoh, dari sektor belia, kita dapat melihat sokongan bagi pembangunan belia yang sangat ketara dengan pengubahsuaian Pusat Belia, penglibatan belia yang aktif dalam beberapa program kebangsaan, reviu Dasar Belia dan *platform-platform* bagi belia menonjolkan bakat mereka di samping menggalakkan perusahaan belia.

Bagi sektor alam sekitar pula, terdapat peningkatan yang ketara dari segi *No Plastic Bag initiative* yang telah dilaratkan kepada setiap hari dan penempatan lebih banyak tempat pengumpulan kitar semula di seluruh negara.

Kaola menyambut baik jua inisiatif baharu, iaitu tekad untuk mendorong mereka yang kurang berkemampuan untuk meningkatkan peluang mereka untuk keluar daripada *poverty cycle*.

Dari segi pekerjaan, walaupun purata pengangguran agak tinggi, namun jumlah pekerja tempatan di sektor swasta sudah meningkat. Di samping itu, banyak peningkatan dari segi program-program bagi meningkatkan kapasiti pencari kerja, dan juga *platform* bagi usahawan dan pengusaha bisnes.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, kami akan terus membincangkan dan bekerjasama dengan Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang berkenaan untuk mencari jalan

penyelasaan bagi perkara-perkara yang telah ditimbulkan. Ini termasuklah meningkatkan tadbir urus (*governance*), menghapuskan rasuah, memastikan ketelusan, mengurangkan pembaziran di sektor awam, memastikan peralihan kerja yang betul dilaksanakan dan menawarkan lebih banyak perkhidmatan yang boleh dibuat atas talian.

Inisiatif-inisiatif untuk menyumbang kepada menanganis isu perubahan iklim juga akan banyak membawa manfaat kepada negara. Dengan mengurangkan pembaziran tenaga dan air, ia juga membantu dalam mengurangkan pebelanjaan kerajaan. Negara akan lebih bersih dengan penggunaan sumber alam yang lebih baik. Kita juga dapat mengurangkan jumlah sampah yang dihantar ke tempat pelupusan sampah dengan menguatkan sistem kitar semula.

Dari segi menyumbang kepada ekonomi, kita perlu melihat pelbagai cara yang boleh kita buat untuk meningkatkan jumlah pelancong ke negara ini di bawah inisiatif kementerian masing-masing. Pelancongan tidak semestinya mengikut konsep tradisional iaitu untuk kebudayaan atau alam semula jadi. Sebaliknya, terdapat peluang dari sektor pendidikan, sektor kesihatan, sektor keagamaan dan persatuan belia juga boleh menganjurkan program antarabangsa mereka sendiri. Pelbagai cadangan lain seperti memperkenalkan *busking zone* juga adalah satu cara yang dapat membantu menambah keceriaan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu.

Sistem pengangkutan awam sudah mula dipertingkatkan dan kerjasama dari semua pihak, ataupun *whole of nation approach*, amatlah diperlukan bagi mencapai tujuan yang diharapkan.

Kebajikan Warga Tua, Orang Kelainan Upaya dan mereka yang kurang bernasib baik haruslah juga sentiasa dijaga agar tiada yang ketinggalan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara, kaola ingin mengucapkan terima kasih di atas kesabaran dan kecekapan dalam menyusun agenda mesyuarat.

Kaola juga tidak lupa memohon maaf jika terdapat sebarang perbuatan yang kurang sopan dan percakapan yang menyinggung perasaan yang sengaja atau tidak sengaja.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, yang telah memimpin dan mempengerusikan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hingga akhir, dengan sabar, adil dan penuh kewibawaan.

Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang mendengar, menerima cadangan dan jua seterusnya memberi penerangan dan apa yang kaola amat hargai iaitu juga turut memberi nasihat ke atas usul-usul dan pertanyaan yang dibawa.

Kaola tidak juga lupa mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan semua pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan. Tidak lupa jua sokongan dari semua dari agensi yang hadir di Dewan ini mahupun orang awam yang mengikuti dari luar sana.

Kaola menyokong penuh saranan dan nasihat daripada Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan serta Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk terus memberi sokongan dan sandaran kepada para belia kitani. Kaola juga menyeru kepada semua agensi kerajaan,

swasta dan masyarakat untuk mempraktikkan *meaningful youth participation* (penglibatan belia yang bermakna) dan tidak bersifat *tokenistic*.

إِنْ شَاءَ اللهُ jika belia dilibatkan dalam kemajuan negara secara *youth-adult partnership*, kitani akan nampak manfaatnya seperti perspektif yang luas dan inklusif, serta rakyat yang lebih bermaklumat dalam sama-sama mencari penyelesaian dalam pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyambut baik jawapan-jawapan dari Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan mengenai perkara-perkara yang diutarakan pada tahun ini. Kitani telah membincangkan mengenai banyak agenda kebangsaan kitani. Antara perubahan besar yang diharap dapat diusahakan bersama-sama ialah, seperti:

1. Pendidikan kesihatan reproduktif;
2. Pembasmian buli dalam kalangan masyarakat kitani termasuk *cyber bullying*;
3. Kongres Belia Kebangsaan yang akan diadakan;
4. Keusahawanan dan peluang pekerjaan, termasuk penambahbaikan program *i-Ready*;
5. Isu perumahan termasuk penjamin dan persekitaran seperti *marine debris* dan *single use plastic*; dan

6. Pembangunan sukan termasuk kebajikan ahli sukan dan *e-Sports*.

Kaola harap, marilah kita semua turut serta dalam semua inisiatif ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kaola menyambut baik usaha-usaha yang dijalankan ataupun yang masih dalam perancangan yang sudah panjang lebar kitani kongsikan dalam Dewan ini dan berdoa semoga niat baik kitani itu diberkati dan menampakkan hasil yang diharapkan *أَمِينُ أَمِينُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ*.

Kaola juga ingin menyatakan, beberapa perbincangan kitani ada yang bersifat meningkatkan hasil negara atau mengurangkan perbelanjaan kitani, seperti:

1. Kenaikan substantif peruntukan untuk pelancongan;
2. Penjimatan subsidi dengan menggalakkan penggunaan kenderaan mesra alam (*green vehicle*);
3. Menggalakkan belia masjid untuk menceburi keusahawanan; dan
4. Pembangunan *emerging industries* seperti *e-Sports* dan industri baru untuk diteroka negara seperti industri perfileman ataupun industri sukan profesional.

Kaola harap industri baharu mahupun industri berpotensi sebegini diberi fokus untuk dimajukan, kerana di beberapa negara di sekeliling kita sudah menyaksikan kejayaannya. Janganlah

kitani hanya sebagai penonton kepada kejayaan itu, namun kitani ketengahkan kemampuan orang-orang kitani di persada dunia.

Kita sudah ada belia yang menerima pengiktirafan seperti Anugerah Belia Cemerlang, membanggakan negara di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa, menerima *Queen's Young Leaders Award, Commonwealth Youth Awards* dan malahan baru beberapa hari lalu, penuntut kitani memenangi pingat di *Special Olympics World Games Abu Dhabi*. Berbanggalah dengan pencapaian orang kitani. Namun yang penting kitani usahakan bagaimana untuk meramaikan lagi orang-orang kitani yang berjaya dalam bidang masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jika perkara-perkara yang telah kaola bawakan itu mungkin terlalu banyak, dan jika cuma 3 perkara besar dari kaola sendiri yang dapat diberi keutamaan, maka kaola berfikir 3 perkara di bawah perlu diberi perhatian khusus:

1. Dasar Sukarelawan Negara. Ini akan dapat lagi mengembangkan serta memberi perlindungan kepada pergerakan sukarelawan kitani, dan diharap meningkatkan sikap kitani untuk tolong-menolong ke arah kebaikan;
2. *Progressive Wage Model* untuk *Minimum Wage*. Perkara ini dapat melindungi pekerja-pekerja kitani di sektor swasta khususnya, dan

menggalakkan lagi *lifelong learning* yang kitani sebut-sebut untuk meningkatkan kebajikan dan kemahiran pekerja sektor swasta; dan

3. *Child safety seat*. Bagi kaola, selaku jua sebagai Duta Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya. Keselamatan di jalan raya adalah penting dan setentunya, semua yang berada di jalan raya mahu pulang dengan selamat. Apatah lagi kanak-kanak yang tidak berdosa, janganlah hanya kerana kitani tidak dapat menyediakan kerusi keselamatan yang bersesuaian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terakhir sekali, kaola menyambut baik cadangan yang pernah dibuat untuk Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan untuk mengemukakan soalan-soalan pulangan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, ini kerana beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik adalah ahli kepada beberapa majlis, lembaga, suruhanjaya, jawatankuasa, dewan perniagaan, inisiatif-inisiatif atau program-program kebangsaan dan pelbagai lagi *decision making agencies* baik di peringkat kebangsaan, *NGO* mahupun akar umbi.

Malah, jika ia tidak menjadi kesalahan Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara, jika ada Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis ataupun soalan di peringkat jawatankuasa ditunjukkan kepada Yang Berhormat

adalah sesuatu dalam pandangan kaola membuat persidangan kitani di Dewan yang mulia ini lebih telus memahami dan juga dapat memahaminya dari perspektif yang lebih luas, sekian

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ

وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kecekapan memimpin permesyuaratan dan juga kepada pegawai-pegawai Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara memudah cara permesyuaratan sehingga mesyuarat berjalan lancar, teratur lagi memuaskan.

Kaola tidak akan berucap panjang lebar dalam Ucapan Penangguhan ini. Kaola cuma ingin menyentuh tentang pembinaan masjid di seluruh negara. Pada tahun Rancangan Kemajuan Negara yang lalu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berjaya membina 6 buah masjid dengan menggunakan peruntukan kewangan kerajaan sepenuhnya. Kaola bersyukur kepada اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى pihak kerajaan tetap komited untuk membina dan membangun syi'ar Islam berupa masjid pada setiap Rancangan Kemajuan Negara.

Kaola berharap dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-5 pada tahun akan datang, yang bermula tahun 2019 ini, pembinaan masjid akan tetap dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 buah masjid lagi atas belanjawan penuh kerajaan.

Adapun pembinaan masjid-masjid menerusi Tabung Dana Pembinaan Masjid tetap kaola alu-alukan dan semoga berjalan terus selagi pembinaan masjid diperlukan di kampung-kampung khasnya dan di mana-mana tempat yang memerlukan. Mudah-mudahan dengan pembinaan masjid-masjid yang berupa syi'ar-syi'ar Islam ini negara kita akan terus diberkati اللَّهُ dengan pengurniaan keamanan dan ketenteraman, kemakmuran dan kesejahteraan hingga akhir zaman.

Barangsiapa menegakkan agama اللَّهِ nescaya اللَّهُ akan menolongnya dengan berbagai-bagai cara termasuklah keberkatan dalam sebarang bidang kehidupan mereka. Kesejahteraan yang berkekalan adalah salah satu keberkatan yang dikurniakan oleh اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى meskipun dalam keadaan ekonomi

yang agak berkurangan. Demikianlah pentingnya keberkatan itu.

Akhirnya, kaola berdoa ke hadrat Allah mudah-mudahan Allah mengurniakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sihat walafiat, dilanjutkan usia, taufik dan hidayah, aman makmur dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam turun menurun hingga ke akhir zaman. Begitu juga ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta ahli-ahli keluarga baginda sekalian.

آمِينَ آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dengan hormat turut menyertai semua rakan-rakan sejawatan atau sahabat-sahabat daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyokong Ucapan Penangguhan Permesyuaratan kitani ani dan juga mengucapkan terima

kasih serta penghargaan yang tinggi terutama sekali kepada Yang Berhormat selaku Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan seterusnya kerabat-kerabat kerja Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta juga sekalian pegawai-pegawainya, kakitangan yang telah memungkinkan permesyuaratan kita ini berlangsung secara baik dan lancar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengambil kesempatan untuk dengan ringkas menyatakan 2 perkara sahaja:

1. Terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik sama ada yang telah ikut serta membahaskan Anggaran Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan penuh pengertian dan juga yang lebih awal mengemukakan Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis sekitar perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ternyata Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kesemuanya itu telah mengilhamkan untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengukuhkan cara kerjanya yang tidak sahaja melihat apa yang ada tetapi ialah juga memandang ke hadapan melihat apa yang sepatutnya ada iaitu memandang ke hadapan dengan yakin.

Antaranya, cadangan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, wakil Daerah Tutong yang

disampaikan pagi tadi mengenai kepentingan mendirikan masjid di Kampung Ukong. Kaola menghargai dan ingin menyatakan bahawa sebenarnya dalam Perancangan 5 Tahun Tabung Dana Masjid iaitu tahun 2018/2022, Masjid Kampung Ukong adalah salah sebuah daripadanya yang akan dibina yang telah diluluskan oleh Majlis Ugama Islam Brunei dan mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan peruntukan dianggarkan \$1.4 juta untuk kapasiti 300-400 orang jemaah sesuai dengan keadaan penduduk di sekitarnya; dan

2. Dalam ucapan kaola semasa membentangkan belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama sebanyak lebih \$246 juta yang disokong itu yang sebahagian besarnya kaola menyatakan 76% daripada jumlah tersebut adalah untuk menyokong perkhidmatan bidang persekolahan dan pendidikan agama. Kaola menyatakan ianya sebagai suatu petanda yang nyata dan jelas bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tetap komited meneruskan dan mendukung teras dasar dan falsafah pendidikan nasional kita yang tidak mengesampingkan aspek pelajaran dan pendidikan Islam dalam pembentukan generasi negara yang

berilmu dan beriman pada masa sekarang dan pada masa akan datang.

Kaola bersyukur, kita yakin juga majoriti rakyat di luar sana melihat ini sebagai suatu yang wajar. Dalam pada itu, tentu sahaja kita mahukan dan malah berharap supaya dasar dan teras falsafah pendidikan yang dilaksanakan akan dilaksanakan sebijak-bijaknya dan menepati sasaran supaya objektif persekolahan dan pendidikan agama itu berjaya dicapai sebaik-baiknya. Kerana itu sokongan belanjawan sejumlah itu telah dirancang di peringkat kementerian kemudian disokong di peringkat Jawatankuasa Belanjawan dan seterusnya diluluskan atau disokong di peringkat kabinet dan seterusnya diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Namun Yang Berhormat Yang Di-Pertua ada orang lain di luar Dewan ini yang tidak ataupun belum memahami teras dan dasar pendidikan kebangsaan kita itu, dia ataupun mereka melihatnya sebagai sesuatu yang membazir dan meminta jumlah sebanyak itu digunakan atau ditambahkan kepada peruntukan bidang-bidang lain yang dilihat utama dalam keadaan belanjawan defisit sekarang.

Orang lain yang melihat dan berfikir sedemikian itu telah menghubungkan aliran pendidikan Islam dan persekolahan agama sehingga ke peringkat pengajian tinggi Islam itu dengan isu *marketability* dan *employability* yang dihadapi oleh lepasan aliran pendidikan Islam. Ini, terus terang Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola

sambut baik, tetapi dalam masa yang sama kaola ingin menegaskan bahawa aliran lepasan pendidikan Islam terbukti boleh mengerjakan bidang-bidang lain dari bidang-bidang perkhidmatan agama.

Contohnya, ada graduan yang berkhidmat dalam bidang diplomatik, bidang undang-undang bukan undang-undang syariah semata-mata, bidang kewangan, perbankan bahkan dalam bidang perkhidmatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan lain-lain lagi.

Satu lagi, kaola suka ingin menyatakan isu *marketability* dan *employability* keluaran atau aliran lepasan pendidikan Islam dan persekolahan agama tidak wajar kita lihat ianya sebagai satu isu yang terpencil *remote issues* dan kerana itu kononnya berkehendakkan huraiannya yang tersendiri keseluruhan isu yang dihadapi oleh lepasan-lepasan aliran pendidikan umum yang terus kita fikirkan itu. Contohnya, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola diberikan catatan dari laporan *Job Centre (JCB) Supply Data as at 28 December 2018* ada seramai 9,841 *active job seekers*. Kaola melihat yang pencari kerja itu berkelulusan *accounting and finance*, ada kelulusan *engineering, architecture* begitu juga dengan dari huruf 'B' iaitu *building service engineering* dan banyak lagi 'B' itu dan seterusnya.

Dari sejumlah lepasan *HND*, bidang-bidang ini sahaja kaola mengira lepasan *Islamic Religious Studies, Islamic studies* Pengajian Islam, *Al-Quran Studies* ada

cuma 16 orang daripada jumlah 952 orang lepasan *HND* yang mencari pekerjaan bukanlah maknanya itu sahaja yang tidak bekerja tetapi mereka yang mencari pekerjaan yang berdaftar di *Job Centre*. Sementara, kelulusan yang dari *1st Degree* ke atas dari seramai 2,614 orang yang menjanjikan profesion yang baik sebagai contoh *biomedical science, biochemistry* dan bermacam-macam lagi dan ada juga *Arabic Language, Islamic Finance, Islamic Law, Islamic Religious Studies*. Dari jumlah 2,614 lepasan ijazah ini hanya seramai 147 orang lepasan aliran pendidikan Islam.

Dalam hal ini, untuk mengasingkan isu *marketability* dan *employability* ini, pengajian Islam lain dan jurusan lain, kaola rasa adalah tidak bijak. Kita di Dewan ini bahkan di luar Dewan ini sering menyebut-nyebut isu pekerjaan bagi belia kitani adalah isu nasional yang kitani cuba huraikan dan telah pun kerajaan huraikan dengan beberapa penubuhan pusat-pusat untuk latihan-latihan tertentu dan termasuk mereka dari lepasan pendidikan Islam.

Seterusnya, kaola seperti juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain terutama sekali Yang Berhormat Menteri selalu menyanjung tinggi sikap terpuji yang dinampakkan oleh belia kita pada masa ini dan melihat isu kesulitan mereka mendapatkan pekerjaan adalah suatu realiti yang dihadapi sebagai cabaran. Oleh itu, sudah ada mereka yang berusaha sendiri menubuhkan firma-firma atau syarikat-syarikat dalam bidang yang mereka boleh lakukan untuk perkhidmatan orang ramai dan termasuk

juga dalam bidang perkhidmatan agama swasta.

Satu perkara yang ingin kaola sentuh seterusnya, dalam kaola menyambut baik menghubungkan pendidikan aliran Islam dengan *marketability* dan *employability* mereka harus dilihat bersama dengan isu-isu lain. Tetapi, kaola tidak dapat menerimanya sebagai suatu isu yang menjadikan di Dewan ini tidak ada yang bersuara, tetapi di mana-mana kalau sampai yang melihat supaya pendidikan aliran Islam itu dihapuskan sahaja. Kaola fikir penglihatan yang sedemikian itu tentulah satu perkara yang agak ganjil dalam keadaan kitani di Brunei.

Oleh itu, ada rakan-rakan bertanya, macam mana itukah dan aslikah ideakan menghapuskan itu benar-benar idea orang kitani atau ia asli dengan *trademark* yang disebut-sebut akronim Indonesia 'aspal'. Lebih dipersoalkan lagi apakah idea itu benar-benar *local product* dengan bahan-bahannya semua sekali *local product* atau bahan luar dipasang dalam negeri. Ini adalah untuk perhatian kitani dalam Dewan ini supaya mengambil maklum mengenainya.

Kaola tidak terfikir sedemikian, sebagai orang yang faham akan kepentingan Negara Brunei Darussalam, kepentingan pendidikan agama Islam kepada Brunei yang kita berfahaman bahawa sejarah sosial dan politik Brunei tidak pernah menyatakan ataupun tidak pernah mendapati agama itu sebagai penghalang kemajuan ataupun perkembangannya. Bahkan agama itu

sebagai sebahagian penting daripada unsur-unsur pemangkin bagi kelangsungan negara Brunei ini, *survivalitynya* sehinggalah kepada zaman ini yang menjadi sebuah negara moden yang berkembang maju dalam erti kata sesuai dengan acuannya, sesuai dengan saiznya dan sesuai untuk masa depannya yang berpanjangan sebagai sebuah negara berpemerintahan beraja yang jati dengan keasliannya.

Oleh yang demikian, kita bersyukur pertama sekali ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan kita menjunjung tinggi komitmen kerajaan kita di bawah kepimpinan yang berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang dengan bijaksana mempertahankan, meneruskan dan mengembangkan falsafah pendidikan negara yang sama berteraskan pendidikan Islam dan persekolahan agama yang diasaskan oleh Paduka Ayahanda Baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Kita teruskanlah berusaha dan mendoakan supaya Negara Brunei Darussalam yang kecil molek ini akan kekal aman sejahtera yang berpanjangan dengan kita sekalian bersatu padu di bawah kepimpinan raja.

Sekian, dan kaola memohonkan kemaafan yang ada dalam Dewan ini, sepanjang 11 hari kita bersidang

bermesyuarat, 'sumur di ladang sedianya ada', ini bukan pantun Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kalau pantun bunyinya 'kalau ada sumur di ladang', ini:

Sumur di ladang sedianya ada,
Kalau tiada di mana peladangkan
mandi?

Umur panjang kalau pun ada,
Sebaiknya, baik tah sebentar awal 'ani',
Kitani bermaaf-maafan sekarang 'ani'.

Sekian. *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas Ucapan-Ucapan Penangguhan yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang tulus ikhlas atas kerjasama yang diberikan kerana kita telah dapat melaksanakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini yang telah diadakan selama 11 hari dengan penuh telus, sempurna dan dalam suasana yang penuh harmoni dan saling menghormati selaras dengan konsep kehidupan kita berasaskan Melayu Islam Beraja.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis, Bentara Dewan dan pembantunya serta pegawai-pegawai dan kakitangan sama ada dari

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat mahupun pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipinjamkan dari beberapa buah kementerian dan jabatan atas usaha gigih dan komitmen yang sepenuhnya diberikan dalam menyediakan berbagai-bagai keperluan sepanjang permesyuaratan yang kita adakan.

Kesempurnaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini juga adalah atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang membantu kita menyediakan keperluan logistik dan keselamatan termasuklah liputan media masa dari pihak jabatan kerajaan yang lain seperti Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan serta media cetak dalam negeri termasuk surat khabar tempatan yang membolehkan orang ramai mendengar dan mengikuti perbincangan-perbincangan sepanjang persidangan ini.

Saya juga ingin menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas keberangkatan baginda bercemar duli untuk membuka rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 7 Mac 2019 Masihi, dan seterusnya berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, amat mendalam dan mempunyai pandangan jauh dan jelas, mencerminkan keprihatinan baginda terhadap kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara yang berpanjangan dan titah itu juga telah memberikan sebagai satu *guidelines* yang cukup mantap bagi kita melaksanakan tugas-tugas di sepanjang permesyuaratan kita kali ini.

اللَّهُمَّ kita perlu bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih mampu untuk menyediakan Peruntukan Belanjawan yang munasabah bagi Tahun Kewangan 2019/2020, meskipun kita berada dalam kedudukan fiskal yang amat menanggung defisit.

Meskipun begitu, Peruntukan Belanjawan pada tahun ini sedikit meningkat daripada Tahun Kewangan sebelumnya. Oleh yang demikian, kita haruslah bijak dan berhemah dalam membelanjakan dan memfokuskan perbelanjaan yang lebih efisien kepada perkara-perkara yang akan meningkatkan ekonomi dan produktiviti negara demi memelihara kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini.

Saya rasa tema belanjawan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 iaitu "*Investing In*

Our Future" adalah bertepatan ataupun relevan kena pada waktunya dan hasrat kita untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Dalam perkara ini, kita seharusnya bukan sahaja memfokuskan kepada usaha untuk membangun ekonomi semata-mata, tetapi juga pembangunan modal insan atau sumber tenaga manusia kerana di sinilah akan menjadi tunjang kepada kemajuan sesebuah negara itu.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan komitmen dan usaha padu semua pihak yang berkenaan, generasi kini dan juga masa hadapan akan dapat menikmati hasil dari semua usaha dan inisiatif yang kita usahakan dan kita laksanakan masa kini.

Pihak kerajaan dan yang berkenaan hendaklah juga terus memberikan perhatian serius kepada generasi belia kita selaku aset negara yang akan meneruskan agenda pembangunan seperti menyediakan platform dan program-program *upskilling, reskilling* untuk memastikan mereka ini kekal relevan dengan peredaran masa.

Manakala pihak-pihak yang berkenaan seperti belia dan para pengusaha sendiri haruslah mengambil dan memanfaatkan peluang-peluang yang disediakan. Semua usaha dan inisiatif ini tentunya memerlukan sokongan padu semua pihak untuk memberikan impak yang berkesan.

Sepanjang permesyuaratan kita pada kali ini, kita juga telah membincangkan pelbagai isu serta mendengar,

pandangan, cadangan dan perkembangan mengenai projek-projek kemajuan negara dan inisiatif-inisiatif kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan produktiviti negara. Saya kira adalah penting untuk kita semua bekerjasama dan menerapkan pendekatan *whole of nation* supaya semua usaha dan inisiatif tidak akan menjadi sia-sia dan akan membuahkan hasil sepertimana yang kita sama-sama hasratkan.

Akhir kata, kita haruslah menghakis sikap terlalu bergantung pada kerajaan dan di sebaliknya berganding bahu membincangkan dan melaksanakan usaha-usaha yang dapat membantu mengurangkan beban-beban kerajaan serta menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat meneruskan lagi permuzakarahannya di luar Dewan yang mulia ini dalam mencapai hasrat untuk membawa perubahan positif dan signifikan kepada negara kita ini.

Dengan ucapan yang ringkas ini, maka saya, menurut Peruntukan 35 (1) Dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, maka Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan pada satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya dan secara positifnya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** jika ada umur kita akan berjumpa lagi.

Sekian.

**(Persidangan Majlis Mesyuarat
Negara di tangguhkan)**

TAMBAHAN 'A'

JAWAPAN-JAWAPAN SECARA BERTULIS DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN

1. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI UMARALI BIN ESUNG:

- a. Mengutamakan produk tempatan dalam urusan-urusan rasmi kerajaan;
- b. Pemasangan papan-papan tanda yang menarik di tempat-tempat tertentu dengan memasukkan slogan kata seperti 'Beli Barangan Tempatan Kitani' dan lain-lain; dan
- c. Memupuk fahaman dan kesedaran tentang kepentingan membeli barangan tempatan dalam kalangan rakyat, keluarga dan penuntut sekolah.

Soalan:

- i. Apakah pihak kementerian mempunyai rancangan ke arah itu?; dan
- ii. Bagi menggalakkan para peniaga tempatan menggunakan *internet* untuk menjual produk mereka, apakah pihak-pihak yang berkenaan menyediakan landasan sistem *e-Dagang* khusus untuk *PMKS* dengan kos dan syarat yang termampu dan mesra berniaga?

Jawapan:

A. MENGGALAKKAN PEMBELIAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN TEMPATAN

Mengenai dengan usaha-usaha untuk menggalakkan pembelian barangan dan perkhidmatan tempatan serta memupuk kefahaman dan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan membeli produk tempatan, pihak Darussalam Enterprise (*DARE*) telah melaksanakan beberapa inisiatif ke arah itu. Di antaranya adalah:

- i. Program "*Made in Brunei*" yang kini telah ditukar nama (*rebrand*) kepada "*Bruneian Made*". Di bawah program ini, pengusaha tempatan diberi kemudahan akses untuk menembusi pasar-pasar raya tempatan dengan penyediaan rak yang dikhaskan untuk produk-produk tempatan di pasar-pasar raya yang ikut serta. Setakat ini, rak "*Made in Brunei*" atau "*Bruneian Made*" telah ditempatkan di 7 buah pasar raya di Daerah Brunei Muara dan Tutong. Sebanyak 23 perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (*PMKS*) telah mengikutinya setakat ini.

Di bawah program ini juga terdapat rak "*Unexpected Treasures Display Shelf*" yang pada masa ini telah ditempatkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, *Rizqun International Hotel* dan *Empire*

Hotel and Country Club. Tujuan *Display Shelf* ini adalah untuk membantu mengetengahkan produk-produk tempatan yang berkualiti tinggi dan eksklusif. Bagi inisiatif ini, pihak *DARe* telah bekerjasama dengan *Bruvera* bagi memudahkan penjualan produk-produk tersebut secara *online*. Buat masa ini, sebanyak 9 buah PMKS telah menyertainya.

- ii. Pesta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Negara Brunei Darussalam (*Brunei MSME Festival*). Pihak *DARe* dengan kerjasama beberapa agensi juga telah mengadakan *Brunei MSME Festival 2019* selama 4 hari pada 28 hingga 31 Mac di Dewan BRIDEX, Jerudong. Tujuan *Brunei MSME Festival* ini adalah untuk membantu mengetengahkan lagi produk-produk tempatan di pasaran tempatan dan ke pasaran eksport juga. *Brunei MSME Festival* ini juga adalah diharapkan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepelbagaian barangan dan perkhidmatan tempatan dan seterusnya mendorong perbelanjaan orang ramai ke arah itu. **رَأْنُ شَاءِ اللّٰه** pesta ini akan dikendalikan setiap tahun. Ianya juga merupakan peluang untuk meningkatkan peluang-peluang *business matching* dengan rakan kongsi tempatan dan luar negeri agar dapat meluaskan lagi peredaran dan pendedahan

produk-produk dan perkhidmatan tempatan.

- iii. ***Biz Brunei*** (www.bizbrunei.com). Tambahan melalui laman sesawang *Biz Brunei* (www.bizbrunei.com) yang telah dilaksanakan sejak bulan Januari 2017, pihak *DARe* bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha tempatan untuk menerbitkan artikel dan video secara *online* untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pengusaha, produk dan perkhidmatan tempatan.

Setakat penghujung bulan Disember 2018, seramai 250 PMKS telah dipromosikan, dengan 682 artikel dan video yang telah ditonton 10.4 juta kali secara keseluruhannya dan diikuti oleh kira-kira 70 ribu orang.

Selain daripada itu, khususnya bagi kontrak-kontrak utama minyak dan gas, Arahan *Local Business Development Directive II* telah diperkenalkan sejak tahun 2011 yang bertujuan untuk meningkatkan pembelian dan penggunaan barangan dan perkhidmatan tempatan serta pengambilan pekerja tempatan dalam pelaksanaan kontrak-kontrak tersebut. Arahan ini menetapkan kadar minimum dalam bagi pembelian dan penggunaan barangan dan perkhidmatan tempatan serta

pengambilan pekerja tempatan mengikut jenis kontrak.

Pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian akan terus memantau dan meneroka peluang-peluang untuk, menggalakkan pembelian barangan dan perkhidmatan tempatan, termasuk cadangan-cadangan mengenainya.

B. LANDASAN SISTEM E-DAGANG UNTUK PERUSAHAAN-PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)

Mengenai dengan landasan sistem e-Dagang yang diutarakan, terdapat beberapa landasan dan inisiatif yang telah disediakan oleh beberapa agensi untuk memupuk perniagaan secara *online*.

Seperti mana yang disampaikan di atas, pihak *Darussalam Enterprise (DARE)* telah menyediakan laman sesawang *Unexpected Treasures* (www.unexpectedtreasures.com.bn) bagi mempamerkan beberapa produk tempatan.

Secaraamnya, pihak Kerajaan menyokong pertumbuhan sistem-sistem e-Dagang yang dapat mengumpul dan menaikkan profil perusahaan-perusahaan tempatan. Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (*AITI*) telah mengadakan acara *Cyber Shopfest* setiap tahun

sejak tahun 2018 untuk menggalakkan orang ramai untuk membeli-belah dan meningkatkan penggunaan e-Dagang tempatan juga menggalakkan pembeli tempatan untuk bergerak ke arah masyarakat tanpa wang tunai '*cashless society*' termasuk melalui pengendalian *platform* e-Dagang. PMKS tempatan menghubungi syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan *platform* e-dagang untuk mengetahui lebih lanjut mengenainya.

Di samping itu, terdapat juga beberapa pengusaha *startup* di *iCentre* yang menerima dukungan dan bantuan daripada pihak *DARE* bagi menjalankan dan menghasilkan platform e-Dagang bagi mengumpul produk-produk dan perkhidmatan tempatan secara *online*. Sebagai contoh, Syarikat Rotuku Sdn. Bhd. yang telah mengikuti program latihan *Startup Bootcamp* anjuran *DARE*, kini menjalankan Program Pembangunan Produk (*Product Development Program*) bagi PMKS tempatan. PMKS yang berminat untuk memaparkan produk mereka di laman sesawang Rotuku (www.rotuku.com) dapat bermanfaat daripada program ini yang memberi khidmat bantuan untuk meningkatkan keberkesanan penjualannya dalam aspek-aspek berikut:

- a) Latihan perniagaan (*Business Education*);
- b) Ujian dan penilaian produk (*Product testing and review*);

- c) Konsultasi dan reka bentuk pembungkusan produk (*Product packaging consultation and design*);
- d) Khidmat bantuan pensijilan (*Guidance for relevant certification*);
- e) *Photoshoot & Video blog (vBlog)*;
- f) *Business matching*; dan
- g) Peredaran tempatan dan luar negeri (*Local and International distribution*).

Pihak *DARe* juga telah mengadakan beberapa bengkel bagi meningkatkan 6 kemahiran dalam penggunaan perniagaan secara *online*, melalui program Akademi Perniagaan Industri (*Industry Business Academy*). Sementara itu, pihak *AITI* juga menjalankan bengkel-bengkel celik ICT bagi orang ramai. Usaha-usaha ini bertujuan untuk memperkasakan para PMKS untuk sendiri mengenal pasti cara-cara untuk menggunakan kaedah e-Dagang yang lebih bersesuaian kepada keperluan dan pasaran sasaran masing-masing.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelima Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan Jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga

Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn).

2. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI ABDUL HAMID @ SABLİ BIN HAJI ARSAD

- i. Mengenai industri kecil atau secara kecil-kecilan (*cottage industry*), banyak pengusaha yang membuat di rumah yang memerlukan tempat untuk membesarkan usaha mereka. Mereka melihat bangunan yang ada di kawasan industri masa ini terlalu besar bagi mereka dan mungkin mahal sewanya. Perkara ini juga perlu dilihat dan dipertimbangkan kerana di negara lain ada menyediakan apa yang dipanggil *incubator*. Mereka dilatih secara praktikal, sentiasa dipantau dan mengeluarkan hasil untuk dipasarkan.
- ii. Mengenai dengan perkhidmatan *Authority Electric*. Mengenai kontraktor yang sekarang ini berleluasa seperti yang disarankan supaya mereka itu akan dapat dikawal dan dilihat, jangan sampai orang-orang kitani tertipu oleh mereka.
- iii. Mengenai perkhidmatan elektrik untuk menggunakan *solar* dalam menjana elektrik ke arah mengurangkan kos elektrik kepada negara.

Jawapan:

A. COTTAGE INDUSTRY

Salah satu inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu perkembangan industri kecil-kecilan (*cottage industry*) adalah penyediaan *shared kitchen facility* (kemudahan dapur gunasama), yang mana ianya adalah hasil kerjasama di antara pihak *DARe* dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). *إن شاء الله*, kemudahan ini dijangka akan mula dapat digunakan pada tahun ini.

Objektif utama penubuhan dapur guna sama ini adalah bagi memudahkan para pengusaha tempatan untuk menggunakan kemudahan dapur yang dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang lebih bersesuaian bagi proses pembuatan produk-produk makanan yang lebih efisien dan terkawal kualitasnya. Ini termasuk penggunaan sijil halal dan juga pensijilan *GMP/HACCP* untuk kemudahan tersebut bagi memastikan penggunaannya serta termasuk penggunaan antarabangsa seperti proses pembuatan menepati piawaian dan memenuhi kehendak-kehendak keselamatan makanan dan kehendak pengguna (*consumers*).

Dapur gunasama ini terletak di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. Pihak *DARe* telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dapur berkenaan dengan mengambil kira ulasan dan pandangan daripada pihak-pihak yang berkenaan bagi memastikan

penyediaan dan penggunaan dapur ini lebih memberi kesan atau impak positif kepada para pengguna.

Dapur gunasama ini akan dijalankan dan diselenggarakan oleh syarikat yang bersesuaian melalui proses *request for proposal* yang tempatan dikendalikan oleh pihak *DARe*. Pemilihan dan penilaian telah pun dijalankan oleh wakil-wakil daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan *DARe*. Keutamaan bagi penggunaan kemudahan ini akan diberikan kepada badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Belia dan Sukan dan juga perusahaan-perusahaan mikro dan kecil yang beroperasi di rumah serta perniagaan-perniagaan *online* termasuk peserta-peserta program *bootcamp* yang dianjurkan oleh *DARe* melalui kaedah sistem tempahan (*booking system*) pada kadar yang telah ditetapkan. Dapur ini dijangka beroperasi 24 jam setiap hari.

Selain itu, bagi perusahaan *start-ups*, *DARe* juga ada menawarkan ruang kerja dan inkubasi yang bertempat di *iCentre*. Mereka akan mendapat akses kepada program pembangunan kapasiti dan ekosistem *startup*. Pada masa ini terdapat 19 buah syarikat yang sedang bergiat aktif di *iCentre*. *iCentre* bekerjasama rapat dengan kolaborator tempatan dan serantau untuk membangun dan menjalankan bengkel-bengkel *ideation*, pengesahan dan penjanaan.

Manakala, bagi usahawan atau PMKS yang berkecimpung dalam sektor pembuatan (*manufacturing*) pula, kilang siap sedia ada ditawarkan di keempat-empat daerah dengan kadar harga yang berpatutan (*reasonable*) dan terjangkau (*affordable*).

B. HAL EHWAL BERKAITAN DENGAN AUTORITI ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (AENBD)

Pihak Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam (AENBD) melalui *Electrical Workers Regulation* dan *Cable Detection Workers Regulation* akan mengawal selia pekerja-pekerja elektrik di negara ini, yang mana pekerja-pekerja elektrik yang sedia ada dan mana-mana individu yang ingin berkecimpung dalam bidang kerja elektrik seperti kerja-kerja pendawaian, pemasangan, pemeliharaan elektrik dan sebagainya adalah dimestikan berdaftar dan berlesen dengan pihak AENBD. Ini adalah bagi memastikan pekerja-pekerja elektrik berkenaan adalah berkelayakan, berkemahiran dan kompeten dalam bidang kerjanya dan mempunyai **Lesen Kad Pekerja Elektrik** atau **Lesen Pekerja Pegasan Kabel Elektrik** yang sah daripada pihak AENBD. Selain itu, pihak AENBD dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti SHENA dan Jabatan Buruh akan membuat pemantauan dan pemeriksaan yang berterusan dalam usaha untuk menangani isu-isu

berkaitan dengan pekerja-pekerja elektrik.

Di samping itu, Akta Elektrik Penggal 71 memperuntukkan bagi semua pemborong perlulah mendapatkan lesen yang sah dan berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik sebelum membolehkan mereka perkhidmatan kepada orang ramai. Perkara ini amatlah penting bagi memastikan pemborong tersebut adalah berkelayakan dan mempunyai pengetahuan dalam bidang elektrik.

Walau bagaimanapun terdapat pemborong yang menawarkan perkhidmatan kepada orang ramai "*freelancing*". Mereka ini kebanyakannya tidak berdaftar dengan JPE tetapi menawarkan harga yang secara rendah berbanding dengan pemborong yang berdaftar. JPE sukacita ingin mengingatkan orang ramai untuk mengelak daripada menggunakan khidmat pemborong "*freelancing*" tersebut. Senarai kontraktor yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik boleh dimuat turun dari laman sesawang Jabatan di www.des.gov.bn

C. PENGGUNAAN TENAGA SURIA (SOLAR)

Pemasangan sistem penjanaan tenaga melalui teknologi *Solar Photo Voltaic* memerlukan yang lebih mendalam dan terperinci dari segi kesesuaiannya, di samping kesan kepada sistem bekalan tenaga elektrik secara keseluruhannya. Penilaian

tersebut juga harus mengambil kira *reliability* dan *security* bekalan kuasa elektrik. Turut memerlukan penelitian yang titih ialah kos operasi bagi loji tersebut terutama sekali dari segi kos berkaitan dengan penyimpanan tenaga melalui kaedah bateri, yang menyumbang kepada *levelized cost of electricity (LCOE)* yang tinggi.

Kos keseluruhan bagi pembinaan, penghasilan, penyimpanan dan penjualan tenaga melalui tenaga yang diperbaharui khususnya dari sistem loji *Solar Photo Voltaic* berskala besar, didapati masih belum lagi dapat mencapai tahap yang boleh mengimbangi dan menyaingi tarif yang sedia ada. *إن شاء الله*, dengan arus perkembangan teknologi yang mana diharapkan akan dapat memandu kos ke tahap yang lebih berdaya saing di masa hadapan terutama sekali pada menghasilkan teknologi bateri yang lebih efisien, perkara ini sudah tentunya membuka ruang untuk ianya dikaji semula untuk apa jua pertimbangan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Pihak kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah dengan jayanya memasang beberapa unit *Solar Photo Voltaic* bagi kawasan pedalaman. Kerja-kerja pembekalan elektrik fasa pertama menggunakan teknologi solar ke rumah-rumah panjang di Ulu Belait iaitu Melilas, Sukang, Bidadong Ulu, Buau, Kukop dan Bang Taong adalah dalam pelaksanaan bermula 13 November

2018 dan dijangka selesai pada 12 Mei 2019. Manakala kerja-kerja pembekalan elektrik melalui solar panel ke rumah panjang Supon Besar dan Belabau, Daerah Tutong telah pun siap dilaksanakan pada 15 Mei 2018.

Pada mendukung usaha berterusan ke arah meningkatkan kualiti bekalan tenaga elektrik ke rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik bagi fasa seterusnya telah mengaturkan pemasangan baharu beberapa unit *solar photo voltaic* ke rumah panjang Bang Binggol, Mukim Ukong Daerah Tutong yang telahpun siap pelaksanaannya pada 16 Mac 2019. Dalam pada itu, Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah juga menganugerahkan kepada kontraktor projek-projek pemasangan solar fasa kedua rumah-rumah panjang bagi Melilas, Bidadong, Buau, Bang Taong, Kukup dan Sukang di Daerah Belait yang mana pelaksanaannya dijadualkan siap pada bulan September Tahun 2019.

Inisiatif pembekalan tenaga elektrik melalui teknologi *Solar Photo Voltaic* ini diharapkan akan dapat mengurangkan kos penjanaan elektrik dan seterusnya meningkatkan lagi kualiti kehidupan penduduk di negara ini selaras dengan Wawasan 2035 yang menyasarkan kehidupan rakyat berkualiti sebanding dengan 10 negara teratas.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelima

Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan Jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn).

3. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT FDR. AR. DAYANG SITI ROZAIMERIYANTY BINTI DATO SERI LAILA JASA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN

- i. Apakah tindakan-tindakan yang sudah diambil oleh pihak kementerian mengenai persekitaran di tempat kerja dan aktiviti-aktiviti yang gagal untuk mematuhi garis panduan *Workplace Safety and Health Order*?
- ii. Adakah *AENBD* bertanggungjawab dalam mengawal selia atau 'regulating' *Electrical Appliances and Product (Safety Requirement)* serta barang-barang elektrik yang diimport ke dalam negara kita?
- iii. Agensi manakah yang akan menyediakan dan menerajui piawaian pembangunan sektor elektrik serta garis panduan elektrik *labelling*.

Jawapan:

A. SAFETY, HEALTH AND ENVIRONMENT NATIONAL AUTHORITY (SHENA)

SHENA baru secara rasminya ditubuhkan pada 6 Oktober 2018. Oleh yang demikian, *SHENA* adalah masih dalam proses awal penubuhan termasuk proses merekrut tenaga-tenaga kerja yang kompeten dan bersesuaian. Dalam masa yang sama, pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian berserta dengan pihak *SHENA* juga masih dalam proses penyelarasan dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan mengenai dengan pemindahan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja dan Perintah Perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar, 2016 ke *SHENA*.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak dalam sama-sama menjaga hal ehwal keselamatan, kesihatan dan alam sekitar. Walau bagaimanapun, dalam hal Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 atau *Workplace Safety and Health Order, 2009*, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh sudah pun menguatkuasakan perintah ini sebelum berpindah ke *SHENA*.

Sebagai contoh, satu insiden yang berlaku di Tapak Projek Jambatan Temburong telah mengakibatkan tiga

(3) kematian dan telah disiasat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh. Kemalangan ini berlaku pada hari Ahad, 26 Ogos 2018, yang mana salah satu kren menara yang membawa tiga orang pekerja asing dengan menggunakan "*manbasket*" terjatuh ke "*pier table*" setelah kabel menara berkenaan terputus. Sehubungan dengan insiden ini, Jabatan Buruh telah mengeluarkan Perintah Henti Kerja atau *Stop Work Order* dengan serta merta kepada kontraktor yang terbabit.

Hasil dari siasatan yang dijalankan, punca utama insiden berlaku adalah disebabkan kegagalan dari segi pemantauan untuk memastikan kren menara berada dalam keadaan selamat digunakan. Jabatan Buruh telah mengeluarkan penarikan balik Perintah Henti Kerja atau *Stop Work Order* secara berperingkat dengan syarat kontraktor terbabit tidak dibenarkan untuk menggunakan *Manbasket* sebagai kaedah untuk mengangkat pekerja dan keseluruhan ketetapan aspek keselamatan dari Jabatan Buruh dipatuhi oleh kontraktor terbabit.

Untuk makluman jua, jika berlakunya insiden yang mengakibatkan kecederaan yang serius atau kematian, di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009, pihak yang terlibat dikehendaki untuk menghadapkan laporan dengan seberapa segera ke SHENA. Setelah laporan diterima, pihak SHENA akan mengarahkan

Inspektor SHENA untuk menyiasat insiden tersebut. Hasil dari siasatan dijalankan, tindakan seterusnya adalah tertakluk kepada jenis dan tahap kesalahan. Sekiranya pihak terlibat didapati melakukan kesalahan-kesalahan ringan, pada tahap awal SHENA akan memberi cadangan pembaikan serta nasihat-nasihat secara profesional. Manakala jika hasil siasatan mendapati kesalahan yang serius maka tindakan-tindakan yang sewajarnya akan dikenakan kepada pihak yang terlibat termasuk mengeluarkan Perintah Pemulihan (*Remedial Order*) atau Perintah Henti Kerja (*Stop Work Order*) terhadap tempat kerja yang terlibat dan seterusnya kemungkinan untuk menghadapkan kesalahan tersebut ke mahkamah.

Pada masa ini, satu insiden yang serius yang berkaitan dengan Peraturan di bawah Perintah Keselamatan Kesihatan Di tempat Kerja iaitu *Facilities (Control of Major Accident Hazards Regulations)*, 2013 yang melibatkan kematian telah dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pada 14 Oktober 2019. Kejadian tersebut berlaku pada 3 Disember 2016 dan pada awalnya telah disiasat oleh Bahagian HSE, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian sebelum dipindah dan diteruskan oleh pihak SHENA.

B. HAL EHWAL HSE DI SEKOLAH-SEKOLAH

Antara lain tanggungjawab utama SHENA adalah pengawalseliaan aspek Keselamatan, Kesihatan, Alam Sekitar dan Radiasi (HSE dan Radiasi) di Negara Brunei Darussalam termasuk sekolah-sekolah.

Pada masa ini beberapa kementerian sudah terdapat unit atau bahagian HSE masing-masing. Sebagai langkah peningkatan keberkesanan dan kefahaman dalam hal HSE dan Radiasi, *إن شاء الله*, satu inisiatif telah dicadangkan bagi meningkatkan kapasiti dan kemahiran di semua kementerian melalui lantikan dua (2) pegawai tumpuan fokus (*focal point*) daripada setiap kementerian untuk dilatih di bawah SHENA untuk meningkatkan lagi kesedaran dan budaya HSE dan memastikan kefahaman mereka adalah di tahap yang bersesuaian.

Pihak SHENA akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk memantau dalam memastikan keselamatan tenaga pengajar dan penuntut-penuntut semasa berada di sekolah adalah memuaskan.

Di samping itu, dalam perancangan SHENA adalah termasuk lawatan ke 12 buah sekolah pada tahun ini bagi menjalankan pemeriksaan untuk memastikan undang-undang

berkaitan dengan HSE dan Radiasi dipatuhi di samping memberi penerangan kepada pihak-pihak sekolah yang terbabit. Dengan bertambahnya inspektor-inspektor SHENA nanti, *إن شاء الله* jumlah lawatan serta pemeriksaan ke atas sekolah-sekolah akan dipertingkatkan lagi.

C. AUTORITI ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (AENBD)

Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam (AENBD) adalah badan kawal selia yang baru sahaja ditubuhkan. Oleh demikian, kegiatan AENBD pada masa ini tertumpu kepada pembangunan kapasitinya melalui pengambilan tenaga kerja yang kompeten, bersesuaian dan juga berpengalaman di dalam sektor elektrik. Selain itu, AENBD turut memberi tumpuan kepada kesiapsiagaan pengendalian skop kerja utama di bawahnya iaitu pelaksanaan Perintah Elektrik 2017 (*Electricity Order 2017*) dan perundangan-perundangan di bawahnya.

Mengenai *Appliances and Products (Safety Requirement) Regulation*, peraturan ini telah pun siap diderafkan oleh pihak AENBD dan dicadangkan untuk dilaksanakan di bawah Perintah Elektrik 2017. Setakat ini peraturan ini masih di dalam perbincangan dengan pihak Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi menentukan agensi yang

bersesuaian untuk pelaksanaan dan penguatkuasaan peraturan tersebut. Walau bagaimanapun di antara cadangan yang diteliti adalah bagi peraturan ini diurus tadbir dan dikendalikan oleh pihak AENBD dengan mengambil kira skop-skop peraturan tersebut yang berkaitan dengan sektor elektrik dan peralatan elektrik dan elektronik (*Electrical and Electronic Equipment*) di bawah bidang kuasa pihak AENBD.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, peraturan ini nanti, *إن شاء الله* akan mewajibkan mana-mana pengilang atau pengimport yang ingin membekal barang-barang terkawal (*Controlled Goods*) di bawah peraturan ini untuk berdaftar dengan pihak Autoriti sebagai *Registered Supplier* dan juga untuk mendaftarkan mana-mana *Controlled Goods* yang ingin dibekalkan atau diiklankan untuk bekalan di Negara Brunei Darussalam. *Controlled Goods* akan memerlukan penandaan *Safety Mark* dari mana-mana *Conformity Assessment Bodies* di negara asal atau eksport oleh pihak autoriti, selaras dengan prosedur dan keperluan yang ditetapkan oleh *ASEAN Harmonized Electrical and Electronic Equipment Regulatory Regime (AHEEER)*. Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah boleh dikenakan denda tidak melebihi BND10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan, atau kedua-duanya.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelima Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan Jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn). Ahli-Ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk mengikuti perkembangan isu-isu ini melalui laman sesawang tersebut.

4. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT DAYANG KHAIRUNNISA BINTI HAJI AWANG ASH'ARI

Status perancangan untuk membina stesen penjana kuasa menggunakan tenaga solar di Daerah Temburong.

Jawapan:

Untuk makluman, pemasangan sistem penjanaan tenaga melalui teknologi *Solar Photo Voltaic* bagi Daerah Temburong memerlukan penelitian yang lebih mendalam dan terperinci dari segi kesesuaiannya, di samping kesan kepada sistem bekalan tenaga elektrik secara keseluruhannya. Penilaian tersebut juga harus mengambil kira *reliability* dan *security* bekalan kuasa elektrik. Turut memerlukan penelitian yang titih ialah kos operasi bagi loji tersebut terutama sekali dari segi kos berkaitan dengan penyimpanan tenaga melalui kaedah bateri yang menyumbang kepada

levelized cost of electricity (LCOE) yang tinggi.

Kos keseluruhan bagi pembinaan, penghasilan, penyimpanan dan penjualan tenaga melalui tenaga yang diperbaharui khususnya dari sistem loji *Solar Photo Voltaic* berskala besar, didapati masih belum lagi dapat mencapai tahap yang boleh mengimbangi dan menyaingi tarif yang sedia ada. *إِنْ شَاءَ اللهُ* dengan arus perkembangan teknologi yang mana diharapkan akan dapat memandu kos ke tahap yang lebih berdaya saing di masa hadapan terutama sekali pada menghasilkan teknologi bateri yang lebih efisien, perkara ini sudah tentunya membuka ruang untuk ianya dikaji semula untuk apa jua pertimbangan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Proses pertimbangan juga mengambil kira pilihan lain yang wujud seperti penyediaan bekalan kekal melalui pembinaan sistem penghantaran voltan tinggi yang menghubungkan Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong dan pilihan ini difikirkan akan lebih menyumbangkan penjimatan negara secara keseluruhannya pada jangka masa yang panjang.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelima Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan jabatan di bawahnya akan diteliti semua.

Isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn).

5. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG ISWANDY BIN AHMAD

Mengenai usaha dalam menerapkan kerangka kerja "*Framework*" seperti *Local Business Development (LDB) Framework* dalam tender-tender Kerajaan.

Jawapan:

Dalam perkara ini, pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi sejak penghujung tahun 2018 melalui sebuah jawatankuasa kerja untuk pembentukan kerangka kerja *Local Business Development (LDB) Framework* bagi tender-tender Kerajaan dalam Lembaga Tawaran Negara (*Joint Technical Working Group for LDB Framework in LTN*).

Pembentukan *LDB Framework* ini adalah berasaskan kepada arahan *Local Business Directives II* yang kini telah dilaksanakan bagi sektor minyak dan gas bagi memaksimumkan kandungan perbelanjaan tempatan dan membukakan peluang-peluang untuk perusahaan-perusahaan tempatan dengan menetapkan kadar minimum pengambilan pekerja

tempatan serta pembelian barangan dan perkhidmatan tempatan untuk kontrak-kontrak kerajaan, mengikut skop dan jenis kontrak berkenaan.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang Kelima Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn).

6. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ALI BIN PENGIRAN MAON

Mengenai perkembangan Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) dan sama ada ianya digunakan dan apakah keperluannya.

Jawapan:

Pada pertengahan tahun 2018, bengkel-bengkel PPK telah kosong secara sementara disebabkan kursus-kursus yang dijalankan bagi fasa pertama Pulau Muara Besar (PMB) telah selesai, di mana para pelatih-pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan telah ditempatkan untuk bekerja di Pulau Muara Besar (PMB).

Walau bagaimanapun, PPK tetap digunakan untuk penyediaan program-program pendek yang berlandaskan kepada keperluan perindustrian semasa yang diiktiraf

oleh industri. Pengambilan sesi tahun 2019 telah bermula pada bulan Mac 2019 lalu, iaitu dengan seramai 119 orang pelatih yang sedang menjalani latihan. Pada masa ini, sebanyak lima (5) buah program sedang dijalankan iaitu program *Blaster Painter Operator, Heavy Vehicles Driver, Scaffold, Welder dan Filter Mechanics*. Selain itu, pihak PPK juga telah melancarkan program-program baru pada tahun 2018 seperti *Sewing Machine Operator* dan *Sales Assistant* serta akan memperkenalkan program-program baru seperti *Bus Captain* dan *Electrician* pada pertengahan tahun 2019 ini.

Program-program baru ini akan mengambil kira keperluan industri dan FDI pada masa ini dengan jumlah kemasukan sebanyak 660 orang setiap tahun. Pihak PPK juga terus memantau dan meneliti program-program yang dijalankan agar selaras dengan keperluan industri. Antara pembaikan yang dibuat terhadap program-program yang dilaksanakan ialah penempatan kerja selama tiga hingga ke enam bulan dalam industri-industri yang dikenal pasti. إِنْ شَاءَ اللَّهُ graduan-graduan PPK ini akan disalurkan ke sektor-sektor industri, termasuk minyak dan gas.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelima Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan

dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn).

7. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS

- i. Bilakah Pelan Induk Perindustrian dan Pelan Induk Sumber Tenaga Manusia yang realistik dan pragmatik akan dilancarkan dan dikuatkuasakan dengan peruntukan yang mencukupi untuk menangani masalah pengangguran dan kemelesetan ekonomi yang dihadapi sekarang?
- ii. Apakah strategi-strategi kementerian untuk menimbangkan posisi Negara Brunei Darussalam sebagai *major trading nation* mengambil kira perkembangan dan pertumbuhan drastik negara-negara jiran yang berdekatan seperti Kota Kinabalu dan Kuching?
- iii. Apakah hasil dan impak program-program Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) yang telah dijalankan sejauh ini?

Jawapan:

A. PELAN INDUK PERINDUSTRIAN DAN PELAN INDUK SUMBER TENAGA MANUSIA

Sepertimana yang telah disampaikan pada sesi jawatankuasa Majlis Mesyuarat Negara yang telah pun diadakan pada 21 Mac 2019, pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian kini sedang meneliti perangkaan Pelan Induk Perindustrian atau *Industry Roadmap* ke arah pembelbagaian ekonomi yang akan dikembangkan lagi dengan pihak-pihak berkepentingan, termasuk agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta, dengan mengadakan dialog bagi membuatkan pelan yang holistik yang mengambil kira usaha ini adalah agenda yang meluas bersandarkan kepada sokongan padu *whole of nation*.

Pelan tersebut pada masa ini adalah dalam proses kajian awal dan penderafan. Ianya akan mengambil kira keperluan industri dan tenaga manusia di samping memastikan kesinambungan di antara kedua-duanya mengikut keupayaan dan keperluan pada masa ini dan juga pada masa akan datang. Insya-Allah, di bawah perancangan Pelan Strategik Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, sasaran penyelesaian *Industry Roadmap* adalah pada penghujung Tahun 2019, tertakluk jua kepada persetujuan di antara kementerian-

kementerian, agensi-agensi berkenaan dan juga pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Mengenai dengan Pelan Induk Sumber Tenaga Manusia, pihak Kementerian telah membentuk Pelan Strategik Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian bagi lima tahun ke hadapan iaitu bagi Tahun Kewangan 2018/2019 hingga Tahun Kewangan 2023/2024. Pelan ini turut merangkumi perancangan bagi sumber tenaga manusia ke arah pengurangan kadar pengangguran dari 9.3 % pada 2017 kepada 6% pada tahun 2024 yang diselaraskan dengan perancangan sektor perindustrian dan sektor tenaga.

B. MAJOR TRADING NATION

Kedudukan sesebuah negara sebagai *major trading nation* di rantau ASEAN dan antarabangsa adalah tertakluk kepada beberapa perkara yang kini dipantau dan diterajui oleh beberapa kementerian dan agensi-agensi, termasuk penarikan syarikat-syarikat antarabangsa untuk bertapak di negara, perhubungan (*connectivity*) negara kepada pasaran sasaran, keupayaan perusahaan-perusahaan tempatan untuk menembusi pasaran luar negeri, dan penyertaan negara dalam rangkaian-rangkaian dan *partnership* antarabangsa yang membuka peluang-peluang perdagangan secara multilateral dan dua hala.

Dari segi *connectivity* dan daya penarikan syarikat-syarikat antarabangsa ke Negara Brunei Darussalam, pihak kementerian kini memantau dan mendukungnya melalui usaha-usaha peningkatan *ease of doing business*, yang bertujuan untuk menyediakan iklim perniagaan yang kondusif untuk syarikat-syarikat tempatan dan luar negeri untuk menjalankan operasi di Negara Brunei Darussalam, termasuk beberapa perkara yang berkaitan dengan mempermudah perdagangan seperti perdagangan merentasi sempadan (*trading across borders*). Petunjuk *Trading Across Borders* yang kini diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama rapat bersama Setiausaha-Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengangkutan dan Info-komunikasi, dipantau dari segi penambahbaikan, kecekapan dan kos berkaitan dengan import-eksport dan juga Pelabuhan Muara. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan proses serta daya saing negara dan import-eksport seperti pengenalan serta penambahbaikan sistem Brunei Darussalam *National Single Window (BDNSW)* termasuk *auto-approval* dan pembayaran secara *online* bagi memudahkan dan mempercepatkan perlepasan kargo dan kelulusan perdagangan seperti permit import dan eksport dan pengisytiharan (*declarations*); pengurangan Caj Pelabuhan sebanyak

36%, dan pengkorporatan Pelabuhan Muara oleh Muara Port Company Sdn Bhd yang telah menaik taraf kemudahan dan peralatan pelabuhan bagi meningkatkan kecekapan dan perkhidmatan Pelabuhan Muara.

Dari segi penyertaan negara dan perusahaan-perusahaan tempatan di pasaran luar negeri dan rangkaian-rangkaian perdagangan, pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian kini bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam usaha pengurangan *Technical Barriers to Trade* di antara Negara Brunei Darussalam dan negara-negara anggota di bawah kerjasama ekonomi ASEAN, *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)*, *BIMP-EAGA* dan rangkaian-rangkaian lain untuk mempermudah perdagangan barangan tanpa halangan dalam pasaran-pasaran tersebut, termasuk menjalankan perundingan dalam mencapai kesefahaman mengenai mekanisme penerimaan dan penerapan piawai dan penilaian pematuhan (*conformity assessment*) melalui Pusat *Standard Kebangsaan* dan harmonisasi (*harmonisation*) perundangan berkaitan dengan pemeliharaan harta intelek melalui Pejabat Harta Intelek Negara Brunei Darussalam. Pengurangan *technical barriers to trade* kini diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama beberapa kementerian, termasuk Kementerian Tenaga

(Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Di samping itu, dari segi peningkatan keupayaan perusahaan-perusahaan tempatan untuk menembusi pasaran-pasaran tersebut di atas, pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan pihak *Darussalam Enterprise (DARE)* memberi keutamaan kepada peningkatan mutu dan kapasiti pengeluaran produk-produk dan perkhidmatan serta penjalinan kolaborasi dengan syarikat-syarikat yang mempunyai jaringan luar negeri dan penggunaan *platform digital*. Di antara lain langkah-langkah yang telah dan sedang diungkapkan adalah seperti berikut:

- i. Menggalakkan para perusahaan tempatan untuk menerapkan pensijilan dan piawaian antarabangsa;
- ii. Latihan-latihan berkaitan dengan *branding* dan pembungkusan;
- iii. Program latihan dalam pengendalian perniagaan *e-commerce* di bawah *Industry Business Academy*;
- iv. Penyediaan tapak-tapak, prasarana dan kemudahan-kemudahan perindustrian bagi meningkatkan aktiviti pengeluaran (*manufacturing*);
- v. Bekerjasama dengan Bank Usahawan untuk menyediakan

skim pinjaman kewangan (*loan*) bagi meningkatkan daya pengusaha-pengusaha untuk pembelian *capital* dengan terma-terma yang lebih sejajar dengan keperluan perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana;

- vi. Memudah cara perjalinan hubungan di antara perusahaan tempatan dengan *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd* iaitu salah sebuah syarikat milik kerajaan dalam sektor pemakanan untuk bekerjasama dengan beberapa pengusaha tempatan bagi membangun dan menghasilkan produk-produk yang menggunakan bahan mentah tempatan; dan
- vii. Pihak kerajaan dan DARE juga sedang aktif memantau dan mengenal pasti produk-produk tempatan seperti yang dikeluarkan melalui program 1 kampung, 1 produk (1K1P) yang berpotensi untuk dikembangkan bagi pasaran eksport dan lain-lain.

C. PUSAT PEMBANGUNAN KAPASITI

Mengenai dengan hasil dan impak program-program PPK yang dijalankan setakat ini, sejak penubuhan PPK pada 2017, seramai 1,425 orang (87.5%) daripada 1,628 orang pelatih tempatan yang berdaftar di PPK telah berjaya menamatkan kursus di PPK dari 13 jenis bidang-bidang tertentu

seperti *Welder, Blaster Painter, Scaffolder, Market Fitter/Riverter, Mason Plasterer, Heavy Vehicle Driver, Fitter Mechanic* dan lain-lain. Setakat ini, 1,321 orang pelatih dari program-program pembinaan yang berjaya menamatkan kursus telah diambil oleh Syarikat Hengyi, syarikat-syarikat kontraktor dan syarikat subkontraktor kepada yang melaksanakan projek penapisan dan kompleks petrokimia di PMB.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelima Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn).

8. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHIMIN BIN HAJI JOHARI @ JAHARI

- i. Mengenai dengan cadangan bagi memperkasa *cottage industry* secara *whole of nation* dengan mencipta *centralised cottage industry* dengan membantu kemudahan tapak dan penyediaan bangunan keempat-empat daerah dengan kemudahan sewa untuk *rent to town* pemilikan bangunan dengan tempoh yang tertentu;

- ii. Mengenai pinjaman wang daripada *Darussalam Enterprise*; dan
- iii. Apakah tindakan dan usaha pihak kementerian bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh orang kitani yang lambat dibayar gaji dan kemudian terpaksa dicutikan tanpa gaji?

A. PERKEMBANGAN *COTTAGE* INDUSTRY

Mengenai dengan kemudahan bagi *cottage industry*, bagi usahawan *start-ups* dan perusahaan mikro dan kecil, pihak *Darussalam Enterprise (DARe)* kini menawarkan ruang kerja dan inkubasi yang bertempat di *iCentre* di mana mereka akan mendapat akses kepada program pembangunan kapasiti dan ekosistem *startup*. Manakala, bagi usahawan atau PMKS yang berkecimpung dalam sektor pembuatan (*manufacturing*), kilang siap sedia ada ditawarkan di keempat-empat daerah dengan kadar harga yang berpatutuan (*reasonable*) dan *affordable*. Dan seterusnya bagi syarikat yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh (*robust*) akan ditawarkan tapak perindustrian yang masih kosong bagi membolehkan syarikat berkenaan membina sendiri bangunan mereka di tapak tersebut mengikut keperluan syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, penetapan ini adalah tertakluk kepada penilaian dan keputusan Jawatankuasa Pembangunan & Perancangan Tapak Perindustrian.

Pihak Kementerian Pembangunan juga adalah merupakan ahli di dalam Jawatankuasa Pembangunan & Perancangan Tapak Perindustrian (*Industrial Site Development and Allocation Committee*) yang diterajui oleh pihak DARe, untuk menilai dan membuat keputusan mengenai permohonan tapak yang dihadapkan oleh PMKS di dalam tapak perindustrian di bawah kawalan pihak DARe.

B. PINJAMAN KEWANGAN BAGI PERUSAHAAN-PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)

Mengenai dengan pinjaman kewangan kepada para PMKS, dalam perancangan pihak DARe adalah skim pembiayaan Geran *Co-Matching* yang mana skim ini menawarkan bantuan kewangan sehingga BND20,000.00 dalam bentuk pembiayaan padanan kepada PMKS tempatan. Pihak DARe dan pemohon yang berjaya akan sama-sama membiayai kos projek iaitu 70% daripada jumlah kos projek akan dibiayai oleh DARe, manakala 30% akan dibiayai oleh pemohon itu sendiri.

Dengan menggunakan pembiayaan dari skim geran ini, perusahaan-perusahaan diharap dapat mempercepatkan perkembangan perusahaan mereka di dalam negeri dan membantu mereka untuk mengeksport ke pasaran luar.

Di samping itu, jika ada PMKS yang ingin membuat pinjaman untuk mengembangkan perniagaan mereka, pihak DARE akan juga merujuk mereka kepada Bank Usahawan. Bank Usahawan menawarkan produk pembiayaan yang patuh syariah, iaitu Pembiayaan Aset (Murabaha) dan Pembiayaan Modal Kerja (Tawarruq), dengan jumlah maksimum BND750,000.00 kepada PMKS di Negara Brunei Darussalam.

c. PEMBAYARAN GAJI

Menyentuh kepada masalah pembayaran gaji lambat oleh salah sebuah Syarikat FDI, pihak kementerian mengambil perhatian terhadap isu ini dan akan terus memantau dan bekerjasama dengan Jabatan Buruh, Kementerian Ha Ehwal Dalam Negeri untuk menangani masalah tersebut.

Mengenai dengan pekerja yang dicitukan tanpa gaji, majikan syarikat pelabur langsung asing (FDI) yang dimaksudkan adalah syarikat pengendali loji penapis minyak dan petrokimia di Pulau Muara Besar (PMB), berkemungkinan timbulnya kesalahfahaman di kalangan segelintir pekerja tempatan yang bertugas di PMB di bawah kontraktor-kontraktor serta sub-kontraktor kepada syarikat pelabur langsung asing tersebut. Dengan bermulanya aktiviti pembinaan pada pertengahan tahun 2018, kerja-kerja pembinaan telah mula menurun di tapak

pembinaan Syarikat FDI ini atas sebab kerja-kerja pembinaan hampir selesai. Perkara ini juga bertepatan dengan masa bila lepasan kohort kedua Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) seramai 728 orang graduan menyertai kontraktor-kontraktor pembinaan Syarikat FDI ini di PMB. Dengan itu, untuk meneruskan pekerjaan, bekas pelatih PPK telah diberikan tugas am seperti pengemasan, *warehousing* dan tugas-tugas ringan yang berbeza dari bidang latihan mereka di PPK.

Di samping itu, pada bulan Julai 2018, telah terjadinya satu kemalangan yang mengakibatkan kematian kepada seorang pekerja asing PMB. Hasil dari penyiasatan yang telah dijalankan oleh pihak *Safety, Health and Environment, National Authority* (SHENA), pihak SHENA telah mencadangkan untuk meminimumkan risiko keselamatan kepada pekerja-pekerja lepasan PPK yang masih kurang pengalaman kerja dengan mengurangkan skop kerja dan pendedahan mereka di tapak projek tersebut untuk menjaga kesejahteraan pekerja tempatan. Keputusan ini diambil pada masa itu dengan menimbangkan pemeliharaan *health, safety and environment* (HSE) pekerja tersebut, mencadangkan pemasangan peralatan berat kemudiannya bermula secara insentif, yang meningkatkan risiko keselamatan di tapak kerja.

Oleh itu, dengan mengambil kira intensiti kerja-kerja pembinaan dan

pemasangan di PMB yang berisiko tinggi dari segi keselamatan serta kekurangan pengalaman pekerja lepasan PPK yang baru bermula berkecimpung dalam alam pembinaan, kontraktor-kontraktor syarikat FDI dan pihak syarikat FDI ini telah memberikan jadual kerja sehari seminggu kepada pekerja lepasan PPK.

Keadaan pekerja lepasan PPK ini telah kerap kali dibincangkan di antara Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan pihak Syarikat FDI. Pada masa ini dengan kekurangan aktiviti-aktiviti pemasangan peralatan berat dan kekurangan potensi risiko keselamatan, pihak Syarikat FDI ini telah diarahkan oleh pihak kementerian untuk mengaturkan kembali jadual pekerja-pekerja lepasan PPK kepada lima (5) hari seminggu sejak 25 Mac 2019.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelima Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan Jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sasawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn).

9. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI MOHAMED BIN PENGIRAN HAJI OSMAN @ OTHMAN

Mengenai perkembangan loji penapis minyak dan petrokimia di Taman Perindustrian Pulau Muara Besar dan Perkhidmatan *Darussalam Enterprise (DARe)* dan *Syarikat Western Food Packaging Sdn. Bhd.* iaitu:

- i. Adakah Kementerian telah membuat kajian yang terperinci mengenai alam sekitar serta keselamatan rakyat dan penduduk-penduduk di persekitaran Pulau Muara Besar. Terutama sekali kemasukan pendatang dari luar, penyeludupan barang-barang tegahan dan sekatan?
- ii. Cadangan untuk mengadakan taklimat jerayawara kepada penduduk-penduduk kampung persekitaran bagi mereka dapat memahami akan keadaan serta keselamatan Pulau Muara Besar tersebut;
- iii. Viral atau tular satu isu baharu. Pada kebelakangan ini, berkenaan berita-berita yang tidak sah yang ditularkan berkenaan dengan kejadian yang telah berlaku di Pulau Muara Besar. Apakah usaha sejauh ini bagi keselamatan negara iaitu pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian telah mengambil

tindakan sesegeranya supaya perkara yang negatif akan dapat diatasi secepatnya?

- iv. Adakah sebarang aktiviti atau projek fasa yang ke-2 ini sudah dijalankan pada tahun 2018 dan 2019? Mungkin dengan peruntukan yang diberikan sebanyak \$1,748,440.00 ini disebabkan keadaan kewangan kerajaan ketika ini tidak begitu mengizinkan mohon pencerahannya?
- v. Kenapakah penuntut-penuntut Pusat Pembangunan Kapasiti diberhentikan daripada perkhidmatannya?
- vi. Adakah difahamkan bahawa pihak DARE ada menyediakan kursus-kursus dengan kaunter-kaunter yang memberikan pertolongan dalam penubuhan dan proses-proses bisnes. Didapati DARE, belum dapat membantu dalam memberikan pemantauan mengikut jenis khusus mengenai bisnes. Seperti contoh, penubuhan sebuah kafe atau restoran. Seperti contoh di mana mendapatkan logistik, pekerja dan peralatan. Kemudian proses pengurusan operasi seperti SOP bisnes dan sebagainya. Dipohonkan agar pihak DARE dapat memberi bantuan mengenai perkara ini bagi memberikan tujuk ajar yang berunsur bisnes *template* bagi warga Negara Brunei Darussalam

yang berminat dan berkeinginan untuk mendaulatkan bagi konsep ketiadaan bergantungnya rakyat pada bekerja di sektor kerajaan dan demi menjana ekonomi negara yang dinamik selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

- vii. Bangunan *Western Food & Packaging* mengeluarkan produk mentega. Apakah perancangan dan pandangan dalam penyelarasan bangunan tersebut. Sekeliling kawasan perindustrian Serasa, terdapat bangunan dan perusahaan termasuklah simen, batu, pasir dan sebagainya.

Apakah sejauh ini kementerian membuat perancangan untuk membuat pelan penyelarasan yang terbaik dan tersusun lagi teratur dalam menempatkan kesesuaian perindustrian kitani. Berapakah ramai pekerja tempatan yang sudah bekerja di tempat *Western Food & Packaging* ini?

Ingin memberikan penjelasan yang lebih lanjut bagi menambah kepada keterangan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai aktiviti-aktiviti yang meningkatkan kefahaman rakyat secara asas dan *advanced* dalam aktiviti

perekonomian negara seperti membuat bisnis sendiri pada sesi peringkat jawatankuasa pada 13 Mac 2019.

i. PULAU MUARA BESAR

Mengenai dengan hal ehwal alam sekitar di persekitaran Pulau Muara Besar, isu alam sekitar diambil serius dari segi pematuhan, pengawalan dan pemantauan. Ini termasuklah dari segi pengeluaran asap dan gas-gas pencemaran. Loji penapis minyak dan petrokimia telah direka bentuk mengikut *standard industry* antarabangsa bagi memastikan dan mengawal had pelepasan gas-gas adalah di bawah paras had yang telah ditetapkan oleh organisasi *World Bank Group, Pollution Control Guidelines for Industrial Development 2002, World Health Organisation Ambient Air Quality Guidelines dan Environment Protection Management Order 2016*. Manakala bagi air pula, pemantauan dilaksanakan mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh *ASEAN Marine Water Quality Criteria 2008*.

Pada masa ini terdapat satu (1) *ambient air quality monitoring station* terletak di kawasan barat Pulau Muara Besar yang berfungsi untuk menghasilkan bacaan *Particulate Matter 10* dan *Particulate Matter 50* serta bacaan gas *Nitrogen Oxide*. Di kawasan Jana kuasa Arang Batu pula terdapat dua *Continuous Emissions Monitoring Measurement* yang akan menyalurkan

bacaan *Particulate Matter* secara terus-menerus kepada pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan (JASTRe). Di samping itu, terdapat dua puluh atu (21) *ground water sampling grounds*, Sampel air akan disampel dan dianalisa setiap suku tahun oleh pihak konsultan Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd (Hengyi) bagi pemantauan pihak JASTRe.

B. MENGENAI DENGAN TAKLIMAT JERAYAWARA

Pihak Syarikat Hengyi bersama rakan kongsi pelaburan syarikat iaitu Damai Holding Ltd, sebuah anak syarikat di bawah *Ministry of Finance Corporation* dengan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian telah mengadakan sesi pemberitaan *Community Outreach* pada 27 Mac 2019 yang lalu. Tujuan Sesi Pemberitaan ini adalah untuk memaklumkan kepada Penghulu, Ketua Kampung, Ketua Majlis Perundingan Kampung, jabatan-jabatan kerajaan dan peniaga-peniaga di kawasan Mukim Serasa, Muara, Berakas dan Mentiri mengenai latar belakang projek berkenaan serta status terkini projek.

Pihak Hengyi jua akan menggunakan laman sesawang dan instagram bagi memaklumkan orang ramai terutama *stakeholder* dan komuniti yang berdekatan bagi memberi makluman serta kefahaman kepada orang ramai mengenai aktiviti-aktiviti yang sedang

dijalankan diprojek penapis minyak dan petrokimia itu. Di samping itu, pihak Hengyi dan Damai Holding Ltd, sedang menyediakan pelan komunikasi (*communications plan*) bagi menangani sebarang hal ehwal berita tular. Namun begitu, dalam hal ehwal yang membabitkan keselamatan, ianya juga dipantau oleh agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di bawah Jawatankuasa Kerja Keselamatan di bawah Jawatankuasa Pandu Pembangunan Pulau Muara Besar.

Untuk makluman orang ramai Talian Darussalam 123 merupakan satu *platform* bagi memudahkan orang ramai membuat sebarang aduan termasuklah aduan mengenai penulatan isu di media sosial. Jika orang awam mempunyai maklumat mengenai berita tular atau berita yang tidak ditentukan kesahihannya yang melibatkan kepentingan awam mahupun negara, maklumat tersebut bolehlah disalurkan melalui Talian Darussalam 123 di *WhatsApp* Talian Darussalam +673 8333123. Kaedah tersebut diperkenalkan dengan kerjasama Talian Darussalam 123 dan Majlis Penasihat *content Advisory Council (CAC)*.

Agensi-agensi yang terlibat termasuklah Kementerian Pegangkutan dan Infokomunikasi, Jabatan Pembangunan Masyarakat di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Keselamatan Dalam

Negeri, Pejabat Peguam Negara, *Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT)* dan pihak berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI). Orang ramai sebagai pengguna disarankan untuk berwaspada dan meneliti sumber maklumat di media sosial bagi memastikan kesahihannya sebelum disebarkan untuk berkongsi demi kesejahteraan semua.

Penyebaran maklumat palsu dan tidak sahih kepada orang awam merupakan satu kesalahan yang boleh didakwa undang-undang Negara Brunei Darussalam mengikut Seksyen 34 Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 (*Public Order Act. Chapter 148*) yang boleh membawa hukuman penjara sehingga tempoh tiga (3) tahun atau denda B\$3,000 jika sabit kesalahan.

Mengenai dengan Tajuk 1104-003 - Kemajuan Perusahaan dan Perindustrian dalam Gelaran - Pembangunan Pulau Muara Besar Fasa Ke-2 di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, dijelaskan bahawa skop peruntukan ini sebenarnya adalah bagi pembinaan Jambatan Pulau Muara Besar yang merangkumi perkara-perkara berikut iaitu penyediaan jalan raya serta kemudahan-kemudahan bagi Jambatan Pulau Muara Besar, perkhidmatan konsultasi untuk memastikan *Health, Safety and Environment (HSE)* pembinaan jambatan agar menurut taraf

antarabangsa dan juga perkhidmatan undang-undang untuk projek tersebut. Jambatan ini telah pun siap dibina pada 18 Mei 2018 dan masa ini masih lagi dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Rectification Period*) selama dua (2) tahun. Kos perbelanjaan yang diperuntukkan adalah bagi menanggung sebarang perbelanjaan dalam tempoh *Defect Rectification Period* ini.

C. PEKERJA LEPASAN PUSAT PEMBANGUNAN KAPASITI

Mengenai dengan pekerja lepasan Pusat Pembangunan Kapasiti yang "diberhentikan" perkara ini berkemungkinan berpunca daripada kesalahan fahaman di segelintir pekerja-pekerja tersebut yang bertugas di Pulau Muara Besar (PMB). Pada masa ini pekerja-pekerja tersebut kini berkhidmat di bawah kontraktor-kontraktor serta sub-kontraktor kepada syarikat pelabur langsung asing tersebut. Dengan bermulanya aktiviti pembinaan pada pertengahan tahun 2018. Kerja-kerja pembinaan telah mula menurun di tapak pembinaan Syarikat FDI ini atas sebab kerja-kerja pembinaan hampir selesai. Perkara ini juga bertepatan dengan masa bilamana lepasan kohort kedua Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) seramai 728 orang graduan menyertai kontraktor-kontraktor pembinaan Syarikat FDI ini di PMB. Dengan itu, untuk meneruskan pekerjaan, bekas pelatih PPK telah diberikan tugas sama

seperti pengemasan, *warehousing* dan tugas-tugas ringan yang berbeza dari bidang latihan mereka di PPK.

Di samping itu, pada bulan Julai 2018, telah terjadinya satu kemalangan yang mengakibatkan kematian kepada seorang pekerja asing PMB. Hasil dari penyiasatan yang telah dijalankan oleh pihak *Safety, Health and Environment, National Authority* (SHENA), pihak SHENA telah mencadangkan untuk meminimumkan risiko keselamatan kepada pekerja-pekerja lepasan PPK yang masih kurang berpengalaman kerja dengan mengurangkan skop kerja dan pendedahan mereka di tapak projek tersebut untuk menjaga kesejahteraan pekerja tempatan. Keputusan ini diambil pada masa itu dengan menimbangkan pemeliharaan *health, safety and environment* (HSE) pekerja tersebut, memandangkan pemasangan peralatan berat kemudiannya bermula secara insentif, yang meningkatkan risiko keselamatan di tapak kerja.

Oleh itu, dengan mengambil kira intensiti kerja-kerja pembinaan dan pemasangan di PMB yang berisiko tinggi dari segi keselamatan serta kekurangan pengalaman pekerja lepasan PPK yang baru mula berkecimpung dalam alam pembinaan, kontraktor-kontraktor Syarikat FDI ini dan pihak Syarikat FDI ini telah memberikan jadual kerja sehari seminggu kepada pekerja lepasan PPK.

Keadaan pekerja lepasan PPK ini telah kerap kali dibincangkan di antara Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan pihak Syarikat FDI. Pada masa ini dengan kekurangan aktiviti-aktiviti pemasangan peralatan berat dan kekurangan potensi risiko keselamatan, pihak Syarikat FDI ini telah diarahkan oleh pihak kementerian untuk mengaturkan kembali jadual pekerja lepasan PPK kepada lima (5) hari seminggu sejak 25 Mac 2019.

D. PERKHIDMATAN DARUSSALAM ENTERPRISE (DARe) DAN MAKLUMAT MENGENAI PERJALANAN PERNIAGAAN.

Cadangan bagi penyediaan manual *Business Template* mengikut bidang dan prosis disambut baik dan akan diteliti kesesuaiannya dengan lebih lanjut.

Walau bagaimanapun, industri *Business Academy* di bawah DARe pada masa ini sedang bergiat aktif dalam membantu perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk memajukan perusahaan mereka melalui kursus-kursus yang ditawarkan. Sejak dua tahun kebelakangan ini, DARe telah mengadakan beberapa kursus-kursus khusus untuk industri-industri tertentu. Antara kursus khusus industri yang telah diadakan adalah seperti industri Halal, Industri IT, industri Kreatif industri

perkhidmatan. Pihak IBA akan terus memperkembangkan kursus-kursus seperti ini kepada industri-industri lain seperti industri pelancongan dan hospitaliti dan sebagainya.

Walaupun belum terdapat *Business Template* khas bagi pengusaha-pengusaha yang berminat untuk berkecimpung dalam sebuah bidang yang khusus. DARe juga ada menyediakan beberapa *Business Template* di dalam laman sesawang seperti Pelan Perniagaan dan Ramalan Kewangan, yang boleh digunakan secara percuma di <http://dare.gov.bn/en/Guidebooks.html> yang juga boleh digunakan oleh para pengusaha dari pelbagai bidang. *Business Template* juga ada diberikan kepada PMKS di dalam kursus-kursus IBA yang diadakan.

Selain daripada itu, pelbagai *Business Template* dan panduan perniagaan yang lain juga boleh didapati di laman sesawang *BusinessBN* di <http://www.business.gov.bn/>.

E. SYARIKAT WESTERN FOOD & PACKAGING SND. BHD.

Syarikat *Western Food & Packaging Sdn. Bhd (WFP)* merupakan syarikat pengeluar marjerin pertama di negara ini, yang mana hasil pengeluaran produk berkenaan adalah dihasratkan untuk memenuhi permintaan pasaran global yang semakin meningkat untuk makanan halal yang berkualiti.

Di antara lain sebab syarikat tersebut ditempatkan di Tapak Perindustrian Serasa adalah kerana tapak berkenaan adalah satu-satunya tapak yang bersesuaian dan mempunyai kemudahan akses untuk aktiviti pengimportan dan pengeksporan yang diperlukan oleh syarikat berkenaan, memandangkan bahan mentah syarikat tersebut (minyak sawit) perlu diimport dari luar negara (melalui darat dan laut dengan meningkatnya permintaan hasil pengeluaran), manakala hasilnya akan diekspor ke luar negeri.

Mengenai dengan isu kebersihan (*hygiene*) dan kesihatan yang dibangkitkan, ianya tidak menjadi masalah memandangkan aktiviti pemrosesan/penghasilan produk tersebut dijalankan di dalam sistem atau kawasan yang tertutup (*enclosed*).

Syarikat berkenaan juga giat melaksanakan langkah-langkah/pelan pemantauan dan pengurusan alam sekitar dan kesihatan yang bersesuaian dan selaras dengan piawai tempatan dan antarabangsa, termasuk ISO9001, ISO22000 HACCP dan lain-lain bagi memastikan aktiviti syarikat berkenaan mematuhi kesemua kriteria dan keperluan yang dikehendaki sebagai pasaran makanan antarabangsa.

Menyentuh mengenai keramaian pekerja tempatan yang sedang bekerja di syarikat tersebut, pada masa ini terdapat seramai 64 orang pekerja iaitu 59 orang daripadanya

adalah dari anak-anak tempatan (92%).

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelima Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula. Isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn).

10. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HANAPI BIN MOHD SIPUT

- i. Adakah pihak Darussalam Enterprise (DARE) juga membantu pengusaha Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, yang sudah boleh di ketengahkan sebagai pengusaha kecil dan sederhana, terutama sekali dalam bentuk mesin, kursus dan kewangan jika Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berhajat untuk berbuat demikian?;
- ii. Adakah Jabatan Perkhidmatan Elektrik mempunyai rancangan dan inisiatif untuk menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) untuk menyalurkan maklumat kerja-kerja pemotongan bekalan elektrik yang berjadual kepada orang ramai selain menggunakan media masa untuk memperkesakan lagi keprihatinan orang ramai terutama

bagi mengambil langkah-langkah persediaan awal.

A. BANTUAN KEPADA PENGUSAHA-PENGUSAHA MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPUNG

Mengenai dengan akses kepada program serta skim bantuan yang dikendalikan oleh pihak *Darussalam Enterprise* (DARe), ianya dibukakan kepada semua perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk pengusaha-pengusaha Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berminat dialu-alukan untuk menyertai program-program tersebut dan menyampaikan permohonan bagi sebarang skim.

Pihak DARe juga terdapat perancangan bagi penawaran skim pembiayaan yang dapat digunakan untuk membiayai kos perniagaan seperti pembelian mesin dan sebagainya. Skim ini adalah dalam proses persiapan dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Selain itu, jika ada PMKS yang ingin membuat pinjaman untuk mengembangkan perniagaan mereka, pihak DARe akan juga merujuk mereka kepada Bank Usahawan. Bank Usahawan menawarkan produk pembiayaan yang patuh syariah, iaitu: Pembiayaan Aset (Murabaha) dan Pembiayaan Modal Kerja (Tawarruq) sehingga BND750,000.00 kepada PMKS di Negara Brunei Darussalam.

Bagi sebarang pertanyaan untuk mendapatkan butiran selanjutnya mengenai apa jua program dan skim bantuan DARe, para pengusaha dapatlah menghubungi pihak DARe. Di samping itu, pihak DARe juga telah menubuhkan Pusat Bantuan Perniagaan (*Business Support Centre*) di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Temburong, jika para pengusaha Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung memerlukan sebarang pertolongan dari segi hal ehwal perniagaan dan ingin juga mengadakan perjumpaan dengan wakil DARe mengenai program-program dan skim yang ditawarkan.

B. PERKHIDMATAN NOTIS DARIPADA JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Mengenai dengan notis atau pemberitahuan mengenai kerja-kerja Jabatan Perkhidmatan elektrik, Jabatan Perkhidmatan Elektrik tidak terdapat perancangan untuk menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) pada masa ini. Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah mempertimbangkan beberapa kaedah untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai dan juga untuk menerima maklum balas daripada orang ramai, termasuk perkhidmatan SMS.

Dalam pada itu, Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah mengenal pasti perkhidmatan pemberitahuan melalui aplikasi *WhatsApp* adalah

lebih efektif, yang kini digunakan untuk menyalurkan maklumat pemotongan bekalan elektrik berjadual, maklumat mengenai gangguan bekalan elektrik di luar jangkaan dan juga maklumat-maklumat lain yang mustahak seperti isu keselamatan untuk dikongsikan kepada orang ramai melalui *group chat* Ketua Kampung di seluruh negara dan juga menerima sebarang aduan dan maklum balas daripada para Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan penduduk kampung. Kaedah ini sudahpun digunakan sejak tahun 2014 dan telah terbukti keberkesannya, memandangkan kaedah ini juga berkeupayaan untuk mengongsikan gambar atau foto yang berkaitan yang tidak terdapat di bawah perkhidmatan SMS.

Selain daripada itu, makluman mengenai pemotongan bekalan elektrik berjadual juga dipaparkan melalui laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan kolaborasi dengan Talian Darusslaam 123, selain daripada media sosial, ianya juga disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei dan saluran-saluran radio.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan terus memantau keberkesanan perkhidmatan pemberituannya dan **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan mempertingkatkan-nya lagi mengikut keperluan orang ramai dari masa ke semasa.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelima

Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan Jabatan di bawahnya akan diteliti semula. Isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn).

11. SOALAN DARIPADA YANG BERTITIK ATAS AWANG HAJI ABDUL WAHAB BIN APONG

- i. Mengenai dengan peluang pekerjaan terutama lepasan sekolah yang gagal dalam Tingkatan 5 dan yang sebanding dengannya iaitu harapan bagi Daerah Tutong untuk diberi peluang dan ruang untuk dimajukan khususnya bagi menempatkan industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi seiring dengan perkembangan dan kemajuan negara;
- ii. Mengenai bilangan pencari kerja yang semakin bertambah termasuk dari Daerah Tutong dan pandangan bahawa pertumbuhan industri hanya tertumpu di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait dan agar mereka-mereka ini tidak ketinggalan untuk merebut peluang kerja yang ditawarkan. Walaupun gaji yang ditawarkan hanya \$460.00 ke \$600.00 sebulan sahaja. Sehubungan itu, banyak suara-

suara mereka supaya peluang pekerjaan sedemikian diwujudkan di Daerah Tutong juga agar gaji yang sama dapat menampung sara hidup mereka berbanding pada masa ini dibebani kos makan dan pangangkutan, apa lagi ada antara mereka sudah berkeluarga; dan

- iii. Mengenai cadangan untuk mempercepatkan anak tempatan menguasai satu kemahiran ilmu kepakaran dalam satu bidang produk, pembuatan produk seperti makanan, kosmetik dan seumpamanya ialah dengan mengadakan usaha kerjasama daripada syarikat-syarikat pengusaha luar negeri yang sudah berjaya menghasilkan sesuatu produk dan di pasaran di seluruh negara ASEAN ataupun dunia.

Oleh yang demikian, agensi-agensi yang tertentu iaitu Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, perlu menawarkan kepada syarikat pengusaha luar negara supaya dapat bekerjasama dan membuat pelaburan dengan usahawan tempatan misalannya jika satu produk itu mengandungi bahan yang tidak halal, kita hanya perlu menukar bahan-bahannya menjadi halal dengan menggunakan bahan halal.

Seperti contoh Restoran McDonald's yang berasal dari negeri bukan Islam menggunakan bahan yang tidak halal dan membuat pelaburan serta membuat cawangan di negara-negara Islam termasuk negara kita dengan menukar bahan yang tidak halal kepada bahan yang halal. Hasil daripada usaha ini, setentunya dapat menjana pekerjaan dan keusahawanan rakyat tempatan dengan kerjasama syarikat pengusaha dan usahawan dari luar negara.

A. PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN DAN PENCARI KERJA DI DAERAH TUTONG

Mengenai dengan perancangan dan kemudahan bagi perkembangan perindustrian di Daerah Tutong, pihak DARE ada menyediakan kilang siap sedia bagi perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Kampung Serambangun, Daerah Tutong, dan tapak-tapak perindustrian bertempat di kawasan Telisai dan Bukit Panggal.

Adalah diharapkan dengan penempatan kawasan perindustrian di kawasan tersebut dapat menarik minat syarikat yang berkepentingan dan yang berkelayakan untuk menjalankan operasi mereka di tapak-tapak yang telah disediakan bagi sama-sama membantu perkembangan ekonomi Daerah Tutong dan membuka peluang-

peluang pekerjaan kepada pencari-pencari kerja di daerah berkenaan.

Pada masa ini terdapat sebuah syarikat pelabur asing yang bertapak di Serabangun iaitu *Syarikat Goldern Corporation* yang mengeluarkan *blue shrimp* dan makanan laut yang diproses. Syarikat ini dijangka akan meluaskan lagi operasinya di masa akan datang. Pada masa ini syarikat ini telah mengambil seramai 304 orang pekerja dan 82 orang adalah pekerja tempatan. Walau bagaimanapun, jumlah pekerja tempatan bagi syarikat ini dijangka akan meningkat sejajar dengan perkembangan operasi syarikat berkenaan di masa akan datang.

Pada masa yang sama, para pencari kerja dialu-alukan untuk menggunakan perkhidmatan *JobCentre Brunei*, sama ada melalui laman sesawang www.jobcentrebrunei.gov.bn ataupun melalui beberapa inisiatif yang dikendalikan oleh pihak *JobCentre Brunei* di semua daerah, termasuk Daerah Tutong, seperti berikut:

i. Inisiatif *District Connect*

Inisiatif *District Connect* adalah inisiatif pemberigian perkhidmatan *JobCentre* Brunei ke empat-empat daerah yang telah diadakan sejak 16 Januari 2018 agar menggalakkan pencari kerja untuk menggunakan sistem dan perkhidmatan *JobCentre* Brunei untuk meneroka peluang-

peluang pekerjaan di semua daerah. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 18 *District Connect* telah diadakan. Bagi tahun 2019, sebanyak 2 *District Connect* telah diadakan dan dikunjungi oleh seramai 1,360 orang. Sesi pemberigian ini dirancang untuk diadakan sebulan sekali di setiap daerah.

ii. Hari Kerjaya (*Career Day*)

Objektif Hari Kerjaya atau *Career Day* adalah untuk memberi maklumat mengenai peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan dan majikan-majikan sektor swasta untuk mengambil pekerja tempatan. *Career Day 2019* yang diadakan di keempat-empat daerah pada bulan Januari dan Februari 2019 telah mempamerkan maklumat Syarikat-Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd., *Brunei Fertilizer Industries* Sdn. Bhd, *Amec Foster Wheeler* dan *ISS Facilities*. Pihak *JobCentre* Brunei juga mempromosikan perkhidmatan-perkhidmatan bagi penyediaan para pencari kerja seperti tips membuat CV dan *tips* temuduga.

iii. Industries *District Connect* dan "Mukim *Connect*"

Pihak *JobCentre* Brunei ini menjalankan inisiatif *District Connect* bagi memberigian perkhidmatan dan sistem pencari

kerja *JobCentre* Brunei kepada para pencari kerja di semua daerah. Di samping itu, inisiatif ini turut diiringi dengan pengendalian bengkel-bengkel penyediaan para pencari kerja seperti tips membuat CV dan tips temuduga, dan sesi temuduga dengan beberapa syarikat yang menawarkan jawatan kosong di semua daerah, bukan terhad sahaja kepada Daerah Tutong.

B. PEMADANAN PENGUSAHA-PENGUSAHA TEMPATAN DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT PENGUSAHA LUAR NEGERI UNTUK MENEMBUSI PASARAN EKSPORT

Cadangan-cadangan bagi meningkatkan usaha kerjasama antara pengusaha-pengusaha tempatan dan pengusaha-pengusaha luar negeri disambut baik.

Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian melalui DARE bagi membantu pengusaha tempatan dalam menembusi pasaran luar negeri adalah melalui *business matching* dan *networking* serta pendedahan yang relevan dengan latihan-latihan yang disediakan dan semasa menghadiri seminar dan ekspo yang berkaitan. Di antara lain tujuan usaha-usaha ini adalah untuk mengenal pasti rakan kongsi perniagaan bagi perusahaan-perusahaan tempatan.

Perkara ini juga dapat dilihat melalui sebuah syarikat milik kerajaan, *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* yang telah bekerjasama dengan beberapa pengusaha tempatan bagi membangun dan menghasilkan produk-produk di bawah jenama *Brunei Halal Foods*". Pada menuju ke arah ini, Syarikat Ghanim telah menjalinkan perjanjian dan perhubungan dengan syarikat-syarikat dari negara-negara Republik Rakyat China dan Republik Korea bagi menembusi pasaran-pasaran di negara-negara tersebut dan juga di pasaran-pasaran Republik Rakyat China, Jepun, Republik Singapura dan Malaysia.

Pihak kementerian akan terus bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkepentingan untuk menggalakkan perjalinan hubungan perniagaan di antara pengusaha-pengusaha tempatan dan syarikat-syarikat luar negeri.

Di samping itu, pihak kementerian turut menggalakkan ahli-ahli komuniti perniagaan termasuk dewan-dewan perniagaan tempatan untuk meneroka peluang-peluang kerjasama dengan komuniti dan *platform* perniagaan luar negeri.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelima Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula. Isu-

isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn)

12. SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI RAMLI BIN HAJI LAHIT

Latihan pemanduan memandu pelbagai jentera-jentera berat secara percuma dan seterusnya diberikan lesen memandu agar pelatih-pelatih ini mudah mendapatkan peluang pekerjaan di syarikat-syarikat dalam bidang pemanduan berkenaan.

Jawapan:

Sepertimana yang telah dijelaskan pada masa ini terdapat kursus jentera berat atau (*heavy vehicle driver*) yang sudah dikendalikan di bawah Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK). Kursus ini telah dikendalikan sejak 25 September 2017. Program ini diiktiraf secara antarabangsa untuk meningkatkan penerimaan (*acceptance*) pekerja di sektor perindustrian dan dijalankan selama 2 bulan.

Setakat ini seramai 76 orang pelatih telah berjaya menamatkan program tersebut dan telah diambil bekerja di beberapa syarikat. Di samping Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd, pekerja lepasan kursus *heavy vehicle driver* PPK juga telah diambil oleh beberapa syarikat pengangkutan,

termasuk Syarikat Megalift dan Jasra.

Kursus ini diteruskan dengan pengambilan pelatih kursus seterusnya pada Mac 2019 dengan kohort seramai 11 orang.

Di samping itu, dalam perancangan adalah juga kursus *bus captain* untuk memenuhi keperluan swasta serta kerajaan.

Pihak Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian akan terus memantau dan bekerjasama dengan sektor swasta untuk mengenal pasti kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh sektor industri dan seterusnya bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Pusat Pembangunan Kapasiti dan juga institut-institut pendidikan untuk menawarkan kursus-kursus baginya kepada anak-anak tempatan agar membukakan peluang untuk memenuhi jawatan-jawatan berkenaan dengan anak-anak tempatan.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang Kelima Belas bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula di mana isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian (www.memi.gov.bn)